FIQH SYAFII

JILID 2

USTAZ H. IDRIS AHMAD S. H.

FIQH SYAFII

JILID 1

Sebuah kitab yang lengkap mengandungi empat bahagian terpenting dalam fikah Islam, iaitu rubu' IBADAT, rubu' MUAMALAT, rubu' MUNAKAHAT dan rubu' JINAYAT. Kitab yang disusun khusus untuk memberikan huraian yang jelas kepada setiap umat Islam terhadap fikah Islam. Suatu panduan yang tentunya amat berguna demi untuk mengatur cara hidup seharian sesuai dengan kehendak syariat Islam.

Sebuah kitab yang dihurai dan dibahaskan menurut pandangan mazhab Syafii, yang meletakkan hadith-hadith sahih sebagai teras untuk memantapkan keyakinan terhadap sesuatu amal yang dilakukan. Imam Syafii pernah berkata: "Jika hadith itu sahih maka itulah mazhabku."

ISBN 967-937-403-3 (Kulit Keras)
ISBN 967-937-228-6 (Kulit Nipis)

ISBN 967-937-228-6

9 789679 372281

PUSTAKA ANTARA SDN. BHD.
KUALA LUMPUR
E-mail: pantara@tm.net.my

FIQH SYAFII

JILID 2

AL-USTAZ H. IDRIS AHMAD S.H.

Pustaka Antara Sdn. Bhd.
Kuala Lumpur

diterbitkan oleh
PUSTAKA ANTARA
Lot UG 10-13, Upper Ground Floor,
Kompleks Wilayah,
2, Jalan Munshi Abdullah,
50100 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2980044

© PUSTAKA ANTARA
– Hak Pengarang Terpelihara –
ISBN 967-937-228-6

(Edisi Baru)
Cetakan ... 2002

3 5 7 9 0 8 6 4 2

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun, sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PUSTAKA ANTARA SDN. BHD. terlebih dahulu.

Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia
No. Ahli: 7001

Dicetak oleh
Angkatan Edaran Enterprise Sdn. Bhd.
Lot 6, Jalan Tukang 16/4, Seksyen 16, 40000 Shah Alam, Selangor D. E.
Tel: 03-55196373 Fax: 03-55127985

PENGANTAR CETAKAN KEDUA

Alhamdulillah, dengan segala rahmat dan taufik Allah s.w.t dapatlah kami menghidangkan edisi buku "FIQH SHAFI'I" Jilid 2 dengan wajah baru dan perbaikan-perbaikan seperlunya.

Buku "FIQH SHAFI'I" ini disusun oleh Al-Ustaz H. Idris Ahmad SH. (Almarhum). Beliau adalah seorang yang sudah banyak mendalami dalam bidang Agama mahupun ketatanegaraan, bahkan beliau juga banyak mengkaji tentang keempat-empat mazhab, iaitu; Mazhab Hanafi, Maliki, Hambali dan Syafi'i. Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada beliau, kerana sudi menyumbangkan karya dan fikirannya kepada kami demi kepentingan masyarakat Islam di seluruh tanahair.

Sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa majoriti daripada penduduk negara kita menganut Mazhab Syafi'i, maka kami sebagai penerbit, memandang betapa perlunya buku-buku yang berkaitan dengan mazhab Syafi'i. Lebih-lebih lagi pada zaman akhir-akhir ini aliran-aliran dan ajaran-ajaran sesat semakin mencabar.

Walaupun kami telah berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki ejaan mahupun bahasanya, agar dapat memudahkan bagi para pembaca memahaminya, tetapi kami sebagai manusia biasa tidak tertutup dari kesilapan dan kesalahan yang tidak disengajakan, maka kami mohon kepada para pembaca budiman terutama kepada para alim ulama, kiranya mendapati sebarang kesilapan atau kesalahan dalam buku ini, sudilah kiranya menyumbangkan keikhlasan hati membetulkannya. Terhadap teguran yang membangun dan saranan yang menjadikan buku ini lebih sempurna, tentulah kami menerimanya dengan senang hati, dan kami berdoa semoga amal mereka dibalas oleh Allah s.w.t.

Akhirnya, kami sebagai penerbit hanya bermohon kepada Allah Yang Maha Kuasa, mudah-mudahan buku ini dapat bermanfaat kepada seluruh umat Islam, dan usaha kami semoga diberkati oleh Allah s.w.t. Amin.

Wassalam.
Penerbit.

ISTILAH SYAFI'IAH

Sejak dulu lagi banyak pertanyaan yang timbul mengenai istilah "Syafi'iah" terutama sekali kepada pengarang, berkenaan dengan judul buku **FIQH SYAFI'I** ini. Maka di bawah ini kita jelaskan, mudah-mudahan dapat dijadikan sebagai jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan tersebut.

Dalam sebuah kitab yang berjudul ***Sab'ah Kutub Mufidah*** oleh Said Al-Alawy bin Ahmad As-Sagaf, halaman 59 dan 93, cetakan Mesir, dinyatakan sebagai berikut:

Al-Imam Al-Allamah Asy-Syekh Abdullah Baswadan di dalam sebuah risalahnya beliau telah berkata:

وَاعْلَمْ اَنَّ اَئِمَّتَنَا الشَّافِعِيَّةَ رِضْوَانُ اللهِ عَلَيْهِمْ لَهُمْ اِخْتِيَارَاتٌ مُخَالِفَةٌ لِمَذْهَبِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ إِعْتَمَدُوا الْعَمَلَ بِهَا لِتَعَسُّرٍ اَوْ تَعَذُّرِ الْعَمَلِ بِالْمَذْهَبِ وَهِيَ كَثِيْرَةٌ مَشْهُوْرَةٌ وَعِنْدَ التَّحْقِيْقِ فَهِيَ غَيْرُ خَارِجَةٍ عَنْ مَذْهَبِهِ وَذٰلِكَ اِمَّا بِالْإِسْتِنْبَاطِ اَوِ الْقِيَاسِ اَوْ لِاخْتِيَارٍ مِنْ قَاعِدَةٍ لَهُ اَوْ عَلَى قَوْلٍ لَهُ قَدِيْمٍ اَوْ لِدَلِيْلٍ صَحِيْحٍ لِقَوْلِهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: اِذَا صَحَّ الْحَدِيْثُ فَهُوَ مَذْهَبِيْ.

Ketahuilah, bahawa para imam (ulama-ulama) kita, Syafi'iah – semoga Allah memberi keredaan-Nya kepada mereka – mempunyai beberapa pilihan (fahaman) yang berlainan dengan mazhab Imam

Syafi'i. Di dalam beramal mereka berpegang dengan fahamannya sendiri kerana sukar hendak beramal dengan mengikut mahzab. Hal ini banyak sekali lagi masyhur. Tetapi pada hakikatnya, fahaman itu tidak menyimpang daripada mazhabnya. Perkara ini boleh berlaku adalah adakalanya sebab berdasarkan istimbat atau qias, atau kerana memilih sesuatu kaedahnya (kaedah Usul Fiqh) atau berpegang dengan Qaul Qadimnya, ataupun kerana ada dalil (hadis) yang sahih sesuai dengan ucapannya: ***Apabila hadis itu sahih maka itulah mazhabmu.***

Dapatlah difahami, bahawa pengertian **Syafi'iah** ialah; *Ulama-ulama pengikut Imam Syafi'i,* yang mereka kadang-kadang menyimpang daripada mazhab Syafi'i apabila dalam keadaan darurat, misalnya dalam masalah yang tidak dapat dijumpai dalil nasnya sama ada dalam Al-Quran atau hadis, sedangkan Imam Syafi'i telah menetapkan hukum haram atau wajib atau makruh berdasarkan dengan ijtihadnya sendiri. Bagi ulama Syafi'iah sendiri kadang-kadang merasa berat bagi mereka untuk menerima dan susah untuk mengamalkan dengan ketetapan Imam Syafi'i tersebut. Dalam hal ini, kadang-kadang ulama Syafi'iah berpindah kepada pendapat lain yang boleh diterima oleh fikiran mereka dan mudah untuk diamalkan.

Pun begitu, dalam istimbat hukum, kadang-kadang Imam Syafi'i mengambil fahaman dari umum hadis untuk menetapkan hukum sunat, makruh dan hukum-hukum lainnya, sedangkan para ulama Syafi'iah mengambil fahaman hadis yang mentakhsiskan umum faham hadis itu sesuai dengan kaedah Usul Fiqh: *Menerapkan Mathum Yang Am kepada Mathum Yang Khas.*

Demikianlah antara lain istilah Syafi'iah dan pengertiannya yang dijadikan judul buku ini, mudah-mudahan para pembaca dapat memahami istilah ini. Sebenarnya di dalam kitab yang berjudul Sab'ah Kutub Mufidah banyak sekali contoh-contoh penyimpangan tersebut apabila dalam keadaan darurat, tetapi di sini kita hanya dapat memberikan satu pengertian saja, diharap para pembaca tidak terkeliru dalam kefahaman.

Pengarang.

KANDUNGAN

BAHAGIAN MUAMALAT 1

KITAB PERDAGANGAN DAN JUAL BELI 3

1. Erti Perdagangan 3
2. Erti Jual Beli 4
3. Mencari Yang Halal 6
4. Rukun Jual Beli 7
5. Jual Beli Yang Dilarang Dan Tidak Sah 14
6. Jual Beli Yang Terlarang Tetapi Sah 19
7. Ikhtikar (Spekulasi) 21
8. Khiar Dalam Jual Beli 23
9. Berselisih Dan Jujur Dalam Jual Beli 26
10. Perjudian 28
11. Simsar (Badan Perantaraan) 29
12. Berlapang Dada Dalam Berjual Beli 30
13. Jual Beli Araya Dan Muzayadah (Lelong) 31
14. Menjual Tanah Termasuk Pokok-pokok Yang Ada Di Dalamnya 33
15. Menjual Buah-buahan Yang Telah Nyata Baiknya 35
16. Buah-buahan Yang Rosak Setelah Dijual 36
17. Mengandam Ternak Yang Akan Dijual 37
18. Murabahah 38
19. Memesan Barang (Salam/Salaf) 40

BAB HUTANG-PIUTANG 43

1. Mengambil Manfaat Hutang 44
2. Al-Hilawah 47
3. Gadai Menggadai 49

BAB RIBA MODAL 52

1. Takrif Riba 52
2. Terkutuk Orang Yang Makan Riba, Pekerja Dan Yang Menyaksikannya 54
3. Riba Termasuk Dosa Besar 55
4. Macam-macam Riba 56
5. Barang-barang Yang Boleh Mendatangkan Riba 61
6. Soal Bank Dan Koperasi Simpan-pinjam Serta Yang Dinamakan Mata Wang 63

7. Cara Menjual Barang-barang Ribawi 64
8. Pembayaran Hutang Yang Dilebihkan 66
9. Sebab-sebab Timbulnya Riba 69
10. Sogokan Atau Wang Suap 72

BAB MAHJUR 73
1. Erti Mahjur Dan Sebabnya-sebabnya 73
2. Kerana Di bawah Umur 74
3. Kerana Bodoh 76
4. Kerana Lemah Rohani Dan Jasmani 77
5. Kerana Hamba 77
6. Kerana Sedang Sakit Kuat 78
7. Kerana Sedang Menggadai 79
8. Kerana Bersuami, Bagi Wanita 79
9. Kerana Murtad 80
10. Kerana Jatuh Bankrap (Muflis) 81

BAB MUFLIS (Bankrap) 81
1. Merampas Dan Menjual Barang Muflis 82
2. Meminta Ganti Dari Muflis 82
3. Orang Yang Tidak Mahu Bayar Hutang Boleh Dihukum 83

BAB JAMINAN DAN PINJAM-MEMINJAM 84
1. Erti Jaminan Dan Syarat-syaratnya 84
2. Erti Pinjaman Dan Syaratnya 85

BAB SYARIKAT PERNIAGAAN (Syirkah) 88
1. Erti Syarikat Perniagaan 88
2. Macam-macam Cara Syarikat 88
3. Cara Membahagi Keuntungan Dan Kerugian 90

BAB BERWAKIL 91
1. Erti Berwakil 91
2. Rukun Dan Syarat Berwakil 92
3. Yang Menerima Wakil Adalah Dipercayai 92

BAB IKRAR 93
1. Erti Ikrar 93
2. Rukun Ikrar 94
3. Syarat-syarat Ikrar 95

BAB MERAMPAS 95
1. Erti Merampas 95
2. Barang Yang Dirampas Wajib Dikembalikan Atau Diganti 96
3. Merampas Tanah 97
4. Tanggal Iman Orang Yang Merampas 98
5. Menanam Tanam-Tanaman Di tanah Orang Lain 99

BAB SYUF'AH 99
1. Erti Syuf'ah 99
2. Syuf'ah Tidak Sah Pada Barang Yang Dapat Dibahagi. 100
3. Barang Yang Dibahagi Yang Tidak Dapat Dipergunakan Tidak Sah Padanya Syuf'ah 101
4. Rukun Dan Syarat Syuf'ah 102

BAB QIRADH 102
1. Erti Qiradh 102
2. Rukun Dan Syarat Qiradh 103
3. Minta Kembali Sebahagian Modal 104
4. Yang Membawa Modal Dibenarkan Dengan Sumpahnya Tentang Rugi Atau Untung 105

BAB MENYEWA DAN MENGUPAHKAN TANAH 106
1. Erti Menyewa Dan Mengupahkan Tanah 106
2. Rukun Dan Syarat Sewa Dan Mengupahkan Tanah ... 107
3. Muzara'ah 107
4. Mukhabarah 108
5. Memelihara Anjing Untuk Penjaga 111
6. Penjagaan Binatang Ternakan Dan Tanam-Tanaman . 112

BAB UPAH-MENGUPAH (Ijarah) 113
1. Erti Upah Mengupah 113
2. Rukun Dan Syarat Upah Mengupah 115
3. Orang Yang Jujur, Serta Soal Menerima Upah Berbekam 116
4. Memberikan Upah Atau Gaji Pegawai Atau Buruh 117
5. Mengambil Upah Mengajar Al-Quran 118

BAB IHYA UL MAWAT (Mengusahakan Tanah Terbiar) 119
1. Erti Mengusahakan Tanah Terbiar 119

2. Yang Jadi Milik Bersama Dalam Tanah Terbiar 120
3. Daerah Larangan Dan Cara Membuat Jalan 121
4. Menanam Pokok Di Pinggir Jalan 122
5. Membahagi-bahagi Tanah 123
6. Tidak Boleh Merosak Dan Dirosak Orang 124

BAB SHULUH (Perdamaian) 125
1. Erti Perdamaian 125
2. Perdamaian Tidak Boleh Menghalalkan Barang Yang Haram Dan Tidak Pula Boleh Mengharamkan Barang Yang Halal 126
3. Syarat-Syarat Ada Perdamaian 126

BAB WAKAF 128
1. Erti Wakaf 128
2. Rukun Dan Syarat Serta Mengambil Manfaat Barang Wakaf 129
3. Mewakafkan Masjid Dan Perigi 131

BAB HIBBAH 132
1. Erti Hibbah 132
2. Beri Memberi Dapat Menghilangkan Dengki 133
3. Hukum Haram Meminta Balik Pemberian, Kecuali Pemberian Bapa Kepada Anak 135
4. Pemberian Yang Meminta Balasan 136
5. Pemberian Dengan Umraa dan Ruqbaa 137

BAB LUQATAH (Barang Terdapat) 139
1. Erti Luqatah 139
2. Wajib Memberitahukan Luqatah 139
3. Macam-macam Barang Yang Didapati 141
4. Tempat Dan Cara-cara Memberitahu 143
5. Boleh Memerah Ternakan Orang Lain Kalau Terpaksa, Bila Terdapat Di Sesuatu Tempat 144
6. Anak Pungut 145
7. Luqatah Di Negeri Mekah Dan Orang Haji 146
8. Hukum Memiliki Luqatah Jika Yang Empunya Tidak Juga Datang 147

BAB JA'ALAH (Penawaran) 147
1. Erti Ja'alah 147
2. Upah Pengubatan 148

BAB WADIAH 149
1. Erti Wadiah Dan Syarat-syaratnya 149
2. Orang Yang Memegang Barang Amanat Tidak Wajib Mengganti 150
3. Wajib Memulangkan Amanat Kepada Yang Empunya . 150

BAB WASIAT 151
1. Erti Wasiat 151
2. Rukun Dan Syarat Wasiat 151
3. Isi Wasiat Tidak Boleh Merugikan Ahli Waris 153
4. Tidak Sah Berwasiat Untuk Ahli Waris 153
5. Boleh Wasiat Kepada Kerabat Karib Selain Ahli Waris 154

BAB FARAIDH (Perwarisan) 155
1. Erti Faraidh 155
2. Yang Bersangkutan Dengan Peninggalan Mayat 156
3. Rukun, Syarat Dan Sebab-sebab Menjadi Ahli Waris . 157
4. Yang Menghalangi Menjadi Ahli Waris 157
5. Ahli Waris Dari Pihak Laki-laki Dan Pihak Perempuan 159
6. Kalau Semua Ahli Waris Ada Semuanya 159
7. Golongan Ahli Waris 160

BAB MACAM-MACAM FURUDH DI DALAM AL-QURAN 162
1. Contoh-contoh Pembahagian 169
2. Hijab (Soal Orang Yang Terdinding) Dari Mendapat Waris 171
3. Asobah Dan Pembahagiannya 175
4. Menyatakan Asal Masalah 180
5. Cara Mencari Pokok Masalah 181
6. Aul Dan Contohnya 182

BAB AHLI WARIS YANG MENDAPAT FURUDH 186
1. Pembahagian Ahli Waris Yang Tidak Terhijab 197
2. Zawil-Arham Dan Soal Rad 199
3. Bila Berkumpul Datuk-datuk Dengan Saudara Laki-laki Atau Perempuan 203
4. Ahli Waris Yang Dibuat Dengan Perjanjian 211

5. Kesimpulan Ahli Waris Yang Mengambil Harta Pusaka Menurut Al-Quran Dan Hadis 212
6. Al-Akdar 213
7. Bahagian Yang Terpecah-pecah 214

KITAB MUNAKAHAT 220
1. Erti Nikah Dan Pernikahan 220
2. Hikmat Nikah 221
3. Hukum Nikah 222
4. Dasar Pernikahan Yang Dituntut Oleh Syarak 223

BAB MELAMAR ATAU MEMINANG 226
1. Melihat Sebelum Melamar 226
2. Hal-hal Yang Boleh Dilihat 227
3. Wanita-wanita Yang Boleh Dilamar 228

BAB KAFAAH 230
1. Erti Kafaah 230
2. Kafaah Menurut Agama 234
3. Nikah Tanpa Kemahuan Sendiri 235

BAB RUKUN NIKAH 236
1. Tidak Sah Nikah Melainkan Dengan Wali 236
2. Syarat-syarat Jadi Wali 238
3. Wali Yang Tidak Mahu Menikahkan 239
4. Macam-macam Wali 240
5. Muhakkam 242
6. Khutbah Nikah 242

BAB MASKAHWIN 243
1. Erti Maskahwin Dan Yang Dapat Dijadikan Maskahwin 243
2. Yang Mewajibkan Maskahwin 246
3. Lafaz Nikah Dan Menyempurnakan Maskahwin Dalam Akad 249
4. Syarat (Taklik) Serta Menyerahkan Maskahwin 250

BAB MENIKAHKAN WANITA PERAWAN DAN WANITA JANDA 252
1. Minta Izin Untuk Mengahwinkan Wanita Perawan 252
2. Wanita Janda Lebih Berhak Dengan Dirinya Untuk kahwin 253
3. Mengahwinkan Anak Di bawah Umur 253

BAB MACAM-MACAM WANITA YANG AKAN DINIKAHI 255
1. Wanita Yang Sah Dinikahi 255
2. Wanita Yang Tidak Sah Dinikahi 256
3. Tidak Sah Menikahi Dua Orang Bersaudara Sekaligus 258
4. Susuan Yang Menyebabkan Mahram 259
5. Menikahi Wanita Ahli Kitab 260
6. Suami Atau Isteri Yang Masuk Islam 261
7. Pernikahan Yang Terlarang 262

BAB WALIMATUL URUS 266
1. Persiapan Sebelum Pesta Dan Memakai Genderang (Bunyi-bunyian) 266
2. Rebana Dalam Pesta Perkahwinan 268
3. Pesta Perkahwinan Dengan Menyembelih Binatang Ternak 269
4. Kewajipan Menghadiri Undangan Walimatul-Urus 270
5. Pesta Yang Wajib Diperkenankan Dan Yang Dilarang Menghadirinya 271

BAB HAK KEWAJIPAN SUAMI ISTERI 273
1. Erti Hak Dan Kewajipan 273
2. Hak Isteri Di atas suami 274
3. Hak Suami Di atas Isteri 277

BAB BERISTERI LEBIH DARI SEORANG 283
1. Seorang Laki-laki Dibolehkan Beristeri Lebih Dari Seorang 283
2. Isteri Nabi Muhammad s.a.w. 284
3. Pembahagian Secara Zahir Dan Secara Batin 285
4. Pembahagian Giliran 287
5. Giliran Waktu Kahwin Dengan Janda Atau Perawan .. 289
6. Mengajar Isteri Yang Derhaka 290

BAB BERTAHKIM 292

BAB PERDAMAIAN ANTARA SUAMI ISTERI .. 293
1. Erti Perdamaian Antara Suami Isteri 293
2. Tidak Wajib Mengisi Keadilan Bila Telah Ada Perdamaian 295

BAB PERGAULAN ANTARA LELAKI DAN WANITA 296
1. Larangan Berkhalwat Seseorang Lelaki Dan Seorang Perempuan 296
2. Syaitan Dapat Masuk Melalui Pembuluh Darah 297
3. Yang Dibolehkan Hanya Pandangan Yang Pertama Terhadap Wanita 298
4. Memakai Tabir 299
5. Memakai Sifat Cemburu 302

BAB KESOPANAN DALAM BERSETUBUH 303
1. Sang Isteri Adalah Merupakan Kebun Dan Pakaian ... 303
2. Berselindung Dari Godaan Syaitan 304
3. Larangan Mendatangi Isteri Dari Sebelah Dubur Dan Boleh Melakukan Azal 304
4. Bergurau Sebelum Bersetubuh 306
5. Memakai Tutup 306
6. Haram Hukumnya Bersetubuh Ketika Isteri Dalam Haid Dan Nifas 306
7. Wanita Yang Ditawan Di Medan Perang, Sebelum Disetubuhi Hendaklah Diistibrakkan Lebih Dahulu ... 307

BAB PERCERAIAN (Talak) 308
1. Talak Adalah Perbuatan Halal Yang Dimurkai Tuhan 308
2. Hukum Menjatuhkan Talak 309
3. Syarat Sah Jatuh Talak 310
4. Lafaz Yang Menunjukkan Talak 312
5. Lafaz Nikah, Talak Dan Rujuk Tidak Boleh Dipermain-mainkan 312

BAB MACAM-MACAM TALAK 314
1. Talak Raj'i 314
2. Talak Al-Battah 316
3. Talak Bain 317
4. Menjatuhkan Talak Tiga Sekaligus 319
5. Perselisihan Pendapat Tentang Menjatuhkan Talak Tiga Sekaligus 320
6. Pengecualian Talak 321
7. Talak Sunni Dan Talak Bid'i 322

BAB IDAH **325**
1. Erti Idah 325
2. Idah Talak 325
3. Idah Hamil 326
4. Idah Wafat 327
5. Idah Wanita Yang Kehilangan Suami 328
6. Al-Ahdad 330

BAB RUJUK **332**
1. Erti Rujuk 332
2. Rujuk Hanya Dapat Dilakukan Dalam Talak Yang Raj'i 332
3. Rukun Rujuk 333
4. Wajib Mengadakan Saksi 334

BAB KHULUK **335**
1. Erti Khuluk 335
2. Sebab-Sebab Terjadi Khuluk 336
3. Dilarang Keras Wanita Minta Cerai, Kalau Tidak Ada Uzur Syar'i 337
4. Cerai Khuluk Tidak Boleh Rujuk 338

BAB FASAH **339**
1. Erti Fasah Dan Sebab Boleh Fasah 339
2. Fasah Yang Disebabkan Tidak Diberi Belanja (Nafkah) 343
3. Pendapat Ulama Mengenai Masa Perlaksanaan Fasah 344

BAB ILA' **345**
1. Erti Ila' 345
2. Ila' Adalah Mengharamkan Bersetubuh Dengan Isteri 346
3. Denda Atau Kafarat Ila' 347

BAB ZHIHAR **348**
1. Erti Zhihar 348
2. Hukum Zhihar 348
3. Denda Atau Kafarat Zhihar 349

BAB LI'AN **350**
1. Erti Li'an 350

2. Isteri Bebas Dari Hukuman Apabila Mahu Mengucapkan Sumpah Li'an 352
3. Cara Melakukan Sumpah Li'an 352
4. Akibat Sumpah Li'an Bagi Suami Isteri 354
5. Akibat Sumpah Li'an Pada Hukum 355

BAB KETURUNAN 356
1. Erti Keturunan 356
2. Larangan Menuduhkan Anak Kepunyaan Orang Lain 357
3. Mengundi Siapa Yang Empunya Anak 358
4. Anak Yang Sah Keturunan Bapanya, Sedang Anak Yang Tidak Sah Keturunan Ibunya 359
5. Penyangkalan Terhadap Anak 360

BAB MUHADHANAH (Mengasuh) 361
1. Erti Muhadhanah Dan Orang Yang Berhak Melakukan Muhadhanah 361
2. Anak Mengikut Kepada Siapa Yang Islam Dari Kedua Orang Ibu Bapanya 364
3. Orang Yang Utama Untuk Mengasuh Serta Syarat-syaratnya 365

BAB RADHA'AH (Menyusukan) 366
1. Erti Menyusukan 366
2. Susuan Yang Mengakibatkan Mahram 366
3. Perintah Menyusukan Anak Bukanlah Perintah Wajib .. 368
4. Lama Masa Menyusukan 369

BAB NAFKAH 371
1. Erti Nafkah 371
2. Sebab-sebab Yang Mewajibkan Nafkah 372
   a. Sebab Perkahwinan 372
   b. Sebab Kerabat 374
   c. Sebab Milik 376

KITAB MAKANAN DAN PAKAIAN 378
1. Ketentuan Barang Yang Akan Dimakan 378
2. Binatang-binatang Yang Halal Dimakan 379
3. Binatang Laut, Serta Bangkai Ikan Dan Belalang 382
4. Binatang-binatang Yang Haram Dimakan 383

BAB BERBURU 391
1. Alat-alat Untuk Berburu Dan Hukum Binatang Buruan 391
2. Binatang-binatang Yang Kena Panah Atau Perluru 393

BAB MENYEMBELIH 395
1. Macam-macam Binatang Yang Akan Disembelih 395
2. Syarat-syarat Penyembelihan Dan Syarat Orang Yang Akan Menyembelih 396
3. Syarat-syarat Alat Untuk Menyembelih 397
4. Penyembelihan Janin (Anak Dalam Perut), Serta Hukum Membaca "Bismillah" Waktu Menyembelih ... 399

BAB KESOPANAN DALAM MAKANAN DAN MINUMAN 400
1. Kesopanan Dalam Makan 400
2. Kesopanan Dalam Minum 405
3. Memuji Tuhan Sesudah Makan Dan Minum 406

BAB TETAMU 408

BAB BEJANA 409

BAB PAKAIAN 410
1. Jenis-jenis Pakaian 410
2. Pakaian Yang Lebih Utama Dan Cara Memakai Cincin 414
3. Pakaian Bagi Kaum Wanita 416
4. Pakaian Wanita Muhajirin 417
5. Menyambung Rambut Dengan Orang Lain 418

KITAB JINAYAT (Bahagian Jenayah dan Hudud) 420
1. Erti Jenayah dan Hudud 420
2. Hikmat Disyariatkan Jenayah Dan Hudud 421
3. Pembahagian Jarimah (Jenayah) Menurut Syariat Islam 421

BAB PEMBUNUHAN 423
1. Erti Pembunuhan 423
2. Pembunuhan Termasuk Salah Satu Dosa Besar 424

3. Pembunuhan Diadili Lebih Dahulu Di hari Kiamat 426

BAB QISAS DAN DIYAT 427

1. Macam-macam Perbuatan Pembunuhan Dan Melukai 427
2. Unsur-unsur Qisas Dan Diyat 428
3. Syarat-syarat Wajib Qisas 429
4. Hal-hal Yang Menghalangi Perlaksanaan Hukuman Qisas 434
5. Cara Melaksanakan Qisas Anggota 436

BAB DIYAT (Denda) 437

1. Erti Diyat Dan Yang Mewajibkannya 437
2. Diyat Mughallazah (Berat) 437
3. Diyat Mukhafafah (Ringan) 439
4. Diyat Pembunuhan Tersalah Yang Diberatkan 440
5. Diyat Doktor Dan Wanita 441
6. Diyat Kafir Zimmi Dan Mu'ahid 443
7. Nilai Diyat Pembunuhan Yang Disengajakan 444
8. Nilai Diyat Pembunuhan Yang Tersalah 445
9. Diyat Anggota Badan 446

BAB PENJELASAN SEMUA HUKUMAN JINAYAT 447

1. Hukuman Pembunuh Yang Sengaja 447
2. Hukuman Pembunuhan Syabah 'Amad 448
3. Hukuman Pembunuhan Yang Tersalah 449
4. Hukuman Perbuatan Jenayah Selain Daripada Pembunuhan 449
5. Kafarat (Denda) 450

BAB QASAMAH 452

BAB ORANG YANG LEPAS DARI DIYAT DAN QISAS 453

KITAB HUDUD 455

1. Hukum Jenayah Hudud Dan Unsur-Unsurnya 455
2. Diperlukan Alat-alat Bukti 457
3. Jenis-jenis Hukum Jenayah Hudud 458

BAB HUKUM JENAYAH MURTAD 460
1. Erti Murtad 460
2. Yang Menyebabkan Murtad 461
3. Orang Yang Dipaksa Murtad 463
4. Hukuman Orang Yang Murtad 463
5. Orang Yang Meninggalkan Sembahyang Dengan Sengaja 464
6. Putus Hubungan Antara Murtad Dengan Muslim Dalam Perkara Hukum 465

BAB HUKUM JENAYAH PENYAMUNAN (Hirabah) 466
1. Erti Penyamunan 467
2. Hukuman Bagi Penyamun Dan Perlaksanaannya 467
3. Pengaruh Taubat Si Penyamun 469
4. Hak Ulil Amri Dalam Perkara Memberikan Hukuman Terhadap Penyamun Yang Taubat 469

BAB HUKUM JENAYAH BUGHAT 471
1. Erti Bughat 471
2. Asal Mula Terjadi Kaum Bughat 473
3. Gerombolan Bughat Yang Terperangkap 474
4. Penyelesaian Perkara Bughat 475
5. Orang Yang Mencela Nabi Muhammad S.A.W. 477

BAB HUKUM JENAYAH PERZINAAN 478
1. Zina Adalah Salah Satu Dosa Besar 478
2. Erti Perzinaan Dan Hukumannya 479
3. Erti Rejam Dan Cambuk 482
4. Hukuman Cambuk Dan Buangan 482
5. Hukuman Hamba Seperdua Hukuman Orang Yang Merdeka 483
6. Perlu Minta Penjelasan Sebelum Hukuman Dijatuhkan 485
7. Perempuan Yang Dirogol, Berzina Dan Hukuman Terhadap Perempuan Hamil 487

BAB LIWATH 488
1. Erti Liwath 488
2. Bersetubuh Dengan Mahram Sendiri 490

BAB HUKUM JENAYAH QAZAF 491
1. Erti Qazaf 491
2. Wanita Yang Tidak Mengaku Berzina 492

BAB HUKUMAN TUKANG SIHIR 493

BAB HUKUM JENAYAH PENCURIAN 494
1. Erti Percurian Dan Hukumannya 494
2. Cara Melakukan Hukuman Potong Tangan 495
3. Syarat-syarat Untuk Menjatuhkan Hukuman Potong Tangan 495
4. Perbuatan-perbuatan Yang Tidak Mewajibkan Hukuman Potong Tangan 498
5. Menjatuhkan Hukuman Tidak Boleh Dibeza-bezakan 500
6. Penetapan Pencurian 501

BAB HUKUM JENAYAH MINUM ARAK 501
1. Erti Minum Arak 501
2. Bahan-bahan Pembuatan Arak 502
3. Ukuran Minuman Yang Dipandang Memabukkan 503
4. Hukuman Orang Yang Meminum Arak 504
5. Syarat Melaksanakan Hukuman Orang Yang Minum Arak 505
6. Arak Bukan Ubat Tetapi Penyakit 506
7. Tempat Melaksanakan Hukuman 507

BAB HUKUM JENAYAH TAKZIR 508
1. Erti Takzir 508
   a. Hukum Cambuk (Jilid) 508
   b. Hukum Tahanan 510
   c. Hukuman Buang Negeri 511
2. Orang Yang Belum Kenal Kejahatan 511

BAB SHIAL 512
1. Erti Shial 512
2. Cara Bertahan Dari Shial 513
3. Membunuh Si Pengancam Sebelum Ia Membunuh 514

MENYEBABKAN HUKUMAN DAN YANG MEMBEBASKANNYA 515
1. Perbuatan Yang Menimbulkan Tanggungjawab 515

2. Perbuatan-perbuatan Yang Menghilangkan Tanggungjawab 516
3. Hal-hal Yang Membenarkan Perbuatan 516

BAB KHATAN 517
1. Erti Khatan 517
2. Khatan Termasuk Fitrah 517

BAB IMARAH 519
1. Erti Imarah Dan Yang Berhak Memimpin Negara 519
2. Kaum Quraisy Adalah Ikutan Manusia 520
3. Khalifah Dan Raja 521
4. Perlantikan Khalifah 522
5. Syarat Orang yang Akan Dilantik Menjadi Khalifah ... 523
6. Bai'at Dan Sistem Perlantikan Ketua Negara 524
7. Kewajipan Memberikan Bai'at Dan Cara Melaksanakannya 526

BAB PERLANTIKAN GABENOR ATAU KETUA DAERAH 527
1. Hukum Perlantikan Ketua Daerah 527
2. Kalau Negara Dalam Jajahan Kuffar 528
3. Jika Pemerintahan Kafir Atau Zus-Syaukah Telah Hilang 529
4. Kewajipan Mentaati Pemimpin 530
5. Pemimpin Islam Yang Tidak Diangkat Oleh Umat Islam 531
6. Menteri-menteri Dan Ketua Negara 533
7. Kewajipan Pemimpin Atau Waliyul Amri 535

BAB QADHAK 536
1. Erti Qadhak Dan Susunan Pengadilan 536
2. Hakim Terbahagi Atas Tiga Bahagian 538
3. Bagi Hakim Wajib Mencari Keadilan Dalam Mengadil Manusia 539
4. Kesopanan Dalam Menghukum 541
5. Haram Hukumnya Menerima Wang Suap 543
6. Turun Dari Jabatan 545
7. Pendakwa Dan Terdakwa 545
8. Keterangan Dan Alat-alat Bukti 547

BAB SAKSI 548
1. Erti Saksi, Rukun Dan Syarat-syaratnya 548

2. Saksi Untuk Macam-Macam Perkara 550
3. Saksi Palsu Merupakan Salah Satu Dosa Besar 552
4. Hakim Boleh Berpegang Kepada Fakta Dari Masing-masing Yang Berperkara Secara Zahir 554

BAB SUMPAH 556
1. Erti Sumpah Dan Kegunaannya 556
2. Sumpah Yang Sah Hanya Dengan Nama Allah Atau Dengan Sifatnya 557
3. Bersumpah Dengan Selain Allah Musyrik Hukumnya . 558
4. Sumpah Dusta Termasuk Dosa Besar 559
5. Sumpah Yang Tidak Memberatkan 560
6. Memberatkan Sumpah 561
7. Surat Menyurat 564

BAB NAZAR 565
1. Erti Nazar 565
2. Yang Tidak Boleh Dinazarkan 566
3. Nazar Mayat Wajib Dibayarkan 567
4. Bernazar Ke Tempat-tempat Tertentu 568
5. Nazar Yang Mewajibkan Kifarat 569
6. Kifarat Sumpah Dan Nazar 570

KITAB JIHAD 571
1. Erti Jihad Dan Gunanya Perang Disyariatkan 572
2. Hukum Berperang 573
3. Macam-macam Fardu Kifayah 574
4. Panggilan Masuk Islam 575
5. Syarat-syarat Wajib Berperang 579
6. Jihad Bagi Wanita 581
7. Orang Yang Haram Pergi Berperang 581
8. Mengadakan Pertahanan Terhadap Musuh Yang Menyerang 583
9. Perlawanan Dilakukan Satu Lawan Dua 584
10. Perempuan Boleh Turut Perang Sebagai Jururawat 585

BAB MATI SYAHID 587
1. Erti Mati Syahid 587
2. Niat Berjihad 588
3. Hal-hal Yang Penting Dalam Perang 589
4. Bendera Rasulullah S.A.W. 590
5. Orang-orang Yang Tidak Boleh Dibunuh 591

6. Mata-mata Musuh Boleh dibunuh 592
7. Menanam Mata-mata Dibenarkan Dalam Islam Kalau Untuk Kepentingan Islam 593

BAB TAWANAN 594
1. Keputusan Yang Boleh Diambil Oleh Panglima Perang 594
2. Pandangan Islam Terhadap Orang Yang Bukan Islam . 595

BAB RAMPASAN 596
1. Ghanimah Dan Pengertian 596
2. Al-Fai' Dan Pengertiannya 598
3. Salab Dan Pengertiannya 599
4. Nafal Dan Pengertiannya 600
5. Pajak 601
6. Ukuran Pajak Setiap Kepala 602
7. Al-usyur (Cukai) 603

BAB AJARAN ISLAM ADALAH TINGGI 604
1. Al-Muhadanah (Perletakan Senjata) 605
2. Syarat Dan Rukun Muhadanah 606
3. Perjanjian-perjanjian Yang Dapat Menjamin Keamanan Orang Kafir 608

BAB PERLUMBAAN 608
1. Erti Perlumbaan 608
2. Syarat-syarat Mengadakan Perlumbaan 611
3. Mengadu Binatang 612

BAB MERDEKA 613
1. Erti Merdeka 613
2. Merdeka Anak Dan Bapa 613
3. Hamba Syarikat 614
4. Hamba Mukatab 615
5. Hamba Mudabbar 617
6. Ummul Walad 618
7. Keutamaan Merdekakan Hamba 619

BAHAGIAN MUAMALAT

Takrif:

Muamalat ialah: Semua hukum syariat yang bersangkutan dengan urusan duniawi, dengan memandang kepada aktiviti hidup seseorang, seperti jual beli, tukar menukar, pinjam meminjam, beri memberi dan lain-lainnya.

Dalam buku jilid 1 telah kita huraikan masalah-masalah sembahyang, zakat, puasa dan haji. Keempat masalah ini disebut *masalah ubudiyah* iaitu: Masalah pengabdian diri kepada Tuhan, atau masalah hubungan antara manusia dengan Tuhannya.

Kalau ditinjau lebih dalam dan teliti, sebenarnya rahsia dan hikmat dari masalah ubudiyah tersebut, bukanlah bererti tidak ada hubungannya sama sekali antara manusia sebagai pengabdi dengan sesamanya dalam erti lain.

Sekalipun demikian, yang menjadi dasar utama dalam masalah ini ialah untuk mengatur sebaik-baiknya, bagaimana caranya manusia itu berhubungan dengan Tuhannya. Atau bagaimana caranya manusia itu dapat mengabdikan diri kepada Tuhan yang telah menciptakannya dalam erti yang sebenar-benarnya, sesuai dengan ajaran dan tuntutan yang telah diturunkan Allah dengan perantaraan utusan-Nya, Nabi Muhammad s.a.w.

Jadi jelaslah, bahawa masalah ubudiyah ini adalah tuntutan jiwa, santapan rohani atau keperluan rohani.

Dalam kehidupan manusia sebagai manusia, tentulah tidak cukup bila kepadanya hanya diberikan keperluan rohani saja. Dia perlu lain lagi. Di samping memberikan santapan rohaninya, jasmaninya perlu pula makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya. Tegasnya disebut keperluan jasmani.

Untuk mendapatkan alat-alat keperluan jasmani ialah, dia harus berhubungan dengan sesamanya dan alam sekitarnya. Inilah yang disebut *masalah Muamalat.*

Jadi muamalat itu ialah hubungan manusia dengan manusia dalam usahanya untuk mendapatkan alat-alat keperluan jasmani dengan cara yang sebaik-baiknya, sesuai dengan ajaran-ajaran dan tuntutan agama.

Termasuk dalam masalah ini antara lain: tukar menukar, jual beli, pinjam-meminjam, beri memberi, upah-mengupah, bersyarikat dalam usaha dan modal dan lain-lainnya.

Agar manusia itu jangan sampai bertindak semahunya, berlaku aniaya satu sama lain, maka agama mengatur pula sebaik-baiknya masalah muamalat ini.

Jadi dengan ini jelaslah, bahawa agama Islam itu bukan sahaja mengatur hubungan antara manusia dengan Tuhan tetapi juga mengatur hubungan antara manusia dengan manusia. Di samping manusia itu diwajibkan mengabdikan diri kepada Tuhan, juga dia diperlukan berusaha mencari keperluan hidupnya.

Firman Allah s.w.t.:

وَابْتَغِ فِيْمَآ اٰتٰكَ اللّٰهُ الدَّارَ الْاٰخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاَحْسِنْ كَمَا اَحْسَنَ اللّٰهُ اِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِى الْاَرْضِ اِنَّ اللّٰهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ*

سورة القصص اية ٧٧

Hendaklah kamu cari kampung akhirat (beribadat) dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, dan janganlah kamu lupa akan nasibmu (keperluan hidup) di dunia ini. Berbuatlah baik kepada manusia sebagaimana Allah telah berbuat baik kepadamu.

(Surah Al-Qasas, ayat 77)

Dalam ayat ini ditegaskan pula, bahawa dalam hidup ini kita harus berbuat baik terhadap sesama kita. Tolong menolong, bantu membantu dalam kesempitan dan kesusahan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللّٰهِ ﷺ: مَنْ كَانَ فِى حَاجَةِ اَخِيْهِ كَانَ اللّٰهُ فِى حَاجَتِهِ وَمَنْ فَرَّجَ عَلَى مُسْلِمٍ

كُرْبَةً فَرَّجَ اللهُ عَنْهُ بِهَا كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang melepaskan hajat saudaranya, Allah akan melepaskan pula hajatnya. Dan sesiapa yang suka melapangkan kesempitan orang Islam, Allah akan melapangkan pula kesempitannya dari beberapa kesempitannya di hari kiamat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

KITAB PERDAGANGAN DAN JUAL BELI

1. ERTI PERDAGANGAN

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

رِجَالٌ لاَ تُلْهِيْهِمْ تِجَارَةٌ وَلاَ بَيْعٌ عَنْ ذِكْرِ اللهِ ...*

سورة النور اية ٣٧

Orang-orang yang mereka tidak dilalaikan oleh tijarah (perdagangan) dan tidak pula jual-beli, dari mengingati Allah.

(Surah An-Nur, ayat 37).

Perdagangan menurut ahli ekonomi ialah, segala perbuatan perantara antara orang yang menghasilkan barang (pengeluaran) dan antara si pemakai barang (konsumer).

Oleh sebab itu, yang disebut perdagangan ialah suatu proses dalam tukar menukar antara: WANG BARANG WANG BARANG lagi, yang sifatnya terus menerus dengan tujuan mencari untung.

Dalam ayat-ayat lain dinyatakan pula:

فَمَا رَبِحَتْ تِجَارَتُهُمْ ....* سورة البقرة اية ١٦

1. *Maka tidaklah berlaba tijarah (perdagangan) mereka.*

(Surah Al-Baqarah, ayat 16).

وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا...* سورة التوبة اية ٢٥

2. *Dan tijarah (perdagangan) yang kamu khuatir kerugiannya.*

(Surah At-Taubah, ayat 25)

يَرْجُوْنَ تِجَارَةً لَنْ تَبُوْرَ* سورة فاطر اية ٢٩

3. *Mereka mengharap tijarah (perdagangan) yang tidak akan rugi.*

(Surah Fathir, ayat 29).

Dengan keterangan ayat-ayat ini nampaklah, bahawa yang disifatkan dengan *"laba"* atau *"rugi"* adalah perdagangan, dan bukan jual beli, sebagaimana yang akan datang keterangannya.

Dapatlah diambil satu kesimpulan, bahawa yang disebut perdagangan ini ialah segala perbuatan yang sifatnya melakukan tukar menukar, dengan tujuan mencari untung atau laba.

Perdagangan ini disebut juga PERNIAGAAN, atau TIJARAH dalam bahasa Arab.

2. ERTI JUAL BELI

Jual beli ertinya: Menukarkan barang dengan barang, atau barang dengan wang dengan jalan melepaskan hak milik seseorang terhadap yang lain, atas dasar rela sama rela.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

أُولٰئِكَ الَّذِيْنَ اشْتَرَوُا الضَّلَالَةَ بِالْهُدٰى فَمَا رَبِحَتْ تِجَارَتُهُمْ وَمَا كَانُوْا مُهْتَدِيْنَ*

سورة البقرة اية ١٦

Mereka ini telah membeli (menjual) kesesatan dengan petunjuk, maka tidaklah berlaba perniagaan (tijarah) mereka, dan mereka tidak dapat petunjuk.

(Surah Al-Baqarah, ayat 16).

Kalimat *"jual beli"*, atau menjual dan membeli adalah merupakan suatu perbuatan tukar menukar juga, antara barang

dengan barang atau wang dengan barang, tetapi tidak bertujuan mencari keuntungan.

Sebab kadang-kadang orang menjual atau membeli suatu barang untuk sesuatu keperluan, tanpa menghiraukan apakah rugi atau berlaba pembelian atau penjualan itu.

Dengan demikian dapat dikatakan, bahawa setiap perbuatan dagang dapat dikatakan jual beli, dan tidak sebaliknya.

Yang menjadi unsur, baik untuk perbuatan dagang mahupun untuk perbuatan jual beli adalah:

1. Ada barang atau wang.
2. Ada penjual atau pembeli.
3. Ada ijab kabul, sebagai tanda suka sama suka.

Baik dilakukan dengan lisan, mahupun dengan surat menyurat sebagaimana yang akan diterangkan dalam bab-bab selanjutnya.

Firman Allah s.w.t.:

اِنَّ اللهَ اشْتَرٰى مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ اَنْفُسَهُمْ وَاَمْوَالَهُمْ بِاَنَّ لَهُمُ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُوْنَ فِيْ سَبِيْلِ اللهِ فَيَقْتُلُوْنَ وَيُقْتَلُوْنَ وَعْدًا عَلَيْهِ حَقًّا*

سورة التوبة اية ١١١

Sesungguhnya Allah telah membeli diri orang-orang yang beriman dan harta mereka dengan janji bahawa bagi mereka disediakan syurga. Mereka berperang di jalan Allah, baik mereka membunuh atau terbunuh, adalah janji yang sebenarnya.

(Surah Al-Taubah ayat 111).

Firman Allah s.w.t.:

فَاِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوْا فِى الْاَرْضِ وَابْتَغُوْا مِنْ فَضْلِ اللهِ وَاذْكُرُوْا اللهَ كَثِيْرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ*

سورة الجمعة اية ١٠

Apabila kamu telah selesai mengerjakan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi, dan carilah kurnia Allah, dan

banyak-banyaklah mengingat Allah. Mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.

(Surah Al-Jumu'ah ayat 10).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ رِفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ سُئِلَ اَيُّ الْكَسَبِ اَطْيَبُ؟ قَالَ: عَمَلُ الرَجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُوْرٍ.

رواه البزار والحاكم وصححه

Dari Rifa'ah bin Rafi'. Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya orang: Apakah usaha yang paling baik? Rasulullah menjawab: "Usaha seseorang dengan tangannya dan tiap-tiap jual beli yang jujur."

(Riwayat Bazar dan Hakim).

3. MENCARI YANG HALAL

Dalam melakukan jual beli yang penting ialah mencari yang halal, dengan jalan yang halal pula. Ertinya, carilah barang yang halal yang dibolehkan oleh agama untuk diperjualbelikan atau diperdagangkan dengan cara yang sejujur-jujurnya. Bersih dari segala sifat-sifat yang dapat merosakkan jual beli itu, seperti tipu, pencurian, perampasan, riba (akan datang keterangan) dan lain-lain sebagainya.

Barang-barang yang diperjualbelikan lain dari cara tersebut di atas, ertinya dengan tidak mengendahkan peraturan-peraturan jual beli, maka perbuatan dan barang hasil jual beli seperti itu haram hukumnya. Haram dipakai dan haram dimakan, sebab perbuatan itu dinamakan perbuatan yang BATIL (tidak sah) menurut Agama.

Perbuatan-perbuatan yang termasuk perbuatan yang batil adalah sebagai berikut:

1. Penipuan, (khida'ah)
2. Perampasan, (ghasab)
3. Makan riba, (aklur-riba)
4. Pengkhianatan, (mazlamah)
5. Perjudian, (maisir)
6. Suapan, (rasywah).

7. Berdusta (kizib)
8. Pencurian (sirqah)

Demikianlah perbuatan-perbuatan yang termasuk perbuatan BATIL (tidak sah), semua hasil yang didapati dengan cara-cara tersebut haram dimakan dan dipakai serta dipergunakan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِنَّ اللهَ طَيِّبٌ لاَ يَقْبَلُ اِلاَّ طَيِّبًا وَاِنَّ اللهَ اَمَرَ الْمُؤْمِنِيْنَ بِمَا اَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِيْنَ فَقَالَ: اللهُ تَعَالَى يَاَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوْا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوْا صَالِحًا وَقَالَ تَعَالَى: يَاَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا كُلُوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesungguhnya Allah itu suci, dan Ia tidak akan menerima, melainkan yang suci pula. Dan sesungguhnya Allah, telah menyuruh orang mukmin dengan apa yang diperintahkan kepada rasul-rasul. Lalu Allah Taala berfirman: Hai sekalian Rasul! Makanlah barang yang halal dan kerjakanlah amal salih. Dan firman Allah Taala pula: Hai orang-orang yang beriman! Makanlah barang yang halal, iaitu barang yang Kami jadikan rezeki buat kamu."

(Riwayat Muslim).

4. RUKUN JUAL BELI

a. Ada akad (ijab kabul)
b. Ada orang yang berakad (pembeli dan penjual)
c. Ada makkud alaih (wang dan barang)

Pertama: *Akad*

Akad, ertinya ikatan kata antara si penjual dengan si pembeli. Umpamanya: Aku jual barangku kepadamu dengan harga sekian, kata si penjual. Aku beli barangmu dengan harga sekian, sahut si pembeli. Perkataan penjual dinamakan ijab dan perkataan pembeli dinamakan kabul.

Jual beli belum dapat dikatakan sah, sebelum ijab kabul dilakukan. Sebab ijab kabul itu menunjukkan rela atau sukanya kedua belah pihak. Pada dasarnya ijab kabul itu harus dilakukan dengan lisan. Tetapi, kalau tak mungkin, kerana bisu atau jauh

barang yang dibeli dan penjualnya jauh pula, maka bolehlah dengan perantaraan surat menyurat yang mengandungi erti ijab kabul itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَفْتَرِقَنَّ اِثْنَانِ اِلاَّ عَنْ تَرَاضٍ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صالح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Belumlah boleh dua orang yang berjual beli berpisahan, sebelum mereka berkerelaan."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Berkata pengarang kitab Subulussalam: "Dalil yang menyatakan tentang mensyaratkan ijab kabul itu ialah firman Alah yang berbunyi:

إِلاَّ اَنْ تَكُوْنَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِنْكُمْ*

سورة النساء اية ٢٨

Melainkan yang halal (kamu makan), bahawa harta benda perdagangan itu, dilakukan rela sama rela antara sesamamu.

(Surah Nisa' ayat 28).

Rasulullah menegaskan lagi. Dari Abu Said r.a. ia berkata:

قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِنَّمَا الْبَيْعُ عَنْ تَرَاضٍ.

رواه ابن حبان وابن ماجة

Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Baru sah jual beli, kalau sudah berkerelaan."

(Riwayat Ibnu Hibban dan Ibnu Majah).

Adapun kerelaan itu sebenarnya tak dapat dilihat, sebab berhubungan dengan hati, oleh sebab itu wajiblah dihubungkan dengan sebab lahir yang menunjukkan kerelaan itu, iaitu sighat (ijab kabul). Seterusnya pengarang Subulussalam berkata: Dalam

hal ini dapat dikecualikan jual beli barang-barang yang tidak begitu tinggi harganya, seperti jual beli keperluan sehari-hari. Sebab sudah menjadi kebiasaan dalam jual beli yang demikian orang tidaklah mengucapkan lagi ijab kabul. Ini adalah pendapat di kalangan Jumhur ulama umat. Menurut fatwa ulama Syafiiyah, pada jual beli yang kecil-kecil itu pun mesti juga disebutkan lafaz ijab kabul seperti jual beli lainnya. Tetapi Nawawi dan kebanyakan ulama Mutaakhkhirin daripada ulama Syafiiyah mereka berpendirian boleh tidak mensyaratkan suatu akad pada barang yang tidak begitu tinggi nilai harganya, sepertimana sebungkus rokok atau lain-lainnya. Seterusnya pengarang itu berkata: Pendapat yang sebenar dalam perkara ini, ialah bahawa belumlah sempurna dalil yang menjelaskan tentang mensyaratkan ijab kabul tersebut. Tetapi hakikat jual beli itu sebenarnya ialah tukar menukar yang timbul dari kerelaan masing-masing, sebagai yang difahamkan dari ayat dan hadis. Oleh kerana rela itu sesuatu yang tersembunyi di dalam hati, ia harus diketahui dengan karinah (tanda-tanda) sebahagiannya ialah dengan ijab kabul."

(Demikian Subulussalam).

Syarat sah ijab kabul

1. Jangan ada yang membatas (memisahkan). Maka janganlah si pembeli diam saja setelah si penjual menyatakan ijab, atau sebaliknya.
2. Jangan diselang dengan kata-kata lain.
3. Jangan ditaklikkan. Umpama: Jika bapaku telah mati, maka barang ini telah kujual kepadamu, dan lain-lainnya.
4. Jangan dibatasi waktunya. Umpama: "Aku jual barang ini kepadamu untuk sebulan ini saja," dan lain-lainnya. Penjualan yang begini tidak sah, kerana sesuatu barang yang sudah dijual atau dibeli adalah menjadi hak milik penuh bagi si pembeli itu buat selama-lamanya, dan si penjual tidak berkuasa lagi atas barang itu.

Kedua: *Orang yang berakad*

Bagi orang yang akan berakad diperlukan beberapa syarat:

1. *Baligh berakal* agar tidak mudah ditipu orang. Tidak sah akad anak kecil, orang gila atau orang bodoh. Sebab mereka tidak ahli tasarruf (ahli mengendalikan harta). Oleh sebab itu harta benda yang walaupun kepunyaannya sendiri tidak boleh diserahkan kepadanya.

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ اَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللهُ لَكُمْ قِيَامًا.

سورة النساء اية ٥

Dan janganlah kamu berikan hartamu itu kepada orang yang bodoh, dan harta itu dijadikan Allah untukmu sebagai asas penghidupan.

(Surah An-Nisa', ayat 5).

Bila harta benda tidak boleh diserahkan kepada orang bodoh, maka ini bererti bahawa orang yang tidak ahli tasarruf itu, tidak boleh melakukan jual beli dan melakukan akad (ijab kabul).

2. *Beragama Islam.* Syarat ini hanya tertentu untuk pembeli saja, bukan untuk penjual, kalau yang dibeli itu sesuatu yang tertulis di dalamnya firman Allah, walau satu ayat sekalipun. Seperti membeli kitab Al-Quran, atau kitab-kitab hadis Nabi. Begitu juga kalau yang dibeli itu hamba yang beragama Islam. Kalau yang tersebut itu dijual kepada kafir, tentulah mereka akan merendahkan atau menghina Islam dan kaum Muslimin. Sebab mereka sudah tentu berhak berbuat pada sesuatu yang sudah dibelinya. Sedang Allah melarang keras orang-orang mukmin, memberi jalan bagi orang kafir untuk menghina mereka.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَنْ يَجْعَلَ اللهُ لِلْكَافِرِيْنَ عَلَى الْمُؤْمِنِيْنَ سَبِيْلًا*

سورة النساء اية ١٤١

Dan Allah sekali-kali tidak memberi jalan bagi orang kafir untuk menghina orang yang Mukmin.

(Surah An-Nisa', ayat 141).

Ketiga: *Barang yang diperjualbelikan (makqud alaih)*

Disyaratkan pada barang yang diperjualbelikan itu:

1. Suci, atauu boleh disucikan. Maka tidaklah sah menjual barang yang najis, seperti anjing, babi dan lain-lainnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: إِنَّ اللهَ

وَرَسُوْلَهُ حَرَّمَ بَيْعَ الْخَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيْرِ وَالْأَصْنَامِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Sesungguhnya Allah dan Rasul-Nya telah mengharamkan menjual arak, bangkai, babi dan berhala."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ وَالسِّنَّوْرِ.

رواه مسلم وابو داود وفى رواية للنسائى: اِلَّا كَلْبُ صَيْدٍ.

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah melarang Rasulullah s.a.w. menjual anjing dan kucing."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Dan menurut riwayat lain dari Nasai dinyatakan: Melainkan anjing untuk berburu.

Selain dari itu ada pula keterangan lainnya:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ الْأَنْصَارِى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ وَمَهْرِ الْبَغِيِّ وَحُلْوَانِ الْكَاهِنِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Mas'ud Al-Ansari r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah melarang menerima wang hasil penjualan anjing, wang zina, dan tukang tenung.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Menurut mazhab Imam Syafii, sebabnya haram memperjualbelikan arak, bangkai, babi dan anjing adalah kerana najis (rijs, keji), sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis Nabi s.a.w. di atas.

Mengenai berhala bukan kerana najisnya, melainkan hanya semata-mata tidak ada manfaatnya. Bila ia telah dipecah-pecah menjadi batu biasa, maka ia boleh diperjualbelikan, sebab dapat di pergunakan untuk bahan bangunan dan lain-lainnya.

Berkata pengarang kitab Subulussalam: "Dikatakan orang, bahawa yang menjadi illat dalam perkara haram menjual tiga macam yang pertama (arak, bangkai dan babi) ialah najis. Akan tetapi dalil yang menunjukkan najis arak, (najis aini) tidak dapat difahami. Dan seperti ini juga najis bangkai dan babi. Maka sesiapa yang menjadikan *najis* sebagai *illat* larangan itu, berlaku pula hukum itu pada haramnya menjual tiap-tiap yang najis."

Tentang perkara kucing, berkata pengarang itu selanjutnya: "Dalam perkataan ini telah timbul perbezaan pendapat ulama. Yang mengharamkan menjual kucing ialah Abu Hurairah, Thaus dan Muahhid. Sedangkan Jumhur Ulama berfatwa, bahawa menjual kucing dibolehkan kalau ada manfaatnya. Dan mereka nyatakan bahawa larangan yang terkandung dalam hadis dimaksudkan hanya sebagai tanzih (makruh tanzih). Dan ini jelas menyalahi lahir hadis."

(Demikian Subulussalam).

Berkata pengarang kitab Bidayatul Mujtahid: "Adapun larangan mengambil (menerima) wang penjualan kucing tetap haram hukumnya, kerana beralasan hadis yang sahih. Akan tetapi Jumhur membolehkan, kerana kucing itu suci ainnya (boleh disentuh), lagi pula dibolehkan mengambil manfaatnya.

2. Memberi manfaat menurut syarak. Maka tidak sah memperjualbelikan cengkerik, ular, semut atau binatang-binatang buas lainnya. Binatang harimau, buaya dan ular, boleh dijual kalau hendak mengambil kulitnya untuk disamak, untuk dijadikan kasut dan lain-lain, dan tidak sah untuk permainan, kerana menurut syarak tidak ada manfaatnya. Begitu juga alat-alat permainan yang digunakan untuk melakukan yang haram atau untuk meninggalkan kewajipan kepada Allah, seperti meninggalkan sembahyang dan lain-lainnya. Perbuatan itu dapat dinamakan perbuatan membazir (sia-sia) dan dilarang keras oleh agama.

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ الْمُبَذِّرِيْنَ كَانُوْا إِخْوَانَ الشَّيٰطِيْنِ*

سورة الاسراء اية ٢٧

Sesungguhnya orang-orang yang suka berbuat membazir (sia-sia) itu adalah saudara syaitan.

(Surah Al-Israk, ayat 27).

3. Dapat diserahkan secara cepat atau lambat. Tidak sah menjual binatang-binatang yang sudah lari yang tidak dapat ditangkap lagi, atau barang-barang yang sudah hilang, atau barang yang sulit menghasilkannya.
4. Milik sendiri. Tidak sah menjual barang orang lain tidak dengan izinnya, atau barang yang hanya baru akan menjadi milik.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُمَرَ بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ اَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا طَلَاقَ اِلَّا فِيْمَا تَمْلِكُ وَلَا عِتْقَ اِلَّا فِيْمَا تَمْلِكُ وَلَا بَيْعَ اِلَّا فِيْمَا تَمْلِكُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Umar bin Syuaib dari bapanya, dari datuknya dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak ada ertinya talak (tidak sah) melainkan pada perempuan yang engkau miliki, dan tidak ada ertinya memerdekakan melainkan pada hamba yang engkau miliki dan tidaklah ada ertinya (tidak sah) berjual beli melainkan pada barang yang engkau miliki."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

5. Di ketahui (dilihat). Barang yang boleh diketahui banyak, berat atau jenisnya. Tidak sah jual beli yang akan menimbulkan penyesalan kepada salah satu pihak. Itulah sebabnya dilarang oleh agama.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الْحَصَاةِ وَعَنْ بَيْعِ الْغَرَرِ.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. beliau berkata: "Rasulullah s.a.w. telah melarang jual beli secara melempar dengan batu (lempar-lemparan) dan jual beli yang mengandungi penipuan."

(Riwayat Muslim).

Yang dimaksud melempar di sini ialah melempar sesuatu barang tertentu atau melempar barang yang telah disediakan di suatu tempat, mana yang kena, itulah yang dibeli. Tapi kalau tidak ada yang kena si pembeli tidak mendapat apa-apa. Sedangkan wang pembeli biasanya sudah diserahkan lebih dahulu, sehingga rugi si pembeli. Atau membeli tanah sejauh seperlemparan. Begitu juga seperti membeli ikan yang masih dalam kolam dan sebagainya, sebab tidak kelihatan berapa banyaknya dan apa jenisnya.

Perbuatan ini bukan saja penipuan, tetapi juga dinamakan JUDI (untung-untungan).

5. JUAL BELI YANG DILARANG DAN TIDAK SAH

Barang-barang yang dilarang memperjualbelikannya, serta membatalkan ijab kabul ada bermacam-macam:

Pertama: Barang yang dihukumkan najis oleh agama, umpama anjing, babi dan sebagainya (lihat syarat berjual beli di atas). Setiap barang yang dilarang memperjualbelikannya, adalah membatalkan ijab kabul.

Kedua: Bibit (mani) binatang ternak, dengan cara meminjamkannya untuk mengambil keturunannya. Jual beli batal, kerana barangnya tidak kelihatan ukurannya.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَنْ عَسْبِ الْفَحْلِ. رواه البخارى

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: "Telah melarang Rasulullah s.a.w. menjual mani binatang."

(Riwayat Bukhari).

Hal ini disebabkan kerana yang diperjualbelikan itu tidak diketahui berapa banyaknya dan berapa timbangannya.

Ketiga: Anak binatang yang akan dikandung oleh anak yang masih di dalam kandungan ibunya. Dilarang memperjualbelikan, kerana barangnya belum ada dan tidak nampak.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ حَبْلِ الْحَبْلَةِ وَكَانَ بَيْعًا يَبْتَاعُهُ اَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ كَانَ الرَّجُلُ يَبْتَاعُ الْجَزُوْرَ اِلَى اَنْ تُنْتَجَ النَّاقَةُ ثُمَّ تُنْتَجُ الَّتِى فِى بَطْنِهَا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. beliau berkata: "Rasulullah s.a.w. telah melarang menjual anak yang akan dikandung oleh anak yang masih di dalam kandungan (induknya). Penjualan seperti itu adalah penjualan yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliah, yang pernah seseorang menjual unta hingga melahirkan anak, kemudian lahir pula anak yang di dalam perutnya itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bukan saja anak binatang yang akan dikandung oleh anak yang masih di dalam kandungan induknya yang dilarang menjualnya, malah anak yang masih di dalam itu pun tidak juga sah dijual. Sebab barang yang diperjualbelikan itu tidak kelihatan dan belum tentu ada.

Keempat: Bai' Muhaqalah. Tafsiran kalimat muhaqalah ini banyak sekali. Misalnya, seorang menjual tanam-tanaman kepada orang lain dengan 100 faraq gandum. Faraq ialah seperti timbangan yang beratnya sebanyak 16 kati atau tiga gantang. Menurut tafsiran lain: Muhaqalah ialah menjual tanam-tanaman yang masih di ladang atau di sawah dengan tamar (gandum) secara katian. Sebab Muhaqalah berasal dari "haqala," yang bererti tanah, sawah atau kebun. Hal ini dilarang oleh agama, kerana ada persangkaan riba di dalamnya, sebab tidak diketahui persamaannya.

(Demikian Nailul Autar).

Kelima: Bai' Mukhadarah: Iaitu menjual buah-buahan sebelum nyata baiknya untuk dipetik, dan dinamakan juga menjual

buah atau biji muda. Hal ini dilarang kerana tak ada faedahnya, atau manfaatnya, kecuali kalau sudah mungkin diambil manfaatnya.

Keenam: Bai' Mulamasah: Iaitu jual beli secara sentuh menyentuh. Ertinya, seseorang menyentuh sesuatu barang, kain umpamanya, dengan tangannya di waktu malam atau siang, dengan tidak membalikkan atau mengembangkan. Bila barang itu telah disentuh, maka terjadilah jual beli. Hal ini dilarang kerana mengandungi penipuan dan mungkin merugikan kepada salah satu pihak.

Ketujuh: Bai' Munabazah: Iaitu jual beli secara lempar melempar. Ertinya, bahawa seseorang berkata umpamanya: "Lemparkanlah kepadaku apa yang ada padamu nanti kulemparkan pula kepadamu apa yang ada padaku." Setelah lempar melempar itu, maka terjadilah jual beli. Hal ini dilarang oleh agama, kerana tidak ada ijab kabul (akad) yang sah dan memungkinkan terjadinya penipuan.

Kelapan: Bai' Muzabanah: Iaitu menjual buah yang basah dengan buah yang kering, melainkan dalam Bai' Araya (akan datang keterangannya).

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ عَنِ الْمُحَاقَلَةِ وَالْمُخَاضَرَةِ وَالْمُلَامَسَةِ وَالْمُنَابَذَةِ وَالْمُزَابَنَةِ.

رواه البخارى

Dari Anas r.a. ia berkata: "Telah melarang Rasulullah s.a.w. tentang melakukan Bai' Muhaqalah, Bai' Mukhadarah, Bai' Mulamasah, Bai' Munabazah dan Bai' Muzabanah."

(Riwayat Bukhari).

Kesembilan: Menentukan dua harga untuk satu barang yang diperjualbelikan. Berkata Syafii: Jual beli seperti ini mengandung dua takwil (erti). Pertama, bahawa seseorang berkata: Aku jual kepada engkau barangku ini dengan harga $1000 secara tunai, dan berharga $2000 secara berhutang. Kedua, bahawa seseorang berkata: Aku jual barangku ini kepadamu, dengan syarat agar kamu jual pula barangmu kepadaku.

(Demikian Subulussalam).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ

بَاعَ بَيْعَتَيْنِ فِيْ بَيْعَةٍ فَلَهُ اَوْكَسُهُمَا اَوِالرِّبَا.

رواه ابو داود ـ حسن صحيح

Dan Abu Hurairah r.a. beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang menjual dua penjualan dalam satu barang maka baginya ada kerugian atau riba."

(Riwayat Abu Daud).

Dikatakan riba, sebab harga $1000 tunai, dijual dengan harga $2000 hutang. Hal ini dilarang oleh agama kerana jelas menimbulkan riba.

Kesepuluh: Penjualan yang bersyarat: Pertama, menurut pengarang kitab An-Nihayah: Umpama berkata seseorang: Aku jual barang ini kepadamu berharga $1000 dengan syarat kalau engkau mahu meminjamkan kepadaku barang-barangmu berharga seribu pula. Kedua umpama seseorang berkata: Aku jual kain ini kepadamu berharga $10 kalau tunai, dan berharga $20 kalau berhutang. Hal ini dilarang oleh agama, kerana harga tidak dijelaskan mana yang sebenarnya dari yang dua macam itu (iwad majhul).

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ اَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ يَحِلُّ سَلَفٌ وَبَيْعٌ وَلاَ شَرْطَانِ فِى بَيْعٍ وَلاَ رِبْحُ مَا لَمْ يُضْمَنْ وَلاَ بَيْعُ مَا لَيْسَ عِنْدَكَ.

رواه ابو داود والترمذى ـ حسن صحيح

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tidak halal menguntungkan (meminjamkan) serta menjual, tidak halal dua syarat dalam satu penjual an, tidak halal mencari keuntungan dalam barang yang tidak dapat dijamin dan tidak pula halal menjual barang yang tidak ada di sisimu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Kesebelas: Bai' Ghurur, ertinya jual beli yang sudah jelas mengandungi penipuan. Seperti menjual ikan dalam air (kolam),

atau menjual barang yang di atasnya kelihatan baik sedang di dalamnya buruk dan lain-lain yang serupa dengan itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
لَا تَشْتَرُوْا السَّمَكَ فِي الْمَاءِ فَاِنَّهُ غَرَرٌ.

رواه احمد ـ حديث موقوف عنده

Dari Ibnu Mus'ud r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Janganlah kamu membeli ikan di dalam air, kerana jual beli semacam itu mengandungi penipuan."

(Riwayat Ahmad).

Keterangan lain:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ مَرَّ عَلَى
صُبْرَةٍ مِنْ طَعَامٍ فَاَدْخَلَ يَدَهُ فِيْهَا فَنَالَتْ اَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ:
مَا هٰذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ قَالَ: اَصَابَتْهُ السَّمَآءُ يَا رَسُوْلَ اللهِ
قَالَ: اَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ. مَنْ غَشَّ
فَلَيْسَ مِنَّا.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah lewat dekat selonggok barang makanan, lalu Nabi masukkan tangan beliau ke dalamnya, lantas terasa oleh jari beliau basah di dalamnya lalu Nabi bersabda: 'Apakah ini, hai yang punya makanan?' Orang yang empunya makanan itu menyahut: 'Kena hujan, ya Rasulullah.' Beliau bersabda lagi:
"Mengapa tidak engkau letakkan saja yang basah itu di atas makanan itu supaya dilihat orang? Sesiapa yang menipu, tidaklah ia masuk ke dalam golongan kami."

(Riwayat Muslim).

Hal ini dilarang oleh agama, kerana bererti penjual memakan harta saudaranya tidak dengan jalan yang halal. Sebab andaikata si pembeli mengetahui, tentulah ia tidak akan membeli atau jual belinya dibatalkan, atau dikurangi harganya.

6. JUAL BELI YANG TERLARANG TETAPI SAH.

Ada beberapa macam jual beli yang dilarang oleh agama, tapi sah bila dilakukan. Cuma orang yang melakukannya mendapat dosa.

Pertama: Menemui kafilah orang-orang dusun sebelum masuk pasar untuk membeli barang-barangnya dengan harga yang semurah-murahnya, sebelum mereka tahu harga pasaran. Kemudian dijual secara beransur-ansur dengan harga yang setinggi-tingginya. Perbuatan ini adalah menyulitkan orang lain. Apalagi kalau barang yang mereka bawa itu merupakan bahan keperluan pokok yang umum seperti bahan makanan, pakaian dan lain-lainnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
لَا تَلَقَّوْا الرُّكْبَانَ وَلَا يَبِعْ حَاضِرٌ لِبَادٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. berkata ia: bersabda Rasulullah s.a.w.: "Janganlah kamu temui orang yang berkenderaan itu (orang yang membawa bahan-bahan penting ke bandar), dan tidak boleh menjualkan orang yang hadir (orang di bandar) menjualkan barang orang dusun (baru datang)."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Selain dari mempersulit hajat manusia, juga kalau orang-orang dusun itu tahu, bahawa barangnya itu sangat diperlukan tentulah ia tidak mahu menjual kepada mereka yang menemuinya itu dengan harga yang murah.

Kedua: Menawar barang yang sedang ditawar oleh orang lain, sebelum ada ketetapan harganya. Kata seorang kepada yang empunya barang: "Tolaklah harga tawarannya itu, nanti aku yang membeli dengan harga yang lebih mahal dari itu." Hal ini dilarang oleh agama, kerana menyakitkan hati orang lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ يَسُوْمُ الرَّجُلُ عَلَى سَوْمِ اَخِيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tidak boleh seseorang menawar di atas tawaran saudaranya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Bai' Najasyi. Caranya ialah seseorang menambah atau melebihi atas harga temannya, tetapi bukan bermaksud hendak membeli, melainkan hanyalah untuk memancing-mancing orang, agar orang itu mahu membeli barang kawannya. Hal ini banyak berlaku di kalangan orang-orang dagang yang berkawan dalam menjual sesuatu barang. Perbuatan ini dilarang, kerana menyakitkan hati. Berdosa hukumnya, bagi orang yang mengetahui soal itu (larangan itu).

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَنِ النَّجْشِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: "Telah melarang Rasulullah s.a.w. melakukan bai' najasyi."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keempat: Menjual di atas penjualan orang lain. Umpama kata seorang kepada si pembeli sesuatu barang: "Kembalikan sajalah barang itu kepada si penjualnya, nanti barangku saja engkau beli dengan harga yang lebih murah dari itu." Hal ini dilarang oleh agama, kerana menyakitkan hati juga. Dan berdosalah orang-orang yang mengetahui.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَلاَ

يَبِيْعُ الرَّجُلُ عَلَى بَيْعِ اَخِيْهِ وَلاَ يَخْطِبُ عَلَى خِطْبَةِ اَخِيْهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Dan tidaklah boleh seseorang menjual di atas penjualan saudaranya, dan tidak pula ia boleh meminang di atas pinangan saudaranya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Begitu juga dilarang memperjualbelikan binatang aduan, umpamanya ayam jago (ayam jantan) untuk disabung, atau binatang ternak untuk pertandingan, sebab semuanya itu masuk perbuatan yang aniaya kepada makhluk yang tak bersalah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لَتُؤَدُّنَّ الْحُقُوْقَ اِلَى اَهْلِهَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يُقَادَ لِلشَّاةِ الْجَلْجَاءِ مِنَ الشَّاةِ الْقَرْنَاءِ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Sesungguhnya kamu akan memberikan (mengembalikan) segala hak kepada yang empunya pada hari kiamat, hingga kambing yang tidak bertanduk, akan diperbalaskan dengan kambing yang bertanduk."

(Riwayat Muslim).

Maksud hadis ini dapat pula dihubungkan kepada manusia yang aniaya terhadap saudaranya, maka di hari kiamat orang yang teraniaya itu akan meminta haknya kepada Tuhan, dari orang yang telah menganiayanya itu.

Semua macam penjualan yang tersebut di atas itu dilarang melakukannya, bukan kerana syarat dan rukunnya tidak mencukupi, akan tetapi kerana menyempitkan hidup manusia dan menyakitkan hati.

7. IKHTIKAR (SPEKULASI)

Barang-barang yang sangat diperlukan oleh manusia seperti bahan makanan, pakaian atau keperluan hidup yang lain, maka

haram hukum menyimpannya, kerana hal itu mendatangkan kesulitan atas manusia dan bererti pula zalim dan aniaya. Hal itu disebut *ikhtikar* ertinya: membeli barang yang diperlukan oleh masyarakat, kemudian barang-barang itu disimpan di dalam gudang, dan dijual sedikit-sedikit, setelah harganya mahal.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ مَعْمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنِ احْتَكَرَ عَلَى الْمُسْلِمِيْنَ طَعَامَهُمْ ضَرَبَهُ اللهُ بِالْجَذَامِ وَالْأَفْلَاسِ.

رواه ابن ماجة بسند حسن

Dari Ma'mar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang menyimpan barang yang dapat menimbulkan kemelaratan atas kaum Muslimin, Allah akan memukulnya dengan penyakit canggu dan kemiskinan."

(Riwayat Ibnu Majah).

Menurut hakikatnya, perbuatan semacam itu sudah terang haram sebab menyempitkan kehidupan. Dalam keterangan lain dinyatakan pula:

عَنْ مَعْمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ احْتَكَرَ فَهُوَ خَاطِئٌ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Ma'mar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang menyimpan barang (dengan sengaja supaya mahal harganya) maka orang itu telah berdosa."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Tas'ir, ialah penentuan taraf harga oleh pemerintah atas barang-barang yang bukan pemerintah sendiri empunya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّاسُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ غَلَا السِّعْرُ فَسَعِّرْ لَنَا فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّ اللهَ هُوَ الْمُسَعِّرُ

الْقَابِضُ الْبَاسِطُ الرَّزَّاقُ وَاِنِّى لَأَرْجُوْ اَنْ أَلْقَى اللهَ وَلَيْسَ اَحَدٌ مِنْكُمْ يُطَالِبُنِى بِمَظْلَمَةٍ فِى دَمٍ وَلاَ مَالٍ.

رواه ابو داود والترمذى وغيرهما ـ حسن صحيح

Dari Anas r.a. ia berkata: Telah mengadu manusia kepada Nabi: "Ya Rasulullah, harga barang-barang telah naik, sebab itu berikanlah harga untuk kami (murahkan)" Maka Rasulullah s.a.w. menjawab: Sesungguhnya Allah yang menentukan harga, yang Maha Kuasa menyempitkan, yang Maha Kuasa menyederhanakan penghidupan, yang Maha Kuasa melapangkan, yang Maha Kuasa memberi rezeki, dan aku sesungguhnya sangat mengharap, bahawa aku akan menemui Allah, dan tiadalah jalan berbuat kezaliman dalam urusan penumpahan darah dan tidak seorang juga di antara kamu yang dapat menuntutku dengan harta benda."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Dalam hal ini Rasulullah diminta orang, supaya beliau menurunkan harga barang, tetapi Rasulullah s.a.w. menjawab: bahawa pekerjaan itu adalah zalim dan aniaya, sebab masing-masing manusia berkuasa atas barangnya dan tak boleh dihalang-halangi, sebab boleh jadi modalnya mahal pula.

8. KHIAR DALAM JUAL BELI

Dalam melakukan jual beli, oleh agama dibolehkan pula memilih, akan diteruskan jual beli atau tidak, disebabkan terjadinya sesuatu hal.

Khiar (memilih) itu ada tiga macam:

Pertama: *Pembeli dan penjual,* di situ boleh dilakukan khiar, jadi atau tidaknya jual beli itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِذَا تَبَايَعَ الرَّجُلاَنِ فَكُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا بِالْخِيَارِ مَالَمْ يَتَفَرَّقَا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila dua orang berjual beli, maka masing-masing boleh khiar (jadi atau tidak jual beli), selama keduanya belum bercerai."

(Riwayat Muslim).

Kedua: *Khiar syarat,* ertinya si penjual atau si pembeli mensyaratkan sesuatu syarat, yang akan menguntungkan kepada salah satu pihak, asal tidak merosakkan yang diperjualbelikan itu.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ بَاعَ مِنَ النَّبِيِّ ﷺ بَعِيْرًا وَاشْتَرَطَ ظَهْرَهُ إِلَى أَهْلِهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. bahawa ia pernah menjual seekor unta kepada Nabi s.a.w. dan disyaratkannya, supaya ia boleh menunggang unta itu untuk pulang ke rumahnya.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ketiga: *Khiar aib,* ertinya si pembeli mensyaratkan, kalau barang yang dibeli itu ada cacatnya, maka barang itu akan dikembalikan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْخَرَاجُ بِالضَّمَانِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Faedah yang lahir dari barang yang diperjualbelikan itu adalah dengan sebab jaminan."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Maksudnya, umpama ada seseorang membeli seekor sapi, setelah sapi itu diperkerjakan beberapa hari, didapati olehnya cacat. Tanda-tanda cacat itu sudah lama dan sudah ada sebelum dibelinya. Lantaran demikianlah jual beli itu dapat atau boleh dibatalkan. Sedang faedah yang didapatinya selama mempekerjakan sapi itu adalah hak pembeli. Sebab andaikata sapi itu mati atau hilang di tangannya antara masa akad dengan membatalkannya, adalah menjadi tanggungjawabnya.

Adapun khiar syarat, hanya boleh selama tiga hari. Dan apabila lebih dari tiga hari, teruslah akad. Sebab dalam tiga hari itu sudah cukup untuk mengetahui sesuatu yang berhubungan dengan barang yang sudah diperjualbelikan itu. Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ تَصُرُّوا الْإِبِلَ وَالْغَنَمَ فَمَنِ ابْتَاعَهَا بَعْدُ فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظْرَيْنِ بَعْدَ اَنْ يَحْلُبَهَا إِنْ شَاءَ اَمْسَكَهَا وَإِنْ شَاءَ رَدَّهَا وَصَاعًا مِنْ تَمْرٍ ـ رواه البخارى ومسلم ـ وفي رواية ـ فَهُوَ بِالْخِيَارِ ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Jangan kamu suka mentasiriyakan unta dan kambing (mengikutnya di sebelah belakangnya, sedang susunya tak diperah hingga penuh kelihatannya). Sesiapa yang membelinya sesudah itu, maka ia boleh memilih salah satu dua pertimbangan sesudah ia memerahnya. Jika ia kehendaki, ia tahan (ia teruskan jual beli) dan jika ia kehendaki, ia boleh mengembalikan binatang itu serta segantang tamar."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dan pada satu riwayat: "Maka ia boleh khiar selama tiga hari."

(Riwayat Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: ذَكَرَ رَجُلٌ لِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ اَنَّهُ يُخْدَعُ فِى الْبُيُوْعِ فَقَالَ لَهُ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِذَا بَايَعْتَ فَقُلْ: لاَ خِلاَبَةَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah seseorang mengatakan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa ia telah menipu dalam jual beli, maka Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Bila engkau

berjual beli maka katakanlah (berterus terang) kepada pembeli, tak boleh tipu menipu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bila kata-kata ini diucapkan ketika menjual barang, tentu hal ini menghendaki khiar bagi yang membeli, selama waktu yang ditentukan (3 hari).

Khiar aib boleh dilakukan, bila aib itu telah ada tandanya lebih dahulu sebelum dibeli. Tetapi kalau jelas sesudah dibeli datang aibnya, maka tidak boleh dikembalikan lagi.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَجُلًا اِبْتَاعَ غُلَامًا فَاَقَامَ عِنْدَهُ ثُمَّ وَجَدَ بِهِ عَيْبًا فَخَاصَمَ بَائِعُهُ اِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَرَدَّ عَلَيْهِ. رواه احمد وابو داود

Dari Aisyah r.a. bahawa seorang laki-laki pernah membeli seorang hamba lalu disuruhnya hamba itu berdiri di dekatnya, kemudian didapatinya pada hamba itu ada cacat, lalu diadukannya hal itu kepada Rasulullah s.a.w. maka dikembalikannyalah hamba itu kepadanya (si penjual).

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Hal ini melihat kepada tanda-tanda, apakah cacat itu sudah ada sebelum dibeli atau terjadi sesudah dibeli.

9. BERSELISIH DAN JUJUR DALAM JUAL BELI

Bila orang berjual beli itu berselisih dalam sesuatu barang yang diperjualbelikan, maka yang dibenarkan ialah kata-kata orang yang empunya barang, bila antara keduanya tak ada saksi dan keterangan lainnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِذَا اخْتَلَفَ الْبَيِّعَانِ وَلَيْسَ بَيْنَهُمَا بَيِّنَةٌ فَهُوَ مَا يَقُوْلُ رَبُّ السِّلْعَةِ اَوْ يَتَتَارَكَانِ. رواه ابو داود والترمذي

Dari Abdullah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila dua orang yang berjual beli berselisih dan antara keduanya tidak ada saksi maka yang dibenarkan ialah perkataan yang empunya barang, atau keduanya membatalkan jual beli itu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Dalam melakukan jual beli, hendaklah antara penjual dan pembeli berterus terang dan mengatakan yang benar saja. Jangan berdusta dan jangan suka bersumpah dusta. Sebab sumpah dan dusta itu menghilangkan berkat dalam jual beli.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِى ﷺ قَالَ: اَلْحَلْفُ مَنْفَقَةٌ لِلسِّلْعَةِ مَمْحَقَةٌ لِلْبَرَكَةِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bersumpah-sumpah itu mencepatkan lakunya barang (tetapi) menghilangkan berkat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِيَّاكُمْ وَكَثْرَةَ الْحَلْفِ فِى الْبَيْعِ فَاِنَّهُ يُنَفِّقُ ثُمَّ يَمْحَقُ.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tinggalkanlah banyak bersumpah-sumpah dalam jual beli, kerana sesungguhnya bersumpah-sumpah itu mencepatkan laku barang kemudian cepat pula menghilangkan berkatnya."

(Riwayat Muslim).

Pedagang-pedagang yang jujur dan benar itu, berdekatan dengan nabi-nabi dan sahabat-sahabat serta orang-orang yang mati syahid di hari kiamat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ الْحَسَنِ عَنْ اَبِى سَعِيْدٍ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلتَّاجِرُ

الصَّدُوْقُ اْلأَمِيْنُ مَعَ النَّبِيِّيْنَ وَالصِّدِّقِيْنَ وَالشُّهَدَآءِ.

رواه الترمذى بسند صحيح

Dari Hasan, dari Abu Said, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Kaum saudagar yang benar dan jujur itu, dikumpulkan nanti di hari kiamat bersama dengan nabi-nabi dan sahabat-sahabat serta orang yang mati syahid."

(Riwayat Tirmizi).

10. PERJUDIAN

Judi ertinya bertaruh, sama ada dengan matawang mahupun dengan benda. Dapat juga disebut, sesuatu perbuatan laba dengan jalan keuntungan, sebab caranya ialah dengan jalan meneka, dengan syarat *"pembayaran"* lebih dahulu. Kalau kena yang diteka, maka beruntunglah orang yang membayar itu. Tetapi kalau tidak kena, maka hilanglah wang pembayaran itu.

Maka perbuatan judi ini adalah haram atau terlarang sekali, sedang hasil yang didapati dengan jalan judi itu terlarang pula memakan atau memakainya untuk yang bersangkutan.

Allah berfirman:

يَا اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ*

سورة المائدة اية ٩٠

Hai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, patung dan menguji nasib itu adalah perbuatan keji, termasuk perbuatan syaitan, oleh itu jauhilah ia, mudah-mudahan kamu menang.

(Surah Al-Maidah, ayat 90).

Sesungguhnya setiap perbuatan yang sifatnya *"untung-untungan,"* baik dengan jalan membeli sesuatu benda mahupun dengan melakukan sesuatu perjanjian atas sesuatu yang belum tentu terjadi, dengan melakukan *"pembayaran"* lebih dahulu, atau secara beransur-ansur, maka perbuatan itu termasuk judi, atau nasib.

Di masa Jahiliah dahulunya, perjudian itu dilakukan orang dengan jalan mengisi mangkuk, dengan daging kambing yang disembelih atas nama bersama (peserta) untuk disedekahkan kepada fakir miskin. Mangkuk itu sebanyak 9 buah, yang berisi hanya 6 mangkuk dan yang dikosongkan tiga buah mangkuk. Setelah mangkuk itu digoyang dalam sebuah karung, yang mereka namakan "ribabah," maka satu persatu mangkuk itu dikeluarkan. Mana yang mendapat kosong, dialah yang mengganti wang pembelian kambing itu, dan kerugian kawannya tadi dialah yang mengganti.

Maka cara yang begini dilarang oleh Allah, dengan menurunkan ayatnya di atas tadi.

11. SIMSAR (BADAN PERANTARAAN)

Iaitu: Seseorang yang menjualkan sesuatu barang orang lain, atas dasar bahawa seseorang itu akan diberi upah oleh orang yang empunya barang, sesuai dengan usahanya.

Dalam sebuah keterangan dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا فِى مَعْنَى السِّمْسَارِ قَالَ: لاَ بَأْسَ اَنْ يَقُوْلَ بِعْ هٰذَا الثَّوْبَ بِكَذَا فَمَا زَادَ فَهُوَ لَكَ.

رواه البخارى

Dari Ibnu Abbas r.a. Dalam perkara pengertian simsar ia berkata: "Tidaklah mengapa kalau seseorang berkata: Juallah kain ini dengan harga sekian, berapa lebihnya dari penjualan itu, maka yang lebih itu untuk engkau."

(Riwayat Bukhari).

Adapun *"Kelebihan"* yang dinyatakan dalam keterangan ini adalah: Pertama: Harga yang lebih dari harga yang telah ditentukan untuk si penjual barang itu. Kedua: Kelebihan barang setelah dijual menurut harga yang telah ditentukan oleh yang empunya barang kepada si penjual.

Berdagang secara simsar ini dibolehkan dalam agama, asal dalam perlaksanaannya tidak terjadi penipuan dari yang satu terhadap yang lain.

Orang yang jadi simsar ini, dapat juga dinamakan: Komisioner, atau Makelar, atau agen, tergantung kepada persyaratan-persyaratan atau ketentuan-ketentuannya menurut Hukum Dagang sekarang ini.

Walaupun namanya: Simsar, Komisioner, Makelar dan Agen, namun mereka bertugas sebagai badan perantaraan dalam menjualkan barang-barang dagangan, baik atas nama sendiri mahupun atas nama perusahaan orang yang empunya barang.

12. BERLAPANG DADA DALAM BERJUAL BELI

Dalam melakukan jual beli, hendaknya kita berlapang dada. Sebab sering terjadi harga penawaran dari si penjual terlalu tinggi, lantas ditawar... oleh si pembeli terlalu rendah. Kadang-kadang sampai seperti harga penawaran. Atau si penjual telah memberi harga yang pantas tapi masih ditawar terlalu murah. Dalam hal ini hendaklah antara kedua belah pihak selalu berlapang dada, jangan terlalu cepat marah.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: رَحِمَ اللهُ رَجُلاً سَمْحًا اِذَا بَاعَ وَإِذَا اشْتَرَى وَاِذَا اقْتَضَى.

رواه البخارى والترمذى

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah dirahmati Tuhan orang yang berlapang dada bila ia berjual beli dan bila minta atau menagih hutang."

(Riwayat Bukhari dan Tirmizi).

Keterangan lain:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ قَالَ: كَانَ لِرَجُلٍ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ حَقٌّ فَاَغْلَظَ لَهُ فَهَمَّ بِهِ الْأَصْحَابُ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: دُعُوْهُ فَاِنَّ لِصَاحِبِ الْحَقِّ مَقَالاً اِشْتَرُوْا لَهُ سِنًّا فَأَعْطُوْهُ اِيَّاهُ فَقَالُوْا: لَا نَجِدُ اِلَّا سِنًّا هُوَ خَيْرٌ مِنْ سِنِّهِ قَالَ: فَاشْتَرُوْهُ فَأَعْطُوْهُ اِيَّاهُ فَاِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ اَوْ خِيَرِكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. berkata ia: "Pernah seorang laki-laki mempunyai hak atas Nabi s.a.w. (seekor unta jantan) maka laki-laki itu marah kepada beliau (kerana belum juga dibayar), lalu sahabat-sahabat hendak memukulnya, maka bersabdalah Nabi s.a.w.: Biarkanlah dia kerana orang yang empunya hak sesungguhnya berhak pula ia mengeluarkan kata-kata, maka belikanlah olehmu baginya seekor unta jantan (4 tahun). Mereka lalu menjawab: Tidak ada ya Rasulullah, melainkan ada unta yang lebih baik dari untanya. Maka bersabda Rasulullah: Belilah, lalu berikan kepadanya, kerana sesungguhnya sebaik-baik kamu ialah orang yang dapat berbakti (melebihi) dalam membayar hutangnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

13. JUAL BELI ARAYA DAN MUZAYADAH (LELONG)

Bai' araya, ertinya menjual buah yang masih dipokok dengan buah yang telah masak, Ertinya *araya,* ialah pokok kurma yang diberikan oleh kaum hartawan kepada orang miskin, supaya buahnya dapat mereka makan. Kemudian setelah buahnya kelihatan, sedang mereka tidak dapat menunggu lebih lama, maka boleh mereka jual buah yang masih muda itu dengan buah yang telah masak.

Dan *Muzayadah,* ialah penjualan yang dilakukan secara lelong. Umpamanya seseorang yang hendak membeli barang itu berkata: "Saya mahu menambah." Lalu ditambah pula oleh orang lain: "Saya mahu membeli dengan harga sekian." Lalu kata yang empunya barang: "Siapa beli sekian." Demikian seterusnya (akan datang keterangannya dalam perkara lelong).

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنْ بَيْعِ الثَّمَرِ حَتَّى يَطِيْبَ وَلاَ يُبَاعُ شَيْءٌ مِنْهُ اِلاَّ بِالدِّيْنَارِ وَالدِّرْهَمِ اِلاَّ الْعَرَايَا.

رواه البخارى وابو داود

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah melarang Nabi s.a.w. menjual buah hingga masak lebih dulu, dan tak boleh dijual sesuatu pun

melainkan dengan dinar dan dirham (mata wang), kecuali penjualan araya."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Menurut yang lahir, bahawa perbuatan menjual buah-buahan yang basah dengan buah-buahan yang kering itu hukumnya riba, sebab tidak diketahui persamaannya.

Keterangan:

عَنْ سَهْلِ بْنِ اَبِى حَثْمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الثَّمَرِ بِالثَّمَرِ وَقَالَ: ذٰلِكَ الرِّبَا تِلْكَ الْمُزَابَنَةُ اِلاَّ اَنَّـهُ رَخَّصَ فِى بَيْعِ الْعَرِيَّةِ النَّخْلَةِ وَالنَّخْلَتَيْنِ يَأْخُذُهَا اَهْلُ الْبَيْتِ بِخَرْصِهَا تَمْرًا يَأْكُلُوْنَهَا رُطَبًا. رواه البخارى ومسلم

Dari Sahal bin Abu Hasmah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah melarang menjual buah dengan buah, dan beliau bersabda: "Penjualan seperti itu riba, perbuatan itu adalah muzabanah (menjual buah-buahan yang masih di pokok dengan buah yang sudah kering), dikecualikan pada bai' araya (penjualan buah kurma yang masih muda) yang akan diambil (dimakan) oleh ahli rumah sekeluarga, menurut ukuran buah tamar (takarannya) yang akan mereka makan di waktu masih basah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Akan tetapi bai' araya itu dibolehkan oleh Nabi s.a.w. kerana menjaga kepentingan fakir miskin, sebagaimana ada keterangan di atas, bahawa cara penjualannya ialah dengan perkiraan saja Berapa gantang buah itu semuanya ketika telah kering, maka menurut itulah pengiraan takaran pembeliannya. Penjualan yang begitu hanya dapat dilakukan sebanyak 5 wasq atau kurang dari itu, dan tak boleh lebih.

Keterangan:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِىَّ ﷺ رَخَّصَ فِى بَيْعِ الْعَرَايَا فِى خَمْسَةِ اَوْسُقٍ اَوْ دُوْنَ خَمْسَةِ اَوْسُقٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah membolehkan melakukan bai'araya, sebanyak lima wasq atau kurang lima wasq.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Rukun Bi' Araya

Rukun bai' araya, ada empat macam:
Pertama: Buahnya itu telah tua.
Kedua: Paling banyak 5 wasq.
Ketiga: Tamar penukar itu dibayar ketika menurunkan buah.
Keempat: Banyak tamar itu seperdua buah araya.

Lelong (Muzayadah)

Penjualan secara lelong, oleh Rasulullah s.a.w. telah dinyatakan pula dengan keterangan seperti berikut:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَاعَ النَّبِيُّ ﷺ حِلْسًا وَقَدَحًا قَالَ: مَنْ يَشْتَرِيْ هٰذَا الْحِلْسَ وَالْقَدَحَ فَقَالَ رَجُلٌ: اَخَذْتُهُمَا بِدِرْهَمٍ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَنْ يَزِيْدُ فَاَعْطَاهُ رَجُلٌ دِرْهَمَيْنِ فَبَاعَهُمَا مِنْهُ.

رواه الترمذى ـ حديث حسن

Dari Anas r.a. ia berkata: "Nabi s.a.w. pernah menjual sebuah pelana dan sebuah mangkuk air, dengan mengatakan: Siapa mahu membeli pelana dan mangkuk ini? Menyahut seorang laki-laki: Aku bersedia mengambilnya seharga satu dirham. Lalu Nabi s.a.w. bersabda pula: Siapa yang berani menambahi? Maka diberi dua dirham oleh seorang laki-laki kepada beliau, lalu dijuallah keduanya kepada laki-laki itu."

(Riwayat Tirmizi).

14. MENJUAL TANAH TERMASUK POKOK-POKOK YANG ADA DI DALAMNYA

Bila seorang berkata: "Aku jual tanah ini atau padang ini kepadamu," sedang di dalam padang itu ada bangunan-bangunan

dan pokok-pokok. Maka menurut mazhab Imam Syafii, sekalian bangunan-bangunan dan pokok-pokok turut terjual. Tetapi tidak masuk kalau barang itu digadaikan, atau disewakan.

Begitu juga masuk tanam-tanaman yang berumur paling sedikit dua tahun atau lebih. Dan tidak masuk ke dalamnya barang-barang yang diambil dengan sekaligus, seperti padi, jagung, bawang dan lain-lain tanam-tanaman yang sejenis. Dan sah pula menjual tanah yang sedang ditanami, menurut mazhab Syafii. Seorang yang menjual sebidang tanah di dalamnya ada benih dan tanam-tanamannya. Kalau penjualan tanah itu tidak dipisahkan dari penjualan-penjualan benih dan tanam-tanaman itu, penjualan itu batil (tidak sah), sebab tidak jelas, mana yang dimaksudkan. Tanah sajakah yang dimaksudkan, atau tanah serta benih dan tanam-tanamannya. Kalau tanah saja yang dimaksudkan, tentu tidak termasuk benih dan tanam-tanaman itu, atau sebaliknya. Termasuk dalam penjualan sebidang tanah:

1. Batu yang ada di dalamnya.
2. Bangunan-bangunan dan tidak masuk barang yang terpendam di dalamnya, seperti ada simpanan barang yang berharga dan lain-lain.

Dalam menjual kebun termasuk di dalamnya:

1. Pokok-pokoknya.
2. Pekarangan yang melingkari.
3. Bangunan-bangunan yang ada di dalamnya, kerana tidak dinamakan kebun kalau semuanya itu tidak ada.
4. Tanahnya.

Bila menjual rumah, termasuk di dalamnya:

1. Tanah tempat mendirikan. Sebab rumah tidak akan dapat berdiri kalau tidak ada tanah.
2. Apa yang ada dalam pekarangannya, seperti tandas, tempat mandi dan lain-lainnya.

Tetapi tidak masuk barang-barang yang dapat dipindah-pindahkan, seperti kerusi, timba air, tempat tidur, alat-alat dapur dan lain-lain sebagainya, kecuali penjualan sebidang tanah. Maka batu-batu yang ada di dalamnya, sesuatu yang dapat dianggap masuk dalam bahagian rumah.

Bila menjual sebuah kampung maka termasuk di dalamnya:

1. Bangunan-bangunan yang ada di dalamnya,
2. Padang yang dilingkari oleh parit di sekelilingnya.

Tidak masuk tanam-tanaman yang ada di dalamnya, kerana tanam-tanaman itu dapat dipisahkan dari kampung.

Dalam menjual binatang, tunggangan termasuk juga:

1. Terompahnya.
2. Pelananya dan lain-lain yang dianggap masuk di dalamnya.

Bila yang dijual itu pokok-pokok yang sedang berbuah, buahnya adalah buat si penjual, kecuali kalau si pembeli mensyaratkan agar buahnya itu untuk dia.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ ابْتَاعَ نَخْلاً بَعْدَ اَنْ تُؤَبَّرَ فَثَمَرَتُهَا لِلَّذِيْ بَاعَهَا اِلاَّ اَنْ يَشْتَرِطَ الْمُبْتَاعُ وَمَنِ ابْتَاعَ عَبْدًا فَمَالُهُ لِلَّذِىْ بَاعَهُ اِلاَّ اَنْ يَشْتَرِطَ الْمُبْتَاعُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Siapa yang membeli sepokok nakhal (kurma) sesudah dikahwinkan, maka buahnya adalah buat yang menjual, kecuali bila si pembeli mensyaratkan (buat dia). Dan siapa yang membeli seorang hamba, maka harta kekayaan si hamba itu adalah untuk yang menjual, kecuali kalau si pembeli mensyaratkan untuknya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

15. MENJUAL BUAH-BUAHAN YANG TELAH NYATA BAIKNYA

Buah-buahan yang sudah baik untuk diambil, boleh dijual.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لاَ تَبْتَاعُوْا الثَّمَرَ حَتَّى يَبْدُوَ صَلاَحُهَا وَلاَ تَبْتَاعُوْا الثَّمَرَ بِالتَّمَرِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: "Janganlah kamu memperjualbelikan buah-buahan, hingga sudah nyata baik untuk diambil dan janganlah kamu jual buah muda dengan tamar."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Buah-buahan yang belum dapat diambil, bila buah-buahan itu dijual tidak dengan (terpisah dari) batangnya tidak boleh, ini adalah menurut ijmak ulama, kecuali dengan memotong pokok itu dan dapat pula diambil manfaatnya yang dipotong itu. Apabila seseorang menjual buah-buahan bersama pokoknya sekali dengan satu harga, maka dibolehkan dalam agama. Dan dilarang oleh Nabi menjual buah-buahan yang tidak boleh mensyaratkan memotongnya, kerana itu bererti menghalangi masih merupakan putik.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ النَّخْلِ حَتَّى تَزْهُوَ وَعَنْ بَيْعِ السُّنْبُلِ حَتَّى يَبْيَضَّ وَيَأْمَنَ الْعَاهَةُ. رواه مسلم وابو داود

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah melarang menjual nakhal hingga telah masak buahnya, menjual buah di ranting hingga ia kelihatan memutih dan hingga telah aman bahayanya.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Yang dimaksudkan dengan buah yang masak pada hadis ini, bahawa buah itu sudah kelihatan ada manfaatnya kalau diambil.

16. BUAH-BUAHAN YANG ROSAK SETELAH DIJUAL

Bila buah-buahan yang sudah nampak baiknya lalu diambil untuk dijual, kemudian rosak atau hilang dan lain-lain sebagainya. maka yang rosak atau hilang itu adalah tanggungan si penjual, bukan tanggungan si pembeli.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَوْ بِعْتَ

مِنْ اَخِيْكَ ثَمَرًا فَاَصَابَهُ جَائِحَةٌ فَلاَ يَحِلُّ لَكَ اَنْ تَأْخُذَ مِنْهُ شَيْئًا بِمَ تَأْخُذُ مَالَ اَخِيْكَ بِغَيْرِ حَقٍّ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Jika engkau telah menjual buah-buahan kepada saudaramu, lalu buah-buahan itu busuk (rosak), maka tidak halal bagimu mengambil sesuatu daripadanya. Apakah sebabnya engkau mahu mengambil harta saudaramu dengan tidak hak (sah)."

(Riwayat Muslim).

Dengan hadis ini jelaslah, bahawa yang rosak itu ialah tanggungan si penjual bukan tanggungan si pembeli. Dengan alasan menurut kata Nabi itu: "Maka tidak halal bagimu mengambil sesuatu daripadanya."

Andaikata buah-buahan itu rosak sama sekali, maka si pembeli berhak membatalkan jual beli, dan meminta wangnya kembali dari si penjual. Menurut pendapat Imam Syafii yang baru (Qaul Jadid), bahawa kerosakan itu adalah tanggungan si pembeli. Hal itu beralasan kepada hadis dari Abi Said Al-Khudri yang diriwayatkan oleh Muslim yang maksudnya sebagai berikut: "Di masa Rasulullah s.a.w. pernah seseorang ditimpa musibah pada buah-buahan yang telah dibelinya, iaitu busuk semuanya, sehingga banyaklah hutangnya sebab buah-buahan itu tidak dapat dijual lagi. Maka Rasulullah s.a.w. menyuruh orang-orang supaya bersedekah kepadanya buat sekadar meringankan membayar hutangnya itu. Maka bersedekahlah orang-orang kepadanya." (Lihat hadis ini dalam perkara menerangkan Muflis).

Dengan hadis ini jelaslah, bahawa kerosakan itu adalah tanggungan si pembeli sendiri dan bukan si penjual. Hadis ini dijawab orang; bahawa perintah Rasulullah s.a.w. itu bukanlah memberi faham kepada wajib, melainkan hanyalah sunat. Dan faedah menyuruh bersedekah ini adalah untuk meringankan beban si pembeli, supaya jangan terlalu berat tanggungannya dan berbudi baik kepada si pembeli yang malang itu.

17. MENGANDAM TERNAK YANG AKAN DIJUAL

Mentasriyakan atau mengandam binatang ternak, ertinya binatang itu diikat di kandangnya beberapa hari, lalu diberi makan dan minum secukupnya, dan tidak diperah susunya hingga airnya itu penuh, sampai menarik bagi siapa yang hendak membelinya.

Perbuatan yang begini haram hukumnya, sebab menipu. Bila hal ini diketahui oleh yang membeli, ia boleh khiyar tiga hari, (lihat dalam perkara khiyar aib) diteruskan atau dibatalkannya berjual beli. Bila ia hendak mengembalikan sesudah binatang itu diperahnya, maka ia wajib mengembalikan sebagai ganti kerugian susu yang diperahnya itu dengan makanan yang mengenyangi, kalau binatang itu dibelikan rumputnya ketika ditasriyakan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ اشْتَرَى شَاةً مُصَرَّاةً فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظْرَيْنِ بَعْدَ اَنْ يَحْلُبَهَا اِنْ شَاءَ اَمْسَكَهَا وَاِنْ شَاءَ رَدَّهَا وَصَاعًا مِنْ تَمْرٍ لاَ سَمْرَاءَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Siapa yang membeli seekor kambing yang ditasriyakan, maka dia boleh memilih sesudah kambing itu diperahnya, jika ia mahu, ia boleh menahan (boleh teruskan jual beli) dan jika ia kehendaki (menggagalkan), maka ia boleh memulangkan kambing itu bersama segantang tamar, bukan gandum."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

18. MURABAHAH

Murabahah, ialah menyebutkan harga modal barang-barang yang dibeli kepada orang yang akan membeli, dengan memberi syarat, supaya barang itu diberi untung.

Umpamanya seseorang berkata: "Barangku ini aku beli seharga $100. Sekarang berilah aku keuntungan 10 peratus." Lalu diterima oleh orang yang akan membeli. Maka penjual mendapat untung $10 dari modal yang $100 menjadi $110.

Dan sah pula penjualan, umpamanya seseorang berkata: "Aku hendak menjual barang-barangku yang telah kubeli, bila engkau mahu membeli barangku itu semua, maka tiap-tiap sepuluh buah, engkau aku beri sebuah. Jadi yang dibeli adalah sembilan, sedang yang satu lagi adalah hadiah. Atau boleh juga umpamanya seseorang berkata: "Belilah barangku ini, tiap-tiap pembelian seharga $100, aku beri hadiah $10 dan lain-lain sebagainya. Akad jual beli seperti itu disebut *Bai' Murabahah*.

Pada murabahah ini dibolehkan oleh agama, kerana dapat menolong orang-orang yang tak ada modal untuk membeli barang dagangan buat keperluan hidup sehari-hari.

Barang Yang Dijual Tapi Belum Diserahkan

Seseorang yang telah menjual barang, tetapi barang itu belum diterima oleh si pembeli, maka barang itu adalah jadi tanggungan si penjual, dengan erti, bila ada kerosakan atau hilang, maka jual beli boleh dibatalkan. Dan barang-barang yang demikian oleh si pembeli belum boleh (sah) dijual kembali kerana barang-barang itu belum diterimanya. Yang dimaksud dengan diterima di sini ialah bila barang-barang itu telah dipindahkan, kalau dapat dipindahkan, atau dengan menerima kunci, kalau yang dijual itu rumah dan lain-lain.

Keterangan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ ثَابِتٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى اَنْ تُبَاعَ سِلْعَةٌ حَيْثُ تُبَاعُ حَتَّى يُحَوِّلَهَا التُّجَّارُ اِلَى رِحَالِهِمْ.

رواه ابو داود بسند صحيح

Dari Zaid bin Sabit r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah melarang menjual barang-barang ketika berlaku jual beli sebelum barang-barang itu dipindahkan oleh pedagang-pedagang ke kenderaan mereka lebih dahulu.

(Riwayat Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّهُمْ كَانُوْا يَبْتَاعُوْنَ الطَّعَامَ جَزَافًا بِاَعْلَى السُّوْقِ فَنَهَاهُمْ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنْ يَبِيْعُوْهُ حَتَّى يُحَوِّلُوْهُ.

رواه البخاري ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa mereka pernah membeli makanan sebanyak satu jazaf di hujung pasar (Madinah), maka Rasulullah*

**tidak ditimbang dan tidak pula ditakar.*

s.a.w. melarang mereka menjualnya, sebelum mereka memindahkannya dari tempatnya.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Menjual Hutang Dengan Hutang

Seseorang membeli atau memesan sesuatu barang secara berhutang hingga masa yang ditentukan. Kemudian setelah datang waktunya, wang tak ada padanya untuk membayar, lalu katanya kepada yang empunya barang: "Berilah aku janji beberapa hari lagi." "Boleh!" kata yang empunya barang, asal ditambah pembanyarannya. Inilah yang dinamakan menjual hutang dengan hutang, ertinya, hutang yang lama dijual dengan hutang yang baru, sebab melebihkan bayaran dari hutang yang semula. Cara yang begini dilarang oleh agama dan haram hukumnya kalau dilakukan, sebab menimbulkan riba.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْكَالِىءِ بِالْكَالِىءِ يَعْنِيْ الدَّيْنِ بِالدَّيْنِ.

رواه الحاكم والبزار بسند ضعيف

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah melarang menjual hutang dengan hutang.

(Riwayat Hakim dan Bazar).

19. MEMESAN BARANG (SALAM/SALAF)

Memesan barang adalah dinamakan juga SALAM atau SALAF. Menurut Ulama Fikah, yang dinamakan salam atau salaf itu ialah:

بَيْعٌ مَوْصُوْفٌ فِى الذِّمَّةِ بِثَمَنٍ يُدْفَعُ فِى الْمَجْلِسِ.

Menjual sesuatu yang disifatkan (diterangkan) dalam pengakuan, dengan wang yang diserahkan ketika berakad (berhadap-hadapan).

Umpama Zaid berkata kepada si Ali: Buatkanlah saya satu seluar dari kain woll yang berwarna kuning muda; ukurannya 105 cm panjang, 70 cm pinggang, 25.5 cm besar kaki, 43 cm lebar pinggul, kocek belakang satu dan sebagainya dengan harga $100.

Atau buatkanlah aku sebuah meja makan ukurannya 4 x 100 x 30 cm, kayu jati, dengan harga $200 dan sebagainya. Cara yang begitu dibolehkan oleh agama sebab banyak manfaatnya dipandang dari segi ekonomi. Termasuk ke dalamnya barang-barang yang dipesan dari luar negeri (barang impot). Bagi yang menerima pesanan merupakan sesuatu hutang baginya. Oleh sebab itu perlu dituliskan menurut pesanan tersebut:

Allah berfirman:

يَآ اَيُّهَـا الَّـذِيْنَ اٰمَنُوْا اِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ اِلَى اَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوْهُ وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلاَ يَأْبَ كَاتِبٌ اَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللهُ*

سورة البقرة اية ٢٨٢

Hai orang-orang yang beriman apabila kamu membuat sesuatu hutang, maka tuliskanlah hutang itu sampai janji yang ditentukan, dan hendaklah dituliskan oleh seorang jurutulis di antara kamu dengan seadil-adilnya (jangan menipu) dan tak boleh enggan seseorang menulis hutang itu sebagaimana yang telah diajarkan Allah.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

قَالَ اِبْنُ عَبَّاسٍ اَشْهَدُ اَنَّ السَّلَفَ الْمَضْمُوْنَ اِلَى اَجَلٍ مُسَمًّى قَدْ اَحَلَّ اللهُ فِى كِتَابِهِ وَاَذِنَ فِيْهِ.

الخازن

Berkata Ibnu Abbas: "Aku mengaku, bahawa hutang dengan jaminan sampai waktu yang tertentu, sungguh telah dihalalkan Allah di dalam kitab-Nya (Al-Quran), dan tersebut di dalamnya."

(Demikian tafsir Khazin).

Dapat ditegaskan: Bagi si pemesan dinamakan *"Salam"* (pesanan), dan bagi yang menerima pesanan dinamakan *"Salaf"* (hutang) terhadap pemesan.

Rukun Salam

Yang menjadi rukun pada bai' salam adalah:

1. *Musallam,* ertinya orang yang memesan.
2. *Musallam Alaih,* ertinya orang yang menerima.
3. *Musallam Fih,* ertinya barang yang dipesan.
4. *Ra'sul Mal,* ertinya wang pembayaran (pokok) tunai.
5. *Shighat,* ertinya ijab kabul dari si pemesan dan yang menerima pesanan dengan lafaz yang menunjukkan salam.

Syarat Sah Melakukan Salam

Syarat-syarat sah melakukan bai' salam adalah:

1. Menerima wang cengkeram atau semua harga di majlis akad sebelum bercerai kedua belah pihak, atau manfaat lain sebagai gantinya. Seperti menyerahkan sebuah rumah lebih dahulu untuk didiami, atau kuda untuk membawa barang dan lain-lain-nya.
2. *Musallam fih* itu menjadi hutang bagi si *Musallam Alaih* dalam pengakuannya. Maka kalau seorang berkata, "Aku serahkan wang ini kepada tuan untuk harga barang ini," (kain umpamanya) maka tidak disebut salam, sebab yang demikian itu sudah tunai sama tunai.
3. *Musallam fih* itu dapat diserahkan pada waktu dan tempat yang telah ditentukan. Maka tidaklah sah memesan (salam) pada sesuatu yang jarang adanya, atau ada tetapi susah menyerahkannya pada waktu yang ditentukan itu.
4. *Musallam fih* itu harus ditentukan.
   Ditentukan timbangannya kalau barang itu ditimbang, ditentukan ukurannya kalau barang itu diukur dan lain-lainnya.
5. Salam itu ditentukan tempat menerimanya. Diambil atau dihantarkan ke tempat yang memesan, serta ditentukan pula biaya menghantarkannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَدِمَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَلْمَدِيْنَةَ وَهُمْ يَسْلِفُوْنَ فِى التَّمَرِ اَلْعَامِ وَالْعَامَيْنِ فَقَالَ: لَهُمْ مَنْ اَسْلَفَ فِى تَمَرٍ فَفِيْ كَيْلٍ مَعْلُوْمٍ اَوْ وَزْنٍ اِلَى اَجَلٍ مَعْلُوْمٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Pernah Rasulullah s.a.w. datang ke Madinah sedang mereka (penduduk Madinah) memesan buah tamar untuk satu tahun dan dua tahun. Maka Rasulullah bersabda kepada mereka: Sesiapa yang memesan buah tamar, mestilah ditentukan timbangannya pada waktu yang tertentu pula."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB HUTANG PIUTANG

Memberi hutang itu sunat hukumnya, kerana mengandungi suatu kebajikan, iaitu menolong orang-orang yang sedang ditimpa kesulitan. Dan menolong orang dalam keadaan demikian sangat disuruh (dituntut) oleh agama.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: مَنْ نَفَّسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ الدُّنْيَا نَفَّسَ اللهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرَبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللهُ عَلَيْهِ فِى الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang melepaskan orang mukmin dari sesuatu kesengsaraan daripada kesengsaraan dunia nescaya Allah akan melepaskan daripadanya kesengsaraan pada hari kiamat, dan sesiapa yang memudahkan orang yang sedang dalam kesulitan nescaya Allah akan memberi kemudahan kepadanya di dunia dan akhirat." (Riwayat Muslim).

Firman Allah s.w.t.:

يَآ اَيُّهَـا الَّـذِيْنَ آمَنُوْا اِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى اَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوْهُ وَلْيَكْتُبْ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ اَنْ يَكْتُبَ* سورة البقرة اية ٢٨٢

Hai orang-orang yang beriman. Bila kamu telah melakukan hutang piutang hingga waktu yang ditentukan, maka tuliskanlah hutang itu,

dan hendaklah seorang jurutulis di antaramu menuliskan menurut yang seadil-adilnya, dan jurutulis tidak boleh enggan menuliskan.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

Menurut ayat ini diperlukan dalam hutang piutang *"Surat hutang"* sebagai bukti, untuk menghindarkan kemungkinan timbul pertengkaran kemudian hari.

Bunyi ucapan hutang-piutang itu adalah: "Aku hutangkan engkau wang ini, dengan ketentuan supaya engkau kembalikan kepadaku tukarannya sebanyak ini pula." Dan disyaratkan pula bagi yang berhutang melafazkan kata-kata: "Aku terima hutang ini." Ucapan ini harus langsung tidak berantara (terbatas) antara ijab yang diucapkan oleh orang yang memberi hutang dengan kabul dari yang berhutang.

Disyaratkan pada orang yang memberi hutang itu bahawa ia berkuasa atas barang atau wang itu, maka tidaklah boleh memberi hutang wang yang bukan miliknya. Juga anak kecil tidak sah memberi hutang. Dan hendaklah orang yang berhutang mengembalikan wangnya di tempat ia menerima hutang itu, kecuali kalau diizinkan oleh yang empunya piutang dibayar di tempat lain.

1. MENGAMBIL MANFAAT HUTANG

Dibolehkan bagi si muqrid (orang yang memberi hutang) mengambil manfaat barang yang dihutangkannya itu, asalkan itu bukan datang dari dia dan tidak pula merupakan perjanjian sebelumnya. Tetapi semata-mata kerelaan dari yang berhutang. Hal ini malah dituntut oleh agama.

Keterangan:

عَنْ اَبِى رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اِسْتَسْلَفَ مِنْ رَجُلٍ بَكْرًا فَقُدِمَتْ عَلَيْهِ اِبِلٌ مِنْ اِبِلِ الصَّدَقَةِ فَاَمَرَنِى أَنْ أَقْضِيَ الرَّجُلَ بَكْرَهُ فَقُلْتُ: لَمْ اَجِدْ فِيْهَا اِلَّا خِيَارًا رَبَاعِيًّا. فَقَالَ: اَعْطِيْهِ اِيَّاهُ اِنَّ خِيَارَ النَّاسِ اَحْسَنُهُمْ قَضَاءً.

رواه البخاى ومسلم

Dari Abu Rafi' r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah berhutang seekor unta gadis (umur 3 tahun) kepada seorang laki-laki, lalu dibawa kepada beliau seekor unta yang biasa untuk berzakat, maka aku disuruh Rasulullah supaya membayar untuk laki-laki itu (yang telah memberi hutang tadi), dengan unta gadis pula, aku menjawab: Tidak aku peroleh waktu itu melainkan unta yang lebih baik yang berumur empat tahun, maka bersabda Rasulullah: "Berikanlah kepadanya unta itu, sesungguhnya sebaik-baik manusia, ialah orang yang lebih dalam membayar hutang."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sesungguhnya pembalasan dari sesuatu yang dihutang, baik yang dihutang itu berupa wang mahupun benda ialah semata-mata mengembalikan, dan ditambah "doa" berkat terhadap orang yang meminjamkan itu.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ اَبِى رَبِيْعَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اِسْتَقْرَضَ مِنِّى النَّبِىُّ ﷺ اَرْبَعِيْنَ اَلْفًا فَجَاءَهُ مَالٌ فَدَفَعَهُ اِلَيَّ وَقَالَ: بَارَكَ اللهُ فِى اَهْلِكَ وَمَالِكَ اِنَّمَا جَزَاءُ السَّلَفِ اَلْحَمْدُ وَالْأَدَاءُ.

رواه النسائى

Dari Abdullah bin Abu Rabi'ah ia berkata: "Pernah Rasulullah s.a.w. berhutang dengan aku sebanyak empat puluh ribu (dinar atau dirham). Lalu datang kepadanya (orang memberikan) wang. maka diberikannya wang itu kepadaku, dan ia berkata: Mudah-mudahan Allah memberi berkat pada keluarga dan harta engkau. Hanya balasan pinjaman ialah puji-pujian (terima kasih) dan mengembalikannya."

(Riwayat Nasai).

Dengan demikian dapatlah satu pengertian, bahawa wang yang dipinjam hanya orang yang meminjam berhak menerima sebanyak wang yang dipinjamkannya, kecuali kalau ditambah dengan suka rela dari yang meminjam.

Demikian juga meminjam yang lain-lain, disunatkan melebihi, atau dibayar dengan yang lebih baik. Tetapi apabila orang yang memberi hutang itu sendiri yang memberikan syarat, supaya pem-

bayaran itu dilebihkan maka hukumnya riba dan haramlah ia memakan kelebihannya itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً فَهُوَ رِبًا.

رواه الحارث بن أبى أسامة

Dari Ali r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tiap-tiap hutang yang sengaja untuk mencari manfaat, maka hukumnya riba."

(Riwayat Al-Haris bin Abi Usamah).

Bila orang yang berhutang telah sanggup untuk membayarnya maka hendaklah segera dibayar.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Orang kaya yang melalaikan kewajipan bayar hutang itu aniaya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ertinya bila ditagih hutangnya, maka dijawabnya: Tunggu dulu, nanti minggu depan! Nanti bulan depan dan sebagainya.

Dalam hal ini Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ اَخَـذَ اَمْـوَالَ النَّاسِ يُرِيْدُ اَدَاءَهَا اَدَّى اللهُ عَنْهُ وَمَنْ اَخَذَ يُرِيْدُ اِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللهُ.

رواه البخارى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Siapa siapa yang meminjam harta orang dan ia bermaksud hendak mem-

bayarnya, maka Allah akan membayarkannya, dan sesiapa yang meminjam harta orang, dan ia sengaja hendak melenyapkannya (tidak mahu membayar) lebih dahulu Allah akan melenyapkan hartanya itu."

(Riwayat Bukhari).

2. AL-HIWALAH

Iaitu: Semacam akad (ijab kabul) pemindahan hutang dari tanggungan seseorang yang berhutang kepada orang lain, di mana orang lain itu mempunyai hutang pula kepada yang memindahkan.

Contohnya: Ali mempunyai sejumlah hutang kepada Bakar. Sedang Bakar mempunyai sejumlah hutang pula kepada Umar, menurut jumlah yang sama. Oleh kerana Bakar tidak mampu untuk membayar hutangnya, maka Bakar berunding dengan Ali, supaya hutangnya itu diminta saja kepada Umar. Dalam hal ini, maka Umarlah yang akan berhubungan langsung dengan Ali, sedang Bakar terlepas dari tanggungjawab hutang.

Maka Ali dinamakan MUHTAL (dipindahkan haknya). Sedangkan Bakar dinamakan MUHIL (memindahkan hak). Sementara Umar pula dinamakan MUHAL ALAIH (menanggung hak).

Rukun Dan Syarat Hiwalah

Yang menjadi rukun dan syarat hiwalah itu adalah:

Pertama: "Muhil," orang yang menghiwalahkan, atau memindahkan hutang. Disyaratkan si muhil itu reda memindahkan hutangnya.

Kedua: "Muhtal," orang yang dihiwalahkan, iaitu orang yang mempunyai hutang kepada si muhil. Disyaratkan, bahawa ada si muhtal itu reda pula dipindahkan hutangnya kepada orang lain.

Ketiga: "Muhal alaih," orang yang menerima hiwalah. Bagi si muhal alaih tidak disyaratkan apa-apa, sebab ia tetap akan membayar hutangnya sebanyak semula, walaupun ia menerima hiwalah. Ada dua hutang. Iaitu satu hak si muhtal di atas si muhil, dan satu hutang lagi hak si muhil di atas si muhal alaih.

Keempat: "Sighat," ertinya lafaz hiwalah, iaitu ijab dari si muhil dengan katanya: "Aku hiwalahkan hutangku yang hak bagi engkau kepada si anu," dan kabul dari si muhtal dengan katanya: "Aku terima hiwalah engkau."

Faedah hiwalah ini ialah untuk melepaskan si muhil dari hutang kepada si muhtal, dan pengakuan si muhal alaih dari hutang

kepada si muhil, serta memindahkan hak si muhtal dari pengakuan si muhil kepada pengakuan si muhal alaih.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ وَاِذَا أُتْبِعَ اَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيءٍ فَلْيَتْبَعْ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Orang kaya (orang yang mampu) yang melalaikan kewajipannya adalah aniaya dan apabila menghiwalahkan (memindahkan) seseorang akan hutangnya atas orang yang mampu maka terimalah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Disyaratkan dalam melakukan hiwalah itu, rela si muhil dan si muhtal, sedang si muhal alaih tetap akan membayar hutangnya. Oleh sebab itu tidaklah disyaratkan rela si muhal alaih.

Boleh dengan jaminan

Dalam soal hiwalah ini boleh juga dengan menerima jaminan dari seseorang, bila si muhtal mendesak sedang si muhil belum mampu membayar.

Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَزِمَ غَرِيْمًا لَهُ بِعَشْرَةِ دَنَانِيْرَ فَقَالَ: وَاللهِ لَا اُفَارِقُكَ حَتَّى تَقْضِيَنِىْ اَوْ تَأْتِيَنِى بِحَمِيْلٍ قَالَ فَتَحَمَّلَ بِهَا النَّبِيُّ ﷺ قَالَ: فَاَتَاهُ بِقَدْرِ مَا وَعَدَهُ. رواه ابو داود وابن ماجة بسند صالح

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Ada seorang laki-laki yang selalu menurutkan gharimnya (orang yang berhutang kepadanya), sebab ia berhutang sepuluh dinar, lalu ia berkata: Demi Allah, aku belum akan berpisah dengan engkau, sebelum engkau bayar hutang itu kepadaku, atau engkau tunjukkan orang yang akan men-

jamin. Berkata Ibnu Abbas: Lalu hutang itu dijamin oleh Nabi s.a.w. Kemudian berkata Ibnu Abbas: Lalu diberikannyalah kepada Rasulullah sekadar apa yang telah dijanjikannya."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Maka ketika itu (ketika terjadi hiwalah) lepaslah si muhil dari hutang si muhtal, dan si muhal alaih lepas pula dari hutang kepada si muhil.

3. GADAI MENGGADAI

Tergadai, ertinya terkurung atau terjerat. Menurut istilah syarak: ertinya menjadikan harta benda sebagai jaminan atas hutang. Jaminan itu boleh ditunjukkan kepada sesuatu barang yang digadaikan. Dalam hutang-piutang, soal gadai ini adalah sangat penting sekali sebab menimbulkan sesuatu kepercayaan, bahawa yang berhutang bermaksud hendak membayar hutangnya, apa lagi dalam keadaan seperti dewasa ini.

Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوْا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَقْبُوْضَةٌ*

سورة البقرة اية ٢٨٣

Dan jika kamu sedang dalam perjalanan (lalu kamu berhutang) dan tidak kamu peroleh orang yang akan menuliskannya maka boleh diserahkan saja jaminan yang dapat dipegang.

(Surah Al-Baqarah, ayat 283).

Gadaian ini boleh dilakukan, baik dalam perjalanan mahupun tidak kerana hikmatnya umum sekali, baik dengan benda yang bergerak (dapat dipindahkan) mahupun benda yang tidak bergerak (tidak dapat dipindahkan).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: تُوُفِّيَ النَّبِيُّ ﷺ وَدِرْعُهُ مَرْهُوْنَةٌ بِعِشْرِيْنَ صَاعًا مِنْ طَعَامٍ اَخَذَهُ لِأَهْلِهِ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Telah meninggal Nabi s.a.w. sedang baju besi beliau tergadai, sebab berhutang 20 gantang makanan, yang telah diambilnya (dihutangnya) makanan itu untuk belanja keluarganya."

(Riwayat Tirmizi).

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اِشْتَرَى طَعَامًا مِنْ يَهُوْدِيٍّ اِلَى اَجَلٍ وَرَهَنَهُ دِرْعًا مِنْ حَدِيْدٍ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah membeli makanan dari seorang Yahudi dengan cara berjanji, dan dirungguhkannya (digadaikannya) sehelai baju besi.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Syarat Gadai Menggadai

Pertama: Ijab kabul, iaitu: "Aku gadaikan barangku ini dengan harga $100/–" umpamanya. Jawabnya: "Aku terima gadai engkau berharga $100." Ini memadai dilakukan dengan cara surat menyurat saja.

Kedua: Jangan menyusahkan dan merugikan kepada orang yang menerima gadai itu, umpamanya oleh orang yang menggadai, tidak dibolehkan menjual barang yang digadaikan itu setelah datang waktunya, sedang wang bagi yang menerima gadai sangat perlu.

Ketiga: Jangan pula merugikan kepada orang yang menggadai itu, umpamanya dengan mensyaratkan bahawa barang yang digadaikan itu boleh dipakai dan diambil keuntungannya oleh orang yang menerima gadai.

Keempat: Ada Rahin (yang menggadai) dan Murtahin (orang yang menerima gadai) harus berkuasa, maka tidak boleh wali menggadaikan harta anak kecil (umpamanya anak yatim), dan harta orang gila dan lain-lain, atau harta orang lain yang ada di tangannya.

Kelima: Barang yang digadaikan itu berupa benda, maka tidaklah boleh menggadaikan hutang, umpamanya kata si Rahin: "Berilah saya wang dahulu sebanyak $1000, dan saya gadaikan hutang-hutang saya kepada tuan sebanyak $1500 yang sekarang ada di tangan si Anu," Sebab hutang-hutang itu belum tentu dapat diserahkannya pada waktu yang tertentu.

Barang yang digadaikan itu hendaklah sama harganya dengan jumlah wang yang dihutang (dipinjam), atau lebih kurang harganya

menurut harga biasa. Maka boleh dijual barang yang telah digadaikan itu pada waktu yang telah ditentukan, bila hutang belum dilunaskan oleh orang yang menggadaikan. Dalam hal ini, hendaklah yang empunya barang itu sendiri yang menjualnya atau wakilnya, dengan izin orang yang menerima gadaian.

Tetapi kalau Murtahin yang menjual, hendaklah dihadiri penjualan itu oleh yang empunya barang. Kelebihan wang penjualan itu wajib diberikan kepada yang empunya barang, dan tak boleh digelapkan oleh yang memegang gadaian, sebab perbuatan itu namanya penganiayaan.

Firman Allah s.w.t.:

فَلَكُمْ رُؤُوْسُ اَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُوْنَ وَلَا تُظْلَمُوْنَ*

سورة البقرة اية ٢٧٩

Maka yang hak bagimu ialah hartamu yang semula. Kamu tidak boleh menganiaya dan tidak boleh dianiaya.

(Surah Al-Baqarah, ayat 279).

Bagi orang yang menggadai boleh meminta barangnya kembali sebelum barang itu dipegang oleh yang akan menerima gadaian itu.

Bila barang itu hilang di tangan si Murtahin, tidaklah wajib dia menggantinya, kecuali kalau dia sia-sia, umpamanya ia bermain-main dengan api, lalu terbakar barang digadaikannya itu, atau gudang tidak dikuncinya, lalu barang-barang itu hilang dan lain-lain. Sebab si Murtahin itu adalah kepercayaan dari Rahin (orang yang menggadai).

Si Murtahin boleh mengambil manfaat barang yang digadaikan itu, kalau yang digadaikan itu menghendaki nafkah, seperti sapi, kuda dan lain-lain yang memerlukan biaya pemeliharaan atau penjagaannya. Dalam hal ini tidak ada halangan bagi si Murtahin untuk mengambil manfaatnya, umpamanya dengan memerah susunya atau mengerjakan sekadar untuk mengembalikan pengeluaran biaya pada barang-barang gadaian tersebut.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلظَّهْرُ يُرْكَبُ اِذَا كَانَ مَرْهُوْنًا وَلَبَنُ الدَّرِّ يُشْرَبُ اِذَا كَانَ مُرْهُوْنًا

وَعَلَى الَّذِيْ يَرْكَبُ وَيَشْرَبُ نَفْقَتُهُ. رواه البخارى وابو داود

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Belakang binatang boleh ditunggangi bila ia digadaikan, dan susu binatang-binatang ternak itu boleh diminum bila ia digadaikan, dan orang yang menunggang dan yang meminum itu wajib nafkah (belanja) binatang-binatang yang digadaikan itu."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Adapun barang yang tidak memerlukan belanja, umpamanya rumah, kain, sawah, ladang dan sebagainya, maka tidak halal bagi yang menerima gadaian itu mengambil manfaat, dari itu bererti mengambil keuntungan pada wang yang dihutangkan padanya. Sebab barang-barang itu tidak menghendaki nafkah dan halnya. Yang demikian tidak dibolehkan oleh agama.

BAB RIBA MODAL

1. TAKRIF RIBA

Menurut loghat, riba itu ertinya bertambah, berlebih atau menggelembung. Kata-kata itu berasal dari firman Allah s.w.t. yang berbunyi:

إِهْتَزَّتْ وَرَبَتْ... ❋ سورة الحج اية ٥

Bumi jadi subur dan gembur.

(Surah Al-Hajj: ayat 5)

Menurut istilah syarak ialah:

عَقْدٌ وَاقِعٌ عَلَى عِوَضٍ مَخْصُوْصٍ غَيْرِ مَعْلُوْمِ التَّمَاثُلِ فِى مِعْيَارِ الشَّرْعِ حَالَةَ الْعَقْدِ اَوْ مَعَ تَأْخِيْرٍ فِى الْبَدَلَيْنِ اَوْ اَحَدِهِمَا. المحلى

Akad yang terjadi atas penukaran barang yang tertentu, yang tidak diketahui perimbangannya menurut ukuran syarak ketika berakad, atau dengan mentakhirkan tukaran kedua belah pihak, atau salah satu dari keduanya.

(Demikian Al-Mahalli).

Yang dimaksud dengan kalimat: "AKAD YANG TERJADI ATAS PENUKARAN JENIS BARANG YANG TERTENTU," ialah bahawa akad itu terjadi dalam menukarkan macam barang yang dapat menimbulkan riba, sebagaimana yang akan datang keterangannya. Yang dimaksud dengan kalimat: "YANG TIDAK DIKETAHUI PERIMBANGAN DALAM UKURAN SYARAK," ialah bahawa barang yang diperakadkan itu tidak kelihatan (tidak jelas) ketika berakad. Iaitu tidak jelas katiannya barang yang dikati, timbangannya pada barang yang ditimbang, sukatannya pada barang yang disukat, kalau barang yang diperakadkan itu satu jenisnya. Dan yang dimaksudkan dengan kalimat: "ATAU DENGAN MENTAKHIRKAN TUKARAN KEDUA BELAH PIHAK, ATAU SALAH SATU KEDUANYA," ialah bahawa barang yang diperakadkan itu berlainan jenis, atau sejenis yang bersamaan dalam illat riba, iaitu pada emas dan perak, atau beras dan gandum dan lain-lainnya. Pada emas dan perak yang menjadi illat riba ialah mata wang. Sedang beras atau gandum yang menjadi illat riba padanya ialah bahan makanan (makanan).

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبٰوا وَاَحَلَّ اللّٰهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبٰوا

سورة البقرة اية ٢٧٥

Pekerjaan berjual beli itu seperti riba, tetapi Allah menghalalkan berjual beli dan mengharamkan riba.

(Surah Al-Baqarah, ayat 275).

Maksud ayat di atas:

Berkata pengarang tafsir Al-Manar (Syed Mhd. Abduh): "Allah telah menghalalkan mengambil keuntungan dalam berjual beli dan mengharamkan melakukan riba, iaitu penambahan-penambahan yang disyaratkan oleh orang yang punya harta kepada orang yang meminjam hartanya (wang), kerana pengunduran janji pembayaran oleh si peminjam dari waktu yang telah ditentukan."

Berkata pula pengarang tafsir Al-Khazin: Dan telah menyatakan sebahagian ulama tentang perbezaan antara jual beli dengan riba (pada ayat di atas itu). Kata mereka: Bila seorang menjual sehelai kain, yang modalnya $10 dengan harga $20 maka jadilah imbangan wang yang $20 itu ialah kain itu, bukan harga modalnya semula. Kalau sudah rela sama rela tentang imbangan itu, jadilah tiap-tiap dari keduanya (sehelai kain dan wang yang $20)

imbangan bagi yang lain. Dalam hal ini tidaklah bererti seseorang mengambil hak temannya dengan tidak ada tukarannya (imbangannya). Adapun bila seseorang menjual wang seharga $10 dengan wang seharga $20 sama ada secara tunai mahupun dihutang, maka yang seperti ini sungguh ia telah mengambil hak saudaranya itu secara lebih, seharga $10 dengan tidak ada imbangannya, sebab imbangan yang $10 itu ialah $10 pula, tidak lebih. Dan tidaklah mungkin dikatakan seorang, bahawa imbangan wang $10 yang lebih itu ialah waktu yang dijanjikan itu (kalau tukarannya dibayar di lain waktu). Sebab waktu yang ditangguhkan itu bukan wang dan bukan harta, atau sesuatu yang menunjukkan kepada harta (wang).

Maka dengan ini jelaslah perbezaan antara berjual beli dengan riba. Jadi wang $10 yang lebih adalah riba.

(Demikian tafsir Al-Khazin).

Dalam hal ini dapat ditegaskan.

Jual beli ialah: Wang – barang – wang.

Riba ialah: Wang – wang atau barang – barang. Maka keuntungan pertama halal, sedang yang kedua haram. Dapatlah dikatakan, bahawa yang dinamakan dagang secara syarak, ialah menukar barang dengan mata wang, atau mata wang dengan barang. Kalau ada keuntungan, inilah yang halal diambil.

2. TERKUTUK ORANG YANG MAKAN RIBA, PEKERJA DAN YANG MENYAKSIKANNYA

Rasulullah s.a.w. sangat mengutuki orang-orang yang suka melakukan pekerjaan dan memakan riba itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: آكِلَ الرِّبَا وَمُوَكِّلَهُ وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدَيْهِ وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ.

رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah dilaknati oleh Rasulullah s.a.w. orang-orang yang suka makan riba, orang yang jadi wakilnya, jurutulisnya, orang-orang yang menyaksikannya, dan seterusnya Rasulullah s.a.w. bersabda: Mereka itu semuanya sama."

(Riwayat Muslim).

Jelaslah dengan keterangan ayat dan hadis ini, bahawa riba itu hukumnya haram, biar memakannya, melakukannya mahupun membantu penyelenggaraannya.

Sebab Haramnya Riba

Berkata pengarang kitab tafsir Al-Khazin: Adapun sebab-sebab riba diharamkan, ada beberapa hal:

Pertama: Kerana riba itu menghendaki mengambil harta orang lain dengan tidak ada imbangannya. Umpamanya orang yang menukar wang kertas $100 dengan wang kecil sebanyak $95. Kekurangan wang yang $5 dari pertukaran itu tidak ada imbangannya, maka yang lima ringgit ini dinamakan riba. Sebab wang yang $95 itu imbangannya $95 pula, bukan seratus ringgit.

Kedua: Dengan melakukan riba itu orang jadi malas berusaha berdagang secara syarak. Bila akad riba itu telah menjadi darah dagingnya tentulah ia lebih suka mengumpulkan wangnya, daripada berdagang. Kerana dengan cara demikian dia akan lebih besar mendapat keuntungan dengan usaha yang sedikit saja, tanpa susah payah.

Ketiga: Kerana riba itu menyebabkan putusnya berbuat baik terhadap sesama manusia dengan cara hutang-piutang. Ertinya menghilangkan faedah hutang-piutang. Dan bila riba itu telah diharamkan Allah, tentu senanglah jiwa orang yang miskin melakukan hutang, dan mengembalikan sebanyak yang dihutangnya itu, dengan mengharapkan pahala dari Allah.

Keempat: Bahawa riba itu telah tetap haramnya dengan nas Al-Quran dan hadis Nabi. Oleh sebab itu wajiblah diyakini, bahawa riba itu haram hukumnya.

(Demikian Tafsir Al-Khazin).

Antara si penghutang dan yang memberi hutang, walaupun keduanya kelihatan suka sama suka, namun sukanya orang yang berhutang itu hanya terpaksa, apalagi bahawa orang yang menghutang itu orang miskin. Tentu saja sukanya itu terpaksa kerana kemiskinannya sehingga apa saja akad yang dibuat yang punya wang (barang), sekalipun berat baginya, dengan terpaksa pula diterimanya. Kalau tidak dituruti, mungkin perut tidak makan, atau anak-anak akan kelaparan di rumah.

3. RIBA TERMASUK DOSA BESAR

Dalam semua agama, bahawa riba itu hukumnya haram dan terlarang keras melakukannya, kerana menganiaya. Dan di dalam

Islam ditambahkan, bahawa riba itu adalah dosa besar yang wajib dijauhi dan wajib dihindarkan. Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِجْتَنِبُوْا السَّبْعَ الْمُوْبِقَاتِ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشِّرْكُ بِاللهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِى حَرَّمَ اللهُ اِلاَّ بِالْحَقِّ وَاَكْلُ الرِّبَا وَاَكْلُ مَالَ الْيَتِيْمِ وَالتَّوَلِّى يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلاَتِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Jauhilah olehmu, tujuh macam yang membahayakan (dosa besar). Mereka bertanya: Apakah itu semua ya Rasulullah? Beliau menjawab: Iaitu; syirik dengan Allah, mengerjakan sihir (teluh dan lain-lainnya), membunuh diri yang diharamkan Allah melainkan dengan yang hak, memakan harta riba, memakan harta anak yatim, lari daripada hari pertempuran dan menuduh wanita-wanita yang terpelihara lagi mukmin terlalai.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis lain, dalam riwayat Ibnu Majah, dari Ibnu Masud, Nabi s.a.w. telah bersabda pula: "PINTU RIBA ITU ADA TUJUH PULUH TIGA, SEKURANG-KURANG DOSANYA IALAH UMPAMA SESEORANG MENIKAHI IBUNYA."

4. MACAM-MACAM RIBA

Riba ada dua macam:

Pertama: *Riba nasiah,* iaitu melebihkan pembayaran barang yang dipertukarkan, diperjualbelikan atau dihutangkan, kerana dikreditkan waktu membayarnya baik yang sama jenisnya mahupun tidak.

Kedua: *Riba fadhal,* iaitu berlebih salah satu dua pertukaran yang diperjualbelikan, kalau yang diperjualbelikan itu sejenis. Timbangannya pada barang yang ditimbang, takarannya pada barang yang ditakar atau ukurannya pada barang yang diukur.

Apa yang disebut oleh ahli fikah riba yad atau riba qaradh, sudah termasuk dalam kedua macam riba tersebut di atas. Sebab

kedua macam riba itu mungkin terjadi di majlis akad atau ketika hutang-piutang, sebagai yang akan dijelaskan nanti.

Riba Nasiah

Riba Nasiah ialah riba yang dilakukan oleh kaum Jahiliah sebelum datangnya agama Islam. Dalam hal ini berkata Ibnu Hajar Al-Makki dalam kitab Az-Zawajir "Riba Nasiah itulah yang masyhur di kalangan kaum Jahiliah." Bila seseorang dari mereka meminjamkan harta (wangnya) kepada orang lain hingga waktu yang dijanjikan (setahun umpamanya), dengan syarat bahawa ia harus menerima dari si peminjam itu pembayaran lain menurut kadar yang ditentukan tiap-tiap bulan, sedang wang yang dipinjamkan semula tetap sebanyak itu juga dan tidak dikurangi.

Bila waktu (jangkanya) telah habis, modalnya itu dimintanya kembali. Andaikata si peminjam masih belum juga dapat mengembalikan modal pinjamannya itu dan dia minta tangguh, maka yang meminjamkan dapat atau mahu menerima tapi dengan syarat yang lain lagi, iaitu agar modal pijaman itu harus dikembalikan lebih dari semula. Umpamanya modal yang harus dikembalikan bulan ini $1000 nanti kalau dikembalikan di bulan yang akan datang harus dilebihi sampai menjadi $1500 misalnya. Lalu turunlah ayat yang berbunyi:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لاَ تَأْكُلُوْ الرِّبٰوا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً وَاتَّقُوْا اللهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ* سورة آل عمران اية ١٣٠

Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan harta riba secara berlipat ganda dan takutlah kepada Allah mudah-mudahan kamu menang.

(Surah Ali-Imran ayat 130)

Inilah ayat yang mula-mula turun mengharamkan memakan riba.

(Demikian tafsir Al-Manar).

Walaupun ayat ini menyatakan bahawa riba yang diharamkan ialah riba yang berlipat ganda, namun tidaklah bererti bahawa riba yang sedikit tidak haram hukumnya. Biar sedikit mahupun banyak, ia tetap haram, sebab semuanya itu mencakup pengertian apa yang disebut *riba*. Hanya ayat di atas itu berkebetulan turunnya ketika riba itu sedang dilakukan orang secara berlipat ganda.

Malah sudah semestinya ia menjadi berlipat ganda melihat sebab-sebab dan cara-cara orang yang mula-mula melakukan riba, iaitu perbuatan kaum Jahiliah yang sangat terkutuk oleh sebab itu ketika Rasulullah s.a.w. mengerjakan haji wadak beliau berkata:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَرِبَا الْجَاهِلِيَّةِ مَوْضُوْعٌ وَاَوَّلُ رِبًا اَضَعُ مِنْ رِبَانَا رِبَا عَبَّاسِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ فَاِنَّهُ مَوْضُوْعٌ كُلُّهُ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Jabir r.a. berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Riba kaum Jahiliah itu hendaklah dibuang. Dan mula-mula riba yang aku buang di antara riba kita (riba yang dilakukan oleh sebahagian kaum Muslimin ketika itu) ialah riba Abbas bin Abdul Muttalib kerana sesungguhnya riba itu seluruhnya tidak boleh lagi dilakukan."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Berkata pengarang kitab tafsir Al-Khazin: Abbas bin Abdul Muttalib dan Usman bin Affan, pernah menghutangkan buah tamar kepada orang lain. Tatkala datang waktunya berbuah, yang empunya tamar itu berkata kepada keduanya, "Jika engkau berdua mengambil hak engkau, nescaya tidak akan tinggal lagi yang akan dimakan oleh keluargaku. Alangkah baiknya kalau engkau keduanya mengambil seperdua hak engkau lebih dahulu, dan yang seperdua lagi aku lebihkan membayarnya kepada engkau nanti." Lalu keduanya menerima permohonan itu. Tatkala sampai waktunya, keduanya datang meminta haknya sebagaimana dijanjikan dahulu. Hal ini sampailah kepada Rasulullah s.a.w. lalu Rasulullah s.a.w. melarang keduanya melakukan perbuatan yang begitu. Maka ketika itu turunlah ayat yang berbunyi:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَذَرُوْا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبٰوٓا *

سورة البقرة اية ٢٧٨

Hai orang-orang yang beriman! Takutlah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah apa-apa yang termasuk riba.

(Surah Al-Baqarah: ayat 278)

Lalu keduanya mendengar dan mentaati maksud ayat tersebut. (Demikian tafsir Al-Khazin).

Dalam ayat lain dinyatakan pula:

فَلَكُمْ رُؤُوْسُ اَمْوَالِكُمْ لاَ تَظْلِمُوْنَ وَلاَ تُظْلَمُوْنَ*

سورة البقرة اية ٢٧٩

Maka yang hak bagimu ialah sebanyak modalmu yang semula. Kamu tak boleh menganiaya dan tidak boleh dianiaya.

(Surah Al-Baqarah, ayat 279).

Demikianlah caranya orang melakukan riba nasiah.

Mengenai pembahasannya adalah sebagai berikut:

Dalam surah Ali Imran, ayat 130 di atas dinyatakan firman Allah: JANGANLAH KAMU MAKAN RIBA ITU SECARA BERGANDA-GANDA. Sesungguhnya hal yang semacam itu merupakan "sesuatu yang ghalib" (begitulah biasanya) bahawa riba itu dengan sendirinya dapat berganda-ganda. Menurut ahli Usul, sesuatu yang berlaku atau biasanya begitu terjadinya, tidak mengandungi *"faham mukhalafah,"* ertinya, bahawa riba yang tidak berganda atau riba sedikit boleh saja dimakan.

Tidak begitu caranya. Tidak ubah seperti firman Allah dalam surah An-Nisak ayat 23 mengenai wanita yang haram dinikahi. Firman Allah: YANG DIHARAMKAN JUGA DI ATASMU IALAH ANAK TIRIMU YANG ADA DI DALAM PANGKUANMU (ASUHANMU).

Hal ini adalah merupakan kebiasaan, bahawa anak tiri itu biasanya dalam pangkuan ibunya. Tetapi ayat ini tidak mengandungi faham mukhalafah, dalam erti: bahawa anak tiri yang tidak dalam asuhan halal dinikahi. Melainkan apabila ibu anak tiri itu belum pernah dicampuri dan sudah diceraikan, maka bapa tiri itu halal menikahi anak tiri itu, sama ada dalam pangkuannya mahupun di tangan orang lain.

Begitu pula soal riba, bahawa yang dinyatakan dalam surah Ali Imran itu adalah merupakan "hal yang biasa" mengenai riba. Jadi riba itu, baik berganda-ganda mahupun tidak berganda, namun hukumnya tetap haram dilakukan dan dimakan, walaupun untuk apa saja digunakan, sesuai dengan bunyi ayat 278 pada surah Al-Baqarah di atas.

Riba Fadhal

Ketentuan nas dari Al-Quran mengenai riba fadhal ini sebenarnya tidak ada. Semua nas Al-Quran tentang riba hanya mengenai riba nasiah. Kerana semuanya ayat-ayat riba itu diturunkan Allah ialah ketika manusia sedang asyik mencari keuntungan dengan jalan melakukan riba nasiah. Dan itulah yang diharamkan menurut nas Al-Quran. Sedang riba fadhal tidak disebutkan di dalam Al-Quran. Jadi dalil yang berhubung dengan riba fadhal ini adalah berdasarkan larangan Rasulullah s.a.w. sendiri.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
اَلذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَزْنًا بِوَزْنٍ مَثَلاً بِمَثَلٍ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَزْنًا بِوَزْنٍ
مَثَلاً بِمَثَلٍ فَمَنْ زَادَ وَاسْتَزَادَ فَهُوَ رِبًا وَفِى رِوَايَةٍ: التَّمْرُ بِالتَّمْرِ
وَالْحِنْطَةُ بِالْحِنْطَةِ وَالشَّعِيْرُ بِالشَّعِيْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مَثَلاً بِمَثَلٍ
يَدًا بِيَدٍ فَمَنْ زَادَ وَاسْتَزَادَ فَقَدْ أَرْبَى إِلاَّ مَا اخْتَلَفَ اَلْوَانُهُ.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Menjual (menukar) emas dengan emas mesti sama timbangannya, sama nilainya (kualitinya), dan menjual perak dengan perak mesti sama timbangannya, sama nilainya, dan sesiapa yang menambah dan meminta lebih sesungguhnya itu telah menjadi riba. Dan pada riwayat lain berbunyi: Menjual tamar dengan tamar, dan menjual gandum dengan gandum, dan syair dengan syair, dan garam dengan garam, mesti sama nilainya, sama timbang terima, maka sesiapa yang menambah dan minta tambah, maka sesungguhnya telah jadi riba, melainkan barang-barang yang berlainan jenisnya."

(Riwayat Muslim).

Dengan hadis ini jelaslah bahawa fadhal (penambahan) pada barang yang sejenis hukumnya riba (riba fadhal). Hal ini telah tegas dilarang oleh Rasulullah s.a.w. sebab riba fadhal ini adalah jalan yang membawa orang kepada melakukan riba nasiah. Hal

yang semacam ini disebut " سدالذريعة " ertinya menutupi jalan yang membawa kepada yang haram. Dinyatakan oleh Muhaqqiq Ibnu Qayyim. Tidak ubahnya seperti agama melarang supaya jangan suka memandang dan bergaul bebas dengan perempuan-perempuan yang boleh dinikahi (perempuan ajnabiah) sebab hal itu akan membawa orang untuk berbuat zina. Demikian pulalah halnya riba fadhal dengan riba nasiah. Kalau riba nasiah, ialah riba yang pembayarannya atau penukarannya berlipat ganda kerana waktunya diundurkan, maka riba fadhal adalah semata-mata berlebihan, pembayaran baik sedikit mahupun banyak, dalam penukaran barang yang sejenis. Jika lebih melebihi ini dibolehkan waktu di majlis akad, walaupun sedikit, maka tentulah waktu pembayaran ditakhirkan waktunya, yang berlebih sedikit itu mungkin akan bertambah banyak, sesuai dengan akad yang dibuat sebelumnya. Bila riba fadhal itu dilarang memperbuatnya, tentulah riba yang dilakukan secara nasiah (diundurkan waktu membayarnya) tidak akan dapat dilakukan lagi. Seberapa banyak dihutang, sebanyak itu pulalah yang harus dibayar, dan tidak boleh minta lebih sedikit juga. Dalam hal ini Muhaqqiq Ibnu Qayyim telah membagi riba ini. Pertama dinamakannya riba yang jali (riba yang nyata mudarat dan bahayanya). Itulah riba nasiah. Kedua riba khafi (riba yang masih tersembunyi bahayanya). Itulah riba fadhal, yang besar kemungkinan membawa kepada riba nasiah.

Berkata Muhaqqiq Ibnu Qayyim selanjutnya dalam kitab Ighasatul Lihfan. "Dilarang bercerai dalam perkara tukar menukar wang sebelum ada timbang terima, dan seperti demikian juga barang ribawi bila dijual dengan barang ribawi lainnya kalau barang itu tidak sejenis, semata-mata hanyalah kerana menutupi jalan yang membawa kepada riba nasiah, riba itulah riba yang paling besar mudaratnya. Juga orang dilarang menjual satu dirham dengan dua dirham adalah semata-mata menutupi jalan yang membawanya kepada riba nasiah. Sebagaimana Rasulullah s.a.w memberi illat melarang sebab yang demikian itu dalam hadis yang diriwayatkan oleh Muslim di dalam sahihnya. Dan inilah sebaik-baik illat (sebab) dalam perkara mengharamkan riba fadhal.

5. BARANG-BARANG YANG BOLEH MENDATANGKAN RIBA

Menurut nas Al-Hadis di atas, bahawa barang-barang yang boleh mendatangkan riba itu adalah:

1. Mata wang. Di dalam hadis disebutkan emas dan perak, dinar dan dirham.

2. Bahan makanan. Di dalam hadis disebutkan, gandum, syair, garam, atau lain-lain bahan makanan yang utama.

Berkata pengarang Tafsir Khazin: Maka telah berfatwa umumnya ahli ilmu, bahawa hukum riba telah tetap pada semua macam barang-barang ini (mata wang dan bahan makanan). Lalu hukum riba itu melampaui kepada semua barang-barang yang diperoleh padanya sifat-sifat itu. Dalam hal ini mereka berlainan faham dalam menentukan sifat-sifat itu. Satu golongan berfatwa, bahawa makna (maksud) dari semua barang-barang itu hanyalah satu. Iaitu manfaat. Oleh sebab itu mereka menetapkan, bahawa riba ada pada semua harta benda. Kebanyakan ulama berfatwa bahawa hukum riba itu tetap pada dirham dan dinar dengan satu macam sifat, sedang pada bahan makanan ada satu macam sifat yang lain pula. Dalam menentukan sifat-sifat tersebut, mereka berlainan faham pula:

Pendapat Syafii dan Malik: Syafii dan Malik berpendapat bahawa riba yang telah ditetapkan, ialah pada dirham dan dinar, disebabkan ianya adalah mata wang.

Pendapat As-habur Ra'yi: Mereka berpendapat, bahawa riba itu ditetapkan sebab ditimbang. Oleh sebab itu, mereka menetapkan bahawa riba ada pada semua barang yang ditimbang, misalnya, besi, tembaga, kapas dan lain-lainnya. Adapun bahan yang empat macam di atas menurut mereka, bahawa riba ditetapkan padanya ialah kerana sebab ditimbang dan dikati. Maka mereka menetapkan bahawa riba ada pada semua barang yang ditimbang dan dikati, sama ada bahan makanan mahupun tidak. Seperti pasir, kapur dan lain-lainnya.

Pendapat segolongan ulama: Segolongan ulama berpendapat bahawa yang menyebabkan ada riba pada semua bahan-bahan makanan yang empat macam di atas, ialah kerana dimakan, dikati dan ditimbang. Oleh sebab itu, semua bahan makanan yang ditimbang atau dikati tetap ada padanya riba. Dan tidak ada riba pada bahan makanan yang penjualannya tidak ditimbang atau tidak dikati. Ini adalah pendapat Said bin Musayyab dan pendapat Syafii dalam kata qadimnya (waktu ia berfatwa di Iraq). Sedang menurut kata jadidnya (waktu ia berfatwa di Mesir), mengatakan: Riba itu tetap pada semua bahan makanan yang tersebut di atas dengan sebab sifat makanan. Seperti buah-buahan, sayur-sayuran, ubat-ubatan dan lain-lainnya, baik barang itu dikati menjualnya mahupun ditimbang.

(Demikian Tafsir Khazin).

Semua barang yang boleh mendatangkan riba, dinamakan "BARANG RIBAWI."

Dari nas hadis Rasulullah s.a.w. di atas tadi dapat difahami, bahawa yang dinamakan riba ialah: Kelebihan yang tidak ada imbangannya dalam dua pertukaran barang yang sejenis. Iaitu, yang sejenis ain dan illat ribanya.

Adapun yang dimaksudkan "emas" dalam hadis di atas ialah mata wang perak (dirham). Kepada kedua macam mata wang ini disamakan mata wang dari kertas, sebab sama dipakai dalam alat tukar menukar dan beli membeli dan sebagai mata wang kepercayaan dari emas dan perak. Oleh sebab itu dapat dihukum riba pada soal-soal di bawah ini:

1. Umpama: Menukar langsung wang kertas $10 (sepuluh ringgit) dengan wang kecil (syiling), bernilai dengan $9 (sembilan ringgit). Maka yang seringgit dalam dua pertukaran ini tidak ada imbangannya, oleh sebab itu ia dihukum wang riba.
2. Umpama: Meminjamkan wang sebanyak $100 seratus ringgit), dengan syarat supaya dikembalikan 10% (sepuluh persen), iaitu sebanyak $110. Maka yang sepuluh ringgit ini tidak ada imbangannya, oleh sebab itu wang ini dihukum riba.
3. Umpama: Seseorang meminjamkan modal untuk dagang dan lain-lainnya sebanyak $1000 (seribu ringgit), dengan syarat, supaya dikembalikan 10% (sepuluh persen). Kalau yang sepuluh persen ini diambil langsung, dari jumlah wang yang dipinjamkan, maka jelas wang ini wang riba. Sebab bererti, menukar wang $1000 dengan wang $1100 secara diundurkan waktunya. Tetapi kalau yang sepuluh persen ini diambil dari laba, maka barulah terlepas dari riba. (Lihat fasal perkara melepas orang berdagang).

Begitu juga halnya dalam mempertukarkan bahan-bahan makanan yang sejenis. Adapun yang tidak sejenis akan datang keterangannya.

6. SOAL BANK DAN KOPERASI SIMPAN-PINJAM SERTA YANG DINAMAKAN MATA WANG

Bank menurut ahli ekonomi, ialah: SESUATU BADAN YANG BERDAGANG KREDIT. Iaitu, bahawa bank itu mendapat sesuatu kredit, dengan perjanjian, bahawa keuntungan akan diberi sekian persen kepada yang empunya wang. Kemudian wang itu dipinjamkannya pula kepada orang yang lain dengan perjanjian bahawa keuntungan yang diambilnya lebih besar dari keuntungan yang dibayarnya. Dalam hal ini yang lebih tepat sekali dikatakan, bahawa bank ialah, "BADAN YANG MEMPERDAGANGKAN WANG," dan bukan memperdagangkan barang.

Sedang keuntungan langsung dipungut dari wang kepada wang, tanpa ada perantaraan barang dagangan.

Setelah kita melakukan pembahasan mengenai riba, maka jelaslah, bahawa keuntungan yang semacam ini jelas riba, dengan tidak ragu-ragu lagi. Begitu juga caranya melakukan koperasi simpan-pinjam. Sebab jalannya mencari untung sama saja dengan bank. Hanya bezanya, bahawa yang menjadi badan pada bank boleh orang lain. Tetapi dikoperasi, yang menjadi badannya ialah anggota koperasi itu sendiri.

Dalam hal ini yang dipandang ialah cara bekerjanya dan bukan badan yang memegangnya.

Menurut ahli ekonomi, bahawa yang dinamakan mata wang itu, ialah: Benda yang dapat digunakan untuk tukar menukar dan beli membeli barang yang dihajati.

Dalam hadis Rasulullah s.a.w di atas dinyatakan, bahawa mata wang yang dijadikan alat tukar menukar ialah; emas, perak gandum, syair, garam, tamar atau bahan makanan yang mengenyangkan. Iaitu menukar benda dengan benda (dagang barter). Akhirnya mata wang itu ditetapkan saja kepada emas, perak dengan diberi bentuk yang tertentu, yang dinamakan bentuk mata wang. Kepada mata wang emas dan perak ini, disamakan mata wang kertas, sebab sama-sama alat penukar dan tanda kepercayaan dari mata wang emas dan perak. Maka dalam menukarnya harus seimbang, kalau yang dipertukarkan itu mata wang yang sejenis. Seperti mata wang ringgit sama mata wang ringgit, atau dolar sama dolar. Dan tidak mengapa berlebih kurang kalau mata wang itu tidak sejenis, dan kalau nilainya berlebih kurang pula, seperti mata wang ringit dengan dolar.

7. CARA MENJUAL BARANG-BARANG RIBAWI

Cara menjual barang-barang yang dapat mendatangkan riba, adalah sebagai berikut. Jika seseorang menjual barang yang mungkin mendatangkan riba menurut jenisnya, seperti seseorang menjual salah satu dua macam mata wang, iaitu emas atau perak dengan yang sejenis, atau bahan makanan, seperti gandum dengan gandum, beras dengan beras dan sebagainya, maka disyaratkan:

1. Sama nilainya (tamasul),
2. Sama menurut ukuran syarak. Sama timbangannya pada barang yang ditimbang, sama sukatannya pada barang yang disukat dan lain-lainnya.
3. Sama-sama tunai (taqabud) di majlis akad.

Jika seseorang menjual barang yang mungkin mendatangkan riba (barang ribawi), bukan berdasarkan jenisnya maka di sini ada dua faktor, iaitu: Jika barang itu dijual dengan barang yang tidak sepakat dalam illat riba, umpama menjual barang makanan dengan salah satu mata wang, maka tidaklah ada riba padanya. Jika seseorang menjual dengan barang yang sepakat dalam sifat (illat) riba, tapi tidak sejenis, seperti menjual dirham dengan dinar (menjual wang perak dengan emas), atau menjual dirham dengan syair atau makanan dengan makanan lain yang tidak sejenis, maka menjualnya boleh berlebih berkurang. Hanya disyaratkan padanya, "Tunai sama tunai dan timbang terima di majlis akad."

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَلذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيْرُ بِالشَّعِيْرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مَثَلاً بِمَثَلٍ سَوَاءً بِسَوَاءٍ يَدًا بِيَدٍ فَاِذَا اخْتَلَفَ هٰذِهِ الْأَصْنَافُ فَبِيْعُوْا كَيْفَ شِئْتُمْ اِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ. رواه مسلم

Dari Ubadah bin Shamit ia berkata: Bersabda pula Rasulullah s.a.w.: Menjual emas dengan emas, menjual perak dengan perak, atau menjual gandum dengan gandum, menjual syair dengan syair, menjual tamar dengan tamar dan menjual garam dengan garam, mesti sama nilainya (kualitinya), sama banyaknya, timbang terima. Maka jika berlainan macamnya, maka boleh kamu menjual bagaimana yang kamu kehendaki, asal saja timbang terima dan tunai sama tunai."

(Riwayat Muslim).

Penjelasan Hadis

Adapun penjelasan hadis di atas, ialah:

Pertama: Perkataan yang berbunyi: EMAS DENGAN EMAS, PERAK DENGAN PERAK, GANDUM DENGAN GANDUM, SYAIR DENGAN SYAIR, TAMAR DENGAN TAMAR, GARAM DENGAN GARAM MESTI SAMA, adalah

menunjukkan, bahawa barang yang diperjualbelikan (dipertukarkan) itu bila sama jenisnya, mestilah sama timbangnya atau ukurannya, dan mesti pula sama-sama tunai atau timbang terima. Dalam hal ini kalau syarat-syarat yang dijelaskan Nabi itu tidak dipenuhi, tentulah akan menimbulkan riba.

Kedua: Perkataan yang berbunyi:
JIKA BERLAINAN MACAMNYA, MAKA BOLEHLAH KAMU MENJUAL BAGAIMANA YANG KAMU KEHENDAKI, ASAL SAJA TIMBANG TERIMA DAN TUNAI SAMA TUNAI.

Menunjukkan, bahawa kalau barang itu berlainan jenisnya, boleh diperjualbelikan secara lebih kurang, asal tunai sama tunai, atau timbang terima di majlis akad. Kalau tidak, tentulah akan mendatangkan riba pula.

Dalam hal ini, kalau seseorang berhutang padi di musim menyabit, maka wajib baginya mengembalikan padi itu sebanyak padi yang dihutangnya, atau wang menurut harga padi ketika mengembalikan itu. Sebab mungkin harga padi ketika berhutang, tidak sama dengan harga padi ketika mengembalikannya.

Begitu juga, umpamanya bila seseorang meminjam wang pada musim menyabit, yang dimaksudkan untuk pembeli padi, maka wajib mengembalikan wang itu seharga padi ketika ia mengembalikan itu, jangan sebanyak wang yang dipinjam semula, sebab nilai atau harga telah berbeza-beza.

8. PEMBAYARAN HUTANG YANG DILEBIHKAN

Orang-orang yang berhutang, bila hutangnya itu dibayarnya melebihi jumlah yang dihutang, maka hal ini ada dua sebabnya. Kalau pembayaran itu dilebihinya dengan kehendak hatinya sendiri, ertinya bukan diakadkan lebih dahulu ketika ia mulai menerima barang yang dihutangnya itu, maka hal yang semacam ini tidak dinamakan (tidak termasuk) riba. Dan pembayaran yang begini adalah yang lebih dituntut oleh agama.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِىُّ ﷺ: فَاِنَّ مِنْ خَيْرِكُمْ اَوْ خِيَرِكُمْ اَحْسَنَكُمْ قَضَاءً. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya yang sebaik-baiknya kamu, ialah orang yang suka berbudi (melebihi) dalam membayar hutangnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

عَنْ مُجَاهِدٍ اَنَّ ابْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اِسْتَلَفَ دَرَاهِمَ فَقَضَى صَاحِبُهَا خَيْرًا مِنْهَا فَاَبَى اَنْ يَأْخُذَهَا وَقَالَ: هٰذِهِ خَيْرٌ مِنْ دَرَاهِمِيْ فَقَالَ اِبْنُ عُمَرَ قَدْ عَلِمْتُ وَلٰكِنْ نَفْسِى بِذٰلِكَ طَيِّبَةٌ.

أخرجه مالك فى الموطأ

Dari Mujahid r.a. bahawa Ibnu Umar r.a. pernah meminjam wang (kepada orang lain), lalu dibayar hutangnya itu kepada yang empunya wang dengan melebihi dari jumlah yang ia pinjam dahulu, maka enggan (tidak mahu) orang itu menerimanya, dan beliau berkata: "Ini adalah lebih dari jumlah wang yang telah aku pinjamkan. Maka berkata Ibnu Umar: Ya, sungguh aku tahu, tetapi diriku suka dengan menambahi yang demikian itu."

(Riwayat Malik dalam Al-Muwattak).

Akan tetapi kalau diakadkan lebih dahulu, atau disyaratkan oleh orang yang akan menghutangkan itu supaya hutangnya itu harus diberi keuntungan nanti ketika mengembalikan, maka kelebihan yang disebabkan akad itu menjadi riba, dan dilarang sekali oleh agama.

Keterangan:

عَنْ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَلَغَنِيْ اَنَّ رَجُلاً اَتَى اِبْنَ عُمَرَ فَقَالَ: إِنِّيْ اَسْلَفْتُ رَجُلاً سَلْفًا وَاشْتَرَطْتُ عَلَيْهِ اَفْضَلَ مِمَّا اَسْلَفْتُهُ فَقَالَ عَبْدُ اللهِ بْنُ عُمَرَ فَذٰلِكَ الرِّبَا.

اخرجه مالك فى الموطأ

Dari Malik r.a. ia berkata: "Pernah disampaikan orang kepadaku, bahawa ada seorang laki-laki datang kepada Abdullah bin Umar, lalu dia berkata: "Sesungguhnya aku telah menghutangkan kepada seseorang dan aku mensyaratkan ke atasnya supaya melebihkan bayarannya dari jumlah yang telah aku hutangkan kepadanya? Maka Abdullah bin Umar berkata: Yang demikian itu adalah riba."

(Riwayat Malik dalam Muwatthak).

Riba yang disebabkan oleh hutang-piutang ini disebut juga riba *qaradh* (riba hutang). Keuntungan yang begini sama saja hukumnya, baik diterima sebelum wang dikembalikan mahupun sesudahnya. Dan dalam bahasa asing disebut rente (bunga wang).

Dalam hubungan ini termasuk juga misalnya seorang yang menjual barangnya. Kalau secara tunai dijualnya umpamanya $100. Akan tetapi kalau dengan berhutang atau ansuran dua atau tiga kali, maka harganya $150. Dalam hal yang seperti ini seolah-olah ia meminjamkan wang $100 dengan jalan memberikan barang yang seharga $100 kemudian wang itu diberi keuntungan sebanyak $50 kerana pembayarannya tidak tunai. Keuntungan yang diambil secara begini termasuk riba nasiah, sebab kalau tidak diakadkan oleh yang empunya barang lebih dahulu, tentulah si penghutang itu tidak akan mahu membayar lebih dari harganya yang biasa (harga tunai).

Dalam firman Allah ada dijelaskan soal hutang-piutang ini: Kalau si penghutang sedang kemiskinan, maka hendaklah yang memberi hutang menunggu sampai ada keupayaan untuk membayar.

Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ كَانَ ذُوْ عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ اِلٰى مَيْسَرَةٍ *

سورة البقرة اية ٢٨٠

Dan jika orang yang berhutang itu dalam kemiskinan, maka hendaklah tunggu sampai ia sanggup membayar.

(Surah Al-Baqarah: 280).

Inilah yang dinamakan menolong orang miskin. Dan kalau hutang itu disyaratkan supaya dilipat-gandakan, atau diberi bunga kerana pembayaran dikreditkaan, maka perbuatan itu dinamakan

zalim terhadap si miskin. Bukankah ketika ia menghutangkan itu ia telah mengambil keuntungan dari pembeliannya semula. Dan sekali-kali tidaklah ada si penjual yang mahu menjual barangnya seharga modalnya saja, melainkan harus diambil keuntungannya walaupun sedikit. Dalam hadis lain ada pula disebutkan soal ini:

عَنْ أَبِى الْيَسَرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: مَنْ اَنْظَرَ مُعْسِرًا اَوْ وَضَعَ عَنْهُ اَظَلَّهُ اللهُ فِى ظِلِّهِ يَوْمَ لاَ ظِلَّ لَهُ اِلاَّ ظِلُّهُ. رواه مسلم

Dari Abu Yasar r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang menunggu (melapangkan) orang yang sedang kemiskinan, atau ia relakan saja hutang itu daripadanya (dianggapnya tidak jadi hutang lagi), nanti Allah akan memberi perlindungan kepadanya dengan perlindungan pada hari yang tidak ada perlindungan baginya, kecuali perlindungan itulah."

(Riwayat Muslim).

9. SEBAB-SEBAB TIMBULNYA RIBA

Riba itu selalunya timbul kerana diakadkan lebih dahulu (dibuat akad sebelumnya). Takrif riba yang telah disebutkan di awal bab ini, adalah menurut yang biasa, dan dengan jalan begitulah orang biasanya melakukan riba. Sebab kalau tidak dibuat akad lebih dahulu, tentu orang tidak akan suka melebihi begitu saja pembayaran dari wang (harga barang) yang telah dipinjamnya, atau melebihi salah satu dua penukar dari barang ribawi, kalau barang itu sejenis, umpama emas dengan emas, perak dengan perak, beras dengan beras dan lain-lainnya. Dengan demikian tidak akan terjadi riba.

Andaikata terjadi juga kelebihan dalam penukaran barang ribawi itu, dengan tidak diakadkan oleh kedua belah pihak (dua orang yang menukarkan), maka kelebihan itu dinamakan juga riba. Dan riba yang begini dinamakan riba fadhal, yang kalau dibolehkan oleh agama, tentu akan membawa orang untuk melakukan riba nasiah. Sedang riba nasiah ini adalah yang dituju oleh larangan nas Al-Quran. Oleh sebab itu tidaklah salah Muhaqqiq Ibnu Qayyim berkata, bahawa riba fadhal ini riba yang khafi, yang tersembunyi bahayanya.

Akad riba ini dapat dilakukan orang secara lisan, atau secara tulisan (dibuat peraturannya) sebagaimana yang banyak terjadi dewasa ini, terutama di sumber-sumber pertukaran wang. Dan sebahagian ulama berkata, bahawa yang dinamakan riba, ialah tiap-tiap jual beli yang diharamkan oleh agama.

Tukar Menukar Wang

Adapun soal tukar menukar, sama juga halnya dengan soal riba. Kalau yang ditukar itu sama jenisnya, biar yang ditimbang, ataupun yang disukat (digantang), disyaratkan pula:

1. *Tunai dengan tunai.*
2. *Sama timbangannya pada barang yang ditimbang dan sama sukatan pada barang-barang disukat.* (Lihat bab riba).

Dan kalau yang dipertukarkan itu berlainan jenis tapi sama dalam sifat ribanya, maka disyaratkan tunai dengan tunai pada waktu akad.

Keterangan:

عَنْ مَالِكِ بْنِ اَوْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اِلْتَمَسْتُ صِرْفًا بِمِائَةِ دِيْنَارٍ فَدَعَانِيْ طَلْحَةُ بْنُ عُبَيْدِ اللهِ فَتَرَاوَضْنَا اِصْطَرَفَ مِنِّيْ فَاَخَذَ الذَّهَبَ يُقَلِّبُهَا فِى يَدِهِ ثُمَّ قَالَ حَتَّى يَأْتِيَ خَازِنِى مِنَ الْغَابَةِ وَعُمَرُ يَسْمَعُ فَقَالَ: وَاللهِ لَا تُفَارِقْهُ حَتَّى تَأْخُذَ مِنْهُ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلذَّهَبُ بِالذَّهَبِ رِبًا إِلَّا هَاءً وَهَاءً وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ رِبًا اِلَّا هَاءً وَهَاءً وَالشَّعِيْرُ بِالشَّعِيْرِ رِبًا اِلَّا هَاءً وَهَاءً وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ رِبًا اِلَّا هَاءً وَهَاءً. رواه البخارى ومسلم

Dari Malik Aus r.a. ia berkata: "Pernah aku hendak menukarkan wang dirham dengan seratus dinar lalu aku dipanggil oleh Talhah bin Ubaidillah, lantas kami bercakap-cakap tentang hal emas (dinar)ku itu dan dibalik-baliknya wang emas di tangannya itu, hingga ia mahu menukar dirhamku, maka diambilnya wang kemudian ia berkata: Tunggulah juruwang saya dari dusun. Dan Umar r.a.

mendengar persoalan itu, lalu ia berkata: Demi Allah, jangan engkau bercerai lebih dahulu sebelum engkau ambil pula tukarannya daripadanya. Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Menukar emas dengan emas itu riba kecuali tunai dengan tunai, dan menukar gandum dengan gandum itu riba kecuali tunai dengan tunai, dan menukar syair dengan syair itu riba kecuali tunai dengan tunai, dan menukar tamar dengan tamar itu riba kecuali tunai dengan tunai."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Demikianlah yang mesti dilakukan dalam menukar wang, baik dalam negeri ataupun untuk luar negeri.

Keterangan:

عَنْ اَبِى الْمِنْهَالِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَئَلْتُ الْبَرَاءَ عَنِ الصِّرْفِ فَقَالَ سَلْ زَيْدَ بْنِ اَرْقَمَ فَهُوَ اَعْلَمُ فَسَئَلْتُ زَيْدًا فَقَالَ: سَلِ الْبَرَاءَ فَإِنَّهُ اَعْلَمُ ثُمَّ قَالاَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَنْ بَيْعِ الْوَرِقِ بِالذَّهَبِ دَيْنًا. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Minhal r.a. ia berkata: "Pernah aku bertanya kepada Al-Bara' tentang penukaran wang, lalu ia berkata: Tanyakanlah kepada Zaid bin Arqam sebab dia yang lebih tahu, lantas aku tanyakan kepada Zaid, maka ia berkata, tanyakanlah kepada Al-Bara' sebab dia yang lebih tahu, kemudian keduanya berkata: Telah melarang Rasulullah s.a.w. menukari perak dengan emas secara hutang."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bila seseorang menjual sesuatu barang dengan barang harga emas boleh ia mengambil tukarannya wang perak seharga wang emas itu. Umpamanya seseorang menjual barang dengan harga ringgit, boleh diambilnya wang rupiah seharga ringgit itu, atau sebaliknya.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كُنْتُ اَبِيْعُ الْاِبِلَ بِالْبَقِيْعِ فَاَبِيْعُ بِالدَّنَانِيْرِ فَآخُذُ مَكَانَهَا الْوَرِقَ وَاَبِيْعُ بِالْوَرِقِ فَآخُذُ

مَكَانَهَا الدَّنَانِيْرَ فَاَتَيْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فَوَجَدْتُهُ خَارِجًا مِنْ بَيْتِ حَفْصَةَ فَسَئَلْتُهُ عَنْ ذٰلِكَ فَقَالَ لَا بَأْسَ بِهِ بِالْقِيْمَةِ.

رواه ابو داود والترمذى وصحح الحاكم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: "Pernah aku menjual unta di suatu tempat dengan harga dinar, lalu aku terima harganya menurut harga perak, dan aku jual dengan perak, lalu aku terima harganya menurut harga wang emas, kemudian aku datang kepada Rasulullah s.a.w. kudapati beliau sedang di luar rumah Hafshah, maka aku tanyakan kepada beliau hal itu. Lalu Rasulullah menjawab: Tidak mengapa dengan cara begitu menurut harganya pada hari itu juga."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

10. SOGOKAN ATAU WANG SUAP

Yang dimaksud dengan sogokan ialah wang rasuah atau wang suap. Dalam istilah sekarang disebut juga wang rasuah, wang hilang, t.s.t. (tahu sama tahu) dan sebagainya.

Semuanya itu maksudnya hanya satu, iaitu agar yang bersangkutan dapat mengurus dan menyelesaikan sesuatu masalah dari yang memberi rasuah dengan segera dan menguntungkan.

Firman Allah s.w.t.:

سَمّٰعُوْنَ لِلْكَذِبِ اَكّٰلُوْنَ لِلسُّحْتِ* سورة المائدة اية ٤٢

Mereka suka sekali mendengar perkataan yang dusta, lagi pula mereka sangat suka makan rasuah.

(Surah Al-Maidah, ayat 42).

Sebab turunnya ayat ini ialah berhubung dengan orang-orang Yahudi, seperti Kaab bin Asyraf di zaman Nabi s.a.w. Mereka sangat suka sekali memakan sogokan, walaupun berupa apa saja, bila mereka hendak menghukum sesuatu perkara. Kemudian perbuatan itu turun-temurun dilakukan di mana-mana hingga sekarang. Bukan saja dalam soal hukum-menghukum, akan tetapi perbuatan itu sudah umum dilakukan orang untuk mendapat keuntungan dengan jalan melanggar hukum atau undang-undang. Perbuatan itu adalah haram hukumnya.

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَلرَّاشِى وَالْمُرْتَشِى فِى الْحُكْمِ. رواه ابو داود والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. ia telah berkata: "Rasulullah s.a.w. telah mengutuk orang yang suka memberi rasuah, dan orang yang suka menerima rasuah dalam soal hukum menghukum."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Berkata Ibnu Mas'ud dalam mentafsirkan ayat di atas tadi: Sogokan dapat berlaku pada tiap-tiap sesuatu, barangsiapa yang telah memberi sesuatu pemberian dalam sesuatu pembelaan kepada seseorang, supaya pembelaan itu dapat mengembalikan yang hak, atau dapat menolakkan kezaliman (aniaya), lantas diterimanya, maka pemberian itu dinamakan sogokan juga. Perbuatan itu diharamkan kerana mengandungi beberapa hal yang diharamkan oleh agama. Di antaranya ialah bahawa sesuatu kebenaran, tidak (belum) akan berlaku di kalangan masyarakat, kalau sogok-menyogok masih dilakukan manusia. Dengan sogok-menyogok itu, manusia selalu melanggar hukum untuk memenuhi kehendak hawa nafsunya.

Dengan sogok-menyogok, manusia dapat membalaskan dendam antara yang seorang dengan yang lain dan sebagainya. Berkata pengarang kitab Subulussalam: Tidak dinamakan sogokan sesuatu yang diberikan untuk membela kebenaran.

Akan datang keterangan lebih lanjut dalam perkara hukum menghukum, dan dalam perkara pengadilan menurut Islam.

BAB MAHJUR

(Orang yang terlarang mengendalikan hak).

1. ERTI MAHJUR DAN SEBAB-SEBABNYA

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَابْتَلُوْا الْيَتٰمٰى حَتّٰى اِذَا بَلَغُوْا النِّكَاحَ فَاِنْ آنَسْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا فَادْفَعُوْا اِلَيْهِمْ اَمْوَالَهُمْ*

سورة السناء ٦

Dan ujilah anak-anak yatim itu (anak di bawah umur) hingga telah sampai umur mereka (ke batas umur) untuk nikah. Maka bila telah

kamu ketahui kecerdasan mereka, maka serahkanlah kepada mereka harta mereka.

(Surah An-Nisak, ayat 6).

Mahjur: berasal dari kata "hajara," ertinya terlarang atau terdinding. Menurut istilah Syarak, orang-orang yang terlarang mengendalikan harta bendanya disebabkan kerana beberapa hal yang terdapat pada dirinya, yang memerlukan pengawasan.

Adapun yang menyebabkan, orang menjadi si mahjur adalah sebagai berikut:

Pertama: Kerana masih di bawah umur.

Kedua: Kerana bodoh, walaupun umurnya telah lanjut.

Ketiga: Kerana lemah rohani dan jasmani hingga memerlukan pengawasan.

Keempat: Kerana merupakan hamba abdi, sebab hamba abdi tidak mempunyai hak milik, kerana ia sendiri menjadi milik orang.

Kelima: Orang yang sedang sakit keras yang mengkhuatirkan, sebab sakit yang begitu rupa menyebabkan fikiran tidak normal lagi.

Keenam: Orang yang sedang menggadaikan barang. Ia tidak berkuasa di atas barangnya sebelum ia tebus, sebab barangnya itu sebagai ganti hutang atau jaminan hutangnya.

Ketujuh: Wanita yang sedang bersuami, sebab yang berkuasa ialah suaminya dan bukan dia, dalam segala soal rumahtangganya.

Kelapan: Orang yang murtad (keluar dari Islam). Mereka tidak berkuasa di atas harta bendanya, kerana mereka di bawah pengawasan pemerintah Islam.

Kesembilan: Kerana bangkrap (muflis), sebab hartanya habis untuk membayar atau jaminan hutangnya, hingga ia tidak boleh berkuasa terhadap hak miliknya itu.

2. KERANA DI BAWAH UMUR

Maksud daripada anak di bawah umur, ialah anak yang belum akil-baligh (belum mukallaf). Berhubung akalnya belum ada, ia harus diawasi dan dijaga oleh wali atau kedua orang tuanya. Harta bendanya (kalau ada kerana kematian ayah), tidak boleh diserahkan, sebelum nyata ia baligh berakal, sebab dikhuatirkan akan dihabiskan atau disia-siakan menurut semahu-mahunya.

Hal ini sesuai menurut bunyi ayat di atas. Juga harta benda anak yatim (anak kecil) itu dilarang keras memakannya, malah termasuk dosa besar, kecuali hanya sekadar yang pantas, sesuai dengan usaha pemeliharaannya.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

إِنَّ الَّذِيْنَ يَأْكُلُوْنَ أَمْوَالَ الْيَتٰمٰى ظُلْمًا إِنَّمَا يَأْكُلُوْنَ فِى بُطُوْنِهِمْ نَارًا وَسَيَصْلَوْنَ سَعِيْرًا* سورة النساء اية ١٠

Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta benda anak yatim secara aniaya, sesungguhnya mereka memasukkan api neraka ke dalam perut mereka, dan mereka akan dimasukkan ke dalam api neraka.

(Surah An-Nisa', ayat 10).

Adapun tanda-tanda anak yang sudah baligh adalah sebagai berikut:

a. Telah sampai umur 15 tahun, bagi laki-laki, atau haid bagi perempuan.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: عُرِضْتُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ يَوْمَ أُحُدٍ وَاَنَا اِبْنُ اَرْبَعَ عَشَرَةَ سَنَةً فَلَمْ يُجَوِّزْنِيْ وَعُرِضْتُ عَلَيْهِ يَوْمَ الْخَنْدَقِ وَاَنَا اِبْنُ خَمْسَ عَشَرَةَ سَنَةً فَاَجَازَنِيْ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: "Pernah aku dibawa kepada Nabi s.a.w. (untuk turut perang) pada hari perang Uhud, sedang aku masih berumur 14 tahun, maka aku tidak dibolehkannya. Dan aku-pun pernah pula dibawa (untuk turut perang) pada hari perang Khandak, dan aku telah berumur 15 tahun, maka dibolehkannya aku."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

b. Telah tumbuh rambut di kemaluan.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَطِيَّةَ الْقُرْظِيْ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: عُرِضْنَا عَلَى النَّبِيِّ

ﷺ يَوْمَ قُرَيْظَةَ فَكَانَ مَنْ اَنْبَتَ قُتِلَ وَمَنْ لَمْ يَنْبُتْ خَلَّى سَبِيْلَهُ فَكُنْتُ مِمَّنْ لَمْ يَنْبُتْ فَخَلَّى سَبِيْلِيْ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Athiyah Al-Qurzy r.a. ia berkata: "Pernah aku dibawa kepada Nabi s.a.w. pada hari (perang) Khandak. Ketika itu, sesiapa yang telah ada tumbuh bulu (di kemaluannya), setelah ditangkap terus dihukum mati, dan sesiapa yang belum tumbuh bulu, dilepaskannya. Maka aku adalah termasuk orang yang belum tumbuh bulu (di kemaluan), maka ia lepaskan aku."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

c. Telah bermimpi, sebagai orang dewasa. Yang dimaksudkan ialah mimpi bersetubuh antara laki-laki dan perempuan.
Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: حَفِظْتُ عَنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ لَا يُتْمَ بَعْدَ احْتِلَامٍ.

رواه ابو داود

Dari Ali r.a. ia berkata: Pernah aku menghafaz hadis dari Rasulullah s.a.w. yang mengatakan: "Tidak dianggap anak kecil lagi sesudah bermimpi."

(Riwayat Abu Daud).

Disamakan dengan *"bermimpi"* orang yang sudah keluar mani, baik waktu ia bermimpi mahupun sedang ia sedar, atau ia sudah ada syahwat untuk bersetubuh antara laki-laki dan perempuan.

Bila anak-anak telah ada tanda-tanda tersebut di atas, maka ia dianggap oleh agama telah baligh, tetapi belum tentu mereka berakal.

Sebab ramai orang yang sudah baligh tetapi masih kurang akal.

3. KERANA BODOH

Bodoh ini ertinya kurang akal, mungkin kerana masih kecil, atau kerana bebal saja, atau dungu, walaupun umurnya telah lanjut.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمْ* سورة النساء اية ٥

Dan janganlah kamu berikan kepada orang-orang bodoh itu akan harta benda mereka.

(Surah An-Nisa', ayat 5).

4. KERANA LEMAH ROHANI DAN JASMANI

Orang yang lemah rohani dan jasmaninya, dengan sendirinya tidak sanggup mengurus harta kekayaannya, kalau ia memiliki harta.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ* سورة البقرة اية ٢٨٢

Maka bila ada orang yang berhutang itu (ada orang yang mempunyai hak di atas dirinya) orang bodoh atau lemah, atau ia tidak sanggup menulis, maka hendaklah walinya menuliskan secara adil.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

Dalam ayat ini jelaslah, bahawa orang yang bodoh atau orang yang lemah, atau orang yang tidak sanggup menuliskan pertanggungjawabnya, maka walinya yang harus menuliskan menurut yang seadil-adilnya. Termasuk ke dalam ayat ini *"Orang gila."*

Bererti ia tidak sanggup mengendalikan hak atau kewajipannya.

5. KERANA HAMBA

Seseorang yang merupakan hamba abdi, tidak berkuasa di atas hartanya, malah ia sendiri tidak ada harta, sebab ia sendiri menjadi milik tuannya, di mana dirinya sendiri sama darjatnya dengan harta benda.

Ia dapat dijual dan dibeli sebagaimana harta. Oleh kerana itu ia tidak berkuasa apa-apa.

Allah berfirman:

ضَرَبَ اللهُ مَثَلًا عَبْدًا مَمْلُوْكًا لَا يَقْدِرُ عَلَى شَيْءٍ*

سورة النحل اية ٧٥

Allah telah memberikan contoh seorang hamba yang dimiliki, ia tidak berkuasa di atas sesuatu juga.

(Surah An-Nahl, ayat 75).

Menurut akal yang sihat, bahawa orang yang dimiliki, tidak punya milik. Begitulah contohnya seseorang hamba yang sudah jadi milik, ia dengan sendirinya tidak punya milik apa-apa. Oleh sebab ia selalu berada dalam pengawasan tuannya.

6. KERANA SEDANG SAKIT KUAT

Sesungguhnya orang yang sakit kuat, yang dikhuatirkan itu tidak berdaya lagi untuk berbuat apa-apa. Ini jelas dan terang.

Oleh sebab itu semua harta kekayaannya kalau ada adalah di bawah kekuasaan ahli warisnya, sebagai pengawas di atasnya.

Malah waktu seseorang yang telah dekat mati, diwajibkan oleh Allah memberikan pesan (wasiat) mengenai harta kekayaannya terhadap orangtua dan kerabat karibnya.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ اِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ اِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِيْنَ بِالْمَعْرُوْفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِيْنَ*

سورة البقرة اية ١٨٠

Diwajibkan atas kamu memberikan wasiat (pesan), bila salah seorang darimu telah dekat mati, jika ia ada meninggalkan harta benda, untuk kedua orangtua dan kerabat karibnya menurut yang pantas, merupakan hak di atas orang yang takwa.

(Surah Al-Baqarah, ayat 180).

Ayat ini hanya sekadar menggambarkan, bahawa orang yang sedang sakit kuat itu tidak berkuasa apa-apa lagi, dan ia berada dalam pengawasan.

Mengenai wajib wasiat sesungguhnya hanya kepada kerabat karib, selain ahli waris, sebab kepada ahli waris, termasuk kedua orang tua tidak perlu lagi memberikan pesan, sebab mereka dengan sendirinya akan dapat harta waris (Lihat dalam soal perwarisan atau faraidh).

7. KERANA SEDANG MENGGADAI

Orang yang barangnya sedang digadaikan, ia tidak berkuasa di atas barangnya itu, sebab barang itu merupakan jaminan di atas hutangnya yang diambilnya dari orang lain.

Barang yang sedang dalam gadaian itu berada dalam pengawasan orang yang empunya hutang kepadanya.

Oleh sebab itu si penggadai ini dipandang berada di bawah pengawasan orang yang memegang gadai, kerana khuatir bahawa barang yang digadaikannya itu dijualnya atau digunakannya untuk keperluan lain demi kepentingan peribadinya.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَإِنْ كُنْتُمْ عَلٰى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوْا كَاتِبًا فَرِهَانٌ مَقْبُوْضَةٌ*

سورة البقرة اية ٢٨٣

Dan jika kamu dalam perjalanan (melakukan hutang), dan engkau tidak memperoleh orang yang menuliskan hutang itu, maka boleh diberikan sesuatu jaminan yang dapat dipegang (digenggam).

(Surah Al-Baqarah, ayat 283).

Dengan ayat ini jelas, bahawa barang jaminan atau gadaian itu adalah hak orang yang mempunyai piutang sementara hutang belum dibayar oleh yang berhutang.

Yang empunya barang tidak dapat berkuasa terhadap barang gadaian itu.

8. KERANA BERSUAMI, BAGI WANITA

Seseorang yang mempunyai suami, adalah berada di bawah pengawasan suaminya. Baik dirinya sendiri mahupun harta bendanya dan anak-anaknya.

Oleh sebab itu wanita itu tidak boleh berkuasa dan berwenang dalam harta bendanya, kecuali harta benda yang telah khusus diberikan untuk peribadinya sendiri.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لَا يَجُوْزُ لِامْرَأَةٍ عَطِيَّةٌ اِلَّا بِاِذْنِ زَوْجِهَا وَفِيْ لَفْظٍ لَا يَجُوْزُ لِلْمَرْأَةِ اَمْرٌ فِيْ مَالِهَا اِذَا مَلَكَ زَوْجُهَا عِصْمَتَهَا.

رواه اصحاب السنن

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya: Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Tidak boleh bagi seseorang wanita memberikan sesuatu apa, melainkan dengan izin suaminya. Dan dalam satu riwayat berbunyi: Tidak boleh bagi seseorang wanita mengurus dalam perkara harta bendanya, bila suaminya telah memiliki tanggungjawabnya."

(Riwayat Ash-habussunan).

Hadis ini jelas dan terang fahamnya.

9. KERANA MURTAD

Orang yang murtad, atau orang yang keluar dari agama Islam, terhalang berkuasa di atas hartanya, sebab ia sendiri berada dalam kekuasaan pemerintah Islam.

Ia tidak berkuasa di atas harta bendanya, kerana ia akan menerima hukuman menurut syariat Islam, iaitu hukuman mati, bersabit satu kesalahan yang dibuatnya, iaitu: *Menanggalkan kepercayaan* kepada Islam, yang sangat dilarang keras menurut Islam.

Maka dengan adanya kejahatan yang dibuatnya itu, ia terlarang mengendalikan hartanya.

Keterangan hadis menyatakan sebagai berikut:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ بَدَّلَ دِيْنَهُ فَاقْتُلُوْهُ.

رواه البخارى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang telah menukar agamanya, maka bunuhlah ia."

(Riwayat Bukhari).

10. KERANA JATUH BANKRAP (MUFLIS).

Iaitu orang yang hutangnya melebihi dari jumlah harta kekayaannya. Dengan demikian, segala harta kekayaannya itu berada dalam pengawasan orang yang telah memberi hutang kepadanya (gharimnya).

Bagaimana penjelasannya, di bawah ini nanti akan diterangkan lebih lanjut dalam sebuah bab, yang dinamakan BAB MUFLIS (bab mengenai bankrap).

BAB MUFLIS (Bankrap)

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِيْ بَكْرِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْنَا رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: مَنْ اَدْرَكَ مَالَهُ بِعَيْنِهِ عِنْدَ رَجُلٍ قَدْ اَفْلَسَ فَهُوَ اَحَقُّ بِهِ مِنْ غَيْرِهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Bakar bin Abdul Rahman: Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Kami telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang mendapati harta bendanya menurut aslinya (belum berubah sifatnya) di sisi seseorang yang sudah bankrap, maka dia lebih berhak dengan barang itu daripada lainnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis ini menunjukkan, bahawa harta benda yang dihutang, atau dibeli oleh seseorang yang jatuh bankrap, lalu salah seorang dari empunya harta itu memperoleh hartanya yang belum rosak dan berubah, maka hartanya itu lebih berhak diambilnya dari orang lain, di mana orang lain itu mempunyai hutang pula kepada orang bankrap itu. Baik si bankrap memberikan sebahagian wangnya, mahupun belum, namun ia lebih berhak dengan barangnya itu.

1. MERAMPAS DAN MENJUAL BARANG MUFLIS

Seseorang yang telah bankrap, maka barang-barangnya berhak dihajar atau dirampas oleh:

Pertama: Yang empunya hutang sendiri, sebab ia yang lebih berhak dengan barangnya.

Kedua: Hakim, bila persoalannya telah sampai ke pengadilan.

Maksud dari rampasan ini, ialah untuk menjual harta atau barang si muflis untuk dibayarkan kepada orang-orang yang menghutanginya.

Hal ini terjadi di masa Rasulullah s.a.w. di mana beliau sendiri telah melakukan rampasan atau hajaran terhadap barang-barang Muaz yang telah jatuh bankrap.

Barang-barangnya itu dijual oleh Rasulullah, kemudian wangnya diberikan kepada orang yang telah memberi hutang kepadanya.

Hal ini dinyatakan dalam sebuah hadis sebagai berikut:

عَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ عَنْ أَبِيْهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ حَجَرَ عَلَى مُعَاذٍ مَالَهُ وَبَاعَهُ فِي دَيْنٍ كَانَ عَلَيْهِ.

رواه الدار قطنى والحاكم ـ حديث صحيح

Dari Kaab bin Malik dari bapanya r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah merampas harta Mu'az, dan Rasulullah telah menjual harta itu untuk membayar hutangnya yang ada.

(Riwayat Daruqutni dan Hakim).

Hadis ini menunjukkan bahawa pemerintah boleh merampas barang si muflis, kalau yang empunya membuat aduan.

2. MEMINTA GANTI DARI MUFLIS

Bagi orang yang empunya piutang, boleh menuntut dari si muflis, hanya sekadar barang yang kelihatan saja, andaikata kejadian itu datangnya tidak disangka-sangka. Umpamanya kerana harga barang jatuh, atau barang-barang itu busuk dan lain-lain.

Keterangan:

عَنْ اَبِىْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيْ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اُصِيْبَ رَجُلٌ فِى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فِى ثِمَارٍ اِبْتَاعَهَا فَكَثُرَ دَيْنُهُ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: تَصَدَّقُوْا عَلَيْهِ فَتَصَدَّقَ النَّاسُ عَلَيْهِ وَلَمْ يَبْلُغْ ذٰلِكَ وَفَاءَ دَيْنِهِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لِغُرَمَاءِهِ خُذُوْا مَا وَجَدْتُمْ وَلَيْسَ لَكُمْ اِلَّا ذٰلِكَ. رواه مسلم

Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: "Pernah seorang laki-laki dapat musibat pada masa Rasulullah s.a.w. iaitu buah-buahan yang telah dibelinya busuk. Oleh sebab itu banyaklah hutangnya, maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bersedekahlah kepadanya, maka bersedekahlah orang-orang kepadanya. Tetapi wang yang diterimanya itu belum juga cukup untuk membayar hutangnya, maka bersabdalah Rasulullah s.a.w. kepada orang-orang yang empunya hutang: Ambillah apa yang kamu peroleh, dan tidak ada yang lain bagimu hanya itulah."

(Riwayat Muslim).

Maksudnya tidak boleh ia meminta ganti selain dari barang yang ada itu. Tetapi kalau bankrap itu datangnya kerana sia-sia umpamanya sebab bermain judi, bertaruh dan lain-lain maka wajib atasnya mengganti segala kerugian itu.

3. ORANG YANG TIDAK MAHU BAYAR HUTANG BOLEH DIHUKUM

Dan bila orang yang jatuh bankrap itu sudah berkesempatan untuk membayar tetapi ia lalaikan, maka ketika itu bolehlah orang-orang yang menghutanginya mengambil semua hartanya dengan paksa dan diberi hukuman.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ سَعِيْدٍ عَنْ اَبِيْهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ

رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَيُّ الْوَاجِدِ يُحِلُّ عِرْضَهُ وَعُقُوْبَتَهُ.

رواه ابو داود والنسائى وصححه ابن حبان

Dari Amr bin Said, dari bapanya r.a. ia berkata: "Bersabda Rasulullah s.a.w.: Orang-orang yang telah sanggup untuk membayar kewajipannya, tetapi dilalaikannya juga bolehlah orang merampas hartanya dan menyeksanya (memasukkannya ke penjara)."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Hadis ini menunjukkan, bahawa orang-orang yang tidak mahu membayar hutangnya, bila ia telah sanggup, boleh ia diberi malu, dengan dipenjarakan atau lain-lain.

Untuk mengetahui bankrap seseorang haruslah dipersaksikan oleh hakim dan pegawai-pegawai lain yang bersangkutan.

BAB JAMINAN DAN PINJAM MEMINJAM

1. ERTI JAMINAN DAN SYARAT-SYARATNYA

Iaitu suatu perjanjian antara dua orang atau lebih, di mana salah seorang atau lebih akan menjamin hutang yang ada pada salah seorang di antara mereka, terhadap orang yang berhutang.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: تُوُفِّيَ رَجُلٌ مِنَّا فَغَسَّلْنَاهُ وَحَنَّطْنَاهُ وَكَفَّنَاهُ ثُمَّ أَتَيْنَا بِهِ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فَقُلْنَا: نُصَلِّي عَلَيْهِ فَخَطَا خُطًّا ثُمَّ قَالَ: عَلَيْهِ دَيْنٌ فَقُلْنَا: دِيْنَارَانِ فَانْصَرَفَ فَتَحَمَّلَهُمَا اَبُوْ قَتَادَةَ فَاَتَيْنَاهُ فَقَالَ اَبُوْ قَتَادَةَ: اَلدِّيْنَارَانِ عَلَيَّ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: حَقَّ الْغَرِيْمِ وَبَرِئَ مِنْهُمَا الْمَيِّتُ قَالَ: نَعَمْ فَصَلَّى عَلَيْهِ.

رواه احمد وابو داود وصححه ابن حبان

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Pernah meninggal seorang laki-laki dari keluarga kami, lalu kami mandikan dia dan kami beri kapur barus kemudian kami kafani. Setelah selesai, kami bawa kepada Rasulullah s.a.w. lalu kami katakan: Sembahyangkanlah dia, ya Rasulullah! Maka Rasulullah s.a.w. membuat sebuah garis, kemudian bertanya: Adakah ia berhutang? Kami jawab: Ada, dua dinar. Nabi lalu berpaling (tidak mahu menyembahyangkan). Kemudian hutang yang dua dinar itu ditanggung oleh Abu Qatadah. Maka kami datang kepada beliau kembali, lalu Abu Qatadah berkata: Dua dinar itu aku yang tanggung. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: Sekarang engkau yang berhutang dan lepaslah mayat ini dari hutang yang dua dinar itu. Jawab Abu Qatadah, 'Ya.' Barulah Rasulullah s.a.w. menyembahyangkan mayat itu."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Seorang yang mengaku dan menjamin, dialah sebenarnya yang berhutang. Dan orang yang dijamin terlepas hutang. Terhadap sesuatu kejadian yang belum tentu, tidak sah membuat pertanggungan, apalagi kalau sifatnya menentukan untung-rugi antara yang menjamin dan yang dijamin, sebagaimana insuran yang diadakan orang sekarang. Hal ini termasuk *"Perjudian."*

Rukun dan syarat jaminan ialah:

1. Dhamin (yang menjamin). Disyaratkan ia ahli mengendalikan hartanya (baligh-berakal).
2. Madhmun anhu (orang yang dijamin) disyaratkan, bahawa ia terlepas dari hutang yang akan dibayarnya.
3. Madhmunlah (penerima jaminan). Disyaratkan ia dikenal betul-betul oleh yang menjamin.
4. Mal madhmun (harta yang dijamin). Disyaratkan tentu banyaknya dan tetap.
5. Sighat (ijab-kabul). Disyaratkan dengan lafaz yang menunjukkan jaminan seperti: "Aku jamin piutangmu atas si anu sebanyak sekian."

2. ERTI PINJAMAN DAN SYARATNYA

Iaitu mengambil manfaat dari barang orang lain dalam waktu yang ditentukan dan untuk sesuatu maksud yang tertentu pula, dengan syarat bahawa barang itu barang kemas dan tidak akan rosak ainnya (keasliannya).

Soal pinjam meminjam sunat hukumnya dalam agama. Sebab mengandungi manfaat, yang dapat mempererat hubungan per-

gaulan hidup sesama manusia. Hal ini masuk dalam acara tolong menolong untuk kebajikan yang sangat dianjurkan dalam agama kita. Firman Allah s.w.t.:

وَتَعَاوَنُوْا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوٰى وَلَا تَعَاوَنُوْا عَلَى الْاِثْمِ وَالْعُدْوَانِ*

سورة المائدة اية ٣

Dan bertolong-tolonglah kamu atas kebajikan dan takwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan atas dosa dan permusuhan.

(Surah Al-Maidah ayat 3).

Rukun-rukun dan syarat-syarat pinjam meminjam adalah:

1. Mu'ir (yang meminjamkan). Disyaratkan yang meminjamkan itu ahli mengendalikan harta (tasarruf) dan berhak penuh atas hartanya itu.
2. Musta'ir (yang meminjam). Disyaratkan jelas orangnya dan ahli mengendalikan harta.
3. Mu'ar (yang dipinjamkan). Disyaratkan ada mengandungi manfaat yang dibolehkan oleh syarak dan kekal ainnya. Maka tidak sah meminjamkan makanan, wang dan lain-lain yang berubah atau habis ainnya.
4. Sighat (ijab-kabul). Disyaratkan dengan lafaz yang menunjukkan pinjaman, seperti: Aku pinjamkan barang ini kepadamu selama sebulan. Perkara pinjam meminjam ini pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ فَزَعٌ بِالْمَدِيْنَةِ فَاسْتَعَارَ النَّبِيُّ ﷺ فَرَسًا مِنْ اَبِى طَلْحَةَ يُقَالُ لَهُ الْمُنْدُوْبُ فَرَكِبَهُ فَلَمَّا رَجَعَ قَالَ: مَا رَأَيْنَا مِنْ شَيْءٍ وَاِنْ وَجَدْنَاهُ لَبَحْرًا.

رواه البخارى

Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah terjadi keributan di kota Madinah, lalu Nabi s.a.w. meminjam seekor kuda kepada Abu Talhah, yang dinamakan Al-Mundub, lalu ditunggangi beliau kuda itu. Maka apabila beliau kembali, beliau berkata: "Tidak ada kami

lihat sesuatu juga di sana, dan tak salah kalau kami katakan, bahawa kuda ini sangat kencang larinya."

(Riwayat Bukhari).

Siapa yang **me**minjam, dialah yang bertanggungjawab atas barang yang di**pinjam**nya itu, baik yang berkenaan dengan penggantiannya jika **rosak** atapun biaya pengembaliannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: عَلَى الْيَدِ مَا أَخَذَتْ حَتَّى تُؤَدِّيَ. رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Samurah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Wajib atas tangan menjaga apa yang telah dipinjam sampai barang itu dikembalikan."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ أَبِى أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْعَارِيَةُ مُؤَدَّاةٌ وَالزَّعِيْمُ غَارِمٌ وَالدَّيْنُ مُقْضِيٌّ. رواه الترمذى

Dari Abu Umamah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Pinjaman itu mesti dikembalikan, dan orang yang menjamin dialah yang berhutang, dan hutang itu mesti dibayar."

(Riwayat Tirmizi).

Menurut pendapat Imam Syafii yang kuat, bahawa pinjaman yang hilang dalam pemakainya tidaklah wajib menggantinya. Kecuali kalau barang itu dipergunakan tidak menurut yang semestinya. Umpamanya pisau dipinjam untuk memotong kuku, dipergunakan untuk pengerat buluh, kayu atau lain-lain. Atau baju dipinjam untuk dipakai, padahal digunakan untuk pembungkus nasi dan lain-lain. Dalam hal yang seperti ini wajiblah mengganti bila ada kerosakannya.

BAB SYARIKAT PERNIAGAAN (Syirkah)

1. ERTI SYARIKAT PERNIAGAAN

Iaitu dua orang atau lebih, sama berjanji akan bekerjasama dalam perniagaan, dengan menyerahkan modal masing-masing, di mana keuntungan dan kerugian diperhitungkan menurut besar kecil modal masing-masing mereka.

Hal ini sangat dianjurkan dan dituntut oleh agama, kerana dengan adanya persyarikatan itu bererti bertambah eratnya hubungan antara seseorang dengan lainnya, yang dapat menimbulkan perasaan setiakawan dan memperdalam rasa ukhuwah Islamiah. Asal saja dalam persyarikatan itu tidak ada yang khianat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: قَالَ اللهُ تَعَالَى: اَنَا ثَالِثُ الشَّرِيْكَيْنِ مَالَمْ يَخُنْ أَحَدُهُمَا صَاحِبَهُ فَاِذَا خَانَهُ خَرَجْتُ مِنْ بَيْنِهِمَا. رواه ابو داود بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Berfirman Allah Taala: "Aku jadi yang ketiga antara dua orang yang bersyarikat selama salah seorang antara keduanya tidak khianat terhadap saudaranya (temannya), maka bila ia khianat, keluarlah Aku dari antara keduanya."

(Riwayat Abu Daud).

2. MACAM-MACAM CARA SYARIKAT

Di kalangan pedagang yang belum mengerti peraturan persyarikatan atau berkongsi, bermacam-macam cara mereka bersyarikat. Di antara ialah:

Pertama: *Syarikat Badan*

Iaitu dua orang atau lebih bersyarikat dalam usaha, dalam satu jenis pekerjaan atau berlainan, dengan tak ada harta yang disatukan. Seperti tukang pikul bersyarikat sesama tukang pikul, atau tukang jahit dengan tukang jahit dan sebagainya.

Menurut pengarang kitab Subulussalam, syarikat badan atau usaha itu sebenarnya adalah perjanjian kerjasama antara anggota syarikat untuk melakukan sesuatu pekerjaan tertentu. Dengan erti bahawa masing-masing anggota mewakili pekerjaan dari temannya menurut kesanggupan masing-masing, sedangkan penghasilan yang diperoleh dibagi menurut perjanjian sewaktu akad.

Hadawiah dan Abu Hanifah, berpendapat bahawa persyarikatan semacam itu sah. Tapi Syafii menyatakan tidak sah, kerana mengandungi tipuan, sebab mungkin di antaranya ada yang bekerja keras, sebaliknya ada pula yang bekerja semahunya saja.

Malah Abu Sur dan Ibnu Hazmin dengan tegas menyatakan, bahawa persyarikatan badan semacam itu tidak boleh dilakukan dalam usaha apa saja. Bila terjadi juga syarikat itu batil.

Kedua: *Syarikat Mufawadhah*

Ialah penyerahan seseorang dari dua orang yang bersyarikat atau lebih kepada temannya untuk memperdagangkan hartanya, sama ada ketika ia ada di tempat atau tidak.

Ketiga: *Syarikat Wujuh*

Ialah dua orang yang bersyarikat atau lebih yang berjanji untuk berdagang menurut kesanggupan masing-masing dan keuntungan dibahagi rata. Hal ini jelas mengandungi ghurur (penipuan) kerana tidak ada barang yang dipersyariatkan , atau yang satu ada barang, sedang yang lain tidak ada.

Keempat: *Syarikat Inan*

Iaitu dua orang atau lebih bersyarikat dengan harta kepunyaan masing-masing untuk sama-sama berniaga, sedang keuntungan menurut banyak modal masing-masing. Inan ertinya nyata (kelihatan) barang yang disyarikatkan itu.

Syarikat tiga macam pertama, ialah syarikat yang batil, tak boleh dilakukan sebab terdapat penipuan antara kedua belah pihak kerana usaha masing-masing belum tentu sama, sedang modal tidak ada pula yang disyarikatkan. Atau dengan harta, mungkin harta (pokok) mereka berlebih berkurang, atau mungkin yang seorang tidak ada modal sedang keuntungan dibahagi dua. Dengan demikian salah seorang yang bersifat itu tentu memakan hak yang lain dengan cara yang batil.

Yang sah ialah syarikat macam keempat, iaitu syarikat Inan. Demikian syarikat yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. sebab syarikat Inan ini adalah syarikat dalam barang yang nyata, yang terpelihara dari tipu dan kecuh.

عَنِ السَّائِبِ الْمَخْزُوْمِى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَانَ شَرِيْكَ النَّبِيِّ ﷺ قَبْلَ الْبِعْثَةِ فَجَاءَ يَوْمُ الْفَتْحِ فَقَالَ مَرْحَبًا بِأَخِيْ وَشَرِيْكِيْ.

رواه احمد وابو دواد

Dari Saib Al-Mahzumi r.a. bahawa ia adalah syarikat (kawan syarikat) Nabi s.a.w. sebelum beliau diangkat menjadi Rasul, maka ia datang pada hari Fatah (waktu Mekah direbut oleh kaum Muslimin), dan bersabda Rasulullah: "Selamat datang saudara dan teman syarikatku."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Syarat-syarat dalam melakukan syarikat inan ialah:

Pertama: Melafazkan kata-kata yang menunjukkan izin masing-masing anggota syarikat kepada teman yang akan mengendalikan harta itu.

Kedua: Anggota syarikat itu saling mempercayai, sebab masing-masing mereka adalah wakil yang lain.

Ketiga: Mencampurkan harta, hingga tidak dapat dibezakan hak masing-masing, yang merupakan mata wang atau bahan makanan.

Atas dasar *"Syarikat Inan"* yang telah disebutkan di atas, maka di saat ini telah dibuat orang berbagai macam nama perkumpulan niaga, menurut ketentuan-ketentuan dan pensyaratannya, sesuai dengan keinginan dan peraturan yang berlaku dalam Hukum Perniagaan.

3. CARA MEMBAHAGI KEUNTUNGAN DAN KERUGIAN

Nama anggota	Badar Modal masing	Jumlah Modal	Rugi	Persentasi kerugian
Zaid	$150			1/10 x 1/2 x 300
			$30	1/2 x 30 = $15
Umar	$100	$300	atau	1/10 x 1/3 x 300
			10%	1/3 x 30 = $10
Ali	$50			1/10 x 1/6 x 300
				1/6 x 30 = $5

Demikian juga cara membahagi keuntungan antara masing-masing anggota itu. Dan rosaklah persyarikatan (perkongsian) bila salah seorang di antara anggota itu keluar atau meninggal dunia.

BAB BERWAKIL

1. ERTI BERWAKIL

Berwakil, ertinya menurut loghat menyerahkan sesuatu. Dalam istilah syarak bererti seseorang yang menyerahkan sesuatu urusannya kepada orang lain, pada apa yang boleh diwakilkan menurut syarak, agar orang yang diwakilkan itu dapat melakukan sesuatu yang diserahkan kepadanya selagi yang menyerahkan itu masih hidup.

Firman Allah s.w.t.:

فَابْعَثُوْا حَكَمًا مِنْ اَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ اَهْلِهَا اِنْ يُرِدَا اِصْلَاحًا*

سورة النساء اية: ٣٥

Maka kirimlah (utuslah) seorang hakim dari keluarga yang laki-laki dan seorang hakim dari keluarga perempuan, jika kedua-duanya (laki-isteri) mahu berdamai.

(Surah An-Nisa' ayat 35).

Perwakilan itu sah atau boleh dilakukan pada tiap-tiap pekerjaan yang boleh diwakilkan menurut syarak. Seperti berjual beli, kahwin, talak, memberi, menggadai dan lain-lain barang yang berhubungan dengan muamalat dan munakahat.

Tetapi tidaklah sah mewakilkan sembahyang, puasa dan lain-lain hal yang bersangkut paut dengan ibadat. Sebab ibadat itu adalah perhubungan manusia dengan Tuhannya. Dan perhubungan ini tidak dapat dilakukan melainkan hanya oleh masing-masing orang. Kecuali ibadat haji dan umrah. Keduanya boleh diwakilkan, kerana cara mengerjakannya pun tidak tetap di satu tempat tetapi berpindah dari satu tempat ke lain tempat, apalagi cuaca di tempat itu sangat teriknya. Oleh sebab itu untuk pelaksanaannya diperlukan badan yang sihat dan kuat. Lantaran demikian haji dan umrah itu boleh diwakilkan mengerjakannya. (Lihat keterangan dalam bab haji pada fiqh jus ke 1).

2. RUKUN DAN SYARAT BERWAKIL

Rukun-rukun dan syarat-syarat berwakil adalah:

Pertama: *Muwakkil,* orang yang berwakil. Disyaratkan bahawa orang yang berwakil itu sah melakukan apa yang diwakilkannya, sebab milik atau di bawah kekuasaannya. Maka tidaklah sah berwakil orang yang tidak ahli milik atau ahli wilayah, seperti anak kecil, orang gila dan lain-lainnya.

Kedua: *Wakil.* Disyaratkan bahawa wakil itu sah melakukan apa yang diwakilkan kepadanya, tak ubahnya seperti orang yang berwakil pula. Maka tidaklah sah anak kecil atau orang gila menjadi wakil, sebab ia tidak ahli tasarruf (tidak boleh mengendalikan harta benda). Sebab wakil itu adalah seolah-olah orang yang berwakil.

Ketiga: *Muwakkal fih,* sesuatu yang diwakilkan. Disyaratkan bahawa muwakkal fih itu:

a. Menerima penggantian, ertinya boleh diwakilkan kepada orang lain mengerjakannya. Maka tidaklah sah mewakilkan mengerjakan sembahyang dan lain-lain ibadat yang sifatnya fardu ain sebagaimana telah disebutkan di atas.

b. Dimiliki oleh orang yang berwakil ketika ia berwakil. Maka tidaklah sah mewakilkan menjual barang yang akan dibeli.

c. Diketahui dengan jelas. Maka tidaklah sah wakil orang yang berkata, "Aku wakilkan kepada engkau mengahwinkan salah seorang anakku," dan lain-lainnya.

Keempat: *Sighat,* ertinya lafaz wakil. Disyaratkan bahawa sighat itu adalah ucapan dari yang berwakil yang menyatakan bahawa ia rela berwakil. Iaitu hendaklah ia berkata: Aku wakilkan ini... kepada engkau, atau kepada si... Dan tidak disyaratkan kabul dari yang menerima wakil, akan tetapi disyaratkan janganlah ia menolak.

3. YANG MENERIMA WAKIL ADALAH DIPERCAYAI

Tangan wakil adalah tangan amanah. Andaikata hilang atau rosak sesuatu yang diwakilkan itu, tidaklah ia wajib mengganti kecuali kalau ia lalai.

Berwakil ini pernah pula dilakukan oleh Nabi s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَرَدْتُ الْخُرُوْجَ اِلَى خَيْبَرَ فَاَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: اِذَا اَتَيْتَ وَكِيْلِيْ بِخَيْبَرَ فَخُذْ مِنْهُ خَمْسَةَ عَشَرَ وَسَقًا. رواه ابو داود بسند حسن

Dari Jabir r.a. ia berkata: Pernah aku keluar pergi ke Khaibar (nama satu tempat), lalu aku datang kepada Nabi s.a.w. Maka beliau bersabda: "Jika engkau datang kepada wakilku di Khaibar, maka ambillah daripadanya lima belas wasq (bahan makanan)."

(Riwayat Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَحَرَ ثَلَاثًا وَسِتِّيْنَ وَاَمَرَ عَلِيًّا رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنْ يَذْبَحَ الْبَاقِيَ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah menyembelih korban sebanyak 60 (enam puluh) ekor haiwan, dan disuruhnya Ali, supaya menyembelih binatang yang tinggal."

(Riwayat Muslimin).

BAB IKRAR

1. ERTI IKRAR

Ikrar menurut loghat ertinya pengakuan. Menurut istilah syarak, ialah mengatakan kebenaran yang ada atas diri seseorang. Ikrar itu adalah lawan dari penyangkalan.

Firman Allah s.w.t.:

كُوْنُوْا قَوَّامِيْنَ بِالْقِسْطِ شُهَدَآءَ لِلّٰهِ وَلَوْعَلَى اَنْفُسِكُمْ اَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِيْنَ*

سورة النساء اية ١٣٤

Hendaklah kamu bangkit membela keadilan, sebagai saksi kerana Allah, sekalipun terjadi atas dirimu sendiri atau ibu bapamu dan kaum keluargamu.

(Surah An-Nisa' ayat 134).

Firman Allah lagi:

قَالَ ءَاَقْرَرْتُمْ وَاَخَذْتُمْ عَلٰى ذٰلِكُمْ اِصْرِيْ قَالُوْٓا اَقْرَرْنَا*

سورة آل عمران اية ٨١

"Sudahkah kamu mengaku, dan menerima setiaku itu? Mereka menjawab: Kami telah mengaku."

(Ali Imran 81).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: قُلِ الْحَقَّ وَلَوْ كَانَ مُرًّا. رواه ابن حبان وصححه

Dari Abu Zarr r.a. ia berkata: "Nabi s.a.w. telah bersabda kepada-ku: Katakanlah yang benar itu, sekalipun pahit."

(Riwayat Ibnu Hibban).

2. RUKUN IKRAR

Yang menjadi rukun ikrar ialah:

Pertama: Orang yang berikrar (muqir).
Kedua: Orang tempat kita berikrar (muqarlah).
Ketiga: Sesuatu yang diikrarkan (muqarbih).
Keempat: Lafaz ikrar, dengan suratan atau isyarat yang difahamkan untuk ikrar, kalau orang yang berikrar itu bisu.

Umpamanya seseorang berkata: "Yang jadi hutang atasku dan hak bagi Umar adalah $ 10 dan lain-lain."

Ikrar ini jadi sah kalau diucapkan oleh orang yang baligh berakal, dan bukan mahjur alaih. Oleh sebab itu tidaklah sah ikrar anak kecil dan orang gila. Kalau anak kecil yang berikrar, dan anak itu mengaku dirinya bahawa ia telah baligh, maka haruslah di benarkan, kerana dalam soal itu dialah yang tahu, umpamanya datang haid bagi perempuan yang berumur 9 tahun. Dan kalau anak

laki-laki yang mendakwa umurnya telah sampai 15 tahun, maka ketika itu haruslah dicari saksi dan keterangannya. Kemudian barulah diterima ikrarnya.

3. SYARAT-SYARAT IKRAR

Syarat-syarat ikrar itu adalah:

1. Yang diikrarkan itu bukanlah milik orang berikrar ketika ia berikrar. Sebab ikrar itu bukan menghilangkan milik, hanya ikrar itu mengatakan bahawa sesuatu yang diikrarkan itu jadi milik orang tempat berikrar.
2. Lafaz yang mengatakan tentang hak yang semestinya. Umpamanya, "Aku mengaku sungguh ada hak Zaid atasku," dan lain-lain.
3. Menurut kemahuannya sendiri, dari muqarlah maka tidaklah sah ikrar orang yang terpaksa, dan anak kecil (belum mukallaf).
4. Yang diikrarkan itu ada di tangan orang yang berikrar.

Seseorang mukallaf yang mengucapkan ikrar atas kemahuannya sendiri, bila ternyata nanti ikrarnya itu bohong atau dusta, dia adalah berdosa dan akan diseksa dengan sebab ikrarnya itu. Kecuali kalau dia dalam keadaan terpaksa. Umpamanya dia dipaksa orang untuk mengikrarkan kalimat kufur dan lain-lain yang serupa dengan itu. Dalam keadaan seperti demikian dia tidaklah berdosa, sebab hanya lidahnya saja yang mengikrarkan, sedangkan hatinya tidak.

Firman Allah s.w.t.:

إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيْمَانِ* سورة النحل اية ١٠٦

Kecuali (yang tidak dihukum kafir), orang yang terpaksa sedang hatinya tetap beriman.

(Surah An-Nahl ayat 106).

Ikrar itu sah diucapkan baik ketika sihat mahupun ketika sakit.

BAB MERAMPAS

1. ERTI MERAMPAS

Merampas ertinya mengambil hak orang lain dengan jalan paksa.

Mengambil harta benda orang lain dengan jalan paksa adalah termasuk salah satu perbuatan yang batil (tidak sah) dan haram hukumnya.

Allah berfirman dalam Al-Quran:

لَا تَأْكُلُوْا اَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ*

سورة النساء ٢٩

Janganlah kamu memakan harta sesamamu dengan jalan yang tidak sah.

(Surah An-Nisa' ayat 29).

2. BARANG YANG DIRAMPAS WAJIB DIKEMBALIKAN ATAU DIGANTI

Menurut hukum agama wajib atas orang yang merampas mengembalikan harta yang dirampasnya kepada yang empunya. Kalau yang dirampasnya itu hilang atau rosak, maka wajib baginya mengganti dengan barang yang sama, atau menurut harganya dengan harga semahal-mahalnya, mulai dari hari ia merampas hingga hari hilangnya.

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَهْدَتْ بَعْضُ اَزْوَاجِ النَّبِيِّ ﷺ اِلَى النَّبِيِّ ﷺ طَعَامًا فِى قَصْعَةٍ فَضَرَبَتْ عَائِشَةُ الْقَصْعَةَ بِيَدِهَا فَأَلْقَتْ مَا فِيْهَا فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: طَعَامٌ بِطَعَامٍ وَإِنَاءٌ بِإِنَاءٍ.

رواه الترمذى والبخارى ـ حسن صحيح

Dari Anas r.a. ia berkata: "Pernah salah seorang di antara isteri Nabi s.a.w. mengirimkan makanan kepada Nabi s.a.w. dalam sebuah mangkuk, maka oleh Aisyah dihempaskannya mangkuk itu, maka terbuanglah apa yang ada di dalamnya. Lalu Nabi s.a.w. bersabda: Makanan mesti diganti dengan makanan dan mangkuk juga diganti dengan mangkuk."

(Riwayat Tirmizi dan Bukhari).

Hadis ini menunjukkan, bahawa seseorang yang merosakkan barang orang, biar kerana dirampas atau tidak, maka barang yang rosak itu wajib diganti. Imam Syafii dan ulama Kufah berpendapat,

bahawa mengganti adalah wajib dengan yang sama, baik yang dirosakkan itu berupa haiwan atau lainnya. Dan tidak boleh diganti menurut qimat (harganya) melainkan kalau barang yang sama dengan itu tidak ada. Kalau barang orang yang dirosakkan itu wajib menggantinya bukan kerana dirampas (seperti kejadian dalam keterangan hadis di atas), tentu saja barang rosak kerana atau sesudah dirampas lebih wajib lagi menggantinya, sebab perbuatan merampas itu adalah perbuatan kejam.

3. MERAMPAS TANAH

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنِ اقْتَطَعَ شِبْرًا مِنَ الْاَرْضِ ظُلْمًا طَوَّقَهُ اللهُ إِيَّاهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ سَبْعِ اَرَضِيْنَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Said bin Zaid r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Sesiapa yang merampas sejengkal tanah di bumi ini dengan cara aniaya, Allah akan mengalungkan tanah yang dirampasnya itu ke lehernya di hari kiamat, mulai dari ketujuh petala bumi."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Orang yang sudah tentu hendak merampas harus dihalangi dengan sekuat tenaga, sebab itu zalim namanya. Siapa yang mati dalam mempertahankan hak miliknya, ia termasuk orang yang mati syahid.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ قُتِلَ دُوْنَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ دِيْنِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ اَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

Dari Said bin Zaid r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan hartanya maka dia termasuk syahid, dan sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan dirinya maka dia termasuk syahid, dan sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan agamanya maka dia termasuk syahid, dan sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan keluarganya maka dia termasuk syahid."

(Riwayat Tirmizi).

4. TANGGAL IMAN ORANG YANG MERAMPAS

Tanggallah iman orang yang beriman ketika ia mencuri, berzina, merampas, meminum minuman keras dan ketika melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang Tuhan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَزْنِى الزَّانِى حِيْنَ يَزْنِى وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلاَ يَشْرَبُ الْخَمْرَ حِيْنَ يَشْرَبُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلاَ يَسْرِقُ حِيْنَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلاَ يَنْتَهِبُ نُهْبَةً يَرْفَعُ النَّاسُ إِلَيْهِ فِيْهَا أَبْصَارَهُمْ حِيْنَ يَنْتَهِبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: "Seorang penzina tidak akan berzina ketika dia beriman. Dan seorang peminum arak tidak akan meminumnya ketika dia beriman. Dan seorang pencuri tidak akan mencuri ketika dia beriman. Dan seorang perompak tidak akan merompak di kala orang ramai sedang memperhatikannya, yang dia beriman."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Maksudnya, bahawa orang yang berzina, orang yang minum arak dan orang yang merompak atau merampas, tidak akan melakukan perbuatan itu bila ia masih beriman ketika itu.

Tetapi kerana keimanannya ketika itu hilang atau lenyap, maka hal itu menyebabkan ia berani berbuat perbuatan yang keji itu.

5. MENANAM TANAM-TANAMAN DI TANAH ORANG LAIN

Seseorang yang telah merampas tanah orang lain, baik yang berupa sawah, kebun atau ladang, bila tanah itu ditanaminya, maka ia boleh memilih:

a. Mencabut tanam-tanamannya yang telah ditanam itu, atau
b. Menerima penggantian dari semua kerugian kerana ia telah menanam itu.

Sebab dalam hadis riwayat Abu Daud, dari Urwah bin Zubair, Rasulullah s.a.w. pernah memutuskan perkara orang yang begitu rupa, di mana hak tanah dipulangkan kepada yang empunya, sedang si penanam diperintah untuk mencabut tanam-tanaman yang telah ditanamnya (nakhal).

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيْجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ زَرَعَ فِيْ اَرْضِ قَوْمٍ بِغَيْرِ اِذْنِهِمْ فَلَيْسَ لَهُ مِنَ الزَّرْعِ شَيْءٌ وَلَهُ نَفَقَتُهُ. رواه احمد وابو داود

Dari Rafi' bin Khadij r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang menanam (tanam-tanaman) di sebidang tanah sesuatu kaum tanpa izin mereka, maka tanam-tanaman itu bukanlah menjadi kepunyaannya sedikit juga, tetapi ia berhak menerima nafkahnya (kerugiannya)."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Hadis ini jelas, bahawa sesuatu tanah yang dirampas, bila ditanami, maka tanaman itu tidak dapat jadi miliknya. Tetapi ia boleh menerima semua kerugian yang berupa benih atau biasa penanaman itu menurut yang pantas.

BAB SYUF'AH

1. ERTI SYUF'AH

Syuf'ah, ertinya hak yang tetap secara terpaksa bagi syarikat lama atas syarikat yang baru dengan cara mengganti kerugian pada barang yang jadi milik bersama itu. Umpamanya:

Zaid dan Umar bersyarikat mempunyai sebuah rumah, yang ada bilik misalnya 4 buah,2 bilik untuk Zaid dan 2 bilik lagi untuk Umar . Lalu Zaid hendak menjual bahagiannya kepada orang lain. Dalam hal ini Umar boleh memaksa, supaya bilik bahagian Zaid itu dia sendiri yang akan mengganti menurut harga bahagiannya. Ertinya ia lebih berhak membelinya daripada orang lain. Dengan kata lain disebut "*Membulatkan hak milik.*"

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِالشُّفْعَةِ فِى كُلِّ مَا لَمْ يُقْسَمْ فَإِذَا وَقَعَتِ الْحُدُوْدُ وَصُرِّفَتِ الطُّرُقُ فَلَا شُفْعَةَ. رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah menghukum Rasulullah s.a.w. dengan jalan melakukan syuf'ah, pada tiap-tiap barang yang belum dibahagi, maka apabila sudah ada perbatasan, dan jalan pun telah dipisahkan (masing-masing sudah ada tempat lalu sendiri), maka ketika itu tak perlu syuf ah pada barang yang dapat dipindah-pindahkan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Jadi Syuf'ah ini berlaku pada barang yang belum dibahagi yang dimiliki oleh dua orang atau lebih, dan pada barang yang tetap yang tidak dapat dibawa-bawa, umpamanya rumah, kedai, kebun berserta kayu-kayuannya. Jadi tidaklah berlaku syuf'ah pada barang yang dapat dipindah-pindahkan.

2. SYUF'AH TIDAK SAH PADA BARANG YANG DAPAT DIBAHAGI

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِالشُّفْعَةِ فِى كُلِّ شِرْكَةٍ لَمْ تُقْسَمْ رَبْعَةٌ اَوْ حَائِطٌ لَا يَحِلُّ لَهُ اَنْ يَبِيْعَ حَتَّى يُؤْذِنَ شَرِيْكَهُ فَاِنْ شَاءَ اَخَذَ وَاِنْ شَاءَ تَرَكَ فَإِذَا

بَاعَهُ وَلَمْ يُؤْذِنْهُ فَهُوَ اَحَقُّ بِهِ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah menghukum Rasulullah s.a.w. dengan syuf'ah, pada tiap-tiap syarikat yang belum dibahagi, iaitu pada rumah atau kebun yang tidak halal seseorang menjualnya, sehingga mendapat izin dari rakan kongsinya, maka jika dia mahu, dia boleh mengambilnya (membelinya) dan jika dia (tidak) mahu, dia boleh tinggalkan (membiarkan).

(Riwayat Muslim).

3. BARANG YANG DIBAHAGI YANG TIDAK DAPAT DIPERGUNAKAN TIDAK SAH PADANYA SYUF'AH

Tidak pula boleh dilakukan syuf'ah pada barang-barang yang bila dibahagi barang itu tidak dapat digunakan lagi. Sebab syuf'ah itu dibolehkan adalah untuk menolak kerugian, kemelaratan, iaitu belanja (ongkos) yang harus dikeluarkan dalam pembahagian itu bila barang itu dibahagi, serta belanja untuk memperbaikinya berhubung dengan terjadi pembahagian itu. Umpamanya jenjang rumah, saluran air, perigi dan lain-lain. Kerana barang-barang yang seperti itu tak dapat dipergunakan lagi setelah dibahagi.

Disyaratkan tetap syuf'ah bagi tetangga (orang serumah), bila pintu masuk rumah itu satu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْجَارُ اَحَقُّ بِشُفْعَةِ جَارِهِ يُنْتَظَرُ بِهَا وَاِنْ كَانَ غَائِبًا إِذَا كَانَ طَرِيْقُهُمَا وَاحِدًا. رواه ابو داود والترمذى ـ حسن غريب

Dari Jabir r.a. ia berkata: Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Orang yang sejiran lebih berhak dengan syuf'ah jirannya, ia boleh menunggu (mengharapkkan) syuf'ah itu, sekalipun jiran jauh. Syaratnya, bila ada jalan yang dilalui oleh keduanya hanya satu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

4. RUKUN DAN SYARAT SYUF'AH

Rukun-rukun syuf'ah itu adalah:

Pertama: *Syafi'*, iaitu orang yang akan mengambil (menerima) *syuf'ah.*

Kedua: *Masyfu'*, iaitu barang yang akan jadi syuf'ah.

Ketiga: *Masyfu' minhu,* iaitu tempat orang mengambil syuf'ah.

Syarat-syarat melakukan syuf'ah ialah:

1. Bahawa ada *syafi'* (yang menerima syuf'ah) bersyarikat dengan bersatu atau bercampur haknya. Maka tidaklah boleh melakukan syuf'ah pada rumah yang hanya berdekatan saja.
2. Bahawa yang diambil syuf'ah (masyfu') barang yang dapat dibahagi, andaikata seorang syarikatnya minta dibahagi.
3. Bahawa *masyfu'* itu barang yang tidak dapat dipindah-pindahkan umpama – rumah dan lain-lainnya.
4. Bahawa ada *masyfu' minhu,* terkemudian sebab miliknya dari sebab milik orang yang mengambil syuf'ah, walaupun milik terdahulu dari milik syafi'. Misalnya: Zaid dan Umar mempunyai sebuah rumah. Zaid menjual bahagiannya kepada Ali pada tarikh 1-1-1960, tetapi khiar hingga tarikh 10-1-1960. Dalam pada itu, Umar menjual pula haknya kepada Usman pada tarikh 5-1-1960 secara tunai. Maka Ali berhak mengambil syuf'ah dari Usman, kerana sebab miliknya terdahulu dari sebab milik Usman, kalau Zaid tidak mahu mengambilnya.

BAB QIRADH

1. ERTI QIRADH

Qiradh menurut loghat, ertinya melepas seseorang pergi berdagang. Menurut istilah syarak qiradh bererti harta yang diserahkan kepada seseorang supaya diperdagangkannya, sedang keuntungan dibahagi (bersyarikat) antara keduanya. Dan qiradh semacam itu dinamakan juga *mudharabah* yang berasal dari kata *"dharab"*, yang ertinya dalam ayat, ialah berjalan di bumi guna mencari kurnia Allah, iaitu rezeki, bukan bererti memukul.

Firman Allah s.w.t.:

عَلِمَ اَنْ سَيَكُوْنُ مِنْكُمْ مَرْضٰى وَاٰخَرُوْنَ يَضْرِبُوْنَ فِى الْاَرْضِ

يَبْتَغُوْنَ مِنْ فَضْلِ اللهِ وَاٰخَرُوْنَ يُقَاتِلُوْنَ فِى سَبِيْلِ اللهِ*

سورة المزمل اية ٢٠

Allah mengetahui, akan ada sebahagianmu orang sakit dan yang lain berjalan di muka bumi untuk mencari kurnia Allah dan yang lain akan berperang di jalan Allah.

(Surah Al-Muzzammil, ayat 20).

2. RUKUN DAN SYARAT QIRADH

Rukun qiradh itu ada enam macam:

Pertama: *Malik* (orang yang empunya modal).
Kedua: *Amil* (orang yang menjalankan perniagaan).
Ketiga: *Amal* (pekerjaan).
Keempat: *Mal* (harta atau modal).
Kelima: *Untung*.
Keenam: *Sighat* (ijab kabul antara Malik dan Amil).

Syarat-syarat sahnya akad qiradh ialah:

Pertama: Barang yang diserahkan itu haruslah berupa mata wang. Maka tidaklah sah menyerahkan harta benda, emas atau perak yang campuran atau berupa hiasan.

Kedua: Melafazkan ijab dari yang empunya modal, misalnya Malik berkata kepada Amil: "Aku serahkan modal sebanyak $1,000 ini kepada engkau untuk menjalankan perniagaan, jika ada keuntungan, maka keuntungan itu akan kita bahagi kelak." Dan kabul dari Amil (orang yang menjalankan perniagaan), misalnya: "Aku terima."

Ketiga: Keuntungan harus ditentukan kadar peratusnya untuk Malik dan untuk Amil, umpamanya seperdua, sepertiga, seperenam dan seterusnya.

Keempat: Untuk tambang dalam menjalankan perniagaan, tidak boleh mengambil wang modal, kerana yang hak bagi Amil hanya sebahagian dari keuntungan. Maka Amil tidak ada hak mengambil untuk sesuatu yang lain. Jika hal ini disyaratkan juga di dalam akad, maka rosaklah akad itu, kecuali Malik menyediakan biaya tambang yang lain di luar modal itu.

3. MINTA KEMBALI SEBAHAGIAN MODAL

Dibenarkan dengan cara mengambil sumpah orang yang dilepas berdagang itu pada hal-hal yang terjadi seperti berikut:

Pertama: Tentang soal hilangnya barang, sebahagian atau semuanya.

Kedua: Tentang perniagaan yang tidak untung, ertinya hanya pulang modal saja.

Ketiga: Tentang kerugian yang mungkin dialami.

Keempat: Tentang mengembalikan modal kepada Malik (orang yang empunya modal), sebahagian atau semuanya.

Jika Malik meminta balik sebahagian harta (modal) sebelum diketahui untung dang riginya, maka ketika itu modal yang diambil kira ialah wang tunai yang ada di tangannya. Tetapi kalau Malik meminta balik sebahagian modalnya setelah ada kiraan keuntungannya, misalnya: Modal $100, keuntungan $20. Jumlah modal campur dengan keuntungan ialah $120. Jika Malik meminta balik wang $20 bererti Malik mengambil 1/6 (seperenam) dari modal keseluruhan ($100 + $20 keuntungan). Jadi untung yang telah diambil oleh Malik ialah 1/6 x $20 = $3.33, sedangkan Amil juga mempunyai hak ke atas keuntungan $20 itu.

Jika perjanjian dahulu, ½ daripada keuntungan adalah untuk Amil, bermakna Malik sudah mengambil keuntungan $3.33 + $1.66 (hak Amil) = $4.99. Bermakna Amil juga berhak mengambil keuntungan sebanyak keuntungan yang telah diambil oleh Malik = $3.33.

Tetapi kalau Amil tidak mahu mengambilnya, maka modal asal yang sebenar ialah tinggal $80 (kerana Malik sudah mengambil $20) sedang yang $20 adalah modal bersama.

Begitu juga kalau Malik meminta balik sebahagian modal setelah didapati rugi, misanya: Modal $100 kerugian $20, tentu modal tinggal $80. Lalu diminta balik $20 iaitu ¼ x $80 (modal), bererti modal tinggal $60. Tentunya Malik akan meresa keberatan menanggung sendiri kerugian itu.

Kerana keuntungan dibahagi dua, semestinya kerugian harus dibahagi dua pula, iaitu $10 ditanggung oleh Malik dan $10 ditanggung oleh Amil. Jadinya:

Jumlah modal asal $100
Jumlah kerugian $20
Modal yang diminta balik oleh Malik $20
Amil menanggung kerugian $10
Modal sekarang: $100 – $20 – $20 + $70.

4. YANG MEMBAWA MODAL DIBENARKAN DENGAN SUMPAHNYA TENTANG RUGI ATAU UNTUNG

Adapun Amil (yang menjalankan modal) harus dibenarkan dengan sumpahnya sedapat mungkin di depan hakim, kalau ia berkata *"Aku tak beruntung,"* atau *"Keuntungan hanya sekian."*

Demikianlah cara-caranya melepas orang berdagang, dengan memberikan modal kepadanya. Andaikata si Amil itu ada pula modalnya, hendaklah ketika wang Malik diterimanya itu dikatakannya, bahawa wangnya dicampurkan pula untuk modal. Maksudnya supaya mudah membahagi keuntungan atau kerugian.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ صُهَيْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: ثَلَاثٌ فِيْهِنَّ الْبَرَكَةُ الْبَيْعُ اِلَى اَجَلٍ وَالْمُقَارَضَةُ وَخَلْطُ الْبُرِّ بِالشَّعِيْرِ لِلْبَيْتِ لَا لِلْبَيْعِ. رواه ابن ماجة

Dari Shuhaib r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Tiga macam yang padanya ada keberkatan, iaitu jual beli hingga janjinya, melepaskan orang berdagang dan mencampurkan gandum dengan syair untuk dimakan bukan untuk dijual."

(Riwayat Ibnu Majah).

Keberkatan yang dimaksudkan hadis di atas adalah:

1. Keberkatan dalam jual beli. Yang dimaksudkan ialah jual beli secara berhutang. Kerana dengan cara demikian si penjual bererti telah melepaskan si pembeli dari kesulitan dan kesusahan yang dihadapinya. Dan menunjukkan pula sifat sosial dan suka menolong si penjual, yang sangat dianjurkan oleh agama. Asal saja cara jual beli dengan berhutang ini tidak sampai menimbulkan riba.
2. Keberkatan yang terkandung dalam melepas orang berdagang ialah kerana dengan demikian bererti telah membukakan jalan bagi orang yang tidak berpunya untuk berusaha secara halal sehingga orang itu dapat hidup dengan cara yang lebih baik yang sesuai dengan tuntutan agama.

3. Keberkatan yang terkandung dalam percampuran biji gandum dengan syair, ertinya percampuran dua zat makanan. Keberkatannya sudah tentu saja pasti ada terutama dari segi kesihatan. Sebab sudah jelas menurut ilmu kesihatan, tubuh kita ini memerlukan bermacam-macam zat makanan.

Kalau percampuran itu dilakukan untuk dijual tentu saja dilarang oleh agama kerana bererti melakukan penipuan.

BAB MENYEWA DAN MENGUPAHKAN TANAH

1. ERTI MENYEWA DAN MENGUPAHKAN TANAH

Yang dimaksudkan tanah ialah tanah yang berupa kebun, sawah atau tanah kosong lainnya untuk kepentingan pertanian, dan lain-lainnya. Maka pengertian menyewa dan mengupahkan tanah ialah: Bahawa tanah itu disewakan atau diupahkan mengerjakannya kepada orang lain, dengan ketentuan atau syarat-syarat yang disetujui oleh kedua belah pihak, mengenai pembahagian hasil tanah tersebut. Misalnya: separuh atau sepertiga, atau seperempat dari hasil tanah tersebut dijadikan sewa atau upah oleh kedua belah pihak. Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَامَلَ أَهْلَ خَيْبَرَ بِشَطْرِ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا مِنْ ثَمَرٍ أَوْ زَرْعٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengambil pekerja dari seorang penduduk Khaibar, pada sebidang tanah dengan memberikan sebahagian apa yang dihasilkannya, buah-buahan atau tanaman.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ertinya dengan perjanjian, bahawa hasilnya dibahagi dua atau dibahagi tiga dan sebagainya.

2. RUKUN DAN SYARAT SEWA DAN MENGUPAH-KAN TANAH

Pertama: *malik* (yang empunya tanah)

Kedua: *amil* (yang bekerja).

Ketiga: *hasil.*

Keempat: *sighat* ertinya akad, umpamanya: "Aku jadikan engkau menjadi pekerja di kebunku " dan sebagainya, lalu dijawabnya: "Aku terima."

Adapun sewa dan mengupahkan tanah disyaratkan sebagai berikut:

Pertama: Menentukan bahagian dalam hasil yang akan diambil, sepertiganya atau seperempat dan sebagainya.

Kedua: Bahawa yang disyaratkan atas *si amil,* barang yang bukan masuk pekerjaannya.

Ketiga: Bahawa si amil itu bekerja terpisah supaya jangan terganggu kerjanya.

Keempat: Mengetahui lama masa kerjanya, umpama setahun, atau lebih, maka tidaklah boleh dengan menentukan hingga datang buahnya, sebab buahnya itu tidak jelas bila ia berhasil.

Kelima: Ijab kabul, umpamanya: "Aku jaga kebunmu, dengan seharga 1/2 atau 1/3 buahnya ini, lalu dijawabnya: "Aku terima."

Mula-mula terjadinya sewa dan mengupahkan tanah ini, ialah di kebun kurma dan anggur di zaman Nabi s.a.w. Dalam hal itu dibolehkan juga di kebun-kebun lain yang perlu disiram dan dijaga, dan tanam-tanamannya mungkin pula menghasilkan buah.

3. MUZARA'AH

Muzara'ah, ialah seseorang yang menyuruh orang lain untuk mengusahakan tanah, ladang atau sawahnya untuk bercucuk tanam dan benihnya adalah dari yang punya tanah, ladang atau sawah itu

sendiri, dengan perjanjian bahawa hasilnya seperdua atau sepertiga umpamanya, adalah untuk yang mengusahakan. Dinamakan juga mengupahkan tanah.

Hal yang semacam ini tidak dilarang oleh agama, malah dianjurkan kerana banyak faedahnya. Asal saja tidak menimbulkan perselisihan dan penipuan di waktu berbuah.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: إِنَّ النَّبِيَّ ﷺ لَمْ يُحَرِّمِ الْمُزَارَعَةَ وَلَكِنْ اَمَرَ اَنْ يَرْفُقَ بَعْضُهُمْ بِبَعْضٍ بِقَوْلِهِ: مَنْ كَانَتْ لَهُ اَرْضٌ فَلْيَزْرَعْهَا اَوْ لِيَمْنَحْهَا اَخَاهُ فَاِنْ اَبَى فَلْيُمْسِكْ اَرْضَهُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. tidak mengharamkan bermuzara'ah, bahkan beliau menyuruh supaya yang sebahagian menyayangi yang sebahagian, dengan katanya: "Sesiapa yang empunya tanah, maka hendaklah ditanaminya, atau diberikan faedahnya kepada saudaranya, dan jika ia tidak mahu, maka bolehlah ditahan saja tanahnya itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Tapi kalau akan terjadi ketidaksefahaman ketika berbuah, maka lebih baik serahkan saja sawah atau ladang itu kepada seseorang dengan tidak perlu meminta pembahagian atau dikerjakan sendiri atau diupahkan dengan orang lain. Inilah yang dimaksudkan oleh hadis tersebut di atas itu. Atau sawah dan ladang itu disewakan kepada orang lain, menurut sewa yang patut, bukan dengan meminta pembahagian hasil.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ رَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّمَا يَزْرَعُ ثَلَاثَةٌ: رَجُلٌ لَهُ أَرْضٌ فَهُوَ يَزْرَعُهَا وَرَجُلٌ مُنِحَ اَرْضًا فَهُوَ

يَزْرَعُهَا وَرَجُلٌ إِسْتَكْرَى اَرْضًا بِذَهَبٍ اَوْ فِضَّةٍ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Rafi' r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Yang boleh bercucuk tanam hanya tiga macam orang, laki-laki yang ada tanah, maka dialah yang berhak mananamnya dan laki-laki yang diserah manfaat tanah kepadanya, maka dialah yang akan menanaminya, dan laki-laki yang menyewa bumi dengan emas atau perak."

(Riwayat Abu Daud).

Menurut Syafii haram hukumnya melakukan Muzara'ah, beralasan dengan hadis di bawah ini:

عَنْ ثَابِتِ بْنِ الضَّحَاكِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ نَهَى عَنِ الْمُزَارَعَةِ وَاَمَرَ بِالْمُؤَاجَرَةِ وَقَالَ: لَا بَأْسَ.

رواه مسلم

Dari Sabit bin Dhahak r.a. ia berkata, bahawa Rasulullah s.a.w. telah melarang muzara'ah dan menyuruh sewa menyewa saja, dan Rasulullah s.a.w. bersabda: "Itu tidak mengapa."

(Riwayat Muslim).

Mengenai muzara'ah ini ada dua hadis yang nampaknya berlawanan. Satu hadis iaitu hadis Ibnu Abbas membolehkan, sedangkan yang lain iaitu Sabit bin Dhahak tidak membolehkannya. Agar kedua hadis ini tidak dianggap berlawanan atau bertentangan, baiklah kita jelaskan satu persatu persoalan yang dituju oleh masing-masing hadis. Jadi kita tinjau bukan dari segi bunyi lafaz hadis itu semata-mata.

Hadis yang membolehkan muzara'ah ialah kerana melihat banyak faedah dan manfaatnya bagi masyarakat. Sebab dengan jalan muzara'ah orang yang tidak mempunyai tanah, ladang atau sawah, masih dapat bertani.

Sedangkan hadis yang tidak membolehkan melihat praktik-praktik buruk yang terjadi dalam muzara'ah terutama di kala berbuah. Misalnya terjadinya penipuan dan pengecuhan atau pertengkaran di waktu membahagi hasilnya. Itulah sebabnya

Rasulullah melarang muzara'ah ini, dan lebih baik diupahkan saja dengan berupa mata wang, atau digaji buat mengerjakannya.

4. MUKHABARAH

Mukhabarah, ialah seseorang yang menyuruh orang lain untuk mengusahakan tanah, ladang atau sawahnya untuk bercucuk tanam dan benihnya adalah dari orang yang mengusahakan itu sendiri, dengan perjanjian bahawa hasilnya seperdua atau sepertiga umpamanya adalah untuk yang mengusahakan. Hal seperti ini diperbolehkan oleh agama. Dan dinamakan juga menyewakan tanah. Hal mukhabarah ini dapat pula dipergunakan untuk membuka tanah kosong, atau hutan-belukar yang jadi milik seseorang. Berapa lama akan dipakai bergantung kepada perjanjian kedua belah pihak. Dalam istilah lain dinamakan: **HAK-ERFDACHT**

Keterangan menyatakan:

عَنْ طَاوُسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ يُخَابِرُ قَالَ عُمَرُ فَقُلْتُ لَهُ: يَا عَبْدَ الرَّحْمٰنِ لَوْ تَرَكْتَ هٰذِهِ الْمُخَابَرَةَ فَإِنَّهُمْ يَزْعُمُوْنَ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنِ الْمُخَابَرَةِ فَقَالَ: أَخْبَرَنِى اَعْلَمُهُمْ بِذٰلِكَ يَعْنِى اِبْنَ عَبَّاسٍ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ لَمْ يَنْهَ عَنْهَا إِنَّمَا قَالَ: يَمْنَحُ اَحَدُكُمْ اَخَاهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَأْخُذَ عَلَيْهَا خَرْجًا مَعْلُوْمًا.

رواه مسلم

Dari Thaus r.a. bahawa ia suka bermukhabarah. Berkata Umar: Lalu aku katakan kepadanya: "Ya Abdurrahman! Kalau engkau tinggalkan mukharabah ini, nanti mereka mengatakan, bahawa Nabi s.a.w. telah melarang mukharabah. Lantas Thaus berkata: Telah menceritakan kepadaku orang yang sungguh-sungguh mengetahui akan hal itu, iaitu Ibnu Abbas, bahawa Nabi s.a.w. tidak melarang mukhabarah itu, hanya beliau bersabda: Bila seseorang memberi manfaat kepada saudaranya lebih baik baginya daripada ia mengambil manfaat dari saudaranya itu, dengan upah yang dimaklumi."

(Riwayat Muslim).

Andaikata si amil itu pergi sebelum selesai pekerjaannya, namun haknya tetap ada di situ menurut lama masa kerjanya.

Berkata pengarang kitab Al-Minhaj: Dan tidaklah halal mukhabarah iaitu mengerjakan tanah (sawah-ladang) dengan mengambil sebahagian hasilnya, sedang benihnya dari si amil (pekerja) dan tidak boleh muzara'ah, iaitu benih (tampang) dari yang empunya tanah.

Pendapat ini beralasan kepada beberapa hadis sahih, di antaranya hadis Sabit bin Dhahak di atas, kerana mengingat akibat buruk yang sering terjadi ketika berbuah, seperti telah diterangkan tadi. (Tetapi jawapannya telah dinyatakan di atas).

Hikmah Muzara'ah Dan Mukhabarah

Ramai di antara manusia yang mempunyai binatang ternak dan kuasa untuk berladang serta bertani buat mencukupi keperluan hidupnya, tetapi tidak ada tanahnya.

Begitu juga sebaliknya, ramai di antara manusia yang mempunyai tanah, sawah, ladang yang baik untuk ditanami, tetapi ia tidak ada binatang ternak dan tidak pula berkuasa mengerjakan tanah itu, sehingga banyak tanah yang terbiar.

Oleh sebab itulah dibolehkan Muzara'ah dan Mukhabarah agar tanah itu tidak tersia-sia. Demikian pula bermusaqat, ramai manusia yang mempunyai bumi yang berisi tanam-tanaman nakhal atau kurma, tetapi ia tidak kuasa buat akad seperti di atas. Terutama sekali untuk menghilangkan pengganguran yang bermaharajalela di kalangan orang-orang miskin.

5. MEMELIHARA ANJING UNTUK PENJAGA

Menurut agama memelihara anjing haram hukumnya, tetapi kalau untuk menjaga rumah atau penjaga kebun, dibolehkan memeliharanya. Maksudnya supaya apa yang akan mengganggu rumah atau kebun dapat dilarangnya. (dihalangi).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ اقْتَنَى كَلْبًـا لَيْسَ بِكَلْبِ صَيْدٍ وَلاَ مَاشِيَةٍ وَلاَ أَرْضٍ فَإِنَّهُ يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِهِ قِيْرَاطَانِ كُلَّ يَوْمٍ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang membela anjing, yang bukan anjing untuk pemburu dan bukan pula untuk berjalan dan bukan pula untuk penjaga tanah (sawah-ladang), maka sesungguhnya kuranglah dua bahagian dari pahala amalannya tiap-tiap hari."

(Riwayat Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ مَنْ اَمْسَكَ كَلْبًا فَإِنَّهُ يَنْقُصُ كُلَّ يَوْمٍ مِنْ عَمَلِهِ قِيْرَاطٌ اِلَّا كَلْبَ غَنَمٍ اَوْ حَرْثٍ اَوْ صَيْدٍ. رواه البخارى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang menyimpan anjing, maka sesungguhnya kuranglah tiap-tiap hari satu bahagian dari amalnya, kecuali anjing untuk penjaga kambing atau untuk penjaga kebun, atau untuk berburu."

(Riwayat Bukhari).

6. PENJAGAAN BINATANG TERNAKAN DAN TANAM-TANAMAN

Penjagaan dan tanam-tanaman adalah berhubungan satu sama lain. Bagi orang yang ada binatang ternakan, yang mesti baginya ialah menghantar binatangnya itu ke tengah padang rumput, kerana di sanalah tempat ternakan itu makan rumput. Bagi orang yang bercucuk tanam, yang harus baginya ialah memagar kebun atau sawah yang ditanaminya supaya jangan dimasuki binatang atau menjaganya baik-baik. Dan kalau malam binatang itu harus diikat dan ditambatkan, supaya ia tidak keluar ke kebun atau sawah orang.

Keterangan:

عَنْ حِرَامِ بْنِ مُحَيِّصَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ كَانَ لِلْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ نَاقَةٌ ضَارِيَةٌ فَدَخَلَتْ حَائِطًا فَأَفْسَدَتْ فِيْهِ

فَكُلِّمَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِيْهَا فَقَضَى اَنَّ حِفْظَ الْحَوَائِطِ بِالنَّهَارِ عَلَى أَهْلِهَا وَاَنَّ حِفْظَ الْمَاشِيَةِ بِاللَّيْلِ عَلَى اَهْلِهَا وَعَلَى اَهْلِ الْمَاشِيَةِ مَا اَصَابَتْهُ مَاشِيَتُهُمْ بِاللَّيْلِ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Hiram bin Muhayyishah, ia berkata: "Adalah Bara' bin Azib r.a. mempunyai seekor unta betina yang sering memakan tanam-tanaman, lalu ia masuk ke dalam pagar, lantas membuat kerosakan di dalamnya (dimakannya tanam-tanaman), lantas soal itu dikatakan orang kepada Rasulullah s.a.w. maka Rasulullah menghukumkan bahawasanya menjaga kebun wajib atas yang empunya di waktu siang dan sesungguhnya menjaga binatang wajib atas yang empunya di waktu malam, dan wajib atas yang empunya binatang mengganti apa yang dirosakkan oleh binatang mereka di waktu malam."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Dalam hal ini tuan punya binatang tidak wajib mengganti, sebab yang wajib atasnya menjaga ialah di waktu malam. Kalau di waktu malam hari binatang itu merosakkan, barulah yang empunyanya wajib menggantinya.

BAB UPAH-MENGUPAH (Ijarah)

1. ERTI UPAH MENGUPAH

Dalam perkara upah mengupah, tidak dihalalkan melakukan wang suap, atau wang hilang, sebab perbuatan ini menganiaya penyewa, wang ini haram hukumnya, kerana wang ini tidak ada imbangannya. Yang ada imbangan hanyalah wang sewaan, dengan rumah yang disewa.

Mengupah ertinya mengambil manfaat tenaga dari orang lain dengan jalan memberi ganti, menurut syarat-syarat tertentu.

Mula-mula suruhan yang membolehkan melakukan ijarah (upah-mengupah) ini ialah berdasarkan firman Allah yang berbunyi:

فَاِنْ اَرْضَعْنَ لَكُمْ فَاٰتُوْهُنَّ اُجُوْرَهُنَّ* سورة الطلاق اية ٦

Jika mereka telah menyusukan anakmu, maka berilah upah mereka.

(Surah At-Talaq ayat 6).

Orang yang mengambil upah dinamakan *musta'jir*
Orang yang mengupah dinamakan *mu'jir*
Upah itu dinamakan *ujrah*
Musta'jir disebut juga *muktari,* dan *mu'jir* disebut *mukri.*

1. Umar datang kepada Ali dengan maksud untuk menyewa rumahnya. Ali setuju kerana masih ada rumahnya yang kosong dan memang akan disewakan. Setelah diperhatikan rumah itu, barulah diduduki oleh Umar. Tiap-tiap bulan Umar menyerahkan wang kepada Ali sebanyak $100. Umar di sini disebut musta'jir, disebut *mu'jir* dan wang yang $100 disebut *Ujrah.*
2. Ahmad datang membawa sepotong kain kepada seorang tukang jahit untuk dibuat seluar. Setelah diterima, tukang jahit itu menjamin dalam pengakuannya, bahawa seluar tersebut akan selesai tempoh tiga hari. Setelah sampai waktunya, si Ahmad datang mengambil seluarnya, dan menyerahkan wang sebanyak $50 kepada tukang jahit itu.

Ahmad di sini dinamakan juga *mu'jir* tukang jahit dinamakan *musta'jir,* dan wang yang $50 dinamakan *ujrah.*

Jadi jelaslah, bahawa dalam contoh pertama dinamakan "sewa-menyewa." Dan dalam contoh kedua dinamakan "upah mengupah."

Oleh sebab itu ulama fikah membahagi ijarah ini ke dalam dua bahagian sebagaimana diterangkan di bawah ini:

Pertama: Ijarah atas ain. Ertinya menyewa manfaat ain (benda) yang kelihatan dan dapat dirasa. Seperti menyewa sebidang tanah untuk ditanami atau sebuah rumah yang sudah jelas untuk didiami dan lain-lainnya. Disyaratkan, bahawa ainnya itu dapat dilihat dan diketahui tempat atau letaknya. Hal ini disebut juga sewa-menyewa.

Kedua: Ijarah di atas pengakuan terhadap tenaga. Iaitu mengupahkan benda untuk dikerjakan, menurut pengakuan si pekerja, bahawa barang itu akan diselesaikannya dalam jangka waktu yang tertentu, menurut upah yang ditentukan. Hal ini dinamakan juga upah-mengupah.

2. RUKUN DAN SYARAT UPAH MENGUPAH

Rukun dan syarat upah-mengupah (Ijarah):

Pertama: Orang yang berakad iaitu si mukri dan muktari (mu'jir dan musta'jir). Disyaratkan orang yang berakad itu cerdas dan tidak terpaksa dengan sesuatu yang tidak di dalam yang benar. Dan tidak disyaratkan Islam dari pihak keduanya, sebab orang Islam boleh menyewa orang kafir, sebagaimana keterangan hadis yang akan datang.

Kedua: Sesuatu yang disewakan. Disyaratkan kekal ainnya sampai waktu yang ditentukan menurut perjanjian. Maka tidaklah sah menyewakan sesuatu yang sudah akan habis atau hilang sebelum sampai masa berakhirnya perjanjian itu. Seperti menyewakan sebuah pondok bambu yang sudah tua untuk masa 20 tahun.

Ketiga: Ujrah (sewa). Disyaratkan, bahawa ujrah itu dimaklumi (diketahui) oleh dua belah pihak, banyak, jenis dan sifatnya kalau ujrah itu ujrah dalam pengakuan. Umpama dengan $10 dengan wang emas atau perak, sewa barang yang baik atau yang rosak yang gemuk atau yang kurus dan lain-lain sifat yang tergantung kepada manfaat yang ada dalam pengakuan.

Keempat: Manfaat. Disyaratkan, bahawa manfaat itu ada harganya dan dimaklumi (diketahui). Adapun manfaat itu kadang-kadang ditentukan dengan masa. Seperti menyewa rumah untuk didiami selama setahun. Dan kadang-kadang ditentukan dengan tempat. Seperti menyewa kuda untuk dikenderai sampai ke negeri atau ke daerah... Atau seperti menjahit kain woll dengan jahit yang macam begini...dan sebagainya. Maka tidaklah sah ijarah, kalau seseorang menyewakan pensil untuk mencatat sesuatu nama, kerana tidak ada harganya. Tidak ubahnya seperti menjual sebutir beras dan lain-lainnya.

Kelima: Sighat (ijab kabul), iaitu lafaz yang menunjukkan ijarah. Seperti: "Aku sewakan barangku ini kepadamu $100 selama setahun," kata si mu'jir.
"Aku terima barang engkau ini dengan menyewa $100 selama satu tahun," kata si musta'jir.

Keenam: Si mu'jir itu dapat menyerahkan manfaatnya kepada si musta'jir menurut adat dan syarak. Maka tidaklah sah menyewakan orang buta untuk memelihara harta benda, atau menyewakan tanah tandus (tak ada air) untuk ditanami. Ini menurut adat. Dan

yang menurut syarak, umpama menyewakan seorang hamba perempuan yang sedang haid untuk mendiami masjid yang hamba itu tidak dapat menjaga darah haidnya dan lain-lainnya.

Ketujuh: Tak boleh ijarah itu dilakukan pada sesuatu yang sifatnya fardu ain. Maka tidaklah sah menyewa seorang untuk berperang, atau untuk mengerjakan sembahyang yang lima waktu. Sebab manfaat (pahala) yang mengerjakan itu tidak akan jatuh untuk si mu'jir, tetapi adalah buat orang yang mengerjakannya. Begitu juga ibadat-ibadat lain yang wajibnya sama dengan itu.

Upah mengupah ini pernah pula dilakukan oleh Nabi s.a.w. sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ اِسْتَأْجَرَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَاَبُوْ بَكْرٍ رَجُلاً مِنْ بَنِى الدِّيْلِ هَادِيًا خِرِّيْتًا وَهُوَ عَلَى دِيْنِ كُفَّارِ قُرَيْشٍ فَدَفَعَا اِلَيْهِ رَاحِلَتَيْهِمَا وَوَعَدَاهُ غَارَ ثَوْرٍ بَعْدَ ثَلاَثِ لَيَالٍ فَاَتَاهُمَا بِرَاحِلَتَيْهِمَا صُبْحَ ثَلاَثٍ وَزَادَ فِى رِوَايَةٍ. فَأَخَذَ بِهِمْ وَهُوَ طَرِيْقُ السَّاحِلِ. رواه البخارى

Dari Aisyah r.a. ia berkata "Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar pernah menyewa seorang lelaki dari suku Dil, sedangkan dia masih memeluk agama kafir Quraisy. Nabi dan Abu Bakar menyerahkan kenderaannya kepada orang itu dan menjanjikan kepadanya akan bertemu di gua Sur, sesudah tiga malam. Lalu laki-laki itu datang kepada keduanya dengan membawa kedua kenderaannya di Subuh hai yang ketiga. Menurut satu riwayat: Maka dibawalah Nabi dan Abu Bakar melalui jalan pantai."

Riwayat Bukhari).

3. ORANG YANG JUJUR, SERTA SOAL MENERIMA UPAH BERBEKAM

Orang-orang yang jujur bekerja sebagai juru kewangan dalam sesuatu perusahaan, atau sesuatu badan berkanun, maka perbuatan yang jujur itu termasuk sedekah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى مُوْسَى الْاَشْعَرِيْ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْخَازِنُ الْاَمِيْنُ الَّذِى يُؤَدِّى مَا اُمِرَ بِهِ طَيِّبَةً نَفْسُهُ اَحَدُ الْمُتَصَدِّقِيْنَ.

رواه البخارى

Dari Abu Musa Al-Asy'ari r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Kasir (juruwang) yang jujur, yang melakukan pekerjaan yang diserahkan kepadanya secara senang hati, adalah ia masuk salah seorang orang yang bersedekah."

(Riwayat Bukhari).

Berbekam, ertinya mengeluarkan darah dari kepala seseorang dengan cara menghirup oleh tukang bekam dengan suatu perkakas. Dalam agama dibolehkan menerima upah berbekam itu.

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اِحْتَجَمَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَاَعْطَى الَّذِى حَجَمَهُ اَجْرَهُ وَلَوْ كَانَ حَرَامًا لَمْ يُعْطِهِ.

رواه البخارى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Pernah Rasulullah s.a.w. berbekam dan beliau memberikan upahnya kepada orang yang telah membekam beliau itu. Andaikata itu haram, tentu tidak diberi beliau upah."

(Riwayat Bukhari).

4. MEMBERIKAN UPAH ATAU GAJI PEGAWAI ATAU BURUH

Wajib diberi upah orang yang telah mengerjakan pekerjaan kita sebelum kering peluhnya.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:

أُعْطُوْ الْاَجِيْرَ أَجْرَهُ قَبْلَ اَنْ يَجُفَّ عَرَقُهُ.

رواه ابن ماجة بسند ضعيف

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Berilah upah orang yang bekerja sebelum kering peluhnya."

(Riwayat Ibnu Majah).

Sebelum bekerja, hendaklah dinyatakan upah yang akan diberikan.

Sabda Rasullah s.a.w.:

عَنْ اَبِيْ سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ إِسْتَأْجَرَ اَجِيْرًا فَلْيُسَمِّ لَهُ أُجْرَتَهُ.

رواه عبد الرزاق

Dari Abu Said Al-Khudri r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda: "Sesiapa mencari orang yang akan makan upah, maka hendaklah dinyatakan kepadanya berapa upahnya."

(Riwayat Abdurrazak).

5. MENGAMBIL UPAH MENGAJAR AL-QURAN

Bila seseorang mengajarkan Al-Quran atau hadis-hadis Nabi s.a.w. atau ilmu agama umumnya, maka hak baginya menerima upah tentang jerih payahnya mengajar itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَحَقُّ مَا اَخَذْتُمْ عَلَيْهِ اَجْرًا كِتَابُ اللهِ تَعَالَى.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Pekerjaan yang lebih berhak kamu menerima upahnya, ialah mengajarkan kitab Allah Taala."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB IHYA UL MAWAT
(Mengusahakan Tanah Terbiar)

1. ERTI MENGUSAHAKAN TANAH TERBIAR

Yang dimaksudkan mengusahakan tanah terbiar ialah: memanfaatkannya untuk dijadikan kebun, sawah dan lain-lainnya.

Caranya adalah sebagai berikut:

a. Dengan jalan menyuburkannya.
b. Menanamkan tanam-tanaman atau tumbuhan.
c. Membuat pagar sebagai tanda, yang berupa perkarangan sekelilingnya.
d. Menggali parit di sekelilingnya, kalau perlu sebagai tanda milik.

Namun begitu, semuanya itu tergantung kepada adat kebiasaan dalam membangun tanah tersebut.

Sesiapa yang membangun tanah terbiar, maka dialah yang berhak atas tanah itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ عَمَّرَ أَرْضًا لَيْسَتْ لِأَحَدٍ فَهُوَ أَحَقُّ بِهَا.

رواه البخارى

Dari Aisyah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang membangun sebidang tanah yang bukan jadi hak seseorang, maka dialah yang berhak atas tanah itu."

(Riwayat Bukhari).

Tanah yang belum pernah diusahakan, jika tanah itu berada di negeri orang Islam, merekalah yang berhak mengambil jadi miliknya, iaitu dengan mengusahakannya. Baik diizinkan oleh imam (pemerintah) mahupun tidak. Dan apabila ada tanah itu dalam lingkungan tanah orang kafir, jika mereka tidak dilarang bolehlah bagi orang Islam mengusahakan. Apa-apa yang ada di sekitar tanah yang diusahakan itu, tidak boleh dimiliki oleh orang lain selain dari yang mengusahakannya. Umpamanya: mata air, telaga dan lain-lain. Sebab usaha itu tidak cukup secara begitu saja, kalau air tidak ada dan lain-lain. Semua itu dinamakan *Harim Ma'mur,* ertinya se-

suatu yang terlarang dikuasai oleh orang lain, yang disebabkan oleh usaha itu.

Yang dimaksudkan dengan Harim ma'mur itu ialah, apa-apa yang dihajati untuk menyempurnakan manfaat yang diambil (didapat) pada tanah yang diusahakan. Harim itu ada bermacam-macam:

Harim kampung,

Ialah padang atau pemedanan tempat bersenda gurau, bermain, pacuan kuda, pasar, tanah lapang, tempat permandian dan lain-lain.

Harim perigi,

Yang digali tanah yang terbiar (yang baru diusahakan), ialah tempat permandian binatang, termasuk tanah di sekitarnya, seperti tempat penambatannya atau tempat penyambut air mengalir (comberan), serta timba dan lain-lain.

Harim rumah,

Ialah tempat pembuangan sampah dan lain-lainnya.

Adapun perigi yang baru digali, maka harimnya ialah 25 (dua puluh lima) hasta sekelilingnya. Kalau perigi yang sudah lama (sebelum) Islam, maka harimnya ialah 50 (lima puluh) hasta sekitarnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: حَرِيْمُ الْبِئْرِ الْبَدْءِ خَمْسَةٌ وَعِشْرُوْنَ ذِرَاعًا وَحَرِيْمُ الْبِئْرِ الْعَادِى خَمْسُوْنَ ذِرَاعًا. رواه احمد

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Harim perigi yang baru digali ialah 25 hasta (sekelilingnya) dan harim perigi yang sudah digali (lama) ialah 50 hasta."

(Riwayat Ahmad).

2. YANG JADI MILIK BERSAMA DALAM TANAH TERBIAR

Tanah terbiar yang belum diusahakan oleh orang atau belum dipelihara, maka ada tiga macam yang jadi milik bersama: Iaitu,

air, rumput, dan benda-benda yang dapat dibakar atau untuk dijadikan api.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اَبِـى هُرَيْرَةَ رَضِـيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْمُسْلِمُوْنَ شُرَكَاءُ فِى ثَلَاثٍ فِى الْمَاءِ وَالْكَلَاءِ وَالنَّارِ.

رواه ابو داود وابن ماجة

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Orang Islam itu bersyarikat pada tiga macam, pada air, pada rumput dan pada api."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Sebab air yang lebih dari dipakai atau rumput yang berlebih dari binatang ternak yang dipelihara, haram hukumnya melarang orang lain yang berhajat pula pada keduanya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا تَمْنَعُوْا فَضْلَ الْمَاءِ لِتَمْنَعُوْا بِهِ فَضْلَ الْكَلَاءِ.

رواه البخارى ومسلم بسند صالح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Janganlah kamu melarang pada kelebihan air, dan dengan melarang kelebihan air itu kamu melarang pula pada kelebihan rumput."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maksudnya bahawa rumput-rumput pada tanah yang diusahakan itu dapat dimakan ternak, tentu air itu dapat pula diminum sesudah makan rumput. Oleh sebab itu keduanya tak boleh dilarang.

3. DAERAH LARANGAN DAN CARA MEMBUAT JALAN

Boleh bagi Imam (Pemerintah) mengguna tanah terbiar itu untuk pemeliharaan kuda perang, atau unta-unta yang disediakan buat

zakat, dengan melarang manusia yang lain untuk mengambil sesuatu yang ada di tanah itu, yang disebut kawasan larangan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ الصَّعْبِ بْنِ جَثَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا حِمَى إِلَّا لِلّٰهِ وَلِرَسُوْلِهِ وَحَمَى النَّبِيُّ ﷺ النَّقِيْعَ وَحَمَى عُمَرُ السَّرِفَ وَالرَّبَذَةَ. رواه البخارى وابو داود

Dari As-Sha'ab bin Jasamah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak ada daerah larangan, melainkan kerana Allah dan kerana Rasul-Nya, dan telah melarang Nabi s.a.w. (kata As-Sha'ab) akan Naqi' (satu tempat 80 batu dari Madinah), dan telah melarang Umar akan Sarif (satu tempat dekat Tan'in), dan Rabazah (satu tempat antara Mekah dan Madinah)."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Bila hendak membuat jalan, yang sengaja untuk dilalui orang, atau kenderaan, maka lapangkanlah sekadar (tujuh) hasta atau lebih.

Keterangan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَضَى النَّبِيُّ ﷺ إِذَا تَشَاجَرُوْا فِي الطَّرِيْقِ بِسَبْعَةِ أَذْرُعٍ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Telah memutuskan Nabi s.a.w. bila mereka berselisih lalu di jalan supaya jalan itu dibuat 7 (tujuh) hasta."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. MENANAM POKOK DI PINGGIR JALAN

Bila seseorang menanamkan sebatang pokok di pinggir jalan dan sebagainya, kemudian pokok itu berbuah, lalu datang manusia atau burung, mahupun binatang mengambilnya, maka yang diambil orang atau burung dan binatang itu adalah sedekah bagi yang menanamnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَغْرِسُ غَرْسًا اَوْ يَزْرَعُ زَرْعًا فَيَأْكُلُ مِنْهُ طَيْرٌ اَوْ اِنْسَانٌ اَوْ بَهِيْمَةٌ اِلاَّ كَانَ لَهُ بِهِ صَدَقَةٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah dari seseorang muslim yang menanam sepokok kayu, lalu buahnya dimakan burung atau manusia, atau binatang, melainkan adalah baginya dengan yang dimakan burung, binatang atau orang itu menjadi sedekah baginya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

5. MEMBAHAGI-BAHAGI TANAH

Dalam ajaran Islam, melakukan pembahagian tanah dibolehkan, asal saja jangan tanah yang sudah jadi milik peribadi orang. Misalnya tanah yang berupa tanah pemerintah, atau tanah yang diperolehi dengan jalan perang, atau tanah kosong yang belum dipunyai oleh seseorang.

Menurut Subulussalam: Qadhi Iyadh menjelaskan: Bahawa yang dimaksudkan dengan *"al-iqtha"* (membahagi-bahagi tanah) itu, ialah: Pemberian pemerintah (imam) akan sesuatu dari harta Allah (harta negara) kepada orang yang dipandangnya patut untuk itu. Ia berkata seterusnya: Kebanyakan yang dilakukan ialah dalam perkara tanah.

Caranya adalah sebagai berikut:

a. Sebahagian tanah itu dikeluarkan dan diberikan kepada orang yang dapat mengurusnya atau menjaganya, sebagai hak miliknya buat dibangunnya untuk kepentingannya.
b. Atau tanah itu diberikan kepadanya, sekadar untuk diambil hasilnya (setelah dibangunnya) buat masa yang ditentukan lamanya. Atau disebut juga *"hak guna usaha"*.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ وَائِلِ بْنِ حَجَرٍ: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَقْطَعَهُ أَرْضًا بِحَضْرَمَوْتِ

وَبَعَثَ مُعَاوِيَةَ لِيَقْطَعَهَا إِيَّاهُ. رواه ابو داود والترمذى

Dari Wail bin Hajar: "Bahawasanya Nabi s.a.w. telah membahagi-bahagikan tanah di Hadramaut untuk peribadinya, dan diutusnya pula Muawiyah untuk dibahagikan pula tanah itu kepadanya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Dan dilarang keras membahagi tanah yang sudah jadi hak milik orang.

6. TIDAK BOLEH MEROSAK DAN DIROSAKKAN ORANG

Seseorang boleh berbuat sesuka hatinya pada hak miliknya, asal jangan merosak milik orang lain, dan jangan pula dirosakkan orang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ. رواه احمد وابن ماجة

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Jangan kamu merosakkan dan jangan pula kamu dirosakkan orang."

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah).

Umpamanya perkarangan yang dimiliki hendaklah didinding, supaya lebih jelas batas-batas hak milik itu. Apalagi di dekat perkarangan itu ada pula rumah orang lain. Atau membuat batas yang ditentukan untuk perkarangan itu, umpamanya parit dan sebagainya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدَبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ اَحَاطَ حَائِطًا عَلَى اَرْضٍ فَهِيَ لَهُ.

رواه ابو داود ـ حديث صحيح

Dari Samurah bin Jundab r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang telah membuat suatu dinding di bumi, maka bumi itu bererti telah menjadi haknya."

(Riwayat Abu Daud).

Berkata pengarang kitab Al-Minhaj: *"Dan sesiapa yang mengusahakan sebidang tanah yang terbiar, lalu terjumpa barang yang tersembunyi, jadi miliknyalah barang-barang itu, walaupun air yang mengalir dari lembah-lembah dan mata air yang terpancar dari gunung pun boleh dimiliki oleh manusia."*

BAB SHULUH (Perdamaian)

1. ERTI PERDAMAIAN

Shuluh, ertinya perdamaian, iaitu memisahkan dua orang yang sedang berselisih. Menurut istilah syarak, ialah semacam akad yang dengan akad itu habislah (terputuslah) perselisihan yang sedang terjadi.

Firman Allah s.w.t.:

وَالصُّلْحُ خَيْرٌ ۞ سورة النساء اية ١٢٨

Dan berdamai itulah yang sebaik-baiknya.

(Surah An-Nisa' ayat 128).

Shuluh (perdamaian) ada empat macam:

1. *Shuluh antara kaum Muslimin dengan kaum kafir,* iaitu membuat perjanjian perletakan senjata dalam masa yang tertentu, secara lepas (bebas) atau dengan jalan mengganti kerugian dan membuat peraturan-peraturan dalam soal-soal yang mengenai keamanan, membayar pajak (ufti) dan lain-lain.
2. *Shuluh antara pemimpin dengan penjahat:* Iaitu membuat perjanjian dan peraturan-peraturan dalam soal-soal yang mengenai keamanan dalam negeri yang harus mereka taati. Keterangannya akan datang dalam *bab bughat.*
3. *Shuluh antara dua orang suami-isteri:* Iaitu membuat perjanjian dan aturan-aturan dalam soal pembahagian nafkah, dalam soal-soal derhaka serta dalam perkara menyerahkan haknya kepada suaminya tatkala terjadi perselisihan.
4. *Shuluh dalam muamalat* iaitu membuat perdamaian dalam hal yang berhubungan dengan perselisihan-perselisihan yang terjadi dalam soal-soal muamalat. Inilah yang dimaksud dalam bab ini.

2. PERDAMAIAN TIDAK BOLEH MENGHALAL-KAN BARANG YANG HARAM, DAN TIDAK PULA BOLEH MENGHARAMKAN BARANG YANG HALAL

Soal perdamaian, sangat dituntut benar oleh agama. Kerana dalam soal itu, banyak sekali terkandung hikmat-hikmat yang membawa kepada ketenteraman dan kesenangan hidup. Di mana ada perdamaian di situlah terletak pokok keamanan dan kemakmuran, baik dalam kehidupan dunia seumumnya. Sebaliknya perselisihan dan persengketaan akan mengakibatkan kehancuran dalam hidup dan kehidupan manusia. Lantaran demikianlah agama Islam sangat menuntut adanya perdamaian, kecuali dua macam perdamaian dan ini memang sangat ditentang oleh Islam, iaitu perdamaian:

1. Untuk menghalalkan sesuatu yang haram.
2. Untuk mengharamkan sesuatu yang halal.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ عَوْفٍ الْمُزَنِّى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اَلصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِيْنَ اِلاَّ صُلْحًا حَرَّمَ حَلاَلاً اَوْ اَحَلَّ حَرَامًا وَالْمُسْلِمُوْنَ عَلَى شُرُوْطِهِمْ اِلاَّ شَرْطًا حَرَّمَ حَلاَلاً اَوْ اَحَلَّ حَرَامًا. رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Amr bin Auf Al-Muzanni r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Perdamaian itu boleh berlaku antara kaum Muslimin, kecuali perdamaian yang bersifat mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram, dan kaum Muslimin semuanya berdiri atas syarat-syarat mereka, kecuali syarat-syarat yang bersifat mengharamkan sesuatu yang halal atau menghalalkan sesuatu yang haram."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

3. SYARAT-SYARAT ADA PERDAMAIAN

Pertama: Didahului oleh perselisihan atau pendakwaan.

Kedua: Dengan adanya ikrar atau keterangan dari kedua orang saksi yang adil, dari pihak orang yang mendakwa. Per-

damaian yang berlaku antara dua orang yang berselisih ada dua macam.

Pertama: Perdamaian dengan ikrar, iaitu pengakuan dari yang didakwa atas sesuatu yang didakwakan kepadanya. Umpamanya, Zaid mendakwa Umar, katanya: *"Ini rumahku,"* lantas diakui oleh Umar, bahawa rumah itu memang kepunyaan Zaid.

Berhubung Zaid ingin mengambil rumahnya kembali, dan Umar dapat pula menyetujui maksud Zaid itu, dengan syarat agar kepadanya diberikan wang pindah kerana mencari rumah amat susah, umpamanya sebanyak $10,000. Jadi dengan demikian antara Zaid dan umar telah ada perdamaian.

Atau umpama Zaid berkata kepada Umar. Penku telah engkau pinjam, kembalikan. Oleh si Umar diakui, tetapi ia tidak mahu mengembalikan, kerana ia tidak ada pen untuk menulis.

Lalu kata Zaid. Sekarang boleh engkau ambil, tetapi ganti seharga $50 – Lalu diganti oleh Umar.

Maka Shuluh ini dinamakan shuluh *"muawadhah"*.

Atau Shuluh itu berlaku (diperdamaikan) dengan mengambil manfaat, umpamanya mendiami rumah agak setahun. Misalnya kata Zaid kepada Umar: *"Engkau berhutang $500 kepadaku."* Oleh Umar diakui hutang itu. Lantas mereka berdamai, bahawa hutang itu tidak perlu dibayar oleh Umar. Tapi dengan ketentuan agar kepada Zaid diberi hak untuk mendiami rumah Umar selama setahun, misalnya, Shuluh yang demikian disebut *"sewa"* bagi tempat yang diambil manfaatnya itu.

Atau Shuluh berlaku atas sebahagian barang yang didakwakan, umpamanya separuh atau seperempat. Seperti kata Zaid kepada Umar: *"Engkau berhutang sebanyak $100 – kepadaku."* Oleh Umar diakui, tetapi ia belum dapat membayar semua, lalu mereka berdamai, supaya hutang itu dibayar separuhnya atau seperempat, yang lainnya tidak usah. Shuluh yang begitu, dinamakan *Shuluh hathithah,* ertinya habis atau lepas dari hutang atau shuluh *ibrak* namanya.

Kedua: Perdamaian atas *ingkar.* Umpamanya, kata Zaid kepada si Umar: *"Ini rumahku."* Lalu si Umar menjawab: *"Bukan, bukan rumahmu, tetapi rumahku."* Atau Umar diam saja. Kemudian keduanya itu berdamai dengan membayar gantirugi. Misalnya Umar memberikan wang $10,000 – kepada Zaid dengan perjanjian bahawa Zaid tidak akan menuntut lagi. Perdamaian ini tidak sah kalau keterangan yang kuat dari Zaid tidak ada. kerana perdamaian seperti ini bererti memakan hak orang lain secara tidak halal.

4. PERDAMAIAN DALAM PEMBAYARAN

Adapun perdamaian dalam pembayaran, adalah seperti keterangan di bawah ini:

عَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ تَقَاضَى اِبْنَ حَدْرَدٍ دَيْنًا كَانَ لَهُ عَلَيْهِ فِى الْمَسْجِدِ فَارْتَفَعَتْ اَصْوَاتُهُمَا حَتَّى سَمِعَهُمَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَهُوَ فِى بَيْتِهِ فَخَرَجَ اِلَيْهِمَا فَكَشَفَ سِجْفَ حُجْرَتِهِ فَنَادَى: يَا كَعْبُ! قَالَ: لَبَّيْكَ يَا رَسُوْلَ اللهِ! قَالَ: ضَعْ مِنْ دَيْنِكَ هٰذَا وَأَوْمَاءَ اِلَى الشَّطْرِ قَالَ: لَقَدْ فَعَلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ قَالَ: قُمْ فَاقْضِهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Kaab bin Malik, bahawa ia pernah bertengkar dengan Hadrad dalam perkara hutang-piutang di dalam masjid, iaitu Ibnu Kaab berhutang pada Abu Hadrad, keduanya sama-sama bersuara lantang, hingga didengar oleh Rasulullah s.a.w. sedang beliau di dalam rumahnya, maka melihatlah Rasulullah kepada keduanya, maka dibukanya kain tutup jendela kamarnya, lalu beliau berseru: "Hai Kaab." Kaab menjawab: "Aku ya Rasulullah." Rasulullah bersabda: "Damaikanlah dari sebahagian hutangmu itu." Kaab berkata: "Sesungguhnya telah aku lakukan, ya Rasulullah," Rasulullah bersabda: "Bangunlah, maka bayarlah hutangnya (hutangmu itu)."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB WAKAF

1. ERTI WAKAF

Wakaf, ertinya terhenti atau tertahan. Menurut istilah syarak ialah menahan harta yang mungkin dapat diambil orang manfaatnya serta kekal ainnya, dan menyerahkannya ke tempat-tempat yang telah ditentukan oleh syarak, serta terlarang berleluasa pada barang-barang yang dimanfaatkan itu.

Wakaf ini adalah salah satu amal yang sangat dituntut sekali dalam agama Islam. Sebab wakaf ini termasuk amal salih yang

pahalanya tak akan putus-putusnya diberikan Allah kepada orang yang berwakaf selama barang yang diwakafkannya masih dipakai orang.

Benda yang sudah diwakafkan adalah merupakan hak Allah. Oleh sebab itu, ia tidak boleh dimiliki, dijual, diwariskan, atau dihibbahkan kepada sesiapa pun.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ اِنْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ اِلاَّ مِنْ ثَلَاثٍ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُوْ لَهُ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila telah mati anak Adam (manusia) putuslah amalnya, kecuali tiga macam: Sedekah jariah (wakaf), atau ilmu yang dapat diambil orang manfaatnya, atau anak yang salih yang selalu mendoakannya."

(Riwayat Muslim).

2. RUKUN DAN SYARAT SERTA MENGAMBIL MANFAAT BARANG WAKAF

Rukun wakaf ialah:

Pertama: Orang yang berwakaf.

Kedua: Tempat berwakaf umpamanya surau, masjid dan lain-lain.

Ketiga: Melafazkan kata-kata wakaf, umpamanya: *"Aku wakafkan barangku ini ke masjid itu,"* dan lain-lain.

Disyaratkan orang yang berwakaf itu, bahawa ia berkuasa pada hartanya (ahli milik), maka tidaklah sah wakaf anak kecil, orang gila, orang bodoh, dan si mahjur alaih. Barang yang diwakafkan itu disyaratkan pula, bahawa barang itu keras dan dapat kekal manfaatnya, umpamanya batu, simen, tiang dan lain-lain.

Tidaklah sah mewakafkan makanan, minuman, air dan lain-lain, sebab zatnya cepat hilang dan hancur. Bila seseorang mewakafkan sesuatu barang, bererti ia telah melarang dirinya dari berbuat sesuka hatinya pada barang itu untuk kemanfaatan dirinya sendiri, seperti menjual, memberikan dan lain-lain. Dan tidak pula tempat yang diwakafkan itu, sebab barang itu sudah jadi hak Allah bukan hak wakaf lagi, dan bukan pula hak maukuf alaih. Melain-

kan yang hak bagi maukuf alaih ialah mengambil manfaatnya dan menjaganya baik-baik.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ فِيْ أَرْضٍ بِخَيْبَرَ أَصَابَهُ: إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ وَأَنَّهُ لاَ يُبَاعُ أَصْلُهَا وَلاَ يُوْرَثُ وَلاَ يُوْهَبُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda tentang sebidang tanah di Khaibar yang telah diperolehi oleh Umar: "Jika engkau kehendaki, engkau tahan tanah itu, dan engkau sedekahkanlah manfaatnya." Berkata Ibnu Umar: "Bersedekahlah Umar dengan manfaatnya. Sesungguhnya tanah itu tidak boleh dijual pokoknya dan tidak pula boleh diwariskan, dan tidak pula diberikan kepada orang lain."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Berkata pengarang kitab Al-Minhaj: *"Dan manfaat-manfaat barang yang diwakafkan, yang sudah dimiliki untuk tempat yang diwakafkan, (manusia dan lain-lain), boleh ia mengambil manfaatnya untuk dirinya sendiri, dan boleh juga orang lain dengan jalan meminjam dan menyewa dari orang yang menguasai wakaf itu."*

Adapun tikar-tikar masjid yang diwakafkan, bila ia telah rosak atau rapuh, boleh dijual dan wangnya harus dibelikan, atau dipergunakan untuk kebaikan masjid itu kembali.

Kalau masjid runtuh dan sukar sekali untuk memperbaikinya sebagai biasa, kerana tidak ada orang yang mengurusnya lagi dan sebagainya maka buat sementara boleh dipindahkan ke tempat lain, jika dikhuatiri membahayakan kalau dibiarkan ditempat itu.

Dan bila kayu-kayunya boleh dibuat masjid lagi, maka wajiblah dibuatkan masjid yang lain di situ juga dan tidak boleh dipergunakan untuk madrasah dan sebagainya. Kalau susah untuk mendirikan masjid, boleh dibuat yang lain saja, umpamanya surau, madrasah dan lain-lain. Tapi tidak boleh dipakai untuk keperluan sendiri, sebab wakaf itu sudah diuntukkan oleh yang berwakaf dalam niatnya ketika wakaf itu diberikannya.

Jika sukar mengambil manfaat dari barang-barang yang diwakafkan, kecuali dengan membinasakannya, umpamanya dengan

pembakaran, ketika itu (ketika telah dibakar, umpamanya kayunya diwakafkan orang) maka dimilikilah oleh tempat yang diwakafkan itu.

Sedekah wakaf ini berbeza dari sedekah biasa. Dalam sedekah biasa boleh disedekahkan barang yang tidak tahan lama, seperti bahan makanan dan lain-lain. Dan barang yang disedekahkan adalah menjadi hak milik dari orang yang disedekahi. Sedangkan sedekah wakaf sebaliknya. Orang hanya boleh memeliharanya, dan tidak boleh menjualnya atau mempusakakannya kepada anak; dan lain-lainnya.

3. MEWAKAFKAN MASJID DAN PERIGI

Barang yang diuntukkan pada suatu tempat sebagai wakaf, yang dapat dipergunakan oleh kaum Muslimin, adalah semacam simpanan, selama barang itu masih dipakai oleh kaum Muslimin, selama itu pulalah pahalanya diberikan Tuhan kepada orang yang berwakaf itu. Kalau sedikit wakaf, sedikit pulalah pahala yang diberikan Tuhan, dan kalau wakaf itu banyak, maka banyak pulalah pahala yang diberikan-Nya. Umpamanya mewakafkan masjid, sekolah, surau, perigi yang digali, jambatan dan lain-lainnya.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَمَّا قَدِمَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ الْمَدِيْنَةَ وَأَمَرَ بِبِنَاءِ الْمَسْجِدِ قَالَ: يَا بَنِى النَّجَّارِ ثَامِنُوْنِيْ بِحَائِطِكُمْ هٰذَا فَقَالُوْا: لَا وَاللهِ لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللهِ تَعَالَى فَأَخَذَهُ فَبَنَاهُ مَسْجِدًا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: Tatkala datang Rasulullah s.a.w. ke Madinah, lalu diperintahkan beliau membuat masjid, beliau bersabda: "Hai Bani Najjar (tukang kayu), juallah kepadaku perkaranganmu!" Lalu mereka menjawab: "Tidak, demi Allah kami tidak akan meminta wangnya kecuali (meminta pahalanya) kepada Allah. Lalu diambil Nabi tanah perkarangan itu, maka didirikannyalah di sana sebuah masjid."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Tentang mewakafkan perigi, Rasulullah s.a.w. menyatakar pula dengan sabdanya:

عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ حَفَرَ بِئْرَ رَوْمَهُ فَلَهُ الْجَنَّةُ ــ فَحَفَرْتُهَا. رواه البخارى والترمذى

Dari Usman r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Sesiapa yang mahu menggali (mendalamkan) telaga di Raumah (satu tempat) maka baginya syurga." Lalu aku gali telaga itu.

(Riwayat Bukhari dan Tirmizi).

Keterangan lain:

عَنْ سَعْدِ ابْنِ عُبَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّ أُمَّ سَعْدٍ مَاتَتْ فَاَيُّ الصَّدَقَةِ اَفْضَلُ قَالَ: اَلْمَاءُ فَحَفَرَ بِئْرًا وَقَالَ هٰذِهِ لِأُمِّ سَعْدٍ. رواه ابو داود والنسائى

Dari Saad bin Ubadah r.a. ia bertanya: "Ya Rasulullah!" Sesungguhnya ibu Saad telah meninggal, maka apakah sedekahnya yang lebih utama?" Rasulullah menjawab: "Air." Lalu digalinya sebuah perigi, kemudian ia berkata: "Ini untuk ibu Saad."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

BAB HIBBAH

1. ERTI HIBBAH

Hibbah ini disebut juga hadiah atau pemberian. Dalam istilah syarak bererti: *"Memberikan sesuatu kepada orang lain selagi hidup sebagai hak miliknya, dengan tidak mengharapkan ganti atau balasan."* Apabila ia mengharap balasan semata-mata dari Allah, maka itu dinamakan sedekah. Kalau pemberian itu dihantarkan ke tempat yang diberikan kerana hendak memuliakannya, dinamakan *hadiah*. Tiap-tiap sedekah dan hadiah boleh dinamakan pemberian, dan tidak sebaliknya.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقْبَلُ

اَلْهَدِيَّةَ وَيُثِيْبُ عَلَيْهَا. رواه البخارى وابو داود

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Pernah Nabi s.a.w. menerima hadiah, dan dibalasnya hadiah itu."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Supaya pemberian itu nyata dan tahkik, disyaratkan pula hendaknya melafazkan ijab kabul, iaitu:

"Aku berikan barang ini kepadamu."

Tapi tidak disyaratkan ijab kabul itu dalam soal hadiah, sebab hadiah itu boleh dilakukan secara kiriman saja. Barang yang sah diberikan, ialah barang yang sah pula dijual, dan terlarang memberikan sesuatu bila sesuatu itu yang terlarang pula menjualnya. Kecuali sebutir gandum dan sebutir beras, boleh diberikan tapi tidak boleh dijual, kerana ia tidak berharga. Hadiah itu tidak boleh ditolak.

Rasulullah s.a.w. belum pernah menolak pemberian orang. Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِىِّ ﷺ قَالَ: لَوْ دُعِيْتُ اِلَى ذِرَاعٍ اَوْ كُرَاعٍ لَأَجَبْتُ وَلَوْ أُهْدِيَ اِلَيَّ ذِرَاعٌ اَوْ كُرَاعٌ لَقَبِلْتُ. رواه البخارى والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Kalau aku dipanggil untuk memakan siku atau kaki kambing, nescaya akan aku terima dan kalau dihadiahkan kepadaku siku atau kaki kambing nescaya aku terima." (Riwayat Bukhari dan Tirmizi).

Pekerjaan beri memberi ini, sangat disuruh sekali oleh Rasulullah s.a.w. sebab pekerjaan ini bererti mempererat hubungan persaudaraan seagama dan menimbulkan rasa tolong-menolong serta menghilangkan sifat iri dan dengki dari hati seseorang. Oleh sebab itu pemberian tidak boleh dicela, walaupun sedikit, sebab pemberian itu hanya menurut kesukaan orang yang memberi.

2. BERI MEMBERI DAPAT MENGHILANGKAN DENGKI

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تَهَادَوْا فَإِنَّ الْهَدِيَّةَ تُذْهِبُ وَحَرَا الصَّدْرِ وَلَا تَحْقِرَنَّ جَارَةٌ لِجَارَتِهَا وَلَوْ شِقَّ فِرْسِنِ شَاةٍ. رواه البخارى والترمذى

Dari Abu Hurairah, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Beri-memberilah kamu, kerana sesungguhnya pemberian itu menghilangkan sakit hati (dengki), dan janganlah satu keluarga menghinakan keluarga yang lain, walaupun yang diberikan itu sebelah kuku kambing."

(Riwayat Bukhari dan Tirmizi).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تَهَادَوْا تَحَابُّوْا. رواه البخارى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Beri-memberilah kamu, nanti kamu akan berkasih-kasihan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Pemberian biasa dari seorang kepada seorang dinamakan *hibbah,* tetapi pemberian hutang terhadap orang yang berhutang dinamakan *ibrak* ertinya lepas dari hutang.

Belumlah dinamakan pemberian itu dimiliki oleh seorang, kecuali bila pemberian itu telah dipegangnya. Kalau mati salah seorang yang memberi atau yang diberi, maka digantikanlah oleh ahli waris masing-masing. Kalau pemberian itu dari bapa kepada anak-anaknya, hendaklah disamakan sedapat mungkin seperti pembahagian harta pusaka, iaitu bahagian laki-laki dua kali dari bahagian perempuan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: إِتَّقُوْا اللهَ وَاعْدِلُوْا بَيْنَ اَوْلَادِكُمْ. رواه البخارى ومسلم

Dari Nu'man bin Basyir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. bersabda: "Takutlah kamu kepada Allah, dan hendaklah kamu melakukan keadilan antara anak-anakmu." (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sebab kalau tidak adil, tentu lama-lama akan menimbulkan perasaan tidak enak malah mungkin merasa iri hati antara yang seorang dengan lainnya.

3. HUKUM HARAM MEMINTA BALIK PEMBERIAN, KECUALI PEMBERIAN BAPA KEPADA ANAK.

Barang yang sudah diberikan haram hukumnya diminta kembali, sebab menimbulkan sesuatu perasaan yang tidak enak di dalam hati orang yang telah diberi itu. Begitu juga dalam soal sedekah, hadiah dan lain-lain yang serupa dengan itu. Tidak ubahnya seperti anjing menjilat muntahnya kembali.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَلْعَائِدُ فِي هِبَتِهِ كَالْكَلْبِ يَقِيءُ ثُمَّ يَعُوْدُ فِي قَيْئِهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Nabi s.a.w. bersabda: "Orang yang meminta kembali barang yang diberikannya, adalah seperti anjing yang muntah kemudian dijilatnya kembali muntahnya itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kecuali pemberian bapa atau ibu kepada anaknya.

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يَحِلُّ لِرَجُلٍ مُسْلِمٍ اَنْ يُعْطِيَ الْعَطِيَّةَ ثُمَّ يَرْجِعُ فِيْهَا اِلَّا الْوَالِدَ فِيْمَا يُعْطِي وَلَدَهُ. رواه احمد وأبو داود وغيرهما بسند صحيح

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w beliau bersabda: "Tidak halal bagi orang Islam apabila ia telah memberikan sesuatu, kemudian dimintanya kembali pemberiannya itu, kecuali pemberian orang tua kepada anaknya."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud dan lain-lain).

Disyaratkan bagi orang tua yang meminta kembali pemberian kepada anaknya, bila barang yang diberikannya itu masih ada padanya. Tetapi kalau sudah dijual atau diwakafkannya dan sebagainya, tidaklah boleh dimintanya kembali.

Sebaiknya pemberian-pemberian orang lain kepada kita janganlah sekali-kali dilupakan, dan sedapat mungkin hendaklah dibalas, walaupun yang memberi itu sesungguhnya tidak mengharapkan balasan.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَنْسَوُا الْفَضْلَ بَيْنَكُمْ إِنَّ اللهَ بِمَا تَعْمَلُوْنَ بَصِيْرٌ*

سورة البقرة اية ٢٣٧

Janganlah kamu lupakan pemberian sukarela sesamamu; sesungguhnya Tuhan melihat apa yang kamu kerjakan.

(Surah Al-Baqarah 237).

4. PEMBERIAN YANG MEMINTA BALASAN

Pemberian pada hakikatnya tidak menghendaki balasan, sebagaimana telah diterangkan di atas. Tetapi boleh juga dilakukan pemberian itu dengan bersyarat supaya diberi pula, umpamanya kata seseorang: *"Aku berikan barangku ini kepadamu, dengan syarat bila engkau berikan pula barang engkau itu kepadaku."*

Dalam hal ini, bila syarat tidak dipenuhi, maka pemberian itu boleh diminta kembali.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: وَهَبَ رَجُلٌ لِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ نَاقَةً فَأَثَابَهُ عَلَيْهَا فَقَالَ: رَضِيْتَ؟ قَالَ: لَا. فَزَادَهُ فَقَالَ: رَضِيْتَ؟ قَالَ: لَا. فَزَادَهُ فَقَالَ: رَضِيْتَ؟ قَالَ: نَعَمْ.

رواه احمد وابن حبان ـ حديث صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Pernah seorang laki-laki memberikan kepada Rasulullah s.a.w. seekor unta betina lalu dibalas beliau pemberian itu dan beliau bersabda: 'Telah relakah engkau?' Laki-laki itu menjawab: 'Belum.' Rasulullah lalu menambah balasannya

itu dan bersabda: "Telah relakah engkau?" Laki-laki itu menjawab: "Belum." Lalu beliau menambah pula pemberian itu, kemudian beliau bersabda: "Telah relakah engkau?" Laki-laki itu menjawab "Ya, sudah!"

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban).

Hadis ini menunjukkan bahawa seorang laki-laki yang telah memberi Rasulullah itu, sudah tentu mengemukakan syarat lebih dahulu, agar Rasulullah memberinya pula sesuatu pemberian menurut apa yang disukainya. Bila tidak demikian, tentulah ia akan rela saja menerima balasan pemberian dari Rasulullah. Sebab pemberian itu pada dasarnya tidaklah mengharapkan balasan, kecuali balasan dari Allah. Syarat mana jelas dari penambahan-penambahan yang diberikan Rasulullah sampai dua kali. Kerana laki-laki tersebut belum rela sebab belum memperoleh yang disukainya dengan pemberian balasan dan tambahan pertama yang diberikan Rasulullah. Oleh sebab itu dapat difahamkan, bahawa orang yang telah memberi berhak meminta pemberiannya kembali kalau syarat-syaratnya tidak dapat dipenuhi oleh yang diberi.

Hadis yang menyatakan bahawa pemberian itu tidak dapat diminta kembali ialah bila pemberian itu tidak menghendaki balasan.

Berkata sebahagian ulama: *"Pemberian yang begitu adalah "kimat" atau nilai dari harga barang yang diberikan, dan bukan pemberian yang sebenarnya, atau dapat juga disebut tukaran."*

5. PEMBERIAN DENGAN UMRAA DAN RUQBAA

Umraa, ertinya umur dan *ruqbaa* ertinya mengintai hibbah atau pemberian dengan cara umur dan ruqbaa itu pada mulanya dibuat oleh kaum Jahiliah, kemudian Islam menetapkannya.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَضَى النَّبِيُّ ﷺ بِالْعُمْرَى أَنَّهَا لِمَنْ وُهِبَتْ لَهُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Nabi s.a.w. telah menetapkan dengan umraa bahawa umraa itu bagi orang yang telah diberikan kepadanya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Umpamanya seseorang berkata: *"Aku berikan ini kepadamu, selama engkau hidup."* Dan yang kedua: *"Jika aku mati sebelum engkau, maka barang itu untuk engkau."*

Tetapi jika seseorang berkata: *"Jika engkau mati sebelumku, kembalikan pemberian itu kepadaku."* Syarat ini tidak sah, kerana pemberian (hadiah) itu tetap menjadi hak milik orang yang telah diberi, dan bila ia meninggal jatuh menjadi hak milik ahli warisnya. Dinamakan pemberian itu dengan memberikan *ruqbaa,* kerana masing-masing mengintai mati yang lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَمْسِكُوْا عَلَيْكُمْ اَمْوَالَكُمْ وَلاَ تُفْسِدُوْهَا فَاِنَّهُ مَنْ اَعْمَرَ عُمْرَى فَهِيَ لِلَّذِيْ اَعْمَرَهَا حَيًّا وَمَيِّتًا وَلِعَقِبِهِ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Peganglah hartamu di tanganmu dan janganlah kamu rosakkan, kerana sesungguhnya sesiapa yang melakukan pemberian secara menentukan umur, maka pemberian itu bagi orang yang telah disebutkan umurnya, baik ketika ia masih hidup ataupun ketika ia telah mati, dan bagi orang yang ditinggalkannya (warisnya)."

(Riwayat Muslim).

Bila seseorang menyatakan: *"Ini hak engkau, selama kau hidup,"* maka barang itu dinamakan pinjaman selama hidup, sebab bila ia mati, hak itu dipulangkan kepada yang empunya. Yang begitu bukanlah dinamakan hibbah.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اِنَّمَا الْعُمْرَى الَّتِى اَجَازَهَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَنْ يَقُوْلَ هِيَ لَكَ وَلِعَقِبِكَ فَاَمَّا اِذَا قَالَ هِيَ لَكَ مَا عِشْتَ فَاِنَّهَا تَرْجِعُ اِلَى صَاحِبِهَا. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Sesungguhnya umraa yang dibolehkan oleh Rasulullah s.a.w. ialah bahawa seseorang berkata, 'Barang ini pemberian bagi engkau dan bagi ahli waris engkau,' maka apabila ia berkata, 'Pemberian itu bagi engkau selama engkau hidup.' Maka sesungguhnya pemberian itu kembali kepada yang empunya barang."

(Riwayat Muslim).

Bila ia menganggap, bahawa perkataan di atas itu sudah bererti pemberian, maka bererti ia meminta pemberiannya kembali, tidak ubahnya seperti anjing menjilat muntahnya. Oleh sebab itu Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَا تُرْقِبُوْا وَلَا تُعْمِرُوْا فَمَنْ أُرْقِبَ شَيْئًا اَوْ أُعْمِرَ شَيْئًا فَهُوَ لِوَرَثَتِهِ. رواه ابو داود والنسائى

Dari Jabir r.a. bersabda Rasulullah s.a.w.: "Janganlah kamu mengatakan ruqbaa, dan jangan pula kamu mengatakan umraa, maka sesiapa yang meruqbaakan sesuatu, atau mengumraakannya, maka barang yang di umraakan itu untuk ahli warisnya."

(Riwayat Abu Daud Dan Nasai).

BAB LUQATAH (Barang Terdapat)

1. ERTI LUQATAH

Luqatah ertinya sesuatu barang yang diperolehi, kerana jatuh dari tangan orang yang empunya dan yang mendapat itu tidak mengetahui siapa yang empunya.

Firman Allah s.w.t.:

فَالْتَقَطَهُ اٰلُ فِرْعَوْنَ* سورة القصص اية ٨

Maka keluarga Firaun mendapat peti itu.

(Surah Al-Qashash ayat 8).

Bila seseorang mendapat sesuatu barang di tengah jalan, bolehlah dia mengambilnya atau meninggalkannya, tetapi mengambilnya lebih baik dari meninggalkannya bila barang itu dapat dijaganya dengan baik. Sebab gunanya akan menolong saudaranya yang kehilangan itu supaya dijaga agar jangan diambil oleh orang yang tidak jujur.

Tetapi kalau tidak dapat menjaganya, umpamanya mungkin hilang atau tersia-sia, tidaklah sunat mengambilnya melainkan ada yang mengatakan haram.

2. WAJIB MEMBERITAHUKAN LUQATAH

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِّى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ

قَالَ: مَنْ آوَى ضَالَّةً فَهُوَ ضَالٌّ مَالَمْ يُعَرِّفْهَا. رواه مسلم وأحمد

Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanni r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang mengambil barang orang yang tercicir, maka dia dalam kesesatan selama belum diberitahukannya."

(Riwayat Muslim dan Ahmad).

Lama masa memberitahukan itu hanya setahun. Bila selama itu yang empunya tidak juga datang, bolehlah barang itu dimiliki dengan jaminan, ertinya bila datang yang empunya sesudah setahun wajiblah dikembalikan. Dan kalau barang itu rosak atau hilang wajib diganti.

Keterangan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِّى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ اِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَسَأَلَهُ عَنِ اللُّقَطَةِ فَقَالَ: اَعْرِفْ عِصَافَهَا وَوِكَاءَهَا ثُمَّ عَرِّفْهَا سَنَةً فَاِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا وَاِنْ لاَ فَشَأْنُكَ بِهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanni r.a. ia berkata: Pernah seorang laki-laki datang kepada Nabi s.a.w. lalu ia bertanya tentang barang yang tercicir, lantas beliau menjawab: "Perhatikan bungkusan dan ikatannya (kalau barang itu dibungkus atau diikat), kemudian beritahukanlah selama setahun, barangkali datang orang yang empunya. Dan jika ia tidak juga datang, maka urusan engkaulah barang itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Cara memberitahukannya di saat sekarang ini, cukup menyebutkan nama benda itu saja, dan didapati di sana. Kalau ada yang minta, baru tanyakan apa tandanya, sebab manusia sekarang ini banyak dusta.

Keterangan lain:

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِّى اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ سُئِلَ عَنْ لُقَطَةِ

الذَّهَبِ وَالْوَرِقِ فَقَالَ: أَعْرِفْ وِكَائَهَا وَعِصَافَهَا ثُمَّ عَرِّفْهَا سَنَةً فَإِنْ لَمْ تَعْرِفْ صَاحِبَهَا فَاسْتَنْفِقْهَا وَلْتَكُنْ وَدِيْعَةً عِنْدَكَ فَإِنْ جَاءَ طَالِبُهَا يَوْمًا مِنَ الدَّهْرِ فَأَدِّهَا إِلَيْهِ. رواه مسلم

Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanni r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah ditanya tentang luqatah emas dan perak, lalu beliau jawab: "Perhatikanlah bungkusannya dan ikatannya, kemudian beritahukanlah selama setahun, jika tidak engkau ketahui yang empunya, belanjakanlah barang itu dan hendaklah barang itu dipandang sebagai pertaruhan pada engkau. Maka apabila datang orang yang meminta pada suatu hari sesudah masa memberitahukan itu, berikanlah kepadanya."

(Riwayat Muslim).

3. MACAM-MACAM BARANG YANG DIDAPATI

Barang yang didapati ada empat macam:

Pertama: Barang kemas yang dapat disimpan lama, umpamanya emas, perak dan sebagainya. Sebagaimana keterangan di atas itu.

Kedua: Barang yang tidak dapat disimpan lama, umpamanya makanan, tepung, buah-buahan dan sebagainya. Barang yang seperti ini boleh dimakan atau dijual supaya jangan rosak. Bila datang orang yang empunya, wajib mengembalikan wangnya atau qimatnya.

Keterangan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَرَّ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِتَمَرٍ فِى الطَّرِيْقِ فَقَالَ لَوْلاَ أَنِّى اَخَافُ اَنْ تَكُوْنَ مِنَ الصَّدَقَةِ لَأَكَلْتُهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: Pernah Rasulullah berlalu dan bertemu dengan sebuah tamar di tengah jalan, lalu beliau bersabda: "Kalau tidaklah aku khuatir, bahawa tamar itu sebahagian dari sedekah orang, nescaya aku makan tamar itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Barang-barang yang memerlukan perawatan. Seperti padi harus dikeringkan dan ditumbuk. Atau kulit perlu disamak dan lain-lain.

Keempat: Barang-barang yang memerlukan perbelanjaan. Seperti binatang ternak, unta, sapi, kuda, kambing dan lain-lain. Pada hakikatnya binatang-binatang ini bukan dinamakan luqatah melainkan *dhalalah,* ertinya binatang sesat, lalu ditangkap orang. Sebab yang dimaksudkan dengan dapat itu ialah barang tercicir (barang mati). Adapun binatang-binatang yang didapati itu ada dua jenis pula: Pertama, binatang yang kuat, yang dapat memelihara dirinya dari binatang buas, umpamanya unta, kerbau, kuda dan lain-lain, iaitu dengan melawan atau lari. Kedua binatang-binatang yang tidak dapat menjaga dirinya dari binatang buas, umpamanya kambing, anak sapi dan lain-lain.

Binatang-binatang yang dapat memelihara dirinya dari binatang buas, boleh diambil untuk dijaga saja, kemudian diserahkan kepada hakim, maka lepaslah yang mengambil dari tanggung-jawab. Binatang-binatang yang tidak dapat menjaga dirinya, boleh diambil untuk dimiliki, misalnya disembelih atau dijual. Jika datang orang empunya, wajib dikembalikan kimatnya atau wangnya.

Keterangan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِّى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَجُلاً سَئَلَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ فَضَالَّةُ الْغَنَمِ. قَالَ: خُذْهَا فَإِنَّمَا هِيَ لَكَ اَوْ لِأَخِيْكَ اَوْ لِلذِّئْبِ قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فَضَالَّةُ الْإِبِلِ قَالَ: مَا لَكَ وَلَهَا مَعَهَا سِقَاءُهَا وَحِذَائُهَا تَرِدُ الْمَاءَ وَتَأْكُلُ الشَّجَرَ حَتَّى يَلْقَاهَا رَبُّهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanni r.a. bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: "Ya Rasulullah! Bagaimana sebaiknya kambing yang sesat?" Beliau menjawab: "Ambillah, kerana dia boleh untuk engkau, atau saudara engkau, atau buat serigala (kalau engkau tinggalkan)." Ia bertanya lagi: "Lalu bagaimana pula unta yang sesat?" Beliau menjawab: "Tidak boleh engkau miliki, kerana dia dapat memiliki dirinya sendiri dapat mencari semuanya, dan

makanannya. Ia cari air dan ia sanggup memakan buah-buahan hingga dijumpai oleh yang empunya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ertinya, unta itu tidak boleh engkau miliki, sebab dia sanggup mencari makan sendiri dan minum sendiri, dan ia dapat melawan binatang buas. Dalam riwayat Muslim dinyatakan pula "biarkanlah dia."

4. TEMPAT DAN CARA-CARA MEMBERITAHU

Tempat memberitahu barang yang seperti itu boleh di sebarang tempat yang dapat diketahui oleh umum, umpamanya di pasar-pasar, di masjid-masjid, di sekolah-sekolah dan sebagainya. Sedang cara memberitahu itu tidak perlu setiap hari sampai setahun, tetapi cukuplah dua kali seminggu, atau satu kali, kemudian sekali sebulan atau dua kali sampai setahun.

Berlain-lain waktu memberitahukan itu kerana berlain-lain yang didapati. Jika barang yang didapati itu sampai harganya 10 dirham atau lebih, hendaklah masa memberitahukan selama setahun. Kalau kurang harganya dari yang tersebut di atas, boleh diberitahukan selama tiga atau enam hari. Umpamanya mendapat wang $1 atau 50 sen dan sebagainya. Sebagaimana keterangan menyatakan:

عَنْ يَعْلَى بْنِ مُرَّةَ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنِ الْتَقَطَ لُقَطَةً يَسِيْرَةً حَبْلاً اَوْ دِرْهَمًا اَوْ شِبْهَ ذٰلِكَ فَلْيُعَرِّفْهَا ثَلاَثَةَ أَيَّامٍ فَإِنْ كَانَ فَوْقَ ذٰلِكَ فَلْيُعَرِّفْهَا سِتَّةَ اَيَّامٍ فَإِنْ جَاءَ صَاحِبُهَا وَإِلاَّ فَلْيَتَصَدَّقْ بِهَا.

رواه احمد والطبرانى بسند حسن

Dari Ya'la bin Murrah ia berkata, bersabda Rasulullah: "Sesiapa yang memungut suatu barang tercicir yang sedikit, misalnya seutas tali atau satu dirham, atau yang sama dengan itu, maka hendaklah ia beritahukan selama tiga hari. Jika lebih dari itu, maka hendaklah ia beritahukan enam hari, barangkali datang yang empunya, dan jika tidak datang, hendaklah ia sedekahkan saja barang yang didapatinya itu."

(Riwayat Ahmad dan Tabrani).

Keterangan lain menyatakan, bahawa barang yang seperti tersebut di atas itu tidak perlu diberitahukan lagi.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَخَّصَ لَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِي الْعَصَا وَالسَّوْطِ وَالْحَبْلِ وَاَشْبَاهِهِ يَلْتَقِطُهُ الرَّجُلُ يَنْتَفِعُ بِهِ.

رواه احمد وابو داود

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Telah dibolehkan bagi kami oleh Rasulullah s.a.w., pada tongkat, cambuk, tali dan sebagainya yang dipungut oleh seorang lelaki untuk dipergunakan."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

5. BOLEH MEMERAH TERNAKAN ORANG LAIN KALAU TERPAKSA, BILA TERDAPAT DI SESUATU TEMPAT

Bila seseorang dalam keadaan darurat berjalan, lalu bertemu dengan binatang ternak di suatu tempat, boleh ia memerah susu binatang ternakan itu dengan syarat:

1. Minta izin kepada yang empunya kalau yang empunya ada di tempat itu.
2. Kalau yang empunya tidak kelihatan, hendaklah bersuara tiga kali untuk memberitahukan kepada yang empunya.
3. Kalau tidak ada juga barulah minum sekadar menghilangkan haus.
4. Jangan disimpan sesudah diminum.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِذَا اَتَى اَحَدُكُمْ عَلَى مَاشِيَةٍ فَاِنْ كَانَ فِيْهَا صَاحِبُهَا فَلْيَسْتَأْذِنْهُ فَاِنْ أُذِنَ لَهُ فَلْيَحْتَلِبْ وَلْيَشْرَبْ وَلَا يَحْمِلْ وَاِنْ لَمْ يَكُنْ فِيْهَا اَحَدٌ فَلْيُصَوِّتْ ثَلَاثًا فَاِنْ اَجَابَهُ اَحَدٌ فَلْيَسْتَأْذِنْهُ وَاِلَّا فَلْيَحْتَلِبْ

فَلْيَشْرَبْ وَلاَ يَحْمِلْ. رواه الترمذى

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apabila seseorang menjumpai seekor binatang ternakan, jika ada padanya orang yang empunya, mintalah izin kepadanya, apabila telah diizinkannya boleh diperah dan boleh diminum susunya dan tidak boleh dibawa. Jika tidak ada padaya seseorang juga, hendaklah ia bersuara tiga kali, jika dijawab orang, maka mintalah izin kepadanya, dan jika tidak ada yang menjawab, maka boleh diperahnya dan diminumnya tapi tidak boleh dibawanya."

(Riwayat Tirmizi).

Kejadian ini mungkin bagi musafir yang berjalan jauh melalui tanah padang, atau pemburu yang kehausan di tempat pemburuan dan sebagainya, sedangkan yang lain tidak ada yang akan dapat melepaskan dahaganya.

6. ANAK PUNGUT

Anak pungut maksudnya tiap-tiap anak yang tersia-sia yang tidak ada orang yang mengakuinya atau menjamin hidupnya, atau diberikan orang terang-terangan, kemudian anak itu diambil oleh seseorang. Anak itu dinamakan anak dapat atau anak pungut.

Menurut ajaran Islam, memungut anak yang tersia-sia itu fardu kifayah hukumnya, untuk menjaga jiwa yang dihormati, iaitu jiwa insaniah dan kecelakaan. Setelah diambil, wajib dipersaksikan kepada orang ramai. Maksudnya supaya anak itu jangan diperhambakan oleh orang yang mendapatkannya itu.

Bila yang mendapati itu orang yang sudah mukalaf, merdeka, Islam lagi waras otaknya, tetaplah anak pungut itu di bawah tanggungjawabnya. Akan tetapi kalau anak kecil yang memungut atau orang fasik, wajib dicabut dari tangannya, sebab mereka tidak akan dapat berbuat sebagaimana mestinya. Bila anak itu diperolehi di negeri Islam, sedang dalam negeri ia ada kafir *zimmi*, atau didapati dalam negeri yang sudah ditaklukkan oleh Islam, tetapi diduduki juga oleh orang kafir sebab perdamaian, anak itu dihukumkan Islam. Dan jika anak itu dipungut di negeri kafir, sedang di dalamnya tidak ada seorang juga orang Islam, anak itu dihukumkan kafir.

Adapun anak kecil yang dihukumkan Islam, dipandang dari dua segi. Salah satu ialah sebab kelahirannya.

Apabila bapanya Islam ketika ia masih dalam kandungan (dua) bulan atau kurang, maka anak itu hukumnya Islam. Kedua, bila

orang Islam menawan anak kecil, maka anak kecil itu dihukumkan juga Islam, jika tidak ada berserta dua orang ibu bapanya.

Anak-anak yang salah seorang orang tuanya Islam, ketika di zaman alaqah (masih berdarah) maka anak itu dihukum murtad, kalau ia memakai sifat kafir ketika ia telah baligh.

Akan tetapi kalau kedua ibu bapanya itu kafir, ketika ia masih alaqah kemudian Islam salah seorang, maka anak itu dihukumkan Islam, kerana dibangsakan kepada yang Islam itu.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِيْنَ اٰمَنُوْا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِاِيْمَانٍ اَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ*

سورة الطور اية ٢١

Dan orang-orang yang beriman kepada mereka mengikut anak-anak cucu mereka dengan beriman pula, kami bangsakanlah kepada mereka anak cucu mereka.

(Surah At-Thur ayat 21).

7. LUQATAH DI NEGERI MEKAH DAN ORANG HAJI

Luqatah di negeri Mekah dan Luqatah orang-orang haji tidaklah halal mengambilnya, kecuali untuk diberitahukan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ فِي خُطْبَتِهِ فِي فَتْحِ مَكَّةَ: وَلاَ تَحِلُّ لُقَطَتُهَا اِلاَّ لِمُنْشِدٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. sesungguhnya beliau bersabda di dalam khutbahnya ketika negeri Mekah direbut: "Dan tidaklah halal luqathahnya, kecuali untuk diberitahukan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ عُثْمَانَ التَّيْمِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ

اللهِ ﷺ نَهَى عَنْ لُقَطَةِ الْحَاجِّ. رواه مسلم

Dari Abdul Rahman bin Usman At-Taimi r.a., bahawa Raulullah s.a.w. telah melarang memungut luqatah orang haji.

(Riwayat Muslim).

8. HUKUM MEMILIKI LUQATAH JIKA YANG EMPUNYA TIDAK JUGA DATANG

Barang yang didapati setelah diberitahukan, tetapi tidak juga ada orang yang memintanya, maka barang itu adalah menjadi hak Allah s.w.t.

Dalam pengertiannya, bahawa barang itu boleh disedekahkan saja, atau dimiliki.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عِيَاضِ بْنِ حِمَارٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ وَجَدَ لُقَطَةً فَلْيَشْهَدْ ذَوَى عَدْلٍ وَلْيَحْفَظْ عِصَافَهَا وَوِكَائَهَا ثُمَّ لاَ يُكْتَمُ وَلاَ يُغَيَّبُ فَإِنْ جَاءَ رَبُّهَا فَهُوَ اَحَقُّ بِهَا وَإِلاَّ فَهُوَ مَالُ اللهِ يُؤْتِيْهِ مَنْ يَشَاءُ. رواه الامام أحمد والأربعة

Dari Iyadh bin Himar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang mendapat barang tercicir maka hendaklah saksikan kepada orang-orang yang dipandang adil, jaga ikatannya dan bungkusannya (kalau ada bungkus). Kemudian ia tidak boleh menyembunyikan dan tidak boleh pula menghilangkannya. Bila yang empunya datang meminta, maka ia lebih berhak dengan dia. Kalau tidak, maka barang itu adalah hak Allah, diberikannya kepada orang yang dikehendakinya."

(Riwayat Imam Ahmad dan Al-Arba'ah).

BAB JA'ALAH (Penawaran)

1. ERTI JA'ALAH

Ja'alah, ialah bahawa seseorang berkata, umpamanya: *"Sesiapa yang boleh menemukan barang saya yang hilang, akan saya*

beri hadiah sekian ringgit" atau:*"Carikanlah barang saya yang hilang, jika dapat, engkau akan saya beri hadiah sekian ringgit."*

Boleh juga diertikan ja'alah itu ialah sesuatu yang mesti diberikan sebagai ganti sesuatu pekerjaan, dan padanya terkandung suatu jaminan walaupun jaminan itu tidak dinyatakan. Atau dinamakan juga upah mencari barang yang hilang, atau *"penawaran"*

Syarat Ja'alah:

Pertama: Kalimat (lafaz) yang menunjukkan izin atas pekerjaan, yang merupakan syarat atau tuntutan, dengan tukaran yang menentukan. Bila seseorang mengerjakan perbuatan, tetapi tidak seizin orang yang mesti menyuruh (yang empunya barang), maka tidaklah ada baginya sesuatu juga, andaikata barang itu didapati olehnya.

Kedua: Keadaan ja'alah itu hendaklah ditentukan, wang atau barang, sebelum seseorang mengerjakan pekerjaan itu.

2. UPAH PENGUBATAN

Diserupakan (dibandingkan) juga dengan contoh di atas ialah bila seseorang berkata: "Sesiapa yang dapat mengubati penyakitku hingga sembuh, maka dia akan kuberi hadiah sebanyak sekian ringgit." Yang mula-mula melakukan begini ialah Abu Said Al Khudri, ketika hendak mengubati seseorang yang disengat kala.

Keterangan:

عَنْ اَبِى سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِيْمَنْ لُدِغَ بِحَيٍّ مِنْ اَحْيَاءِ الْعَرَبِ قَالَ: اِنِّى وَاللهِ لَرَاقٍ وَلٰكِنْ وَاللهِ لَقَدِ اسْتَضَفْنَاكُمْ فَلَمْ تُضَيِّفُوْنَا فَمَا اَنَا بِرَاقٍ لَكُمْ حَتّٰى تَجْعَلُوْا لَنَا جُعْلاً فَصَالَحُوْهُمْ عَلَى قَطِيْعٍ مِنَ الْغَنَمِ فَانْطَلَقَ فَجَعَلَ يَتْفُلُ عَلَيْهِ وَيَقْرَأُ ''اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ'' فَكَأَنَّمَا نُشِطَ مِنْ عِقَالٍ - وَسَاقَ الْحَدِيْثَ - فَقَدِمُوْا عَلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَذَكَرُوْا لَهُ فَقَالَ: وَمَا يُدْرِيْكَ اَنَّهَا رُقْيَةٌ اَصَبْتُمْ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Said Al-Khudri r.a. tentang orang disengat kala pada suatu kaum dari kaum Arab, ia berkata: "Demi Allah sesungguhnya aku sanggup mengubatinya tetapi demi Allah, sesungguhnya kami meminta makanan kepadamu, jika kamu tidak mahu menjamu kami, aku tidak akan mengubati kamu hingga kamu janjikan untuk kami suatu hadiah," lalu mereka janjikan 30 ekor biri-biri, maka berjalanlah ia, lalu dicubanya mengubati yang digigit kala itu, dan dibacanya Al-Fatihah (dari awal sampai akhir), lalu yang sakit itu seolah-olah terlepas dari ikatan (sembuh). Hadis selanjutnya – kemudian mereka datang kepada Rasulullah s.a.w. lantas menceritakan kepada beliau, dan bersabdalah Rasulullah s.a.w.: Di mana engkau tahu, bahawa Al-Fatihah itu ubat? Betul perbuatanmu!"

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB WADIAH

1. ERTI WADIAH DAN SYARAT-SYARATNYA

Wadiah, ertinya barang yang diserahkan (diamanatkan) kepada seseorang supaya barang itu dijaga dengan baik. Jadi barang wadiah itu bererti barang amanat yang harus dikembalikan kepada orang yang empunyanya, bila ia datang meminta.

Firman Allah s.w.t.:

اِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ اَنْ تُؤَدُّوا الْأَمٰنٰتِ اِلٰى اَهْلِهَا*

سورة النساء اية ٥٧

Sesungguhnya Allah menyuruhmu, supaya amanat itu diserahkan kepada orang yang berhak menerimanya (yang empunya).

(Surah An-Nisa' ayat 57).

Disyaratkan orang yang memberikan amanat dan yang menerimanya, sebagai berikut:

Pertama: Keduanya mutlak tasarruf, ertinya orang yang berhak berkuasa dalam menyerahkan dan menerima wadiah.

Kedua: Lafaz wadiah, iaitu: "Aku pertaruhkan kepada engkau barangku ini," atau: "Aku minta engkau supaya menjaga barangku ini."

Ketiga: Kabul, iaitu: "Aku terima barang amanat engkau."

Jika yang memberikan amanat itu masih kanak-kanak, tidak boleh seseorang menerimanya, kalau diterima juga, ia harus men-

jaga harta itu sampai dikembalikan kepada walinya. Sebaliknya kalau menaruh barang kepada anak kecil, kemudian hilang barang itu, tidaklah wajib anak itu mengganti, sebab hal itu adalah kesalahan yang empunya sendiri.

2. ORANG YANG MEMEGANG BARANG AMANAT TIDAK WAJIB MENGGANTI

Seseorang yang menerima barang amanat itu, kemudian hilang barang itu, dengan tidak disia-siakan, tidak wajib atasnya menggantí, sebab dia adalah *yadul amanah,* ertinya tangan kepercayaan bagi orang yang bertaruh.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ اَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ أُوْدِعَ وَدِيْعَةً فَلَيْسَ عَلَيْهِ ضَمَانٌ.

رواه ابن ماجة بسند ضعيف

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa diserahkan suatu pertaruhan, maka tidaklah wajib atasnya menganti."

(Riwayat Ibnu Majah).

3. WAJIB MEMULANGKAN AMANAT KEPADA YANG EMPUNYA

Sabda Rasulullah pula:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَدِّ الْأَمَانَةَ اِلَى مَنِ ائْتَمَنَكَ وَلاَ تَخُنْ مَنْ خَانَكَ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Bayarkanlah amanat itu kepada orang yang telah bertaruhan kepada engkau, dan janganlah engkau berkhianat pada sesuatu yang dipertaruhkan orang kepada engkau."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

BAB WASIAT

1. ERTI WASIAT

Wasiat, ertinya pesan atau satu kebajikan yang harus disampaikan sesudah seseorang meninggal dunia. Wasiat itu sunat hukumnya bagi tiap-tiap orang, sebab kita manusia sentiasa ada di dalam kekuasaan Tuhan, dan tidaklah seorang juga mengetahui, bila ia akan meninggal. Dalam hal ini, membayar hutang harus didahulukan sebelum wasiat dilaksanakan.

Firman Allah s.w.t.:

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوْصِيْ بِهَآ اَوْ دَيْنٍ* سورة النساء اية ١١

Harta pusaka itu dibahagikan. "Sesudah wasiat yang telah diwasiatkan oleh seseorang atau sesudah hutang dibayar."

(Surah An Nisa' ayat 11).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَا حَقُّ امْرِءٍ مُسْلِمٍ لَهُ شَيْءٌ يُرِيْدُ اَنْ يُوْصِيَ فِيْهِ يَبِيْتُ لَيْلَتَيْنِ اِلاَّ وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوْبَةٌ عِنْدَهُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Tidaklah yang menjadi hak orang Islam, yang ada padanya sesuatu yang hendak diwasiatkannya, dan ia akan bermalam dua malam, melainkan hendaklah wasiatnya itu dituliskan di dekatnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. RUKUN DAN SYARAT WASIAT

Rukun wasiat itu ada empat macam:

Pertama: *Mushi* orang yang berwasiat.

Kedua: *Musha lah* tempat berwasiat.

Ketiga: *Musha bih* yang diwasiatkan.

Keempat: Lafaz wasiat. Umpama: *"Kalau aku mati nanti, aku wasiatkan barangku itu untuk memperbaiki masjid,"* atau: *"Kalau aku mati, tolong bayarkan hutangku kepada si anu sebanyak sekian ringgit,"* dan lain-lain.

Syarat-syarat sah berwasiat, adalah sebagai berikut:

Pertama: Yang berwasiat itu mukallaf, merdeka, serta dengan kemahuan sendiri, walaupun ia bodoh atau kafir. Tidaklah sah wasiat dari anak-anak, orang gila dan orang yang terpaksa.

Kedua: Tempat ditunaikan wasiat itu dihalalkan (dibolehkan) dalam agama Islam, ertinya bukan maksiat, seperti untuk membangun masjid, madrasah dan lain-lainnya. Tidaklah sah berwasiat ke tempat-tempat yang diharamkan oleh agama Islam, seperti ke gereja, rumah-rumah berhala, tempat judi dan lain-lainnya.

Ketiga: Orang yang diberi wasiat itu jelas ada dan ahli milik ketika berwasiat itu. Tidaklah sah wasiat orang Islam kepada orang kafir, wasiat kepada mayat atau binatang ternak, sebab semuanya itu tidak ahli milik ketika berwasiat itu.

Keempat: Wasiat itu jangan lebih dari sepertiga harta orang yang berwasiat. Bila ada seseorang berwasiat lebih dari sepertiga hartanya, yang sah hanya yang sepertiga itu, sedang selebihnya adalah hak waris.

Keterangan:

عَنْ سَعْدِ بْنِ اَبِى وَقَّاصٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ فِى مَرَضِهِ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّ لِيْ مَالاً كَثِيْرًا وَلاَ يَرِثُنِى اِلاَّ ابْنَتِى أَفَأُوْصِيْ بِمَالِيْ كُلِّهِ قَالَ: لاَ، قُلْتُ: فَثُلُثَىْ مَالِيْ قَالَ: لاَ، قُلْتُ: فَالشَّطْرَ قَالَ: لاَ قُلْتُ: فَالثُّلُثَ وَالثُّلُثُ كَثِيْرٌ إِنَّكَ اَنْ تَدَعَ وَرَثَتَكَ أَغْنِيَاءَ خَيْرٌ مِنْ أَنْ تَدَعَهُمْ عَالَةً يَتَكَفَّفُوْنَ النَّاسَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Saad bin Abu Waqash r.a. bahawa ia pernah berkata dalam sakitnya: "Ya Rasulullah, sesungguhnya hartaku banyak dan tidak ada yang akan mewarisi harta itu selain seorang anakku yang perempuan, bolehkah aku wasiatkan hartaku itu semuanya?" Rasulullah menjawab: "Jangan!" Dia bertanya lagi: "Kalau dua pertiganya bagaimana?" Beliau menjawab: "Jangan!" Aku bertanya lagi: "Bagaimana kalau seperdua." Beliau menjawab: "Jangan!" Aku bertanya lagi: "Kalau sepertiganya?" Rasulullah menjawab: "Ya, boleh dan sepertiga itu telah banyak. Sesungguhnya apabila engkau ting-

galkan ahli waris engkau itu kaya lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka dalam kemiskinan, meminta-minta kepada manusia."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. ISI WASIAT TIDAK BOLEH MERUGIKAN AHLI WARIS

Seseorang yang berwasiat lebih dari sepertiga hartanya, bererti ia telah mengambil hak ahli warisnya, hal itu dilarang dalam agama.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ الـرَّجُـلَ لَيَعْمَلَ اَوِ الْمَرْأَةَ بِطَاعَةِ اللهِ تَعَالَى سِتِّيْنَ سَنَةً ثُمَّ يَحْضُرُهُمَا الْمَوْتُ فَيُضَارَّانِ فِى الْوَصِيَّةِ فَتَجِبُ لَهُمَا النَّارُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesungguhnya lelaki atau perempuan yang hendak beramal dengan mentaati Allah Taala selama enam puluh tahun, kemudian ketika datang ajalnya, lalu keduanya membuat kemelaratan dalam wasiat (mewasiatkan hak ahli waris) wajiblah neraka bagi keduanya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

4. TIDAK SAH BERWASIAT UNTUK AHLI WARIS

Ahli waris, misalnya anak, ibu, bapa dan lain-lain, tidak guna diwasiatkan untuknya, sebab mereka akan menerima juga bahagiannya masing-masing menurut ketentuan hukum yang telah ditetapkan, walaupun dengan tidak diamanatkan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى خُطْبَتِهِ عَامَ حَجَّةِ الْوَدَاعِ: إِنَّ اللهَ قَدْ أَعْطَى لِكُلِّ ذِى حَقٍّ

حَقَّهُ فَلَا وَصِيَّةَ لِوَارِثٍ اَلْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللهِ. رواه الترمذى بسند صحيح

*Dari Abu Umamah r.a. ia berkata: Telah **bersabda Rasulullah** s.a.w. dalam ceramahnya di tahun Haji wadak: "**Sesungguhnya Allah telah memberikan tiap-tiap orang empunya hak akan haknya, oleh sebab itu tidak** boleh berwasiat untuk ahli **waris. Anak zina itu** semata-mata hak ibunya dan bagi orang yang berzina **ada halangan** (tidak ada hubungan apa-apa) dan perhitungan mereka terserah kepada Allah."*

(Riwayat Tirmizi).

Mengenai hadis Abu Umamah ini, pengarang Subulassalam menyatakan, bahawa Imam Syafii telah menjazamkan (meyakinkan) di dalam kitab Al-Umm, bahawa matan hadis ini adalah mutawatir. Lantaran itu Syafii berkata: "*Sesungguhnya hadis ini telah diriwayatkan oleh segolongan umat dari golongan yang ramai. Oleh sebab itu tentu saja lebih kuat dari riwayat perorangan.*" Seterusnya pengarang mengatakan bahawa yang lebih mendekati faham (akrab), ialah wajib beramal dengan hadis ini, kerana berbilang sanadnya dan telah pula dikuatkan oleh Syafii. Sekalipun dalam perkara mutawatirnya hadis ini jelas dan tetap ada. oleh sebab itu hadis ini telah dibantah oleh Fahrur Razi. Tetapi tidak mengapa, kerana hadis ini jelas dan tetap ada. Oleh itu hadis ini telah diterima dengan wajar oleh umat Islam sebagai yang telah dikenal.

(Demikian Subulussalam).

5. BOLEH WASIAT KEPADA KERABAT KARIB SELAIN AHLI WARIS

Firman Allah s.w.t.:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِيْنَ بِالْمَعْرُوْفِ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِيْنَ*

سورة البقرة اية ١٨٠

Diwajibkan atasmu bila seseorang kamu hampir meninggal dunia, kalau ada meninggalkan harta benda, agar berwasiat bagi dua orang

ibu bapa dan kerabat karib menurut yang sebaik-baiknya. Itu adalah hak atas orang-orang yang bertakwa kepada Allah."

(Surah Al-Baqarah ayat 180).

Menurut fatwa Ibnu Abbas tentang ayat ini, bahawa wajibnya wasiat itu kepada orang-orang yang berhak mewarisi (ahli waris) si-mayat, telah dimansuhkan. Tetapi masih tetap tinggal hak wasiat itu bagi orang-orang yang bukan ahli waris. Sependapat dengan Ibnu Abbas, ialah Hasan, Masruq, Thaus, Dhuhak dan Muslim bin Yasar.

Yang menjadi alasan bagi mereka, bahawa hukum ayat wajib wasiat kepada ibu bapa dan kerabat karib yang mewarisi itu telah dimansuhkan oleh ayat-ayat miras (ayat-ayat harta pusaka dan ahli waris) dan hadis tersebut di atas. Sekalipun demikian wajib wasiat yang dimaksudkan ayat itu, masih tetap tinggal kerabat karib yang tidak akan mewarisi.

Berdasarkan pendapat ini dapat pula ditarik kesimpulan, bahawa hukum memansuhkan di sini hanya mengenai sebahagian hukum ayat.

BAB FARAIDH
(Perwarisan)

1. ERTI FARAIDH

Faraidh, ertinya bahagian atau qadar. Menurut istilah syarak bererti bahagian yang ditentukan dari harta benda yang akan dipusakai.

Ilmu faraidh ini dikenal juga dengan nama ilmu untuk memahami pembahagian harta pusaka, ilmu hitung yang dapat dipergunakan untuk mengetahui ketentuan-ketentuan tiap-tiap orang yang mempunyai hak pada tirkah (harta benda yang ditinggalkan si mayat).

Firman Allah s.w.t.:

لِلرِّجَالِ نَصِيْبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُوْنَ وَلِلنِّسَآءِ نَصِيْبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُوْنَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ اَوْ كَثُرَ نَصِيْبًا مَّفْرُوْضًا*

سورة النساء اية ٧

Bagi laki-laki ada bahagian pada barang yang ditinggalkan ibu bapa dan kerabat-kerabat dan bagi perempuan ada pula bahagian pada yang ditinggalkan ibu bapa dan kerabat-kerabat, sedikit atau banyak menurut pembahagian yang ditentukan.

(Surah An-Nisa' ayat 7).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّـاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
اَقْسِمُوْا الْمَالَ بَيْنَ اَهْلِ الْفَرَائِضِ عَلَى كِتَابِ اللهِ تَعَالَى.

رواه مسلم وابو داود

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bahagi-bahagilah harta benda antara ahli faraidh, menurut kitab Allah."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

2. YANG BERSANGKUTAN DENGAN PENINGGALAN MAYAT

Yang bersangkutan dengan tirkah mayat ada lima perkara:

Pertama: Hak yang bersangkutan dengan barang yang ditinggalkan, seperti zakatnya belum dikeluarkan, jinayat (imbuhnya) andaikata ia ada membunuh orang Islam, barang-barang yang digadaikan kepadanya dan lain-lain.

Kedua: Belanja pengusungan jenazahnya ke kuburan menurut yang pantas dan sederhana.

Ketiga: Hutang-piutang yang ada dalam pengakuannya.

Keempat: Wasiatnya, kalau ia meninggalkan wasiat sebanyak-banyaknya sepertiga harta atau kurang.

Kelima: Harta yang akan dibahagi-bahagikan untuk ahli waris.

Sebelum tirkahnya itu dibahagi-bahagikan kepada ahli warisnya, wajiblah lebih dahulu diselesaikan hak yang bersangkutan dengan tirkah itu, mulai dari yang pertama sampai yang keempat, dan bakinya itulah yang akan dibahagi-bahagikan oleh ahli waris.

Berhubung dengan waris ini ada beberapa hal yang harus diketahui. Di antaranya rukun, syarat, sebab dan hal-hal yang menghalangi jadi waris.

3. RUKUN, SYARAT DAN SEBAB-SEBAB MENJADI AHLI WARIS

Rukun, syarat dan sebab yang dapat menjadikan seseorang itu termasuk ahli waris adalah sebagai berikut:

Rukun-rukun waris:

1. Ada waris (ahli waris).
2. Ada yang diwarisi.
3. Ada hak yang diwarisi.

Syarat-syarat waris:

1. Nyata hidup orang yang bakal mewarisi.
2. Nyata mati orang yang diwarisi.
3. Mengetahui hubugnan segala ahli waris.

Sebab-sebab jadi ahli waris.

1. Nikah/kahwain.
2. Keturunan.
3. Wilak, ertinya kemerdekaan yang diberikan kepada hamba yang dimiliki.

Bila sebab yang tiga ini tidak ada, maka harta si mayat itu harus diberikan *ke baitul-mal* (balai harta peninggalan).

4. YANG MENGHALANGI MENJADI AHLI WARIS

Yang menghalangi seseorang untuk dapat jadi waris ialah:

Pertama: Membunuh; orang yang membunuh tidak dapat mewarisi orang yang dibunuhnya, walau bapanya sekalipun.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْقَاتِلُ لَا يَرِثُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند ضعيف

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Orang yang membunuh tidak dapat mewarisi."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Kedua: Berlainan agama, umpamanya Islam dan bukan Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلاَ يَرِثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Usamah bin Zaid r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak boleh orang Islam mewarisi orang kafir, dan tidak pula orang kafir mewarisi orang Islam."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Rasulullah pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَتَوَارَثُ اَهْلُ مِلَّتَيْنِ شَتَّى.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Abdullah Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak dapat waris-mewarisi orang-orang yang berlainan agama."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Hal ini mengenai orang-orang yang memeluk agama apa saja, asal berlainan agama, yang seorang tidak dapat mempusakai yang lain, umpamanya yang seorang Yahudi dan yang seorang lagi Nasrani, apalagi yang satu Islam sedang yang lain kafir.

Ketiga: Hamba abdi, sebab hamba abdi itu belum ada hubungannya dengan tuannya, sebelum dimerdekakan. Selama ia masih hamba abdi selama itu pula ia belum dapat berkuasa atas harta bendanya.

Firman Allah s.w.t.:

ضَرَبَ اللهُ مَثَلاً عَبْدًا مَّمْلُوْكًا لاَ يَقْدِرُ عَلٰى شَيْءٍ*

سورة النحل اية ٧٥

Allah telah memperlihatkan satu contoh, iaitu hamba yang dimiliki tidak berkuasa di atas sesuatu juga.

(Surah An-Nahl ayat 75).

5. AHLI WARIS DARI PIHAK LAKI-LAKI DAN PIHAK PEREMPUAN

Orang-orang yang dapat mewarisi seseorang yang telah meninggal dunia berjumlah 25 orang, 15 orang dari pihak laki-laki dan 10 orang dari pihak wanita. Kedua puluh lima orang inilah yang disebut ahli waris, yang akan mendapat harta pusaka peninggalan si mayat secara berurutan menurut ketentuan hukum yang telah digariskan dalam kitab Allah dan Sunah Rasulullah.

Ahli waris bagi pihak laki-laki:

1. Anak laki-laki.
2. Anak laki-laki dari anak laki-laki (cucu laki-laki).
3. Bapa.
4. Datuk.
5. Saudara laki-laki seibu sebapa (saudara kandung).
6. Saudara sebapa, yang laki-laki.
7. Saudara seibu, yang laki-laki.
8. Anak laki-laki dari saudara laki-laki yang seibu sebapa.
9. Anak laki-laki dari saudara laki-laki yang sebapa.
10. Pak cik yang seibu sebapa dengan bapa.
11. Pak cik yang sebapa dengan bapa.
12. Anak laki-laki dari pak cik yang seibu sebapa.
13. Anak laki-laki dari pak cik yang sebapa dengan bapa.
14. Suami.
15. Orang yang memerdekakan hamba (bekas penghulunya).

Ahli waris bagi pihak perempuan:

1. Anak perempuan.
2. Anak perempuan dari anak laki-laki.
3. Ibu.
4. Nenek dari pihak ibu.
5. Nenek dari pihak bapa.
6. Saudara perempuan seibu sebapa.
7. Saudara perempuan yang sebapa.
8. Saudara perempuan yang seibu.
9. Isteri.
10. Perempuan yang memerdekakan hamba.

6. KALAU SEMUA AHLI WARIS ADA SEMUANYA

Jika ahli waris bagi pihak laki-laki sejumlah 25 itu ada semua, maka yang dapat mewariskan hanyalah 3 orang:

1. Bapa.
2. Anak.
3. Suami.

Yang selebihnya menurut ijmak ulama terdinding oleh ketiga orang ini. Cara pembahagiannya nanti akan diterangkan.

Kalau ahli waris dari pihak perempuan ada, maka yang dapat mewarisi hanyalah 5 orang:

1. Ibu.
2. Anak perempuan.
3. Anak perempuan dari anak laki-laki.
4. Saudara perempuan seibu sebapa.
5. Isteri.

Yang lainnya terdinding oleh kelima-lima orang ini. Cara pembahagiannya akan diterangkan nanti.

Dan bila semua ahli waris, baik dari pihak laki-laki mahupun dari pihak perempuan, kedua puluh limanya ada semua, maka yang mendapat waris hanyalah 5 orang saja:

1. Bapa.
2. Ibu.
3. Anak laki-laki.
4. Anak perempuan.
5. Suami atau isteri.

7. GOLONGAN AHLI WARIS

Dari sekian banyak nama-nama ahli waris, maka mereka hanya terbahagi kepada tiga golongan, iaitu:

1. Golongan Zawil furudh:

Mereka ialah yang mengambil harta pusaka menurut bahagian yang ditentukan di dalam Al-Quran.

2. Golongan Mu'ashib:

Mereka ialah yang mengambil harta pusaka secara mengemasi (mengambil habis), setelah golongan Zawil furudh mengambil bahagiannya.

3. Golongan Zawil furudh dan Mu'ashib:

Mereka ialah yang mengambil harta pusaka, kadang-kadang menurut aturan zawil furudh, dan kadang-kadang menjadi pengemasi (menghabisi yang tinggal).

Adapun mu'ashib ini terbahagi pula kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Mu'ashib binafsih:

Iaitu seseorang ahli waris mengambil harta pusaka secara mengemasi (membulatkan), kerana ia sendiri saja, tidak disebabkan ada yang lain didekatnya.

2. Mu'ashib bighairihi:

Iaitu seseorang dari ahli waris mengambil harta pusaka secara mengemasi, disebabkan ada yang lain di dekatnya.

3. Mu'ashib ma'al-ghairi.

Iaitu ahli waris mengambil harta pusaka secara mengemasi bersama-sama sekali gus dengan zawil furudh.

Adapun mu'ashib binafsihi, sesungguhnya baik di dalam Al-Quran mahupun di dalam hadis Nabi Muhammad s.a.w. tidak dinyatakan bahagiannya yang tertentu, tetapi mereka pasti mendapat harta pusaka, kerana mereka lebih dekat kepada mayat.

Misalnya: Anak laki-laki. Untuk anak laki-laki ini tidak ada bahagiannya yang tertentu, tetapi ia pasti mendapat waris, kerana ia paling terdekat kepada ayah dan ibunya. Hanya berapa banyak ia mendapat waris tergantung kepada jumlah Zawil furudh yang telah mengambil bahagiannya. Dan ia menghabisi harta yang tinggal.

Adapun mu'ashib bil-ghairi, iaitu: Ahli waris yang sesungguhnya ia bukanlah termasuk *"mu'ashib"* (mengemasi harta), kerana baginya ada ketentuannya di dalam Al-Quran. Tetapi kerana ia berdampingan dengan orang yang sedarjat dengan dia, maka orang yang mendampinginya ini merupakan sebab baginya supaya ia mu'ashib. Seperti anak perempuan kandung. Untuk anak perempuan ini dinyatakan Allah bahagiannya di dalam al-Quran, iaitu: 1/2 (seperdua) kalau sendirian, atau 2/3 (dua pertiga) kalau ia lebih dari seorang. Tetapi bila ia berdampingan dengan saudaranya yang laki-laki maka ia tidak masuk zawil furudh lagi. Melainkan menjadi *"mu'ashib bil-ghairi"* (mengemasi harta bersama-sama dengan saudaranya yang laki-laki itu).

Maka bagi saudaranya yang laki-laki mendapat 2x (dua kali) dari bahagiannya. Jadi saudaranya mendapat 2/3 (dua pertiga), sedang ia sendiri mendapat 1/3 (sepertiga) harta pusaka.

Sedang erti *"mu'ashib ma'al-ghairi"*, ialah ahli waris yang sesungguhnya kalau ia sendiri, maka ia belum ada hak untuk menerima harta pusaka, selama ada ahli waris yang lebih dekat dengan mayat. Tetapi kerana ia berada di samping Ahli furudh, maka ia menjadi mu'ashib dengan ahli furudh itu. Misalnya seorang saudara perempuan berada di samping anak perempuan. Maka saudara perempuan mendapat 1/2 (seperdua) harta pusaka, kerana seorang anak perempuan mendapat 1/2 (seperdua) harta pusaka. Dan saudara perempuan mendapat 1/3 (sepertiga) bila ia berada di samping dua atau tiga, atau lebih dari anak perempuan. Sebab bahagian dua orang anak perempuan atau lebih, tidak lebih dari 2/3 (dua pertiga) harta pusaka.

Demikianlah pengertian mu'ashib atau ashabah, dan pada bab-bab berikutnya nanti akan diterangkan lebih lanjut.

BAB MACAM-MACAM FURUDH DI DALAM AL-QURAN

Adapun kadar yang ditentukan Allah di dalam Al-Quran adalah sebagai berikut:

1. 1/2 (seperdua)
2. 1/4 (seperempat)
3. 1/8 (seperlapan)
4. 1/3 (sepertiga)
5. 2/3 (dua pertiga)
6. 1/6 (seperenam).

Abu Bakar Sidik pernah berkata dalam khutbahnya sebagai berikut:

"Ketahuilah, bahawa ayat yang diturunkan Allah di awal surah An-Nisa', mengenai perwarisan (faraidh) adalah sebanyak tiga ayat: Ayat pertama (ayat 11): Mengenai anak, bapa dan ibu. Ayat kedua (ayat 12): Mengenai suami, isteri dan saudara laki-laki seibu. Dan ayat ketiga (ayat 176, di akhir surah An-Nisa') adalah mengenai: Saudara laki-laki dan perempuan yang seibu sebapa. Sedang ayat yang yang diturunkan Allah sebagai pengakhir surah Al-Anfal (ayat 75) adalah: Mengenai Ulul Arham."

(Demikian Tafsir Khazin, halaman 304).

Dengan keterangan dari Khutbah Abu Bakar Sidik ini, dapatlah satu kesimpulan, bahawa Ahli Waris yang di NASHkan dalam Al-Quran, hanyalah seramai lapan orang saja. Sedang selainnya dinyatakan dalam hadis-hadis Nabi dan ijmak ulama.

Demikian khutbah Abu Bakar Sidik.

Pertama: 1/2 (seperdua). Ahli waris yang mendapat seperdua harta pusaka ini adalah:

1. Suami, dengan syarat si mayat tidak meninggalkan anak, atau anak laki-laki dari anak laki-laki (cucu). Sebab anak laki-laki dari anak laki-laki sama dengan anak kandung menurut ijmak ulama.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَكُمْ نِصْفُ مَا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَلَدٌ*

سورة النساء اية ١٢

Dan bagimu seperdua dari apa yang ditinggalkan isterimu, bila ia tidak ada anak.

(Surah An-Nisa' ayat 12).

2. Anak perempuan, bila ia hanya sendiri saja.

   Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ* سورة النساء اية ١١

Dan bila ia seorang diri saja (tidak ada saudara yang lain) maka baginya seperdua.

(Surah An-Nisa' ayat 11).

3. Anak perempuan dari anak laki-laki (cucu), dengan syarat:
   a. Bila seorang diri,
   b. Tidak ada anak perempuan kandung,
   c. Tidak ada anak laki-laki,
   d. Tidak ada pula anak laki-laki dari anak laki-laki (cucu).

   Sebab anak perempuan dari anak laki-laki adalah sama dengan anak perempuan kandung, menurut ijmak ulama.
4. Saudara perempuan seibu sebapa, dengan syarat:
   a. Bila ia seorang diri,
   b. Tidak ada anak perempuan kandung,
   c. Tidak ada perempuan dari anak laki-laki,
   d. Tidak ada anak laki-laki,
   e. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki,
   f. Tidak ada bapa,
   g. Tidak ada bapa dari bapa (datuk),
   h. Tidak ada saudara laki-laki kandung.

   Firman Allah s.w.t.:

اِنِ امْرُؤٌا هَلَكَ لَيْسَ لَهُ وَلَدٌ وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفُ مَا تَرَكَ*

سورة النساء اية ١٧٦

Bila seseorang meninggal dunia yang tidak ada anak, tetapi mempunyai seorang saudara perempuan kandung maka baginya seperdua dari apa yang ditinggalkan.

(Surah An Nisa' ayat 176).

5. Saudara perempuan sebapa, dengan syarat:
   a. Bila ia seorang diri,
   b. Tidak ada saudara perempuan kandung,
   c. Tidak ada saudara laki-laki kandung,

d. Tidak ada anak laki-laki,
e. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki,
f. Tidak ada bapa,
g. Tidak ada datuk,
h. tidak ada anak perempuan,
i. Tidak ada anak perempuan dari anak laki-laki,
j. Tidak ada saudara laki-laki sebapa.

Alasannya ialah ijmak ulama, berdasarkan ayat di atas.

Kedua: 1/4(seperempat)

1. Suami, kalau si mayat meninggalkan anak.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ كَانَ لَهُنَّ وَلَدٌ فَلَكُمُ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْنَ*

سورة النساء اية ١٢

Maka apabila mereka ada anak, maka bagi kamu seperempat dari harta yang ditinggalkannya.

(Surah An Nisa' ayat 12).

2. Isteri, apabila suami yang meninggal itu tidak meninggalkan anak.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَهُنَّ الرُّبُعُ مِمَّا تَرَكْتُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَكُمْ وَلَدٌ*

سورة النساء اية ١٢

Dan bagi mereka (isteri itu) seperempat dari harta yang kamu tinggalkan, apabila kamu tidak beranak. (Surah An Nisa' ayat 12).

Ketiga: 1/8 (seperlapan).

Yang seperlapan ini adalah bahagian isteri kalau suami ada meninggalkan anak.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ كَانَ لَكُمْ وَلَدٌ فَلَهُنَّ الثُّمُنُ مِمَّا تَرَكْتُمْ*

سورة النساء اية ١٢

Maka apabila kamu ada anak, maka mereka (isteri-isteri itu) seperlapan dari apa yang kamu tinggalkan.

(Surah An Nisa' ayat 12).

Keempat: 2/3 (dua pertiga):

Yang mendapat dua pertiga warisan ialah:

1. Anak perempuan kandung, dengan syarat:
   a. Bila ia lebih dari seorang.
   b. Tidak ada saudaranya yang laki-laki.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ كُنَّ نِسَاءً فَوْقَ اثْنَتَيْنِ فَلَهُنَّ ثُلُثَا مِمَّا تَرَكَ*

سورة النساء اية ١١

Bila ada mereka (anak perempuan) lebih dari dua orang, maka bagi mereka dua pertiga dari apa yang ditinggalkan.

(Surah An-Nisa' ayat 11).

Menurut zahir ayat ini, anak perempuan yang mendapat dua pertiga sekurang-kurangnya tiga orang. Tetapi berdasarkan keterangan perbuatan Nabi s.a.w. yang dimaksud adalah dua atau lebih.

2. Anak perempuan dari anak laki-laki, dengan syarat:
   a. Kalau ia lebih dari seorang,
   b. Tidak ada anak kandung dari mayat, baik laki-laki mahupun perempuan,
   c. Tidak ada saudaranya yang laki-laki.

   Berdasarkan ijmak ulama.
3. Saudara perempuan kandung, dengan syarat:
   a. Bila ia lebih dari seorang,
   b. Tidak ada anak mayat,
   c. Tidak ada bapa,
   d. Tidak ada datuk,
   e. Tidak ada saudara laki-laki,
   f. Tidak ada anak dari laki-laki atau perempuan.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ كَانَتَا اثْنَتَيْنِ فَلَهُمَا الثُّلُثَانِ مِمَّا تَرَكَ*

سورة النساء اية ١٧٦

Bila ada saudara perempuan dua orang, maka bagi mereka dua pertiga dari apa yang ditinggalkan. (Surah An-Nisa' ayat 176).

4. Saudara perempuan sebapa, dengan syarat:
   a. Bila lebih dari seorang,
   b. Tidak ada bapa,

c. Tidak ada datuk,
d. Tidak ada saudara kandung bagi mayat,
e. Tidak ada saudaranya yang laki-laki,
f. Tidak ada anak yang sekandung bagi mayat.
Berdasarkan ijmak ulama.

Kelima: 1/3 (sepertiga)
Yang dapat sepertiga warisan ialah:

1. Ibu, dengan syarat:
   a. Kalau si mayat tidak meninggalkan anak,
   b. Tidak pula meninggalkan saudara yang berbilang (dua atau lebih) baik laki-laki mahupun perempuan,
   c. Jangan ada salah seorang dari suami atau isteri berserta bapa. Kalau ada, ibu mengambil 1/3 (sepertiga) dari harta yang tinggal, setelah suami atau isteri mengambil bahagiannya.

Firman Allah s.w.t.:

فَاِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ وَلَدٌ وَوَرِثَهُ اَبَوَاهُ فَلِاُمِّهِ الثُّلُثُ*

سورة النساء اية ١١

Bila tidak ada baginya anak dan ia diwarisi oleh dua orang ibu bapanya, maka bagi ibunya sepertiga dari hartanya.

(Surah An-Nisa' ayat 11).

2. Dua orang saudara seibu atau lebih, baik laki-laki mahupun perempuan. Dengan syarat:
   a. Tidak ada anak yang mewarisi dari mayat,
   b. Tidak ada bapa atau datuk.

Firman Allah s.w.t.:

فَاِنْ كَانُوْا اَكْثَرَ مِنْ ذٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِى الثُّلُثِ*

سورة النساء اية ١٢

Jika ada saudara seibu itu lebih dari seorang, maka mereka bersyarikat pada yang sepertiga itu.

(Surah An-Nisa' ayat 12).

Pembahagian mereka dalam harta pusaka sama antara laki-laki dan perempuan.

Keenam: 1/6 (seperenam).
Yang mendapat warisan seperenam ialah:

1. Bapa, jika si mayat mempunyai anak.

2. Ibu, dengan syarat:
   a. Si mayat mempunyai anak,
   b. Atau beberapa orang saudara, baik laki-laki mahupun perempuan (dua atau lebih), sama ada yang seibu sebapa, sebapa saja ataupun yang seibu saja.

Firman Allah s.w.t.:

وَلِأَبَوَيْهِ لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السُّدُسُ مِمَّا تَرَكَ اِنْ كَانَ لَهُ وَلَدٌ*

سورة النساء اية ١١

Dan bagi dua orang ibu bapanya masing-masing mendapat seperenam dari apa yang ditinggalkan, jika ada si mayat meninggalkan anak.

(Surah An-Nisa' ayat 11).

Firman Allah s.w.t.:

فَاِنْ كَانَ لَهُ اِخْوَةٌ فَلِأُمِّهِ السُّدُسُ*

سورة النساء اية ١١

Jika ada si mayat meninggalkan beberapa orang saudara, maka bagi ibunya seperenam.

(Surah An-Nisa' ayat 11).

3. Seorang saudara perempuan sebapa, dengan syarat:
   a. Bahawa ia berserta seorang saudara perempuan sekandung, gunanya untuk menyempurnakan bahagian 2/3 (dua pertiga),
   b. Jangan ada saudaranya yang laki-laki.
4. Seorang dari saudara seibu, laki-laki mahupun perempuan, dengan syarat:
   a. Tidak ada bapa,
   b. Tidak ada datuk,
   c. Tidak ada anak kandung dari mayat, laki-laki atau perempuan,
   d. Tidak ada cucu, laki-laki atau perempuan.

Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ كَانَ رَجُلٌ يُوْرَثُ كَلَالَةً أَوِ امْرَأَةٌ وَلَهُ اَخٌ اَوْ اُخْتٌ فَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا السُّدُسُ فَاِنْ كَانُوْا أَكْثَرَ مِنْ ذٰلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِى الثُّلُثِ*

سورة النساء اية ١٢

Jika ada laki-laki yang diwarisi itu kalalah (tidak mempunyai anak dan bapa), sedang ia mempunyai seorang saudara seibu laki-laki atau perempuan, masing-masing mendapat seperenam. Dan jika mereka lebih banyak maka mereka bersyarikat dalam sepertiga.

(Surah An-Nisa' ayat 12).

5. Datuk, iaitu bapa dari bapa, dengan syarat:
   a. Tidak ada bapa.
   b. Ada anak.

   Keterangan:

عَنْ عِمْرَانِ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَجُلاً اَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: إِنَّ ابْنَ اِبْنِى مَاتَ فَمَالِيْ مِنْ مِيْرَاثِهِ. قَالَ: لَكَ السُّدُسُ. رواه ابو داود والنسائى بسند صحيح

Dari Imran bin Hussein r.a. bahawasanya seorang laki-laki pernah datang kepada Nabi s.a.w. lalu ia berkata: "Sesungguhnya anak laki-laki dari anakku yang laki-laki telah meninggal, maka berapakah bahagianku dari harta warisannya?" Rasulullah s.a.w. menjawab: "Bagi engkau seperenam."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

6. Nenek perempuan, iaitu ibu dari ibu atau dari bapa, dengan syarat tidak ada bapa kalau nenek itu ibu dari bapa. Dan tidak ada ibu dan tidak ada pula bapa kalau nenek itu ibu dari ibu. Sebab masing-masing tersebut mendinding nenek.

   Keterangan:

عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ جَعَلَ لِلْجَدَّةِ السُّدُسَ اِذَا لَمْ تَكُنْ دُوْنَهَا أُمٌّ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Buraidah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah menjadikan (memberikan untuk nenek perempuan seperenam, bila tidak ada berserta ibunya."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

7. Seorang anak perempuan dari anak laki-laki, dengan syarat,
   a. Kalau ia ada berserta seorang anak perempuan si mayat.

Gunanya untuk menyempurnakan 2/3, kerana keduanya dianggap dua orang anak perempuan,

b. Tidak ada saudaranya yang laki-laki.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِى ابْنَةٍ وَابْنَةِ ابْنٍ وَأُخْتٍ قَالَ: أَقْضِى فِيْهَا بِمَا قَضَى النَّبِيُّ ﷺ لِلْاِبْنَةِ النِّصْفُ وَلِابْنَةِ الِابْنِ السُّدُسُ تَكْمِلَةَ الثُّلُثَيْنِ وَمَا بَقِيَ فَلِلْأُخْتِ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Ibnu Masud r.a. tentang anak perempuan, dan anak perempuan dari anak laki-laki berserta saudara perempuan, ia berkata: "Sesungguhnya aku hukumkan kepadanya, seperti yang dihukumkan oleh Nabi s.a.w. iaitu bagi anak perempuan seperdua harta, dan bagi anak perempuan dari anak laki-laki seperenam untuk menyempurnakan dua pertiga, dan mana yang tinggal (setelah dibahagi) maka bagi saudara yang perempuanlah."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Adapun saudara perempuan adalah menjadi asobah, kalau ia berserta anak perempuan. Itulah sebabnya harta yang tinggal untuk dia (asobah ma'al ghairi).

Dalam keterangan hadis dinyatakan untuk menyempurnakan 2/3 (dua pertiga), ertinya kalau anak perempuan ada dua orang atau lebih, maka hak yang harus diterimanya hanyalah 2/3 (sepertiga) tidak lebih. Tetapi kalau anak perempuan itu tunggal, ertinya tidak ada saudara perempuan yang lain, maka baginya hanya 1/2 (seperdua) dari jumlah harta (lihat bahagian 1/2).

Sekarang kalau anak perempuan hanya seorang, tapi diberikan oleh Rasulullah kepadanya hanya 1/2 (seperdua), oleh kerana anak perempuan dari anak laki-laki ada pula bersertanya yang menurut aturan agama dihukumkan juga menurut hukum anak perempuan. Maka diberikan kepadanya seperenam (1/6), kerana ia tidak sedarjat dengan anak perempuan kandung. Gunanya yang 1/6 (seperenam) itu adalah untuk menyempurnakan 2/3 (dua pertiga) yang jadi hak mereka bersama.

1. CONTOH-CONTOH PEMBAHAGIAN

Contoh Masalah *Takmilatus Sulusain:* (penyempurnaan dua pertiga). Mayat meninggalkan harta seharga $600 dan ia meninggalkan:

a. Seorang anak perempuan.
b. Seorang anak perempuan dari anak laki-laki.
c. Seorang saudara perempuan.

Lebih dahulu hendaklah dikeluarkan bahagian anak perempuan iaitu: 1/2 × $600 = $300

Kemudian untuk anak perempuan dari anak laki-laki, iaitu 1/6 × $600 = $100

Maka jumlah kedua anak perempuan itu ialah $400 atau 2/3 (dua pertiga) dari jumlah harta seluruhnya. Oleh sebab itu wang seratus itu adalah untuk menyempurnakan 2/3 (dua pertiga).

Masalah "sulusul baqi" (sepertiga harta yang tinggal).

Adapun 1/3 (sepertiga) harta yang ditinggal sesudah suami atau isteri menerima pembahagian, ialah untuk ibu. Gunanya supaya bapa dapat mengambil dua kali dari bahagian ibu. Sebab menurut nas Quran, bahawa bahagian laki-laki adalah dua kali bahagian perempuan (sebagaimana tersebut dalam keterangan yang akan datang). Soal sepertiga yang tinggal itu (sulusul baqi) tidak dinyatakan dalam Al-Quran dan hadis Nabi.

Contoh Pertama: Seseorang yang meninggal dunia meninggalkan:
1. Isteri.
2. Bapa.
3. Ibu.

Ia meninggalkan harta seharga $400.

Kita ambilkan lebih dahulu bahagian isteri, iaitu 1/4 kali harta = 1/4 x $400 = $100. Bakinya ialah $300. Sepertiga dari harta yang baki, iaitu $100 diberikan untuk ibu dan yang $200 untuk bapa. Dengan demikian, maka jadilah bahagian bapa dua kali bahagian ibu.

Pokok masalahnya adalah empat (4) buktinya:

Isteri	Baki	Ibu	Bapa
1/4 = 1	3	1/3 (dari baki) = 1	asobah = 2

Contoh yang kedua: Isteri meninggal dunia yang ditinggalkannya ialah:
1. Suami.
2. Bapa.
3. Ibu.

Ia meninggalkan harta seharga $600. Dikeluarkan lebih dahulu untuk suami, iaitu 1/2 dari jumlah semua = 1/2 × $600 =$300,

baki $300. Sepertiga dari yang baki itu, iaitu $100 diberikan untuk ibu. Dan yang $200 lagi untuk bapa.

Pokok masalah dalam contoh yang kedua ini ialah enam (6). Buktinya:

Suami	Baki	Ibu	Bapa
1/2 = 3	3	1/3 (dari baki) = 1	asobah = 2

Dan dinamakan juga masalah yang seperti ini *Sulusul baqi* dan hukumnya ditetapkan oleh ijmak ulama, sebab di dalam ayat Al-Quran dan hadis Nabi tidak dinyatakan. Bererti juga *sulusul baqi* di sini adalah seperenam, atau seperempat dari jumlah harta semuanya bila dibandingkan dengan bahagian suami atau isteri.

Adapun bahagian 1/3 (sepertiga) untuk ibu yang dinyatakan dalam ayat Al-Quran di atas, ialah bila ketiga orang yang tersebut di atas itu tidak semuanya ada. Dan dinamakan juga 1/3 (sepertiga) ini, dengan "sepertiga dari semua harta", bukan sepertiga dari yang baki.

Bila ada bayi yang baru lahir, lalu ia meninggal dunia, kalau suaranya (tangisnya) kedengaran ketika lahir, maka anak itu mendapat pusaka.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِذَا اسْتَهَلَّ الْمَوْلُوْدُ وُرِّثَ.

رواه ابو داود والنسائى وغيرهما بسند صحيح

Dari Abu Huarairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Jika anak bayi yang lahir itu menangis (lalu meninggal) ia mendapat pusaka." (Riwayat Abu Daud, Nasai dan lain-lain).

2. HIJAB [SOAL ORANG YANG TERDINDING] DARI MENDAPAT WARIS

Hijab, ertinya dinding, dalam istilah faraidh, ialah larangan kepada sebahagian ahli waris untuk mendapat harta pusaka. Ada yang dilarang sama sekali dan ada pula sebahagiannya.

Bila ahli waris yang tersebut di atas ada semuanya, maka yang mendapat harta pusaka hanyalah orang-orang yang paling dekat

hubungannya kepada mayat. Orang-orang yang paling dekat ini menjadi hijab (mendinding) orang-orang yang agak jauh hubungannya dengan mayat dalam keturunan darah.

Hijab itu terbahagi dua:

1. *Hijab hirman,* ertinya terlarang sama sekali.
2. *Hijab nuqshan,* ertinya hanya sebahagiannya yang dilarang.

Hijab hirman, ialah hijab sebahagian ahli waris terhadap yang lain, umpamanya anak laki-laki dari anak laki-laki didinding oleh anak laki-laki (cucu laki-laki di dinding oleh anak laki-laki), atau datuk didinding oleh bapa, atau nenek didinding oleh ibu dan lain-lain. Ertinya kalau yang mendinding dan yang didinding itu sama-sama ada, maka yang terdinding itu tidak dapat warisan, biar secara asobah mahupun secara furudh. Dan Hijab nuqshan, ialah hijab sebahagian dari harta. Umpamanya bapa terdinding menjadi asobah secara mutlak pada harta pusaka, dengan sebab adanya anak laki-laki.

Dalam hal ini, bapa mendapat pusaka dengan jalan berpindah dari menjadi asobah secara mutlak, kepada mengambil furudh sebanyak 1/6 berserta asobah (seperenam). Umpamanya ibu dihijab oleh sebab adanya saudara-saudara dari mayat, baik laki-laki mahupun perempuan jika sekurang-kurang tiga orang. Aturannya ibu mendapat 1/3 (sepertiga) dari harta semua, tetapi kerana ada anak, maka pembahagiannya pindah kepada 1/6 (seperenam) dan lain-lain.

Hijab hirman tidaklah mengenai dua orang ibu bapa, suami isteri dan anak baik laki-laki mahupun perempuan, melainkan kepada yang selain mereka.

Jadi jelasnya hijab hirman tidak berlaku pada ahli waris:

1. Dari pihak laki-laki ialah:
   a. Bapa.
   b. Suami.
   c. Anak laki-laki.
2. Dari pihak perempuan ialah:
   a. Ibu.
   b. Isteri.
   c. Anak perempuan.

Keterangan ahli waris yang agak jauh dari mayat:

Ahli waris yang agak jauh dari mayat, dijelaskan sebagai berikut:

Anak laki-laki dari anak laki-laki, tidak ubahnya seperti anak laki-laki:

a. Dalam soal menerima seluruh baki harta, bila ia sendiri.

b. Meng'usbahi anak perempuan dari anak laki-laki (saudaranya).
c. Mendinding saudara laki-laki dan perempuan, sebagaimana yang didinding oleh anak laki-laki sekandung.

Hanya saja anak laki-laki dari anak laki-laki itu dapat mengambil harta 2 kali sebanyak anak perempuan yang sekandung, kalau ia sama-sama ada dengan dia.

Akan tetapi anak perempuan tetap mengambil 1/2 (seperdua) dari harta kalau ia sendiri, sedang yang tinggal itulah untuk anak laki-laki dari anak laki-laki itu (cucu laki-laki). Sebab antara keduanya tidak sama dalam martabat.

Nenek (ibu dari ibu) adalah seperti ibu, dalam perkara sama-sama menjadi ahli waris. Jika ia dari pihak ibu, maka ia terdinding oleh ibu, dan jika ia dari pihak bapa, maka ia terdinding oleh bapa. Kecuali nenek itu tidak dapat mewarisi 1/3 (sepertiga) harta dan tidak pula 1/3 (sepertiga) dari harta yang tinggal. Akan tetapi furudhnya selama-lamanya ialah 1/6 (seperenam). Lihat hadis bahagian nenek.

a. Dalam soal menghabisi (menerima seluruh baki harta bila ia sendiri),
b. Dalam soal menghijab, iaitu ia menghijab akan orang yang terhijab

Datuk (bapa dari bapa) adalah seperti bapa:

Anak perempuan dari anak laki-laki yang sekandung tidak ubahnya seperti anak perempuan. Iaitu ketika anak perempuan sekandung tidak ada, boleh ia mengambil 1/2 (seperdua) harta, bila ia sendiri. Dan kalau ia berserta dengan anak perempuan sekandung, maka ia mendapat 1/6 (seperenam), gunanya untuk menyempurnakan 2/3 (dua pertiga) kerana keduanya adalah anak perempuan yang lebih dari satu. Kecuali anak perempuan dari anak laki-laki terdinding oleh anak laki-laki sekandung, sedang anak perempuan tidak.

Saudara laki-laki sebapa, tidak ubahnya seperti saudara laki-laki yang seibu sebapa. Dalam soal asobah, bila ia sendiri boleh dia membolot harta semuanya. Kalau ia tidak sendiri, boleh ia mengambil baki ketinggalan harta, sesudah ahli furudh mengambil bahagiannya, kalau pada mereka tidak ada orang yang mendinding. Kalau ada tentu ia gugur. Kecuali saudara laki-laki yang sebapa itu tidak dapat mengambil harta 2 kali dari saudara perempuan yang sekandung, selain hanya meng'usbahi (menghabisi) harta yang tinggal sesudah bapa, kecuali saudara laki-laki yang sekandung atau sebapa.

JADUAL HIJAB

1. Datuk	didinding oleh	1. Bapa
2. Nenek	didinding oleh	1. Ibu
3. Semua anak oleh anak laki-laki	didinding oleh	1. Anak Laki-laki
4. Saudara laki-laki sekandung	didinding oleh	1. Bapa 2. Anak laki-laki 3. Anak laki-laki oleh anak laki-laki.
5. Saudara perempuan sekandung	didinding oleh	1. Bapa 2. Anak laki-laki 3. Anak laki-laki oleh anak laki-laki.
6. Saudara laki-laki sebaya	didinding oleh	1. Bapa 2. Anak laki-laki 3. Anak laki-laki oleh anak laki-laki. 4. Saudara laki-laki kandung. 5. Saudara perempuan sekandung.
7. Saudara perempuan sebapa	didinding oleh	1. Bapa 2. Anak laki-laki 3. Anak laki-laki oleh anak laki-laki. 4. Saudara laki-laki sekandung 5. Saudara perempuan.
8. Saudara laki-laki seibu	didinding oleh	1. Bapa 2. Datuk 3. Anak laki-laki 4. Anak laki-laki oleh anak laki-laki 5. Anak perempuan 6. Anak perempuan oleh anak laki-laki
9. Anak laki-laki oleh saudara laki-laki sekandung	didinding oleh	1. Bapa 2. Datuk 3. Anak laki-laki 4. Anak laki-laki oleh anak laki-laki 5. Saudara laki-laki sekandung 6. Saudara laki-laki sebapa 7. Saudara perempuan 8. Saudara perempuan sebapa
10. Anak laki-laki oleh saudara laki-laki sebapa	didinding oleh	Orang-orang yang 8 (lapan) seperti di atas, dan ditambah: 9. Anak laki-laki oleh saudara laki-laki sekandung.

11. Pak cik sekandung	didinding oleh	Orang-orang yang 9 (sembilan) di atas, dan ditambah: 10. Anak laki-laki oleh saudara laki-laki sebapa.
12. Pak cik sebapa	didinding oleh	Orang-orang yang 10 (sepuluh) di atas, dan ditambah: 11. Pak cik kandung
13. Anak laki-laki oleh pak cik sekandung	didinding oleh	Orang-orang yang 11 (sebelas) di atas, dan ditambah: 12. Pak cik sebapa.
14. Anak laki-laki oleh pak cik sebapa	didinding oleh	Orang-orang yang 12 (dua belas) di atas, dan ditambah: 13. Anak laki-laki oleh pak cik sekandung.

Hingga ini selesailah kita menerangkan siapa yang terhijab/terhalang dan dinding dari orang-orang yang menghijab/mendindingi, dalam pembahagian harta pusaka.

Dalam hal ini, selama yang menghalang/menghijab (yang mendinding) masih ada, maka yang terdinding tidak dapat harta pusaka.

Oleh sebab itu, sebelum harta pusaka dibahagi-bahagikan, hendaklah dilihat lebih dahulu orang-orang yang terhijab dan yang menghijab, supaya harta pusaka dapat diberikan kepada yang berhak, sesuai dengan ketentuan masing-masing.

Hanya saudara perempuan kandung atau sebapa mendinding orang-orang yang lainnya, bila ia menjadi **"asobah ma'al ghair"**.

3. ASOBAH DAN PEMBAHAGIANNYA

Asobah, ertinya membolot atau menghabisi harta. Menurut istilah syarak, ialah orang yang boleh mengambil harta pusaka seluruhnya bila ia hanya sendiri saja, dan yang boleh mengambil kelebihan atau baki harta pusaka, bila orang-orang yang mempunyai bahagian telah mengambil bahagiannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
اَلْحِقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأَوْلَى رَجُلٍ ذَكَرٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bahagi-bahagikanlah harta pusaka itu kepada ahlinya (orang-orang yang mempunyai bahagian), dan barang-barang yang masih berbaki itu hak bagi kerabat (keluarga) yang laki-laki, yang paling dekat kepada mayat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Asobah itu terbahagi atas tiga bahagian:

Pertama: Asobah dengan sendirinya (Asobah binafsih), ialah bila ahli waris yang ada hanya seorang saja sehingga semua harta pusaka dapat dibolotkannya bagi dirinya sendiri. Mereka itu ialah semua laki-laki ahli waris, selain suami dan saudara yang seibu:

1. Anak laki-laki.
2. Anak laki-laki dari anak laki-laki.
3. Bapa, dengan syarat jangan ada anak laki-laki si mayat.
4. Bapa dari bapa (datuk).
5. Saudara laki-laki yang sekandung.
6. Saudara laki-laki yang sebapa.
7. Anak saudara laki-laki yang sekandung.
8. Anak saudara laki-laki yang sebapa.
9. Pak cik sekandung (yang seibu sebapa dengan bapa).
10. Pak cik yang sebapa dengan bapa.
11. Anak laki-laki dari pak cik yang sekandung.
12. Anak laki-laki dari pak cik yang sebapa dengan bapa.
13. Maula mu'tiq, ialah orang yang memerdekakan hamba, baik laki-laki mahupun perempuan.

Mengenai saudara laki-laki (sebapa dan seibu, atau sebapa sahaja), ada firman Allah dalam Al-Quran:

وَهُوَ يَرِثُهَا اِنْ لَّمْ يَكُنْ لَهَا وَلَدٌ*

سورة النساء اية ١٧٥

Dan dia saudara laki-laki dapat menjadi waris saudara perempuan jika si mayat itu tidak meninggalkan anak.

(Surah An-Nisa' ayat 175).

Ditambahkan pula, kalau ia tidak mempunyai bapa.

Bila asobah furudh telah membolot harta dengan pembahagiannya, maka gugurlah mereka yang jadi asobah, sebab harta sudah habis, melainkan pada masalah musytarikah, iaitu kalau si mayat itu meninggalkan suami, ibu, beberapa saudara laki-laki seibu dan seorang saudara laki-laki sekandung. Pembahagiannya adalah sebagai berikut:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
1 orang suami	1/2	6	3
1 orang Ibu	1/6		1
Beberapa saudara seibu	1/3	Dalam pembahagian (sepertiga) ini saudara laki-laki sekandung tidak gugur, malahan mereka bersyarikat dengan saudara-saudara mereka seibu.	
Saudara laki-laki sekandung			

Dalam hal ini, menurut aturannya saudara sekandung tidak mendapat, sebab ia menjadi asobah dan harta benda telah habis oleh *ashabul furudh,* iaitu: 3 + 1 + 2 = 6. Jumlah ini sudah diboloti (dihabisi) oleh suami, ibu dan beberapa orang saudara yang seibu.

Tetapi saudara sekandung dalam soal yang begini mendapat juga dalam hak 1/3 (sepertiga), bersama-sama dengan beberapa saudara yang seibu itu. Sebab saudara sekandung itu sama-sama bersyarikat dalam soal mendekati (karib) ibu, seperti saudara yang seibu itu. Dan soal yang begini dinamakan soal "Musytarikah", ertinya soal bersyarikat.

Kedua: *Asobah ma'al ghair,* Asobah berserta orang lain. Iaitu saudara perempuan kalau berserta dengan beberapa anak perempuan. Ertinya kalau si mayat meninggalkan seorang anak perempuan atau lebih berserta seorang saudara perempuan atau lebih, maka yang mempunyai furudh hanyalah anak perempuan, sedang saudara perempuan ketika itu menjadi asobah.

Oleh sebab itu, saudara perempuan itu mengambil harta pusaka, adakalanya ia mendapat 1/2 dan adakalanya 1/3 harta. Contoh yang 1/2 (seperdua):

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
1 orang anak perempuan	1/2	$150	$75
1 orang saudara perempuan	asobah		$75

Dalam hal ini saudara perempuan mendapat ½ (seperdua), sebab anak perempuan hanya seorang yang bersertanya, sedangkan haknya hanya ½ (seperdua) pula. Contoh saudara perempuan yang mendapat 1/3 (sepertiga) dari harta:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
2 orang anak perempuan	2/3	$150	$100
2 orang saudara perempuan	asobah		$50

Dalam contoh ini ia mendapat 1/3 (sepertiga) harta, kerana yang dua pertiga sudah diambil oleh dua anak perempuan.

Ketiga: *Asobah bilghair.* Ertinya asobah dengan yang lain. Mereka itu ialah anak-anak perempuan dengan anak laki-laki, dan saudara-saudara perempuan dengan saudara laki-laki.

Dalam hal ini perlu berlaku undang-undang pembahagian, iaitu bahagian laki-laki sebanyak bahagian 2 (dua) orang perempuan.

Mereka ini mengambil harta pusaka secara *ta'shib* .

Contoh saudara laki-laki dan perempuan menjadi asobah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
1 orang saudara perempuan sekandung	asobah	$150	$50
1 orang saudara laki-laki sekandung	asobah		$100

Bahagian saudara laki-laki adalah 2 kali bahagian saudara perempuan.

Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ كَانُوْا اِخْوَةً رِجَالاً وَنِسَاءً فَلِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ*

سورة النساء اية ١٧٦

Dan apabila sesaudara, laki-laki dan perempuan, maka laki-laki mendapat bahagian sebanyak 2 orang perempuan.

(Surah An-Nisa' ayat 176).

Begitu pula apabila seorang meninggalkan anak perempuan dan anak laki-laki, maka bahagian seorang anak lelaki, ialah 2 kali bahagian seorang anak perempuan.

Bila ada seorang anak laki-laki dan 2 orang anak perempuan, bererti sama dengan 4 orang anak perempuan. Jadi harta yang tinggal harus dibahagi 4 (empat). Umpama seorang meninggal, meninggalkan harta seharga $200 serta ahli waris seperti di bawah ini:

Ahli waris	Pokok masalah	Harta	Pembahagian	Bahagian masing-masing
2 orang anak perempuan	4	$200	2/4 x $200 $200	$100
1 orang anak laki-laki			2/4 x $200	$100

Kalau ada seorang anak laki-laki dan seorang anak perempuan, tentu harta dibahagi 3 (tiga), supaya laki-laki mendapat 2 kali bahagian perempuan.

Adapun anak laki-laki dari anak laki-laki, tidak mengasobahi anak perempuan. Dan tidak pula cucu oleh anak laki-laki mengasobahi anak perempuan dari anak laki-laki, kerana tidak sama dalam martabat.

Saudara laki-laki yang seibu sebapa, tidak diasobahi oleh saudara perempuan yang sebapa, dan tidak pula saudara laki-laki yang sebapa mengasobahi saudara perempuan yang seibu sebapa, kerana tidak sama dalam perkara dekat kepada mayat dalam keturunan darah, walaupun sama dalam martabat dan tingkatan.

Jadi dalam asobah ini disyaratkan sama martabat dan sama keturunan.

Adapun perbezaan *Asobah bighairi dengan yang lain* dan antara *Asobah ma'al ghair* ialah, bahawa asobah dengan yang lain, mereka sama-sama mengambil bahagian secara asobah saja – sedang asobah berserta yang lain, mereka mengambil harta menurut furudh, iaitu setelah terlebih dahulu orang yang mempunyai furudh mengambil bahagiannya. Mana yang tinggal itulah untuk dia. Kadang-kadang ia mendapat 1/2 (seperdua) dan kadang-kadang mendapat 1/3 harta.

Asobah dengan sebab memerdekakan:

Seseorang yang telah memerdekakan hamba, maka hamba yang dimerdekakannya itu boleh diasobahinya kalau ia meninggal sebagai balasan nikmat kemerdekaan yang diberikan kepadanya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْوَلاَءُ لِمَنْ اَعْطَى الْوَرِقَ وَوَلِيَ النِّعْمَةَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Orang yang telah dimerdekakan itu hak bagi orang yang telah mengeluarkan wang (orang yang dahulu membelinya) dan ia menguasai nikmat kemerdekaannya itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Menurut pendapat Jumhur ulama, bahawa yang dimerdekakan itu tidak dapat menjadi asobah dari yang memerdekakan, akan tetapi bila yang memerdekakan itu meninggal, hartanya diberikan ke Baitulmal.

4. MENYATAKAN ASAL MASALAH

Di dalam Al-Quran dan hadis Nabi, bahagian-bahagian yang disebutkan dalam pembahagian harta pusaka, adalah terpecah-pecah (dalam pecahan), umpamanya 2/3, 1/4, 1/8 dan lain-lain. Tidak dengan bilangan yang bulat. Oleh sebab itu, baiklah dicari dari mana masalah-masalah itu dikeluarkan.

Dalam hal pembahagian, maka asal-asal masalah ialah menurut bilangan ke atas kalau yang menerima itu sejenis, umpamanya laki-laki sahaja atau perempuan sahaja. Misalnya 3 orang anak laki-laki atau 4 orang pak cik, maka asal masalahnya ialah 3 atau 4. Atau 3 orang anak perempuan, maka asalnya ialah dari 3.

Akan tetapi bila berkumpul dua macam yang tersebut di atas itu, maka seorang laki-laki sama dengan 2 orang perempuan, sebagaimana telah tersebut di atas. Ertinya bahagian seorang laki-laki dua kali bahagian seorang perempuan. Kalau mayat meninggalkan seorang anak perempuan dan seorang anak laki-laki, maka harta harus dibahagi 3 (tiga). Sebab seorang laki-laki menempati dua anak perempuan.

Bagi anak laki-laki	2	dari 3
Bagi anak perempuan	1	

Firman Allah s.w.t.:

يُوْصِيْكُمُ اللهُ فِيْ اَوْلَادِكُمْ لِلذَّكَرِ مِثْلُ حَظِّ الْأُنْثَيَيْنِ*

سورة النساء اية ١١

Allah berpesan kepadamu tentang anak-anakmu, iaitu bagi seorang laki-laki seperti bahagian dua orang perempuan."

(Surah An-Nisa' ayat 11).

Masalah tiap furudh yang ada padanya:
1/2 (seperdua), asalnya ialah dari yang 2.
1/3 (sepertiga), asalnya ialah dari yang 3.
1/4 (seperempat), asalnya ialah dari yang 4.
1/6 (seperenam), asalnya ialah dari yang 6.
1/8 (seperlapan), asalnya ialah dari yang 8.

5. CARA MENCARI POKOK MASALAH

Kalau ada dalam masalah dua furudh, umpama /2 dan /3, maka masalahnya ialah dari 6 (enam), kerana 6 itulah sekurang-kurangnya angka (bilangan) yang habis dibahagi 2 dan 3.

Inilah cara mencari pokok masalah dalam 2 (dua) furudh, ertinya harus dicari sekurang-kurangnya angka yang dapat dibahagi dengan *penyebut* tiap-tiap angka dua furudh atau lebih.

Kalau ada dalam masalah 1/2 – 1/4, maka pokok dari 4.
Kalau ada dalam masalah 1/2 – 1/6, maka pokok dari 6.
Kalau ada dalam masalah 1/2 – 1/3, maka pokok dari 6.
Kalau ada dalam masalah 1/2 – 1/8, maka pokok dari 8.
Kalau ada dalam masalah 1/3 – 1/4, maka pokok dari 12.
Kalau ada dalam masalah 1/3 – 1/6, maka pokok dari 6.
Kalau ada dalam masalah 1/3 – 1/8, maka pokok dari 24.
Kalau ada dalam masalah 1/4 – 1/6, maka pokok dari 12.
Kalau ada dalam masalah 1/4 – 1/8, maka pokok dari 8.
Kalau ada dalam masalah 1/6 – 1/8, maka pokok dari 24.

Demikianlah seterusnya dalam mencari pokok masalah, dari 2 (dua) furudh atau lebih. Kalau dalam beberapa furudh ada 1/2 – 1/3 – 1/4 – 1/6, maka masalahnya dari 12 dan lain-lain.

Tentang mensahihkan masalah, ertinya mencari suatu angka yang paling kurang, yang dari angka itu dapat dikeluarkan bahagian tiap-tiap waris dengan tidak terpecah-pecah (tidak memakai pecahan). Dalam mensahihkan masalah itu, maka terdapatlah beberapa nisbah antara bahagian waris.

Pertama: *Tamasul* ertinya bahawa ada dua angka yang serupa umpamanya: 2 – 2 – (½ – ½), maka hukumnya diambil saja salah satu dua angka yang sejenis itu, iaitu angka-angka. Jadi pokok masalahnya ialah 2. Harta harus dibahagi 2 (dua) dan lain-lain.

Kedua: *Tadahul* ertinya bahawa ada dua angka, yang satu besar dan yang lain kecil. Yang besar itu dapat habis, kalau yang kecil itu dikalikan 2 kali atau 3 kali atau lebih. Umpamanya 3 – 6, atau 3–9–6 itu boleh habis jika 3 itu dikalikan 2 atau 3. Harta ketika itu harus dibahagi 6 atau 9, sebab ini pokok masalah.

Ketiga: *Tawafuq* ertinya bahawa ada dua bilangan, yang satu besar dan yang satu lagi kecil. Yang besar tidak dapat habis bila yang kecil dikalikan 2 atau 3 atau lebih; melainkan ada satu bilangan yang dapat mengetengahinya, umpamanya 2 atau 3 seperti: 6 – 8, atau 9 – 15. Maka hukumnya salah satu kedua bilangan itu dibahagi dengan angka yang mengetengahinya. Misalnya 6–8, hanya dapat diketengahi oleh 2. Lalu dikalikan angka dari seperdua salah satu angka yang dua itu kepada salah satu, maka jadilah 3 x 8 atau 4x6 = 24. Maka pokok masalah ialah 24. Harta harus dibahagi 24.

Keempat: *Tabayun* ertinya bahawa ada dua bilangan yang tidak dapat diketengahi oleh angka apapun juga, umpama 3 – 4 atau 5 – 7. Maka hukumnya diperkalikan antara kedua angka itu 3 x 4 = 12, atau 5 x 7 = 35. Itulah pokok masalah, dan harta harus dibahagi 12 atau 35.

Setelah diketahui istilah dalam mencari pokok masalah dalam ilmu faraidh, maka mudahlah bagi kita membahagi untuk masing-masing yang mempunyai furudh pada bahagiannya.

6. AUL DAN CONTOHNYA

Aul, ertinya naik dan bertambah. Dalam istilah ilmu faraidh, ialah jumlah bahagian yang telah diambil dari pokok masalah, yang pokok masalah itu tidak mencukupi bagi yang mempunyai furudh.

Aul ini terbahagi di atas tiga bahagian:

I. Aul dari 6 jadi 7
   Aul dari 6 jadi 8
   Aul dari 6 jadi 9
   Aul dari 6 jadi 10
II. Aul dari 12 jadi 13
   Aul dari 12 jadi 15
   Aul dari 12 jadi 17
III. Aul dari 24 jadi 27 (sekali saja).

Contoh aul dari 6 (enam) hingga 7 (tujuh). Seseorang yang meninggal dunia meninggalkan:

Ahli waris	pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibahagi	Pendapatan masing-masing
1 orang suami	1/2		3	7	3/7 x 7	3
2 orang saudara perempuan sebapa	2/3	6	4		4/7 x 7	4

Harta harus dibahagi tujuh lebih dahulu sebelum dibahagi-bahagi.

Pokok masalah mula-mula 6 (enam) akan tetapi setelah dibahagi-bahagikan, ia menjadi 7 (tujuh). Jadi yang tujuh ini dinamakan *aul* (naik) jumlah dari pokok masalah semula. Maka hukumnya harta harus dibahagi 7 (tujuh) lebih dahulu sebelum dibahagi-bahagi.

Demikian juga contoh-contoh yang lain.

Contoh Aul dari 6 (enam) kepada 8 (lapan). Misalnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibahagi	Pendapatan masing-masing
1 orang suami	1/2		3		3/8 x 8	3
2 saudara perempuan sebapa	2/3	6	4	8	4/8 x 8	4
1 orang ibu	1/6		1		1/8 x 8	1

Harta harus dibahagi 8 (lapan) sebelum dibahagi-bahagi.

Contoh Aul dari 6 kepada 9. Seorang meninggal dunia meninggalkan:

Ahli waris	pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibagi	Pendapatan masing-masing
1 orang suami	1/2		3		3/9 x 9	3
2 saudara perempuan sebapa	2/3	6	4	9	4/9 x 9	4
1 orang ibu	1/6		1		1/9 x 9	1
1 orang saudara laki-laki seibu	1/6		1		1/9 x 9	1

Harta harus dibahagi 9 (sembilan) sebelum dibahagi-bahagi.

Contoh Aul dari 6 kepada 10. Seorang meninggal dunia meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibahagi	Pendapatan masing-masing
1 orang suami	1/2		3		3/10 x 10	3
2 saudara perempuan sebapa	2/3		4		4/10 x 10	4
1 orang ibu	1/6	6	1	10	1/10 x 10	1
1 orang saudara laki-laki seibu	1/6		1		1/10 x10	1
1 orang saudara perempuan sebapa	1/6		1		1/10 x 10	1

Harta harus dibahagi 10 (sepuluh) sebelum dibahagi-bahagi.

Contoh Aul dari 12 kepada 13. Seorang yang meninggal dunia meninggalkan:
1 orang isteri
1 orang ibu
2 orang saudara perempuan sebapa
pembahagiannya adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibagi	Pendapatan masing-masing
1 orang isteri	1/4		3		3/13 x 13	3
1 orang ibu	1/6	12	2	13	2/13 x 13	2
2 orang saudara perempuan sebapa	2/3		8		8/13 x 13	8

Harta harus dibahagi 13 (tiga belas) sebelum dibahagi-bahagi.

Contoh Aul dari 12 kepada 15: Misalnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan:
1 orang suami,

1 orang ibu,
2 orang saudara perempuan sebapa,
1 orang saudara laki-laki seibu.
Pembahagian adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibahagi	Pendapatan masing-masing
Seorang suami	1/4		3		3/15x15	3
Seorang ibu	1/6		2		2/15x15	2
Dua orang saudara perempuan sebapa	2/3	12	8	15	8/15x15	8
Seorang saudara laki-laki seibu	1/6		2		2/15x15	2

Harta dibahagi 15 (lima belas) sebelum dibahagi-bahagi.
Aul dari 12 ke 17.

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan:
1 orang isteri
1 orang ibu
2 orang saudara perempuan sebapa
1 orang saudara laki-laki seibu
1 orang saudara perempuan seibu.
Pembahagian adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibahagi	Pendapatan masing-masing
Seorang isteri	1/4		3		3/17x17	3
Seorang ibu	1/6		2		2/17x17	2
Dua orang saudara perempuan sebapa	2/3		8		8/17x17	8
Seorang saudara laki-laki seibu	1/6	12	2	17	2/17x17	2
Seorang saudara perempuan seibu	1/6		2		2/17x17	2

Harta harus dibahagi 17 (tujuh belas) sebelum dibahagi-bahagi.
Aul dari 24 ke 27 sekali aul saja.

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan:
2 orang anak perempuan,
1 orang ibu,
1 orang bapa,
1 orang isteri.
Pembahagian adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Aul meningkat	Kemudian dibahagi	Pendapatan masing-masing
Dua orang anak perempuan	2/3		16		16/27x27	16
Seorang bapa	1/6	24	4	27	4/27x27	4
Seorang ibu	1/6		4		4/27x27	4
Seorang isteri	1/8		3		3/27x27	3

Harta harus dibahagi 27 (dua puluh tujuh) sebelum dibahagi-bahagi.

Adapun yang mula-mula membuat aul ini Umar bin Khattab r.a. Ada pula yang mengatakan bahawa yang mula-mula membuat aul itu ialah Ali r.a. Dan yang sebahagiannya mengatakan, bahawa memulainya ialah Zaid bin Sabit.

BAB AHLI WARIS YANG MENDAPAT FURUDH

Di atas sudah dinyatakan macam-macam ahli waris yang mendapat bermacam furudh. Maka sekarang akan kita ketahui pula, macam-macam furudh yang diperoleh oleh masing-masing ahli waris, menurut syarat-syarat yang ditentukan. Adapun nama-nama ahli waris itu adalah sebagai berikut:

Pertama: *Anak Perempuan.* Baginya ada tiga jalan:

1. Ia mendapat ½ (setengah) dari seluruh harta, bila ia hanya seorang diri dan tidak ada anak laki-laki. Contohnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang anak perempuan, dan seorang pak cik dan lain-lain. Sedang mayat itu meninggalkan harta seharga $100.

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Anak perempuan Pak cik	1/2 asobah	$100	$50 $50

2. Ia mendapat 2/3 (dua pertiga) dari seluruh harta, bila ia berdua atau lebih dan tidak ada saudaranya yang laki-laki. Misalnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan harta seharga $150.

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Dua orang anak perempuan Seorang pak cik	2/3 asobah	$150	$100 $50

3. Ia menjadi asobah bersama dengan anak laki-laki, iaitu *"asobah bilghair"* (lihat asobah dengan yang lain). Misalnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang anak perempuan dan seorang anak laki-laki. Sedang ia meninggalkan harta $300. . Harta harus dibahagi tiga, supaya yang laki-laki mendapat dua kali bahagian perempuan.

Contohnya:

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Seorang anak perempuan Seorang anak laki-laki	asobah asobah	$300	$100(1/2) $200(2/3)

Kedua: *Anak perempuan dari anak laki-laki.* Baginya ada 6 (enam) jalan:

1. Ia mendapat ½ (setengah) dengan syarat:
   a. Bila ia seorang diri saja, atau
   b. Tidak ada anak perempuan yang sekandung dari si mayat,
   c. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki dari si mayat,
   d. Tidak ada anak laki-laki sekandung dari si mayat.

   Pembahagiannya:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Anak perempuan dari anak laki-laki	1/2	$100	$50
Anak laki-laki dari pak cik laki-laki	asobah		$50

2. Ia mendapat 2/3 (dua pertiga) dengan syarat:
   a. Apabila ia dua orang atau lebih, jika tidak ada anak perempuan yang sekandung, dan
   b. Tidak ada anak laki-laki yang sekandung dari si mayat dan tidak ada pula anak laki-laki oleh anak laki-laki. Misalnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan anak perempuan dari anak laki-laki dan seorang pak cik dan lain-lain. Sedang ia meninggalkan harta seharga $150.

Rajah Pembahagian:

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Dua orang anak perempuan dari anak laki-laki	2/3	$150	
Seorang pak cik	asobah		$50

3. Ia menjadi asobah dengan anak laki-laki dari anak laki-laki dengan syarat tidak ada anak laki-laki. Misalnya seorang meninggal dunia meninggalkan seorang anak perempuan dari anak laki-laki dan seorang anak laki-laki dari anak laki-laki, sedang harta yang ditinggalkannya seharga $300. Harta itu harus dibahagi tiga.

Rajah Pembahagian:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Anak perempuan oleh anak laki-laki	asobah	$300	$100 (1/3)
Anak laki-laki oleh anak laki-laki	asobah		$200 (2/3)

4. Ia mendapat 1/6 (seperenam) dengan syarat:
   a. Ada seorang anak perempuan sekandung
   b. Tidak ada anak laki-laki dari si mayat
   c. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki si mayat.

Misalnya seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang anak perempuan dari anak laki-laki dan seorang saudara laki-laki yang sebapa. Sedang ia meninggalkan harta seharga $600.

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
Bagi anak perempuan kandung	1/2=3/6		$300
Bagi anak perempuan kandung dari anak laki-laki	1/6=1/6	$600	$100
Bagi anak laki-laki yang sebapa	asobah		$200

Yang 1/6 itu gunanya ialah untuk menyempurnakan 2/3 (dua pertiga).

Kalau anak perempuan dari anak laki-laki berserta saudaranya yang laki-laki berkumpul dengan seorang anak perempuan yang sekandung (lihat keterangan furudh yang 1/6), tidak ubahnya seperti anak perempuan sekandung berserta saudaranya, ertinya keduanya menjadi asobah. Kalau mereka bergabung dengan anak perempuan yang sekandung, maka anak perempuan yang sekandung lebih dahulu mengambil furudhnya, dan jumlahnya yang tinggal itulah bahagiannya, bahagian laki-laki 2 kali bahagian perempuan.

5. Ia gugur, ertinya anak perempuan dari anak laki-laki tidak dapat bahagian apabila:
   a. Ada dua orang anak perempuan sekandung dari si mayat
   b. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki.

Kalau ada tentu ia menjadi asobah dengan saudaranya itu. Anak perempuan dari anak laki-laki gugur haknya ketika ada 2 (dua) orang anak perempuan yang sekandung, sebab kalau ia diberi juga tentu jumlah bahagian anak-anak perempuan lebih dari 2/3 (dua pertiga). Sedang bahagian anak-anak perempuan mulai dari 2 (dua) orang hingga bilangan yang tak tertentu banyaknya, tidak boleh melebihi dari 2/3 (dua pertiga). Dan anak perempuan dari anak laki-laki (cucu) itu diserupakan dengan anak perempuan yang sekandung dengan ijmak ulama.

6. Gugur haknya dengan sebab anak laki-laki sekandung, sebab anak laki-laki itu adalah menjadi asobah, dan lebih dekat kepada si mayat.

Ketiga: *Saudara perempuan yang sekandung.*

Baginya ada 5 (lima) jalan.

1. Ia mendapat ½ (seperdua) dengan syarat:
   a. Bila ia sendiri, seperti anak perempuan pula
   b. Tidak ada anak perempuan
   c. Tidak ada anak perempuan dari anak laki-laki

d. Tidak ada anak laki-laki
e. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki
f. Tidak ada bapa
g. Tidak ada datuk
h. Tidak ada saudara laki-laki yang sekandung

(Contoh boleh dibuat sendiri, kerana mudah.)

2. Ia mendapat 2/3 (dua pertiga) dengan syarat:
   a. Bila ia berdua atau lebih
   b. Jangan ada anak perempuan sekandung, tidak ubahnya seperti syarat-syarat yang tersebut di atas pada bahagiannya seperdua.
3. Ia menjadi asobah dengan saudara laki-lakinya yang sekandung, dengan syarat:
   a. Tidak ada anak laki-laki
   b. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki (cucu laki-laki)
   c. Tidak ada bapa
   d. Tidak ada datuk.

   Ini dinamakan asobah bilghair (asobah dengan yang lain).
4. Ia menjadi asobah berserta anak perempuan sekandung, atau berserta anak perempuan dari anak laki-laki. Ini dinamakan Asobah ma'al ghair. Beza antara "Asobah bilghair" dan "Asobah ma'al ghair" sebagaimana yang telah dinyatakan dalam perkara "asobah" yang lalu adalah: Asobah bilghair mengambil harta pusaka secara ta'shib. Sedang asobah ma'al ghair mengambil harta pusaka secara furudh (lihat keluarga yang dulu). Dari itu ia mendapat:
   a. ½ (seperdua) harta, kalau ia berserta seorang anak perempuan saja.
   b. 1/3 (sepertiga) harta, kalau ia berserta dua orang anak perempuan sekandung. Sebab dua anak perempuan itu sudah mengambil dua pertiga harta. Jadi yang tinggal hanya sepertiga harta dan inilah bahagiannya.
5. Haknya gugur (tidak dapat bahagian) disebabkan:
   a. Ada anak laki-laki yang sekandung
   b. Ada anak laki-laki dari anak laki-laki
   c. Ada bapa bagi mayat (lihat jadual hijab).

Keempat: *Saudara perempuan yang sebapa.*

1. Ia mendapat ½ (seperdua) kalau ia sendiri saja dengan syarat:
   a. Tidak ada saudara perempuan yang sekandung oleh mayat
   b. Tidak ada saudara laki-laki yang sekandung oleh mayat
   c. Tidak ada anak laki-laki yang sekandung
   d. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki
   e. Tidak ada bapa

f. Tidak ada datuk
g. Tidak ada anak perempuan yang sekandung
h. Tidak ada anak perempuan dari anak laki-laki
i. Tidak ada saudara laki-laki yang sebapa.

Sebab ia terdinding, dengan adanya orang-orang yang tersebut itu. Dan ia tetap mendapat ½ (seperdua) bila ia berkumpul dengan yang lain dari mereka itu, umpamanya dengan pak cik laki-laki dan sebagainya.

2. Ia mendapat dua pertiga (2/3), kalau ia berdua atau lebih dengan syarat-syarat sebagai syarat yang pertama itu.
3. Ia menjadi asobah dengan saudara laki-laki yang sebapa, dengan syarat:
   a. Tidak ada anak laki-laki yang sekandung.
   b. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki
   c. Tidak ada bapa
   d. Tidak ada datuk
   e. Tidak ada saudara laki-laki sekandung
   f. Tidak ada saudara perempuan, bila ia menjadi asobah berserta anak perempuan atau anak perempuan dari anak laki-laki.
4. Ia menjadi asobah jika berserta anak perempuan sekandung atau anak perempuan dari anak laki-laki (asobah berserta orang lain). Maka boleh baginya mengambil harta yang ditinggal sesudah anak perempuan sekandung atau anak perempuan dari anak laki-laki mengambil furudhnya ½ (seperdua) kalau anak perempuan itu seorang saja, atau 2/3 (dua pertiga) kalau anak perempuan itu berbilang (dua atau lebih) dengan syarat:
   a. Tidak ada saudara laki-laki sekandung.
   b. Tidak ada bapa
   c. Tidak ada datuk
   d. Tidak ada anak laki-laki sekandung
   e. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki
   f. Tidak ada saudara sekandung perempuan yang mengasobahi.
5. Haknya gugur dengan sebab ada:
   a. Anak laki-laki sekandung
   b. Anak laki-laki dari anak laki-laki sekandung
   c. Bapa
   d. Saudara sekandung laki-laki
   e. Saudara sekandung perempuan, bila ia menjadi asobah berserta anak perempuan yang sekandung.
6. Ia mendapat 1/6 (seperenam), bila ia berserta seorang saudara perempuan sekandung. Gunanya ialah untuk menyempurnakan 2/3 (dua pertiga), dengan syarat tidak ada saudara laki-laki

yang sebapa. Kalau ada maka saudara perempuan yang sebapa itu sama-sama menjadi asobah dengan saudaranya itu.

Contoh penyempurnaan 2/3 (dua pertiga):

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Menyamakan Pembahagian	Pendapatan masing-masing	Jumlah
Seorang saudara perempuan kandung	1/2		3/6	3	4
Seorang saudara perempuan sebapa	1/6	6	1/6	1	

Maka 4 (empat) adalah 2/3 dari asal pokok, iaitu 6 (enam). Kalau berserta saudara perempuan sebapa itu ada pula saudara yang laki-laki, tentu harta yang tinggal harus dibahagi 3 (tiga), supaya bahagian seorang laki-laki 2 kali bahagian seorang perempuan. Maksudnya ialah harta semua.

7. Haknya gugur dengan sebab ada 2 (dua) orang saudara perempuan yang sekandung, selama tidak ada bersamanya saudara laki-laki yang sebapa. Kalau ada, haknya (bahagiannya) tidak jadi gugur tetapi sama-sama menjadi asobah (asobah dengan yang lain).

   Bahagian laki-laki 2 kali bahagian perempuan.

Contoh:

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan dua orang saudara perempuan sekandung, seorang saudara perempuan sebapa, dan seorang saudara laki-laki sebapa dan harta seharga $900,

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Menyamakan bilangan	Harta	Pendapatan masing-masing
Dua orang saudara kandung	2/3		6/9		$600
Seorang saudara perempuan sebapa		9		$900	$100
Seorang saudara laki-laki sebapa					$200

Kelima: *Saudara laki-laki yang seibu.*

1. Ia mendapat 1/3 (sepertiga) kalau ia berdua atau lebih. Sedang dalam hal ini disamakan pembahagiannya antara laki-laki dan perempuan. Sebab Allah berfirman: "Maka apabila mereka (anak-anak yang seibu) lebih dari itu, maka mereka bersyarikat dalam sepertiga harta pusaka."

(Surah An Nisa' ayat 12).

Jadi berlainan dengan saudara laki-laki yang seibu sebapa. Bahagian laki-laki adalah 2 kali bahagian perempuan.

2. Ia mendapat 1/6 (seperenam), dengan syarat:
   a. Ia sendiri saja.
   b. Tidak ada bapa.
   c. Tidak ada datuk.
   d. Tidak ada anak laki-laki sekandung
   e. Tidak ada anak laki-laki dari anak laki-laki sekandung
   f. Tidak ada anak perempuan yang sekandung
   g. Tidak ada anak perempuan dari anak laki-laki yang sekandung.
3. Bahagian mereka gugur dengan sebab:
   a. Ada anak laki-laki atau perempuan
   b. Ada anak dari anak laki-laki.
   c. Ada bapa
   d. Ada nenek laki-laki (datuk).

Keenam: *Ibu.*

1. Ia mendapat 1/6 (seperenam) kalau ia berserta salah satu dari:
   a. Anak sekandung dari si mayat, atau
   b. Anak dari anak laki-laki si mayat, laki-laki atau perempuan, atau
   c. Beberapa saudara laki-laki (sekurang-kurangnya dua orang) dari si mayat, atau
   d. Berserta saudara-saudara perempuan sama ada sekandung atau sebapa saja.

Contoh pertama:

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang ibu dan lima orang saudara laki-laki, sedang harta yang ditinggalkannya $600.

Pembahagiannya adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil pembahagian
1 orang ibu	1/6	$600	$100 yang mempunyai furudh
5 orang saudara laki-laki	asobah		$500 yang menjadi asobah

2. Ia mendapat 1/3 (sepertiga) dari pokok harta, bukan 1/3 (sepertiga) dari harta yang tinggal, apabila ia:
   a. Tidak berserta anak-anak tersebut di atas,
   b. Tidak berserta dengan beberapa saudara laki-laki mahupun perempuan.
   c. Tidak berserta bapa dan bersama seorang dari suami-isteri, maka dalam hal ini tentu ia mendapat sepertiga harta yang tinggal. Dan tidak mengapa berserta salah seorang suami-isteri asal bapa tidak ada. Kalau ia beserta bapa, berserta suami atau isteri, maka ia mendapat sulusul baqi, (sepertiga harta yang tinggal) tujuannya agar bapa mendapat dua kali bahagian ibu.

Misalnya:

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang ibu dan seorang bapa, maka pembahagiannya adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil pembahagian
1 orang bapa	2/3	300	200
1 orang ibu	1/3		100

Contohnya yang kedua:

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang ibu, seorang suami dan seorang pak cik, sedang hartanya seharga $480, –

Pembahagiannya adalah:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
1 orang pak cik	1/6	$480	$80
1 orang suami	1/2 = 3/6		$240
1 orang ibu	1/3 = 2/6		$160

3. Ia mendapat 1/3 (sepertiga dari harta yang tinggal, sesudah salah seorang suami atau isteri mengambil furudhnya. Syaratnya bila ada ibu itu berserta bapa dan berserta salah seorang suami atau isteri.

Misalnya:

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan seorang suami, ibu dan bapa, sedang hartanya ada seharga $360, maka pembahagian ibu dan bapa ialah setelah diambil bahagian suami:

Contoh pertama:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
Suami	1/2 = 3/6	$360	$180
Ibu	1/3 dari baki		$ 60
Bapa	asobah		$120

Maksudnya supaya bapa mengambil 2 kali sebanyak bahagian ibu (lihat contoh).
Contoh kedua:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian
1 isteri	1/4		100
1 ibu	1/4	400	100
1 bapa			200

Ketujuh: *Nenek.*

1. Ia mendapat 1/6 (seperenam), biar ia dari pihak ibu mahupun dari pihak bapa, dengan syarat:
   a. Tidak ada ibu, kalau nenek itu dari pihak ibu
   b. Tidak ada bapa dan ibu, bila nenek itu dari pihak bapa. Dan tidak mengapa kalau ia berserta dengan yang lain.
2. Haknya gugur, kalau ada ibu dari si mayat.

Kelapan: *Isteri.*

1. Ia mendapat ¼ (seperempat), dengan syarat:
   a. Jangan ada anak dari si mayat
   b. Jangan ada cucu dari si mayat, iaitu anak dari anak laki-laki.
2. Ia mendapat 1/8 (seperlapan), dengan syarat kalau si mayat meninggalkan anak.

Kesembilan: *Suami.*

1. Ia mendapat ½ (seperdua), dengan syarat:
   a. Kalau si mayat tidak ada anak atau anak dari anak laki-laki, atau
   b. Ia sendiri saja.
2. Ia mendapat ¼ (seperempat), dengan syarat: Bila si mayat ada anak atau anak dari laki-laki.

Kesepuluh: *Bapa.*

1. Ia mendapat 1/6 (seperenam) saja (tidak berserta asobah), disebabkan:
   a. Ada anak laki-laki, atau
   b. Ada anak laki-laki dari anak laki-laki, walaupun yang terbawah sekali.
2. Ia mendapat 1/6 (seperenam) berserta asobah dengan syarat:
   a. Kalau ia ada berserta anak perempuan, atau
   b. Anak perempuan dari anak laki-laki, walaupun yang paling bawah.
3. Ia menjadi asobah saja, kalau mereka yang tersebut di atas itu tidak bersertanya.
   Contoh 1/6 (seperenam) saja tidak berserta ta'shib:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok masalah	Pokok	Hasil Pembahagian
Bapa Anak laki-laki	1/6 asobah	6	300	1($50) 5($250)

Contoh 1/6 (seperenam) serta *ta'shib* juga:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Baki
1 Bapa 1 Anak perempuan	1/6 = 1/6 1/2 = 3/6	$180	$30 $90	$60

Baki yang $60 (enam puluh) itu, ialah untuk bapa, sebab ketika itu ia menjadi asobah dari si mayat. Jadi untuk bapa $30 + $60 = $90.

Kesebelas: *Datuk*

Yang dimaksud dengan datuk di sini, ialah datuk dari pihak bapa, ertinya bapa dari bapa, bukan bapa dari ibu. Adapun bapa dari ibu ia tidak dapat waris sama sekali, kerana bukan ahli waris.

1. Datuk itu hanya mendapat 1/6 (seperenam) sahaja kalau ia berserta anak laki-laki atau anak laki-laki dari anak laki-laki walaupun dari yang paling bawah.

2. Ia mendapat 1/6 (seperenam) serta jadi asobah, bila ia:
   a. Berserta dengan seorang anak perempuan atau seorang anak perempuan dari anak laki-laki, walaupun anak yang paling bawah,
   b. Tidak ada bapa.

3. Ia menjadi asobah saja tidak mendapat furudh, dengan syarat kalau ia tidak berserta:
   a. Anak laki-laki sekandung, atau
   b. Anak laki-laki dari anak laki-laki, atau
   c. Anak perempuan, atau
   d. Anak perempuan dari anak perempuan

   Tidaklah mengapa kalau ia berserta dengan ibu, dia tetap menjadi asobah, setelah ibu mengambil furudhnya.

4. Ia terhijab (terhalang) oleh bapa. Ertinya ia tidaklah mendapat furudh, bila bapa masih ada.

1. PEMBAHAGIAN AHLI WARIS YANG TIDAK TERHIJAB

Di atas sudah diterangkan, bila semua Ahli Waris berkumpul semua, maka yang mendapat waris adalah:

Pertama: Dari pihak laki-laki. Pembahagiannya adalah sebanyak berikut:

1. bapa
2. suami
3. Anak laki-laki (sebagai asobah).

Pembahagiannya adalah:

Bapa	1/6		2	Bapa dapat 2
Suami	1/4	12	3	Suami dapat 3
Anak laki-laki	asobah		7	Anak laki-laki 7 mengemasi harta yang tinggal sesudah furudh

Kedua: Dari pihak perempuan: Cara pembahagiannya adalah sebagai berikut:

1. Anak perempuan yang sekandung
2. Anak perempuan dari anak laki-laki
3. Ibu
4. Isteri
5. Saudara perempuan (asobah)

Pembahagiannya adalah sebagai berikut:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pendapatan masing-masing
1 orang anak perempuan	1/2		12
1 orang anak perempuan dari anak laki-laki	1/6		4
1 orang ibu	1/6	24	4
1 orang isteri	1/8		3
1 orang saudara perempuan sekandung	Asobah		1

Kalau berkumpul semua laki-laki dan perempuan yang termasuk ahli waris, kecuali isteri kerana ia yang meninggal, maka yang mendapat dari mereka adalah lima macam:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian pokok dibesarkan	Pendapatan masing-masing
1 orang bapa	1/6		2	2/12 x 36 = 6
1 orang ibu	1/6		2	2/12 x 36 = 6
1 orang suami	1/4	12	3	3/12 x 36 = 9
1 orang anak laki-laki	Asobah		5÷3	Bhg. a. lk. = 10
1 orang anak perempuan	Asobah		3 x 12 = 36	Bhg. a. pr. = 5

Kalau si suami yang meninggal dunia, maka perhitungan adalah sebagai berikut:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian pokok dibesarkan	Pendapatan masing-masing
1 orang bapa	1/6		4	4/24 x 72 = 12
1 orang ibu	1/6		4	4/24 x 72 = 12
1 orang isteri	1/8	24	3	4/24 x 72 = 9
1 orang anak laki-laki	Asobah		13÷3	Bhg. a. lk. = 26
1 orang anak perempuan	Asobah		3 x 24 = 72	Bhg. a. pr. = 13

Keterangannya:

Dalam contoh di atas itu, ialah 13 ÷ 3 dan di bawahnya 3 x 24 = 72. Sebab kalau 13 itu dibahagi 3, yang bererti 3 x 13 = 39 setelah dipecah maka angka 13 itu ketinggalan (sisa) setelah ahlul furudh mengambil bahagiannya, tentulah pokok masalah lebih dahulu dibesarkan, agar barang dapat dibahagi menurut ketentuan masing-masing. Iaitu angka yang 24 (duapuluh empat) dibesarkan tiga kali, sama dengan 72 (tujuh puluh dua). Setelah barang-barang itu dapat dibahagi jadi 72, maka mudahlah membahagikan kepada ahlul furudh dan kepada orang yang menjadi asobah. Begitu pula contoh yang sebelumnya, iaitu bila isteri yang meninggal.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَاُولُوا الْاَرْحَامِ بَعْضُهُمْ اَوْلَى بِبَعْضٍ فِى كِتَابِ اللهِ اِنَّ اللهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيْمٌ*

سورة الأنفال اية ٧٥

Dan Zawil-arham (Ulul-arham) itu, sebahagian mereka lebih utama (jadi ahli waris) terhadap yang sebahagian menurut Kitabullah, sesungguhnya Allah dengan tiap-tiap sesuatu Maha Mengetahui.

(Surah Al-Anfal, ayat 75).

Dalam kalimat Al-Quran ini dinyatakan kata-kata: "lebih utama", yang dimaksudkan ialah dalam perkara menerima harta pusaka, dari yang satu terhadap yang lain. Dalam hal ini, bahawa keutamaan itu ialah Zawil-furudh dan mua'shib tidak ada.

Di dahulukan zawil-furudh dan Mua'shib dari Zawil-arham, kerana Zawil-furudh dan Mua'shib dinaskan bahagiannya, baik dalam Al-Quran mahupun dalam hadis Rasulullah s.a.w.

Dalam Al-Quran dinyatakan dengan ANGKA PECAHAN, sedang dalam hadis dinyatakan dengan kalimat فمابقي لأولى الذكر (Mana harta yang lebih, maka jadi hak bagi laki-laki yang terdekat kepada mayat).

Sedang untuk zawil-arham, tidak dinaskan pembahagiannya. Oleh sebab itu, mereka boleh mendapat harta waris apabila Zawil-furudh dan mua'shib tidak ada.

2. ZAWIL-ARHAM DAN SOAL RAD

Zul Arham, ertinya tiap-tiap orang yang dekat kepada mayat, selain dari ahli waris yang tersebut di atas. Adapun banyaknya zul arham itu adalah:

1. Cucu (sebelah anak perempuan)
2. Anak saudara (sebelah saudara perempuan)
3. Anak saudara yang perempuan (sebelah saudara laki-laki)
4. Sepupu perempuan (sebelah pak cik)
5. Datuk saudara (sebelah ibu)
6. Pak cik (sebelah ibu)
7. Mak cik (sebelah ibu)
8. Datuk sebelah ibu
9. Moyang (sebelah Bapa ibu)
10. Mak cik (sebelah bapa)
11. Anak dari saudara laki-laki ibu (sepupu sebelah ibu)

Dapat dan tidaknya zul arham dalam pembahagian harta pusaka mayat, akan dihuraikan dalam soal Ar Rad di bawah ini.

Rad, ertinya penolakan atau penyerahan. Menurut istilah ilmu faraidh, penolakan harta kepada zawil-furudh, iaitu tentang harta yang masih lebih sesudah mereka mengambil furudh mereka menurut bandingan bahagian masing-masing.

Dalam Al-Minhaj diterangkan: Kalau ahlul waris tidak ada sama sekali, maka menurut mazhab Syafii, zul arham tidak me-

warisi apa-apa. Dan tidak pula diradkan (diserahkan) harta itu kepada ahlul furudh (jika mereka ada) apabila harta itu berlebih sesudah mereka mengambil furudh mereka, tetapi harta itu harus diserahkan kepada "baitul mal" (gedung harta pusaka).

Jika urusan baitul mal itu tidak teratur atau tidak ada sama sekali, kerana tidak adanya negara Islam dan lain-lain, maka menurut fatwa Ulama Mutaakhirin bahawa harta itu boleh diradkan kepada ahlul furudh, selain dari dua orang suami isteri. Apabila ahlul furudh tidak ada, boleh diberikan kepada zawil arham, tetapi hanya mak cik sebelah ibu sahaja.

Keterangan menyatakan:

عَنِ الْمِقْدَمِ بْنِ مَعْدِيْكَرِبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْخَالُ وَارِثُ مَنْ لاَ وَارِثَ لَهُ. رواه احمد وابو داود

Dari Al-Miqdam bin Ma'dikariba r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Pak cik sebelah ibu adalah menjadi waris yang tidak ada waris."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Zawil arham tidak dapat menjadi ahli waris, selain dari pak cik sebelah ibu kerana mereka tidak disebutkan, baik dalam hadis mahupun dalam Al-Quran.

Anak Saudara Mendapat Waris Sesudah Pak cik Sebelah Ibu.

Bila pak cik sebelah ibu tidak ada, barulah waris pindah kepada anak saudara. Tetapi kalau anak saudara tidak ada pula, barulah diberikan kepada mereka yang dipandang lebih dekat kepada mayat.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِبْنُ أُخْتِ الْقَوْمِ مِنْهُمْ اَوْ مِنْ اَنْفُسِهِمْ. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Anak lelaki oleh saudara perempuan sesuatu kaum, adalah masuk golongan mereka atau diri mereka."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Berhubung kerana NAS untuk anak saudara tidak ada, maka ia dapat dimasukkan ke dalam golongan zawil arham sesudah pak cik sebelah ibu.

Demikianlah mengenai *Zawil Arham*.

Contoh Rad

Seorang yang meninggal dunia meninggalkan:

1. Seorang anak perempuan
2. Seorang ibu
3. Seorang suami.

Maka pembahagiannya adalah sebagai berikut:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil Pembahagian	Jumlah	Baki
1 orang anak perempuan	1/2		6		
1 orang ibu	1/6	12	2	11	1
1 orang suami	1/4		3		

Harta yang tinggal hanya satu (1).

Yang satu ini, hendaklah diberikan kepada ahlul furudh yang di atas itu, iaitu anak perempuan dan ibu.

Dan bukan diberikan kepada suami atau isteri. Harta itu harus dibahagikan kepada orang yang dua itu menurut bandingan pembahagian mereka, dari jumlah bahagian keduanya.

Adapun jumlah bahagian keduanya ialah:

anak perempuan mendapat	6
ibu mendapat	2
jumlah keduanya	8

Sekarang hendaklah dilihat bandingan antara kedua bahagian itu dengan angka 8 (lapan).

6 (enam) adalah ¾ dari 8 (lapan)
2 (dua) adalah ¼ dari 8 (lapan)

Maka 1 (satu) bahagian harta yang tinggal itu tentu harus dibagi empat, iaitu ¾ untuk anak perempuan dan ¼ untuk ibu. Dinamakan juga, bahawa yang satu bahagian itu sama dengan ½ x harta semuanya, sebab pokok pembahagian ialah 12.

Buktinya:

1	2	3	4
5	6	7	8
9	10	11	

Pokok pusaka dari 12, sebab barang ada 12 bahagian, yang 11 (sebelas) sudah dipunyai oleh tiga orang tersebut di atas, tinggal lagi hanya 1 (satu).

Inilah yang akan diperhatikan. Jalannya adalah sebagai berikut:

1÷4= 1/12÷4 = 1/4x1/12 = 1/48. Maka pokok pusaka sekarang ini menjadi 48 kerana dibesarkan.

Sekarang baiklah dikeluarkan bahagian suami, iaitu ¼ (seperempat) dari pokok, sebab ia tidak mendapat bahagian *rad.*

Kalau pokok semula dari 12 (dua belas) tentu bahagiannya 3 (tiga). Akan tetapi pokok semula dipecah-pecah, hingga menjadi 48 (empat puluh lapan), tentu si suami mendapat ¼ (seperempat) dari pokok yang sekarang.

Adapun angka 48 (empat puluh lapan) itu boleh diperkecil, ertinya dibahagi 3 (tiga), kerana mereka tiga orang, maka pendapatan menjadi:

48 ÷ 3 = 16		
Untuk si suami	1/4 x 16 = 4	16 – 4 = 12
Untuk anak perempuan		3/4 x 12 = 9
Untuk ibu		1/4 x 12 = 3

Atau boleh juga begini:

1 = 4/4 (dijadikan kepada 4/4) sebab bandingan bahagian anak perempuan dan ibu adalah perempat (/4) dari jumlah kedua bahagian itu (lihat keterangan).

Bahagian anak perempuan + bahagian ibu = 6 + 2 = 8
2 = 1/4 x 8
6 = 3/4 x 8

Bahagian anak perempuan = 6 + (3/4 x 4/4) = 6 3/4
Bahagian ibu = 2 + (1/4 x 4/4) = 2 1/4

Sedang suami tetap 3 (tiga) = 1/4 x jumlah pokok pusaka.

Supaya bahagian kedua anak dan ibu jangan dipecah-pecah, maka hendaklah dibesarkan pokok masalah itu dengan 4 kali, sama dengan 4 x 12 = 48.

Kemudian dikecilkan, iaitu dibahagi 3, kerana mereka hanya tiga orang = 48 : 3 = 16.

Dikeluarkan lebih dahulu untuk suami isteri, iaitu 1/4 dari pokok pusaka.
Untuk suami 1/4 x 16 4, baki 16 − 4 = 12
Untuk anak perempuan 3/4 x 12 = 9
Untuk ibu 1/4 x 12 = 3
Demikian pulalah contoh yang lain, umpama:

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Hasil pembahagian	Jumlah	Baki
1 anak perempuan	1/2		12		
1 orang ibu	1/6	24	4	19	24 − 19 = 5
1 orang isteri	1/8		3		

Harta yang baki sesudah dibahagi adalah 24 − 19 = 5.
Sedang 5 (lima) itu diberikan kepada anak dan ibu.
Jumlah pendapatan anak dan ibu ialah 12 + 4 = 16.
12 = 3/4 x 16. Maka yang lima (5) itu tentu dibahagi 4 (empat) pula.
4 = 1/4 x 16. Jadi 3/4 untuk anak, dan 1/4 untuk ibu.
Jalannya tentu 4 x 24 : 3 = 96 = 32.
Untuk isteri 1/8 x 32 = 4. Jadi harta yang tinggal ialah: 32−4=28.
Untuk anak perempuan 3/4 x 28 = 21.
Untuk ibu 1/4 x 28 = 7.

3. BILA BERKUMPUL DATUK-DATUK DENGAN SAUDARA LAKI-LAKI ATAU PEREMPUAN

Datuk laki-laki bila berkumpul dengan saudara laki-laki atau saudara perempuan, tidak bertemu keterangannya, baik dalam Al-Quran ataupun dalam hadis Nabi. Tetapi hukumnya adalah berdasarkan ijtihad sahabat-sahabat Nabi s.a.w. dan ulama-ulama mujtahid.

Berdasarkan pendapat Abu Bakar Siddik dan Ibnu Abbas dan lain sahabat At-Tabiin, seperti Abu Hanifah, bahawa datuk laki-laki itu adalah seperti bapa sekandung. Jadi ia menghijab akan saudara laki-laki. Pendapat Ali bin Abi Talib, Zaid bin Sabit dan Ibnu Mas'ud bahawa mereka semuanya itu boleh mendapat waris.

Dan pendapat ini diturut oleh Imam Syafii, Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal.

Kemudian dapatlah diambil kesimpulan, bahawa apabila berkumpul datuk berserta saudara laki-laki dan saudara perempuan, sama ada sebapa atau hanya saudara sebapa, maka bagi datuk ada dua jalan apabila tidak ada yang mempunyai furudh:

Pertama: Muqasamah (berbagi) yang lebih baik bagi datuk dari 1/3 (sepertiga) harta,

Kedua: 1/3 (sepertiga) harta dan muqasamah (sama-sama banyak).

Muqasamah yang lebih baik baginya dari 1/3 (sepertiga), ada 5 (lima) macam. Cuba bandingkan mana yang banyak 1/3 (sepertiga) harta antara berbagi (muqasamah) untuk datuk dalam contoh di bawah ini:

	1/3 (sepertiga) — Muqasamah (berbahagi)					
Ahli waris	**Pokok**	**Pembahagian masing-masing**	**Peraturan Pembahagian**	**Pembahagian**	**Hasil pembahagian**	**Keterangan**
Datuk Saudara laki-laki	3	1 2	3÷2=2x3 6	1/2 x 6 1/2 x 6	3 3	3/2=1 ½ 3/2=1 ½
Datuk 1 orang saudara perempuan	3	1 2	3÷3=3x3 9	2/3 x9 1/3 x 9	6 3	6/3=2 3/3=1
Datuk 2 orang saudara perempuan	3	1 2	3÷4=4x3 12	2/4 x 12 2/4 x 12	6 6	6/4=1 ½ 6/4=1 ½
Datuk 3 orang saudara perempuan	3	1 2	3÷5=5x3 =15=	2/5 x 15 3/5 x 15	6 9	6/5=1 1/5 9/5 = 14/5
Datuk 1 orang saudara laki-laki 1 orang saudara perempuan	3	1 2	3÷5=5x3 15	2/5 x 15 2/5 x 15 1/5 x 15	6 6 3	6/5=1 1/5 6/5=1 1/5 3/5

Penjelasan bahagian datuk:

Pertama: 3÷2 = 1/2x3 = 3/2 =3x1/2, sebab harta dibahagi 2.
Kedua: 3÷3 = 1/3x3 = 3/3x2 = 6/3 = 2 = 6x1/3, sebab harta dibahagi 3.
Ketiga: 3÷4 = 1/4x3 = 3/4x2 = 6/4 = 12/4 = 6x1/4, sebab harta dibahagi 4.
Keempat: 3÷5 = 1/5x3 = 3/5x2 = 6/5 = 1 1/5 = 6x1/5, sebab harta dibahagi 5.
Kelima: 3÷5 = 1/5x3 = 3/5x2 = 6/5 = 1 1/5 = 6x1/5, sebab harta dibahagi 5.

Maka teranglah, bahawa angka 1½, 2, 1½, 1 1/5 dan 1 1/5 dalam soal muqasamah, lebih banyak dari 1 (satu) dalam soal sepertiga harta seluruhnya.

Kesimpulan dari contoh-contoh yang di atas ini, ialah bila ada jumlah saudara, biar laki-laki ataupun perempuan kurang dari 2 kali datuk, maka bagi datuk yang lebih baik ialah muqasamah kerana lebih banyak dari 1/3 (sepertiga).

Adapun 1/3 (sepertiga) harta dan muqasamah yang kedua-duanya bersamaan, ada terdapat pada tiga jalan.

Iaitu, bila saudara-saudara baik laki-laki ataupun perempuan ada 2 kali sebanyak datuk. Cubalah bandingkan 1/3 (sepertiga) harta dan harta yang dibahagi menurut aturannya untuk datuk.

Contoh:

Ahli waris	1/3 (sepertiga)		Muqasamah (berbagi)			Keterangan
	Pokok	Bahagian masing-masing	Peraturan Pembahagian	Pembahagian	Hasil pembahagian	
1. Datuk	3	1	3÷3=3x3	1/3x9	3	3/3=1
2 orang saudara laki-laki		2	9	2/3x9	6	6/3=2
2. Datuk	3	1	3÷6=6x3	2/6x18	6	6/6=1
1 orang saudara perempuan			18	2/6x18	6	6/6=1
2 orang saudara laki-laki		2		2/6x18	6	6/6=1
3. Datuk	3	1	3÷6=6x3	2/6x18	6	6/6=1
4 orang saudara perempuan		2	18	4/6x18	12	12/6=2

Penjelasan datuk:

No. 1. 3÷3 = 1/3 x 3 = 3/3 = 1 = 3 x 1/3, sebab harta dibahagi 3.
No. 2. 3÷6 = 1/6x3 = 3/6x2 = 6/6 = 1 = 6x1/6, sebab harta dibahagi 6.
No. 3. 3÷6 = 1/6x3 = 3/6x2 = 6/6 = 1 = 6x1/6, sebab harta dibahagi 6.

Maka teranglah bahawa 1/3 (sepertiga) harta sama banyaknya dengan harta dibahagi menurut aturannya untuk datuk, iaitu sama-sama dapat 1 (satu).

Jika ada orang-orang yang berserta mereka itu mempunyai furudh, maka bagi datuk ada tiga jalan yang bersifat lebih banyak, sesudah mereka mengambil furudh masing-masing iaitu:

1. 1/6 (seperenam) lebih banyak dari 1/3 (sepertiga) harta yang tinggal, dan dari muqasamah.
2. 1/3 (sepertiga) harta yang tinggal lebih banyak dari muqasamah, dan dari 1/6 (seperenam) harta semua.
3. Muqasamah (berbahagi) lebih banyak dari 1/3 (sepertiga) harta yang tinggal, dari 1/6 (seperenam) harta.

Contoh pertama:

	1/6 (seperenam) dari harta			1/3 (sepertiga) harta yang tinggal		Muqasamah (berbagi)	
Ahli waris	**Pembahagian**	**Pokok masa-lah**	**Bahagian masing-masing**	**Pokok dibe-sarkan**	**Bahagian masing-masing**	**Pokok dibe-sarkan**	**Bahagian masing-masing**
2 orang anak perempuan	2/3		4		20		28
1 orang datuk	1/6		1		10÷3		4
2 orang saudara laki-laki	asobah	6	1÷5	30	(3 1/3)	42	8
1 orang saudara perempuan							2

Dalam contoh ini yang untuk datuk ialah:

Pertama: 1 = 1/6 dari harta semua, atau 1/2 dari harta yang tinggal setelah 6 – 4.

Kedua: 3 1/3 = 1/3 dari 10 (sepuluh) setelah 30 – 20, atau sepertiga harta yang tinggal.

Ketiga: 4 = 4/14 dari 14 (empat belas) setelah 42 dikurangi 28.

Dalam hal ini yang banyak bagi datuk ialah 1/6 harta semua.

Angka 42 dalam halaman ini ialah hasil dari memperkalikan 6 kepada jumlah orang, selain 2 anak perempuan (6 x 7), sebab laki-laki 2 kali perempuan.

Contoh kedua:

Muqasamah				1/3 (sepertiga) harta yang tinggal			1/6 (seperenam) dari harta semua		
Ahli Waris	Pembahagian	Pokok masalah	Pembahagian	Pokok dibesarkan	Pembahagian	Pokok dibesarkan	Bahagian masing	Pokok dibesarkan	Pembahagian masing
1 anak perempuan	1/2		6		30		18		18
1 anak perempuan	1/2		6		30		18		18
1 datuk	Asobah				12		6		6
1 saudara laki-laki	Asobah	12	6÷5	60	12	36	12÷3	36	8
1 saudara perempuan	Asobah				6				4

Dalam contoh ini yang untuk datuk

Pertama: 2, adalah 2/7 dari harta yang tinggal setelah 12 – 5.
Kedua: 7, adalah 1/3 dari harta yang tinggal setelah 36 – 15.
Ketiga: 30, adalah 1/6 dari harta semua.
Dalam hal ini yang paling banyak untuk datuk ialah 1/3 (sepertiga) dari harta yang tinggal.

Contoh ketiga

Muqasamah (berbahagi)				1/3 (sepertiga) Harta yang tinggal			1/6 (seperenam) dari harta semua		
Ahli waris	Pembahagian	Pokok masalah	Pembahagian	Pokok dibesarkan	Pembahagian	Pokok dibesarkan	Bahagian masing	Pokok dibesarkan	Pembahagian masing
1 anak perempuan	1/2		6		30		18		18
1 datuk	Asobah				12		6		6
1 saudara laki-laki	Asobah	12	6÷5	60	12	36	12÷3	36	8
1 saudara perempuan	Asobah				6				4

Dalam contoh ini datuk mendapat:
Pertama: 12 = 2/5 dari harta yang tinggal, setelah 60 – 30.
Kedua: 6 = 1/3 dari harta yang tinggal, setelah 36 – 18.
Ketiga: 6 = 1/6 dari harta semua.

Maka yang banyak bagi datuk pada contoh ini ialah muqasamah.

Kadang-kadang tidak ada baki sedikit pun untuk datuk sesudah ahli furudh mengambil bahagiannya. Dalam hal ini harus di'aulkan lebih dahulu.

Umpama:

Ahli Waris	Pembahagian	Pokok	Bahagian masing-masing	Pokok di'aul-kan	Hasil pembahagian
2 orang anak perempuan	2/3		8		8/15
1 orang suami	1/4	12	3	15	3/15
1 orang ibu	1/6			2	2/15
1 orang datuk	1/6			2	2/15

Maksudnya supaya datuk mendapat menurut bahagiannya ialah 1/6 (seperenam). Kadang-kadang ada juga ketinggalan untuk bahagian datuk.

Umpama:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil pembahagian
2 orang anak perempuan	2/3		4
1 orang ibu	1/6	6	1
1 orang nenek	1/6		1

Kadang-kadang ada juga tinggal datuk, tetapi kurang 1/6 (seperenam). Dalam hal ini di'aulkan 1 (satu).

Umpamanya:

Ahli waris	Pembaha-gian	Pokok	Pembaha-gian	Pokok di'aulkan	Hasil pem-bahagian
2 orang anak perempuan	2/3	12	8	13	8
1 orang suami	1/4		3		3
1 orang datuk	1/6		1+1		2

Andaikata dalam hal yang tiga ini ada saudara, laki-laki ataupun perempuan maka sekalian mereka gugur, sebab mereka itu hanya jadi asobah.

Dalam perkara pembahagian, anak-anak yang seibu sebapa hendaklah menganggap saudaranya yang sebapa itu di atas datuk seolah-olah mereka semuanya satu macam. Jadi kalau datuk telah mengambil bahagiannya mana yang banyak (sepertiga atau muqasamah) maka anak-anak itu adalah:

1. Kalau mereka sama-sama berkumpul, sedang anak yang seibu sebapa laki-laki semuanya, maka harta yang tinggal itu mereka boloti semuanya, dan ketika ini anak-anak sebapa tidak mendapat apa-apa sebab mereka terdinding oleh anak-anak yang seibu sebapa.
2. Bila anak yang seibu sebapa perempuan saja, jika ia sendiri maka harta yang tinggal tidak boleh lebih dari ½ (seperdua), dan jika ia ramai maka harta yang tinggal itu tidak boleh diambilnya lebih dari 2/3 (dua pertiga) maka berapa harta yang lebih itulah untuk saudara yang sebapa.
3. Bila mereka tidak berkumpul, ertinya saudara yang seibu sebapa tidak ada, yang ada hanyalah saudara-saudara yang sebapa saja yang berkumpul dengan datuk maka mereka boleh sama-sama memboloti harta yang tinggal itu, bahagian laki-laki 2 x (dua kali) bahagian perempuan.

Contoh adalah sebagai berikut:

Ahli Waris	1/3 (sepertiga) harta			Muqasamah (berbagi)		
	Pembahagian	Pokok	Hasil pembahagian	Pokok	Pembahagian	Keterangan
1 nenek	1/3		1		1	
1 saudara laki-laki sekandung	Asobah	3	2	3	2	
1 saudara laki-laki sebapa	gugur		–		–	

Dalam contoh ini saudara laki-laki yang sebapa tidak mendapat (gugur) kerana terdinding (terhijab) oleh saudara sekandung.

Jika tidak ada anak yang seibu sebapa kecuali hanya seorang perempuan maka ia boleh mengambil hingga ½ (seperdua) harta dan tidak boleh lebih.

Contoh adalah sebagai berikut:

Ahli waris	1/3 (sepertiga) harta semua			Muqasamah	
	Bahagian	Pokok	Bahagian masing-masing	Pokok di-besarkan	Pemba-hagian
1 orang datuk	1/3		2		6
1 orang saudara perempuan sekandung	1/2	6	3		3
1 orang saudara laki-laki sebapa	Asobah	6		18	6
1 orang saudara perempuan sebapa	Asobah		1÷3		3

Dalam contoh ini harta ada berlebih 1 (satu), sesudah anak perempuan mengambil furudhnya iaitu tidak boleh lebih dari ½ (seperdua) harta yang ditinggalkan oleh si mayat. Dalam contoh ini untuk datuk, baik pada sepertiga harta semua mahupun pada muqasamah, sama saja banyaknya.

Kalau anak perempuan itu dua orang atau lebih maka ia tidak boleh lebih dari 2/3 (dua pertiga).

Kadang-kadang yang lebih dari ½ (seperdua) maka yang lebih itu ialah untuk anak-anak yang sebapa.

Umpama:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Hasil pem-bahagian	Pokok di-besarkan	Pembahagian masing-masing terakhir
1 datuk	1/3		2		2/6 x 24 = 8
1 saudara perempuan sekandung	1/2		3		3/6 x 24 = 12
1 saudara laki-laki sebapa	Asobah	6		24	Bhg. sdr. lk = 2
2 saudara pe-rempuan sebapa	Asobah		1÷4		Bhg.2 sdr. pr=2

Bila anak-anak perempuan telah mengambil 2/3 (dua pertiga) maka harta tidaklah ada yang lebih, sebab datuk telah mengambil 1/3 pula.

Dalam hal seperti ini gugurlah bahagian saudara laki-laki yang sebapa itu.

Contohnya:

Ahli waris	Bahagian	Pokok	Bahagian masing-masing	Keterangan
1 datuk	1/3		1	
2 orang saudara perempuan	2/3	3	2	
1 orang saudara laki-laki sebapa	gugur		gugur	

Dalam contoh saudara laki-laki sebapa tidak mendapat apa-apa kerana harta sudah habis.

4. AHLI WARIS YANG DIBUAT DENGAN PERJANJIAN

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا مَوَالِيَ مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُوْنَ وَالَّذِيْنَ
عَقَدَتْ اَيْمَانُكُمْ فَاٰتُوْهُمْ نَصِيْبَهُمْ اِنَّ اللهَ كَانَ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ
شَهِيْدًا* سورة النساء اية ٣٣

Dan bagi tiap-tiap orang telah kami jadikan mawali (ahli waris), dari apa yang ditinggalkan oleh dua orang ibu bapanya, kerabat karib, dan oleh orang-orang seperjanjianmu. Dari itu berikanlah bahagian mereka. Sesungguhnya Allah menjadi saksi di atas tiap-tiap sesuatu.

(Surah An Nisa', ayat 33).

Menurut keterangan dari Ibnu Abbas: Ayat ini diturunkan Allah dalam perkara orang-orang yang dipersaudarakan antara mereka oleh Rasulullah s.a.w., antara kaum Muhajirin dan kaum Ansar di Madinah. Mereka pun telah melakukan waris-mewarisi dengan sebab persaudaraan tersebut, tanpa ada hubungan darah dan keturunan.

Waktu ayat di atas itu turun maka ahli waris yang dibuat dengan jalan mempersaudarakan itu dibatalkan hukumnya.

Ibnu Abbas berkata seterusnya: Firman Allah yang mengatakan: DAN ORANG-ORANG YANG SEPERJANJIANMU MAKA BERIKANLAH BAHAGIAN MEREKA, dibatalkan hukumnya dengan firman Allah dengan surah Anfal, ayat 75, yang berbunyi:

وَاُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ اَوْلَى بِبَعْضٍ فِى كِتَابِ اللهِ اِنَّ اللهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيْمٍ * سورة الأنفال اية ٧٥

Dan Ulul-Arham, sebahagian mereka lebih utama (menjadi ahli waris) terhadap yang sebahagian menurut Kitabullah.

Said bin Musayyab pula berkata: Mereka pernah pula waris-mewarisi dengan jalan TABANNI (anak angkat) dengan dasar ayat *"mawali"* di atas, kemudian hukum itupun dibatalkan pula dengan ayat 75 surah Anfal di atas.

Kesimpulannya, bahawa ahli waris yang dibuat dengan jalan:

a. Mempersaudarakan orang yang tidak ada hubungan darah dan keturunan
b. Menganggap anak angkat, tidak sah hukumnya dan dibatalkan oleh ayat yang mengenai perwarisan yang telah disebutkan di atas

5. KESIMPULAN AHLI WARIS YANG MENGAMBIL HARTA PUSAKA MENURUT AL-QURAN DAN HADIS

Pertama: Mereka yang mengambil secara furudh:

1. Anak perempuan sekandung
2. Anak perempuan oleh anak laki-laki
3. Saudara perempuan sekandung
4. Saudara perempuan sebapa
5. Saudara perempuan seibu
6. Saudara perempuan dan saudara laki-laki seibu
7. Ibu sekandung
8. Suami
9. Isteri
10. Nenek
11. Bapa
12. Bapa dari bapa mayat (datuknya).

Kedua: Mereka yang mengambil secara mu'ashib:

1. Anak laki-laki sekandung
2. Bapa sendiri
3. Datuk
4. Saudara laki-laki sekandung
5. Saudara laki-laki sebapa.

Semua mereka ini adalah MU'ASHIB BINAFSIHI.

6. AL-AKDAR

Akdar berasal dari *kadira,* ertinya keruh. Menurut istilah faraidh, ertinya mengeruhkan pendapat sahabat yang telah memberikan kaedah-kaedah dalam faraidh.

Dikatakan orang bahawa yang mula-mula membuat akdar ialah seorang yang bernama Akdar. Ia menyangkal tentang soal saudara-saudara perempuan yang ada berserta datuk, dengan orang-orang yang mempunyai furudh. Menurut kaedah, kalau saudara-saudara perempuan berserta datuk bersama dengan ahli furudh maka saudara perempuan itu tidak mempunyai bahagian.

Akan tetapi dalam soal akdariyah, saudara perempuan itu mendapat furudh juga kerana ada beberapa hal yang memboleh-kannya mengambil itu. Ia mendapat juga 1/2 (seperdua) kalau ia seorang diri.

Sebab:

1. Ia tidak dapat digugurkan bahagiannya sebab di antara mereka yang tersebut itu tidak ada hak untuk menggugurkan haknya (bahagiannya).
2. Ia tidak pula dapat menjadi asobah berserta nenek sebab andaikata ia menjadi asobah maka nenek tidak sampai pembahagiannya 1/6 (seperenam) dari semua harta.
3. Oleh sebab itu saudara perempuan dikembalikan kepada bahagiannya ialah 1/2 (seperdua) kalau ia sendiri saja dan datuk dikembalikan pula kepada asalnya ialah 1/3 (sepertiga).

Menurut kaedah yang di atas, bila ada saudara yang berserta mereka kurang dari 2 kali datuk maka muqasamah lebih baik bagi datuk dari 1/3 (sepertiga) harta yang tinggal.

Contoh, nenek menjadi asobah dengan saudara perempuan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-masing	Pokok dibesarkan	Pembahagian terakhir
1 suami	1/2		3		9
1 ibu	1/3		2		6
1 datuk	asobah	6		18	2
1 saudara perempuan	asobah		1 : 3		1

Angka 2 (dua) untuk datuk di sini kurang dari 1/6 (seperenam) jumlah harta seluruhnya. Oleh sebab itu batal asobahnya dengan datuk sebab mengurangkan hak datuk. Lalu dikembalikan furudh

mereka masing-masing iaitu 1/2 (seperdua) untuk saudara perempuan dan 1/6 (seperenam) untuk datuk. Kemudian diberikan untuk datuk dengan cara muqasamah, setelah furudh keduanya dikumpulkan dengan cara dipertiga.

Contoh:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Bahagian masing-	Pokok di-'aulkan	Dikali-kan 3	Pembahagian terakhir
1 suami	1/2		3			3/9 x 27 = 9
1 ibu	1/3		2			2/9 x 27 = 6
1 datuk	1/6	6	1	9	27	2/4 x 12 = 8
1 saudara perempuan	1/2		3			1/4 x 12 = 4

Inilah yang dinamakan masalah *akdariyah* sebab mengacaukan kaedah yang diberikan Zaid bin Sabit yang mengenai saudara perempuan dengan datuk laki-laki.

Adapun yang 8 untuk datuk adalah 2/4 kali harta yang tinggal, setelah suami dan ibu mengambil furudhnya. Sebab untuk datuk 2 kali bahagian saudara perempuan.

7. BAHAGIAN YANG TERPECAH-PECAH

Bila kita ketahui sesuatu pokok masalah, kemudian pokok itu kita bahagikan kepada yang mempunyai furudh, tentu pekerjaan itu mudah sekali. Umpamanya seorang yang meninggal dunia meninggalkan:

3 orang anak laki-laki.

Maka harta tentu dibahagi 3 (tiga) sebab mereka ada tiga orang laki-laki.

Akan tetapi kalau pembahagian itu terpaksa dipecah-pecah atas orang yang mempunyai furudh maka pembahagian itu diberikan menurut beberapa jalan, menurut macam-macam orang yang mempunyai furudh.

Kalau yang mempunyai furudh satu macam:

Kalau yang mempunyai furudh itu semacam saja, pembahagiannya diberikan menurut banyaknya. Kalau antara yang tinggal dan antara ramainya orang yang akan menerima furudh bandingannya "tabayun" maka diperkalikan saja jumlah orang itu dengan pokok. Kalau patut di'aulkan hendaklah di'aulkan.

Umpama: Seorang meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian	Pokok dibesarkan	Pembahagian terakhir
1 orang suami	1/2	2	1	4	2
2 orang saudara laki-laki sebapa	Asobah		1:2		2

Dalam hal ini adalah satu untuk dua orang saudara laki-laki maka terpaksalah 1 itu dibahagi 2 = 1÷2 = ½. Supaya jangan ada pecahan kemudian diperkalikan jumlah orang yang mempunyai furudh (2) dengan pokok (2) dan jadilah 2 x 2 ÷ 4. Dari angka ini teranglah pembahagiannya. Sekarang di'aulkan, umpamanya seorang meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-masing	Pokok di-'aulkan	Pokok di-besarkan	Pembahagian terakhir
1 orang suami	1/2	6	3	7	5 x 7	3/7 x 35 = 15
5 orang sdr. perempuan sebapa	2/3		4		35	20:5

Sekarang pokok menjadi 7 (tujuh) dan harta ada 4 (empat) untuk dibahagi 5, tentu mereka dapat pecahan, iaitu 4:5 = 4/5. Supaya jangan mendapat pecahan diperkalikan 5 itu kepada pokok yang di-'aulkan iaitu 7 = 5 x 7 = 35.

Kalau harta yang tinggal itu bandingnya dengan yang mempunyai furudh "lawafuq" lalu diperkalikan wifiq salah satu keduanya kepada pokok. Umpamanya, seorang meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pembahagian masing-masing	Pokok di-besarkan	Pembahagian terakhir
1 orang ibu	1/3	1	6	2
4 orang pak cik sebapa	Asobah	2÷4		4÷4

Dalam masalah ini, harta yang tinggal sesudah ibu mengambil bahagiannya ialah 2, yang harus dibahagi = 2÷4 = 1/2. Antara 2 – 4 wifiqnya ialah 2 (dua) maka diperkalikan 2 (dua) itu dengan pokok =2x3=6. Contoh yang di'aulkan dalam masalah wifiq.

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-masing	Pokok di'aulkan	Pembahagian	Hasil pemb. 3x	Pembahagian terakhir
1 orang suami	1/4		3		3		3/15 x 45 = 9
1 orang bapa	1/6	12	2	15	2	45	2/15 x 45 = 6
1 orang ibu	1/6		2		2		2/15 x 45 = 6
6 orang anak perempuan	2/3		8		8÷6		24÷6 = 4

Oleh kerana pokok dibesarkan 3 kali, maka pembahagian terakhir dibesarkan pula 3 kali.

Dalam masalah ini antara orang yang mempunyai (6), dan antara pokok yang di'aulkan (15) bandingannya ialah tawafuq dengan 3 (tiga). Maka diperlihatkanlah pokok masalah dengan yang 3 itu = 3 x 15 = 45. Dari bilangan ini jelaslah masalah (lihat) contoh). Dalam contoh yang empat ini adalah bahagian yang dipecah untuk semacam (sejenis) orang iaitu:

1. Saudara yang sebapa saja 2 orang (lihat contoh I).
2. 5 orang saudara perempuan saja (lihat contoh II).
3. Pak cik sebapa saja 4 orang (lihat contoh III).
4. Anak perempuan saja 6 orang (lihat contoh IV).

Kalau yang mempunyai furudh 2 macam orang:

Kalau yang mempunyai furudh ada dua macam (dua jenis) orang maka berlain-lain pula cara pembahagiannya:

Pertama: *Tamasul.* Jika wifiq antara pembahagian kedua macam dari orang yang mempunyai furudh, bandingannya *"tamasul"* maka dikembalikan masing-masing pembahagian itu kepada wifiqnya, kemudian dimasukkan salah satu dari kedua wifiq itu kepada pokok.

Contoh Tamasul:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-masing	Pokok di'aulkan	Wifiq antara 2 ahli furudh	Yang di'aulkan dikalikan 3	Pembahagian masing-masing
Seorang ibu	1/6		1				1/7x21=3
6 orang saudara lelaki seibu	1/3	6	2	7	3	21	2/7x21=6
12 orang saudara perempuan sebapa	2/3		4				12÷12

Pembahagian dibesarkan 3 kali, kerana pokok masalah dibesarkan pula.

Dalam soal ini:

Wifiq 6 orang saudara laki-laki antara pembahagiannya (2) adalah 3.

Wifiq 12 orang saudara perempuan antara pembahagiannya (4) adalah 3.

Lalu diperkalikan salah satu dari yang 3 (tiga) itu kepada pokok masalah yang di'aulkan, iaitu 7 maka jadilah ia 21 (iaitu 3 x 7).

Kedua: *Tadahul.*

Kalau wifiq antara bahagian dari dua macam orang yang mempunyai furudh itu bandingannya tadahul, maka diperkalikanlah mana yang banyak antara kedua angka yang tadahul itu kepada pokok masalah yang di'aulkan. Dari sana jelaslah masalah untuk dibahagi. Umpama seorang meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-	Pokok di'aulkan	Wifiq antara 2 ahli furudh	Dibesarkan 4 x	Pembahagian masing-
1 orang ibu	1/6		1				1/7 x 28 = 4
8 orang sdr. laki-laki seibu	1/3	6	2	7	4	28	2/7 x 28 = 8
8 orang sdr. perempuan sebapa	2/3		4		2		16÷8

Pembahagian terakhir dibesarkan, kerana pokok masalah dibesarkan pula.

Dalam masalah ini antara:

8 orang saudara laki-laki dan antara bahagiannya (2) adalah tadahul. 8 orang saudara perempuan dan antara bahagiannya (4) adalah tadahul.

Maka diperkalikan yang keduanya. Jadi 4 × 7 = 28. Dari sana teranglah masalah itu.

Ketiga: *Tawafuq*

Contohnya adalah: Seorang yang meninggal dunia meninggalkan:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-	Pokok di'aulkan	Wifiq antara 2 ahli furudh	Pokok dibesarkan 2 x	'Aul yang ke 2 x	Pembahagian masing-masing
1 orang ibu	1/6		1					1/7 x 84 = 12
12 orang sdr. laki-laki seibu	1/3	6	2	7	6	12	84	2/7 x 84 = 24
16 sdr. perempuan sebapa	2/3		4		4			48 ÷ 16

Hukumnya di sini ialah wifiq salah satu dari dua wifiq itu diperkalikan kepada yang lain, iaitu 6 x 2, atau 3 x 4 = 12.

Kemudian pokok masalah yang di'aulkan itu dikalikan dengan 12 = 12 x 7 = 84. Dari sana teranglah masalahnya.

Keempat: *Tabayun.*

Jika antara kedua wifiq pembahagian orang yang mempunyai furudh itu bandingannya tabayun maka diperkalikan sajalah antara keduanya. Kemudian jumlahnya diperkalikan pula dengan pokok masalah yang di'aulkan itu. Dari jumlah itu teranglah masalahnya.

Umpamanya:

Ahli waris	Pembahagian	Pokok	Pembahagian masing-masing	Pokok di'aulkan	Wifiq antara 2 ahli furudh	Pokok dibesarkan 6 x	Pembahagian masing-masing
1 orang ibu	1/6		1				
6 orang sdr. laki-laki seibu	1/3		2		2	42	1/7 x 42 = 6
8 orang sdr perempuan sebapa	2/3	6	4	7	3		2/7 x 42 = 12 24 ÷ 8

Pendapatan yang terakhir dibesarkan kerana pokok dibesarkan pula.

Dalam soal ini, antara 3 – 2 adalah *tabayun*.

Maka diperkalikan 3 dengan 2 = 3 x 2 = 6. Lalu 6 itu dikalikan pula dengan pokok yang di'aulkan, jadi 6 x 7 = 42. Dari angka ini sahihlah untuk dibahagi.

Dalam contoh yang empat ini, ada 2 (dua) macam orang yang pembahagiannya terpecah-pecah iaitu:

Contoh 1.

6 orang saudara laki-laki seibu.

12 orang saudara perempuan sebapa.

Contoh II.

8 orang saudara laki-laki seibu.

8 orang saudara perempuan sebapa.

Contoh III.

12 orang saudara laki-laki seibu.

16 orang saudara perempuan sebapa.

Contoh IV.

6 orang saudara laki-laki sebapa.

8 orang saudara perempuan sebapa.

Bila ada ahli waris mendapat pembahagian pecahan-pecahan lebih dari dua maka jalannya samalah dengan contoh-contoh tersebut di atas. Sampai di sini cukuplah keterangan mengenai ilmu faraidh.

KITAB MUNAKAHAT

Munakahat menurut istilah Ahli Fikah meliputi segala persoalan pernikahan, talak dan rujuk, serta yang bersangkutan dengan itu. Tetapi dalam hal ini akan dimulai dengan menerangkan soal-soal yang bersangkutan dengan nikah lebih dahulu.

1. ERTI NIKAH ATAU PERNIKAHAN

Nikah menurut bahasanya ialah: berkumpul dan bercampur. Menurut istilah Syarak: Ijab-kabul (akad) yang membolehkan bersetubuh antara laki-laki dan perempuan, yang diucapkan dengan kata-kata yang menunjukkan NIKAH, menurut peraturan yang ditentukan dalam Agama.

فَانْكِحُوْا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَاءِ مَثْنٰى وَثُلٰثَ وَرُبٰعَ فَاِنْ خِفْتُمْ اَلَّا تَعْدِلُوْا فَوَاحِدَةً*

سورة النساء اية ٣

Maka nikahilah olehmu wanita yang baik menurut pendapatmu, boleh dua atau tiga atau empat orang. Tetapi apabila kamu khuatir bahawa kamu tidak akan adil, maka kahwinilah seorang saja.

(Surah An-Nisa' ayat 3).

Firman Allah pula:

وَاَنْكِحُوْا الْاَيَّامٰى مِنْكُمْ وَالصَّالِحِيْنَ مِنْ عِبَادِكُمْ وَاِمَآئِكُمْ اِنْ يَّكُوْنُوْا فُقَرَآءَ يُغْنِهِمُ اللّٰهُ مِنْ فَضْلِهِ وَاللّٰهُ وَاسِعٌ عَلِيْمٌ*

سورة النور اية ٣٢

Dan kahwinilah perempuan-perempuan janda (randa) dari golonganmu, dan orang-orang yang baik dari hamba abdi dan hamba-hamba perempuan. Jika mereka sedang berada dalam kemiskinan, Allah akan memberi mereka kecukupan dari kurnia-Nya dan Allah Maha Besar lagi Maha Mengetahui.

(Surah An-Nur ayat 32).

2. HIKMAT NIKAH

Hikmat dalam perkahwinan banyak sekali, di antaranya untuk mengembangkan cucu Adam, membentuk keturunan dan untuk menjaga kehormatan diri. Selain dari itu juga untuk menambahkan kaum kerabat, mempererat hubungan silatur rahim antara satu sama lain. Dengan jalan demikian, akan memudahkan datangnya rezeki, sebab rezeki masing-masing kadang-kadang ada di tangan saudaranya.

Firman Allah s.w.t.:

وَمِنْ اٰيٰتِهٖٓ اَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ اَنْفُسِكُمْ اَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوْٓا اِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً اِنَّ فِيْ ذٰلِكَ لَاٰيٰتٍ لِقَوْمٍ يَّتَفَكَّرُوْنَ*

سورة الروم اية ٢١

Dari sebahagian tanda-tanda kebesaran Allah, bahawa telah Ia jadikan jodoh untukmu dari manusia sesamamu, supaya kamu berdiam padanya. Dan Ia jadikan antaramu berkasih-kasihan dan bersayang-sayangan. Sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda kekuasaan Allah bagi kaum yang mahu berfikir.

(Surah An-Rum ayat 21).

Selain dari itu adalah untuk menjaga keturunan yang baik, hingga anak-anak yang dilahirkan betul-betul dapat dipertanggung-jawabkan dunia akhirat.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ فَإِنَّهُ أَغَضُّ لِلْبَصَرِ وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ

فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a. ia berkata: bersabda Rasulullah s.a.w.: "Hai pemuda-pemuda sekalian, sesiapa yang sudah sanggup di antara kamu untuk kahwin, hendaklah ia kahwin, kerana sesungguhnya perkahwinan itu lebih menjaga bagi penglihatan dan lebih memelihara bagi kehormatan. Dan sesiapa yang belum sanggup untuk kahwin, maka berpuasalah, kerana sesungguhnya puasa itu gunanya untuk mengekang syahwat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. HUKUM NIKAH

Nikah atau perkahwinan itu sunat hukumnya, bagi orang yang sudah berkehendak untuk nikah dan wajib hukumnya apabila seseorang itu khuatir akan berzina dan apabila ia telah memperoleh pula belanja untuk melangsungkan perkahwinan itu. Sebab nikah-kahwin ini adalah masuk sunah Nabi s.a.w.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى اَيُّوْبَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَرْبَعٌ مِنْ سُنَنِ الْمُرْسَلِيْنَ الْحَيَاءُ وَالتَّعَطُّرُ وَالسِّوَاكُ وَالنِّكَاحُ.

رواه احمد والترمذى بسند حسن

Dari Abu Ayub r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Empat macam yang masuk bahagian sunah rasul-rasul: pemalu, suka berharum-haruman, bersiwak (bersugi atau menggosok gigi) dan nikah."

(Riwayat Ahmad dan Tirmizi).

Sesiapa yang membenci perkahwinan bererti ia membenci sunah Nabi, dan sesiapa yang membenci sunah Nabi tidaklah ia masuk umat Nabi.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: فَمَنْ رَغِبَ عَنْ سُنَّتِى فَلَيْسَ مِنِّى. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: "Maka sesiapa yang membenci akan sunahku maka ia tidak masuk umatku."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. DASAR PERNIKAHAN YANG DITUNTUT OLEH SYARAK

Seseorang yang hendak mengahwini perempuan maka perkahwinan itu boleh didasarkannya kepada sesuatu yang dituntut oleh agama, iaitu:

Pertama: Perkahwinan itu didasarkan pertama-tama kepada agama. Ini adalah tuntutan yang pertama. Atau bolehlah perkahwinan itu didasarkan kepada kecantikan, keturunan atau didasarkan kepada kekayaan. Kalau berkumpul yang empat ini pada seseorang, itulah yang sangat dituntut.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تُنْكَحُ الْمَرْأَةُ لِأَرْبَعٍ: لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَلِجَمَالِهَا وَلِدِيْنِهَا، فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّيْنِ تَرِبَتْ يَدَاكَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Dikahwini perempuan itu kerana empat macam, kerana hartanya, kerana baik kelakuannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya, maka ambillah perempuan yang taat kepada agama nanti engkau akan beruntung."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اِنَّ الدُّنْيَا كُلَّهَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِ الدُّنْيَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ.

رواه النسائى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: "Sesungguhnya dunia itu ialah harta benda, dan yang sebaik-baik harta benda dunia ialah perempuan yang salih."

(Riwayat Nisai dan Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: قَالَ لاَ تَنْكِحُوْا النِّسَاءَ لِحُسْنِهِنَّ فَلَعَلَّهُ يُرْدِيْهِنَّ وَلاَ لِمَالِهِنَّ فَلَعَلَّهُ يُطْغِيْهِنَّ وَانْكِحُوْهُنَّ لِلدِّيْنِ وَلَأَمَةٌ سَوْدَاءُ خَرْقَاءُ ذَاتُ دِيْنٍ اَفْضَلُ. رواه ابن ماجة والبزار

Dari Abdullah bin Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Janganlah kamu nikahi perempuan itu kerana kecantikannya, sebab barangkali kecantikannya dapat merosakkannya, dan jangan pula kerana hartanya, sebab barangkali hartanya dapat menjadikan derhaka, dan nikahilah perempuan itu kerana agamanya dan sesungguhnya hamba abdi yang hitam dan rosak telinganya tetapi yang beragama adalah lebih baik."

(Riwayat Ibnu Majah dan Al-Bazzar).

Kedua: Bahawa perempuan yang dikahwini itu hendaklah orang yang ramai keturunan.

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ يَأْمُرُنَا بِالْبَاءَةِ وَيَنْهَى عَنِ التَّبَتُّلِ نَهْيًا شَدِيْدًا وَيَقُوْلُ تَزَوَّجُوا الْوَلُوْدَ الْوَدُوْدَ فَاِنِّى مُكَاثِرٌ بِكُمُ الْاُمَمَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

رواه احمد وابن حبان بسند صحيح

Dari Anas r.a. ia berkata: Adalah Rasulullah s.a.w. menyuruh kami kahwin, dan melarang kami membujang, dengan larangan yang keras, lantas beliau bersabda: "Kahwinilah perempuan yang banyak keturunannya (ramai anak) lagi dicintai, kerana sesungguhnya aku akan bermegah-megah dengan ramainya umatku di hari kiamat kelak."

(Riwayat Ahmad dan Ibnu Hibban).

Ketiga: Perempuan yang dikahwini itu kalau dapat hendaknya masih perawan.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ تَزَوَّجَ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: يَا جَابِرُ تَزَوَّجْتَ. قُلْتُ: نَعَمْ قَالَ: بِكْرًا أَمْ ثَيِّبًا؟ قُلْتُ: ثَيِّبًا قَالَ: هَلاَ بِكْرًا تُلاَعِبُهَا وَتُلاَعِبُكَ. رواه البخارى مسلم

Dari Jabir r.a. sesungguhnya ia pernah kahwin, lalu Rasulullah s.a.w. bertanya: "Ya Jabir, engkau telah kahwin?" Aku jawab: "ya". Beliau bertanya: "Perawankah atau sudah janda (saib)?" Aku jawab: "Sudah janda". Beliau bersabda: "Alangkah baiknya bila engkau kahwini yang masih perawan, akan lawan engkau bersenda gurau."

(Riwayat Muslim dan Bukhari).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: تَزَوَّجُوا الْأَبْكَارَ فَاِنَّهُنَّ اَعْذَبُ اَفْوَاهًا وَاَنْتَقُ اَرْحَامًا وَاَرْضَى بِالْيَسِيْرِ. رواه الطبرانى والبيهقى

Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Kahwinilah gadis yang perawan, kerana sesungguhnya mereka lebih sedap mulutnya, dan lebih bersih rahimnya, dan lebih suka dengan segala sesuatu yang serba sederhana."

(Riwayat Tabrani dan Baihaqi).

Keempat: Bahawa ada kedua-duanya hendaknya orang yang taat kepada Tuhan.

Firman Allah s.w.t.:

اِنَّ اَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللهِ اَتْقَاكُمْ* سورة الحجرات اية ١٣

Sesungguhnya yang semulia-mulia kamu di sisi Tuhan, ialah orang yang paling berbakti kepada-Nya.

(Surah Al-Hujjrat ayat 13).

Seseorang yang hendak meminang perempuan disunatkan melihatnya lebih dahulu, maksudnya untuk mengenali (berkenalan

untuk kebaikan) keduanya, baik bagi laki-laki mahupun bagi perempuan, supaya jangan menimbulkan penyesalan antara kedua belah pihak, bila perkahwinan telah dilangsungkan.

BAB MELAMAR ATAU MEMINANG

1. MELIHAT SEBELUM MELAMAR

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ الْمُغِيْرَةِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ خَطَبَ اِمْرَأَةً فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اُنْظُرْ اِلَيْهَا فَاِنَّهُ اَحْرَى اَنْ يُؤْدَمَ بَيْنَكُمَا.

رواه النسائى والترمذى بسند حسن

Dari Mughirah r.a. sesungguhnya ia pernah meminang seorang perempuan, lalu Nabi s.a.w. bersabda kepadanya: "Lihatlah perempuan itu lebih dahulu kerana sesungguhnya melihat itu lebih cepat membawa kekekalan kecintaan antara keduanya."

(Riwayat Nasai dan Tirmizi).

Keterangan lain:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنْتُ عِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ فَاَتَاهُ رَجُلٌ فَاَخْبَرَهُ اَنَّهُ تَزَوَّجَ اِمْرَأَةً مِنَ الْاَنْصَارِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أَنَظَرْتَ اِلَيْهَا؟ قَالَ: لَا قَالَ: فَاذْهَبْ فَانْظُرْ اِلَيْهَا فَاِنَّ فِى اَعْيُنِ الْاَنْصَارِ شَيْئًا.

رواه مسلم والنسائى

Dari Abu Hurairah r.a. berkata ia: Aku pernah duduk dekat Nabi s.a.w. lalu datang kepada beliau seorang lelaki maka diceritakan bahawa ia akan mengahwini seorang perempuan dari kaum Ansar. Rasulullah lalu bersabda: "Sudahkah engkau melihat rupanya?" Laki-laki itu menjawab: "Belum". Rasulullah bersabda pula: "Pergilah lihat, kerana sesungguhnya pada muka kaum Ansar itu mungkin ada sesuatu yang jadi cacat."

(Riwayat Muslim dan Nasai).

Dalam soal ini dibolehkan baginya melihatnya berulang-ulang supaya lebih terang baginya kelakuan dan rupa perempuan itu, sehingga dengan cara demikian tidaklah akan menimbulkan perselisihan dan penyesalan sesudah perkahwinan dilangsungkan antara keduanya. Dalam pengertian *"Melihat berulang"* ini, termasuklah meninjau hati masing-masing selama beberapa waktu.

2. HAL-HAL YANG BOLEH DILIHAT

Menurut mazhab Imam Syafii, bahawa tidaklah boleh melihat perempuan itu, selain dari muka dan kedua telapak tangannya, lain dari itu adalah aurat baginya.

Firman Allah s.w.t.:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ يَغُضُّوْا مِنْ اَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوْا فُرُوْجَهُمْ ذٰلِكَ
أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللهَ خَبِيْرٌ بِمَا يَصْنَعُوْنَ * وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ
يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوْجَهُنَّ وَلَا يُبْدِيْنَ
زِيْنَتَهُنَّ اِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوْبِهِنَّ*

سورة النور اية ٣١ - ٣٠

Katakanlah hai Muhammad kepada orang-orang mukmin! Hendaklah mereka memejamkan sebahagian pandangan mereka. Dan hendaklah mereka menjaga kehormatan mereka. Itulah yang lebih suci bagi mereka. Sesungguhnya Allah mengetahui dengan apa yang mereka kerjakan. Dan katakan pulalah kepada wanita-wanita mukmin itu, hendaklah mereka pejamkan sebahagian pandangan mereka serta jaga kehormatan diri mereka. Dan janganlah mereka memperlihatkan kecantikan mereka, kecuali barang yang lahir. Dan hendaklah mereka tutupkan tudung mereka sampai ke dada mereka.

(Surah An-Nur ayat 30 – 31).

Berkata Ibnu Abbas r.a.: Yang dimaksud dengan barang yang lahir ialah muka dan telapak tangan. Dan boleh memperlihatkan aurat kepada suami, ibubapa dan kepada orang-orang yang haram nikah dengan mereka (mahram).

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا يُبْدِيْنَ زِيْنَتَهُنَّ اِلَّا لِبُعُوْلَتِهِنَّ اَوْ اٰبَآءِهِنَّ اَوْ اٰبَآءِ بُعُوْلَتِهِنَّ
اَوْ اَبْنَآءِهِنَّ اَوْ اَبْنَآءِ بُعُوْلَتِهِنَّ اَوْ اِخْوَانِهِنَّ اَوْ بَنِيْٓ اِخْوَانِهِنَّ
اَوْ بَنِيْٓ اَخَوَاتِهِنَّ اَوْ نِسَآءِهِنَّ اَوْمَا مَلَكَتْ اَيْمَانُهُنَّ اَوِ التَّابِعِيْنَ
غَيْرِ اُولِى الْاِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ اَوِ الطِّفْلِ الَّذِيْنَ لَمْ يَظْهَرُوْا عَلٰى
عَوْرَاتِ النِّسَآءِ*

سورة النور اية ٣١

Dan wanita-wanita itu tak boleh memperlihatkan kecantikan mereka kecuali kepada: suami, atau bapa, atau bapa suami, atau anak, atau anak-anak suami, atau saudara perempuan, atau anak-anak saudara yang laki-laki atau anak-anak saudara yang perempuan, atau isteri-isteri, atau yang dimiliki oleh tangan kanan mereka (hamba abdi mereka) atau laki-laki yang tidak ada keinginan terhadap perempuan atau kepada anak-anak yang belum tahu akan aurat perempuan.

(Surah An-Nur ayat 31).

Maksudnya, bahawa kecantikannya yang boleh diperlihatkan kepada orang-orang tersebut di atas ialah selain kecantikan antara pusat dan lutut. Sebab kecantikan ini tetap haram hukumnya diperlihatkan.

Berkata pengarang kitab Subulussalam: "Telah menunjukkan beberapa hadis atas disunatkan mendahulukan melihat kepada orang yang hendak dinikahi." Pendapat ini ialah pendapat Jumhur Ulama. Dan memandang itu hanyalah kepada muka dan telapak tangan. Kerana sesungguhnya muka itu telah dapat menunjukkan cantik atau tidaknya perempuan itu. Sedang telapak tangan menunjukkan lembut atau tidaknya badan perempuan itu.

Berkata Auza'i: "Boleh melihat ke tempat-tempat yang ada daging." Dan berkata Daud: "Boleh melihat kesemua badannya."

(Demikian Subulussalam).

3. WANITA-WANITA YANG BOLEH DILAMAR

Disunatkan meminang lebih dahulu bagi seseorang lelaki yang hendak menikahi perempuan. Perempuan-perempuan yang halal (boleh) dipinang itu ialah perempuan yang tidak bersuami dan tidak

beridah. Adapun meminang perempuan yang sedang dalam talak raj'i, adalah haram hukumnya, sebab dia masih dalam hak suaminya.

Firman Allah s.w.t.:

وَبُعُوْلَتُهُنَّ اَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِى ذٰلِكَ اِنْ اَرَادُوْا اِصْلاَحًا*

سورة البقرة اية ١٢٨

Dan suami mereka lebih berhak merujuki mereka, apabila mereka mahu berdamai kembali.

(Surah Al-Baqarah ayat 228).

Perempuan-perempuan yang sedang beridah wafat atau idah ba'in kerana talak tiga atau fasah, bolehlah menyindir mereka dengan maksud meminang, sebab sudah putus hak suaminya atas diri masing-masing.

Firman Allah s.w.t.:

وَلاَ جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيْمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ أَوْ أَكْنَنْتُمْ فِيْ أَنْفُسِكُمْ*

سورة البقرة اية ٢٣٥

Dan tidaklah dosa atasmu pada apa yang telah kamu sindirkan kepadanya tentang akan meminang perempuan itu atau kamu sembunyikan pada dirimu.

(Surah Al-Baqarah ayat 235).

Yang dimaksud dengan menyindir, umpamanya seseorang berkata: "Sudah ada barangkali kumbang yang akan menghinggapi kuntum ini," atau: "Kita berniat hendak memetik kembang atau mawar ini, tetapi takut kalau ada durinya," dan lain-lain sebagainya.

Bila seseorang telah meminang seorang perempuan, maka haramlah hukumnya bagi orang lain meminang perempuan itu, sebab bererti menyakiti hati orang. Kecuali kalau pinangan itu telah diputuskannya (dibatalkan).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ

يَخْطِبُ اَحَدُكُمْ عَلَى خِطْبَةِ اَخِيْهِ حَتَّى يَتْرُكَ الْخَاطِبُ قَبْلَهُ اَوْ يَأْذَنَ لَهُ* رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tidak boleh meminang seseorang atas pinangan saudaranya, hingga yang meminang sebelumnya itu meninggalkan pinangannya, atau diizinkannya baginya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB KAFAAH

1. ERTI KAFAAH

Kafaah, ertinya sebanding atau sepadan. Soal sebanding atau sepadan ini adalah untuk menjaga keselamatan dan kerukunan dalam perkahwinan, bukan untuk kesahannya. Ertinya tidak tergantung sah atau tidaknya nikah kepada kesebandingan atau kesepadanan ini. Pernikahan itu tetap sah menurut hukum, walaupun tidak sepadan atau sebanding antara suami isteri. Hanya hak bagi wali dan perempuan yang bersangkutan untuk mencari jodoh yang sepadan. Dengan erti, bahawa keduanya boleh membatalkan akad nikah andaikata perkahwinan itu tidak berpadanan. Dan boleh pula keduanya menggugurkan haknya. Keseimbangan atau kesepadanan yang dimaksud di sini, ertinya yang dituntut oleh agama meliputi beberapa perkara:

1. *Agama.*
   Maka tidaklah sepadan namanya bila orang Islam kahwin dengan orang yang bukan Islam (orang kafir).

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَنْكِحُوا الْمُشْرِكَاتِ حَتَّى يُؤْمِنَّ وَلَأَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ اَعْجَبَتْكُمْ* سورة البقرة اية ٢٢١

Dan janganlah kamu nikahi perempuan-perempuan yang musyrik itu hingga mereka beriman lebih dahulu. Sesungguhnya hamba abdi yang beriman lebih baik dari perempuan musyrik betapa pun mengagumkan kamu rupanya."

(Surah Al-Baqarah ayat 221).

Larangan yang ada dalam ayat ini adalah sekadar untuk mencari kesepadanan atau keseimbangan saja. Perempuan kafir itu boleh dinikahi oleh laki-laki Islam asal perempuan kafir keturunan kitab, sebagaimana akan datang keterangannya.

Di dalam tafsir Al-Khazin dinyatakan, bahawa Ibnu Abbas dalam mentafsirkan ayat yang bererti: "Dan janganlah kamu nikahi perempuan-perempuan musyrik hingga mereka beriman lebih dahulu," berkata: "Kemudian Allah mengecualikan wanita-wanita ahli kitab (keturunan kitab) dengan firman-Nya yang bererti: "Dan boleh kamu mengahwini wanita-wanita merdeka dari orang-orang yang diturunkan kitab kepadanya (Yahudi dan Nasrani) dari sebelum kamu."

Dikatakan orang, bahawa hukum ayat ini khusus diturunkan kepada wanita-wanita musyrik Arab yang menyembah matahari dan lain-lain. Ayat ini belum ditakhsiskan dan belum pula diberi pengecualian. Hanya hukum ayat ini umum yang sudah ditakhsiskan. Selanjutnya dijelaskan, bahawa ke dalam lafaz *syirik* termasuk juga ahli kitab dari orang-orang yang beragama Yahudi dan Nasrani, demikian pulalah orang-orang yang menyembah berhala, api dan lain-lain.

(Demikian tafsir Al-Khazin).

Jadi orang-orang Yahudi dan Nasrani itu termasuk juga orang musyrik. Hal ini dinyatakan Tuhan dalam firman-Nya dalam surah At-Taubah ayat 31.

2. *Kemerdekaan.*
   Maka tidaklah sepadan (kafaah) orang yang merdeka kahwin dengan hamba.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فِى قِصَّةِ بَرِيْرَةَ حِيْنَ أُعْتِقَتْ قَالَتْ: كَانَ زَوْجُهَا عَبْدًا فَخَيَّرَهَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَاخْتَارَتْ نَفْسَهَا وَلَوْ كَانَ حُرًّا لَمْ يُخَيِّرْهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. dalam perkara kisah Barirah ketika ia telah dimerdekakan, ia berkata: "Adalah suami Barirah itu seorang hamba, lalu kepadanya diberi oleh Rasulullah s.a.w. kesempatan memilih, maka dengan sendirinya dipilihnyalah pernikahan itu. Andaikata suaminya itu seorang yang merdeka, tentu ia tidak melakukan pemilihan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. *Iffah.*
Ertinya orang yang jiwanya terpelihara dari segala yang tidak dihalalkan Tuhan, biar yang merupakan makanan ataupun amal perbuatan. Maka tidaklah sepadan orang yang penzina kahwin dengan yang tidak penzina. Atau orang yang taat kepada Tuhan kahwin dengan orang yang derhaka, walaupun masih seagama.

Firman Allah s.w.t.:

الزَّانِيْ لَا يَنْكِحُ اِلَّا زَانِيَةً اَوْ مُشْرِكَةً وَالزَّانِيَةُ لَا يَنْكِحُهَا اِلَّا زَانٍ اَوْ مُشْرِكٌ وَحُرِّمَ ذٰلِكَ عَلَى الْمُؤْمِنِيْنَ* سورة النور اية ٣

Laki-laki yang penzina itu tidak boleh kahwin, melainkan dengan orang perempuan yang penzina pula atau dengan perempuan yang musyrik dan perempuan yang penzina itu tidak boleh kahwin, melainkan dengan laki-laki yang penzina pula atau dengan laki-laki yang musyrik, dan yang demikian itu diharamkan atas orang mukmin.

(Surah An-Nur ayat 3).

4. *Keturunan (bangsa).*
Maka tidaklah sepadan orang Arab kahwin dengan orang Indonesia atau sebaliknya. Pun begitu juga seorang yang berasal dari keturunan zina tidak sepadan kahwin dengan seorang yang mempunyai keturunan dengan jalan nikah yang sah, dan sebagainya.
5. *Akhlak dan perangai yang baik.*
Maka tidaklah sepadan orang yang berakhlak baik kahwin dengan orang yang tidak pandai menjaga kehormatan dirinya.

Firman Allah s.w.t.:

اَلْخَبِيْثَاتُ لِلْخَبِيْثِيْنَ وَالْخَبِيْثُوْنَ لِلْخَبِيْثَاتِ وَالطَّيِّبَاتُ لِلطَّيِّبِيْنَ وَالطَّيِّبُوْنَ لِلطَّيِّبَاتِ* سورة النور اية ٢٦

Perempuan yang keji itu jodohnya ialah laki-laki yang keji pula, dan laki-laki yang keji itu jodohnya ialah perempuan yang keji pula, dan perempuan-perempuan yang baik itu padannya ialah laki-laki yang baik pula, dan laki-laki yang baik itu padannya ialah perempuan yang baik pula.

(Surah An-Nur ayat 26).

6. *Ilmu pengetahuan.*
Maka tidaklah sepadan kahwin orang yang taat dan alim dalam soal agama dengan orang yang tidak mengenal agama atau orang yang berpengetahuan tinggi tidak sepadan kahwin dengan tukang sapu dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t.:

قُلْ هَلْ يَسْتَوِى الَّذِيْنَ يَعْلَمُوْنَ وَالَّذِيْنَ لاَ يَعْلَمُوْنَ*

سورة الزمر اية ٩

Katakanlah (hai Muhammad); Tidaklah sama orang yang berpengetahuan itu dengan yang tidak berpengetahuan.

(Surah Az-Zumar ayat 9).

7. *Aib.*
Yang dimaksudkan ialah, yang membolehkan khiar dalam pernikahan, sebagaimana akan datang keterangannya. Maka tidaklah sepadan (kafaah) kahwin orang yang berpenyakit kusta, balak dengan orang yang sihat badannya. Atau orang yang penyakit seperti T.B.C., siplis dan lain-lain tidaklah sepadan kahwin dengan orang yang badannya sihat sejahtera.
8. *Umur.*
Kedua suami isteri itu berpadanan pula hendaknya, Ertinya, bahawa yang laki-laki tua sedikit dari yang perempuan dan jangan sebaliknya. Maka tidaklah sepadan laki-laki yang telah berumur 70 tahun kahwin dengan perempuan atau gadis yang masih berumur 17 tahun dan sebagainya.

Keterangan:

عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: خَطَبَ اَبُوْ بَكْرٍ وَعُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا فَاطِمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِنَّهَا صَغِيْرَةٌ فَخَطَبَهَا عَلِيٌّ فَزَوَّجَهَا مِنْهُ. رواه النسائى

Dari Buraidah r.a. ia berkata: "Pernah Abu Bakar dan Umar r.a. meminang Siti Fatimah (anak perempuan Nabi s.a.w.), maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya ia masih kecil." Kemudian dipinang oleh Ali r.a. maka beliau kahwinkanlah dengan Ali."

(Riwayat Nasai).

2. KAFAAH MENURUT AGAMA

Berkata pengarang kitab Subulussalam: "Yang dihitung dalam perkara kafaah ialah agama. Ertinya dalam perkara taat dan takwa. Sebab manusia di sisi Tuhan tidak ada yang berlebih berkurang antara yang seorang dengan yang lain, selain orang yang takwa kepada-Nya. Itulah orang yang lebih mulia di sisi Tuhan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى نَضْرَةَ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ أَلَا إِنَّ رَبَّكُمْ وَاحِدٌ وَإِنَّ أَبَاكُمْ وَاحِدٌ أَلَا لَافَضْلَ لِعَرَبِيٍّ عَلَى عَجَمِيٍّ وَلَا لِعَجَمِيٍّ عَلَى عَرَبِيٍّ وَلَا لِأَحْمَرَ عَلَى أَسْوَدَ وَلَا لِأَسْوَدَ عَلَى أَحْمَرَ إِلَّا بِالتَّقْوَى. رواه أحمد

Dari Abu Nadhrah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Hai manusia! Ketahuilah! Sesungguhnya Tuhanmu itu satu, bapamu satu. Ketahuilah! Tidak ada kelebihan orang Arab dari orang Ajam (bangsa selain bangsa Arab), dan tidak ada pula kelebihan orang Ajam dari orang Arab. Tidak ada kelebihan orang merah dari orang hitam dan tidak ada pula kelebihan orang hitam itu dari orang merah, melainkan dengan bertakwa kepada Allah."

(Riwayat Ahmad).

Bangsa yang selain dari bangsa Arab, ialah seperti bangsa Melayu, Belanda, Inggeris, India dan lain-lainnya. Masing-masing bangsa itu tidak ada yang berkelebihan di sisi Allah melainkan orang yang bertakwa kepada-Nya.

Untuk menghilangkan rasa kesombongan dari orang-orang yang merasa dirinya mulia, Rasulullah s.a.w. menganjurkan supaya menikahi tukang bekam.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: يَا بَنِى بَيَاضَةَ اِنْكِحُوْا اَبَا هِنْدٍ وَانْكِحُوْا عَلَيْهِ وَكَانَ حَجَّامًا.

رواه ابو داود والحاكم بسند حسن

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Hai Bani Bayadhah (nama suku), kahwinkanlah Abu Hindun, dan nikahkanlah dia, adalah Abu Hindun itu tukang bekam."

(Riwayat Abu Daud dan Hakim).

3. NIKAH TANPA KEMAHUAN SENDIRI

Kalau seorang perempuan tidak tahu, bahawa ia dikahwinkan dengan seseorang yang bukan jodohnya, atau ia benci kepada orang yang telah jadi suaminya itu kerana mengidap penyakit dan sebagainya, maka boleh ia memfasahkan akad nikah itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: جَاءَتْ فَتَاةٌ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَقَالَتْ: اِنَّ اَبِيْ زَوَّجَنِى اِبْنَ اَخِيْهِ لِيَرْفَعَ بِيْ خَسِيْسَتَهُ فَجَعَلَ الْاَمْرَ لَهَا فَقَالَتْ: قَدْ اَجَزْتُ مَا صَنَعَ اَبِى وَلٰكِنْ اَرَدْتُ اَنْ اُعَلِّمَ النِّسَاءَ اَنَّ الْاٰبَاءَ لَيْسَ لَهُمْ مِنَ الْاَمْرِ شَيْءٌ.

رواه احمد والنسائى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah datang seorang perempuan muda kepada Nabi s.a.w. lalu ia berkata: "Sesungguhnya bapaku telah mengahwinkan aku dengan anak laki-laki saudaranya, dengan demikian supaya keburukan dirinya dapat diangkatnya. Rasulullah lalu menyerahkan urusan itu kepadanya sendiri," maka ia berkata: "Sesungguhnya aku membolehkan apa yang telah diperbuat oleh bapaku, tetapi aku hendak memberitahukan kepada perempuan-perempuan lain, supaya kaum bapa sekali-kali tidak boleh lagi menjalankan urusan seperti itu."

(Riwayat Ahmad dan Nasai).

Dengan keterangan ini jelaslah, bahawa kalau kedapatan oleh si isteri sesudah kahwin, bahawa suaminya itu mengidap penyakit yang berjangkit, umpamanya siplis, T.B.C. dan sebagainya, boleh baginya memfasah perkahwinan itu, kalau dikehendakinya.

BAB RUKUN NIKAH

Rukun nikah ialah:

Pertama: Ada *zauj* (bakal suami).

Kedua: Ada *zaujah* (bakal isteri). Sebab keduanya adalah sebagai pokok untuk mengikat tali perkahwinan.

Ketiga: Ada *wali,* iaitu orang yang akan mengahwinkan perempuan. Sebab kalau tidak ada, perkahwinan tidak sah.

Keempat: Ada saksi.

Kelima: Ada ijab-kabul, antara wali dan calon suami.

1. TIDAK SAH NIKAH MELAINKAN DENGAN WALI

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ نِكَاحَ إِلاَّ بِوَلِيٍّ.

رواه ابو ابود والترمذى بسند حسن

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak sah nikah, melainkan dengan berwali." (Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ تُزَوِّجِ الْمَرْأَةُ الْمَرْأَةَ وَلاَ تُزَوِّجِ الْمَرْأَةُ نَفْسَهَا.

رواه ابن ماجة والدار قطنى

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tidak boleh perempuan mengahwinkan perempuan, dan tidak boleh pula perempuan mengahwinkan dirinya sendiri."

(Riwayat Ibnu Majah dan Daruqutni).

Hadis ini menunjukkan, bahawa perempuan tidak boleh menjadi wali bagi perempuan dalam perkara menikahkan. Dan perempuan itu tidak boleh pula mengahwinkan dirinya sendiri, melainkan hendaklah dengan walinya yang laki-laki.

Berkata pengarang Subulussalam: "Jumhur ulama mengambil alasan dengan hadis tersebut di atas, bahawa perkahwinan itu harus

dengan wali. Dan juga beralasan dengan firman Allah yang berbunyi:

فَلَا تَعْضُلُوْهُنَّ اَنْ يَنْكِحْنَ اَزْوَاجَهُنَّ اِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُمْ بِالْمَعْرُوْفِ* سورة البقرة اية ٢٣٢

Maka janganlah kamu larang perempuan-perempuan itu mengahwini suaminya kembali, bila mereka telah suka sama suka dengan yang baik.

(Surah Al-Baqarah ayat 232).

Berkata Syafii: "Inilah ayat yang menjelaskan dalam perkara memandang wali dalam nikah. Kalau tidak memandang wali, tentulah tidak ada erti larangan itu."

(Demikian Subulussalam).

Mengenai syahid (saksi), paling kurang dua orang laki-laki yang adil. Iaitu orang yang tidak berbuat dosa besar dan tidak berkekalan di atas dosa kecil.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا نِكَاحَ اِلَّا بِوَلِيٍّ وَشَاهِدَى عَدْلٍ. رواه احمد والبيهقي

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak sah nikah, melainkan dengan berwali dan dua orang saksi yang adil."

(Riwayat Ahmad dan Baihaqi).

Adil yang dimaksud di sini ialah orang yang menjauhi dosa besar dan tidak terbiasa melakukan dosa kecil, setidak-tidaknya orang yang taat beribadat, umpamanya sembahyang, puasa dan lain-lainnya. Menurut keterangan bahawa hadis ini dhaif, dengan sendirinya tidak dapat dijadikan hukum. Dalam hal ini berkata pengarang kitab Bidayah Al-Mujtahid: "Telah sepakat Abu Hanifah, Syafii dan Malik, bahawa sesungguhnya saksi itu adalah termasuk syarat nikah. Dan mereka berlainan faham apakah saksi itu sebagai syarat untuk menyempurnakan, yang syarat itu disuruh melakukan tatkala dukhul, ataukah sebagai syarat untuk sebab sah, yang disuruh mengadakannya ketika melakukan akad nikah. Tetapi mereka sepakat, bahawa nikah tidak boleh dilangsungkan secara rahsia.

(Demikian Bidayah Al-Mujtahid).

2. SYARAT-SYARAT JADI WALI

Syarat-syarat orang yang akan jadi wali ialah:

1. Orang Islam
2. Baligh (sampai umur 15 tahun dan sebagainya)
3. Berakal
4. Merdeka
5. Adil, sebagaimana diterangkan di atas
6. Laki-laki.

Tidaklah sah orang kafir menjadi wali orang Islam. Sebab di dalam Al-Quran banyak ayat yang menyatakan, bahawa orang kafir tidak boleh jadi wali orang Islam.

Firman Allah s.w.t.:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُوْنَ الْكَافِرِيْنَ اَوْلِيَاءَ مِنْ دُوْنِ الْمُؤْمِنِيْنَ*

سورة ال عمران اية ٢٨

Tidak boleh orang mukmin mengangkat orang-orang kafir jadi walinya, kecuali orang mukmin pula. (Surah Al-Imran ayat 28).

Begitulah juga tidak sah anak-anak, orang gila, hamba atau orang yang derhaka kepada Tuhan jadi wali, seperti orang yang meninggalkan sembahyang dan lain-lainnya. Sebab meninggalkan sembahyang itu adalah dosa besar dan telah keluar dari apa yang dinamakan adil. Keterangan yang menyatakan, bahawa wali itu hendaknya baligh berakal adalah sebagaimana keterangan di bawah ini:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:

لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيٍّ مُرْشِدٍ أَوْ سُلْطَانٍ. رواه الطبرانى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.:"Tidak sah nikah melainkan dengan wali yang cerdas atau dengan Sultan."

(Riwayat Tabrani).

Orang-orang yang berhak menjadi wali ialah:

1. Bapa sekandung, atau
2. Bapa dari bapa sekandung (datuk), atau
3. Saudara laki-laki seibu sebapa, atau

4. Saudara laki-laki yang sebapa, atau
5. Anak laki-laki dari saudara laki-laki yang seibu sebapa, atau
6. Anak laki-laki dari saudara laki-laki yang sebapa, atau
7. Pak cik (saudara bapa yang laki-laki), atau
8. Anak pak cik yang laki-laki, atau
9. Mu'tiq (orang yang memerdekakan) kemudian asobahnya.

3. WALI YANG TIDAK MAHU MENIKAHKAN

Bila wali tidak mahu menikahkan kerana enggan, tidak ada atau berselisih dan lain-lainnya, disebabkan oleh beberapa hal, boleh sultan (pegawai pemerintah yang berkuasa) jadi walinya, iaitu orang-orang yang diangkat untuk jadi wali dalam negeri Islam. Kalau tidak ada Sultan, bolehlah wali hakim, iaitu *kadi nikah* yang diangkat di masjid-masjid di seluruh negeri.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوَالِيْهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ (ثَلَاثَ مَرَّاتٍ) فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَالْمَهْرُ لَهَا بِمَا أَصَابَ مِنْهَا فَإِنْ تَشَاجَرُوْا فَالسُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Perempuan yang kahwin dengan tidak seizin walinya, maka nikahnya itu batal," tiga kali diucapkan oleh Nabi kata-kata itu. "Dan apabila ia telah dukhul (bersetubuh) dengan perempuan itu, maka yang wajib ialah mahar misil (sekadar pemberian) sebab ia telah mencampuri perempuan itu. Jika mereka berselisih, maka sultanlah wali oran yang tidak ada walinya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Hadis ini menunjukkan, bahawa sultan atau orang yang ditunjuknya boleh menjadi wali, bila perempuan yang akan dinikahkan itu betul-betul tidak ada wali yang akan menikahkan, kerana berbagai hal.

Ke dalam kata-kata *"tidak ada wali"* ini termasuklah:

1. Bila wali yang akrab masih ada, tetapi jauh dari tempat perkahwinan lebih dari musafat qasar, sedang kenderaan sulit untuk datang, atau

2. Wali yang akrab ada (8) tetapi tidak mahu mengahwinkan kerana tidak setuju dan lain-lainnya.
3. Segala wali-wali itu berselisih, dan tidak seorang pun yang mahu mengahwinkan, atau
4. Bila semua wali-wali itu tidak ada, baik yang akrab mahupun yang ab'ad, atau
5. Di antara wali-wali itu ada, tetapi jauh dan sukar untuk datang, atau
6. Bila wali-wali itu melakukan "tawari" dan "ta'azur". Tawari ertinya bersembunyi atau menghilangkan diri supaya perkahwinan tidak dilangsungkan. Ta'azuz ertinya main janji-janji saja, dari hari ke hari, minggu ke minggu atau dari bulan ke bulan, padahal perkahwinan sudah mendesak.

Dipindahkan wali kepada sultan dalam semua perkara ini guna menghindarkan perselisihan antara wali-wali yang akrab dan yang ab'ad. Kecuali kalau mereka tidak ada sama sekali kerana telah mati atau kerana jauh. Hal ini sudah menjadi hak penuh bagi sultan. Wali yang tidak mahu mengahwinkan ini dinamakan *"wali udhul."* Sedang sultan disebut *"Wali Hakim."*

Bila seorang perempuan dikahwinkan oleh dua orang wali, dengan dua orang suami, yang sah ialah perkahwinan yang pertama (yang paling dahulu).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَمُرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَيُّمَا امْرَأَةٍ زَوَّجَهَا وَلِيَّانِ فَهِيَ لِلْأَوَّلِ مِنْهُمَا.

رواه ابو داود وابن ماجة بسند حسن

Dari Samurah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Perempuan-perempuan yang dikahwinkan oleh dua orang walinya, maka perempuan itu jadi hak yang pertama."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

4. MACAM-MACAM WALI

1. Wali nasab
2. Wali hakim

Yang dimaksudkan wali nasab, ialah seorang yang berhak melakukan akad perkahwinan dari seseorang wanita calon pengantin berdasarkan adanya perhubungan darah (keturunan) antara dia dengan wanita calon pengantin tersebut. Sedangkan yang dimaksud

dengan wali hakim ialah seseorang yang kerana kedudukannya (umpamanya sebagai kadi) berhak melakukan akad perkahwinan, hak mana diperolehinya berdasarkan penyerahan dari wali nasab atau kerana tidak adanya wali nasab, menurut cara-cara tertentu.

Wali nasab dapat juga dibahagikan dua melihat kepada dekat dan jauhnya hubungan darah (keturunan) antara dia dengan wanita calon pengantin:

1. Wali akrab,
2. Wali ab'ad.

Wali akrab, ialah wali yang paling dekat hubungan darahnya dengan wanita calon pengantin. Sedangkan wali ab'ad, ialah wali yang sudah jauh pertalian darahnya dengan wanita calon pengantin.

Wali akrab ini terbahagi dua pula:

a. Wali mujbir,
b. Wali tidak mujbir.

Wali mujbir, ialah wali yang berhak memaksa anaknya untuk kahwin. Mereka itu ialah bapa dan datuk (bapa dari bapa). Selain dari kedua orang ini (bapa dan datuk) adalah wali tidak mujbir. Sedang wali hakim, ialah wali yang ditugaskan atau ditunjuk khusus untuk melakukan akad nikah, bila wali nasab tidak ada.

Dalam soal perkahwinan yang pertama sekali berhak jadi wali adalah wali akrab, ialah bapa atau datuk. Selama wali akrab masih ada, hak menikahkan belum boleh dipindahkan kepada wali yang lain (wali ab'ad).

Tidak adanya wali akrab dapat dilihat menurut hissi dan syar'i. Tidak adanya menurut hissi, ialah kalau wali akrab itu telah mati. Sedangkan menurut syar'i, ialah kalau wali akrab itu telah tanggal hak kewaliannya, disebabkan:

1. Ia adalah hamba abdi
2. Ghaib
3. Bodoh (kurang akal)
4. Kafir
5. Sedang ihram (mengerjakan haji)

Dalam keadaan seperti ini, barulah hak mengahwinkan itu boleh pindah kepada wali ab'ad.

Jika hanya sekadar berjauhan tempat (ghaib) sejauh dua marhalah, menurut mazhab Syafii, tidaklah dapat diambil alasan untuk menyatakan tidak ada wali. Sekalipun jauh namun hak wilayat (kewalian) masih tetap ada padanya, tidak tanggal.

Bila wali yang jauh itu tidak dapat datang, kerana sesuatu yang menghalangi, dengan sendirinya bererti bahawa wanita calon pengantin itu tidak berwali. Pada keadaan seperti inilah baru hak ke-

walian itu dipindahkan kepada wali hakim (yang berkuasa dalam negeri), yang disebut juga sultan atau kepada orang yang ditunjuknya.

5. MUHAKKAM

Jika sekiranya wali-wali yang tersebut di atas itu juga tidak ada, maka hak mengahwinkan itu dipindahkan kepada *Muhakkam,* iaitu seorang alim dalam negeri, yang mempunyai sifat-sifat yang terpuji, iaitu terpelihara dari perbuatan-perbuatan yang melanggar hukum agama.

Tetapi dengan syarat bahawa muhakkam ini menerima pernyataan dari calon pengantin, supaya ia dinikahkan dan kalimat yang menunjukkan penyerahan kahwin.

Di dalam kitab Bijairimi ditambahkan: "Bila muhakkam juga tidak diperoleh dan manusia lain pun tidak ada pula, sedangkan wanita itu ada kemungkinan akan melakukan perzinaan maka bolehlah ia mengahwinkan dirinya sendiri, dengan syarat bahawa jarak antara dia dengan walinya sejauh masafat qasar.

Kemudian setelah kedua suami isteri itu kembali ke tempat ramai, ertinya mereka sudah bertemu dengan manusia lain, hendaklah mereka perbaharui akad nikahnya kembali.

(Demikian Ianah At-Talibin).

6. KHUTBAH NIKAH

Sebelum akad nikah diucapkan, disunatkan lebih dahulu membacakan khutbah nikah. Sekurang-kurangnya khutbah itu adalah sebagai yang diajarkan oleh Nabi s.a.w. iaitu:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: عَلَّمَنَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ خُطْبَةَ الْحَاجَةِ فِى النِّكَاحِ وَغَيْرِهِ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ نَسْتَعِيْنُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوْذُ بِاللهِ مِنْ شُرُوْرِ اَنْفُسِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَا هَادِيَ لَهُ وَأَشْهَدُ اَنْ لَآ إِلٰهَ اِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ يٰآ اَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوا اللهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ وَاتَّقُوا اللهَ الَّذِى

تَسَاءَلُوْنَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ اِنَّ اللهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيْبًا يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا اتَّقُوْا اللهَ وَقُوْلُوْا قَوْلاً سَدِيْدًا يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ وَمَنْ يُطِعِ اللهَ وَرَسُوْلَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا. رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a. ia berkata: Telah diajarkan khutbah hajat kepada kami oleh Rasulullah s.a.w. di waktu nikah dan lainnya, iaitu: "Puji-pujian bagi Allah, dan kepada-Nya kita minta tolong dan minta ampun. Dan kita berlindung pada Allah dari kejahatan-kejahatan diri kita. Sesiapa yang ditunjuki-Nya tidaklah ia akan sesat. Sesiapa yang disesatkan-Nya tidaklah ia akan dapat petunjuk. Aku bersaksi bahawa Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya. Hai orang-orang yang beriman, takutlah kamu kepada Allah sebenar-benarnya takut, dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam memeluk agama Islam. Dan takutlah kamu kepada Allah yang kamu meminta-minta dengan Dia (nama-Nya) dan dengan perhubungan silaturrahim. Sesungguhnya Allah selalu melihat perbuatanmu. Hai orang-orang yang beriman, takutlah kamu kepada Allah dan ucapkanlah kata yang lemah-lembut. Diperbaiki-Nya bagimu segala amal pekerjaanmu, dan akan diampuni-Nya segala dosamu. Dan sesiapa yang mengikuti Allah dan rasul-Nya, maka sesungguhnya beruntunglah ia mendapat kemenangan yang sebesar-besarnya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

BAB MASKAHWIN

1. ERTI MASKAHWIN DAN YANG DAPAT DIJADIKAN MASKAHWIN

Maskahwin ini disebut juga: mahar, shidak, nihlah dan faridhah. Menurut istilah syarak, maskahwin ertinya sesuatu yang akan diterimanya dari diri isterinya itu.

Maskahwin itu adalah hak isteri. Banyak sedikitnya maskahwin itu tergantung kepada kerelaan atau kemahuan isteri. Sebaliknya apabila dimaafkan saja oleh sang isteri, hilanglah wajib memberikannya. Kalau isteri itu senang hatinya dengan tidak perlu lagi pembayarannya, maka maskahwin itu boleh diambil atau dipergunakan sendiri.

Firman Allah s.w.t.:

وَاٰتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَاِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوْهُ هَنِيْئًا مَرِيْئًا* سورة النساء اية ٤

Dan berikanlah kepada perempuan itu maskahwin mereka sebagai pemberian, maka apabila mereka berbaik hati kepadamu (rela hatinya) tentang sesuatu yang kamu berikan itu, maka makanlah olehmu harta itu secara senang hati pula.

(Surah An-Nisa' ayat 4).

Sesuatu yang dapat dijadikan maskahwin itu ada beberapa macam, di antaranya:

Pertama: *Mata wang,* sebagaimana diterangkan dalam hadis.

عَنْ اَبِى سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَأَلْتُ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا كَمْ كَانَ صَدَاقُ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ قَالَتْ: كَانَ صَدَاقُهُ لِاَزْوَاجِهِ ثِنْتَى عَشَرَةَ اَوْقِيَّةً وَنَشًّا قَالَتْ: اَتَدْرِى مَا النَّشُّ قُلْتُ: لَا قَالَتْ نِصْفُ اَوْقِيَةٍ فَتِلْكَ خَمْسُ مِائَةِ دِرْهَمٍ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Abu Salmah r.a. pernah aku bertanya kepada Aisyah: Berapa maskahwin Rasulullah s.a.w. Aisyah menjawab: "Adalah maskahwin yang diberikan beliau kepada isteri-isteri beliau 12 (dua belas) auqiyah dan senasysya." Ia berkata lagi: "Tahukah engkau, apakah nasysya itu?" Aku menjawab: "Tidak." Lantas ia katakan, bahawa satu nasysya itu ialah setengah auqiyah, maka jumlah semuanya itu adalah 500 dirham.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Kedua: *Yang merupakan barang,* sebagaimana diterangkan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَامِرِ بْنِ رَبِيْعَةَ عَنْ أَبِيْهِ اَنَّ إِمْرَأَةً مِنْ بَنِى فَزَارَةَ تَزَوَّجَتْ عَلَى نَعْلَيْنِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَرَضِيْتِ مِنْ

نَفْسِكِ وَمَالِكِ بِنَعْلَيْنِ قَالَتْ: نَعَمْ فَأَجَازَهُ.

رواه الترمذى بسند صحيح

Dari Abdullah bin Amir bin Rabiah, dari bapanya bahawa seorang perempuan Bani Fazarah telah kahwin dengan maskahwin dua terompah, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Adakah engkau suka menukar diri engkau dan harta engkau dengan dua terompah?" Ia menjawab: "Aku rela." Maka perkahwinan itu dibolehkan oleh Rasulullah s.a.w."

(Riwayat Tirmizi).

Ketiga: *Dengan pekerjaan,* sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِى قِصَّةِ رَجُلٍ يُزَوِّجُ امْرَأَةً وَلَمْ يَكُنْ عِنْدَهُ شَيْءٌ لِيَجْعَلَ صَدَاقًا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَاذَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ قَالَ: مَعِيْ سُوْرَةُ كَذَا وَسُوْرَةُ كَذَا عَدَّدَهَا فَقَالَ: أَتَقْرَؤُوهُنَّ عَنْ ظَهْرِ قَلْبِكَ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: إِذْهَبْ فَقَدْ مَلَّكْتُكَهَا بِمَا مَعَكَ مِنَ الْقُرْآنِ - وَفِى رِوَايَةٍ - اِنْطَلِقْ قَدْ زَوَّجْتُكَهَا فَعَلِّمْهَا مِنَ الْقُرْآنِ.

رواه مسلم

Dari Shala bin Saad r.a. bahawa dalam kisah seorang laki-laki yang akan mengahwini seorang perempuan dan tidak ada padanya sesuatu pun yang dapat dijadikannya maskahwin. Ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Adakah engkau hafaz Al-Quran?" Ia menjawab: "Aku ada menghafaz surah itu dan surah ini." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dapatkah engkau membacakannya di luar kepala (secara hafazan)?" Ia menjawab: "Ya." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pergilah, sesungguhnya telah aku jadikan dia milikmu dengan apa yang ada serta engkau dari Al-Quran. Pergilah, sesungguhnya telah aku kahwinkan engkau dengannya, maka ajarkanlah kepadanya ayat Al-Quran itu."

(Riwayat Muslim).

Keempat: *Dengan makanan* (bahan), sebagaimana diterangkan:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: مَنْ اَعْطَى فِي صَدَاقِ امْرَاَةٍ سَوِيْقًا اَوْ تَمْرًا قَدِ اسْتَحَلَّ.

اخرجه ابو دأود ـ حديث موقوف

Dari Jabir bin Abdullah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: "Orang yang memberikan tepung atau tamar untuk maskahwin perempuan, maka halallah perempuan itu baginya."

(Riwayat Abu Daud).

Kelima: *Dengan memerdekakan,* sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ اَعْتَقَ صَفِيَّةَ وَجَعَلَ عِتْقَهَا صَدَاقَهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w.: "Telah memerdekakan Shafiah (isterinya) dan beliau jadikan kemerdekaan itu sebagai maskahwinnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Gunanya maskahwin itu ialah untuk menunjukkan, bahawa ia benar-benar ingin kahwin dengan perempuan itu. Sebelum perempuan rela tentang banyaknya maskahwin yang akan diberikan kepadanya, maka ketika itu belumlah sah (boleh) akad nikah diucapkan.

2. YANG MEWAJIBKAN MASKAHWIN

Yang mewajibkan maskahwin ialah:

Pertama: Sebab nikah yang sah. Bila meninggal dunia salah seorang suami isteri sesudah nikah diakadkan sedang keduanya belum bercampur, maka maskahwin itu wajib juga dibayar oleh suami.

Keterangan:

عَنْ عَلْقَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ اِبْنَ مَسْعُوْدٍ سُئِلَ عَنْ رَجُلٍ تَزَوَّجَ اِمْرَاَةً وَلَمْ يَفْرِضْ لَهَا صَدَاقًا وَلَمْ يَدْخُلْ بِهَا حَتَّى مَاتَ

فَقَالَ: لَهَا مِثْلُ صَدَاقِ نِسَائِهَا لَا وَكْسَ وَلَا شَطَطَ وَلَهَا الْمِيْرَاثُ وَعَلَيْهَا الْعِدَّةُ فَقَامَ مَعْقِلُ بْنِ سَنَانِ الْأَشْجَعِيِّ فَقَالَ: قَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى بَرْوَعٍ بِنْتِ وَاشِقٍ مِثْلَ الَّذِيْ قَضَيْتَ فَفَرِحَ بِهَا اِبْنُ مَسْعُوْدٍ. رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Alqamah r.a. bahawa Ibnu Mas'ud pernah ditanya orang tentang seorang laki-laki yang telah mengahwini seorang perempuan, dan suami itu belum membayar maskahwin perempuannya dan belum pula ia dukhul (bersetubuh) dengan perempuan itu, lalu ia mati. Jawab Ibnu Mas'ud: "Hak baginya seperti maskahwin wanita-wanita sebangsanya, tidak kurang dan tidak pula lebih, dan hak pula baginya harta pusaka, dan wajib atasnya idah (idah wafat)." Lalu berdiri Ma'qil bin Sanan Al-Asyja'i, lantas ia berkata: "Telah menghukumkan pula Rasulullah s.a.w. dalam perkara Barwa' anak perempuan Wasyiq, seumpama yang telah engkau hukumkan itu." Maka gembiralah Ibnu Mas'ud setelah mendengar kejadian Barwa' itu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Kalau perempuan itu diceraikan, sebelum disetubuhi (belum dicampuri), maka maskahwin itu pun wajib juga dibayar. Tetapi hanya seperdua dari apa yang telah ditentukan.

Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ اَنْ تَمَسُّوْهُنَّ وَقَدْ فَرَضْتُمْ لَهُنَّ فَرِيْضَةً فَنِصْفُ مَا فَرَضْتُمْ اِلَّا اَنْ يَعْفُوْنَ اَوْ يَعْفُوَ الَّذِىْ بِيَدِهِ عُقْدَةُ النِّكَاحِ* سورة البقرة اية ٢٣٧

"Dan jika kamu menceraikan perempuan-perempuan itu sebelum kamu menyentuhnya, dan sesungguhnya kamu telah menentukan maskahwin bagi mereka, maka yang wajib dibayar ialah seperdua dari yang telah kamu tentukan itu. Kecuali apabila mereka atau orang-orang yang memegang akad nikah (wali) mahu memaafkan."

(Surah Al-Baqarah ayat 237).

Menurut ayat ini, kalau si isteri atau walinya memaafkan maskahwin itu, bolehlah diambil oleh suami. Kecuali kalau perceraian itu disebabkan oleh sesuatu cacat yang menghalangi hasil yang dimaksud dengan nikah, baik dari pihak suami ataupun dari pihak perempuan. Dalam keadaan seperti ini tidaklah wajib lagi dibayar.

Kedua: Kerana percampuran (persetubuhan) sebab nikah yang tidak sah (nikah batil). Umpamanya menikahi perempuan yang sedang bersuami atau perempuan itu dikahwinkan oleh wali hakim kerana perempuan itu berdusta, bahawa walinya tidak ada. Atau ia menikahinya sebelum idah perempuan itu sampai dan sebagainya. Percampuran yang begitu dinamakan percampuran (wathak) syubhat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَيُّمَا امْرَأَةٍ نَكَحَتْ بِغَيْرِ إِذْنِ وَلِيِّهَا فَنِكَاحُهَا بَاطِلٌ فَإِنْ دَخَلَ بِهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا. رواه الترمذي بسند حسن

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Perempuan yang mana juga kahwin dengan tidak setahu walinya maka nikahnya itu batal. Apabila yang mengahwinnya itu telah dukhul (bersetubuh) dengan dia maka hak baginya maskahwinnya sebab sesuatu yang telah dirasainya dari farajnya."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ بَصْرَةَ بْنِ اَكْثَمَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّهُ قَالَ لِلنَّبِيِّ ﷺ: تَزَوَّجْتُ إِمْرَأَةً بِكْرًا فِي سِتْرِهَا فَدَخَلْتُ عَلَيْهَا فَاِذَا هِيَ جُبْلَى فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: لَهَا الصَّدَاقُ بِمَا اسْتَحْلَلْتَ مِنْ فَرْجِهَا. رواه ابو داود بسند صالح

Dari Bashrah bin Aksam Al-Ansari r.a. bahawa ia bertanya kepada Nabi s.a.w.: "Aku telah mengahwini seorang perawan menurut keterangannya, lalu aku dukhul (bersetubuh) dengan dia maka tiba-

tiba aku ketahui ia sudah mengandung." Nabi s.a.w. menjawab: "Hak baginya maskahwinnya, sebab apa yang telah engkau lakukan pada farajnya."

(Riwayat Abu Daud).

Berdasarkan keterangan ini orang berpendapat, bahawa mengahwini orang yang sedang hamil tidak sah, baik kerana berzina mahupun kerana nikah yang sah. Dengan sendirinya (dengan tidak perlu menjatuhkan lafaz talak) ia telah bercerai. Berdasarkan pendapat yang begini, maka percampurannya itu masuk percampuran syubhat tetapi hak bagi perempuan itu menerima maskahwinnya (mahar misil).

Menurut Imam Syafii dan Hanafi, bahawa hamil kerana berzina tidaklah melarang akad nikah, kerana hamil yang begitu tidak berharga dan tidak dipandang. Tetapi hanya makruh hukumnya dan ia pun tidak perlu beridah, kerana idah datangnya disebabkan nikah yang sah.

(Demikian At-Tajul Jamik).

3. LAFAZ NIKAH DAN MENYEMPURNAKAN MASKAHWIN DALAM AKAD

Adapun lafaz yang sah (ijab kabul) untuk nikah kahwin ialah: *Aku nikahkan engkau/aku kahwinkan engkau dengan si.....*, kata wali. Laki-laki bakal suami menjawab: *Aku terima nikahnya/ kahwinnya.....*

Allah berfirman:

فَلَمَّا قَضٰى زَيْدٌ مِنْهَا وَطَرًا زَوَّجْنَاكَهَا* سورة الأحزاب اية ٣٧

Maka tatkala Zaid menyampaikan keperluannya kepada perempuan itu, kami kahwinkan engkau akan perempuan itu.

(Surah Al-Ahzab, ayat 37).

Disunatkan menyebutkan maskahwin ketika akad nikah. Misalnya dikatakan oleh wali yang mengahwinkan itu: "Aku nikahkan engkau dengan anakku yang bernama Fatimah dengan maskahwinnya $25." Lalu dijawab oleh bakal suami: "Aku terima nikah Fatimah dengan maskahwinnya $25" dan sebagainya.

Bila dalam akad nikah disebutkan syarat-syarat, baik syarat itu datang nya dari kadi nikah atau dari wali, syarat-syarat itu wajib disempurnakan. Asal saja syarat itu tidak menyalahi aturan-aturan agama. Umpamanya syarat supaya:

1. Jangan melalaikan kewajipan

2. Jangan memberi pukulan yang berbahaya
3. Pergaulan yang baik
4. Tempat tinggal harus tersendiri dan lain-lain

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أَحَقُّ الشُّرُوْطِ اَنْ تُوَفُّوْا بِهِ مَا اسْتَحْلَلْتُمْ بِهِ الْفُرُوْجَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Uqbah bin Amir r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Syarat-syarat yang lebih hak kamu sempurnakan, ialah syarat yang dengan syarat-syarat itu kamu telah merasakan faraj perempuan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Tetapi bila syarat itu menyalahi aturan agama, umpamanya tidak boleh keluar dari negeri, tidak boleh berdagang tidak boleh kahwin dua orang atau lebih dan lain-lain sebagainya, maka syarat yang seperti itu adalah batal dan tidak wajib disempurnakan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَا كَانَ مِنْ شَرْطٍ لَيْسَ فِي كِتَابِ اللهِ فَهُوَ بَاطِلٌ وَاِنْ كَانَ مِائَةَ شَرْطٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Adapun syarat-syarat yang tidak ada bertemu di dalam kitab Allah bertentangan dengan agama maka syarat-syarat itu batal, sekalipun syarat-syarat itu diucapkan seratus kali."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. SYARAT (TAKLIK) SERTA MENYERAHKAN MASKAHWIN

Untuk menjaga kebaikan dalam perkahwinan, baik sekali bila kata-kata taklik (syarat) dibacakan di hadapan kadi oleh suami setelah selesai akad nikah, umpamanya: "Nikah aku ini dengan

taklik, ialah: Bila aku berjalan darat sekian tahun atau berjalan laut sekian tahun, sedang isteriku tidak aku kirim nafkah dan ia pun tidak rela dalam hal itu, kemudian ia datang mengadu kepada wali hakim atau wakilnya atau yang diserahnya menerima pengaduan itu, sedang wali hakim menerima pengaduan itu, ketika itu jatuh talakku satu kali," dan lain-lain.

Walau syarat yang begitu tidak bertemu di dalam kitab Allah, tetapi maksud dari taklik itu ialah "ishlah" yang dianjurkan sekali oleh Al-Quran. Hal ini tidak boleh dipaksakan, tetapi hendaklah dirundingkan lebih dahulu.

Maskahwin yang wajib diserahkan pada waktu akad nikah yang sah, ialah apabila perempuan yang dikahwin itu tidak menyerahkan perkahwinannya begitu saja melainkan dengan menuntut penyerahan maskahwinnya ketika itu juga.

Tetapi bila ia rela dikahwinkan dengan tidak perlu memakai maskahwin maka tidaklah wajib dengan sebab akad. Akad nikahnya itu sah. Namun, maskahwin itu tetap wajib kerana tiga sebab:

Pertama: Sebab suami telah menentukan maskahwinnya atas dirinya.
Kedua: Sebab hakim (pemerintah) yang menentukan.
Ketiga: Sebab ia telah bersetubuh.

Oleh sebab itu boleh dia menuntut suaminya itu, supaya ia menentukan maskahwin untuknya.

Apabila ia bersetubuh sebelum suaminya menentukan maskahwinnya itu, maka hak baginya menerima maskahwin menurut tingkat dan keadaannya. Jika suaminya orang kaya, wajiblah diberikan maskahwin itu menurut kekayaannya. Dan kalau ia orang miskin yang wajib ialah maskahwin menurut yang miskin pula.

Bila perempuan itu diceraikan sebelum suaminya menentukan maskahwin dan sebelum mereka bersetubuh, hak baginya menerima pemberian dari suaminya itu sekadar untuk menyenangkan hatinya.

Firman Allah s.w.t.:

لَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ اِنْ طَلَّقْتُمُ النِّسَآءَ مَا لَمْ تَمَسُّوْهُنَّ اَوْ تَفْرِضُوْا لَهُنَّ فَرِيْضَةً وَمَتِّعُوْهُنَّ عَلَى الْمُوْسِعِ قَدَرُهُ وَعَلَى الْمُقْتِرِ قَدَرُهُ مَتَاعًا بِالْمَعْرُوْفِ حَقًّا عَلَى الْمُحْسِنِيْنَ*

سورة البقرة اية ٢٣٦

Tidaklah dosa atasmu bila kamu menceraikan perempuan sebelum kamu menyentuhnya (bersetubuh), atau sebelum kamu menyerahkan kepada mereka suatu pemberian (maskahwin). Dan senangkanlah hati mereka dengan sesuatu pemberian, atas orang yang kaya menurut kekayaannya dan atas orang yang miskin menurut kadarnya pula. Gunanya untuk menyenangkan hati menurut yang sepantasnya. Demikianlah sesuatu kewajipan yang mesti dijalankan oleh orang-orang yang berbuat baik.

(Surah Al-Baqarah, ayat 236).

BAB MENIKAHKAN WANITA PERAWAN DAN WANITA JANDA

1. MINTA IZIN UNTUK MENGAHWINKAN WANITA PERAWAN

Dalam perkara nikah kahwin ini hendaklah diketahui, bahawa perempuan yang hendak dikahwinkan oleh walinya itu terbahagi atas dua bahagian. Pertama *bikir,* ertinya masih perawan dan yang kedua *saib,* ertinya yang sudah pernah bersuami (janda) atau telah hilang perawannya, kerana kahwin atau kerana berzina.

Perempuan yang masih perawan hendaklah diminta izinnya. Tanda izin dan relanya dia dikahwinkan adalah bila dia diam. Adapun perempuan yang sudah saib, tanda izinnya ialah dengan ucapannya, umpamanya: "Kahwinkanlah!" Dan ia belum boleh dikahwinkan sebelum kata-kata itu keluar dari mulutnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ تُنْكَحُ الثَّيِّبُ حَتَّى تُسْتَأْمَرَ وَلاَ تُنْكَحُ الْبِكْرُ حَتَّى تُسْتَأْذَنَ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَكَيْفَ اِذْنُهَا قَالَ: اِنْ تَسْكُتْ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak boleh dinikahkan perempuan janda itu hingga diminta perintahnya, dan tidak boleh pula dikahwinkan anak perawan itu hingga diminta izinnya." Mereka bertanya: "Ya Rasulullah! Bagaimana izin anak perawan itu?" Nabi menjawab: "Apabila ia diam."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Teranglah dalam hadis ini, bahawa perempuan janda didengar kata-kata perintahnya, umpamanya: "Nikahkanlah." Sedang yang perawan izinnya cukup kalau ia diam saja, sebab ia malu menjawab.

2. WANITA JANDA LEBIH BERHAK DENGAN DIRINYA UNTUK KAHWIN

Berkata Syafii: "Anak yang masih perawan yang sudah baligh boleh dipaksa oleh bapanya, sebab ia belum berhak atas dirinya sendiri. Perempuan yang sudah janda berhak atas dirinya, sebab dia sudah mencuba manis pahitnya perkahwinan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلثَّيِّبُ اَحَقُّ بِنَفْسِهَا مِنْ وَلِيِّهَا وَالْبِكْرُ تُسْتَأْمَرُ وَاِذْنُهَا سُكُوْتُهَا.

رواه مسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Perempuan janda itu lebih berhak atas dirinya daripada walinya. Anak perawan itu diminta izinnya dan izinnya ialah diamnya."

(Riwayat Muslim).

Jadi jelaslah, bahawa perempuan saib (janda) lebih berhak atas dirinya untuk nikah, tetapi harus dengan wali, sedang anak perawan belum berhak atas dirinya. Boleh bagi wali mujbir memaksa anak perawannya kahwin dengan orang yang diingininya, kalau diinginkannya.

Yang dimaksudkan dengan anak perempuan dalam hadis ini ialah anak perempuan perawan yang sudah baligh dan sudah patut dikahwinkan.

3. MENGAHWINKAN ANAK DI BAWAH UMUR

Dalam aturan Islam dibolehkan mengahwinkan anak perempuan yang masih kecil kalau ia mahu. Sebab Rasulullah mengahwini Aisyah ketika berumur 6 (enam) tahun.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: تَزَوَّجَنِي رَسُوْلُ اللهِ ﷺ

وَأَنَا بِنْتُ سِتٍّ سِنِيْنَ وَبَنَى بِيْ وَاَنَا بِنْتُ تِسْعِ سِنِيْنَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Telah dikahwini aku oleh Rasulullah s.a.w. ketika aku anak perawan berumur enam tahun, dan beliau mencampuri aku ketika aku berumur sembilan tahun."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Tetapi kalau perempuan itu tidak mahu, tidaklah boleh wali mengahwinkannya.

Keterangan lain ditambahkan pula:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تُسْتَأْمَرُ الْيَتِيْمَةُ فِى نَفْسِهَا فَاِنْ سَكَتَتْ فَهُوَ اِذْنُهَا وَاِنْ اَبَتْ فَلَا جَوَازَ عَلَيْهَا.

رواه ابو داود وابن ماجة بسند حسن

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Anak perempuan yang masih di bawah umur (anak perempuan perawan) harus diminta perintahnya dalam perkara mengahwinkan dirinya. Jika ia diam, itulah tanda izinnya. Dan jika ia enggan maka tidaklah boleh dilakukan paksaan."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Walaupun perkahwinan yang begini dibolehkan, tetapi harus diingat, bahawa perkahwinan itu gunanya untuk menambah bibit yang baik dan keturunan yang bagus dan kuat. Oleh sebab itu, hendaklah perkahwinan itu baru dilaksanakan setelah kedua calon suami isteri benar-benar sudah matang untuk berumahtangga.

Bila kedua belah pihak masih terlalu muda, tentu keturunannya akan muda pula. Umpamanya mengahwinkan anak ketika umur 10 tahun atau kurang dari 15 tahun. Ini adalah bibit yang sangat muda sekali bila ditanam.

Pada hakikatnya perkahwinan itu boleh dilakukan pada bila-bila masa. Tetapi kalau kita hendak mengikut perbuatan Nabi s.a.w. maka disunatkan perkahwinan itu dilangsungkan di bulan Syawal, iaitu setelah selesai mengerjakan ibadat puasa bulan Ramadan.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: تَزَوَّجَنِى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى شَوَالٍ وَبَنَى بِيْ فِى شَوَّالٍ فَأَيُّ نِسَاءِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ كَانَ أَحْظَى عِنْدَهُ مِنِّى. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Telah dikahwini aku oleh Rasulullah s.a.w. di bulan Syawal dan beliau campur dengan aku di bulan Syawal. Mana saja perempuan Rasulullah s.a.w. yang ada lebih beruntung di dekat beliau daripada aku."

(Riwayat Muslim).

Dan ditambahkan dalam riwayat Muslim: "Dan telah meninggal Rasulullah s.a.w. di tangan Aisyah sedang ia anak perempuan yang baru berumur 18 tahun."

BAB MACAM-MACAM WANITA YANG AKAN DINIKAHI

1. WANITA YANG SAH DINIKAHI

Pertama: Suci dari nikah. Kalau ia sedang bersuami haram dikahwininya.

Firman Allah:

وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ النِّسَآءِ اِلَّا مَا مَلَكَتْ اَيْمَانُكُمْ كِتَابَ اللهِ عَلَيْكُمْ* سورة النساء اية ٢٤

"Dan diharamkan atasmu perempuan-perempuan yang sedang bersuami, kecuali perempuan-perempuan yang dimiliki tangan kananmu (hamba, iaitu perempuan yang dirampas di medan perang), yang demikian itu telah dituliskan Allah atasmu."

(Surah An-Nisa' ayat 24).

Kedua: Jangan yang sedang dalam idah, ertinya yang baru diceraikan oleh suaminya, biar cerai hidup mahupun cerai mati.

Ketiga: Nyata, ertinya ditentukan oleh walinya, anak perempuan yang mana akan dikahwinkannya, Fatimah atau Zulaikha, dan lain-lain.

Keempat: Jangan perempuan yang jadi mahram dengan sebab keturunan, sepersusuan atau sebab perkahwinan.

Kelima: Perempuan yang beragama Islam atau yang keturunan Kitabi, umpamanya Nasrani, Yahudi, sebagaimana akan datang keterangannya.

2. WANITA YANG TIDAK SAH DINIKAHI

Perempuan-perempuan yang haram menikahinya ada empat belas macam. Dan mereka dinamakan juga *Mahram.* Hal-hal yang menyebabkan haramnya mengahwini seseorang perempuan ada tiga:

1. Sebab keturunan
2. Sebab sepersusuan
3. Sebab perkahwinan.

Jumlahnya semua ada empat belas macam, 7 macam dari sebab keturunan, 2 macam dari sebab sepersusuan dan 5 macam dari sebab perkahwinan. Kesemuanya ini disebut *Mahram.*

Dari sebab keturunan.

Pertama: Ibu dan yang lebih atas (nenek perempuan).
Kedua: Anak perempuan dan yang lebih ke bawah (cucu).
Ketiga: Saudara perempuan seibu sebapa.
Keempat: Makcik (saudara perempuan ibu).
Kelima: Saudara perempuan dari bapa.
Keenam: Anak perempuan dari saudara laki-laki.
Ketujuh: Anak perempuan dari saudara perempuan.

Firman Allah s.w.t.:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ وَعَمَّاتُكُمْ وَخَالَاتُكُمْ وَبَنَاتُ الْأَخِ وَبَنَاتُ الْأُخْتِ*

سورة النساء اية ٢٣

"Diharamkan atasmu ibumu, anak perempuanmu, saudara perempuanmu, makcik (saudara perempuan dari bapa), makcikmu (saudara perempuan dari ibu), anak perempuan dari saudara laki-laki dan anak perempuan dari saudara perempuan."

(Surah An-Nisa' ayat 23).

Dari sebab sepersusuan.

Pertama: Ibu yang menyusukan (ibu susuan).

Kedua: Saudara yang sesusuan (saudara susuan).

Firman Allah s.w.t.:

وَأُمَّهَاتُكُمُ الَّتِيٓ اَرْضَعْنَكُمْ وَاَخَوَاتُكُمْ مِنَ الرَّضَاعَةِ*

سورة النساء اية ٢٣

Dan diharamkan juga ke atasmu mengahwini ibu yang menyusukanmu dan saudaramu yang sesusuan.

(Surah An-Nisa' ayat 23).

Dari sebab perkahwinan (mushaharah).

Pertama: Ibu dari isteri (mertua).

Kedua: Anak tiri, kalau sudah dukhul dengan ibunya.

Ketiga: Saudara perempuan dari isteri (dipakai dua sekali gus).

Keempat: Isteri dari anak-anak laki-laki yang kandung (menantu).

Kelima: Isteri bagi bapa (ibu tiri).

Firman Allah s.w.t.:

وَأُمَّهَاتُ نِسَآئِكُمْ وَرَبَآئِبُكُمُ الَّتِيْ فِيْ حُجُوْرِكُمْ مِنْ نِسَآئِكُمُ الَّتِيْ دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَاِنْ لَّمْ تَكُوْنُوْا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ وَحَلَآئِلُ اَبْنَآئِكُمُ الَّذِيْنَ مِنْ اَصْلَابِكُمْ وَاَنْ تَجْمَعُوْا بَيْنَ الْاُخْتَيْنِ اِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ غَفُوْرًا رَّحِيْمًا*

سورة النساء اية ٢٣

Dan diharamkan juga ke atasmu menikahi ibu isterimu (mertuamu), dan anak tirimu yang di dalam pangkuanmu kerana perkahwinan dengan isteri-isterimu yang kamu telah dukhul dengan mereka. Jika kamu belum dukhul dengan mereka, maka tidaklah dosa atasmu (mengahwininya), dan isteri anakmu (menantumu). Begitu juga (haram hukumnya) bahawa kamu kumpulkan dua orang saudara perempuan, melainkan barang yang telah terdahulu, bahawasanya Allah adalah Pengampun lagi Pengasih.

(Surah An-Nisa' ayat 23).

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَنْكِحُوْا مَا نَكَحَ اٰبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَآءِ اِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ اِنَّهٗ كَانَ فَاحِشَةً وَمَقْتًا وَسَاءَ سَبِيْلًا* سورة النساء اية ٢٢

Dan janganlah kamu nikah perempuan-perempuan yang telah dinikahi oleh bapa-bapamu, kecuali yang telah terdahulu (orang sebelum ayat ini diturunkan). Sesungguhnya perbuatan itu adalah sangat keji dan berdosa dan jalan yang sejahat-jahatnya.

(Surah An-Nisa' ayat 22).

3. TIDAK SAH MENIKAHI DUA ORANG BERSAUDARA SEKALIGUS

Diharamkan juga mengumpulkan antara perempuan dan saudara perempuan dari bapanya sebagaimana diterangkan dalam hadis:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يُجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا وَلَا بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَخَالَتِهَا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak boleh dikumpulkan antara perempuan dan saudara perempuan dari bapanya dan tidak pula antara perempuan dan saudara perempuan dari ibunya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Orang-orang yang diharamkan menikahinya oleh sebab keturunan itu pulalah yang diharamkan oleh sebab sesusuan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: يَحْرُمُ مِنَ الرَّضَاعَةِ مَا يَحْرُمُ مِنَ الْوِلَادَةِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Yang haram oleh kerana sesusuan sebagaimana haram oleh sebab keturunan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. SUSUAN YANG MENYEBABKAN MAHRAM

Susuan yang menyebabkan seseorang menjadi mahram oleh yang menyusukan, ialah bila ia telah menyusu sekurang-kurangnya lima kali dalam umur dua tahun dan air susu itu telah dapat menguatkan tulang dan menumbuhkan daging.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا رَضَاعَ اِلَّا مَا أَنْشَزَ الْعَظْمَ وَاَنْبَتَ اللَّحْمَ. رواه ابو داود

Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: "Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Tidaklah dinamakan menyusu melainkan air susu yang telah menguatkan tulang dan menumbuhkan daging."

(Riwayat Abu Daud).

Keterangan lain ditambahkan pula:

عَنْ أُمِّ الْفَضْلِ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَاتُحَرِّمُ الرَّضَاعَةُ اَوِ الرَّضَاعَتَانِ اَوِ الْمَصَّةُ اَوِ الْمَصَّتَانِ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Ummu Fadhal r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah memahramkan sekali dua kali menyusu, sekali atau dua kali hirup (cucup)."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ فِيْمَا أُنْزِلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُوْمَاتٍ يُحَرِّمْنَ ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسٍ مَعْلُوْمَاتٍ. رواه مسلم وابو داود

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Adalah pada barang yang diturunkan dari ayat Al-Quran iaitu sepuluh kali menyusu yang nyata boleh memahramkannya, kemudian ayat itu dimansuhkan (diubah hukumnya) dengan lima kali susu yang nyata."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

5. MENIKAHI WANITA AHLI KITAB

Pada dasarnya mengahwini perempuan musyrik atau kafir adalah dilarang oleh agama, dan tidak sah akad nikah bila dilakukan juga. Tetapi kalau perempuan kafir keturunan kitab (ahli kitab) umpamanya perempuan Kristian atau Yahudi, dibolehkan oleh agama menikahnya. Yang dimaksudkan dengan wanita keturunan Kitab, ialah keturunan kitab dari Allah, yang berupa Taurat untuk orang Yahudi dan Injil untuk orang Nasrani (Kristian).

Sesungguhnya wanita Islam juga wanita keturunan kitab iaitu Kitab Al-Quran. Tetapi keturunan Kitab (ahli kitab) yang dinyatakan dalam Al-Quran ialah orang-orang *Yahudi — Kristian.*

Firman Allah s.w.t.:

اَلْيَوْمَ اُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبَاتُ وَطَعَامُ الَّذِيْنَ اُوْتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَكُمْ وَطَعَامُكُمْ حِلٌّ لَهُمْ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الْمُؤْمِنَاتِ وَالْمُحْصَنَاتُ مِنَ الَّذِيْنَ اُوْتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ*

سورة المائدة اية ٥

Pada hari ini, dihalalkan bagimu segala yang baik-baik dan makanan orang-orang yang keturunan Kitab (penyembelihan mereka) halal bagimu, dan makananmu pula halal bagi mereka. Dan (halal pula) wanita-wanita yang terpelihara lagi mukmin, serta wanita-wanita yang terpelihara dari orang keturunan Kitab sebelumnya."

(Surah Al-Maidah ayat 5).

Berdasarkan ayat ini jelaslah dibolehkan mengahwini wanita-wanita keturunan kitab, sebab umumnya wanita-wanita dapat dipengaruhi suaminya. Besar sekali harapan, bahawa wanita-wanita itu akan dapat diislamkan.

Sebaliknya, kalau laki-laki yang kafir, baik dari golongan ahli kitab atau bukan, sedangkan wanitanya dari golongan Islam, maka perkahwinan antara keduanya begitu tegas dilarang agama.

Sebab mungkin sekali isteri itu dapat dibawa oleh suaminya ke dalam agamanya atau ke dalam kekafiran. Oleh sebab itu tidaklah sah mengahwinkan laki-laki kafir dengan wanita Islam.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تُنْكِحُوْا الْمُشْرِكِيْنَ حَتَّى يُؤْمِنُوْا وَلَعَبْدٌ مُؤْمِنٌ خَيْرٌ مِنْ مُشْرِكٍ وَلَوْ اَعْجَبَكُمْ* سورة البقرة اية ٢٢١

Dan janganlah kamu kahwin dengan laki-laki musyrik itu sehingga mereka beriman. Dan sesungguhnya hamba yang mukmin lebih baik dari orang musyrik, sekalipun rupanya mengagumkan kamu.

(Surah Al-Baqarah ayat 221).

6. SUAMI ATAU ISTERI YANG MASUK ISLAM

Kalau seorang kafir yang keturunan kitab, umpamanya orang Nasrani atau Yahudi dan ia mempunyai isteri yang keturunan kitab pula lalu suaminya itu masuk Islam, maka kekallah pernikahannya. Sebab perempuan kafir dari golongan ahli kitab itu boleh dinikahi. Atau seorang yang bukan keturunan kitab, umpamanya Orang Hindu, Kong Hu Cu dan lain-lain, dan ia mempunyai isteri kafir yang bukan keturunan kitab pula, maka ketika ia masuk Islam dengan sendirinya bercerailah mereka, walaupun tidak disebutkan kalimat cerai. Bila perempuannya masuk Islam sesudah itu dan masih dalam idah, iaitu selama tiga kali suci atau haid sesudah masuk Islam maka kembalilah nikahnya.

Tidak ubahnya seperti orang yang rujuk kembali, dengan tidak perlu mengucapkan kata-kata rujuk. Kalau ia masuk Islam bukan lagi di dalam idahnya, ertinya ia masuk Islam sesudah tiga kali suci, maka perceraiannya itu terhitung semenjak suaminya masuk Islam. Dan ia tidak halal lagi bagi suaminya. Demikian pulalah halnya bila isterinya yang Islam lebih dahulu, kemudian suaminya, maka hukumnya adalah seperti yang tersebut di atas.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَجُلاً جَاءَ مُسْلِمًا عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ ثُمَّ جَاءَتْ اِمْرَأَتُهُ مُسْلِمَةً فَقَالَ: يَا

رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِنَّهَا كَانَتْ اَسْلَمَتْ مَعِيَ فَرَدَّهَا عَلَيَّ فَرَدَّهَا عَلَيْهِ.

رواه الترمذى وابو داود بسند صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa seorang laki-laki pernah datang sesudah ia memeluk Islam di masa Rasulullah s.a.w. kemudian datang pula isterinya sesudah ia masuk Islam pula, maka ia berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya isteriku telah masuk Islam bersertaku, maka kembalikanlah dia kepadaku, maka dikembalikanlah isterinya itu oleh Rasulullah kepadanya."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اَسْلَمَتْ اِمْرَأَةٌ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ فَتَزَوَّجَتْ فَجَاءَ زَوْجُهَا اْلاَوَّلُ اِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ اِنِّى قَدْ كُنْتُ اَسْلَمْتُ وَعَلِمَتْ بِإِسْلاَمِى فَانْتَزَعَهَا النَّبِيُّ ﷺ مِنْ زَوْجِهَا الثَّانِى وَرَدَّهَا لِلْأَوَّلِ.

رواه أبو داود وابن ماجة

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah seorang wanita memeluk agama Islam di masa Rasulullah s.a.w. lalu wanita itu telah kahwin – Maka datang suaminya yang pertama kepada Nabi s.a.w. lantas ia berkata: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya aku telah masuk Islam, dan ia telah tahu dengan keislamanku – Lalu wanita itu ditarik kembali oleh Nabi s.a.w. dari suaminya yang kedua dan dikembalikannya kepada suami yang pertama."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

7. PERNIKAHAN YANG TERLARANG

Ada beberapa perkahwinan yang terlarang dalam agama: Pertama, perkahwinan "syighar".

Yang dimaksud dengan kahwin syighar, ialah kahwin timbal-balik. Umpamanya, seseorang berkata: "Aku kahwinkan anak perempuanku dengan engkau, dengan syarat supaya engkau kahwinkan pula anak perempuanmu dengan aku." Kahwin yang begini tidak sah, kerana maskahwinnya tidak ada. Sedang maskah-

win itu adalah hak bagi perempuan yang dikahwini. Jadi dalam syighar ini yang menjadi maskahwinnya ialah yang dikahwini itu.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنِ الشِّغَارِ فِى الْعَقْدِ وَالشِّغَارُ اَنْ يُزَوِّجَ الرَّجُلُ اِبْنَتَهُ عَلَى اَنْ يُزَوِّجَهُ اِبْنَتَهُ وَلَيْسَ بَيْنَهُمَا صَدَاقٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah melarang "syighar" dalam berakad. Dan yang dimaksudkan syighar ialah bahawa mengahwinkan seseorang akan anak perempuannya, dengan perjanjian bahawa dikahwininya pula anak perempuan laki-laki yang mengahwini anaknya, dan tiadalah antara keduanya maskahwin.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kedua: Nikah mut'ah ertinya nikah untuk bersenang saja untuk masa yang tertentu. Umpamanya, untuk tiga bulan atau setahun dan lain-lain. Seperti dikatakan oleh walinya: "Aku nikahkan engkau dengan Fatimah untuk sebulan ini saja" dan sebagainya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ سَلْمَةَ بْنِ الْأَكْوَعِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَخَّصَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَامَ أَوْطَاسٍ فِى الْمُتْعَةِ ثَلَاثَةَ اَيَّامٍ ثُمَّ نَهَى عَنْهَا.

رواه مسلم

Dari Salmah bin Al-Akwa' r.a. ia berkata: "Pernah Rasulullah s.a.w. membolehkan perkahwinan mut'ah pada hari (peperangan) Authas selama tiga hari, kemudian sesudah itu beliau melarangnya."

(Riwayat Muslim).

Ketiga: Nikah orang yang sedang ihram (waktu haji) di Mekah:

Keterangan menyatakan:

عَنْ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يَنْكِحُ

الْمُحْرِمُ وَلاَ يُنْكِحُ وَلاَ يَخْطِبُ. رواه مسلم

Dari Usman r.a. dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Orang yang sedang ihram tidak boleh menikah, tidak boleh menikahkan dan tidak boleh pula meminang."

(Riwayat Muslim).

Keempat: Nikah tahlil, ertinya nikah untuk menghalalkan saja kerana isteri telah ditalak tiga kali, sebagaimana keterangan yang akan datang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ الْمُحَلِّلَ وَالْمُحَلَّلَ لَهُ. رواه الترمذى والنسائى

Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: "Telah mengutuki Rasulullah s.a.w. terhadap orang laki-laki yang menghalalkan, dan yang dihalalkan."

(Riwayat Tirmizi dan Nasai).

Maksudnya ialah bahawa isteri yang ditalak tiga itu nikah semalam atau dua malam dengan seorang laki-laki, sekadar untuk kembali kepada suaminya pertama, kerana sudah ditalak tiga kali oleh suaminya.

Bila perkahwinan dengan suami yang kedua, hanya sekadar untuk menghalalkan bagi suami yang pertama, perkahwinan yang seperti itu dinamakan *nikah muhallil.*

Biasanya perkahwinan itu dilakukan orang hanya buat semalam atau dua malam sahaja. Hukum perkahwinan yang begitu adalah batal. Sebab perkahwinan maksudnya ialah untuk mencari keturunan, dan suami isteri itu dapat pusaka mempusakai bila salah seorang dari keduanya meninggal dunia. Yang begini hanya bertemu bila perkahwinan itu dimaksudkan untuk berlama-lama tidak ditentukan sebulan atau dua bulan atau setahun dua tahun dan seterusnya.

Akan tetapi bila perkahwinan itu hanya untuk semalam dua sudah tentu niat dari perkahwinan itu tidak hendak mencari keturunan dengan suami yang kedua itu, melainkan hanya untuk menghalalkan bagi suami yang pertama saja.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:

اَلاَ اُخْبِرُكُمْ بِالتَّيْسِ الْمُسْتَعَارِ قَالُوْا بَلَى وَهُوَ الْمُحَلِّلُ لَعَنَ اللهُ الْمُحَلِّلَ وَالْمُحَلَّلَ لَهُ. رواه ابن ماجة والحاكم بسند صحيح

Dari Uqbah bin Amir r.a. ia berkata: "Bersabda Rasulullah s.a.w.: Mahukah kamu aku ceritakan tentang kehormatan yang dipinjamkan?" Mereka menjawab: Mahu! "Dan itulah si muhallil. Telah mengutuki Allah akan si muhallil dan muhallallah."

(Riwayat Ibnu Majah dan Hakim).

Muhallil ialah suami yang kedua yang meminjamkan kehormatannya kepada perempuan yang dikahwininya selama semalam atau dua malam, setelah itu lalu diceraikannya. Sengaja dilakukan untuk menghalalkan perempuan itu kahwin dengan suaminya yang pertama. Jadi bukanlah dimaksudkan hendak berumahtangga yang sebenarnya ketika berakad nikah terhadap si muhallallah ini dan tidak pula bermaksud akan menjadi suami si perempuan itu. Dan perempuan itu tidak pula dianggapnya akan menjadi isterinya yang hakiki, yang akan dipertanggungjawabkannya. Dengan melakukan pekerjaan ini bererti dia telah menjual kehormatan dirinya untuk kepentingan orang lain. Itulah sebabnya perbuatan semacam itu dikutuki Allah.

Muhallallah, ialah suami yang pertama yang telah meminjamkan kehormatan isterinya kepada orang lain, supaya isterinya itu halal dinikahinya kembali.

Ia dikutuki Allah, kerana ia telah menghilangkan rasa kemanusiaannya dan menghinakan diri sendiri.

Hal ini disebabkan oleh perbuatannya dengan menjatuhkan talak tiga kali. Tidak ubahnya seperti perkahwinan mut'ah (lihat soal perkahwinan mut'ah).

Bila muhallil itu mengahwini perempuan itu dari dalam akad nikah tidak disebutkan siasat, iaitu supaya perempuan itu diceraikan setelah bercampur (semalam atau dua malam), maka menurut Syafii dan Hanafi, nikah itu sah, walaupun syarat itu disebutkan sebelum akad. Hanya hukumnya saja makruh. Dan berhasillah tahlil dengan nikah yang demikian, bila perempuan itu telah diceraikan dan telah lalu idahnya.

(Demikian tafsir Al-Khazin).

Kelima: Perkahwinan seorang hamba dengan tidak seizin penghulunya. Sebab ia berada di bawah kekuasaan tuannya. Lantaran itu, ia tidaklah boleh melakukan perkahwinan dengan tidak seizin tuannya itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَيُّمَا عَبْدٍ تَزَوَّجَ بِغَيْرِ إِذْنِ مَوَالِيْهِ فَهُوَ عَاهِرٌ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Hamba abdi mana juga yang kahwin dengan tidak seizin tuannya maka ia dihukum berzina."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

BAB WALIMATUL URUS

1. PERSIAPAN SEBELUM PESTA DAN MEMAKAI GENDERANG (Bunyi-bunyian)

Seseorang yang hendak mempelai atau pengantin, disunatkan baginya menyediakan secara sederhana, pakaian, rumah makanan, minuman dan sebagainya. Maksudnya ialah untuk menggembirakan hati kedua pengantin itu, sebagaimana telah dilakukan oleh Nabi s.a.w.:

Keterangan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَهَّزَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَاطِمَةَ فِى خَمِيْلٍ وَقِرْبَةٍ وَوِسَادَةٍ حَشْوُهَا إِذْخِرٌ.

رواه النسائى بسند صحيح

Dari Ali r.a. ia berkata: "Rasulullah telah menyediakan kain bulu tebal, gelas besar, dan bantal yang disirami dengan bau-bauan untuk Fatimah."

(Riwayat Nasai).

Untuk mengikuti ajaran Nabi s.a.w. hendaklah perkahwinan itu diberitahukan. Jangan disembunyi-sembunyikan, secepat mungkin diramaikan atau digembirakan dengan apa saja. Umpamanya dengan muzik, nyanyi-nyanyian dan sebaginya. Sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّهَا زَفَّتِ امْرَأَةً اِلَى رَجُلٍ مِنَ

الْأَنْصَارِ فَقَالَ نَبِيُّ اللهِ ﷺ: يَا عَائِشَةُ مَا كَانَ مَعَكِ لَهْوٌ فَإِنَّ الْأَنْصَارَ يُعْجِبُهُمُ اللَّهْوُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. bahawa ia pernah mengirimkan seorang perempuan kepada seorang laki-laki kaum Ansar, maka Nabi s.a.w. bersabda: "Hai Aisyah, tidak adakah bersamamu alat penghibur? kerana kaum Ansar suka sekali kepada hiburan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنِ الرَّبِيْعِ بِنْتِ مُعَوِّذٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَتْ: جَاءَ النَّبِيُّ ﷺ فَدَخَلَ حِيْنَ بُنِيَ عَلَيَّ فَجَلَسَ عَلَى فِرَاشِيْ كَمَجْلِسِكَ هٰذَا فَجَعَلَتْ جُوَيْرِيَاتٌ لَنَا يَضْرِبْنَ بِالدُّفِّ وَيَنْدُبْنَ مَنْ قُتِلَ مِنْ آبَائِي يَوْمَ بَدْرٍ إِذْ قَالَتْ: إِحْدَاهُنَّ وَفِيْنَا نَبِيٌّ يَعْلَمُ مَا فِي غَدٍ فَقَالَ: دَعِيْ هٰذِهِ وَقُوْلِيْ بِالَّذِيْ كُنْتِ تَقُوْلِيْنَ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Rabi' bin Mu'awwiz r.a. berkata: "Telah Nabi s.a.w. datang lalu beliau masuk ketika aku menjadi pengantin. Lantas beliau duduk di atas tilamku, seperti tempat duduk engkau ini, maka masuklah pelayan-pelayan remaja perempuan (hamba-hamba abdi yang masih perawan) kepada kami, sambil memukul rebana dan mendendangkan orang-orang yang mati terbunuh, iaitu bapa-bapaku di haru perang Badar. Tiba-tiba berkata salah seorang di antara mereka (hamba-hamba): Di sini ada Nabi, yang mengetahui apa yang terjadi esok pagi. Maka Rasulullah bersabda: Tinggalkan yang begini (berdendang, menyebut nama-nama orang yang telah tewas) dan nyanyikanlah menurut yang telah kamu katakan semula (mengagung-agungkan jasa pahlawan, dengan tidak menyebut nama mereka."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Berdasarkan hadis-hadis tersebut di atas dapat diambil kesimpulan, bahawa perempuan-perempuan bernyanyi di waktu pesta perkahwinan adalah dibolehkan, asal keamanan terjaga. Dengan

hadis inilah berpegang Imam Syafii r.a. dan segolongan ahli hadis. Yang lebih utama supaya perkahwinan itu diadakan di masjid.

2. REBANA DALAM PESTA PERKAHWINAN

Dan alat-alat bunyi-bunyian yang lebih baik untuk perkahwinan itu ialah rebana.

Sabda Rasulullah s.a.w.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَعْلِنُوْا هٰذَا النِّكَاحَ وَاجْعَلُوْهُ فِي الْمَسَاجِدِ وَاضْرِبُوْا عَلَيْهِ بِالدُّفُوْفِ.

رواه احمد والترمذى بسند حسن

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Beritahukanlah perkahwinan dan jadikanlah perkahwinan di masjid dan tepuklah rebana dalam perkahwinan itu."

(Riwayat Ahmad dan Tirmizi).

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ حَاطِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: فَصْلُ مَا بَيْنَ الْحَرَامِ وَالْحَلَالِ الدُّفُّ وَالصَّوْتُ.

رواه النسائى والترمذى بسند حسن

Dari Muhammad bin Hatib r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Yang memisahkan antara yang haram dan yang halal ialah rebana dan suara nyanyian dalam perkahwinan."

(Riwayat Nasai dan Tirmizi).

Ertinya, rebana berserta suara.

Bila seseorang menghantarkan saudaranya pergi kahwin, maka disunatkan baginya membacakan doa untuk pengantin itu, sebagaimana pernah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ اِذَا رَفَأَ الْاِنْسَانَ اِذَا تَزَوَّجَ قَالَ: بَارَكَ اللهُ لَكَ وَبَارَكَ عَلَيْكَ وَجَمَعَ

بَيْنَكُمَا فِى خَيْرٍ. رواه ابو داود والنسائى بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Adalah Nabi s.a.w. Apabila beliau telah menyetujui seseorang kahwin dan apabila telah selesai perkahwinan itu, beliau ucapkan: "Mudah-mudahan Allah memberi engkau berkat, dan didatangkan-Nya keselamatan atas engkau, dan mudah-mudahan dikumpulkan-Nya kamu keduanya dalam kebajikan."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

3. PESTA PERKAHWINAN DENGAN MENYEMBELIH BINATANG TERNAK

Sesudah perkahwinan dilangsungkan, maka disunatkan mengadakan kenduri sebagai tanda bergembira. Di dalam pesta-pesta itu akan hadir segala kerabat, handai taulan, laki-laki perempuan, tua muda untuk menyaksikannya. Maka pesta yang begini dinamakan, "Walimatul Urus" ertinya pesta pengantin. Kalau diundang, wajib mendatanginya.

Firman Allah s.w.t.:

اِذَا دُعِيْتُمْ فَادْخُلُوْا فَاِذَا طَعِمْتُمْ فَانْتَشِرُوْا*

سورة الأحزاب اية ٥٣

Apabila kamu diundang maka masuklah, dan apabila kamu telah selesai makan maka cepatlah keluar.

(Surah Al-Ahzab ayat 53).

Keterangan lain:

عَنْ اَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَأَى عَلَى عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ عَوْفٍ اَثَرَ صُفْرَةٍ فَقَالَ: مَا هٰذَا قَالَ يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنِّى تَزَوَّجْتُ امْرَأَةً عَلَى وَزْنِ نَوَاةٍ مِنْ ذَهَبٍ قَالَ: فَبَارَكَ اللهُ لَكَ اَوْلِمْ وَلَوْ بِشَاةٍ. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas bin Malik r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah melihat bekas-bekas wangi-wangian pada diri Abdurrahman bin Auf, lalu beliau

bertanya: "Apa ini?" Ia menjawab: "Ya Rasulullah, sesungguhnya aku telah mengahwini seorang perempuan, dengan maskahwinnya sebutir emas." Rasulullah bersabda: "Mudah-mudahan Allah memberkati engkau, adakanlah pestanya, sekalipun dengan memotong seekor kambing."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. KEWAJIPAN MENGHADIRI UNDANGAN WALIMATUL-URUS

Menghadiri pesta pengantin itu *Fardu Kifayah* hukumnya. Dan sebahagian ulama mengatakan fardu ain, ertinya wajib bagi tiap-tiap orang yang mendapat undangan untuk menghadirinya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اِذَا دَعَا أَحَدُكُمْ اَخَاهُ فَلْيُجِبْ عُرْسًا كَانَ اَوْ نَحْوَهُ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila seseorang mengundang saudaranya, maka hendaklah saudaranya itu memperkenankannya, biar undangan itu untuk pesta mempelai atau lain-lainnya."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Disunatkan pula memotong binatang ternak, sekurang-kurangnya memotong seekor kambing, sebagaimana tersebut dalam keterangan di atas. Demikian pula hukumnya pesta-pesta yang lain.

Apabila seseorang mengadakan suatu pesta (jamuan) walau pesta apa saja, dilarang sekali menentukan panggilan itu untuk orang yang mulia-mulia, bangsawan-bangsawan, orang-orang yang terpandang, dengan menyisihkan orang-orang miskin.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: شَرُّ الطَّعَامِ طَعَامُ الْوَلِيْمَةِ يَمْنَعُهَا مَنْ يَأْتِيْهَا وَيُدْعَى إِلَيْهَا مَنْ

يَأْبَاهَا وَمَنْ لَمْ يُجِبِ الدَّعْوَةَ فَقَدْ عَصَى اللهَ وَرَسُوْلَهُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Makanan yang paling kurang berkatnya ialah makanan jamuan (pesta) yang dilarang datang kepadanya orang yang ingin datang (orang-orang miskin). Dan diundang menghadirinya orang-orang yang tidak akan datang (orang-orang yang tak berkehendak sangat). Dan sesiapa yang tidak memperkenankan panggilan, sesungguhnya ia telâh derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْـهُ يَقُـوْلُ: شَرُّ الطَّعَامِ طَعَامُ الْوَلِيْمَةِ يُدْعَا لَهَا الْأَغْنِيَاءُ وَيُتْرَكُ الْفُقَرَاءُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Makanan yang paling kurang berkat-Nya, makanan kenduri, yang dipanggil kepadanya orang-orang yang mampu saja dan ditinggalkan orang-orang yang miskin."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

5. PESTA YANG WAJIB DIPERKENANKAN DAN YANG DILARANG MENGHADIRINYA

Yang wajib diperkenankan (didatangi) jamuan itu, ialah hari pertama, kalau jamuan itu diadakan sehari dua. Pada hari yang kedua sunat, dan pada hari yang ketiga makruh hukumnya, sebab jamuan yang lebih dari dua hari telah menimbulkan kemegahan dan keriaan.

عَنْ ابْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: طَعَامُ الْوَلِيْمَةِ اَوَّلَ يَوْمٍ حَقٌّ وَطَعَامُ يَوْمِ الثَّانِي سُنَّةٌ وَطَعَامُ يَوْمِ الثَّالِثِ سُمْعَةٌ وَمَنْ سَمَّعَ سَمَّعَ اللهُ بِهِ.

رواه الترمذي وغيره

Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Makanan hari pertama itulah yang hak dikabulkan, dan makanan hari kedua adalah urusan biasa. Adapun makanan hari ketiga menjadi kebanggaan (kesombongan). Dan sesiapa yang sombong, Allah sombong pula terhadapnya."

(Riwayat Tirmizi dan lain-lainnya).

Menurut sebahagian ulama, tidaklah makruh hukumnya, walaupun sampai tujuh hari, asal dengan niat yang baik. Imam Bukhari juga berpendapat demikian.

Bila ada dalam jamuan-jamuan itu sesuatu yang terlarang oleh agama, umpamanya perbuatan-perbuatan mungkar, maka tidaklah wajib menghadirinya, malah dilarang sekali. Perbuatan mungkar itu ialah seperti menjamu orang dengan minum-mimuman keras, tari-menari, mengadakan permainan judi, menyabung dan sebagainya.

Kecuali bila kita hadir, mungkin perbuatan-perbuatan tidak jadi dilakukan orang, wajiblah ketika itu menghadirinya. Termasuk juga perbuatan yang mungkar iaitu menghidangkan makanan yang sengaja untuk ditayang-tayangkan bukan untuk dimakan.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنْ طَعَامِ الْمُتَبَارِيَيْنِ أَنْ يُؤْكَلَ. رواه ابو داود بسند صالح

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Sesungguhnya Nabi s.a.w. telah melarang memakan makanan orang-orang yang dengan sengaja untuk ditayangkan."

(Riwayat Abu Daud).

Bila seseorang menghadiri juga jamuan yang terdapat padanya kemungkaran, bererti ia menyetujui adanya kemungkaran itu.

Firman Allah s.w.t.:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُوْنَ اِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُوْنَ بِالْمَعْرُوْفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُوْنَ*

سورة آل عمران اية ١٠٤

Dan hendaklah ada segolongan umat daripadamu, yang menyeru kepada kebaikan dan melarang berbuat kemungkaran dan mereka itulah orang-orang yang menang.

(Surah Ali Imran ayat 104).

BAB HAK DAN KEWAJIPAN SUAMI ISTERI

1. ERTI HAK DAN KEWAJIPAN

Apa yang disebut *"hak"* ialah sesuatu yang dapat dipunyai atau dikuasai, baik yang berupa benda mahupun yang berupa wewenang. Sedang yang dimaksudkan dengan *"kewajipan"* ialah sesuatu yang perlu diberikan, baik yang berupa benda mahupun yang berupa perbuatan.

Sesudah pernikahan dilangsungkan, hendaklah masing-masing suami isteri mengerti dengan hak dan kewajipan masing-masing. Apa yang dinamakan hak oleh isteri, menjadi kewajipan suami – Begitu juga apa yang menjadi hak bagi suami, itulah yang menjadi kewajipan sang isteri – Dalam hal ini, sesuatu hak belumlah pantas diterima sebelum kewajipan dibayarkan.

Dalam Al-Quran dinyatakan:

وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِىْ عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوْفِ وَلِلرِّجَالِ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللّٰهُ عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ ✻

سورة البقرة اية ٢٢٨

Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajipannya menurut cara yang makruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana."

(Surah Al-Baqarah, ayat 228).

Kewajipan suami isteri.

1. Kedua belah pihak hendaklah melakukan kesopanan dalam perkataan dan perbuatan dan jangan ada yang memulai menyinggung perasaan.
2. Masing-masing hendaklah menanamkan kesabaran, jangan cepat marah kalau ada antara keduanya yang terlanjur perkataan.
3. Masing-masing hendaklah berusaha mencari kesenangan yang

lain, sesuai menurut ajaran agama, serta turut dalam jalan kebersihan.

4. Masing-masing jangan terlalu cemburu terhadap yang lain, dalam perkara yang tidak patut dicemburui.

2. HAK ISTERI DI ATAS SUAMI

Hak isteri atas suami, adalah sebagai berikut:

Pertama: Hendaklah mempergauli isteri itu dengan pergaulan yang baik, sesuai dengan sifat kewanitaannya.

Firman Allah s.w.t.:

وَعَاشِرُوْهُنَّ بِالْمَعْرُوْفِ* سورة النساء اية ١٩

Dan pergaulilah mereka (kaum wanita itu) secara pergaulan yang lemah-lembut."

(Surah An-Nisa' ayat 19).

Diperintahkan oleh Tuhan, supaya mempergauli mereka dengan cara yang lemah-lembut, sebab kaum wanita itu adalah kaum yang lemah. Tandanya ialah bahawa mereka mudah sekali mengeluarkan air mata bila ditimpa oleh sesuatu krisis atau bahaya. Oleh sebab itulah Tuhan berfirman:

اَلرِّجَالُ قَوَّامُوْنَ عَلَى النِّسَآءِ* سورة النساء اية ٣٤

Laki-laki itu adalah pembimbing kaum wanita.

(Surah An-Nisa' ayat 34).

Kedua: Jangan suka berlaku keras kepada mereka kerana mereka itu mudah patah hatinya dan lekas menjadi kesal.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اِسْتَوْصُوْا بِالنِّسَاءِ خَيْرًا فَاِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ وَاِنَّ اَعْوَجَ مَا فِى الضِّلْعِ اَعْلَاهُ فَاِنْ ذَهَبْتَ تُقِيْمُهُ كَسَرْتَهُ وَاِنْ تَرَكْتَهُ لَمْ يَزَلْ اَعْوَجَ فَاسْتَوْصُوْا بِالنِّسَاءِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Pergaulilah kaum wanita itu dengan pergaulan yang lemah-lembut, kerana sesungguhnya kaum wanita itu dijadikan dari tulang rusuk dan sesungguhnya tulang rusuk itulah yang sebengkok-bengkoknya ialah yang paling atas. Maka apabila engkau hendak meluruskannya, engkau pecahlah dia, dan apabila tidak engkau luruskan, ia sentiasa bengkok selama-lamanya. Oleh sebab itu bergaullah dengan kaum wanita dengan pergaulan yang lemah-lembut."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi:

إِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضِلْعٍ لَنْ تَسْتَقِيْمَ لَكَ عَلَى طَرِيْقَةٍ وَإِنْ اسْتَمْتَعْتَ بِهَا اِسْتَمْتَعْتَ بِهَا وَفِيْهَا عَوْجٌ وَإِنْ اَذْهَبْتَ تُقِيْمَهَا كَسَرْتَهَا وَكَسْرُهَا طَلَاقُهَا. رواه مسلم

Sesungguhnya perempuan itu dijadikan dari tulang rusuk yang bengkok. Sekali-kali tidak akan lurus perempuan itu bagi engkau atas satu jalan saja. Apabila engkau hendak bermesra dengan dia, bermesralah. Dan ketahuilah di dalam dirinya ada sifat bengkok, dan cara memecahkannya ialah menceraikannya."

(Riwayat Muslim).

Ertinya kalau dengan satu cara saja, perempuan itu belum akan lurus, akan tetapi hendaklah dipergauli dengan cara yang sebaik-baiknya. Di antaranya hendaklah dengan lemah-lembut, dan dengan penuh pengertian. Jika ia masih bengkok juga, sedang jalan telah ditunjukkan, barulah dipecah iaitu diceraikan.

Ini adalah jadi pukulan hebat baginya apabila ia telah mengerti. Tentu orang akan bertanya-tanya, mengapa ia diceraikan begitu saja oleh suaminya. Tentu ada kesalahannya. Demikianlah di antaranya jalan untuk meluruskannya.

Ketiga: Memberi nafkah, pakaian dan makan minumnya serta perumahan yang layak, sesuai dengan kesanggupan.

Keempat: Jangan suka menampar bahagian badannya.

Kelima: Jangan suka mencaci makinya, apalagi di depan orang ramai, umpamanya menyumpah-nyumpahnya dan sebagainya.

Keenam: Apabila terjadi perselisihan faham, janganlah suka pindah tidur ke rumah lain, melainkan hendaklah di rumah itu juga.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ مُعَاوِيَةَ بْنِ حَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قُلْتُ يَا رَسُوْلَ اللهِ مَا حَقُّ زَوْجَةِ اَحَدِنَا عَلَيْهِ قَالَ: أَنْ تُطْعِمَهَا اِذَا طَعِمْتَ وَتَكْسُوَهَا اِذَا اكْتَسَيْتَ وَلاَ تَضْرِبِ الْوَجْهَ وَلاَ تُقَبِّحْ وَلاَ تَهْجُرْ اِلاَّ فِى الْبَيْتِ. رواه ابو داود بسند حسن

Dari Muawiyah bin Haidah r.a. ia berkata: Pernah aku bertanya kepada Rasulullah, apakah hak seseorang isteri yang wajib kami bayarkan. Beliau menjawab: "Engkau beri makan dia apabila engkau makan, dan engkau beri pakaian apabila engkau berpakaian dan janganlah engkau memukul mukanya, dan jangan pula engkau maki-maki dan jangan engkau renggangi dia kecuali di dalam rumah itu juga."

(Riwayat Abu Daud).

Menurut pengarang kitab Bidayatul Mujtahid, bahawa para ulama telah sepakat tentang wajibnya memberi nafkah perempuan merdeka yang tidak derhaka. Tetapi tentang wajibnya memberi nafkah bagi perempuan-perempuan yang derhaka dan hamba, dalam kalangan ulama telah timbul perbezaan pendapat.

Jumhur ulama berpendapat tidaklah wajib memberi nafkah perempuan-perempuan yang derhaka, begitu juga hamba. Tetapi ada segolongan ulama yang mempunyai pendapat berlainan mengatakan tetap wajibnya nafkah buat mereka.

Yang menjadi sebab pertikaian ini ialah umum hadis yang melawani mafhumnya dari hadis:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ فِى حَدِيْثِ الْحَجِّ فِى ذِكْرِ النِّسَاءِ قَالَ: وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوْفِ.

رواه مسلم

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. pada hadis haji, dalam perkara wanita beliau bersabda: "Dan menjadi hak bagi mereka, kewajipan atasmu memberi makan dan pakaian mereka menurut yang sesuai."

(Riwayat Muslim).

Umum hadis ini menyamakan saja hak wanita yang derhaka dengan yang tidak. Sedangkan mafhum (faham) yang timbul ialah, bahawa nafkah itu diwajibkan adalah untuk mencapai kenikmatan, kemesraan dan kerukunan. Sedangkan pada perempuan yang derhaka semuanya itu tidak diperoleh oleh suaminya. Oleh sebab itu tidak wajib nafkah atasnya.

Ketujuh: Menyediakan pembantu baginya apabila ia memerlukan pembantu atau penolong dan sebagainya menurut keadaan.

Ketujuh macam ini, adalah merupakan hal-hal yang perlu untuk mendapatkan kerukunan rumahtangga. Bila tertinggal salah satu dari yang tujuh ini, mungkin akan timbul perselisihan antara kedua suami isteri dalam rumahtangga.

Kelapan: Janganlah orang lain datang di waktu malam, kalau sang suami pulang dari perantauan.

Bila seseorang suami telah lama tidak berada di kampung kerana merantau dan sebagainya, janganlah ia masuk ke dalam rumah isterinya dengan tiba-tiba saja bila ia telah pulang, ertinya pada malam permulaan ia datang itu. Barulah ia masuk di malam yang berikutnya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا طَالَ اَحَدُكُمُ الْغَيْبَةَ فَلَا يَطْرُقْ اَهْلَهُ لَيْلاً. رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila seseorang telah lama hilang (dari isteri), maka janganlah ia masuki isterinya pada waktu malam."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hikmatnya ialah:

Pertama: Supaya isteri itu dapat berhias dan menyelesaikan rumahtangganya sebelum kita masuk, oleh sebab itu hendaklah diberitahukan lebih dahulu.

Kedua: Supaya dapat menyelidikinya, terutama kepada perempuan yang dapat dipercaya selama kita tinggalkan itu. Sebenarnya tidak ada larangan apa-apa, kalau ia menaruh baik sangka tentang yang dua macam ini.

3. HAK SUAMI DI ATAS ISTERI

Tiap orang yang mempunyai hak tentu ada pula kewajipan. Bila hak telah diterima, tentu saja kewajipan harus pula dibayarkan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْأَحْوَصِ الْجُشَمِّي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اَلَا اِنَّ لَكُمْ عَلَى نِسَائِكُمْ حَقًّا وَلِنِسَائِكُمْ عَلَيْكُمْ حَقًّا. رواه الترمذى ـ حسن صحيح

Dari Amr bin Ahwash Al-Jusyammi r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Ketahuilah, bahawa sesungguhnya bagimu atas kaum perempuan ada hak, dan bagi perempuan atas dirimu ada pula haknya."

(Riwayat Tirmizi).

Adapun yang jadi kewajipan di atas isteri dan yang berupa hak oleh suami adalah:

Pertama: Menjaga kehormatannya zahir dan batin, bila ada datang gangguan dari orang yang bukan mahramnya.

Firman Allah s.a.w.:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللهُ*

سورة النساء اية ٣٤

Wanita-wanita yang baik ialah wanita yang berdiri menjaga kehormatannya dengan apa yang telah dijaga oleh Allah.

(Surah An-Nisa' ayat 34).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اَلدُّنْيَا مَتَاعٌ وَخَيْرُ مَتَاعِهَا الْمَرْأَةُ الصَّالِحَةُ. رواه مسلم

Dari Abdullah bin Amr bin Ash r.a. sesungguhnya Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Dunia ini adalah harta-benda, dan sebaik-baik harta-benda ialah perempuan yang salih."

(Riwayat Muslim).

Kedua: Tunduk kepada aturan-aturan suami di jalan yang hak, sedikit pun tidak boleh disangkal.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِىْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَوْ كُنْتُ آمِرًا أَحَدًا اَنْ يَسْجُدَ لِأَحَدٍ لَأَمَرْتُ الْمَرْأَةَ اَنْ تَسْجُدَ لِزَوْجِهَا.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Andaikata boleh aku memerintahkan supaya seseorang sujud kepada seseorang, nescaya akan aku suruh lebih dahulu perempuan sujud kepada suami."

(Riwayat Tirmizi).

Ketiga: Tidak diizinkannya laki-laki lain masuk ke dalam biliknya kecuali dengan izin suaminya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْأَحْوَصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: فَأَمَّا حَقُّكُمْ عَلَى نِسَائِكُمْ فَلَا يُوَاطِئْنَ فُرُشَكُمْ مَنْ تَكْرَهُوْنَ وَلَا يَأْذَنَّ فِى بُيُوْتِكُمْ لِمَنْ تَكْرَهُوْنَ.

رواه الترمذى ـ حسن صحيح

Dari Amr bin Ahwash r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Adapun hakmu atas isteri-isterimu ialah tidak diizinkannya orang yang kamu benci masuk ke tempat tidurmu, dan tidak pula diizinkannya masuk ke rumahmu orang yang kamu benci."

(Riwayat Tirmizi).

Keempat: Bila laki-laki (suami) itu hendak bersetubuh, janganlah ia tolak dan tidak boleh ia enggan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا دَعَا الرَّجُلُ امْرَأَتَهُ اِلَى فِرَاشِهِ فَأَبَتْ أَنْ تَجِيءَ لَعَنَتْهَا الْمَلَائِكَةُ حَتَّى تُصْبِحَ

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila seorang laki-laki mengajak isterinya ke tempat tidur, lalu isterinya enggan datang, dikutuki ia (isteri itu) oleh malaikat hingga waktu subuh."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kelima: Tidak dikerjakannya puasa sunat kalau tidak seizin suaminya, kerana kadang-kadang suaminya itu datang hajatnya pada siang hari untuk bersetubuh.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لاَ يَحِلُّ لِامْرَأَةٍ أَنْ تَصُوْمَ وَزَوْجُهَا شَاهِدٌ اِلاَّ بِإِذْنِهِ وَلاَ تَأْذَنَ فِى بَيْتِهِ اِلاَّ بِإِذْنِهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak halal bagi perempuan berpuasa (puasa sunat) sedang suaminya hadir di rumah, kecuali dengan izinnya. Dan tidak diizinkannya seseorang masuk ke rumahnya, kecuali dengan izin suaminya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keenam: Jangan suka menyakiti hati suami, dengan lidah, perbuatan atau dengan pembawaan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ تُؤْذِى امْرَأَةٌ زَوْجَهَا فِى الدُّنْيَا اِلاَّ قَالَتْ زَوْجَتُهُ مِنَ الْحُوْرِ الْعِيْنِ: لاَ تُؤْذِيْهِ قَاتَلَكَ اللهُ فَإِنَّمَا هُوَ عِنْدَكَ دَخِيْلٌ يُوْشِكُ أَنْ يُفَارِقَكَ إِلَيْنَا. رواه الترمذى بسند حسن

Dari Muaz bin Jabal r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah menyakiti seorang perempuan akan suaminya di dunia, melainkan berkata isterinya yang daripada bidadari: "Janganlah engkau sakiti dia, nanti engkau dikutuki Allah. Sesungguhnya dia di dekat

engkau adalah sebagai tamu saja, yang tidak berapa lama lagi ia akan menceraikan engkau dan ia kembali kepada kami."

(Riwayat Tirmizi).

Ketujuh: Jangan suka keluar rumah dengan tidak ada keperluan atau dengan tidak izin suami.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْمَرْأَةُ عَوْرَةٌ فَإِذَا خَرَجَتْ إِسْتَشْرَفَهَا الشَّيْطَانُ. رواه الترمذى بسند حسن

Dari Abdullah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Perempuan itu ialah aurat, maka bila ia keluar, ia sentiasa dihiasi oleh syaitan."

(Riwayat Tirmizi).

Maksudnya bila wanita keluar rumah, umpamanya hendak berjalan-jalan, sentiasa kaum laki-laki terpedaya kerananya, sehingga menimbulkan perasaan yang bukan-bukan yang dilarang oleh agama. Ramai sekali laki-laki yang jatuh moralnya disebabkan wanita.

Kelapan: Qana'ah, ertinya merasa cukup sekadar barang yang ada dengan tidak berkeluh kesah dan senang hatinya menerima kadar yang diberi Tuhan dalam kehidupan.

Ia harus mengatur belanja, sesuai dengan pendapatan si suami, biar agak kurang asal jangan melebihi dari apa yang diterimanya. Sebab bila belanja lebih dari pendapatan, tentu akan menimbulkan hutang. Hal ini tentu akan menimbulkan kerosakan dalam rumahtangga. Apabila kaum wanita telah dapat menanamkan sifat qana'ah di dalam hatinya, di situlah datangnya kerukunan berumahtangga.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: قَدْ أَفْلَحَ مَنْ أَسْلَمَ وَكَانَ رِزْقُهُ كَفَافًا وَقَنَّعَهُ اللهُ بِمَا آتَاهُ.

رواه مسلم

Dari Abdullah bin Amr bin Ash r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sungguh telah menang (bahagia hidupnya) orang Islam dan adalah penghidupannya mencukupi (berhemat) dan hatinya disenangkan Allah dengan apa yang telah dikurniakan-Nya kepadanya."

(Riwayat Muslim).

Qana'ah ini sangat dituntut sekali dalam lapangan penghidupan, baik hidup perseorangan ataupun hidup berumahtangga, kerana dengan sifat qana'ah itu bererti kita mensyukuri nikmat Tuhan.

Firman Allah s.w.t.:

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيْدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ اِنَّ عَذَابِى لَشَدِيْدٌ*

سورة ابراهيم اية ٧

Apabila kamu bersyukur, nescaya akan Ku-tambahi nikmat-Ku kepadamu dan apabila kamu ingkari, sesungguhnya seksa-Ku lebih sangat.

(Surah Ibrahim ayat 7).

Kesembilan: Hendaklah isteri sentiasa bermuka jernih terhadap suami, dan jangan menimbulkan sesuatu yang mendatangkan marahnya.

Keterangan:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قِيْلَ يَا رَسُوْلَ اللهِ اَيُّ النِّسَاءِ خَيْرٌ قَالَ: الَّتِى تَسُرُّهُ اِذَا نَظَرَ اِلَيْهَا وَتُطِيْعُهُ اِذَا اَمَرَ وَلَا تُخَالِفُهُ فِى نَفْسِهَا وَلَا مَالِهَا بِمَا يَكْرَهُ.

رواه النسائى بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Ya Rasulullah! Bagaimana isteri yang lebih baik?" Beliau jawab: "Iaitu perempuan yang suka menggembirakan suami apabila suami memandang kepadanya, dan mentaati perintahnya (bila suaminya memerintah) dan tidak dilanggar perintahnya itu dalam soal dirinya sendiri dan tidak pula dalam hartanya, yang menyebabkan suami benci."

(Riwayat Nasai).

BAB BERISTERI LEBIH DARI SEORANG

1. SEORANG LAKI-LAKI DIBOLEHKAN BERISTERI LEBIH DARI SEORANG

Di dalam agama Islam dibolehkan seseorang laki-laki beristeri lebih dari seorang, tapi dibatasi hanya sampai empat orang saja. Rahsianya adalah untuk menjaga jangan sampai terjadi perzinaan. Sebab bila seseorang hanya diberi hak kahwin seorang isteri saja, sedangkan keadaan jasmaninya demikian rupa, dan isterinya yang seorang itu tidak pula dapat melayani suaminya sepenuhnya, kerana badan si isteri itu lemah dan sebagainya. Dalam keadaan seperti ini diberikan ia kesempatan untuk beristeri lebih dari seorang. Hal ini sesuai dengan anjuran Allah di awal kitab ini yang menyatakan: Bahawa menikahi wanita itu, boleh dua atau tiga atau empat.

Firman Allah s.w.t.:

فَانْكِحُوْا مَا طَابَ لَكُمْ مِنَ النِّسَآءِ مَثْنٰى وَثُلٰثَ وَرُبٰعَ فَاِنْ خِفْتُمْ اَلَّا تَعْدِلُوْا فَوَاحِدَةً*

سورة النساء اية ٣

Maka bolehlah kamu nikahi perempuan yang menurut pandanganmu adalah baik, dua atau tiga atau empat. Tetapi jika kamu takut tidak akan dapat berlaku adil di antara mereka, maka kahwinilah seorang saja.

(Surah An-Nisa' ayat 3).

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ غَيْلَانَ بْنِ سَلْمَةَ الثَّقَفِى أَسْلَمَ وَلَهُ عَشْرُ نِسْوَةٍ فِى الْجَاهِلِيَّةِ فَأَسْلَمْنَ مَعَهُ فَأَمَرَهُ النَّبِيُّ ﷺ أَنْ يَتَخَيَّرَ أَرْبَعًا مِنْهُنَّ.

رواه الترمذى وابن ماجة بسند صحيح

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Ghailan bin Salmah As-Saqafi telah masuk Islam. Di waktu ia masih Jahiliah isterinya ada sepuluh

orang. Isteri-isterinya itu Islam semua berserta dia. Lantas ia disuruh oleh Rasulullah s.a.w. memilih empat orang di antara mereka.

(Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah).

Jadi hanya empat orang isteri yang boleh dipakainya terus, sedangkan yang lain harus diceraikannya.

Tetapi, sekalipun dibuka kesempatan nampaknya untuk beristeri lebih dari seorang, namun kesempatan yang diberikan itu adalah kesempatan bersyarat. Dan syaratnya itu sungguh amat berat bagi seseorang untuk melaksanakannya, iaitu *adil.* Yang penting ialah dalam perkara: Nafkah, tempat kediaman, pakaian dan bermalam.

2. ISTERI NABI MUHAMMAD S.A.W.

Bagi Rasulullah s.a.w. sendiri ada kelebihan dalam soal perkahwinan ini dari manusia biasa. Beliau dibolehkan kahwin sampai sembilan orang isteri.

Keterangan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَطُوْفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي اللَّيْلَةِ الْوَاحِدَةِ وَلَهُ يَوْمَئِذٍ تِسْعُ نِسْوَةٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: "Adalah Nabi s.a.w. bergiliran datang kepada isteri-isteri beliau satu-satu malam. Dan beliau ketika itu beristeri sembilan orang."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: مَا تُوُفِّيَ النَّبِيُّ ﷺ حَتَّى اَحَلَّ اللهُ لَهُ اَنْ يَتَزَوَّجَ مِنَ النِّسَاءِ مَا شَاءَ. رواه النسائى

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Tidaklah diwafatkan Nabi Muhammad s.a.w. hingga Allah telah menghalalkan baginya mengahwini wanita berapa beliau sukai."

(Riwayat Nasai).

Hal ini memang dikecualikan buat Nabi sendiri. Rahsia dan hikmatnya amat banyak sekali. Terutama demi kepentingan kelancaran perkembangan agama Islam (lihat sejarah Islam).

3. PEMBAHAGIAN SECARA ZAHIR DAN SECARA BATIN

Orang yang mempunyai isteri lebih dari seorang, wajib baginya menjaga keadilan antara isteri-isterinya dengan seadil-adilnya, terutama menurut zahir.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَنْ تَسْتَطِيْعُوْا اَنْ تَعْدِلُوْا بَيْنَ النِّسَاءِ وَلَوْ حَرَصْتُمْ فَلَا تَمِيْلُوْا كُلَّ الْمَيْلِ فَتَذَرُوْهَا كَالْمُعَلَّقَةِ وَاِنْ تُصْلِحُوْا وَتَتَّقُوْا فَاِنَّ اللّٰهَ كَانَ غَفُوْرًا رَحِيْمًا* سورة النساء اية ١٢٩

Dan sekali-kali kamu tidak kuasa melakukan keadilan antara kaum wanita (isterimu), dan kalau kamu betul-betul mengharapkan keadilan itu, maka janganlah kamu tumpahkan seluruh kesayangan (kepada isteri yang kamu cintai) sampai kamu meninggalkan isterimu yang lain, seperti orang-orang yang digantung tidak bertali. Dan apabila kamu mahu serta kamu takut kepada Tuhan, sesungguhnya Allah bersifat Pengampun dan Pengasih.

(Surah An-Nisa', ayat 129)

Maksudnya, bahawa kamu sekali-kali tidak akan sanggup berlaku adil antara isteri-isterimu. Oleh sebab itu apabila kamu tampakkan seluruh kecintaanmu itu kepada salah seorang isterimu, tentu isterimu yang lain kamu sia-siakan sampai tidak kamu pulangi Nasib isteri yang tidak dipulangi itu tidak ubahnya seperti perempuan yang digantung tidak bertali. Dikatakan bersuami, bukan bersuami, dan dikatakan janda bukan pula janda. Dari itu, jika kamu berdamai, dan takut melanggar maka itulah yang lebih baik.

Sabda Rasulullah:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ

كَانَتْ لَهُ اِمْرَأَتَانِ فَمَالَ اِلَى اِحْدَاهُمَا جَاءَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَشِقُّهُ مَائِلٌ. رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang beristeri dua orang, lalu ia cenderung kepada salah seorang antara keduanya (tidak adil) ia datang di hari kiamat sedang badannya cenderung pula."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Yang dimaksudkan dengan pembahagian yang seadil-adilnya, ialah 1. dalam soal nafkah 2. soal pakaian 3. tempat dan 4. giliran. Tentang soal membahagi kecintaan dan kesayangan, maka tidaklah seseorang diberati, sebab soal menjatuhkan cinta dan kesayangan di dalam hati, bukan urusan manusia akan tetapi adalah urusan Tuhan. Oleh sebab itu, soal cinta dan sayang boleh berlebih kurang sebab soal itu di luar kekuasaan manusia. Maka apa yang dinyatakan Allah dalam ayat di atas: *"Dan sekali-kali kamu tidak kuasa melakukan keadilan"* ialah dalam perkara cinta itu, dan bukan keadilan zahiriah.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَقْسِمُ بَيْنَ نِسَآئِهِ فَيَعْدِلُ وَيَقُوْلُ: اللّٰهُمَّ هٰذَا قَسْمِيْ فِيْمَا اَمْلِكُ فَلَا تَلُمْنِى فِيْمَا تَمْلِكُ وَلَا أَمْلِكُ. رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. membahagi-bahagikan sesuatu di antara isteri-isternya secara adil dan beliau bersabda: "Ya Allah, inilah cara pembahagian (yang dapat) aku lakukan pada barang yang aku miliki (pembahagian nafkah, pakaian dan lain-lain), maka janganlah Engkau cela aku pada barang yang engkau miliki (kecintaan di dalam hati), dan itu tidak dapat aku miliki."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Mengenai perempuan-perempuan yang derhaka maka tidaklah wajib memberi keadilan kepadanya, biar belanja, pakaian, tempat dan sebagainya. Adapun tanda-tanda derhakanya ialah bila dilanggarnya salah satu dari kewajipannya terhadap suaminya, sehingga suaminya marah kepadanya.

4. PEMBAHAGIAN GILIRAN

Firman Allah s.w.t.:

هُوَ الَّذِيْ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوْا فِيْهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا*

سورة يونس اية ٦٧

Dia (Tuhan) yang telah menjadikan malam untukmu supaya kamu beristirahat padanya, dan waktu siang untuk mencari penghidupan.

(Surah Yunus ayat 67).

Salah satu pembahagian yang penting dilakukan oleh suami ialah pembahagian cara bergilir. Kalau ia bekerja siang, hendaklah diadakan penggiliran di waktu malam. Dan kalau ia bekerja malam, hendaklah diadakan giliran di waktu siang. Bila seseorang telah bermalam di rumah isterinya yang seorang, hendaklah ia bermalam pula di rumah isterinya yang lain. Kalau lima hari ia bermalam di rumah yang satu, maka wajiblah ia bermalam lima malam pula di rumah yang lain. Bila ia sedang dalam giliran yang seorang, haram baginya masuk ke rumah isterinya yang lain. Kecuali kalau ada keperluan penting. Umpamanya kerana isterinya sedang sakit keras atau sedang dalam bahaya dan lain-lain. Maka pada ketika itu bolehlah ia masuk ke rumah isterinya itu, walaupun dalam giliran yang lain. Demikian juga bila antara isteri-isteri itu sudah ada rela merelakan dalam soal itu.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لَا يُفَضِّلُ بَعْضَنَا عَلَى بَعْضٍ فِى الْقَسْمِ مِنْ مُكْثِه عِنْدَنَا وَكَانَ قَلَّ يَوْمٌ اِلَّا وَهُوَ يَطُوْفُ عَلَيْنَا جَمِيْعًا فَيَدْنُوْا مِنْ كُلِّ امْرَأَةٍ مِنْ غَيْرِ مَسِيْسٍ حَتَّى يَبْلُغَ الَّتِى هُوَ يَوْمُهَا فَيَبِيْتُ عِنْدَهَا.

رواه ابو داود واحمد بسند صحيح

Dari Aisyah ia berkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. tidak melebihkan setengah kami di atas yang lain, dalam pembahagian waktunya

memulangi kami, sekalipun sedikit sekali waktu bagi Rasulullah. Tetapi beliau tetap bergilir kepada kami, dan didekatnya tiap-tiap isterinya dengan tidak mencampurinya hingga ia sampai kepada isterinya yang mendapat giliran, lalu beliau bermalam di rumahnya."

(Riwayat Abu Daud dan Ahmad).

Keterangan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَطُوْفُ عَلَى نِسَائِهِ فِي اللَّيْلَةِ الْوَاحِدَةِ وَلَهُ يَوْمَئِذٍ تِسْعُ نِسْوَةٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: "Adalah Nabi s.a.w. bergilir kepada isteri-isterinya pada suatu malam, dan bagi beliau ketika itu ada sembilan orang isteri."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kedua keterangan ini, adalah atas dasar rela merelakan antara isteri dengan isteri. Dan kejadian ini, adalah di kalangan isteri Nabi tidak mungkin terjadi perselisihan antara mereka.

Boleh seseorang masuk kepada isteri yang bukan gilirannya di siang hari, sekadar hendak meletakkan barang atau memberikan nafkah dan tidak boleh untuk bersetubuh, sebagaimana keterangan yang di atas.

Sekurang-kurangnya giliran perempuan itu, ialah satu malam dan sebanyak-banyaknya tiga malam. Tidaklah boleh lebih dari tiga hari sebab jangan sampai membawa kepada yang dinamakan "pengongkongan" antara isteri-isteri yang lain. Kerana bererti giliran yang lebih dari tiga hari itu telah mengambil hak yang lain, andaikata ia mati dalam waktu giliran yang lebih itu, maka tentu ia telah derhaka.

Diundi untuk keluar.

Bila suami hendak membawa salah seorang isterinya ke rantau orang, hendaklah lebih dahulu diundi, mana yang menang dalam undian itulah yang dibawa.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اِذَا

اَرَادَ سَفَرًا أَقْرَعَ بَيْنَ نِسَائِهِ فَأَيَّتُهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ بِهَا مَعَهُ وَكَانَ يَقْسِمُ لِكُلِّ امْرَأَةٍ مِنْهُنَّ يَوْمَهَا وَلَيْلَتَهَا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Adalah Rasulullah s.a.w. bila beliau hendak berjalan jauh diadakannya undian antara isterinya. Mana di antara mereka yang menang dalam undian itu, dengan dialah ia berjalan. Dan adalah Rasulullah membahagi waktu bagi tiap-tiap isterinya, harinya dan malamnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sesudah kembali dari perjalanan, maka hari yang dipakai oleh isteri yang turut berjalan itu tidaklah dihitung, melainkan kembali menurut giliran semula.

5. GILIRAN WAKTU KAHWIN DENGAN JANDA ATAU PERAWAN

Bila seseorang mengahwini perempuan lebih dari seorang, maka perempuan yang dikahwininya ada yang perawan dan ada pula yang janda. Apabila yang dikahwininya itu masih perawan, adalah hak baginya pada hari pertama suaminya itu bermalam di rumahnya selama 7 malam termasuk siangnya.

Kalau yang dikahwininya itu perempuan janda, adalah hak baginya, supaya suaminya bermalam padanya selama 3 (tiga) malam pada permulaan hari kahwinnya itu. Sesudah itu barulah diatur giliran seadil-adilnya.

Keterangan:

عَنْ اَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مِنَ السُّنَّةِ إِذَا تَزَوَّجَ الرَّجُلُ الْبِكْرَ عَلَى الثَّيِّبِ أَقَامَ عِنْدَهَا سَبْعًا وَقَسَمَ وَإِذَا تَزَوَّجَ الثَّيِّبَ عَلَى الْبِكْرِ أَقَامَ عِنْدَهَا ثَلَاثًا ثُمَّ قَسَمَ. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: "Sebahagian sunah Nabi s.a.w. ialah apabila seorang laki-laki mengahwini seorang perawan sesudah yang janda, bolehlah ia tinggal padanya selama 7 (tujuh) malam, dan apa-

bila ia mengahwini perempuan yang sudah janda, boleh ia tetap padanya selama 3 (tiga) hari, dan seterusnya diadakan giliran."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan yang lain:

عَنْ أَبِى بَكْرِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ حِيْنَ تَزَوَّجَ اُمَّ سَلَمَةَ فَدَخَلَ عَلَيْهَا فَأَرَادَ اَنْ يَخْرُجَ اَخَذَتْ بِثَوْبِهِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنْ شِئْتِ زِدْتُكِ وَحَسِبْتُكِ بِهِ لِلْبِكْرِ سَبْعٌ وَلِلثَّيِّبِ ثَلَاثٌ. رواه مسلم

Dari Abu Bakar bin Abdurrahman r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. setelah mengahwini Ummu Salamah, lalu beliau bermalam padanya. Kemudian Rasulullah hendak keluar, lalu direnggutkannya kain Rasulullah, maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Jika aku kehendaki, aku tambahi waktunya untuk engkau, dan aku telah mencukupkan waktu untuk engkau; bagi perempuan yang perawan tujuh malam dan bagi yang janda tiga malam."

(Riwayat Muslim).

Hikmatnya tujuh malam untuk yang perawan dan tiga malam untuk perempuan janda, ialah kerana yang perawan itu masih banyak malu untuk dipergauli. Oleh sebab itu diberi hak supaya suaminya bermalam selama hingga hilang perasaan malunya yang semula terhadap suaminya. Sedang tujuh malam di rumahnya, untuk membawanya bergaul yang agak leluasa, perempuan janda tidaklah semalu perempuan yang masih perawan, hingga dengan cepat dapat dibawa bergaul dalam rumahtangga.

6. MENGAJAR ISTERI YANG DERHAKA

Bila isteri telah kelihatan derhaka oleh suaminya, hendaklah suaminya itu mengajarnya menurut aturan-aturan yang ditentukan dalam agama.

Pertama: Ditegur dengan kata-kata yang sopan dan lemah-lembut serta secara peri kemanusiaan. Hendaklah ia diperingatkan agar taat kerana itu adalah kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh seorang isteri kepada suaminya. Kecuali bila suami itu menyuruh melakukan sesuatu kejahatan, atau dilarangnya berbuat kebajikan,

umpamanya mendengarkan pelajaran-pelajaran dan lain-lain. Dalam hal seperti itu tidaklah wajib mentaati suami.

Kedua: Boleh menghentikan memberi nafkah, selama ia tidak mahu berhenti dari kederhakaannya.

Ketiga: Mengasingkan dari tempat tidur pada waktu tidur, bila dengan kata-kata atau dengan penghentian pemberian nafkah, ia tidak juga berhenti dari penderhakaannya.

Keempat: Memberi pukulan yang tidak membahayakan, bila dengan ajaran yang tiga macam itu tidak juga mengerti.

Firman Allah s.w.t.:

وَالّٰتِيْ تَخَافُوْنَ نُشُوْزَهُنَّ فَعِظُوْهُنَّ وَاهْجُرُوْهُنَّ فِى الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوْهُنَّ فَاِنْ اَطَعْنَكُمْ فَلَا تَبْغُوْا عَلَيْهِنَّ سَبِيْلًا اِنَّ اللّٰهَ كَانَ عَلِيًّا كَبِيْرًا*

سورة النساء اية ٣٤

Dan perempuan-perempuan yang engkau khuatiri akan penderhakaannya maka ajarlah mereka, dan asingkanlah tempat tidurmu dari mereka (di dalam rumah juga, jangan ke tempat lain) dan pukullah mereka (dengan pukulan yang tidak merbahaya). Apabila mereka telah taat kembali kepadamu, maka janganlah kamu cari-cari jalan perselisihan dengan mereka. Sesungguhnya Allah adalah Maha Tinggi dan Maha Besar.

(Surah An-Nisa', ayat 34).

Dilarang laki-laki menampar isterinya dengan tamparan yang membahayakan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ زَمْعَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِى ﷺ قَالَ: لَا يَجْلِدْ أَحَدُكُمُ امْرَأَتَهُ جَلْدَ الْعَبْدِ ثُمَّ يُجَامِعُهَا فِى آخِرِ الْيَوْمِ.

رواه البخارى والترمذى

Dari Abdullah bin Zam'ah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak boleh seseorang suami memukul isterinya, seperti memukul seorang hamba, kemudian pada hari sesudahnya dicampurinya isterinya itu."

(Riwayat Bukhari dan Tirmizi).

Bila seorang suami menampar isterinya dengan sengaja hendak mengajarnya, maka sekali-kali tidaklah boleh dimasuki oleh orang lain. Sebab mungkin dalam soal ini ada rahsia yang terkandung, yang tidak boleh diketahui orang lain. Umpamanya soal percampuran dan sebagainya yang menyangkut diri keduanya.

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يُسْئَلُ الرَّجُلُ فِيْمَا ضَرَبَ امْرَأَتَهُ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صحيح

Dari Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak boleh seorang suami ditanya tentang sesuatu yang menyebabkan ia memukul isterinya."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Kecuali kalau pukulan itu membahayakan, maka ketika itu baiklah diselidiki lebih dahulu.

BAB BERTAHKIM

Soal bertahkim adalah disebabkan soal *syiqaq*, ertinya perselisihan yang terjadi antara dua orang suami isteri yang tidak dapat lagi mereka damaikan.

Bila perdamaian tidak dapat juga dicapai oleh kedua belah pihak, keduanya boleh bertahkim atau meminta hukum kepada pihak ketiga.

Di dalam hukum agama pihak ketiga ini ialah seorang dari keluarga yang laki-laki dan seorang dari keluarga yang perempuan yang diminta untuk bertindak sebagai pendamai. Kemudian hendaklah keluarga-keluarga itu mendamaikan mereka menurut pertimbangan kedua belah pihak. Apabila kedua suami isteri itu menyerahkan puncanya kepada keluarga masing-masing maka keduanya haruslah tunduk kepada keputusan yang telah diberikan mereka.

Firman Allah s.w.t.:

وَاِنْ خِفْتُمْ شِقَاقَ بَيْنِهِمَا فَابْعَثُوْا حَكَمًا مِنْ اَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ اَهْلِهَا اِنْ يُرِيْدَا اِصْلَاحًا يُوَفِّقِ اللهُ بَيْنَهُمَا اِنَّ اللهَ كَانَ عَلِيْمًا خَبِيْرًا*

سورة النساء اية ٣٥

Dan jika kamu khuatir akan perselisihan antara suami isteri, maka utuslah seorang hakim dari keluarga yang laki-laki (keluarga suami) dan seorang hakim dari keluarga yang perempuan (keluarga isteri). Jika keduanya menghendaki perdamaian nescaya Allah akan memberi taufik keduanya. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah An-Nisa' ayat 35)

Menurut suatu riwayat dari Imam Syafii: "Pernah datang dua orang suami isteri kepada Ali r.a. Berserta mereka masing-masing ikut pula beberapa orang lainnya. Ali menyuruh mereka, supaya masing-masing mengutus seorang hakim. Kemudian Ali berkata kepada keduanya: "Kamu tentu tahu, apa yang wajib kamu lakukan. Apabila kamu berpendapat, bahawa kamu dapat mendamaikan mereka, cubalah lakukan. Dan jika kamu berpendapat bahawa keduanya terpaksa bercerai maka perbuatlah."

Berkata perempuan itu: "Aku suka berhukum dengan kitab (hukum) Allah, dengan sesuatu yang dipikulkan atas diriku (cerai atau tidak cerai aku terima)." Berkata pula suami: "Adapun soal perceraian aku tidak mahu." Berkata Ali: "Engkau dusta, demi Allah, hingga engkau mengakui seperti apa yang diakui oleh isterimu (Tafsir Khazin).

Berdasarkan keterangan ini nyatalah, bahawa hak perdamaian terletak di tangan kedua hakim itu, akan bercerai ataupun tidak. Kedua suami isteri harus menerima keputusannya. Sedapat mungkin hakim itu ialah ahli yang lebih akrab hendaknya, yang banyak mengetahui perhubungan keduanya. Kalau tidak ada, boleh juga ahli yang agak berjauhan sedikit asal mereka dapat dipercayai.

BAB PERDAMAIAN ANTARA SUAMI ISTERI

1. ERTI PERDAMAIAN ANTARA SUAMI ISTERI

Iaitu bahawa sang isteri merelakan semua atau sebahagian haknya tidak dipenuhi oleh suaminya kerana sesuatu hal.

Allah berfirman dalam Al-Quran:

وَاِنِ امْـرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَـا نُشُوْزًا اَوْ اِعْرَاضًا فَلَاجُنَاحَ

عَلَيْهِمَا اَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا، وَالصُّلْحُ خَيْرٌ*

سورة النساء اية ١٢٨

Dan jika perempuan itu khuatir (melihat) suaminya marah atau memalingkan muka (sebab benci) maka tidaklah dosa atas keduanya bahawa keduanya berdamai, sedang perdamaian itulah yang sebaik-baiknya.

(Surah An-Nisa' ayat 128).

Ayat ini turun berhubungan dengan peristiwa seorang perempuan yang hendak diceraikan suaminya, sebagaimana dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فِى قَوْلِهِ تَعَالَى: وَاِنِ امْرَأَةٌ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوْزًا اَوْ اِعْرَاضًا ـ الآية ـ قَالَتْ: نُزِلَتْ فِى الْمَرْأَةِ تَكُوْنُ عِنْدَ الرَّجُلِ لاَ يَسْتَكْثِرُ مِنْهَا فَيُرِيْدُ طَلاَقَهَا وَيَتَزَوَّجُ غَيْرَهَا فَيَقُوْلُ لَهُ اَمْسِكْنِى وَلاَ تُطَلِّقْنِى ثُمَّ تَزَوَّجْ غَيْرِيْ وَاَنْتَ فِى حِلٍّ مِنَ النَّفَقَةِ عَلَيَّ وَالْقِسْمَةِ لِيْ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. dalam firman Tuhan yang berbunyi: "Dan jika perempuan itu khuatir (melihat) suaminya marah atau memalingkan muka," hingga akhir ayat, ia berkata: Ayat ini turun berhubungan dengan seorang perempuan yang ada di sisi suaminya, yang mana suaminya itu tidak banyak lagi bertempat tidur dengan dia. Lalu suaminya hendak menceraikannya serta hendak mengahwini perempuan lain (isteri muda). Perempuan itu berkata kepada suaminya: "Biarkan sajalah aku tidak perlu engkau ceraikan, kemudian kahwinlah engkau dengan perempuan lain dan engkau tidak perlu memberi nafkahku dan juga tidak perlu pembahagian yang adil kepadaku."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Perdamaian inilah yang dimaksud dengan firman Tuhan yang bunyinya: *"Maka tidaklah berdosa atas keduanya, bahawa keduanya berdamai, sedang perdamaian itulah yang sebaik-baiknya."* Ertinya, dalam soal nafkah dan giliran, boleh mereka berdamai, bila pihak yang perempuan itu rela akan yang demikian. Tetapi

dalam perdamaian semacam ini perempuan tidak boleh dipaksa, melainkan hendaklah pernyataan itu keluar dari kesucian hatinya.

2. TIDAK WAJIB MENGISI KEADILAN BILA TELAH ADA PERDAMAIAN

Bila sang isteri telah merelakan haknya tidak diisi oleh suaminya, baik semua mahupun sebahagiannya. Maka dengan sendirinya keadilan itu tidak wajib lagi mengisinya. Dan dengan sendirinya sang suami tidak akan berdosa lagi, kalau keadilan itu tidak diisinya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ سَوْدَةَ زَوْجُ النَّبِيِّ ﷺ خَشِيَتْ اَنْ يُطَلِّقَهَا فَقَالَتْ: لَا تُطَلِّقْنِي وَامْسِكْنِي وَاجْعَلْ يَوْمِي لِعَائِشَةَ. فَفَعَلَ فَنُزِلَتْ: فَلَاجُنَاحَ عَلَيْهِمَا اَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا، وَالصُّلْحُ خَيْرٌ فَمَا اصْطَلَحَا عَلَيْهِ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ جَائِزٌ. رواه الترمذى

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Saudah, isteri Nabi s.a.w. pernah khuatir bahawa ia akan diceraikan oleh Nabi s.a.w. lalu ia berkata: "Janganlah engkau ceraikan aku, dan peliharalah aku (sebagai isteri engkau), dan biarlah aku serahkan hari giliranku untuk Aisyah." Lantas dilaksanakanlah oleh Rasullulah s.a.w., maka turunlah ayat: Maka tidaklah berdosa atas keduanya bahawa keduanya berdamai, sedang perdamaian itulah yang sebaik-baiknya, maka apa yang telah disepakati keduanya dalam sesuatu, adalah boleh (jaiz) hukumnya.

(Riwayat Tirmizi).

Dalam keterangan yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah s.a.w. menetapkan giliran untuk Aisyah dua hari, iaitu hari giliran Aisyah sendiri, dan hari giliran Saudah, sebab Saudah itu telah tua. Ini hanya boleh dilakukan, kalau kedua belah pihak telah suka sama suka.

Bila antara keduanya telah ada perdamaian, dengan sendirinya segala kewajipan yang mestinya dipikul oleh suami, umpama

nafkah dan lain-lain, tidaklah menjadi kewajipannya lagi. Ertinya tidaklah berdosa suami dalam hal ini. Kerana isterinya itu telah merelakannya.

Dan dengan demikian, maka *"keadilan"* dalam perkara beristeri lebih dari seorang tidaklah merupakan syarat mutlak, bila telah ada perdamaian.

BAB PERGAULAN ANTARA LELAKI DAN WANITA

1. LARANGAN BERKHALWAT ANTARA SEORANG LELAKI DAN SEORANG PEREMPUAN

Berkhalwat dengan perempuan lain ertinya, bersenda-gurau di tempat yang tidak kelihatan (tersembunyi). Yang demikian diharamkan oleh agama sebab bersenda-gurau atau main-main itu, biasanya membangkitkan nafsu berahi.

Firman Allah s.w.t.:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِيْنَ يَغُضُّوْا مِنْ اَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوْا فُرُوْجَهُمْ ذٰلِكَ
اَزْكَى لَهُمْ اِنَّ اللهَ خَبِيْرٌ بِمَا يَصْنَعُوْنَ وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ
مِنْ اَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوْجَهُنَّ* سورة النور اية ٣٠

Katakanlah (ya Muhammad) kepada orang-orang mukmin, hendaklah mereka pejamkan sebahagian dari pandangan mereka, dan hendaklah mereka jaga kehormatan mereka. Itulah yang lebih mensucikan bagi mereka. Sesungguhnya Allah melihat kepada apa yang mereka perbuat. Dan katakan pulalah kepada wanita-wanita mukmin itu hendaklah mereka pejamkan pula pandangan mereka, dan hendaklah mereka jaga kehormatan mereka.

(Surah An-Nur ayat 3).

Tuhan memerintahkan dengan ayat ini, supaya pandangan mata kaum laki-laki itu jangan terlalu bebas kepada wanita-wanita dan sebaliknya. Oleh sebab itu hendaklah diperhatikan batas-batas kesopanan yang ditentukan oleh agama. Sebab pandangan mata itu

sentiasa dituruti oleh syaitan, hingga kadang-kadang membangkitkan nafsu berahi.

Keterangan lain:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَأَلْتُ النَّبِيَّ ﷺ عَنْ نَظَرِ الْفَجْأَةِ فَقَالَ: اِصْرِفْ بَصَرَكَ. رواه مسلم والترمذى

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Pernah aku bertanya kepada Nabi s.a.w. tentang pandangan yang mengejutkan hati (yang menyirapkan darah di dada), maka beliau menjawab: "Putarkanlah (alihkanlah) pandangan engkau."

(Riwayat Muslim dan Tirmizi).

2. SYAITAN DAPAT MASUK MELALUI PEMBULUH DARAH

Dilarang bergaul bebas di tempat sunyi antara laki-laki dan perempuan, sebab syaitan dapat masuk melalui pembuluh darah seseorang.

Keterangan menyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا تَلِجُوْا عَلَى الْمُغِيْبَاتِ فَاِنَّ الشَّيْطَانَ يَجْرِى مِنْ اَحَدِكُمْ مَجْرَى الدَّمِ قُلْنَا: وَمِنْكَ قَالَ: وَمِنِّى وَلَكِنَّ اللهَ اَعَانَنِى عَلَيْهِ فَاَسْلَمُ.

رواه الترمذى

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Janganlah kamu masuk atas perempuan ketika suaminya tidak ada, sebab syaitan dapat lalu di pembuluh darah seseorang." Kami bertanya: "Dan pada engkau juga (ya Rasulullah)!" Beliau menjawab: "Pada pembuluh darahku juga, tetapi Allah selalu menolongku melawannya, hingga aku selamat daripadanya."

(Riwayat Tirmizi).

Oleh kerana yang demikianlah, Allah mengharamkan untuk melepas pandangan bebas, biar laki-laki ataupun perempuan kepada orang yang halal dinikahinya. Kecuali bila ada hajat yang

penting, umpamanya ketika berjual-beli, ketika berubat, bila tidak mempunyai doktor yang pandai melainkan dia atau kerana perempuan itu hendak dikahwini dan lain-lain.

Dalam hal ini boleh memandang, hanya kepada yang diubati itu saja, tidak boleh yang lain. Bila memandang bebas itu diharamkan Tuhan, maka menyentuh perempuan yang halal dinikahi itu tentu lebih-lebih lagi haramnya.

Berkata pengarang kitab Minhaj: "Dan hal itu mengenai juga pandangan dari balik kaca (cermin mata dan lain-lain) atau dibalik kain. Dan keluar dari hukum itu, penglihatan bayangan di air bersih, atau bayangan di dalam kaca. Ketika itu tidaklah haram hukumnya."

3. YANG DIBOLEHKAN HANYA PANDANGAN YANG PERTAMA TERHADAP WANITA

Bila seseorang telah melepaskan pandangan kepada wanita, baik yang menggetarkan perasaan atau tidak, maka pandangan yang boleh menurut agama adalah pandangan pertama. Adapun pandangan yang kedua haram hukumnya. Dengan kata lain bahawa pandangan yang dibolehkan ialah *terpandang bukan dipandang.* Ertinya, disengaja memandang dan mengamat-amati bentuk dan rupanya, sesudah ia terlihat, sebagaimana yang banyak terjadi.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: يَا عَلِيُّ لَا تُتْبِعِ النَّظْرَةَ فَإِنَّ لَكَ الْأُوْلَى وَلَيْسَتْ لَكَ الْآخِرَةُ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Ali r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Ya Ali! Janganlah engkau turutkan pandangan itu, kerana yang boleh bagi engkau, hanyalah pandangan yang pertama dan tidak halal bagi engkau pandangan yang kedua."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Sebab bila hal yang seperti itu sering dilakukan, bererti sering pula melakukan apa yang terang dilarang agama. Akibatnya tentu akan merosakkan jiwa sendiri.

4. MEMAKAI TABIR

Firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا سَأَلْتُمُوْهُنَّ مَتَاعًا فَسْئَلُوْهُنَّ مِنْ وَرَآءِ حِجَابٍ ذٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوْبِكُمْ وَقُلُوْبِهِنَّ*

سورة الأحزاب اية ٥٣

Dan bila kamu hendak bertanya kepada mereka (perempuan-perempuan) maka tanyalah mereka dari belakang tabir. Itulah yang lebih mensucikan bagi hatimu dan bagi hati mereka.

(Surah Al-Ahzab, ayat 53).

Bila sama-sama diinsafi, bahawa pergaulan bebas antara laki-laki dan perempuan, galibnya membangkitkan nafsu berahi, tentu orang tidak akan mengatakan, bahawa memakai tabir itu tidak wajib melainkan sebaliknya.

Sebab dengan cara bertabir itu dapat mengurangkan sesuatu yang mungkin menyebabkan jiwa jadi kotor.

Di sekolah-sekolah, di tempat-tempat ramai atau tempat-tempat perkumpulan wanita, sering sekali timbul hal-hal yang membangkitkan nafsu berahi, hingga banyak kejadian yang tidak diingini. Apalagi sekarang ini, ramai pelajar-pelajar yang sudah akil baligh yang masih menduduki bangku sekolah, umpamanya di sekolah-sekolah lanjutan dan lain-lain. Akibat dari pergaulan bebas, banyak akhlak yang rosak dan keruntuhan moral berlaku.

Dapatlah kita jelaskan, bahawa yang menjadi pokoknya ialah pandangan mata yang tidak dibatasi. Padahal Tuhan mengatakan dalam ayat di atas, jangan pandangan mata itu lepas bebas semahunya saja, tetapi pejamkanlah sebahagiannya, ertinya batasilah.

Untuk mengurangkan kebebasan itu, maka Tuhan mewajibkan memakai tabir sebagaimana yang dijelaskan oleh ayat di atas.

Sebab-sebab turunnya ayat itu adalah sebagaimana diterangkan di bawah ini:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ أُبَيُّ بْنُ كَعْبٍ سَأَلَنِى عَنِ الْحِجَابِ وَكُنْتُ أَعْلَمُ النَّاسِ بِهِ أَصْبَحَ النَّبِيُّ ﷺ

عَرُوْسًا بِزَيْنَبَ وَكَانَ تَزَوَّجَهَا بِالْمَدِيْنَةِ فَدَعَا النَّاسَ لِلطَّعَامِ بَعْدَ ارْتِفَاعِ النَّهَارِ فَجَلَسَ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ رِجَالٌ بَعْدَ مَا قَامَ الْقَوْمُ حَتَّى قَامَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فَمَشَى وَمَشَيْتُ مَعَهُ حَتَّى بَلَغَ بَابَ حُجْرَةِ عَائِشَةَ ثُمَّ ظَنَّ أَنَّهُمْ قَدْ خَرَجُوْا فَرَجَعَ وَرَجَعْتُ مَعَهُ فَإِذَا هُمْ جُلُوْسٌ مَكَانَهُمْ فَرَجَعَ فَرَجَعْتُ الثَّانِيَةَ حَتَّى بَلَغَ حُجْرَةَ عَائِشَةَ فَرَجَعَ فَرَجَعْتُ فَإِذَا هُمْ قَدْ قَامُوْا فَضَرَبَ بَيْنِي وَبَيْنَهُ بِالسِّتْرِ وَأَنْزَلَ اللهُ اٰيَةَ الْحِجَابِ: يٰٓأَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا.... اِلَى قَوْلِه تَعَالَى: وَإِذَا سَأَلْتُمُوْهُنَّ مَتَاعًا فَاسْئَلُوْهُنَّ مِنْ وَرَآءِ حِجَابٍ ذٰلِكُمْ أَطْهَرُ لِقُلُوْبِكُمْ وَقُلُوْبِهِنَّ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: "Ubay bin Ka'ab pernah bertanya kepadaku tentang perkara hijab dan akulah orang yang lebih mengetahui soal itu. Pernah Nabi s.a.w. masih menjadi pengantin dengan Zainab pada waktu pagi beliau mengahwini Zainab itu di Madinah. Lalu beliau undang orang-orang untuk makan, ketika matahari telah tinggi. Maka duduklah beberapa orang laki-laki berserta Rasulullah s.a.w. (selesai makan), sesudah orang lain bangun dari tempat duduknya, sampai Rasulullah s.a.w. bangun pula (agar mereka bangun dari duduk mereka). Lalu Rasulullah s.a.w. berjalan dan aku pun berjalan pula berserta beliau, hingga beliau sampai ke pintu bilik Aisyah. Kemudian Rasulullah s.a.w. mengira, bahawa mereka yang duduk itu telah keluar semuanya, lantas beliau kembali, dan aku pun kembali pula berserta beliau. Ternyata mereka masih duduk juga di tempat mereka semula. Beliau pun berbalik, lalu aku pun berbalik pula pada kali yang kedua, hingga beliau sampai pula ke pintu bilik Aisyah. Lalu beliau pun balik kembali, aku pun balik pula. Pada waktu itu mereka semuanya telah berdiri dari duduk mereka (keluar). Maka dipasang beliaulah tabir antaraku dan antara beliau, lalu turunlah ayat hijab, iaitu: "Hai orang-orang yang

beriman," hingga firman Tuhan: "Dan bila kamu hendak bertanya sesuatu kepada perempuan-perempuan itu, maka tanyakanlah dari balik tabir, yang demikian lebih mensucikan bagi hatimu dan bagi hati mereka."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dengan keterangan ini nyatalah, bahawa hijab itu hanya wajib di tempat-tempat (majlis-majlis), seperti di sekolah-sekolah, di madrasah-madrasah, di tempat-tempat pengajian, masjid-masjid, di surau-surau atau di tempat-tempat memberikan penerangan, permesyuaratan atau khutbah-khutbah, yang di dalamnya ada laki-laki dan perempuan. Dan tidak wajib di tempat-tempat tersebut di atas itu, sebab percampuran kaum laki-laki dan perempuan di tempat-tempat tersebut di atas adalah agak berlainan dari percampuran di tempat yang lain seperti di pasar dan lain-lainnya.

Hati belum dapat suci dengan sempurna, sebelum perbuatan-perbuatan anggota disucikan lebih dahulu, di antaranya ialah mata. Sebab pandangan mata itu sentiasa diturutkan oleh iblis, terutama sekali terhadap kaum wanita. Sehingga menimbulkan perasaan yang bukan-bukan dan fikiran yang tidak-tidak akan mudah sekali dijerumuskan oleh iblis.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: إِنَّ الْمَرْأَةَ تُقْبِلُ فِي صُوْرَةِ الشَّيْطَانِ وَتُدْبِرُ فِي صُوْرَةِ الشَّيْطَانِ فَإِذَا رَأَى اَحَدُكُمُ امْرَأَةً فَلْيَأْتِ اَهْلَهُ فَإِنَّ ذَلِكَ يَرُدُّ مَا فِي نَفْسِهِ.

رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w: 'Sesungguhnya perempuan-perempuan itu bila menghadap, seperti rupa syaitan, dan bila membelakang seperti rupa syaitan, maka apabila seseorang telah melihat perempuan, hendaklah ia datang kepada isterinya, kerana sesungguhnya itu dapat menghilangkan apa yang tergambar di dalam hatinya."

(Riwayat Muslim).

Maksudnya, apabila seseorang melihat wanita yang mempesonakan kerana cantiknya, hendaklah ia segera kembali kepada isterinya. Itulah sebabnya memandang yang boleh hanya sekali,

dan pandangan yang kedua kali adalah pandangan iblis. Terutama sekali bagi pemuda-pemuda yang belum kahwin hendaklah menjaga pandangannya kalau hendak menjaga dirinya.

5. MEMAKAI SIFAT CEMBURU

Cemburu, ertinya kecurigaan hati atas kejujuran seseorang. Di antara kedua suami isteri, sifat cemburu ini dituntut sekali dan sangat dipuji, sebab cemburu itu adalah salah satu sifat Allah. Apabila antara suami isteri tidak ada sifat cemburu mencemburui, tandanya pertalian mereka tidak diikat oleh cinta yang kuat dan mudah terjadi sesuatu yang melanggar aturan dalam soal berumahtangga.

Cemburu ini adalah pagar untuk suami isteri. Suami akan terpagar dari kejahatan dengan adanya kecemburuan isterinya, begitu pula sebaliknya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اللهُ يَغَارُ وَالْمُؤْمِنُ يَغَارُ وَغَيْرَةُ اللهِ أَنْ يَأْتِيَ الْمُؤْمِنُ مَا حَرَّمَ اللهُ.

رواه الترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bahawasanya Allah sangat cemburu dan orang mukmim itu cemburu. Dan yang dicemburui Allah, ialah bahawa orang mukmin mendatangkan (memperbuat) apa yang diharamkan oleh Allah."

(Riwayat Tirmizi).

Allah sangat cemburu terhadap hamba-Nya yang suka menderhakai-Nya. Suami isteri cemburu bila salah seorang akan berkhianat kepada yang lain. Maka dapatlah difahamkan, bahawa cemburu itu sangat sekali dipuji dan dituntut.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَا اَحَدٌ اَغْيَرُ مِنَ اللهِ اَنْ يَرَى عَبْدَهُ اَوْ اُمَّتَهُ تَزْنِى.

رواه البخارى

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak ada seseorang yang lebih cemburu daripada Allah apabila melihat hamba-Nya berzina."

(Riwayat Bukhari).

Dalam soal suami isteri dinyatakan pula:

عَنْ سَعْدِ بْنِ عُبَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَوْ رَأَيْتُ رَجُلاً مَعَ اِمْرَأَتِيْ لَضَرَبْتُهُ بِالسَّيْفِ غَيْرَ مُصْفِحٍ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: اَتَعْجَبُوْنَ مِنْ غَيْرَةِ سَعْدٍ لِاَنَا اَغْيَرُ مِنْهُ وَاللهُ اَغْيَرُ مِنِّى.

رواه البخارى ومسلم

Dari Saad bin Ubadah r.a. ia berkata: "Andaikata aku lihat seseorang laki-laki ada berserta isteriku, nescaya aku parang dia dengan pedang dan bukan dengan belakangnya." Lalu Nabi s.a.w. bersabda: "Apakah kamu tidak kagum tentang kecemburuannya (Sa'ad), sesungguhnya aku lebih cemburu daripadanya, dan Allah lebih cemburu pula daripadaku."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB KESOPANAN DALAM BERSETUBUH

1. SANG ISTERI ADALAH MERUPAKAN KEBUN DAN PAKAIAN

Allah berfirman dalam Al-Quran:

نِسَآؤُكُمْ حَرْثٌ لَكُمْ فَأْتُوْا حَرْثَكُمْ اَنَّى شِئْتُمْ*

سورة البقرة اية ٢٢٣

Isterimu itu ialah kebunmu, maka datangilah kebunmu itu darimana saja kamu kehendaki.

(Surah Al-Baqarah ayat 223).

Selain daripada merupakan kebun, isteri juga adalah merupakan pakaian bagi suaminya, begitu juga sebaliknya.

Allah berfirman:

هُنَّ لِبَاسٌ لَّكُمْ وَاَنْتُمْ لِبَاسٌ لَّهُنَّ* سورة البقرة اية ١٨٧

Wanita-wanita (isterimu) itu jadi pakaian bagimu dan kamu jadi pakaian pula bagi mereka.

(Surah Al-Baqarah ayat 187).

2. BERLINDUNG DARI GODAAN SYAITAN.

Hendaklah ia berlindung dari syaitan sambil membaca "Bismillah," sebagaimana ada keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَوْ اَنَّ اَحَدَكُمْ اِذَا اَرَادَ اَنْ يَأْتِيَ اَهْلَهُ قَالَ: بِسْمِ اللهِ اللّٰهُمَّ جَنِّبْنَا الشَّيْطَانَ وَجَنِّبِ الشَّيْطَانَ مَا رَزَقْتَنَا فَاِنَّهُ اِنْ يُقَدَّرْ بَيْنَهُمَا وَلَدٌ فِي ذٰلِكَ لَمْ يَضُرَّهُ شَيْطَانٌ اَبَدًا. رواه البخارى مسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesungguhnya salah seorang di antara kamu apabila hendak mendatangi isterinya (hendak bersetubuh), hendaklah ia membaca: 'Dengan nama Allah, Ya Allah jauhkanlah kami dari syaitan dan jauhkanlah syaitan itu dari barang yang telah Engkau beri rezeki kepada kami.' Kerana sesungguhnya jika ditakdirkan ada anak antara keduanya di waktu itu, tidak dapat syaitan menyakitinya selama-lamanya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. LARANGAN MENDATANGI ISTERI DARI SEBELAH DUBUR DAN BOLEH MELAKUKAN AZAL

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا

يَنْظُرُ اللهُ اِلَى رَجُلٍ اَتَى رَجُلًا اَوِ امْرَأَةً فِى الدُّبُرِ.

رواه الترمذى بسند حسن

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w., beliau bersabda: "Allah tidak mahu melihat kepada laki-laki yang mendatangi laki-laki atau perempuan di sebelah duburnya."

(Riwayat Tirmizi).

Azal ertinya: Mengeluarkan mani di luar faraj. Adalah merupakan salah satu sunah *"taqririyah"* (persetujuan) Nabi s.a.w.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا نَعْزِلُ عَلٰى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَبَلَغَهُ فَلَمْ يَنْهَنَا - وَفِيْ رِوَايَةٍ - وَالْقُرْآنُ يَنْزِلُ.

رواه مسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Adalah kami melakukan azal di masa Rasulullah s.a.w. Lalu hal itu sampai kepadanya, tetapi ia tidak melarang kami. Dan pada satu riwayat: Sedang Al-Quran turun ketika itu."

(Riwayat Muslim).

Dengan demikian, bahawa melakukan Perancang Keluarga, baik membatasi, mahupun memperjarang keturunan, dibenarkan oleh agama, berhubung Nabi tidak melarang melakukan azal Tetapi dilarang menggugurkan kandungan yang sudah berupa insan (manusia), sebab perbuatan itu bererti membunuh manusia.

Selain daripada itu, dianggap terkutuk orang yang mendatangi isterinya dari belakang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَلْعُوْنٌ مَنْ اَتَى اِمْرَأَةً فِى دُبُرِهَا.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Terkutuklah orang-orang yang mendatangi isterinya di sebelah duburnya."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

4. BERGURAU SEBELUM BERSETUBUH

Sebelum bersetubuh sebaiknya bergurau terlebih dahulu, sehingga timbul keinginan masing-masing untuk jimak.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: كُلُّ مَا يَلْهُوْ بِهِ الرَّجُلُ الْمُسْلِمُ بَاطِلٌ اِلاَّ رَمْيُهُ بِقَوْسِهِ وَتَأْدِيْبُهُ فَرَسَهُ وَمُلاَعِبَتُهُ اَهْلَهُ فَاِنَّهُمْ مِنَ الْحَقِّ. رواه الترمذى وغيره

Dari Uqbah bin Amir ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w: "Tiap-tiap yang dijadikan permainan oleh laki-laki Islam, semuanya batil, melainkan melatih menembak dengan panah dan melatih kudanya untuk perang, dan senda gurau dengan isterinya, maka sesungguhnya semuanya adalah permainan yang hak."

(Riwayat Tirmizi dan lain-lainnya).

5. MEMAKAI TUTUP

Maka janganlah percampuran itu dilakukan di tempat-tempat yang terbuka kerana bererti menyerupai binatang yang tidak berakal.

6. HARAM HUKUMNYA BERSETUBUH KETIKA ISTERI DALAM HAID DAN NIFAS.

Firman Allah s.w.t.:

وَيَسْئَلُوْنَكَ عَنِ الْمَحِيْضِ قُلْ هُوَ اَذًى فَاعْتَزِلُوْا النِّسَآءَ فِى الْمَحِيْضِ وَلاَ تَقْرَبُوْهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ*

سورة البقرة اية ٢٢٢

Dan mereka bertanya kepada engkau (ya Muhammad,) tentang darah haid. Katakanlah: "Darah haid itu penyakit. Oleh sebab itu jauhilah isteri-isteri itu di waktu haid dan janganlah kamu dekati mereka, hingga mereka suci kembali."

(Surah Al-Baqarah ayat 222).

Adapun bersetubuh dengan haid, selain tidak sopan, juga haram hukumnya.

Di samping itu janganlah berkata-kata, sebab mengurangkan kehormatan diri jika dilakukan.

7. WANITA YANG DITAWAN DI MEDAN PERANG, SEBELUM DISETUBUHI HENDAKLAH DIISTIBRAKKAN LEBIH DAHULU

Hamba-hamba yang dirampas di medan perang, tidak boleh dicampuri begitu saja sebelum ia diistibrakkan, iaitu ditunggu terlebih dahulu hingga telah nyata kosong rahimnya. Jika ia dalam hamil ditunggu sampai ia melahirkan anaknya, atau dengan satu kali haid kalau ia masih haid – Atau satu bulan kalau ia masih kecil, atau kerana telah putus haid sebab tua.

Bila hamba-hamba itu dicampuri saja, sedang rahimnya mungkin mengandung anak, tentu anak itu menjadi anak syubhat, iaitu anak yang tidak tentu bapanya. Apakah anak itu anaknya, atau anak orang lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ رُوَيْفِعِ بْنِ ثَابِتِ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: وَلاَ يَحِلُّ لِامْرِءٍ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ اَنْ يَقَعَ عَلَى امْرَاَةٍ مِنَ السَّبْيِ حَتَّى يَسْتَبْرِأَهَا بِحَيْضَةٍ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Ruwaifi' bin Sabit Al-Ansari r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak halal bagi manusia yang percaya kepada Allah dan hari kiamat, bahawa dicampuri (wathak) perempuan yang ditawan, hingga diistibrakkannya lebih dahulu dengan keluar darah haid satu kali."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

BAB PENCERAIAN
(Talak)

Dalam Kitab Munakahat ini ada bermacam-macam nama perceraian yang terjadi antara suami dan isteri, iaitu:

a. Perceraian dengan jalan talak
b. Perceraian dengan jalan khuluk
c. Perceraian dengan jalan fasah
d. Perceraian dengan jalan li'an
e. Perceraian kerana wafat.

1. TALAK ADALAH PERBUATAN HALAL YANG DIMURKAI TUHAN.

Talak ertinya melepaskan. Menurut istilah syarak ialah: Melepaskan ikatan pernikahan atau perkahwinan dengan kata-kata atau lafaz yang menunjukkan talak atau perceraian.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَبْغَضُ الْحَلَالِ اِلَى اللهِ عَزَّ وَجَلَّ الطَّلَاقُ.

رواه ابو داود والحاكم بسند صحيح

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Perbuatan halal yang dimurkai Allah ialah talak."

(Riwayat Abu Daud dan Hakim).

Talak adalah sesuatu perbuatan yang halal dilakukan menurut agama Islam. Tetapi perbuatan itu dimurkai dan tidak disukai oleh Tuhan, sebab memutuskan kasih sayang. Berkata ulama fikah, bahawa kemarahan di sini bukan bererti tidak boleh, dan menimbulkan dosa, tetapi hanya sekadar makruh saja, sebab memutuskan perhubungan.

Sebolehnya perhubungan itu hendaklah dieratkan sekukuh-kukuhnya, walaupun dengan cara dan jalan bagaimanapun juga. Sungguh sudah menjadi kebiasaan perceraian itu dilakukan, bila antara kedua suami isteri telah terjadi perselisihan yang tidak dapat

didamaikan lagi. Atau disebabkan oleh kemahuan si suami sendiri kerana tidak ingin lagi beristeri.

Hikmatnya talak itu ialah untuk melepaskan diri daripada pergaulan suami isteri yang antara keduanya tidak terdapat lagi kerukunan hidup berumahtangga.

Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ يَتَفَرَّقَا يُغْنِ اللهُ كُلًّا مِّنْ سَعَتِهِ وَكَانَ اللهُ وَاسِعًا حَكِيْمًا ✱

سورة النساء اية ١٣٠

Dan jika keduanya (suami isteri) bercerai, Allah akan melapangkan hidup masing-masing dan adalah Allah itu lapang lagi bijaksana.

(Surah An-Nisa' ayat 130).

2. HUKUM MENJATUHKAN TALAK

Talak itu ada bermacam-macam hukumnya:

Pertama: *Wajib* iaitu bagi orang yang suka meng-ila' isterinya, ertinya bersumpah, bahawa ia tidak akan bersetubuh lagi dengan isterinya itu selama-lamanya, atau lebih dari 4 (empat) bulan sebagaimana keterangan akan datang. Kemudian bila telah lebih dari empat bulan, isterinya sudah ingin bersetubuh, tetapi ia tidak juga mahu, maka ketika itu wajib atasnya menjatuhkan talak satu kali. Kalau dia tidak mahu, boleh hakim sendiri yang menjatuhkan, walaupun tidak seizinnya.

Kedua: *Sunat* iaitu bagi orang-orang yang sudah lemah dan tidak kuasa lagi menunaikan kewajipan terhadap isterinya, sedang isterinya itu tidak pula rela. Atau kerana tidak cinta lagi terhadap isterinya itu, disebabkan oleh beberapa hal. Atau perempuan itu tidak pandai menjaga kehormatan dirinya atau perangainya sangat jahat hingga mencemarkan nama si suami.

Ketiga: *Haram* iaitu atas orang yang menceraikan isterinya di dalam keadaan haid dan nifas dan lain-lain. Kecuali kalau talak itu dibeli oleh perempuan (khuluk akan datang keterangannya), maka tidaklah berdosa si suami menceraikannya ketika itu. Atau talak itu dijatuhkan sesudah isteri dicampuri, sedang ia baru selesai dari haid, sebagaimana akan datang keterangannya.

3. SYARAT SAH JATUH TALAK

Untuk sah jatuhnya talak diperlukan beberapa syarat:

Pertama: Yang menjatuhkan talak itu sudah mukallaf, baligh berakal. Tidaklah sah talak anak kecil, orang gila atau orang yang sedang tidur. Sebab mereka ketika itu tidak mukallaf.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: رُفِعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثَةٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَحْتَلِمَ وَعَنِ الْمَجْنُوْنِ حَتَّى يَعْقِلَ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Ali r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Diangkatkan dosa dari tiga macam orang, dari orang yang tidur hingga ia bangun, dari anak kecil hingga ia baligh dan dari orang gila sampai ia baik/sihat akalnya."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: كُلُّ طَلَاقٍ جَائِزٌ اِلَّا الطَّلَاقُ الْمَعْتُوْهُ الْمَغْلُوْبُ عَلَى عَقْلِهِ.

رواه الترمذى ـ حديث موقوف

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Semua talak itu dibolehkan agama, kecuali talak orang yang sudah berubah akalnya."

(Riwayat Tirmizi hadis Mauquf).

Kedua: Hendaklah talak itu kerana kemahuan sendiri. Tidaklah sah (jatuh) talak orang yang dipaksa. Umpamanya, apabila ia tidak menceraikan isterinya, ia pasti dibunuh atau dicelakakan. Maka ketika itu tidaklah jatuh talaknya. Atau orang yang lupa atau bersalah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ اللهَ

تَعَالَى وَضَعَ عَنْ أُمَّتِى الْخَطَاءَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتُكْرِهُوْا عَلَيْهِ.

رواه ابن ماجة والحاكم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesungguhnya Allah Taala telah membuangkan dari umatku dosa tersalah, lupa dan dosa terpaksa."

(Riwayat Ibnu Majah dan Hakim).

Keterangan lain:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ طَلاَقَ وَلاَ عِتَاقَ فِى اِغْلاَقٍ. رواه ابو داود

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w.: "Tidak ada talak itu sah, dan tidak pula kemerdekaan yang dalam keadaan terpaksa."

(Riwayat Abu Daud).

Ketiga: Talak itu dijatuhkan sesudah nikah yang sah. Maka tidaklah ada ertinya menceraikan perempuan yang belum dinikahi.

Syarat Orang Yang Terpaksa.

Disyaratkan pada orang yang terpaksa itu:

Pertama: Bahawa orang yang memaksa itu betul-betul dapat melakukan ancaman yang telah dinyatakannya. Belumlah dinamakan terpaksa bila hanya sekadar gertak dan ancaman saja.

Kedua: Bahawa yang dipaksa tidak dapat melawan orang yang memaksa, atau tidak dapat lari atau minta tolong.

Ketiga: Bahawa orang yang terpaksa telah meyakinkan, bahawa yang memaksa pasti melakukan (membuktikan) ancaman yang sudah dinyatakannya.

Keempat: Bahawa orang yang terpaksa jangan meniatkan, bahawa ia menjatuhkan talak. Bila diniatkannya, maka sesungguhnya jatuhlah talaknya.

Hendaklah seseorang mengatakan dalam hatinya, sesudah talak itu dijatuhkan kata-kata "Insya-Allah" ertinya: Jika Tuhan menghendaki. Bila syarat-syarat tersebut tidak cukup keempatnya pada seseorang ketika terpaksa, maka belumlah ia dinamakan terpaksa.

4. LAFAZ YANG MENUNJUKKAN TALAK

Jatuhnya talak itu adalah dengan dua macam lafaz, dengan *lafaz sharih,* dan dengan *lafaz kinayah.*

Lafaz sharih, ialah lafaz yang nyata untuk menyatakan perceraian. Misalnya kata si suami kepada isterinya: "Aku telah melepaskan (menjatuhkan) talak untuk engkau." Demikian pula, bila seseorang berkata kepada isterinya: "Engkau telah aku ceraikan" atau "Hari ini engkau telah aku bebaskan."

Firman Allah s.w.t.:

فَاَمْسِكُوْهُنَّ بِمَعْرُوْفٍ اَوْ فَارِقُوْهُنَّ بِمَعْرُوْفٍ*

سورة الطلاق اية ٢

Maka rujukilah mereka dengan cara yang baik atau ceraikanlah mereka dengan cara yang baik pula.

(Surah At-Talak, ayat 2).

Firman Allah s.w.t.:

فَاَمْسِكُوْ هُنَّ بِمَعْرُوْفٍ اَوْ سَرِّحُوْ هُنَّ بِمَعْرُوْفٍ*

سورة البقرة اية ٢٣١

Maka rujukilah mereka dengan cara yang baik atau lepaslah mereka dengan cara yang baik pula.

(Surah Al-Baqarah ayat 231).

5. LAFAZ NIKAH, TALAK DAN RUJUK TIDAK BOLEH DIPERMAIN-MAINKAN

Lafaz yang sharih itu tidak berkehendak kepada niat. Bila seorang mengatakan kata itu kepada isterinya walaupun dengan bermain-main, atau sengaja berolok-olok, maka jatuhlah talaknya ketika itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: ثَلَاثٌ

جِدُّهُنَّ جِدٌّ وَهَزْلُهُنَّ جِدٌّ: النِّكَاحُ وَالطَّلَاقُ وَالرَّجْعَةُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tiga perkara, bila yang tiga itu disengaja benar, ia benar, dan kalau disengaja berolok-olok, iapun benar juga, iaitu nikah, talak dan rujuk."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Lafaz kinayah ialah lafaz sindiran, yang tidak dijelaskan untuk perceraian. Lafaz kinayah ini berkehendak kepada niat. Seseorang yang melafazkan lafaz kinayah apabila niatnya hendak menceraikan isteri maka cerailah ia ketika itu. Dan kalau sengaja hendak berolok-olok saja maka tidaklah mengapa. Umpamanya seorang berkata kepada isterinya: "Engkau tidak berhubungan lagi dengan aku," "Buat sementara waktu, biarlah kita berpisah dahulu," atau: "Pergilah engkau dari sini, ke mana engkau sukai" dan lain-lain. Kata-kata itu adalah bergantung kepada niat seseorang yang mengucapkan.

Berkata pengarang kitab Al-I'anah: "Kalau seseorang menuliskan sharih talak (umpamanya, "Engkau telah aku ceraikan") atau kinayahnya (umpamanya: "Engkau tidak berhubungan lagi dengan aku" dan lain-lainnya), apabila ia tidak meniatkan hendak menjatuhkan talak, maka kosong sajalah tulisan itu, selama ia tidak melafazkannya semasa menulis atau sesudah menulis itu. Demikian juga hukumnya apabila kata-kata talak itu hanya di dalam hati saja, tidak dikatakannya dengan lidah."

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تَجَاوَزَ اللهُ لِأُمَّتِى مَا حَدَثَتْ بِهِ اَنْفُسُهَا مَا لَمْ تَتَكَلَّمْ بِهِ اَوْ تَعْمَلْ بِهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Dimaafkanlah Allah umatku, selama yang terguris-guris di dalam hatinya belum dikatakannya atau belum dilakukannya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Adapun orang-orang bisu, cukuplah dengan isyaratnya yang dapat difahami kalau yang diisyaratkannya itu menunjukkan cerai. Begitu juga sah mewakilkan talak sebagaimana sahnya mewakilkan nikah, dengan perkataan yang berwakil: *"Aku wakilkan mentalak isteriku yang bernama..... kepada engkau,"* (kepada ayahku, kepada saudaraku dan lain-lain). Lalu dijawab oleh yang menerima wakil: *Aku terima wakil engkau.* Ketika talak hendak dijatuhkan, maka wakil itu berkata: *Pada hari ini aku jatuhkan talak kepada si..... satu kali, sebagai wakil si anu.*

Kalau seseorang berkata kepada anaknya: "Katakanlah kepada ibumu kataku ini: *Engkau telah aku ceraikan.* Maka ketika itu jatuhlah talaknya apabila perkataan itu disampaikan oleh anaknya. Kerana ketika itu bererti ia telah mewakili bapanya sekalipun bapanya itu tidak menghendaki wakil.

Talak dengan taklik.

Taklik ertinya menggantungkan sesuatu kepada sesuatu. Kalau suami berkata kepada isterinya: "Jika engkau keluar dari rumah ini, maka jatuhlah talakku satu kali kepada engkau." Pada ketika itu jatuhlah talaknya bila isteri itu betul keluar rumah. Kalau ia mengatakan *pada hari ini,* maka tidaklah jatuh talaknya apabila isterinya itu keluar besok pagi, lusa dan sebagainya.

Jadi di sini jatuh atau tidaknya talak itu tergantung atas keluar atau tidaknya si isteri dari rumah. Kata-kata yang biasanya dipakai untuk menyatakan taklik itu ialah jika, kalau, bila, manakala dan lain-lain. Tidaklah boleh seseorang rujuk dari perkataannya, sebelum ada bukti yang ditaklikkannya itu. Dan tidak pula jatuh talaknya sebelum terwujud syarat-syarat yang ditaklikkannya itu.

Kalau si isteri lupa atau tidak mengerti akan apa yang ditaklikkan suaminya, atau lantas ia lakukan apa yang ditaklikkan itu, maka tidaklah jatuh talaknya. Sebab perbuatan lupa dan tersalah tidak dipandang dosa oleh Tuhan.

BAB MACAM-MACAM TALAK

1. TALAK RAJ'I.

Talak raj'i ertinya talak yang boleh dirujuk (kembali) dengan lafaz-lafaz yang tertentu, setelah talak itu dijatuhkan.

Talak itu adalah talak yang dijatuhkan baru sekali atau dua kali. Maka sang suami yang menjatuhkan talak yang begitu rupa ia

boleh rujuk kembali kepada isterinya, selagi isterinya dalam beridah (akan datang keterangannya).

Firman Allah s.w.t.:

اَلطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَاِمْسَاكٌ بِمَعْرُوْفٍ اَوْ تَسْرِيْحٌ بِاِحْسَانٍ*

سورة البقرة اية ٢٢٩

Talak itu boleh dua kali, kemudian tahanlah secara pergaulan yang baik, atau lepaskanlah dengan cara yang baik pula.

(Surah Al-Baqarah ayat 229).

Maksudnya:

Talak yang boleh dirujuki sesudah isteri diceraikan hanya dua kali. Apabila perempuan (isteri) telah diceraikan dua kali, janganlah sampai terjadi yang ketiga kalinya. Bila perempuan itu telah dirujuki kembali atau dinikahi kembali, sesudah lampau idahnya (sebagaimana akan datang keterangan), maka usahakan jangan sampai cerai lagi. Atau biarkan saja dia setelah perceraian yang kedua kali itu dengan tidak menyebut-nyebut kelakuannya yang mungkin memburukkan (mencemarkan) dirinya.

Sebab-sebab turun ayat itu, ialah sebagaimana keterangan di bawah ini:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ الرَّجُلُ اِذَا طَلَّقَ اِمْرَأَتَهُ فَهُوَ اَحَقُّ بِرَجْعَتِهَا وَاِنْ طَلَّقَهَا ثَلَاثًا فَنُسِخَ ذٰلِكَ بِقَوْلِهِ تَعَالَى: اَلطَّلَاقُ مَرَّتَانِ فَاِمْسَاكٌ بِمَعْرُوْفٍ اَوْ تَسْرِيْحٌ بِاِحْسَانٍ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Adalah kaum laki-laki apabila ia telah menceraikan isterinya, ia beranggapan bahawa ia lebih berhak merujuki isterinya itu, sekalipun isterinya telah diceraikannya sampai tiga kali. Lalu dimansuhkan (ditukar hukumnya) dengan firman Tuhan yang berbunyi: "Talak (yang boleh dirujuki) hanya dua kali, kemudian tahanlah secara pergaulan yang baik atau lepaskanlah dengan cara yang baik pula."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Hikmat Allah membolehkan talak hanya sampai dua kali ialah supaya laki-laki jangan terlalu berleluasa menceraikan isterinya apabila terjadi perselisihan. Jika tidak dibatasi dengan demikian mungkin laki-laki akan kerap menceraikan isterinya hanya disebabkan perselisihan kecil saja.

Setelah aturan itu diturunkan Tuhan, insaflah laki-laki bahawa perceraian (talak) itu tidak boleh dipermain-mainkan begitu saja.

Sebanyak-banyaknya hanya dibolehkan dua kali seumur hidup atau selama pergaulan suami isteri. Bila perceraian telah sampai tiga kali, bererti telah melampaui batas. Dan ketika itu tertutuplah pintu untuk kembali, sebagaimana akan datang keterangannya. Begitu juga agar kaum wanita insaf pula bahawa perceraiannya dengan suaminya itu adalah suatu aib atas dirinya dalam pandangan masyarakat.

Dengan jalan demikian, dapatlah mereka mengelakkan sesuatu yang mungkin menjadi perselisihan dalam soal rumahtangga. Pada hakikatnya talak yang lebih dari dua kali itu tidak dilarang Tuhan tetapi yang dilarang ialah kembalinya (rujuk) sesudah itu. Sebab sebanyak-banyak talak tiga kali, dan sekurang-kurangnya satu kali. Talak yang masih boleh dirujuki itu disebut talak *raj'i.*

2. TALAK AL-BATTAH

Talak Al-Battah, ertinya talak yang dijatuhkan untuk selama-lamanya dan tidak akan rujuk lagi. Umpamanya seseorang berkata kepada isterinya: "Engkau kuceraikan buat selama-lamanya." Menurut pendapat Imam Syafii, talak semacam itu jatuh hanya menurut niatnya. Kalau diniatkannya tiga, maka talak itu dihukumkan jatuh tiga. Dan kalau diniatkannya satu atau dua, maka jatuhnya talak itu menurut berapa yang diniatkannya.

Keterangan:

عَنْ رُكَانَةَ بْنِ عَبْدِ يَزِيْدِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اَتَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ فَقُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ اِنِّى طَلَّقْتُ امْرَأَتِيْ الْبَتَّةَ فَقَالَ: مَا اَرَدْتَ بِهَا؟ قُلْتُ: وَاحِدَةً قَالَ: وَاللهِ. قُلْتُ: وَاللهِ. قَالَ: فَهُوَ مَا اَرَدْتَ.

رواه ابو داود بسند صحيح

Dari Rukanah bin Abdi Yazid r.a. ia berkata: Pernah aku datang kepada Nabi, lalu aku bertanya: Ya, Rasulullah sesungguhnya aku telah menceraikan (mentalak) isteriku secara Al-Battah. Maka Nabi bersabda: "Berapa yang engkau kehendaki dengan kata-kata Al-Battah itu?" Aku menjawab: "Satu kali," beliau bersabda: "Wallahi;" aku ucapkan: "Wallahi!" Nabi bersabda: Maka jatuhnya menurut berapa yang engkau kehendaki."

(Riwayat Abu Daud).

3. TALAK BAIN

Talak bain ialah talak yang tidak boleh rujuk lagi setelah talak itu dijatuhkan. Talak itu ialah talak TIGA, atau talak yang sudah dijatuhkan tiga kali.

Apabila perempuan (isteri) itu telah tiga kali diceraikan, dia tidak boleh (halal) lagi dirujuki suaminya. Tetapi boleh dikahwinkan kembali dengan syarat-syarat tertentu:

Pertama: Isterinya itu harus kahwin lebih dahulu dengan orang lain.

Kedua: Hendaklah ditunggu perceraiannya lebih dahulu.

Ketiga: Dan telah berlalu idahnya sesudah diceraikan oleh suaminya yang kedua itu.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَاتَحِلُّ لَهُ مِنْ بَعْدُ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ*

سورة البقرة اية ٢٣٠

Apabila suami telah menceraikan isterinya (tiga kali), maka itu tidaklah halal lagi baginya isterinya itu, sebelum isterinya itu kahwin dengan orang lain lebih dahulu.

(Surah Al-Baqarah ayat 230).

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ طَلَّقَهَا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يَتَرَاجَعَا إِنْ ظَنَّآ أَنْ يُقِيْمَا حُدُوْدَ اللهِ وَتِلْكَ حُدُوْدُ اللهِ يُبَيِّنُهَا لِقَوْمٍ يَعْلَمُوْنَ*

سورة البقرة اية ٢٣٠

Maka apabila ia telah diceraikan oleh suaminya (yang kedua itu), maka tidaklah berdosa keduanya (isteri dan suami yang pertama), supaya keduanya kembali (nikah kembali) apabila keduanya berharapan, bahawa mereka dapat menjaga aturan Allah (bergaul dengan baik), dan itulah aturan Allah antara keduanya bagi orang-orang yang mengetahui.

(Surah Al-Baqarah ayat 230).

Keempat: Suami yang kedua itu telah bersetubuh dengan dia. Tidaklah sah kahwin dengan suami yang pertama, bila isteri belum dukhul dengan suaminya yang kedua itu.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: إِنَّ امْرَأَةَ رِفَاعَةَ الْقُرَظِيِّ جَاءَتْ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّ رِفَاعَةَ طَلَّقَنِي فَبَتَّ طَلَاقِيْ وَإِنِّي نَكَحْتُ بَعْدَهُ عَبْدَ الرَّحْمٰنِ بْنَ الزُّبَيْرِ الْقُرَظِيِّ وَإِنَّمَا مَعَهُ مِثْلُ الْهُدْبَةِ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَعَلَّكِ تُرِيْدِيْنَ أَنْ تَرْجِعِي إِلَى رِفَاعَةَ لَا حَتَّى يَذُوْقَ عُسَيْلَتَكِ وَتَذُوْقِيْ عُسَيْلَتَهُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Sesungguhnya Rifa'ah Al-Qurazhi, pernah datang kepada Nabi s.a.w. lalu ia berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya Rifa'ah telah menceraikan aku. Maka talak itu telah terputus untuk kembali kepadanya (talak tiga) dan sesungguhnya aku telah nikah dengan Abdurrahman bin Zubair Al-Qurazhi sesudah itu, dan percampuranku dengan dia adalah seumpama pergeseran hujung kain. Bersabda Rasulullah s.a.w: "Barangkali engkau hendak kembali kepada Rifa'ah jangan, sebelum dirasakannya lazat madu engkau dan engkau rasakan pula madunya lebih dahulu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maksudnya belum boleh perempuan itu kahwin dengan suaminya yang pertama, sebelum ia merasakan lazat jimak dengan suaminya yang kedua itu.

Hikmatnya Allah menghukumkan yang seperti itu, ialah supaya kaum laki-laki jangan dengan sewenang-wenang dan dengan mudah saja menjatuhkan cerai sampai tiga kali. Sebab yang

demikian adalah memalukan dan merendahkan harga diri kedua belah pihak. Tak salah kalau dikatakan, bahawa hal ini seolah-olah meminjamkan isteri kepada orang lain, walaupun dengan jalan nikah juga. Apakah perasaan seseorang bila terjadi yang seperti itu atas dirinya?!

4. MENJATUHKAN TALAK TIGA SEKALIGUS

Talak tiga yang dijatuhkan sekaligus, pada masa Rasulullah s.a.w. begitu juga pada masa Abu Bakar Siddiq menjadi Khalifah dihukumkan hanya jatuh satu kali saja. Tetapi setelah Umar bin Khattab menjadi Khalifah, maka dihukumkannya talak itu jatuh ketiganya sekaligus.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ الطَّلَاقُ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ وَاَبِى بَكْرٍ وَسَنَتَيْنِ مِنْ خِلَافَةِ عُمَرَ طَلَاقُ الثَّلَاثِ وَاحِدَةً فَقَالَ عُمَرُ بْنُ الْخَطَّابِ: اِنَّ النَّاسَ قَدِ اسْتَعْجَلُوْا فِى اَمْرٍ قَدْ كَانَتْ لَهُمْ فِيْهِ أَنَاةٌ فَلَوْ اَمْضَيْنَاهُ عَلَيْهِمْ فَاَمْضَاهُ عَلَيْهِمْ. رواه مسلم وابو داود

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Adalah talak di masa Nabi s.a.w. dan di masa Abu Bakar, dan dua tahun permulaan masa Khalifah Umar, iaitu talak tiga yang dijatuhkan sekaligus dihukumkan satu kali. Berkata Umar bin Khattab: "Sesungguhnya manusia itu sangat suka sekali terburu-buru dalam sesuatu pekerjaan, yang sesungguhnya pekerjaan itu yang baik bagi mereka ialah dilambatkan (difikir secara mendalam). Alangkah baiknya kalau kita tetapkan saja hukum talak tiga atas mereka. Lantas diteruskannya hukum atas mereka."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ اَبِى الصَّهْبَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ لِابْنِ عَبَّاسٍ: أَتَعْلَمُ أَنَّمَا كَانَتِ الثَّلَاثُ تُجْعَلُ وَاحِدَةً عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ

وَأَبِى بَكْرٍ وَثَلَاثًا مِنْ إِمَارَةِ عُمَرَ فَقَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: نَعَمْ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Abu Ash-Shahba' r.a. bahawa ia pernah bertanya kepada Ibnu Abbas: "Adakah engkau tahu, sesungguhnya talak tiga itu ditetapkan satu di masa Nabi s.a.w. dan di masa Abu Bakar, tetapi dijadikan tiga di masa pemerintahan Umar?" Maka berkata Ibnu Abbas: "Ya!"

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

5. PERSELISIHAN PENDAPAT TENTANG MENJATUHKAN TALAK TIGA SEKALIGUS

Menurut sebahagian ulama talak tiga yang dijatuhkan sekaligus itu hanya jatuhnya sekali saja.

Pengarang kitab Subulussalam mengemukakan, bahawa masalah menjatuhkan talak tiga sekaligus dalam kalangan ulama telah timbul perbezaan pendapat:

Pertama: Segolongan ulama mengatakan, bahawa talak yang sekaligus tiga itu, tidaklah jatuh satu pun, sebab talak semacam ini adalah bid'ah.

Kedua: Menurut fatwa Umar bin Khattab, Ibnu Abbas, Aisyah dan Ali bin Abi Talib, bahawa talak yang dijatuhkan sekaligus ketiganya itu, dihukumkan jatuh tiga. Begitu juga menurut pendapat Syafii, Hanafi, Maliki dan Ahmad bin Hanbal, serta Jumhur Salaf dan Khalaf.

Mereka mengambil dalil dengan ayat-ayat talak. Dalam ayat-ayat ini tidaklah dibezakan antara satu dan tidak pula tiga. (Ertinya kalau talak itu dijatuhkan satu, tetap satu jatuhnya begitu juga kalau dijatuhkan tiga, maka jatuh pulalah tiga, baik sekaligus dijatuhkan mahupun tidak, demikian pulalah halnya talak dua kali. Boleh dijatuhkan sekaligus, dan boleh juga tidak). Di samping itu mereka juga mengambil alasan dengan hadis seperti hadis yang tersebut dalam Shahih Bukhari dan Muslim yang menyatakan Umair Al-Ajlani pernah menjatuhkan talak kepada isterinya tiga kali di hadapan Rasulullah s.a.w. dan tidak diingkari oleh Nabi. Menandakan bahawa talak tiga sah jatuh sekaligus.

Ketiga: Berdasarkan suatu riwayat lain lagi dari Ali dan Ibnu Abbas, mereka menghukumkan talak semacam itu hanya jatuh satu kali saja, sebagai talak raj'i. Pendapat ini juga telah difatwakan oleh Al-Hadi, Al-Qasim, As-Sadiq dan Al-Baqir serta mendapat so-

kongan pula dari Ibnu Taimiyah. Mereka mengambil alasan dengan hadis Ibnu Abbas tersebut di atas.

Keempat: Segolongan sahabat-sahabat Ibnu Abbas berpendapat, bahawa jatuhnya talak semacam itu harus dibezakan antara isteri yang sudah dicampuri dan yang belum. Bagi isteri yang sudah dicampuri jatuh talak tiga atasnya. Tapi bagi isteri yang belum dicampuri hanya jatuh satu kali saja. Menurut Muhaqiq Ibnu Qayim dalam kitabnya Ighasatul Lihfan, ada orang yang mengatakan, bahawa hadis Ibnu Abbas yang menyatakan talak tiga yang dijatuhkan sekaligus itu adalah mutharab (kacau) menurut matan dan sanadnya. Oleh sebab itu tidak sah diambil sebagai dalil.

Tetapi Ibnu Qayim berkata, cara mutharab ini sangat lemah, malah tidak diketahui seorang ahli hadis yang mencatat hadis ini.

Pengarang kitab Bidayatul Mujtahid menyatakan pendapat ulama Al-Amshar (mutaakhirin), bahawa talak dengan lafaz tiga kali sekaligus hukumnya adalah hukum talak tiga. Iaitu: Telah jatuh talakku tiga kali kepada engkau.

Menurut pendapat kita Ulama Syafi'iyah, bahawa talak tiga yang dijatuhkan sekaligus tetap jatuhnya tiga, gunanya *"sadduzzariah"* (menutupi sesuatu yang akan mendatangkan penyesalan). Dalam hal ini, supaya kaum laki-laki jangan terlalu suka mempermainkan talak tiga sekaligus itu, sebab akan menimbulkan penyesalan kemudian. Dan kita tidak menjumpai keterangan dari ahli hadis yang mencatat atau yang mendaifkan hadis ini, oleh sebab itu dianggap kuat.

6. PENGECUALIAN TALAK

Boleh mengadakan pengecualian dalam menjatuhkan talak, misalnya kata seseorang: "Engkau telah kuceraikan tiga kali, melainkan dua," maka jatuhlah talaknya satu kali, atau dikatakannya: "Kecuali satu kali," maka jatuhlah talaknya dua kali.

Pengecualian semacam ini dibolehkan dengan syarat:

Pertama: Kata-kata "kecuali" atau "melainkan" itu haruslah berhubungan, dengan tidak berantara sedikit juga. Kalau seseroang berkata di waktu Subuh: "Engkau telah aku talak tiga kali," kemudian di waktu Zuhur dikatakannya pula, "melainkan dua kali," tidaklah sah kata-kata yang kemudian itu, bermakna tetap juga talaknya tiga kali.

Kedua: Tidak boleh habis jumlah yang sebelumnya dengan jumlah pengecualian. Umpamanya seseorang berkata kepada isterinya: "Telah jatuh talakku tiga kali kepada engkau hari ini *me-*

lainkan tiga," maka tidaklah sah kata-kata yang kemudian (tiga kali) itu.

Orang yang merdeka berhak menjatuhkan talak tiga kali manakala hamba memiliki talak dua kali.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: طَلَاقُ الْأَمَةِ تَطْلِيْقَتَانِ وَعِدَّتُهَا حَيْضَتَانِ. رواه الترمذى بسند ضعيف

Dari Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Talak itu ialah dua kali talak dan idahnya dua kali haid."

(Riwayat Tirmizi).

Berkata Syafii: "Talak yang bersangkutan dengan laki-laki, ialah talak hamba abdi dua dan talak orang yang merdeka ialah tiga."

7. TALAK SUNNI DAN TALAK BID'I

Talak yang dijatuhkan, baik talak itu bersifat *raj'i* mahupun yang *bain* talak yang tidak dapat dirujuki melainkan dengan mengulang nikah kembali, sebagaimana akan datang keterangannya, adakalanya *sunni,* ertinya menurut aturan Nabi dan adakalanya *bid'i,* ertinya tidak menurut aturan Nabi.

Talak yang sunni iaitu talak yang dilakukan ketika perempuan telah suci dari haidnya dan belum dicampuri. Sejak saat berhentinya dari haid itu, telah masuklah ia ke dalam idahnya. Pada saat yang demikianlah boleh menjatuhkan talak bila si suami hendak menceraikannya.

Firman Allah s.w.t.:

يَآ اَيُّهَا النَّبِيُّ اِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَآءَ فَطَلِّقُوْهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ وَاَحْصُوا الْعِدَّةَ وَاتَّقُوا اللهَ رَبَّكُمْ* سورة الطلاق اية ١

Hai Nabi, bila kamu hendak menceraikan isteri-isterimu maka ceraikanlah mereka kerana idah mereka (tatkala telah masuk ke dalam idah), dan hitunglah idahnya itu, dan takutlah kepada Tuhanmu.

(Surah At-Talak ayat 1).

Berkata Bukhari: Talak yang menurut sunah Nabi ialah, laki-laki menceraikan isterinya di saat ia telah suci dari haid sebelum bercampur dan hendaklah di hadapan dua orang saksi.

Talak yang bid'i iaitu:

Pertama: Talak yang dilakukan waktu perempuan berdarah haid.

Kedua: Talak yang dilakukan waktu perempuan dalam nifas.

Ketiga: Talak yang dilakukan waktu perempuan telah suci dari darah haidnya, tetapi telah dicampuri kembali.

Talak yang begitu haram hukumnya, walaupun dia sendiri yang meminta supaya diceraikan. Disunatkan merujuki perempuan itu kembali, bila seseorang telah menceraikan isterinya ketika dalam haid dan nifas itu.

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ طَلَّقَ امْرَأَتَهُ وَهِيَ حَائِضٌ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَسَأَلَ عُمَرُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَنْ ذٰلِكَ فَقَالَ: مُرْهُ فَلْيُرَاجِعْهَا ثُمَّ لِيَمْسِكْهَا حَتَّى تَطْهُرَ ثُمَّ تَحِيْضَ ثُمَّ تَطْهُرَ ثُمَّ اِنْ شَاءَ اَمْسَكَ بَعْدُ وَاِنْ شَاءَ طَلَّقَ قَبْلَ اَنْ يَمَسَّ فَتِلْكَ الْعِدَّةُ الَّتِي أَمَرَ اللهُ اَنْ تُطَلَّقَ لَهَا النِّسَاءُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa ia pernah mentalak isterinya di masa Rasulullah s.a.w. sedang isterinya itu dalam haid, lalu Umar (bapanya) bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang kejadian itu, lalu beliau bersabda: "Suruhlah dia merujuki isterinya itu, kemudian hendaklah ia tahan isterinya itu (jangan diceraikan lagi) hingga ia suci, kemudian ia haid, kemudian ia suci, jika ia hendak meneruskan perkahwinan itu ditahannyalah sesudah itu (jangan diceraikan), dan jika ia hendak menceraikannya, ceraikanlah sebelum ia dicampuri, maka itulah idahnya (permulaannya) yang telah diperintahkan Allah dan boleh perempuan-perempuan diceraikan ketika itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ نَافِعٍ قَالَ: كَانَ اِبْنُ عُمَرَ اِذَا سُئِلَ عَنِ الرَّجُلِ يُطَلِّقُ إِمْرَأَتَهُ وَهِيَ حَائِضٌ يَقُوْلُ: أَمَّا أَنْتَ طَلَّقْتَهَا وَاحِدَةً أَوِ اثْنَتَيْنِ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ أَمَرَهُ أَنْ يَرْجِعَهَا. رواه مسلم

Dari Nafi' ia berkata: Adalah Ibnu Umar bila ia ditanya tentang seorang laki-laki menjatuhkan talak kepada isterinya, sedang isterinya itu dalam haid, ia berkata: "Adapun engkau telah mentalaknya sekali atau dua kali. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah menyuruhnya supaya merujukinya."

(Riwayat Muslim).

Diperintahkan oleh Nabi s.a.w. supaya talak itu dijatuhkan ketika suci yang kedua, adalah merupakan perintah sunat saja. Supaya jangan kelihatan benar, bahawa rujuknya itu digunakan untuk perceraian sekali lagi. Dalam aturan, sudah boleh ia menjatuhkan talak sekali lagi dalam waktu suci yang pertama itu.

Dengan diperintahnya Ibnu Umar rujuk kembali oleh Rasulullah s.a.w. menandakan bahawa talaknya itu sah, tetapi ia tetap berdosa dan haram hukumnya.

Hikmatnya Rasulullah s.a.w. melarang menceraikan perempuan di waktu haid, ialah supaya perempuan itu jangan teraniaya kerana menambah lama idah mereka (sebagaimana akan datang keterangannya).

Tidaklah dihukumkan sunni atau bid'i, talak yang dijatuhkan kepada:

1. Perempuan yang belum dicampuri,
2. Perempuan yang belum haid kerana masih kecil,
3. Perempuan yang telah putus dari haid kerana telah tua (umur 62 tahun).
4. Perempuan yang sedang hamil sesudah dicampuri.

Dibolehkan menceraikan perempuan-perempuan yang empat macam itu, sebab seperti yang pertama sampai yang ketiga, perempuan itu tidak memakai idah yang hakiki dan seperti yang keempat, sebab idahnya hanya hingga lahir anaknya.

BAB IDAH

1. ERTI IDAH

Idah ertinya satu masa dan di dalam masa itu perempuan-perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya, baik cerai mati ataupun cerai hidup, harus menunggu untuk menyakinkan bahawa rahimnya telah berisi atau kosong dari kandungan. Sebab bila rahim perempuan itu telah berisi sel akan menjadi anak, maka dalam waktu beridah itu akan kelihatan tandanya. Itulah sebabnya diharuskan menunggu dalam masa yang ditentukan itu. Andaikata ia kahwin dalam masa beridah itu tentu akan bercampur di dalam rahimnya dua macam sel (mani), sel dari suami yang pertama dan sel dari suami yang kedua. Apabila anaknya lahir maka anak itu dinamakan anak syubhat, ertinya anak yang tidak tentu bapanya dan kahwinnya tidak sah.

Idah itu ada bermacam-macam menurut sebab musababnya:

2. IDAH TALAK

Ertinya idah kerana bercerai.

Perempuan-perempuan yang dalam idah talak itu ada empat macam:

1. Perempuan-perempuan yang telah dicampuri dan ia belum putus dari haid. Idah ialah tiga kali suci atau tiga kali haid. Dan dinamakan juga tiga kali quruk.

   Firman Allah s.w.t.:

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِاَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوْءٍ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ اَنْ يَّكْتُمْنَ مَا خَلَقَ اللّٰهُ فِىْ اَرْحَامِهِنَّ اِنْ كُنَّ يُؤْمِنَّ بِاللّٰهِ وَالْيَوْمِ الْاٰخِرِ ❋ سورة البقرة اية ٢٢٨

Dan perempuan-perempuan yang diceraikan itu hendaklah mereka menunggu dengan diri mereka selama tiga quruk, dan tidak boleh mereka menyembunyikan kandungannya, jika betul mereka percaya kepada Allah dan hari kiamat.

(Surah Al-Baqarah ayat 228).

2. Perempuan-perempuan yang dicampuri dan ia telah putus dari masa haid, kerana telah tua.

3. Perempuan-perempuan yang dicampuri, sedang ia belum pernah haid, kerana belum baligh (kecil), maka idah mereka tiga bulan.

Firman Allah s.w.t.:

وَاللَّائِيْ يَئِسْنَ مِنَ الْمَحِيْضِ مِنْ نِسَائِكُمْ اِنِ ارْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةُ اَشْهُرٍ وَاللَّائِيْ لَمْ يَحِضْنَ*

سورة الطلاق اية ٤

Dan perempuan-perempuan yang telah putus dari haid daripada perempuan-perempuanmu, apabila kamu ragu-ragu maka idah mereka ialah tiga bulan, dan begitu juga idah perempuan-perempuan yang belum pernah haid.

(Surah At-Talak ayat 4).

4. Perempuan-perempuan yang belum didukhul bererti tidaklah ada idah bagi mereka.

Firman Allah s.w.t.:

اِذَا نَكَحْتُمُ الْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ طَلَّقْتُمُوْهُنَّ مِنْ قَبْلِ اَنْ تَمَسُّوْهُنَّ فَمَا لَكُمْ عَلَيْهِنَّ مِنْ عِدَّةٍ تَعْتَدُّوْنَهَا*

سورة الأحزاب اية ٤٩

Apabila kamu menikahi wanita-wanita mukmin kemudian kamu ceraikan mereka, sebelum kamu menyentuh mereka (mendukhul), maka tidaklah perlu bagimu menunggu idah mereka yang akan kamu hitung.

(Surah Al-Ahzab ayat 49).

3. IDAH HAMIL

Iaitu apabila perempuan-perempuan yang diceraikan itu sedang hamil, idah mereka ialah sampai melahirkan anak.

Firman Allah s.w.t.:

وَاُولَاتُ الْاَحْمَالِ اَجَلُهُنَّ اَنْ يَّضَعْنَ حَمْلَهُنَّ وَمَنْ يَّتَّقِ اللّٰهَ يَجْعَلْ لَهُ مِنْ اَمْرِهِ يُسْرًا*

سورة الطلاق اية ٤

Dan perempuan-perempuan hamil itu, idah mereka sampai mereka melahirkan kandungannya. Dan sesiapa yang takut kepada Allah, dijadikan Tuhan baginya segala urusannya jadi mudah.

(Surah At-Talak ayat 4).

Baik perceraian itu perceraian hidup ataupun perceraian mati.

Keterangan:

عَنِ الْمِسْوَرِ بْنِ مَخْرَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ سُبَيْعَةَ الْأَسْلَمِيَّةَ نَفَسَتْ بَعْدَ وَفَاةِ زَوْجِهَا بِلَيَالٍ فَجَاءَتْ اِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَاسْتَأْذَنَتْهُ اَنْ تَنْكِحَ فَاَذِنَ لَهَا فَنَكَحَتْ. رواه البخارى

Dari Miswar bin Makhzamah r.a. bahawa Subai'ah Al-Aslamiah, pernah melahirkan anak sesudah suaminya meninggal dalam beberapa malam berselang. Lantas ia datang kepada Nabi s.a.w. minta izin untuk kahwin, lalu diizinkan oleh Rasulullah s.a.w. maka ia pun kahwinlah.

(Riwayat Bukhari).

4. IDAH WAFAT

Ertinya seorang perempuan yang kematian suami. Idahnya ialah empat bulan sepuluh hari.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِيْنَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُوْنَ اَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ اَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَّعَشْرًا*

سورة البقرة اية ٢٣٤

Dan orang-orang yang diwafatkan dari golonganmu, sedangkan mereka meninggalkan isteri, hendaklah mereka menahan diri selama empat bulan sepuluh hari.

(Surah Al-Baqarah ayat 234).

Kecuali bila perempuan itu hamil idahnya ialah bila anaknya telah lahir.

5. IDAH WANITA YANG KEHILANGAN SUAMI

Bila ada seseorang perempuan yang kehilangan suami dan tidak diketahui di mana suaminya itu berada, apakah suaminya telah mati atau masih hidup, maka wajiblah ia menunggu empat tahun lamanya. Sesudah itu hendaklah ia beridah pula empat bulan sepuluh ari.

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَيُّمَا امْرَأَةٍ فَقَدَتْ زَوْجَهَا لَمْ تَدْرِ أَيْنَ هُوَ فَإِنَّهَا تَنْتَظِرُ أَرْبَعَ سَنَوَاتٍ ثُمَّ تَعْتَدُّ اَرْبَعَةَ اَشْهُرٍ وَعَشْرًا ثُمَّ تَحِلُّ. رواه مالك

Dari Umar r.a. ia berkata: "Mana-mana saja perempuan yang kehilangan suaminya dan ia tidak mengetahui di mana dia, sesungguhnya perempuan itu wajib menunggu empat tahun, kemudian hendaklah ia beridah empat bulan sepuluh hari, barulah ia boleh kahwin."

(Riwayat Malik).

Sehubungan dengan kitab ini Subulussalam mengisahkan peristiwa seorang isteri yang kehilangan suami. Dalam kisah itu dinyatakan, suaminya hilang disembunyikan jin selama empat tahun. Setelah si isteri mengetahui suaminya itu hilang, ia pergi menghadap Umar bin Khattab. Sejak ia mengadukan halnya itu, Umar menyuruh dia menunggu selama empat tahun.

Setelah berlalu masanya menunggu, Umar memanggil wali si suami dan disuruhnya menceraikan isteri itu, sebagai ganti (wakil) dari suaminya. Kepada perempuan itu Umar memerintahkan agar menunggu (beridah) selama empat bulan sepuluh hari.

Berdasarkan kisah ini dapat diambil kesimpulan, bahawa menurut fatwa Umar bin Khattab, perempuan-perempuan yang kehilangan suaminya harus menunggu selama empat tahun dan beridah empat bulan sepuluh hari, terhitung dari ia mengajukan pengaduan kepada hakim.

Tetapi menurut pendapat Imam Yahya, persoalan menunggu itu sebenarnya tidak ada alasan, kecuali jika suami yang hilang itu ada meninggalkan apa-apa yang menjadi kewajipannya buat isterinya. Hal ini bererti bahawa suami itu dianggap seperti ada juga di samping isterinya. Kerana tidak ada hak isteri yang tidak dibayarkan selain dari bersetubuh. Dan bersetubuh ini (menurut Imam Yahya) adalah hak suami, bukan hak isteri. Jika ini adalah hak isteri

tentu hakim dapat memfasahkan bila isteri meminta walaupun suaminya itu tidak hilang. Kerana Allah berfirman:

"وَلَا تُمْسِكُوْهُنَّ ضِرَارًا" Janganlah kamu rujuki mereka buat kemelaratan.

(Surah Al-Baqarah ayat 231).

Hadis juga telah menyatakan: "ضَرَارَ وَلَا ضِرَارَ" : Tidak boleh rosak merosakkan dalam Islam. Sebab hakim diangkat adalah untuk menolak kemelaratan, seperti dalam perkara Ila', Zihar, dan lain-lain. Dengan sendirinya dalam hal seperti ini tentu hakim akan memfasahkan, sebab inilah yang lebih menghilangkan kemelaratan. Kerana fasah disyaratkan ialah sebab adanya cacat (aib) dan sebagainya.

Menurut pengarang selanjutnya, bahawa ini adalah pendapat yang sebaik-baiknya.

(Demikian Subulussalam).

Kalau suami itu hilang dalam pertempuran dan belum diketahui, apakah ia masih hidup atau sudah tewas, wajiblah atas isteri menunggu setahun.

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: اِذَا فُقِدَ فِى الصَّفِّ فِى الْقِتَالِ تَتَرَبَّصُ اِمْرَأَتُهُ سَنَةً.

رواه البخارى

Dari Said Bin Musayyab r.a. berkata: "Apabila seseorang hilang dalam barisan pertempuran hendaklah isterinya menunggu setahun lamanya."

(Riwayat Bukhari).

Kalau suami itu hilang dalam tawanan dan tidak diketahui tempatnya, dihukumkanlah ia sebagai suami yang hilang tidak tentu tempatnya.

قَالَ الزُّهْرِى فِى الْأَسِيْرِ يُعْلَمُ مَكَانُهُ: لَا تَتَزَوَّجُ اِمْرَأَتُهُ وَلَا يُقْسَمُ مَالُهُ فَإِذَا انْقَطَعَ خَبَرُهُ فَسُنَّتُهُ سُنَّةُ الْمَفْقُوْدِ.

رواه البخارى

Berkata Zuhri, dalam perkara tawanan yang diketahui tempatnya: "Isterinya itu tidak boleh kahwin, dan hartanya itu belum boleh dibahagi-bahagi, bila telah putus khabar beritanya maka aturannya ialah aturan suaminya yang hilang."

(Riwayat Bukhari).

Sebelum idah sampai, haram hukumnya bagi perempuan kahwin.

Firman Allah s.w.t.:

وَلاَ تَعْزِمُوْا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ اَجَلَهُ وَاعْلَمُوْا اَنَّ اللهَ يَعْلَمُ مَا فِيْ اَنْفُسِكُمْ فَاحْذَرُوْهُ* سورة البقرة اية ٢٣٥

Dan janganlah kamu bercita-cita akan kahwin, hingga sampai bilangan idahmu terlebih dahulu. Dan ketahuilah bahawa Allah mengetahui segala yang ada dalam diri kamu, maka takutlah kamu kepada-Nya.

(Surah Al-Baqarah ayat 235).

6. Al-AHDAD

Al-Ahdad, ertinya membatasi diri. Yang dimaksudkan di sini ialah larangan memakai perhiasan yang bagus-bagus dan berbau harum. Apabila seorang isteri kematian suami ia wajib melakukan ahdad selama waktu ia beridah wafat. Dan selama tiga hari kalau yang meninggal itu anaknya, ibu dan lain-lain keluarga yang karib, dan empat bulan kalau yang meninggal itu suaminya.

Keterangan:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كُنَّا نُنْهَى اَنْ نُحِدَّ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ ثَلاَثٍ إِلاَّ عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةَ اَشْهُرٍ وَعَشْرًا وَلاَ نَكْتَحِلَ وَلاَ نَتَطَيَّبَ وَلاَ نَلْبَسَ ثَوْبًا مَصْبُوْغًا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ummu Athiyah r.a. ia berkata: "Adalah kami dilarang memakai perhiasan di waktu kematian lebih dari tiga hari, melainkan di waktu kematian suami iaitu empat bulan sepuluh hari, serta

kami tidak boleh bercelak dan tidak boleh pula berharum-harum dan tidak boleh memakai kain yang berwarna."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Hikmah Ahdad

Hikmah Ahdad diwajibkan kepada perempuan ialah untuk menyatakan kerusuhan kerana kehilangan suami yang jadi pembelanya, yang memberi belanja, kain-baju, tempat tinggal dan sebagainya. Oleh sebab itu wajiblah ia menyatakan kesedihan atas hilangnya nikmat yang besar itu. Di zaman jahiliah soal ahdad itu sangat diperkuat sekali aturannya. Siapa saja yang kematian suami, ia diharuskan memakai pakaian hitam untuk menyatakan kesedihan selama satu tahun penuh.

Mereka tidak boleh memakai pakaian yang berwarna lain dari yang hitam. Tidak boleh memakai harum-haruman dan tidak boleh pula berkawan-kawan, melainkan harus tinggal seorang diri. Pendek kata, sedikit pun tidak boleh perempuan-perempuan itu memperlihatkan kegembiraan selama setahun itu. Oleh kerana perbuatan itu sangat berlebih-lebihan maka datanglah syariat Islam mengaturnya, iaitu tidak boleh lebih dari empat bulan sepuluh hari.

Setelah lewat empat bulan sepuluh hari, bolehlah perempuan-perempuan itu memakai pakaian apa saja yang mereka sukai asal jangan melanggar aturan Islam.

Firman Allah s.w.t.:

فَاِذَا بَلَغْنَ اَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيْمَا فَعَلْنَ فِى اَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوْفِ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ*

سورة البقرة اية ٢٣٤

Maka apabila idah mereka telah sampai, maka tidaklah berdosa kamu melakukan sesuatu atas diri mereka (membiarkan berhias), menurut yang patut dan Allah selalu memperhatikan segala yang kamu kerjakan.

(Surah Al-Baqarah ayat 234).

BAB RUJUK

1. ERTI RUJUK

Rujuk, ertinya kembali. Menurut istilah syarak seorang suami kembali kepada isterinya dengan ikatan perkahwinan dalam masa beridah, iaitu sesudah talak yang tidak *ba'in.*

Firman Allah s.w.t.:

وَبُعُوْلَتُهُنَّ اَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِى ذٰلِكَ اِنْ اَرَادُوْا اِصْلَاحًا*

سورة البقرة اية ٢٢٨

Dan suami mereka lebih berhak merujuki mereka dalam waktu beridah itu, jika mereka hendak berdamai kembali.

(Surah Al-Baqarah ayat 228).

Bila seseorang telah menceraikan isterinya maka dibolehkan, malah supaya ia rujuk kembali dengan syarat bila mereka betul-betul hendak berbaik kembali (ishlah). Dengan erti bahawa mereka benar-benar sama-sama saling mengerti dan penuh rasa tanggungjawab antara satu dengan lainnya.

Tetapi jika si suami mempergunakan kesempatan rujuk itu bukan untuk berbuat ishlah, malah sebaliknya untuk menganiaya dengan tidak memberi nafkah atau semata-mata untuk menahan isteri agar jangan kahwin dengan orang lain dan sebagainya, maka tidaklah berhak ia merujuki isterinya itu, malah haram hukumnya. Inilah yang dimaksud oleh ayat di atas.

Di samping itu dapat pula difahami bahawa ayat itu terutama sekali ditujukan kepada suami, bukan kepada isteri. Jadi rujuk ini adalah merupakan hak suami. Bila ia benar bermaksud baik, boleh ia mempergunakan haknya itu dan sah hukumnya. Suka atau tidak sukanya si isteri tidak jadi halangan untuk sahnya rujuk. Yang wajib bagi isteri adalah taat dan patuh terhadap suaminya. Bila ia tidak dapat berlaku demikian, bolehlah suami mengambil tindakan menurut aturan-aturan yang telah ditentukan oleh agama.

2. RUJUK HANYA DAPAT DILAKUKAN DALAM TALAK YANG RAJ'I

Harus diingat bahawa rujuk ini boleh dilakukan dalam talak yang masih raj'i.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا لَمَّا سَأَلَهُ سَائِلٌ قَالَ: اَمَّا اَنْتَ طَلَّقْتَ اِمْرَأَتَكَ مَرَّةً اَوْ مَرَّتَيْنِ فَاِنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اَمَرَنِى اَنْ اُرَاجِعَهَا. رواه مسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ketika ditanya oleh seseorang ia berkata: "Adapun engkau yang telah menceraikan (isteri) sekali atau dua kali maka sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah menyuruh merujuki kembali."

(Riwayat Muslim).

Oleh kerana besarnya hikmat yang terkandung dalam mengikatkan tali perkahwinan itu maka bila seseorang telah menceraikan isterinya, ia disuruh oleh Allah s.w.t. supaya rujuk kembali.

Firman Allah s.w.t.:

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَآءَ فَبَلَغْنَ اَجَلَهُنَّ فَاَمْسِكُوْهُنَّ بِمَعْرُوْفٍ اَوْ سَرِّحُوْهُنَّ بِمَعْرُوْفٍ* سورة البقرة اية ٢٣١

Dan bila kamu telah menceraikan isterimu, sebelum idahnya sampai maka tahanlah (rujukilah) mereka kembali menurut yang sebaik-baiknya atau biarkanlah mereka menurut yang sebaik-baiknya.

(Surah Al-Baqarah ayat 231).

Maksudnya, rujuklah mereka di hadapan saksi-saksi, agar rujuk itu dapat diketahui orang. Kalau tidak akan dirujuki biarkanlah dia dan janganlah dicela serta dicaci maki di balik belakang.

3. RUKUN RUJUK

Pertama: Suami atau wakilnya,
Kedua: Isteri itu sudah pernah dicampuri,
Ketiga: Mengucapkan kata rujuk iaitu: "Aku rujuki engkau pada hari ini," atau: "Telah kurujuki isteriku yang bernama si..... pada hari ini," dan sebagainya.
Keempat: Rujuk itu dilakukan dalam talak raj'i.

Sebagaimana keterangan di atas, bahawa tidak disyaratkan direlai perempuan kerana rujuk itu adalah hak si suami, sama keadaannya dengan talak adalah hak suami pula.

Berkata pengarang Subulussalam: "Sesungguhnya telah ijmak ulama, bahawa suami memiliki hak rujuk terhadap isterinya selama dalam talak raj'i dan selama masa idah, dengan tidak memandang suka atau tidak sukanya si isteri. Begitu juga tidak dipandang rela atau tidak rela walinya. Tetapi harus pula diingat bahawa talak yang telah dijatuhkan suami itu ialah talak sesudah si isteri dicampurinya. Hukum sahnya seperti ini ialah mujmak alaih (kesepakatan Jumhur Ulama).

Bila talak tidak boleh dimain-mainkan, maka rujuk tidak boleh pula dimain-mainkan, sebagaimana keterangan yang lalu dalam perkara talak.

4. WAJIB MENGADAKAN SAKSI

Untuk menghindarkan supaya jangan terjadi pertengkaran, diwajibkan mengadakan saksi sekurang-kurangnya dua orang laki-laki yang adil atau laki-laki yang dapat dipercayai. Berkata Tafsir Khazin: Menurut Syafii wajib hukumnya mengadakan saksi waktu rujuk dan sunat waktu perceraian.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَيْ عَدْلٍ مِّنْكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ*

سورة الطلاق اية ٢

Apabila telah sampai idah mereka, rujukilah mereka menurut yang sebaik-baiknya atau biarkanlah mereka menurut yang sebaik-baiknya, dan hendaklah kamu adakan dua orang saksi yang adil dari golonganmu dan adakan saksi itu kerana Allah semata-mata.

(Surah At-Talak ayat 2).

Telah ijmak para ulama, bahawa suami memiliki rujuk terhadap isterinya dalam talak raj'i selama dalam idah tanpa dipandang rela atau tidak rela isteri atau walinya.

Bila si suami telah merujuki isterinya secara sembunyi wajib atas suami memberitahunya, supaya isterinya itu jangan dikahwini orang lain.

Bila terjadi pertengkaran tentang berlalu atau sebelumnya masa idah bagi perempuan, maka yang dibenarkan ialah pengakuan perempuan itu sendiri.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلطَّلَاقُ بِالرِّجَالِ وَالْعِدَّةُ بِالنِّسَاءِ.

رواه الدار قطني والبيهقي ـ حديث مرفوع

Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Talak itu adalah hak laki-laki, dan idah itu di pihak perempuan."

(Riwayat Daruqutni dan Baihaqi).

Jelasnya, sebabnya perempuan yang dibenarkan dalam soal idah ini, kerana dialah yang lebih mengetahui. Sebaliknya laki-laki yang dibenarkan dalam soal talak, kerana talak itu adalah haknya.

BAB KHULUK

1. ERTI KHULUK

Khuluk ertinya tanggal. Menurut istilah syarak, ertinya perceraian yang diminta oleh isteri kepada suaminya dengan memberikan wang atau lain-lain. Khuluk ini dinamakan juga talak yang dibeli oleh si isteri dari suami, kerana ada beberapa hal yang tidak menyenangkan isteri terhadap suaminya.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ اَنْ تَأْخُذُوْا مِمَّا اٰتَيْتُمُوْهُنَّ شَيْئًا اِلَّا اَنْ يَخَافَا اَلَّا يُقِيْمَا حُدُوْدَ اللهِ فَاِنْ خِفْتُمْ اَلَّا يُقِيْمَا حُدُوْدَ اللهِ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيْمَا افْتَدَتْ بِهٖ تِلْكَ حُدُوْدُ اللهِ فَلَا تَعْتَدُوْهَا*

سورة البقرة اية ٢٢٩

Dan tidaklah halal bagimu mengambil sesuatu, dari barang yang telah kamu berikan kepada isterimu. Kecuali apabila keduanya khuatir, bahawa mereka tidak dapat melakukan peraturan Allah. Maka apabila kamu khuatir bahawa keduanya takkan dapat melakukan aturan Allah, maka tidaklah berdosa keduanya pada barang yang digunakan oleh isteri penebus dirinya untuk perceraian. Itulah aturan Allah, maka janganlah kamu lampaui aturan itu.

(Surah Al-Baqarah ayat 229).

Maksud ayat, bahawa si suami tidak dihalalkan mengambil barang-barang yang telah diberikannya kepada isterinya, baik yang berupa maskahwin mahupun yang lain-lain.

2. SEBAB-SEBAB TERJADI KHULUK

Jika kedua-dua sama-sama khuatir kerana keadaan mereka mungkin tidak dapat melakukan aturan Allah, maka dibolehkan khuluk. Si isteri khuatir, bahawa ia mungkin membuat kederhakaan kerana perbuatan suaminya, umpamanya tidak mahu disuruh sembahyang atau suaminya itu tidak mahu dilarangnya bermain judi atau suaminya itu suka menampar dan memukul kerana urusan yang kecil saja. Sebaliknya suami pun khuatir pula kalau isterinya tidak mahu mengikuti perintahnya, mungkin ia berbuat sesuatu yang tidak diharapkan terhadap isterinya itu. Umpamanya menampar, memukul, melukai dan sebagainya. Ketika itu tidak dosa atas keduanya, apabila yang seorang menebus dan yang lain menerima. Si isteri tidak berdosa untuk membeli talak suaminya dan suami pun tidak pula berdosa menerima tebusan, kalau ia menjatuhkan talak.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ امْرَأَةَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ اَتَتِ النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ مَا اَعْتُبُ عَلَيْهِ فِى خُلُقٍ وَلاَ دِيْنٍ وَلٰكِنِّى اَكْرَهُ الْكُفْرَ فِى الْاِسْلاَمِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَتَرُدِّيْنَ عَلَيْهِ حَدِيْقَتَهُ قَالَتْ: نَعَمْ قَالَ: اَقْبِلِ الْحَدِيْقَةَ وَطَلِّقْهَا تَطْلِيْقَةً. رواه البخارى والنسائى

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya perempuan Sabit bin Qais, pernah datang kepada Nabi s.a.w. lalu ia berkata: "Ya Rasulullah, aku tidak benci kepadanya kerana kelakuannya dan tidak pula dalam soal agama, akan tetapi aku benci sekali kepada kafir dalam Islam." Maka Rasulullah s.a.w. bertanya: "Mahukah engkau mengembalikan taman bunganya (maskahwin) kepadanya?" ia menjawab: "Mahu!" Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Terimalah (hai Sabit) taman bunga itu, dan ceraikanlah dia sekali."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam tafsir hadis ini dinyatakan, bahawa Sabit suka memakai sifat kekafiran sedang isterinya baru masuk Islam lalu diadukannya kepada Rasulullah, supaya diceraikan oleh Sabit. Nama isterinya itu ialah Jamilah binti Abu Salul.

Keterangan lain menyatakan pula bahawa Sabit pernah memukul isterinya yang bernama Habibah binti Sahal, hingga luka-luka sebahagian tubuhnya. Lalu Habibah datang mengadu kepada Rasulullah s.a.w. supaya ia diceraikan oleh Sabit.

Khuluk ini boleh dilakukan kalau ada sesuatu sebab syar'i, umpamanya contoh-contoh yang tersebut di atas.

3. DILARANG KERAS WANITA MINTA CERAI, KALAU TIDAK ADA UZUR SYAR'I

Dan haram hukumnya melakukan khuluk kalau tidak ada sebab syar'i,

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ ثَوْبَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اَيُّمَا امْرَأَةٍ سَأَلَتْ زَوْجَهَا طَلَاقًا مِنْ غَيْرِ بَأْسٍ فَحَرَامٌ عَلَيْهَا رَائِحَةُ الْجَنَّةِ.

رواه ابو داود بسند حسن

Dari Sauban r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Mana-mana perempuan yang meminta cerai kepada suaminya, tidak kerana apa-apa (tidak kerana uzur syar'i) maka haram atasnya bau syurga."

(Riwayat Abu Daud).

Disyaratkan sah khuluk dengan melakukan akad (ijab kabul). Iaitu dalam lafaz khuluk itu disebutkan, umpamanya: "Aku khuluk

engkau dengan wang $100," kata si suami. Atau boleh juga: "Aku ceraikan engkau dengan wang sebanyak $100, lalu dijawab oleh si isteri: "Aku terima perceraian ini dengan wang $100." Sedapat-dapatnya khuluk itu diucapkan di hadapan kadi nikah atau di hadapan saksi-saksi.

Bila si suami menyebutkan banyak wang penebus itu, wajiblah bagi isteri memberikan sebanyak itu. Sebelum suami menerima tebusan, ia boleh rujuk kembali wang penebus, maka yang wajib bagi isteri hanya mengembalikan sebanyak maskahwin yang diterimanya dahulu.

(Demikian kitab I'anah At-Talibin).

Idah khuluk itu ialah satu kali haid.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ امْرَأَةَ ثَابِتِ بْنِ قَيْسٍ اِخْتَلَعَتْ مِنْهُ فَجَعَلَ النَّبِيُّ ﷺ عِدَّتَهَا حَيْضَةً.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa seorang isteri Sabit bin Qais telah mengkhuluknya, lalu Nabi s.a.w. menjadikan idahnya satu kali haid."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

4. CERAI KHULUK TIDAK BOLEH RUJUK

Bila si suami telah melafazkan khuluk, dan ia telah menerima tebusan dari isterinya, maka tidak boleh dia rujuk kembali, sebab perceraiannya sudah bain (putus). Akan tetapi haruslah dengan perkahwinan yang baru.

Menurut Khitabi khuluk itu adalah fasah (akan datang keterangannya) bukan talak, dengan alasan:

1. Jika ia talak, tentu berkehendak kepada syarat-syarat talak, yakni bahawa perceraian itu datang dari pihak suami dengan tidak memandang rela atau tidaknya isteri dan jatuhnya mestilah dalam keadaan suci sebelum dicampuri. Sedang khuluk boleh sembarang waktu.
2. Idahnya hanya satu kali haid, sedang idah talak, tiga kali.
3. Bila khuluk ini disebut juga talak tentu ada talak empat kali.

Pendapat ini sesuai dengan mazhab Syafii yang mengatakan bahawa khuluk itu adalah fasah, bukan talak.

Tetapi Jumhur ulama berpendapat bahawa idah khuluk tetap tiga kali suci, sebab khuluk itu adalah bahagian talak juga. Hanya bezanya, talak biasa tidak ditebus, sedang biasanya talak tidak dengan tebusan, sedang khuluk dengan tebusan. Bila masuk bahagian talak (talak bain) maka ia mengurangkan bilangan talak. Ertinya talak dengan khuluk ini tidaklah berbilang seperti talak biasa.

BAB FASAH

1. ERTI FASAH DAN SEBAB BOLEH FASAH

Memfasahkan nikah ertinya, memutuskan akad nikah. Bila salah seorang antara suami isteri ada cacat pada badannya, sebagaimana akan datang keterangannya, maka salah seorang dari keduanya boleh memilih, akan bercerai atau akan meneruskan pernikahan itu.

Pertama: Kerana ada balar (penyakit belang kulit).

عَنْ كَعْبِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ تَزَوَّجَ امْرَأَةً مِنْ بَنِى غِفَّارٍ فَلَمَّا دَخَلَ عَلَيْهَا فَوَضَعَ ثَوْبَهُ وَقَعَدَ عَلَى الْفِرَاشِ أَبْصَرَ بِكَشْحِهَا بَيَاضًا فَانْحَازَ عَنِ الْفِرَاشِ ثُمَّ قَالَ: خُذِي عَلَيْكِ ثِيَابَكِ وَلَمْ يَأْخُذْ مِمَّا اَتَاهَا شَيْئًا.

رواه أحمد والبيهقى

Dari Kaab bin Zaid r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah mengahwini seorang perempuan Bani Ghafar maka tatkala ia akan dukhul (bersetubuh) dan perempuan itu telah meletakkan kainnya, dan ia duduk di atas katil, kelihatanlah oleh beliau putih (balar) di pinggangnya, lalu beliau berpaling (lari dari katil itu) kemudian berkata: "Ambillah kain engkau, tutupilah badan engkau. Dan tidak beliau ambil kembali barang yang beliau berikan kepada perempuan itu."

(Riwayat Ahmad dan Baihaqi).

Menurut keterangan hadis di atas dhaif. Dalam hal ini berkata pengarang kitab Subulussalam: Mengenai hal-hal yang memboleh-kan berpalingnya seseorang (suami atau isteri) dalam perkahwinan, timbul perbezaan pendapat di kalangan ulama.

Ibnu Qayim berpendapat bahawa tiap-tiap aib yang menyebabkan berpalingnya suami atau isteri dari yang lain, dan cinta mesra dalam perkahwinan tidak dapat dicapai, semuanya ini menyebabkan boleh khiyar (akan memilih dan meneruskan perkahwinan itu atau tidak). Dan inilah khiyar yang lebih utama daripada khiyar dalam jual beli. Sebagaimana halnya dengan syarat-syarat yang disebutkan dalam perkahwinan adalah lebih utama disempurnakan daripada syarat-syarat yang disebutkan dalam jual beli.

Kedua: Kerana gila.
Ketiga: Kerana canggu (penyakit kusta).

Keterangan:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَيُّمَا رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً وَبِهَا جُنُوْنٌ أَوْ جُذَامٌ أَوْ بَرَصٌ فَمَسَّهَا فَلَهَا صَدَاقُهَا كَامِلاً وَذٰلِكَ لِزَوْجِهَا غُرْمٌ عَلَى وَلِيِّهَا. رواه مالك والشافعي

Dari Umar r.a. ia berkata: "Bila mana seorang laki-laki mengahwini seorang perempuan, dan pada si perempuan itu ada tanda-tanda gila, atau ada kusta, atau balar, lalu disentuhnya perempuan itu, maka hak baginya maskahwinnya dengan sempurna. Dan yang demikian itu hak bagi suaminya hutang atas walinya."

(Riwayat Malik dan Syafii).

Keempat: Kerana ada penyakit berjangkit padanya, umpama siplis, T.B.C. dan lain-lain.

Keterangan:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَيُّمَا رَجُلٍ تَزَوَّجَ بِامْرَأَةٍ وَبِهِ جُنُوْنٌ أَوْ ضَرَرٌ فَإِنَّهَا تُخَيَّرُ فَإِنْ شَاءَتْ قَرَّتْ وَإِنْ شَاءَتْ فَارَقَتْ. رواه مالك

Dari Said bin Musayyab r.a. ia berkata: "Mana-mana laki-laki yang kahwin dengan seorang perempuan, dan pada laki-laki itu ada tanda-tanda gila, atau ada tanda-tanda yang dapat membahayakan, sesungguhnya perempuan itu boleh memilih. Jika dikehendakinya ditetapkannyalah perkahwinan itu, dan jika dikehendakinya boleh ia bercerai."

(Riwayat Malik).

Ertinya, boleh difasahkan dengan jalan datang kepada wali hakim atau kadi nikah.

Kelima: Kerana ada daging tumbuh pada kemaluan perempuan menghambat maksud perkahwinan (jima').

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَيُّمَا رَجُلٍ تَزَوَّجَ امْرَأَةً فَدَخَلَ بِهَا فَوَجَدَهَا بَرْصَاءَ أَوْ مَجْذُوْمَةً فَلَهَا الصَّدَاقُ بِمَسِيْسِ إِيَّاهَا وَهُوَ لَهُ عَلَى مَنْ غَرَّهُ مِنْهَا أَوْ بِهَا قَرْنٌ فَزَوْجُهَا بِالْخِيَارِ فَإِنْ مَسَّهَا فَلَهَا الْمَهْرُ بِمَا اسْتَحَلَّ مِنْ فَرْجِهَا.

رواه سعيد بن منصور

Dari Ali r.a. ia berkata: "Mana-mana lelaki yang mengahwini perempuan lalu ia dukhul dengan perempuan itu, didapatinya perempuan itu kena balar atau gila atau penyakit kusta, maka hak baginya maskahwinnya dengan sebab menyentuh (mencampuri) perempuan, dan maskahwin itu hak bagi suami (supaya dikembalikan) dan hutang di atas orang yang telah menipunya, dari perempuan itu. Dan kalau didapati ada daging tumbuh (difarajnya hingga menghalangi jima') suami itu boleh khiyar. Apabila ia telah menyentuhnya, maka hak baginya maskahwin sebab barang yang telah dilakukannya dengan farajnya."

(Riwayat Said bin Mansur).

Keenam: Unnah, ertinya mati zakar (tidak hidup untuk jima') kerana tidak dapat mencapai apa yang dimaksudkan dengan nikah.

Keterangan:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَضَى عُمَرُ أَنَّ

الْعِنِّيْنَ يُؤَجَّلُ سنَةً. رواه سعيد بن منصور

Dari Said bin Musayyab r.a. ia berkata: "Telah memutuskan Umar bin Khattab, bahawasanya laki-laki yang Unnah di beri tempoh satu tahun."

(Riwayat Said bin Mansur).

Guna diberi tempoh satu tanun, supaya jelas apakah betul ia Unnah atau tidak atau mungkin sembuh. Dikiaskan juga dengan aib yang enam macam ini, aib-aib yang lain yang dapat menghalangi maksud perkahwinan, biar dari pihak laki-laki mahupun dari pihak perempuan.

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تُمْسِكُوْهُنَّ ضِرَارًا لِّتَعْتَدُوْا وَمَنْ يَفْعَلْ ذٰلِكَ فَقَدْ ظَلَمَ نَفْسَهُ ✻ سورة البقرة اية ٢٣١

Dan janganlah kamu rujuki mereka (isteri) untuk memberi kesusahan, kerana kamu hendak membuat aniaya, dan sesiapa yang berbuat demikian, maka sesungguhnya ia telah aniaya akan dirinya.

(Surah Al-Baqarah ayat 213).

Fasah, ertinya merosakkan akad nikah, bukan menanggalkan. Pada hakikatnya fasah ini lebih keras daripada khuluk dan tidak ubahnya seperti melakukan khuluk pula. Ertinya dilakukan oleh pihak perempuan disebabkan oleh beberapa hal. Perbezaannya ialah khuluk diucapkan oleh kadi nikah setelah si isteri mengadu kepadanya, dengan memulangkan maharnya kembali.

Fasah itu boleh dilakukan apabila ada sebab syar'i yang mungkin merugikan pihak perempuan, di antaranya:

Ketujuh: Perkahwinan yang dilakukan oleh wali dengan laki-laki yang bukan jodohnya, umpamanya hamba dengan merdeka, atau penzina dengan orang yang masih terpelihara dan sebagainya. (Lihat tentang perjodohan).

Kelapan: Si suami tidak mahu memulangi isterinya, dan belanja tidak pula dikirimnya sedang isterinya itu tidak rela.

2. FASAH YANG DISEBABKAN TIDAK DIBERI BELANJA (NAFKAH)

1. Si suami miskin, setelah jelas kemiskinannya oleh beberapa orang saksi yang dapat dipercayai, sehingga ia tidak sanggup lagi memberi nafkah. Baik pakaian yang sederhana, tempat ataupun kerana maskahwinnya belum dibayarkannya sebelum campur.
2. Suami tidak mahu memberi nafkah, bukan kerana miskinnya, sedangkan hakim telah pun memaksa dia untuk itu.

Keterangan:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ كَتَبَ إِلَى أُمَرَاءِ الْأَجْنَادِ فِى رِجَالٍ غَابُوْا عَنْ نِسَائِهِمْ اَنْ يَأْخُذُوْهُمْ بِأَنْ يُنْفِقُوْا أَوْ يُطَلِّقُوْا فَإِنْ طَلَّقُوْا بَعَثُوْا بِنَفْقَةِ مَا حَبَسُوْا.

رواه الشافعى والبيهقى

Dari Umar r.a. bahawa ia pernah berkirim surat kepada pembesar-pembesar tentera, tentang laki-laki yang telah jauh dari isteri-isteri mereka, supaya pemimpin-pemimpin itu menangkap mereka, agar mereka mengirim nafkah atau menceraikan isterinya. Maka bila mereka telah menceraikannya, hendaklah mereka kirim semua nafkah yang telah mereka tahan.

(Riwayat Syafii dan Baihaqi).

Dalam hal ini hendaklah diadukan lebih dahulu kepada yang berwajib, umpamanya kadi nikah, supaya yang berwajib dapat menyelesaikan sebagaimana mestinya, seperti yang ternyata dalam surat Umar di atas.

3. Setelah hakim memberi janji kepadanya sekurang-kurangnya tiga hari, mulai dari hari isteri itu mengadu.

Bila masa perjanjian itu telah sampai sedang si suami tidak juga kunjung dapat menyelesaikannya, barulah hakim memfasahkan nikahnya itu. Atau dia sendiri yang memfasahkan di hadapan hakim, setelah diizinkan oleh hakim.

Sabda Rasullah s.a.w.:

عَنْ اَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى

الرَّجُلِ لاَ يَجِدُ مَا يُنْفِقُ عَلى اِمْرَأَتِهِ يُفَرَّقُ بَيْنَهُمَا.

رواه الدار القطنى والبيهقى

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. tentang laki-laki yang tidak memperoleh apa yang akan dinafkahkannya kepada isterinya: Bolehlah keduanya bercerai.

(Riwayat Daruqutni dan Baihaqi).

3. PENDAPAT ULAMA MENGENAI MASA PERLAKSANAAN FASAH

Berkata Syafii: "Harus ditunggu selama tiga hari."
Berkata Malik: "Harus ditunggu selama satu bulan."
Berkata Hambali: "Harus ditunggu selama satu tahun."

Ertinya selama masa itu laki-laki boleh mengambil keputusan akan bercerai atau memberi nafkah, bila isteri tidak rela lagi.

Kalau si isteri suka menunggu dan ia rela dengan ada belanja dari suaminya, maka tidaklah perlu difasahkan. Sebab nafkah itu adalah haknya.

Bunyi lafaz fasah itu ialah:

"Aku fasahkan nikah engkau dari suami engkau yang bernama... bin.. pada hari ini."

Kalau isteri sendiri yang memfasahkan di hadapan hakim ia berkata: "Aku fasahkan nikahku dari suamiku yang bernama..... bin.... pada hari ini." Setelah fasah itu dilakukan maka perceraian itu adalah perceraian bain. Kalau suami hendak kembali kepadanya, mestilah dengan perkahwinan yang baru. Idahnya adalah sebagai idah perceraian biasa.

Jenis-jenis perceraian bain:

1. Talak yang dijatuhkan tiga kali
2. Talak yang dijatuhkan kerana khuluk
3. Fasah yang disebabkan oleh aib syar'i
4. Talak yang dijatuhkan kepada perempuan yang belum dicampuri, sebab belum ada persangkutan batin antara suami isteri.

BAB ILA'

1. ERTI ILA'

Ila' ertinya bersumpah. Menurut istilah syarak, ialah terlarangnya suami bersetubuh dengan isterinya akibat kerana sumpahnya sendiri yang dinyatakannya bahawa tidak akan bersetubuh.

Di zaman jahiliah ila' itu dilakukan orang sampai satu atau dua tahun. Kemudian dibolehkan oleh Tuhan paling lama sampai empat bulan saja.

Firman Allah s.w.t.:

لِلَّذِيْنَ يُؤْلُوْنَ مِنْ نِسَآئِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ اَشْهُرٍ فَإِنْ فَآءُوْ فَإِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَّحِيْمٌ* سورة البقرة اية ٢٢٦

Bagi orang-orang yang mengila' (bersumpah tidak akan bersetubuh dengan isterinya) ia menunggu (isterinya) selama empat bulan. Apabila mereka kembali dari ila', maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah Al-Baqarah ayat 226).

Ila' ini harus hukumnya, kalau ia tidak memberi kerosakan (kemelaratan) kepada isteri.

Bunyi lafaz ila' itu ialah kata seseorang kepada isterinya: "Aku bersumpah, tidak akan bersetubuh dengan engkau selama empat bulan ini," atau: "Aku bersumpah, tidak akan bersetubuh dengan engkau hingga mati ibu engkau atau si anu," dan sebagainya.

Bila telah sampai waktunya empat bulan, sedang suami tidak mahu juga bersetubuh, maka isteri boleh menuntutnya akan bercampur atau bercerai. Apabila ia tidak mahu juga bercampur, atau ia selalu mengasingkan diri di tempat lain, boleh hakim menceraikannya. Bila ia berniat hendak menceraikan dengan jalan ila' itu, maka hendaklah diteruskan perceraian itu. Dan haram hukumnya menggantung-gantung perempuan dengan tidak bertali semacam itu.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: آلَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مِنْ نِسَاءِهِ وَكَانَتِ انْفَكَّتْ رِجْلُهَا فَأَقَامَ فِي مَشْرُبَةٍ لَهُ تِسْعًا وَعِشْرِيْنَ

لَيْلَةً ثُمَّ نَزَلَ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ آلَيْتَ شَهْرًا فَقَالَ: اَلشَّهْرُ تِسْعٌ وَعِشْرُوْنَ.

رواه البخارى مسلم

*Dari Anas r.a. ia berkata: "Telah mengila' **Rasullullah s.a.w. akan salah seorang isteri beliau, dan adalah kaki isterinya patah sebelah, lalu ia bermalam saja di suatu tempat yang bernama Masyrubah selama dua puluh sembilan malam, kemudian baru didekatinya** (isterinya) itu. Mereka berkata: "Bukankah Rasul **telah mengila'** isteri Rasul selama sebulan," maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bulan ini hanya dua puluh sembilan hari."*

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam ayat di atas dan menurut hadis tersebut itu nyata bahawa seseorang yang telah mengila' isterinya hendaklah ia menunggu selama ila'nya itu.

2. ILA' ADALAH MENGHARAMKAN BERSETUBUH DENGAN ISTERI

Oleh kerana ila' yang dilakukan oleh seseorang terhadap isterinya, bererti ia telah mengharamkan dirinya bercampur dengan isterinya. Tetapi bila yang haram itu dihalalkannya, iaitu dicampurinya isterinya selama ia mengila' itu, wajiblah ia membayar denda.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: آلَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مِنْ نِسَاءِهِ وَحَرَّمَ فَجَعَلَ الْحَرَامَ حَلَالاً وَجَعَلَ فِى الْيَمِيْنِ كَفَّارَةً.

رواه الترمذى

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Telah mengila' Rasulullah s.a.w. akan sebahagian isterinya dan beliau telah mengharamkan sesuatu lalu dijadikannya yang haram itu menjadi halal, maka diisinyalah denda sumpahnya itu."

(Riwayat Tirmizi).

Bila seseorang mengharamkan isterinya, maka itu hanya sumpah saja. Apabila dicampurinya sesudah itu wajiblah atasnya mengisi dendanya. Dan itu bukanlah dinamakan talak.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اِذَا حَرَّمَ الرَّجُلُ عَلَيْهِ امْرَأَتَهُ فَهِيَ يَمِيْنٌ يُكَفِّرُهَا وَقَالَ: لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِى رَسُوْلِ اللهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Apabila seorang laki-laki mengharamkan isterinya atasnya, maka itu ialah sumpah, dan akan diisi denda (bila ia melanggarnya), dan ia berkata: "Demi sungguh telah ada bagimu pada perbuatan Rasulullah s.a.w. contoh yang baik sekali."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. DENDA ATAU KAFARAT ILA'

1. Memberi makan sepuluh orang miskin, bagi tiap-tiap orang satu cupak makanan yang mengenyangkan, atau memberi mereka pakaian, atau
2. Memerdekakan seorang hamba, atau
3. Puasa tiga hari.

Firman Allah s.w.t.:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللهُ بِاللَّغْوِ فِى اَيْمَانِكُمْ وَلٰكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُّمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَّارَتُهُ اِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَاكِيْنَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُوْنَ أَهْلِيْكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيْرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذٰلِكَ كَفَّارَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَاحْفَظُوْا أَيْمَانَكُمْ* سورة المائدة اية ٨٩

Allah tidak menyeksamu dalam perkara sumpah yang tidak kamu sengaja. Akan tetapi Ia menyeksamu kerana sumpah yang kamu sengaja. Maka kafarat sumpah itu ialah memberi makanan sepuluh orang fakir miskin (masing-masing secupak) dari makanan yang biasa kamu berikan untuk keluargamu, atau memberikan pakaian

kepada mereka atau memerdekakan budak (hamba abdi). Sesiapa yang tidak memperoleh salah satu dari yang tersebut itu, hendaklah ia berpuasa selama tiga hari. Inilah kafarat sumpah kamu itu bila kamu telah bersumpah.

(Surah Al-Maidah, ayat 89).

BAB ZHIHAR

1. ERTI ZHIHAR

Yang dimaksud dengan Zhihar ialah ucapan seorang suami menyerupakan isterinya dengan ibunya dalam pekara yang sama-sama dalam haram.

Umpamanya ucapan seseorang suami kepada isterinya: "Engkau adalah seperti belakang ibuku." Atau: "Engkau nampaknya seperti ibuku." Dengan ucapannya ini haramlah hukumnya dia bercampur dengan isterinya, sebelum ia membayar kafaratnya (dendanya).

Di zaman jahiliah zhihar itu bererti cerai yang tidak boleh rujuk lagi. Kemudian diubah hukumnya oleh syariat Islam kepada haram sesudah si suami kembali dari perkataannya, hingga ia membayar kafaratnya lebih dahulu, sebagaimana keterangan akan datang.

2. HUKUM ZHIHAR

Berkata pengarang kitab Subulussalam:

Telah ijmak ulama, bahawa melakukan *"zhihar"* itu haram hukumnya. dan berdosa orang yang memperbuatnya, sebagaimana Allah menyatakan:

اَلَّـذِيْنَ يُظَاهِـرُوْنَ مِنْكُمْ مِنْ نِسَـائِهِمْ مَا هُنَّ أُمَّهَاتِهِمْ إِنْ أُمَّهَاتُهُمْ إِلاَّ اللاَّئِيْ وَلَدْنَهُمْ وَإِنَّهُمْ لَيَقُوْلُوْنَ مُنْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ وَزُوْرًا وَإِنَّ اللهَ لَعَفُوٌّ غَفُوْرٌ*

سورة المجادلة اية ٢

Orang-orang yang menzhihar isterinya di antaramu (padahal) mereka (para isteri itu) bukan ibu mereka. Tidaklah ibu-ibu mereka, melainkan wanita yang melahirkan mereka. Dan sesungguhnya mereka sungguh-sungguh mengucapkan suatu perkataan yang mungkar dan

dusta belaka. Dan sesungguhnya Allah Maha Pemaaf lagi Pengampun."

(Surah Al-Mujadalah ayat 2).

Subulussalam berkata selanjutnya: "Dan sungguh telah sepakat para ulama, bahawa zhihar itu terjadi sebab menyerupakan isteri dengan belakang ibu. Kemudian mereka bertikai faham dalam beberapa masalah. Antara lain:

Pertama: Bila seseorang menyerupakan sang isterinya itu dengan jalan menyerupakan salah satu anggotanya dengan lain orang, maka menurut kebanyakan ulama berpendapat, bahawa hal itu adalah zhihar juga. Tetapi ada pula yang mengatakan: Hal itu dapat dikatakan zhihar bila sang isteri itu diserupakan dengan salah satu anggota yang haram melihatnya. Dalam hal ini yang jelas, bahawa NAS Al-Quran hanya datang dalam perkara menyerupakan isteri dengan belakang ibu.

Kedua: Mereka bertikai faham pula dalam perkara, bila seseorang menyerupakan isterinya dengan orang-orang yang merupakan *"mahram,"* selain dari ibu. Hadawiyah berpendapat: Hal itu bukanlah zhihar, sebab NAS datangnya dalam perkara ibu. Sedang yang lain berpendapat pula, antara lain: Malik, Syafi'i dan Abu Hanifah, bahawa hal itu adalah zhihar juga, walaupun seseorang menyerupakan isterinya dengan mahram yang disebabkan sepersusuan. Yang jadi dalil oleh mereka adalah qias, iaitu: *" Haram Muabbad"* Haram muabbad (haram selamanya) itu tetap pada mahram, seperti tetapnya pada ibu.

Ketiga: Mereka berlainan faham pula dalam perkara kafir. Apakah sah zhihar dari si kafir. Ada yang menyatakan sah zhihar dari si kafir kerana umum khitab dalam ayat. Ada pula yang mengatakan: Tidak sah kerana zhihar itu memerlukan kafarah, sedang kafarah tidak sah dilakukan oleh kafir.

3. DENDA ATAU KAFARAT ZHIHAR

Oleh kerana seseorang telah mengharamkan isterinya pada hal halal maka ia wajib mengisi dendanya:

1. Wajib memerdekakan seorang hamba, atau
2. Wajib puasa dua bulan berturut-turut, kalau tidak ada hamba yang akan dimerdekakan
3. Memberi makan enam puluh orang miskin, bagi tiap seorang miskin satu cupak makanan yang mengenyangkan.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِيْنَ يُظَاهِرُوْنَ مِنْ نِسَآءِهِمْ ثُمَّ يَعُوْدُوْنَ لِمَا قَالُوْا فَتَحْرِيْرُ رَقَبَةٍ مِّنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَآسَّا ذٰلِكُمْ تُوْعَظُوْنَ بِهٖ وَاللّٰهُ بِمَا تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ*

سورة المجادلة اية ٣

فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَتَمَآسَّا فَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَاِطْعَامُ سِتِّيْنَ مِسْكِيْنًا ذٰلِكَ لِتُؤْمِنُوْا بِاللّٰهِ وَرَسُوْلِهٖ*

سورة المجادلة اية ٤

Dan orang-orang yang menzhihar isteri mereka, kemudian mereka kembali dari apa yang mereka katakan, maka wajiblah (denda) memerdekakan seorang hamba, sebelum keduanya bersetubuh kembali. Demikianlah agar kamu dapat mengambil pelajaran daripadanya. Dan Allah melihat segala apa yang kamu kerjakan itu. Maka barangsiapa yang tidak memperoleh hamba untuk dimerdekakan, maka wajiblah ia berpuasa dua bulan berturut-turut sebelum keduanya bercampur. Barangsiapa yang tidak kuasa berpuasa, maka wajiblah ia memberi makan enam puluh orang miskin. Itulah hukumnya, supaya kamu percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan itulah aturan Allah dan bagi orang kafir azab yang pedih.

(Surah Al-Mujadalah ayat 3 – 4).

BAB LI'AN

1. ERTI LI'AN

Li'an, ertinya menuduh dan melempar. Menurut istilah syarak, bererti sumpah suami di hadapan hakim yang menyatakan bahawa ia berkata benar tentang sesuatu yang dituduhkannya kepada isterinya perihal perbuatan zina. Tuduhan itu dapat ditangkis oleh si isteri dengan jalan bersumpah pula, bahawa apa-apa yang dituduhkan oleh suami kepadanya adalah dusta belaka.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِيْنَ يَرْمُوْنَ اَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ اِلَّا اَنْفُسُهُمْ
فَشَهَادَةُ اَحَدِهِمْ اَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللهِ اِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِيْنَ
وَالْخَامِسَةُ اَنَّ لَعْنَةَ اللهِ عَلَيْهِ اِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِيْنَ*

سورة النور اية ٦ - ٧

Dan orang-orang yang menuduh isterinya (berzina), padahal tidak ada saksi-saksi bagi mereka, melainkan diri mereka saja, maka wajiblah salah seorang mengucapkan sumpah empat kali dengan Allah, bahawa sesungguhnya ia adalah orang yang benar. Dan di kali yang kelima hendaklah diucapkannya bahawa laknat Allah atasnya, jika ia berdusta.

(Surah An-Nur ayat 6 – 7).

Li'an ini disebut juga tuduh-penuduh. Suami menuduh isteri dan isteri menuduh suami berdusta. Li'an hukumnya mubah (boleh), asal dapat mencarikan saksi seramai empat orang laki-laki. Kalau saksi tidak ada, ia wajib bersumpah sebanyak lima kali, sebagaimana keterangan di atas.

Empat kali berturut-turut ia bersumpah dengan Allah yang berbunyi: AKU BERSUMPAH DENGAN ALLAH, DEMI ALLAH, BAHAWA SESUNGGUHNYA AKU ADALAH BENAR DALAM TUDUHANKU KEPADA ISTERIKU YANG BERNAMA.....BAHAWA BETUL BERBUAT ZINA. pada kali yang kelima diucapkan sumpah yang berbunyi: DILAKNATI ALLAH AKU JIKA AKU BERDUSTA.

Itu'al. bunyi sumpah yang akan diucapkan suami yang meli'an isterinya di hadapan hakim. Sumpah itu hendaklah diajarkan oleh hakim kepadanya. Kemudian di hadapan hakim bersumpah pula si isteri dengan ucapan: "Aku bersumpah dengan Allah, demi Allah, bahawasanya suamiku si...yang menuduhku berzina adalah dusta semata-mata." Empat kali berturut-turut sumpah itu harus dibaca. Dan pada kali yang kelima, hendaklah dibacanya sumpah di bawah ini: "Atas akulah kemarahan Allah, jika suamiku berkata benar."

2. ISTERI BEBAS DARI HUKUMAN APABILA MAHU MENGUCAPKAN SUMPAH LI'AN

firman Allah s.w.t.:

وَيَدْرَؤُوا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِيْنَ وَالْخَامِسَةَ أَنَّ غَضَبَ اللهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِيْنَ*

سورة النور اية ٨ - ٩

"Dan terhindarlah isteri itu daripada seksaan bila ia bersumpah empat kali dengan Allah, bahawa suaminya itu orang yang dusta dan yang kelima dibacanya, bahawa kemarahan adalah tertimpa atasnya, apabila suaminya itu yang benar."

(Surah An-Nur ayat 8 – 9).

Bila suami telah menuduh isterinya berzina dengan orang lain, maka wajiblah atas isterinya dilakukan had zina (dera), sebagai keterangan yang akan datang kalau cukup saksi-saksi yang dihadapkan oleh suami. Akan tetapi had (hukum) zina itu kepada isteri boleh digugurkan, bila ia bersedia bersumpah lima kali pula, sebagaimana sumpah yang tersebut di atas. Bila isteri tidak mahu disumpah, maka ketika itu wajib dilakukan atasnya had zina. Atau perempuan itu diberi malu, kalau yang dituduh itu perempuan yang belum kahwin.

3. CARA MELAKUKAN SUMPAH LI'AN

Sesudah hakim mengajarkan kalimat-kalimat sumpah terhadap suami isteri, empat kali berturut-turut, maka ketika sumpah yang kelima kali diucapkan, hendaklah hakim menyuruh meletakkan tangan yang disumpah di mulutnya (mulut yang disumpah).

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ اَمَرَ رَجُلاً أَنْ يَضَعَ يَدَهُ عِنْدَ الْخَامِسَةِ عَلَى فِيْهِ وَقَالَ: اِنَّهَا الْمُوْجِبَةُ.

رواه ابو داود والنسائى

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menyuruh seorang laki-laki meletakkan tangannya tatkala mengucapkan sumpahnya yang kelima di atas mulutnya, dan ia berkata: "Sesungguhnya sumpah yang kelima itu memastikan seksaan Tuhan."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Dalam hal ini hendaklah hakim memberitahukan lebih dahulu selaku nasihat kepada keduanya, supaya mengakui kesalahannya, sebab sumpah yang kelima ini pasti akan memakannya. Kerana antara dua orang yang sedang tuduh-menuduh, pasti ada yang salah di antaranya. Kalau bukan suaminya yang berdusta tentu isteri yang berdusta.

Cerita Ibnu Abbas.

Sesungguhnya Umair Al-Ajlani, tatkala menuduh isterinya yang bernama Khaulah berzina, Rasulullah s.a.w. menyuruh supaya diserukan panggilan sembahyang berjamaah (azan), lalu dikerjakan oranglah sembahyang asar. Kemudian beliau berkata kepada Umair: "Berdirilah, hai Umair". Maka Umair berdiri (di dekatnya) lalu ia berkata: "Aku bersumpah dengan Allah, bahawasanya Khaulah, sungguh telah berzina dan sesungguhnya aku orang yang benar." Pada kali kedua ia berkata: "Aku bersumpah dengan Allah, sesungguhnya aku melihat orang lain bersyarikat di atas perutnya, dan sungguh aku orang yang benar." Setelah itu dia berkata di kali yang ketiga: "Aku bersumpah dengan Allah, bahawasanya Khaulah itu sungguh hamil dengan orang lain, dan sungguh aku yang benar." Kemudian berkata ia di kali yang keempat: "Aku bersumpah dengan Allah, sesungguhnya aku tidak pernah mendekatinya selama empat bulan dan sesungguhnya aku yang benar." Dan akhirnya di kali yang kelima ia berkata: "Laknat Allah atas Umair (dirinya sendiri) jika ia berdusta pada apa yang telah diucapkan."

Sesudah itu Nabi menyuruh Umair duduk dan duduklah ia. Kemudian Nabi bersabda kepada Khaulah (isteri Umair). "Berdirilah engkau hai Khaulah," lalu Khaulah berdiri (di dekatnya), maka berkata pula Khaulah: "Aku bersumpah dengan Allah, tidaklah aku berzina, dan sesungguhnya Umair orang yang dusta." Pada kali yang keduanya ia berkata: "Aku bersumpah dengan Allah, bahawa Umair tidak melihat orang lain bersyarikat atas perutku, dan sesungguhnya ia orang yang dusta." Setelah itu pada kali ketiganya ia berkata: "Aku bersumpah dengan Allah, sungguh hamilku ini adalah kerana dia, dan sesungguhnya Umair orang yang dusta." Kemudian ia berkata pada kali yang keempat: "Aku bersumpah dengan Allah, sesungguhnya Umair sekali-kali tidak pernah melihat daku

memperbuat kekejian, dan sesungguhnya ia orang yang dusta." Dan akhirnya pada kali yang kelima ia berkata: "Kemarahan Allah, atas Khaulah (dirinya sendiri) jika sekiranya Umair orang yang benar."

Lalu Rasulullah s.a.w. menceraikan keduanya, dikatakannya "Kalaulah sumpah ini tidak diucapkan, nescaya dalam persoalan ini aku ada mempunyai suatu pendapat."

(Demikian tafsir Al-Khazin).

Dalam keterangan ini dijelaskan bahawa sumpah yang dilakukan oleh Rasulullah terhadap suami yang meli'an isterinya, ialah di waktu asar, setelah selesai mengerjakan sembahyang asar, sebab waktu asar, adalah waktu yang masuk dalam persumpahan Allah dalam Al-Quran. Sebagaimana yang dinyatakan dalam surah Wal Asri: "Demi waktu asar (masa)." Dan sumpah itu diucapkan secara berdiri, bukan duduk dan disaksikan oleh orang ramai.

4. AKIBAT SUMPAH LI'AN BAGI SUAMI ISTERI

Dalam perlaksanaan hukum li'an ini sungguh-sungguh sangat terasa memberatkan dan menekan perasaan, baik bagi suami mahupun bagi isteri yang sedang dalam perkara li'an ini. Malah dapat berpengaruh kepada jiwa masing-masing, terutama setelah mereka berada dalam ketenangan fikiran dan perasaan kembali. Sebabnya li'an adalah:

Pertama: Kerana bilangan lafaz sumpah li'an,

Kedua: Kerana tempat yang paling mulia, kalau di Mekah, hendaklah diadakan antara Hajar Aswad dan Rukun Jumani. Kalau di Madinah di dekat mimbar Rasulullah. Dan kalau di lain-lain negeri di dalam masjid jamik di dekat mimbar.

Ketiga: Kerana masa yang paling penting, iaitu di waktu asar, sesudah melakukan sembahyang.

Keempat: Kerana sumpah itu dilakukan di hadapan jamaah manusia (di hadapan umum), sekurang-kurangnya empat orang.

Di samping pengaruh li'an seperti tersebut di atas, maka yang pasti akibat dari li'an itu ialah terjadinya perceraian antara kedua suami isteri. Bagi suami haram isterinya itu buat selamanya. Ia tidak boleh nikah dan tidak boleh rujuk lagi. Bila isterinya itu melahirkan anak yang dalam kandungannya, maka anak itu dihukumkan tidak termasuk keturunan suaminya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لِلْمُتَلاَعِنَيْنِ حِسَابُكُمَا عَلَى اللهِ اَحَدُكُمَا كَاذِبٌ لاَ سَبِيْلَ لَكَ عَلَيْهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. berkata kepada (dua orang suami isteri) yang telah tuduh menuduh: "Perhitungan engkau keduanya terserah kepada Allah; salah seorang di antara kamu berdua mesti ada yang berdusta. Tidak ada jalan lagi bagi engkau untuk kembali kepadanya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا اَنَّهُ قَالَ فِى حَدِيْثِ الْمُتَلاَعِنَيْنِ: وَقَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنْ لاَ بَيْتَ لَهَا عَلَيْهِ وَلاَ قُوْتَ مِنْ اَجَلٍ اَنَّهُمَا يَتَفَرَّقَا مِنْ غَيْرِ طَلاَقٍ وَلاَ مُتَوَفًّى عَنْهَا.

رواه ابو داود

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa ia telah berkata dalam hadis dua orang yang tuduh menuduh (suami isteri): "Dan telah menghukum Rasulullah s.a.w. bahawa tidak ada tempat kediaman yang hak baginya (isteri) yang wajib atasnya (suami), dan tidak pula makanan yang wajib diberikan oleh suami, kerana keduanya telah bercerai, bukan kerana talak dan bukan pula kerana suaminya meninggal."

(Riwayat Abu Daud).

5. AKIBAT SUMPAH LI'AN PADA HUKUM

Berdasarkan huraian di atas dapatlah diambil kesimpulan, bahawa sebagai akibat dari li'an itu menimbulkan perubahan pula dalam ketentuan hukum yang semestinya dapat berlaku bagi salah satu pihak, suami atau isteri.

Perubahan itu adalah:

1. Gugur had hukuman dari suami.

2.Wajib had atas isteri, sebagai had zina.
3.Suami isteri bercerai buat selama-lamanya.
4.Ditetapkan berdasarkan pengakuan suami, bahawa dia tidak mencampuri isterinya.
5.Bila ada anak, tidak dapat diakui oleh suami sebagai anaknya.

Sebaliknya si isteri dapat menggugurkan hukum had atas dirinya dengan membalas li'an suaminya dengan li'annya pula atas suaminya.

BAB KETURUNAN

1. ERTI KETURUNAN

Keturunan ertinya: Pertalian atau perhubungan, yang menentukan asal-usul seseorang manusia dalam pertalian darahnya, ke mana ia akan berbangsa.

Maka nikah kahwin, adalah untuk menentukan bangsa atau keturunan itu menurut Islam, anak yang lahir dengan jalan nikah kahwin yang sah lebih dahulu maka anak ini adalah anak sah berketurunan kepada bapanya, ertinya anak yang mempunyai bapa dan mempunyai ibu. Tetapi kalau anak itu lahir sebelum atau di luar nikah yang sah, maka anak ini berketurunan kepada ibunya, ertinya anak ini mempunyai ibu dan tidak mempunyai bapa.

Bila kita perhatikan keturunan kita, akan nyatalah bahawa anak itu kadang-kadang menyerupai ibu atau orang-orang dari keluarga pihak ibu. Kadang-kadang menyerupai bapa atau orang-orang dari keluarga pihak bapa, seperti adik bapa atau bapa dari bapa (datuk) dan sebagainya.

Kalau terjadi kelahiran seorang anak yang rupanya atau kulitnya bukan menurut keturunan salah seorang dari kedua orang ibu bapa, maka hendaklah diperiksa lebih dahulu, jangan lekas sekali menjatuhkan tuduhan, bahawa anak itu anak orang lain. Dan hendaklah dalam hal ini berbaik sangka.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ مِنْ بَنِى فَزَارَةَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: إِنَّ امْرَأَتِى وَلَدَتْ غُلَامًا أَسْوَدَ فَقَالَ:

هَلْ لَكَ مِنْ اِبِلٍ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: فَمَا اَلْوَانُهَا قَالَ: حُمْرٌ قَالَ: هَلْ فِيْهَا مِنْ اَوْرَقَ قَالَ: إِنَّ فِيْهَا لَوُرْقًا قَالَ: فَاَنَّى اَتَاهَا ذٰلِكَ قَالَ: عَسَى أَنْ يَكُوْنَ نَزْعَهُ عِرْقٌ قَالَ: وَهٰذَا عَسَى أَنْ يَكُوْنَ نَزَعَهُ عِرْقٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah datang seorang laki-laki suku Fazarah kepada Nabi s.a.w. lalu ia berkata: "Sesungguhnya isteriku telah melahirkan seorang anak laki-laki yang hitam warnanya." Lalu Nabi bertanya: "Apakah bagi engkau ada unta." Ia menjawab: "Ada." Rasulullah bertanya: "Apakah warnanya?" Ia menjawab: "Merah." Rasulullah bertanya lagi: "Adakah padanya warna kelabu?" Ia menjawab: "Sesungguhnya padanya banyak warna kelabu." Selanjutnya Nabi bersabda: "Bagaimana warna itu datang kepadanya?" Dia menjawab: "Barangkali ditarik oleh peluhnya." Rasulullah bersabda: "Dan anak engkau ini barangkali warnanya ditarik oleh peluh ibunya." (menyerupai kulit ibunya).

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. LARANGAN MENUDUHKAN ANAK KEPUNYAAN ORANG LAIN

Haram hukumnya atas seorang perempuan yang menuduhkan seorang anak dari seorang laki-laki lain, yang anak itu bukan anaknya. Begitu juga haram hukumnya atas seorang laki-laki yang menyangkal tentang seorang anak padahal anak itu benar-benar anaknya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَيُّمَا امْرَأَةٍ أَدْخَلَتْ عَلَى قَوْمٍ مَنْ لَيْسَ مِنْهُمْ فَلَيْسَتْ مِنَ اللهِ فِى شَيْءٍ وَلَنْ يُدْخِلَهَا اللهُ جَنَّتَهُ. وَاَيُّمَا رَجُلٍ جَحَدَ وَلَدَهُ وَهُوَ

يَنْظُرُ اِلَيْهِ اِحْتَجَبَ اللهُ تَعَالَى مِنْهُ وَفَضَحَهُ عَلَى رُؤُوْسِ الْاَوَّلِيْنَ وَالْآخِرِيْنَ. رواه ابو داود والنسائى بسند صحيح

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Perempuan-perempuan yang menuduhkan seorang anak kepada sesuatu kaum, padahal anak itu bukan anak mereka, maka perempuan itu tidaklah jadi jaminan Allah dalam sesuatu perkara, dan perempuan itu sekali-kali tidak akan dimasukkan ke dalam syurga-Nya. Dan laki-laki yang menyangkal akan anaknya sendiri sedang ia mengetahui, bahawa anak itu memang anaknya, Allah Taala berlepas diri daripadanya, dan ia diberi malu oleh Allah s.w.t. di hadapan orang-orang yang kemudian."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

3. MENGUNDI SIAPA YANG EMPUNYA ANAK

Apabila seorang anak lahir dari beberapa orang laki-laki yang bersetubuh dengan seorang perempuan, kerana ditipu oleh perempuan itu, maka anak yang lahir itu dinamakan syubhat. Tentang siapa yang empunya anak itu, haruslah diundi lebih dahulu.

Di mana-mana peristiwa ini banyak terjadi. Ramai perempuan yang melarikan diri dari suaminya yang pertama. Kemudian kahwin dengan laki-laki lain dengan mengatakan bahawa ia telah bercerai dengan suaminya. Kadang-kadang sampai dua tiga kali terjadi. Maka anak yang lahir disebabkan perkahwinan seperti itu harus diundi, siapa yang empunya anak itu dengan tidak melupakan tanda-tanda warna dan raut mukanya.

Keterangan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ الْاَرْقَمِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُتِيَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ بِثَلَاثَةٍ وَهُوَ فِى الْيَمَنِ وَقَعُوْا عَلَى إِمْرَأَةٍ فِى طُهْرٍ وَاحِدٍ فَسَأَلَ إِثْنَيْنِ: أَتُقِرَّانِ لِهٰذَا بِالْوَلَدِ؟ قَالَا: لَا حَتَّى سَئَلَهُمْ جَمِيْعًا فَاَقْرَعَ بَيْنَهُمْ فَأَلْحَقَ الْوَلَدَ بِالَّذِيْ صَارَتْ عَلَيْهِ الْقُرْعَةُ وَجَعَلَ عَلَيْهِ ثُلُثَيِ الدِّيَةِ لِصَاحِبَيْهِ فَذَكَرَ ذٰلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَضَحِكَ

حَتَّى بَدَتْ نَوَاجِذُهُ. رواه ابو داود والنسائى

Dari Zaid bin Arqam r.a. ia berkata: Pernah Ali r.a. didatangi tiga orang, iaitu ketika dia berada di Yaman. Mereka yang datang telah mencampuri seorang perempuan dalam masa suci yang bersamaan, maka bertanya Ali kepada dua orang (di antara mereka): "Mahukah kamu keduanya mengaku bahawa anak ini anak yang seorang lagi (orang ketiga)?" Keduanya berkata: "Tidak mahu" hingga mereka ketiganya ditanya oleh Ali. Maka diundilah antara mereka (kerana ketiganya mengakui anaknya), lalu anak itu diberikan oleh Ali kepada orang yang beroleh undian itu dan diwajibkan orang itu membayar dua pertiga tebusan kepada kedua orang sahabatnya. Hal ini kemudian diberitahukannya kepada Nabi s.a.w. maka tertawalah Rasulullah hingga kelihatan semua gigi beliau."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

4. ANAK YANG SAH KETURUNAN BAPANYA, SEDANG ANAK YANG TIDAK SAH KETURUNAN IBUNYA

Dalam hubungan keturunan darah, maka semua anak dibangsakan kepada bapanya dan bukan kepada ibunya. Hal ini beralasan kepada firman Allah yang berbunyi:

أُدْعُوْهُمْ لِاٰبَائِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللهِ* سورة الأحزاب اية ٥

Panggillah mereka (semua anak itu) untuk bapa mereka. Itulah yang lebih adil di sisi Allah.

(Surah Al-Ahzab ayat 5).

Menurut hukum Agama Islam, bahawa istilah "bapa" dan "ibu" dalam hubungan anak ini ialah disebabkan oleh nikah yang sah dengan jalan mengucapkan ijab kabul. Andaikata lahir seorang anak dari percampuran bapa dan ibu ini, maka anak ini dinamakan anak yang sah.

Akan tetapi kalau anak itu lahir bukan dari nikah yang sah atau dengan jalan nikah tetapi nikah yang tidak sah, maka anak ini disebut anak zina atau anak tidak sah.

Dan menurut Jumhur Ulama, anak ini hanya dibangsakan kepada ibunya, yang bererti anak yang tidak ada bapa atau tidak berbangsa.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: أَلْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda: Anak zina itu ialah untuk ibunya, dan laki-laki yang berzina itu berhak dilempar batu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sejarah atau kisah kejadian ini adalah sebagai berikut: Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, dari Aisyah dinyatakan:

"Saad bin Abi Waqas dan Abdillah bin Zam'ah pernah berselisih dalam perkara seorang anak kecil. Saad berkata: Ya, Rasulullah! Anak ini adalah putera oleh saudaraku Utbah bin Abi Waqas. Ia telah mengatakan kepadaku, bahawa anak ini adalah anaknya. Cubalah engkau lihat kepada rupanya. Waktu dilihat oleh Rasulullah, ternyata bahawa rupanya itu benar rupa (serupa) dengan Utbah. Lalu Nabi s.a.w. bersabda: Itu anak ialah bagi engkau ya Abdullah. Anak zina itu ialah untuk ibunya, dan hak bagi laki-laki yang berzina itu dilempar batu (rejam)."

Jelaslah dari sejarah ini, bahawa anak kecil itu dihukum dan diputuskan oleh Rasulullah, menjadi hak oleh Abdullah bin Zam'ah sebagai saudaranya (keturunan ibu), dan tidak dianggap anak dari saudara Saad bin Abi Waqas, yang telah berzina dengan Zam'ah, ibu oleh Abdullah.

5. PENYANGKALAN TERHADAP ANAK

Penyangkalan terhadap anak ertinya: Bahawa seseorang mengatakan kepada bayi yang dilahirkan oleh isterinya bukanlah anaknya, melainkan anak dari laki-laki lain.

Menurut keterangan dalam hadis di atas, penyangkalan anak seperti ini dilarang keras dalam Agama, kecuali kalau ada alasan-alasan yang kuat yang dibenarkan oleh Agama.

Alasan kuat tersebut adalah sebagai berikut:

a. Anak itu lahir kurang dari enam bulan sesudah nikah-kahwin dilangsungkan. Sebab sekurang-kurang hamil ialah selama enam bulan.

Sebagaimana Allah berfirman:

وَوَصَّيْنَا الْاِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا وَحَمْلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُوْنَ شَهْرًا* سورة الأحقاف اية ١٥

Dan Kami telah berpesan kepada manusia supaya berbakti kepada kedua orang tuanya, di mana ibunya telah melahirkannya dan menghamilkannya secara bersusah payah. Sedang masa hamil dan masa menceraikan (dari menyusu) berjumlah TIGA PULUH bulan.

(Surah Al-Ahqaf ayat 15).

Dalam ayat lain ditambahkan pula:

حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَى وَهْنٍ وَفِصَالُهُ فِيْ عَامَيْنِ*

سورة لقمان اية ١٤

Ibunya telah menghamilkannya secara bersusah payah di atas kesusahan, sedang masa bercerainya adalah masa (paling lama) dua tahun.

(Surah Luqman ayat 14).

Dua tahun adalah sebanyak DUA PULUH EMPAT bulan. Begitulah lama masa menyusukan anak bagi siapa yang ingin menyempurnakan masa penyusuan. Maka apabila masa 30 bulan ditolak, maka tinggallah masa 6 bulan. Begitulah sekurang-kurang masa hamil.

b. Anak itu ada di dalam kandungan ibunya setelah habis masa beridah dengan cerai talak atau wafat.
c. Anak itu adanya setelah lewat sebanyak-banyak masa idah, bila suaminya pergi merantau (sesudah lewat empat bulan sepuluh hari).

BAB MUHADHANAH (Mengasuh)

1. ERTI MUHADHANAH DAN ORANG YANG BERHAK MELAKUKAN MUHADHANAH

Muhadhanah ertinya memelihara dan mendidik. Menurut istilah Syarak ertinya: Mendidik dan mengasuh anak-anak yang belum

mumayiz (belum dapat membezakan antara yang baik dan yang buruk), belum pandai mengenakan pakaian, bersuci sendiri dan sebagainya

Bila seseorang anak yang belum pandai dan ibunya telah bercerai dari bapanya, maka yang lebih utama dan yang lebih patut mendidiknya adalah ibunya sendiri selama ibunya belum kahwin dengan laki-laki lain.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ امْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّ ابْنِى هٰذَا كَانَ بَطْنِى لَهُ وِعَاءً وَثَدْيِيْ لَهُ سِقَاءً وَحَجْـرِيْ لَهُ حِوَاءً وَإِنَّ اَبَاهُ طَلَّقَنِى وَأَرَادَ أَنْ يَنْتَزِعَهُ مِنِّى فَقَالَ لَهَا رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أَنْتِ أَحَقُّ بِهِ مَا لَمْ تَنْكِحِى.

رواه احمد وابو داود بسند صحيح

Dari Abdullah bin Umar r.a. bahawa seorang perempuan pernah berkata: "Ya Rasulullah, sesungguhnya anakku ini adalah perutku yang mengandunginya, dan susuku yang jadi minumannya, dan pangkuanku yang memeluknya, sedang bapanya telah menceraikan aku, dan bapanya itu mahu mengambilnya daripadaku." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda kepadanya: "Engkau yang lebih berhak dengan anak itu, selama engkau belum kahwin."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Kalau ibunya itu kahwin dengan orang lain sedang anak itu belum mumayiz, maka bapanya yang lebih berhak mendidik, kalau bapanya meminta atau bersedia mendidiknya. Bila ibunya tidak ada, yang lebih berhak mendidiknya ialah makciknya (saudara perempuan ibunya).

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ فَجَـاءَتْ إِمْرَأَةٌ فَقَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّ زَوْجِى يُرِيْدُ أَنْ

يَذْهَبَ بِإِبْنِى وَقَدْ سَقَانِى مِنْ بِئْرِ أَبِى عِنَبَةَ وَقَدْ نَفَعَنِى فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِسْتَهِمَا عَلَيْهِ فَقَالَ زَوْجُهَا: مَنْ يُحَاقُّنِى فِى وَلَدِيْ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: هٰذَا أَبُوْكَ وَهٰذِهِ أُمُّكَ فَخُذْ بِيَدِ أَيِّهِمَا شِئْتَ فَأَخَذَ بِيَدِ أُمِّهِ فَانْطَلَقَتْ بِهِ.

رواه اصحاب السنن

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah aku bersama-sama dengan Nabi s.a.w. lalu datang seorang perempuan, dan ia berkata: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya suamiku hendak pergi membawa anakku, dan sesungguhnya ia telah memberi minum daripada perigi Abu Inabah? dan sungguh ia telah berjasa kepadaku." Maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Berundinglah kamu perkara anak itu." Maka berkata suaminya itu: "Siapakah yang berani menghalangi aku dengan anakku ini?" Dan bersabda Nabi s.a.w. (kepada anak itu). Ini bapamu dan ini ibumu. Maka ambillah tangan yang mana antara keduanya yang engkau kehendaki. Lalu diambilnya tangan ibunya, maka berjalanlah perempuan itu dengan anaknya.

(Riwayat Ash-Habussunan).

Hadis ini menunjukkan bahawa anak kecil yang sudah mumayiz dan mengerti dengan diri sendiri, ia boleh memilih siapakah yang akan mengasuhnya. Apakah ibunya atau bapa.

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنِ الْبَرَّاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَضَى فِى ابْنَةِ حَمْزَةَ لِخَالَتِهَا وَقَالَ: اَلْخَالَةُ بِمَنْزِلَةِ الْأُمِّ.

رواه البخارى

Dari Al-Bara' bin Azib r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah memutuskan dalam perkara anak perempuan oleh Hamzah (dalam perkara mengasuh) untuk makciknya (adik perempuan ibunya), dan ia berkata: "Makcik itu adalah mengambil tempat ibu."

(Riwayat Bukhari).

Hadis ini menunjukkan bahawa makcik lebih utama dari bapa sendiri, dalam perkara mengasuh dan mendidik anak yang masih kecil.

2. ANAK MENGIKUT KEPADA SIAPA YANG ISLAM DARI KEDUA ORANG IBU BAPANYA

Kalau ada suami isteri yang kafir keduanya kemudian salah seorang dari keduanya masuk ke dalam agama Islam, mana antara keduanya yang Islam maka dialah yang berhak mengasuh anaknya. Sebab Islam lebih mulia dan lebih tinggi dari yang lain. Dan supaya anak jangan sampai dipengaruhi oleh ajaran kafir.

Keterangan menyatakan:

عَنْ رَافِعِ بْنِ سِنَانٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ أَسْلَمَ وَأَبَتْ إِمْرَأَتُهُ أَنْ تُسْلِمَ فَأَتَتِ النَّبِىَّ ﷺ فَقَالَتْ إِبْنَتِىْ وَهِىَ فَطِيْمٌ أَوْ شِبْهُهُ وَقَالَ رَافِعٌ إِبْنَتِىْ فَقَالَ النَّبِىُّ ﷺ أُقْعُدْنَاحِيَةً وَقَالَ لَهَا أُقْعُدِى نَاحِيَةً وَاقْعُدِ الصَّبِيَّةَ بَيْنَهُمَا ثُمَّ قَالَ اُدْعُوْاهَا فَمَالَتِ الصَّبِيَّةُ إِلَى أُمِّهَا فَقَالَ النَّبِىُّ ﷺ. اَللّٰهُمَّ اهْدِهَا فَمَالَتْ إِلَى أَبِيْهَا فَأَخَذَهَا.

رواه ابو داود والنسائى

Dari Rafi' bin Sinan r.a. bahawa ia telah masuk Islam sedang isterinya enggan masuk Islam. Maka isterinya datang kepada Nabi s.a.w. lalu berkata: "(Ini) anakku," sambil disusukan. Dan Rafi' juga berkata: "(Ini) anakku!" Lalu Nabi s.a.w. bersabda: "Duduklah engkau di sebelah sini, dan beliau bersabda pula kepada isterinya: Duduklah engkau di sebelah sana, dan duduklah anak itu di antara keduanya. Kemudian beliau bersabda: Panggillah anakmu. (Setelah masing-masing memanggilnya), maka anak itu menoleh kepada ibunya. Lantas Nabi s.a.w. berdoa: "Ya Allah! Tunjukilah anak ini." Lalu anak itu menoleh kepada bapanya, maka diambilnya anaknya itu.
(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Hadis ini menunjukkan bahawa anak mengikut kepada siapa yang Islam dari dua orang ibu bapa. Hal ini beralasan bahawa Rasulullah berdoa supaya anak ini ditunjukkan Allah, semoga meng-

ikut bapanya Rafi' yang telah Islam. Pun ajaran Al-Quran mengatakan bahawa orang kafir tidak diberi jalan oleh Allah berkuasa di atas orang Islam.

Lama masa mengasuh:

1. Menurut Syafii dan Ishak, lama masa mengasuh ialah sampai tujuh atau lapan tahun.
2. Menurut ulama-ulama Hanafiah dan Sauri, ibu lebih berhak mengasuh anak laki-laki sampai ia pandai makan sendiri dan berpakaian sendiri. Sedang anak perempuan sampai ia haid. Sesudah itu baru bapa yang berhak dengan keduanya.
3. Menurut Malik, ibu lebih berhak mengasuh anak perempuan sampai ia kahwin. Sedang bapa berhak mengasuh anak laki-laki sampai ia baligh.

3. ORANG YANG UTAMA UNTUK MENGASUH SERTA SYARAT-SYARATNYA

Urutan orang yang lebih utama mengasuh:

1. Ibu yang belum kahwin dengan laki-laki lain
2. Ibu dari ibu dan seterusnya ke atas.
3. Bapa
4. Ibu dari bapa (nenek)
5. Saudara yang perempuan
6. Makcik
7. Anak perempuan dari saudara perempuan
8. Anak perempuan dari saudara laki-laki
9. Saudara perempuan dari bapa.

Disyaratkan orang yang mengasuh itu:

1. Berakal
2. Merdeka
3. Beragama Islam
4. Orang yang berjiwa bersih dan suci
5. Dapat dipercayai
6. Dapat melakukan kewajipan
7. Orang yang tidak kahwin.

Bila salah satu dari tujuh ini tidak cukup, gugurlah hak mengasuh atasnya.

BAB RADHA'AH (Menyusukan)

1. ERTI MENYUSUKAN

Menyusukan ertinya: Si bayi menghisap susu seorang wanita yang ada air susunya untuk penutup lapar dan haus bagi si bayi itu, sehingga darah dan dagingnya tumbuh dengan air susu tersebut.

Dengan demikian si wanita yang menyusukan itu menjadi mahram oleh bayi (haram nikah dengan dia), dan semua anak yang disusukannya menjadi mahram oleh si bayi tersebut. Apa-apa yang haram dengan sebab keturunan, haram pula sebab sepersusuan.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: وَيَحْرُمُ مِنَ الرَّضَاعَةِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: "Dan haram hukumnya kerana sepersusuannya apa yang haram sebab seketurunan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Adapun haram yang dimaksudkan dalam hadis ini ialah haram melakukan nikah kahwin, boleh melihatnya, berjalan berdua di tempat sunyi, berpegangan dan boleh berpergian bersama. Tetapi tidak termasuk hal waris mewarisi serta soal nafkah, sebab wanita yang menyusukan itu bukan ibunya yang sebenarnya melainkan hanya *"Ibu susuannya"* saja. Oleh sebab itu hukum waris mewarisi atau nafkah tidak masuk ke dalam hukum "menyusukan."

2. SUSUAN YANG MENGAKIBATKAN MAHRAM

Adapun susuan yang menyebabkan mahram antara yang menyusukan dan yang disusukan adalah:

a. Susuan itu merupakan makanan dan minuman oleh si bayi
b. Susuan itu menyebabkan tumbuh daging di badan si bayi
c. Susuan itu paling kurang sebanyak lima kali menyusu
d. Susuan itu paling lama dua tahun.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: فَإِنَّمَا الرَّضَاعَةُ مِنَ الْمَجَاعَةِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Maka sesungguhnya susuan itu kerana disebabkan lapar."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dengan pengertian, bahawa tidaklah dinamakan susuan yang dianggap mengharamkan (jadi mahram) melainkan susuan yang sifatnya cukup untuk dijadikan makanan waktu lapar dan dijadikan minuman waktu haus.

Inilah erti hadis sebagai yang dinyatakan di bawah ini:

عَنْ إِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا رَضَاعَ إِلَّا مَا أَنْشَزَ الْعَظْمَ وَأَنْبَتَ اللَّحْمَ. رواه ابو داود

Dari Ibnu Mas'ud r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w: "Tidaklah dinamakan susuan, melainkan susuan yang menguatkan tulang, dan menumbuhkan daging."

(Diriwayatkan oleh Abu Daud).

Selain dari itu bahawa menyusukan itu paling lama selama dua tahun. Bila menyusukan itu sesudah lebih dua tahun ke atas, maka antara yang menyusukan dan yang disusukan itu tidak menjadi mahram. Sebab Allah berfirman:

حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ*

سورة البقرة اية ٢٣٣

Dua tahun yang sempurna, bagi orang yang hendak menyempurnakan masa susuan.

(Surah Al-Baqarah ayat 233).

Juga bahawa susuan itu sebanyak lima kali menyusu. Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ كَانَ فِيْمَا أَنْزَلَ مِنَ الْقُرْآنِ عَشْرُ رَضَعَاتٍ مَعْلُوْمَاتٍ يُحَرِّمْنَ ثُمَّ نُسِخْنَ بِخَمْسٍ مَعْلُوْمَاتٍ فَتُوُفِّيَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ وَهِيَ فِيْمَا يُقْرَأُ مِنَ الْقُرْآنِ. رواه مسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Adalah pada apa yang turun dari Al-Quran sepuluh kali susuan yang diketahui (jumlahnya) yang mengharamkan. Kemudian hukum itu dimansuhkan (ditukar) dengan lima kali susuan yang diketahui. Lalu diwafatkan Rasulullah, sedang kalimat 'lima kali susuan yang dimaklumi' itu adalah termasuk pada apa yang dibaca dari Al-Quran."

(Riwayat Muslim).

Hal ini diterangkan dalam bab nikah, tentang wanita-wanita yang haram dinikahi.

Menurut Subulussalam: Satu kali susu adalah: Manakala si bayi menghisap susu dan dihirupnya air susu itu kemudian susu itu ditinggalkannya menurut kemahuannya sendiri, tidak kerana sesuatu halangan, maka itu adalah satu kali susuan.

3. PERINTAH MENYUSUKAN ANAK BUKANLAH PERINTAH WAJIB

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ اَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ اَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ* سورة البقرة اية ٢٣٣

Dan kaum ibu menyusukan anaknya selama dua tahun sempurna, adalah bagi orang yang hendak menyempurnakan masa susuannya.

(Surah Al-Baqarah ayat 233).

Dengan pengertian, bahawa anak itu boleh diceraikan sebelum sampai masanya dua tahun.

Dalam ayat lain ditambahkan pula:

فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ فَآتُوْهُنَّ أُجُوْرَهُنَّ* سورة الطلاق اية ٦

Apabila mereka menyusukan anakmu, maka berilah mereka upah.

(Surah At-Talak ayat 6).

Pengertiannya, bahawa sang suami dibebankan memberikan upah terhadap ibu yang menyusukan anaknya. Menandakan, bahawa si ibu tidak wajib menyusukan anak. Andaikata wajib, tentu ia tidak perlu menerima upah dari suaminya.

Apalagi kalau pada ibunya ada sesuatu kesukaran hingga ibunya itu tidak dapat menyusukan anaknya, misalnya air susunya mengandungi penyakit, maka dengan sendirinya air susu itu harus dibelikan atau anak itu diserahkan kepada orang lain untuk menyusuinya, lalu diberi upahnya.

Allah berfirman:

وَإِنْ تَعَاسَرْتُمْ فَسَتُرْضِعُ لَهُ أُخْرٰى* سورة الطلاق اية ٦

Dan jika kamu dalam kesukaran, maka boleh anak itu disusukan oleh orang lain.

(Surah Thalak ayat 6).

Dengan keterangan ini nyatalah bahawa menyusukan anak itu bukanlah wajib hukumnya atas ibunya, melainkan sunat saja. Tuhan memerintahkan atau menganjurkan supaya ibunya yang menyusukan lebih dahulu, sebab air susu ibu itu biasanya lebih baik untuk anaknya sendiri daripada air susu orang lain.

4. LAMA MASA MENYUSUKAN

Selama-lama masa menyusu itu ialah dua tahun, kalau si ibu hendak menyempurnakannya, sesuai dengan ayat sebelumnya.

Ketentuan masa ini ditentukan oleh Tuhan ialah untuk menghilangkan perselisihan yang mungkin timbul antara ibu bapa dalam soal ini. Sebab mungkin antara kedua ibu bapa itu berlain-lain kemahuan tentang lamanya waktu menyusukan anak.

Umpamanya kemahuan ibu hanya satu tahun, sedang bapanya lebih dari itu.

Tidaklah boleh ibu yang menyusukan menceraikan anaknya sebelum dua tahun bila bapanya tidak suka atau tidak mengizinkan.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِنْ أَرَادَا فِصَالاً عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا*

سورة البقرة اية ٢٣٣

Maka apabila keduanya hendak menceraikan, setelah mereka sama-sama suka, dan mereka telah berunding (setelah bertanya kepada orang yang ahli bahawa menceraikan anak itu tidak akan mengkhuatirkan/menyusahkan dirinya sebelum dua tahun), maka tidaklah berdosa mereka menceraikannya.

(Surah Al-Baqarah ayat 233).

Selama anak itu dalam asuhan ibunya, wajiblah atas bapanya memberi nafkah, pakaian, makanan dan sebagainya menurut kesanggupannya. Bila anak itu mahu menyusu air susu ibunya dan ibunya bersedia pula, tidak boleh bapa itu mengambil anaknya untuk diserahkan kepada perempuan lain buat disusukan.

Firman Allah s.w.t.:

وَعَلَى الْمَوْلُوْدِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوْفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَآرَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُوْدٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذٰلِكَ*

سورة البقرة اية ٢٣٣

Dan wajib atas bapa memberi belanja dan pakaian mereka menurut yang sesuai. Tidaklah seseorang diberati melainkan sekuasanya. Tidaklah boleh ibu itu disakiti hatinya dengan anaknya, dan tidak pula bapa itu diberati dengan mengasuh anaknya (apabila bapanya tidak mampu mengasuh anaknya). Dan wajib di atas waris (waris bapanya) seperti kewajipan bapanya pula (andaikata bapanya itu tidak ada).

(Surah Al-Baqarah ayat 233).

Menurut riwayat dari Ikrimah, Ibnu Abbas berkata: "Apabila perempuan melahirkan anak yang baru saja enam bulan mengandung, hendaklah ia menyusukannya selama dua tahun. Apabila anak itu dilahirkannya setelah tujuh bulan mengandung, hendaklah disusukannya 23 bulan. Dan apabila anak itu dilahirkan sesudah

genap sembilan bulan dalam kandungan hendaklah disusukannya selama 21 bulan."

Dengan demikian, lama masa mengandung dan menceraikan ada selama 30 bulan.

Firman Allah s.w.t.:

وَحَمْلُهُ وَفِصَالُهُ ثَلَاثُوْنَ شَهْرًا* سورة الأحقاف اية ١٥

Dari mengandungnya dan (sampai) menceraikannya lamanya tiga puluh bulan.

(Surah Al-Ahqaf ayat 15).

BAB NAFKAH

1. ERTI NAFKAH

Nafkah ertinya mengeluarkan belanja. Menurut istilah syarak, ertinya sesuatu yang dikeluarkan oleh seseorang untuk keperluan dirinya atau keluarganya dan lainnya, yang berupa makanan, minuman, pakaian dan sebagainya.

Yang menyebabkan wajib nafkah ialah:

Pertama: Sebab perkahwinan yang sah

Kedua: Sebab kerabat

Ketiga: Sebab milik.

Nafkah itu wajib diberikan kepada orang yang jadi tanggungan menurut kesanggupan dan kekuatan seseorang.

Allah berfirman dalam Al-Quran:

لِيُنْفِقْ ذُوْ سَعَةٍ مِنْ سَعَتِهِ وَمَنْ قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا اٰتَاهُ اللّٰهُ لَا يُكَلِّفُ اللّٰهُ نَفْسًا إِلَّا مَا اٰتَاهَا* سورة الطلاق اية ٧

Hendaklah memberikan nafkah orang yang empunya kelapangan dari kelapangannya (orang yang kaya sesuai menurut kekayaannya). Dan sesiapa yang ditentukan rezekinya di atasnya, maka hendaklah ia memberikan nafkah menurut yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memberati sesuatu diri melainkan menurut apa yang diberikan kepadanya.

(Surah At-Talak ayat 7).

2. SEBAB-SEBAB YANG MEWAJIBKAN NAFKAH

a. Sebab Perkahwinan

Dengan adanya perkahwinan, timbullah kewajipan bagi seseorang untuk memberikan nafkah menurut kesanggupannya, kepada orang-orang sebagai berikut:

Pertama: Isteri dan anak, sebagaimana Rasulullah s.a.w. telah menyatakan dalam hadis Muawiyah bin Haidah dalam perkara hak isteri atas suami, yang telah kita huraikan sebelum ini.

Keterangan lain:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ فِى حَدِيْثِ الْحَجِّ فِى ذِكْرِ النِّسَاءِ قَالَ: وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوْفِ.

رواه مسلم

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. di dalam hadis haji dalam perkara menyebutkan soal perempuan, beliau bersabda: "Dan hak bagi mereka, kewajipan atasmu memberi makan mereka dan pakaian mereka menurut yang kesesuaiannya."

(Riwayat Muslim).

Bila isteri wajib dibelanjai tentu anak lebih wajib lagi, sebagaimana firman Tuhan yang tersebut di atas.

Kedua: Isteri yang diceraikan selama ia dalam idah raj'i. Tetapi perempuan yang sudah diceraikan tiga kali atau cerai bain dan lain-lainnya, umpamanya kerana khuluk atau fasah, yang wajib hanyalah menyediakan tempat tinggal dan tidak wajib memberi nafkah selama ia beridah. Kalau mereka sedang hamil, wajiblah atas suami memberi nafkah dan tempat tinggal sampai perempuan itu melahirkan anak.

Firman Allah s.w.t.:

اَسْكِنُوْهُنَّ مِنْ حَيْثُ سَكَنْتُمْ مِنْ وُّجْدِكُمْ وَلَا تُضَآرُّوْهُنَّ لِتُضَيِّقُوْا عَلَيْهِنَّ وَإِنْ كُنَّ أُولَاتِ حَمْلٍ فَأَنْفِقُوْا عَلَيْهِنَّ حَتَّى يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ*

سورة الطلاق اية ٦

Berilah perempuan-perempuan yang telah diceraikan itu tempat kediaman, kira-kira sebanding dengan tempat yang telah kamu diami menurut kesanggupanmu. Dan janganlah kamu susahkan mereka dengan sengaja hendak menyempitkan mereka. Dan apabila mereka sedang hamil maka berilah mereka nafkah hingga mereka melahirkan anak.

(Surah At-Talak ayat 6).

Keterangan:

عَنْ فَاطِمَةَ بِنْتِ قَيْسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: طَلَّقَنِى زَوْجِيْ ثَلاَثًا فَلَمْ يَجْعَلْ لِيْ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ سُكْنًى وَلاَ نَفْقَةً.

رواه مسلم وابو داود

Dari Fatimah binti Qais r.a. ia berkata: "Aku telah tiga kali diceraikan oleh suamiku, lalu Rasulullah s.a.w. tidak memberi tempat untukku dan tidak pula belanja."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Dalam ayat di atas Tuhan menyatakan, bahawa perempuan-perempuan yang diceraikan itu wajib diberi tempat dan belanja (nafkah), baik perempuan itu sudah diceraikan tiga kali ataupun masih cerai raj'i. Sedang dalam hadis ini Rasulullah tidak memberikan nafkah dan tempat kepada perempuan yang sudah ditalak tiga kali. Agar kedua dalil di atas tidak dianggap berlawanan maka ulama-ulama Malikiyah dan Syafiyah serta segolongan ulama lainnya berpendapat, bahawa perempuan-perempuan yang sudah ditalak tiga kali wajib diberi tempat, dengan alasan ayat Al-Quran di atas dan tidak wajib nafkah, dengan beralasan hadis Fatimah binti Qais.

(Demikian Tajil Jamik fil Usul).

Menurut pengarang Bidayatul Mujtahid, dalam masalah wajib memberi nafkah dan tempat tinggal bagi perempuan yang telah ditalak secara albattah (cerai bain) bila mereka tidak hamil, dalam kalangan ulama fikih telah timbul perbezaan pendapat:

Pertama: Ulama Kuffah berpendapat wajib diberi nafkah dan tempat tinggal.

Kedua: Menurut Ahmad, Daud, Abu Sur, Ishak dan Jemadi (satu golongan lain), tidaklah wajib diberi nafkah dan tidak pula tempat tinggal.

Ketiga: Malik, Syafii dan satu golongan lain berpendapat wajib diberi tempat dan tidak wajib diberi nafkah.

Yang menjadi sebab pertikaian ini ialah berlainan riwayat hadis Fatimah binti Qais dan kerana berlawanan dengan zahir ayat Al-Quran.

(Demikian Bidayah).

Apabila si suami tidak mahu memberi nafkah, bolehlah si isteri mengambil hartanya, menurut kecukupan atau keperluan untuk dirinya dan untuk anak-anaknya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ فِى امْرَأَةٍ لَا يُعْطِيْهَا زَوْجُهَا النَّفَقَةَ قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: خُذِيْ مِنْ مَالِهِ بِالْمَعْرُوْفِ مَا يَكْفِيْكِ وَمَا يَكْفِى بَنِيْكِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata tentang seorang perempuan yang tidak pernah diberi nafkah oleh suaminya. Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Ambillah olehmu dari hartanya menurut yang sesuai, iaitu sekadar mencukupi untuk belanjamu dan mencukupi pula untuk anak-anakmu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

b. Sebab Kerabat

Pertama: Ibu bapa.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

Syaratnya apabila mereka memerlukan pertolongan dari kita, sebab miskin dan sebagainya.

عَنْ طَارِقِ الْمُحَارِبِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَلَى الْمِنْبَرِ: يَدُ الْمُعْطِي الْعُلْيَا وَابْدَاءْ بِمَنْ تَعُوْلُ أُمَّكَ وَأَبَاكَ وَأُخْتَكَ وَأَخَاكَ ثُمَّ أَدْنَاكَ فَادْنَاكَ.

رواه النسائى

*Dari Tharik Al-Muharibi r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda di atas mimbar: "Tangan yang memberi itu lebih mulia, dan **mulailah memberi** dengan orang yang wajib bagimu menanggung **nafkahnya, iaitu ibu** engkau, bapa engkau, saudara-saudara engkau yang perempuan **dan** saudara engkau yang laki-laki kemudian orang yang dekat **hubungan**nya dengan engkau dan yang dekat pula seterusnya."*

(Riwayat Nasai).

Didahulukan menyebutkan ibu sebelum menyebut bapa menandakan bahawa kebaktian terhadap ibu lebih didahulukan dari kebaktian terhadap bapa.

Andaikata seseorang memperoleh sesuatu keperluan hidup tetapi hanya cukup untuk salah seorang ibu atau bapa (tidak cukup untuk keduanya), maka hendaklah diberikan untuk ibu lebih dahulu.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ مَنْ أَحَقُّ النَّاسِ بِحُسْنِ صَحَابَتِى قَالَ: أُمُّكَ قَالَ: ثُمَّ مَنْ قَالَ: أُمُّكَ قَالَ: ثُمَّ مَنْ قَالَ: أُمُّكَ قَالَ: ثُمَّ مَنْ قَالَ: أَبُوْكَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Pernah datang seorang laki-laki kepada Rasulullah s.a.w. lalu ia berkata: "Ya Rasulullah, siapakah manusia yang lebih berhak menerima kebaktian sebagai sahabatku?" Rasulullah menjawab: "Ibu engkau." Ia berkata: "Kemudian siapa?" Nabi menjawab: "Ibu engkau." Ia berkata lagi: "Kemudian siapa?" Nabi menjawab "Bapa engkau."

Riwayat Bukhari dan Muslim).

Jelasnya bahawa kebaktian kepada ibu, lebih didahulukan kemudian baru kebaktian kepada bapa. Sebab ibu lebih payah mengandung dan mendidik dari kecil.

Firman Allah s.w.t.:

وَوَصَّيْنَا الْاِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ إِحْسَانًا حَمَلَتْهُ أُمُّهُ كُرْهًا وَوَضَعَتْهُ كُرْهًا* سورة الأحقاف اية ١٥

"Dan Kami berpesan kepada manusia, supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapanya, ibulah yang menghamilkannya dengan sangat bersusah payah kemudian melahirkan pun dengan sangat bersusah payah pula."

Surah Al-Ahqaf ayat 15).

c. Sebab Milik

Pertama: Hamba laki-laki atau perempuan, semua yang jadi milik wajib diberi makan dan minumannya dan tidak boleh diberati bekerja, melainkan sesuai menurut kemampuannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ لِلْمَمْلُوْكِ طَعَامُهُ وَكِسْوَتُهُ وَلاَ يُكَلَّفُ مِنَ الْعَمَلِ إِلاَّ مَا يُطِيْقُ.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Hak bagi yang dimiliki memberi makannya dan pakaiannya dan ia tidak boleh diberati berkerja, melainkan sekadar kesanggupannya."

(Riwayat Muslim).

Menurut suatu keterangan dari Nabi, bahawa nafkah yang diberikan kepada keluarga yang menjadi tanggungjawab kita adalah merupakan nafkah sedekah dan pahalanya lebih besar dari sedekah kepada yang lain-lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:

دِيْنَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِى سَبِيْلِ اللهِ وَدِيْنَارٌ أَنْفَقْتَهُ فِى رَقَبَةٍ وَدِيْنَارٌ تَصَدَّقْتَ بِهِ عَلَى مِسْكِيْنٍ وَدِيْنَارٌ أَنْفَقْتَهُ عَلَى أَهْلِكَ أَعْظَمُهَا أَجْرًا الَّذِيْ عَلَى أَهْلِكَ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Wang yang engkau belanjakan di jalan Allah dan wang yang engkau belanjakan untuk memerdekakan seorang hamba dan wang yang engkau sedekahkan kepada fakir miskin, serta wang yang engkau belanjakan untuk keperluan keluarga engkau, maka yang lebih besar pahalanya ialah wang yang engkau belanjakan untuk keluarga engkau."

(Riwayat Muslim).

Keterangan lain menyatakan pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: كَفَى بِالْمَرْءِ إِثْمًا أَنْ يُضَيِّعَ مَنْ يَقُوْتُ.

رواه ابو داود ـ حديث صحيح

Dari Abdullah bin Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w: "Besarlah dosa manusia yang mensia-siakan orang-orang yang menjadi tanggungjawabnya."

(Riwayat Abu Daud).

Kedua: Binatang-binatang suci (halal dipelihara) bukan halal dimakan, umpama kucing, anjing penjaga dan sebagainya.

Binatang-binatang peliharaan itu, diharamkan menahan (tidak diberi makan), kalau yang diharapkan hanya makanan yang diberikan oleh tuannya.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: عُذِّبَتْ إِمْرَأَةٌ فِى هِرَّةٍ سَجَنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ فَدَخَلَتِ النَّارَ فِيْهَا لاَ هِيَ أَطْعَمَتْهَا وَسَقَتْهَا إِذْ هِيَ حَبَسَتْهَا وَلاَ هِيَ تَرَكَتْهَا تَأْكُلُ مِنْ خَشَاشِ الْاَرْضِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Diseksanya seorang perempuan kerana kucing. Kucing itu dikurungnya hingga mati, maka masuklah perempuan itu ke dalam neraka kerana kucing itu tidak diberinya makan dan tidak pula diberinya minum ketika dikurungnya dan tidak ditinggalkannya rumput-rumputnya yang akan dimakannya."

(Riwayat **Bukhari dan Muslim**).

Demikian pula hukumnya binatang-binatang peliharaan yang lain, baik binatang ternak atau tidak. Bila binatang-binatang itu sanggup mencari makan sendiri, tidaklah wajib memberi makanannya.

KITAB MAKANAN DAN PAKAIAN

1. KETENTUAN BARANG YANG AKAN DIMAKAN

Firman Allah s.w.t.:

أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيْمَةُ الْاَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلٰى عَلَيْكُمْ*

سورة المائدة اية ١

Dihalalkan bagimu binatang-binatang ternak, kecuali barang yang telah dinyatakan (haramnya) kepadamu.

(Surah Al-Maidah ayat 1).

Pada mulanya semua yang ada di muka bumi ini halal dimakan oleh manusia, kemudian datanglah syariat menentukan mana yang halal dan mana yang tidak.

Ketentuan semuanya itu adalah sebagai berikut:

Pertama: Barang yang dihalalkan oleh syariat, barang itu halal dimakan sekalipun tidak baik menurut nafsu (selera).

Kedua: Barang yang diharamkan oleh syariat, barang itu haram dimakan sekalipun baik menurut nafsu.

Ketiga: Barang yang tidak dihalalkan dan tidak pula diharamkan oleh syariat, barang yang halal dimakan kerana termasuk barang yang dimaafkan (mubah).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلْحَلَالُ مَا أَحَلَّ اللهُ فِي كِتَابِهِ وَالْحَرَامُ مَا حَرَّمَ اللهُ فِي كِتَابِهِ وَمَا سَكَتَ عَنْهُ فَهُوَ مِمَّا عَفَا عَنْهُ.

رواه الترمذى وأبو داود

Dari Salman Al-Farisi ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Yang halal ialah apa yang telah dihalalkan oleh Allah dalam kitab-Nya, dan haram ialah apa yang telah diharamkan oleh Allah dalam kitab-Nya, dan sesuatu yang didiamkan-Nya hukumnya ialah termasuk barang yang dimaafkan (dibolehkan)."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

2. BINATANG-BINATANG YANG HALAL DIMAKAN

Binatang-binatang yang halal dimakan, terbahagi atas dua bahagian, binatang daratan dan binatang lautan. Binatang daratan ialah binatang-binatang yang hidupnya di darat saja, bukan di dalam air. Binatang darat ini terdiri daripada beberapa jenis:

Pertama: Binatang ternak, iaitu unta, sapi, kerbau, kambing, biri-biri dan lain-lain binatang yang semacam itu. Hal ini dinyatakan oleh ayat di atas, iaitu dihalalkan bagimu binatang-binatang ternak kecuali apa yang telah dinyatakan (haramnya) kepadamu. Yang dimaksudkan dengan binatang ternak ialah yang kuku kakinya berbelah dua.

Kedua: Kuda. Menurut Az-Zujaj kuda ini tidak termasuk dalam *"Bahimatul an'am,"* kerana kukunya tidak berbelah. Tetapi halal dimakan menurut mazhab Syafii.

Keterangan:

عَنْ أَسْمَاءَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَتْ: نَصَرْنَا فَرَسًا عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ ﷺ فَأَكَلْنَاهُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Asma' r.a. ia berkata: "Pernah kami menyembelih seekor kuda di masa Nabi s.a.w. lalu kami makan dagingnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Binatang dhab (tenggiling).

Keterangan:

عَنْ خَالِدِ بْنِ الْوَلِيْدِ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ سَئَلَ النَّبِيَّ ﷺ عَنْ ضَبٍّ مَحْنُوْذٍ فَقَالَ: أَحَرَامٌ هُوَ يَا رَسُوْلَ اللهِ؟ قَالَ: لاَ، وَلَكِنَّهُ لَمْ يَكُنْ بِأَرْضِ قَوْمِيْ فَأَجِدُنِى أَعَافُهُ. قَالَ خَالِدٌ: فَاجْتَرَرْتُهُ فَأَكَلْتُهُ وَالنَّبِيُّ ﷺ يَنْظُرُ. رواه البخاري ومسلم

Dari Khalid bin Walid r.a. sesungguhnya ia pernah bertanya kepada Nabi s.a.w. tentang binatang tenggiling direbus, katanya: "Apakah binatang itu haram, ya Rasulullah?" Rasulullah menjawab: "Tidak, tetapi binatang itu tidak ada di negeriku, maka oleh sebab itu tak ada nafsuku hendak memakannya." Berkata Khalid: "Maka kutariklah dia, lantas aku makan, sedang Nabi s.a.w. melihat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keempat: Himar liar (seperti kuda yang tinggal di hutan-hutan) bukan himar yang jinak.

Keterangan:

عَنْ أَبِيْ قَتَادَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِى قِصَّةِ الْحِمَارِ الْوَحْشِيِّ قَالَ: فَأَكَلَ مِنْهُ النَّبِيُّ ﷺ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Qatadah r.a. dalam perkara himar liar, ia berkata: "Maka telah dimakan oleh Nabi s.a.w."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kelima: Ayam, dikatakan orang bahawa ayam adalah termasuk dalam jenis burung kerana kakinya hanya dua, sedang binatang berkaki empat.

عَنْ أَبِيْ مُوْسَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: رَأَيْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَأْكُلُ دَجَاجًا. رواه البخاري والترمذي

Dari Abu Musa r.a. ia berkata: "Pernah aku melihat Nabi s.a.w. makan (daging) ayam."
(Riwayat Bukhari dan Tirmizi).

Keenam: Belalang, adalah bukan termasuk binatang tetapi sejenis serangga kerana bakinya banyak.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ أَبِى أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: غَزَوْنَا مَعَ النَّبِيِّ ﷺ سَبْعَ غَزَوَاتٍ أَوْ سِتًّا كُنَّا نَأْكُلُ مَعَهُ الْجَرَادَ.

رواه البخاري ومسلم

Dari Ibnu Abu Aufa r.a. ia berkata: "Pernah kami berperang bersama Nabi s.a.w. sebanyak tujuh atau enam kali, dan kami pernah makan belalang berserta Nabi."
(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ketujuh: Arnab. Keterangan menyatakan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ فِى قِصَّةِ الْاَرْنَبِ قَالَ: فَجِئْتُ بِهَا إِلَى أَبِى طَلْحَةَ فَذَبَحَهَا فَبَعَثَ بِوَرِكَيْهَا إِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَقَبِلَهُ. رواه البخاري ومسلم

Dari Anas r.a. dalam perkara binatang arnab ia berkata: "Aku bawa kepada Abu Talhah seekor arnab, lalu disembelihnya. Kemudian dikirimkan orang dua pehanya kepada Rasulullah s.a.w. maka beliau terima pemberian itu."
(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Semua jenis binatang yang tersebut di atas, hanya halal sesudah disembelih oleh orang yang keturunan Kitab, baik orang **Islam, orang Nasrani (Kristian) mahupun orang Yahudi.** Sebab kalau binatang-binatang itu tidak disembelih menurut cara-cara ter-

tentu, hukum memakannya sama dengan memakan bangkai. Nanti akan datang keterangan lebih lanjut.

3. BINATANG LAUT, SERTA BANGKAI IKAN DAN BELALANG

Binatang laut ialah binatang-binatang yang hidupnya hanya di air dan tidak dapat hidup di darat.

Firman Allah s.w.t.:

أُحِلَّ لَكُمْ صَيْدُ الْبَحْرِ وَطَعَامُهُ مَتَاعًا لَّكُمْ وَلِلسَّيَّارَةِ*

سورة المائدة اية ٩٦

Dihalalkan bagimu menangkap buruan (binatang) laut dan memakannya, akan jadi kesenangan bagimu dan bagi para musafir.

(Surah Al-Maidah ayat 96).

Sesungguhnya sekalian binatang yang hidup semata-mata di dalam laut (air) saja, walaupun yang merupakan manusia, anjing dan sebagainya adalah halal dimakan, sama ada hidup atau pun mati. Begitu juga dihalalkan apa yang telah dimuntahkannya dari dalam perutnya, selama yang dimuntahkannya itu belum busuk.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ فِى الْبَحْرِ هُوَ الطَّهُوْرُ مَاءُهُ وَالْحِلُّ مَيْتَتُهُ. رواه أبو داود والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Bersabda Rasulullah s.a.w. tentang perkara laut, iaitu suci airnya dan halal bangkainya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Bangkai ikan dan belalang, keduanya halal dimakan walaupun tidak dipanaskan dengan api.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أُحِلَّتْ

لَنَا مَيْتَتَانِ وَدَمَانِ فَأَمَّا الْمَيْتَتَانِ فَالْحُوْتُ وَالْجَرَادُ وَأَمَّا الدَّمَانِ فَالْكَبِدُ وَالطِّحَالُ. رواه ابن ماجة والحاكم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Dihalalkan bagi kita dua jenis bangkai dan dua jenis darah. Kedua jenis bangkai itu ialah ikan dan belalang dan dua jenis darah itu ialah hati dan limpa."

(Riwayat Ibnu Majah dan Hakim).

4. BINATANG-BINATANG YANG HARAM DIMAKAN

Binatang-binatang yang haram dimakan dagingnya ialah:

Pertama: Bangkai, iaitu binatang-binatang yang mati dengan tidak disembelih, seperti binatang yang mati dicekik, mati dipukul, mati jatuh, mati berlaga, mati diterkam binatang buas, daging babi dan binatang yang disembelih dengan selain nama Allah, seperti nama berhala dan lain-lain.

Firman Allah s.w.t.:

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيْرِ وَمَا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوْذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيْحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ*

سورة المائدة اية ٣

Diharamkan atasmu bangkai, darah, daging babi, binatang yang disembelih tidak dengan nama Allah, yang mati dicekik, mati dipukul, mati jatuh, mati berlaga, binatang yang telah dimakan binatang buas kecuali yang dapat kamu sembelih, dan dilarang memakan binatang yang disembelih atas nama berhala.

(Surah Al-Maidah ayat 3).

Kedua: Himar jinak (peliharaan) dan keldai.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَانَا النَّبِيُّ ﷺ يَوْمَ خَيْبَرَ عَنِ الْبِغَالِ وَالْحَمِيْرِ. رواه أبو داود ومسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Pada hari Khaibar Rasulullah s.a.w. melarang makan daging himar peliharaan."

(Riwayat Abu Daud dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ ﷺ يَوْمَ خَيْبَرَ عَنْ لُحُوْمِ الْحُمُرِ الْاَهْلِيَّةِ. رواه البخاري ومسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: "Nabi s.a.w. telah melarang pada hari Khaibar, memakan daging himar peliharaan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Ketiga: Binatang landak (gunja), iaitu semacam binatang-binatang yang badannya mempunyai rongga yang tajam, seolah-olah itulah yang jadi bulunya.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ شَيْخٌ عِنْدَهُ سَمِعْتُ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُوْلُ: ذُكِرَ عِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ اَلْقُنْفُذُ فَقَالَ: إِنَّهَا خَبِيْثَةٌ مِنَ الْخَبَائِثِ. رواه أحمد وأبو داود بسند ضعيف

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah berkata seorang tua di dekatnya: Pernah aku dengar Abu Hurairah berkata: Pernah disebut-sebut orang di dekat Nabi s.a.w. tentang binatang landak. Berkata Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya binatang itu keji di antara bermacam-macam yang keji."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Tetapi Imam Syafii menghalalkan binatang itu sebab orang Arab sangat menginginginya, dan hadis di atas adalah lemah menurut pendapatnya.

Keempat: Daging yang dipotong dari binatang yang hidup. Kerana barang yang dipotong itu dipandang bangkai menurut syarak, kerana itu dihukumkan najis.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى وَاقِدٍ اللَّيْثِى قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: مَا قُطِعَ مِنَ الْبَهِيْمَةِ وَهِىَ حَيَّةٌ فَهِيَ مَيْتَةٌ.

رواه الترمذى وأبو داود بسند حسن

Dari Abu Waqid Al-Laisi ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w.: "Apa-apa yang dipotong dari binatang-binatang ternak selagi ia hidup maka ia dihukumkan bangkai." (Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Kelima: Binatang yang bertaring, iaitu binatang-binatang buas, seperti harimau, beruang, kucing, anjing dan sebagainya.

Keenam: Burung-burung yang mempunyai kuku pencakar (menyambar), umpamanya burung helang dan lain-lainnya.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنْ كُلِّ ذِيْ نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِى مِخْلَبٍ مِنَ الطُّيُوْرِ.

رواه مسلم وأبو داود

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Pernah Nabi s.a.w. melarang memakan semua haiwan yang mempunyai taring dan burung-burung yang mempunyai kuku pencakar."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Hadis di atas diperkuat lagi oleh hadis yang berikut:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: كُلُّ ذِى نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ فَأَكْلُهُ حَرَامٌ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tiap-tiap yang mempunyai taring dari binatang buas, memakannya haram hukumnya."

(Riwayat Muslim).

Dengan hadis ini bertambah tegaslah, memakan daging binatang buas yang mempunyai taring, hukumnya haram.

Menurut pengarang kitab Subulussalam, bahawa para ulama telah berbeza pendapat mengenai haramnya memakan daging binatang buas itu. Di antaranya Hadawaiyah, Syafii, Abu Hanifah, Ahmad bin Daud, mengenai apa yang dimaksud oleh hadis di atas. Di antara mereka telah timbul perbezaan faham tentang beberapa jenis binatang buas yang diharamkan itu.

Abu Hanifah berpendapat, bahawa tiap-tiap binatang yang memakan daging dinamakan binatang buas. Termasuklah gajah, tenggiling (dhubuk), Yarbuk (binatang yang pendek kaki depan dan panjang kaki belakangnya) dan kucing.

Syafii mengatakan, bahawa binatang buas yang diharamkan memakannya ialah binatang buas yang dapat melompati manusia, seperti singa, harimau, serigala dan lain-lain. Tidak termasuk padanya tenggiling, kancil (sa'lab), sebab keduanya tidak boleh melompati manusia.

Dalam hal ini, telah berfatwa Ibnu Abbas tentang halalnya memakan binatang buas itu. Begitu juga menurut Ibnu Umar dalam satu riwayat yang daif dari Sya'bi dan Said menurut yang diceritakan oleh Ibnu Abdul Bar, Aisyah, Ibnu Jubair. Mereka beralasan dengan firman Allah yang berbunyi:

قُلْ لَا أَجِدُ فِيْ مَا أُوْحِيَ إِلَيَّ مُحَرَّمًا عَلَى طَاعِمٍ يَطْعَمُهُ إِلَّا أَنْ يَكُوْنَ مَيْتَةً أَوْ دَمًا مَسْفُوْحًا أَوْ لَحْمَ خِنْزِيْرٍ فَإِنَّهُ رِجْسٌ أَوْ فِسْقًا أُهِلَّ لِغَيْرِ اللهِ بِهِ* سورة الأنعام اية ١٤٥

Katakanlah hai Muhammad! Aku tidak memperoleh pada apa yang telah diwahyukan kepadaku suatu yang diharamkan tentang makanan yang akan dimakan seseorang, melainkan kalau makanan itu bangkai, atau darah yang mengalir atau daging babi. Kerana sesungguhnya semuanya itu adalah keji atau fasik. Begitu juga binatang-binatang yang disembelih dengan selain nama Allah.

(Surah Al-An'am ayat 145).

Jadi, berdasarkan ayat ini yang diharamkan hanyalah apa-apa yang telah dinyatakan oleh Al-Quran saja. Sedang selainnya halal hukumnya. Tetapi pendapat ini dibantah orang:

1. Ayat di atas adalah ayat Makkiyah (diturunkan di Mekah), sedangkan hadis Abu Hurairah tersebut adalah sesudah hijrah. Bererti faham hadis ini memansuhkan faham ayat itu (bagi orang yang berpendapat, ayat Al-Quran boleh dimansuhkan hukumnya dengan sunah. Selain dari itu dapat pula dikatakan, bahawa yang diharamkan bukanlah yang empat itu saja tetapi masih ada yang lain-lainnya, sebagaimana dinyatakan oleh hadis Nabi di atas.
2. Ayat di atas khusus menyatakan untuk menolak pendapat orang-orang kafir yang mengharamkan lapan jenis binatang halal yang telah dimakan oleh binatang-binatang itu, sebagaimana telah dinyatakan Allah s.w.t. (lihat ayat-ayat sebelumnya!)

Menurut pendapatku, kata pengarang kitab itu seterusnya: Boleh jadi yang dimaksudkan oleh ayat itu ialah seolah-olah Tuhan berfirman: Katakanlah, ya Muhammad! Aku belum memperoleh sekarang ini (sebelum hijrah) sesuatu yang diharamkan, kecuali apa-apa yang disebutkan dalam ayat itu." Kemudian Allah mengharamkan sesudah itu (sesudah hijrah) tiap-tiap yang mempunyai taring dari binatang buas.

(Demikian Subulussalam).

Pengarang sendiri sependapat dengan pengarang kitab Subulussalam tersebut. Dan dapat pula ditambahkan dengan memperhatikan sebab-sebab turun ayat di atas, bahawa kata *illa* (pengecualian) yang ada dalam ayat itu adalah *hashar idhafi,* bukan *hashar haqiqi. Ertinya, menyandarkan faham bahawa mengharamkan* yang empat macam tersebut dalam ayat di atas hanyalah semata-mata menegaskan dan memandang kepada pendapat orang-orang kafir yang mengharamkan sebahagian binatang ternak sebelum hijrah. Dan hashar ini tidak mencakup kepada apa yang diharamkan sesudah hijrah.

Ketujuh: Binatang-binatang yang disuruh membunuhnya, iaitu:

1. Tikus
2. Kala
3. Burung helang
4. Anjing penggigit
5. Mengkarung (seperti binatang bisa, yang berkaki empat yang bentuknya sepeti cicak, agak besar sedikit).

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: أَمَرَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِقَتْلِ خَمْسٍ فَوَاسِقَ فِى الْحِلِّ وَالْحَرَمِ: اَلْفَأْرَةِ وَالْعَقْرَبِ وَالْغُرَابِ وَالْحُدَيَّاوَالْكَلْبِ الْعَقُوْرِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Telah disuruh oleh Rasulullah s.a.w. membunuh lima jenis binatang yang merosak, di masa halal (biasa) dan di masa ihram, iaitu tikus, kala jengking, gagak, helang dan anjing penggigit."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَمَرَ بِقَتْلِ الْوَزَغِ وَسَمَّاهُ فُوَيْسِقًا. رواه البخارى ومسلم

Dari Saad r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah menyuruh membunuh mengkarung dan dinamakannya binatang itu binatang kecil perosak (fuwaisiq)."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dan dibandingkan dengan itu tiap-tiap binatang yang berbisa atau perosak, seperti ular, lipan dan sebagainya.

Kelapan: Binatang yang dilarang membunuh, iaitu semut, lebah (tawon), burung teguk-teguk dan burung suradi (burung yang suka memburu burung kecil-kecil).

عَن اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنْ قَتْلِ أَرْبَعٍ مِنَ الدَّوَابِّ: اَلنَّمْلَةِ وَالنَّحْلَةِ وَالْهُدْهُدِ وَالصُّرَدِ.

رواه ابو داود وأحمد

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Telah melarang Nabi s.a.w. membunuh empat jenis binatang, iaitu semut, lebah, burung teguk-teguk dan burung suradi."

(Riwayat Abu Daud dan Ahmad).

Kesembilan: Binatang-binatang yang dipandang keji, seperti kutu, tuma, ulat dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t.:

وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ* سورة الأعراف اية ١٥٧

Dan mengharamkan Allah atas mereka segala macam yang keji-keji.

(Surah Al-A'raf ayat 157).

Kesepuluh: Binatang-binatang yang hidup di darat dan di laut, seperti katak, buaya, biawak, ketam dan sebagainya. Katak bukan saja kerana ia binatang yang hidup di darat dan di laut, tetapi juga kerana termasuk binatang yang terlarang membunuhnya.

Keterangan:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ عُثْمَانَ قَالَ: ذَكَرَ طَبِيْبٌ عِنْدَ النَّبِيِّ ﷺ دَوَاءً وَذَكَرَ الضِّفْدَعَ يَجْعَلُهَا فِيْهِ فَنَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنْ قَتْلِ الضِّفْدَعِ. رواه أبو داود والنسائى

Dari Abdul Rahman bin Usman ia berkata: "Pernah seorang tabib menyebut-nyebut ubat di dekat Nabi s.a.w. dan disebutnya binatang katak yang dapat dijadikan ubat itu. Lantas Nabi s.a.w. melarang membunuh katak itu."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Hadis ini menyatakan bahawa katak dilarang membunuhnya, kecuali katak yang tidak dijadikan ubat. Kalau dilarang membunuhnya, tentu memakannya dilarang pula.

Kesebelas: Binatang yang memakan tahi, baik tahi orang mahupun tahi binatang.

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ عَنِ الْجَلَالَةِ وَأَلْبَانِهَا. رواه أبو داود والترمذي

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: "Telah melarang Nabi s.a.w. memakan daging binatang yang memakan tahi dan meminum susunya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi)

Adapun ayam, burung dan binatang-binatang yang dagingnya halal dimakan, kalau makanannya itu kebanyakan dari tahi, haram juga memakannya, sebab dagingnya itu berasal dari najis.

Berkata sebahagian ulama: Binatang-binatang yang halal dimakan, bila makanannya kebanyakannya tahi, dagingnya belum halal dimakan, kecuali kalau ia dikurung beberapa hari lamanya dengan memberi makanan yang lain, hingga diyakini bahawa isi perutnya itu telah berasal dari yang suci dan telah baik dimakan. Maka dikatakan orang: Kalau kerbau dan sapi harus dikurung selama 40 hari, kambing dan biri-biri selama tujuh hari, ayam dan burung selama tiga hari, kemudian baru boleh disembelih dan dimakan dagingnya.

(Demikian At-Tajul Jamik).

Barang-barang yang tidak dihalalkan dan tidak pula diharamkan oleh syarak, ertinya tidak diperintah dan disuruh memakannya, maka barang itu dihukumkan halal oleh syarak memakannya. Seperti hadis Khalid bin Walid di atas tentang perkara binatang dhab (tenggiling). Rasulullah s.a.w. tidak melarang dan tidak pula menyuruh memakannya. Oleh sebab itu ditetapkan halal hukum binatang itu dimakan (Sunah taqriri).

Orang-orang yang terpaksa memakan sesuatu, ertinya orang yang diancam maut, kerana ketiadaan makanan di waktu perjalanan dan sebagainya. Dalam keadaan demikian semua yang diharamkan jadi halallah baginya. Tetapi sekadar untuk menghilangkan laparnya saja dan tidak berlebih-lebihan.

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَآ أُهِلَّ بِهِ لِغَيْرِ اللهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ بَاغٍ وَّلَا عَادٍ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ*

سورة البقرة ١٧٣

Sesungguhnya diharamkan atasmu memakan bangkai, darah, daging babi, binatang yang disembelih bukan dengan nama Allah. Maka sesiapa yang terpaksa memakannya dan ia tidak aniaya dan tidak pula melampaui batas, tidaklah ada dosa atasnya.

(Surah Al-Baqarah ayat 173).

Memakan batu, tanah, racun, kaca dan sebagainya haram hukumnya, sebab membahayakan kepada diri sendiri. Haram hu-

kumnya atas seseorang bererti menjatuhkan dirinya ke dalam jurang kebinasaan.

BAB BERBURU

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا لَيَبْلُوَنَّكُمُ اللهُ بِشَيْءٍ مِنَ الصَّيْدِ تَنَالُهُ أَيْدِيْكُمْ وَرِمَاحُكُمْ*

سورة المائدة اية ٩٤

Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya Allah mengujimu dengan sesuatu dari binatang buruan, yang didapat oleh tangan dan tombakmu."

(Surah Al-Maidah ayat 94).

Memburu binatang liar yang halal dimakan, boleh pada setiap waktu, kecuali di waktu seseorang sedang ihram, ertinya sedang melakukan pekerjaan haji. Ketika itu haramlah baginya berburu. Dan apabila ia telah selesai dari ihram, barulah boleh ia berburu.

1. ALAT-ALAT UNTUK BERBURU DAN HUKUM BINATANG BURUAN

Alat-alat yang boleh dipakai untuk berburu ialah:

Pertama: Binatang buas yang mempunyai taring, seperti anjing dan sebagainya.

Kedua: Barang yang mempunyai kuku pencakar, seperti helang dan sebagainya.

Ketiga: Perkakas runcing yang dapat mengeluarkan darah, seperti panah atau peluru, yang diperbuat daripada besi, tembaga dan sebagainya.

Binatang-binatang yang ditangkap oleh binatang pemburu, baru dapat dihukumkan halal, dengan syarat:

Pertama: Binatang itu memang telah diajar untuk berburu, hingga ia pandai. Tanda binatang itu telah pandai ialah bila suruh pergi ia pergi dan bila dipanggil ia datang, dan binatang yang ditangkapnya itu sedikit pun tidak dimakannya.

Kedua: Membaca "Bismillah" ketika melepaskan binatang itu.

Firman Allah s.w.t.:

قُلْ أُحِلَّ لَكُمُ الطَّيِّبٰتُ وَمَا عَلَّمْتُمْ مِّنَ الْجَوَارِحِ مُكَلِّبِيْنَ تُعَلِّمُوْنَهُنَّ مِمَّا عَلَّمَكُمُ اللّٰهُ فَكُلُوْا مِمَّا أَمْسَكْنَ عَلَيْكُمْ وَاذْكُرُوا اسْمَ اللّٰهِ عَلَيْهِ وَاتَّقُوْا اللّٰهَ إِنَّ اللّٰهَ سَرِيْعُ الْحِسَابِ*

سورة المائدة اية ٤

Katakanlah hai Muhammad, dihalalkan bagimu segala makanan yang baik rasanya, binatang yang diburu oleh anjing yang terlatih, yang kamu lepaskan buat memburu binatang, sedang kamu telah memberi ajaran kepada anjing itu dengan ajaran yang telah diajarkan Allah kepadamu. Maka bolehlah kamu makan binatang yang ditangkap anjing itu tetapi sebutlah nama Allah ketika melepaskannya. Dan takutlah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah cepat perhitungannya."

(Surah Al-Maidah ayat 4).

Keterangan lain:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: يَا رَسُوْلَ اللّٰهِ إِنِّى أُرْسِلُ الْكَلْبَ الْمُعَلَّمَةَ فَيُمْسِكْنَ عَلَيَّ وَأَذْكُرُ اسْمَ اللّٰهِ عَلَيْهِ فَقَالَ: إِذَا أَرْسَلْتَ كَلْبَكَ الْمُعَلَّمَ وَذَكَرْتَ اسْمَ اللّٰهِ عَلَيْهِ فَكُلْ وَإِنْ قَتَلْنَ مَا لَمْ يَشْرَكْهَا كَلْبٌ لَيْسَ مَعَهَا. رواه البخاري ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Ya Rasulullah, sesungguhnya aku pernah melepaskan seekor anjing yang terlatih lalu ditangkapnya buruan itu untukku, dan aku sebut pula nama Allah waktu melepaskannya. Maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Apabila engkau telah melepaskan anjing engkau yang terlatih serta engkau telah menyebut nama Allah waktu melepasnya, maka makanlah (boleh dimakan) sekalipun buruan itu telah dibunuhnya, (syaratnya) selama ia tidak disyarikati oleh anjing yang lain, yang tidak dilepaskan bersama-sama dengan anjing itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bila bersama anjing itu ada anjing lain, sedang binatang yang ditangkapnya itu telah mati, maka tidaklah halal memakan binatang itu, sebab tidak diketahui mana di antara anjing itu yang telah membunuhnya. Kalau binatang yang ditangkapnya itu masih hidup wajiblah menyembelih lebih dahulu menurut cara-cara penyembelihan biasa.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا أَرْسَلْتَ كَلْبَكَ فَاذْكُرِ اسْمَ اللهِ عَلَيْهِ فَإِنْ أَمْسَكَ عَلَيْكَ فَأَدْرَكْتَهُ حَيًّا فَاذْبَحْهُ وَإِنْ أَدْرَكْتَهُ قَدْ قُتِلَ وَلَمْ يَأْكُلْ مِنْهُ فَكُلْهُ وَإِنْ وَجَدْتَ مَعَ كَلْبِكَ كَلْبًا غَيْرَهُ وَقَدْ قَتَلَ فَلَا تَأْكُلْ فَإِنَّكَ لَا تَدْرِي أَيُّهُمَا قَتَلَهُ وَإِنْ رَمَيْتَ بِسَهْمِكَ فَاذْكُرِ اسْمَ اللهِ تَعَالَى. رواه مسلم

Dari Adi bin Hatim r.a. ia berkata: "Telah bersabda Rasulullah s.a.w. Bila engkau telah melepaskan anjing engkau, maka sebutlah nama Allah di atasnya. Bila ia telah menangkap untuk engkau, dan engkau dapati binatang itu masih hidup sembelihlah dia. Dan jika engkau dapati dia telah terbunuh, dan anjing itu tidak memakannya, maka boleh engkau makan dia. Dan jika engkau dapati anjingmu berserta anjing-anjing yang lain, sedang binatang itu telah terbunuh, maka janganlah engkau makan. Kerana engkau tidak mengetahui, mana di antara kedua anjing itu membunuhnya. Dan jika engkau telah memanah dengan panah engkau, maka sebutlah nama Allah Taala."

(Riwayat Muslim).

Jadi hadis ini menerangkan apabila binatang yang ditangkapnya itu dimakannya, walaupun sedikit, maka tidaklah halal lagi dimakan.

2. BINATANG-BINATANG YANG KENA PANAH ATAU PELURU

Binatang yang kena panah atau peluru baru dapat dikatakan halal, bila ketika memanah atau menembak itu dibaca Bismillah se-

perti melepaskan binatang untuk berburu. Bila binatang itu hilang sesudah ditembak sehari dua, kemudian ia bertemu kembali, maka binatang itu boleh dimakan, selama belum busuk.

Keterangan:

عَنْ عَدِيِّ بْنِ حَاتِمٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَإِنْ رَمَيْتَ بِسَهْمِكَ فَاذْكُرِ اسْمَ اللهِ تَعَالَى فَإِنْ غَابَ عَنْكَ يَوْمًا فَلَمْ تَجِدْ فِيْهِ إِلاَّ أَثَرَ سَهْمِكَ فَكُلْ إِنْ شِئْتَ وَإِنْ وَجَدْتَهُ غَرِيْقًا فِى الْمَاءِ فَلاَ تَأْكُلْهُ. رواه مسلم

Dari Adi bin Hatim r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Apabila engkau hendak memanahkan anak panahmu (kepada buruan), maka sebutlah nama Allah Taala, bila ia hilang (dari engkau) selama sehari, lantas tidak engkau dapati padanya melainkan bekas panahmu, maka makanlah jika engkau mahu, dan apabila engkau mendapatinya terbenam di dalam air, maka janganlah engkau makan."

(Riwayat Muslim).

Dalam riwayat Muslim dari Abi Sa'labah, ditambahkan kata Nabi s.a.w. "Selama belum busuk."

Pada biasanya bangkai yang sudah terbenam dalam air selama sehari atau semalam, baunya telah busuk (berubah). Oleh sebab itu tidak boleh dimakan lagi. Kerana sudah haram hukumnya sebab sudah dianggap keji atau bangkai.

Binatang-binatang yang mati kerana sanding atau kerana pangkal panah, tidaklah halal dimakan, sebab pangkal atau sanding panah itu tidak melukai, melainkan membunuh saja.

عَنْ عَدِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَئَلْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ عَنْ صَيْدِ الْمِعْرَاضِ فَقَالَ: إِذَا أَصَبْتَ بِحَدِّهِ فَكُلْ وَإِذَا أَصَبْتَ بِعَرْضِهِ فَقَتَلَ فَإِنَّهُ وَقِيْذٌ فَلاَ تَأْكُلْ. رواه البخارى

Dari Adi r.a. ia berkata: Pernah aku bertanya kepada Rasulullah s.a.w. tentang buruan yang kena sanding panah, lalu beliau jawab:

"Bila engkau mengenainya dengan panah, dengan hujungnya yang tajam, boleh engkau makan. Tapi bila engkau mengenainya dengan sandingnya (lintangnya) lantas ia mati, sesungguhnya binatang itu buruan yang kena pukul, maka janganlah engkau makan."

(Riwayat Bukhari).

Binatang-binatang (buruan) yang mati kena lempar dengan batu, tidaklah halal dimakan kerana tidak memenuhi syarat.

BAB MENYEMBELIH

1. MACAM-MACAM BINATANG YANG AKAN DISEMBELIH

Binatang-binatang darat yang halal dimakan ada dua macam keadaannya, iaitu:

1. Binatang yang mudah disembelih.
2. Binatang yang susah disembelih.

Binatang-binatang yang mudah disembelih, halal dilakukan penyembelihan padanya dengan sekurang-kurangnya memutuskan urat pernafasan dikerongkongnya dan urat penyaluran makanan yang tempatnya di bawah urat pernafasan itu.

Binatang-binatang yang susah disembelih, umpamanya binatang yang jatuh ke dalam sungai, tersepit di dalam lurah atau binatang liar atau binatang peliharaan seperti binatang liar yang sudah ditangkap dan sebagainya, halal (boleh) menyembelihnya dengan jalan melukai bahagian anggota yang dapat menghilangkan roh.

Umpamanya dicucuk dengan panah, dengan pisau dan sebagainya pada badannya.

Keterangan:

عَنْ أَبِى الْعُشَرَاءِ عَنْ أَبِيْهِ قَالَ: قِيْلَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ أَمَا تَكُوْنُ الذَّكَاةُ إِلاَّ فِى الْحَلْقِ وَاللَّبَّةِ قَالَ: لَوْ طَعَنْتَ فِى فَخِذِهَا لَأَجْزَأَ عَنْكَ.

رواه الترمذى وابو داود

Dari Usyra', dari bapanya ia berkata: Ditanya orang: Ya Rasulullah, apakah tidak ada penyembelihan itu selain dikerongkongan dan

dileher? Beliau menjawab: "Kalau engkau cucuk pehanya, nescaya memandailah itu."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيْجٍ قَالَ: وَأَصَبْنَا نَهْبَ إِبِلٍ وَغَنَمٍ فَنَدَّ مِنْهَا بَعِيْرٌ فَرَمَاهُ رَجُلٌ بِسَهْمٍ فَحَبَسَهُ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّ لِهٰذِهِ الْإِبِلِ أَوَابِدَ كَأَوَابِدِ الْوَحْشِيِّ فَإِذَا غَلَبَكُمْ مِنْهَا شَيْءٌ فَاصْنَعُوْا بِهِ هٰكَذَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Rafi' bin Khadij (di dalam kisah perjalanannya dengan Rasulullah s.a.w.) ia berkata: "Pernah kami sampai kepada sekumpulan unta dan kambing (rampasan), lantas daripadanya ada seekor unta jantan, maka dilempar oleh seorang laki-laki dengan panah, lalu mati unta itu. Rasulullah s.a.w. bersabda: Sesungguhnya bagi unta ini ada tabiat seperti tabiat binatang liar, maka apabila sesuatu dari unta-unta itu mengalahkan kamu maka perbuatlah dengan dia seperti itu.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. SYARAT-SYARAT PENYEMBELIHAN DAN SYARAT ORANG YANG AKAN MENYEMBELIH

Syarat-syarat menyembelih binatang yang sihat, ialah:

1. Binatang itu hidup "mustaqirrah" di awal penyembelihannya, walaupun secara dugaan saja. Bila ada binatang ternak yang jatuh atau sudah disembelih lehernya tetapi belum putus (belum putus dua urat pernafasan dan makanan yang tersebut di atas tadi) haram hukumnya memakan daging binatang itu dengan penyembelihan yang kedua kali, kerana hidupnya dengan penyembelihan yang pertama itu bukan hidup mustaqirrah, melainkan hidup sebagai binatang yang setengah disembelih. Dan penyembelihan yang kedua kali itu dianggap menganiaya binatang.
2. Binatang itu adalah binatang yang halal dimakan, seperti sapi, unta, kambing, kerbau dan lain-lain sebagainya.

(Demikian I'anah At-Talibin).

Disyaratkan bagi orang yang akan menyembelih itu:

1. Orang Islam, atau
2. Orang yang keturunan kitab, iaitu orang Yahudi atau Nasrani. Tidaklah halal memakan penyembelihan orang Buddha dan sebagainya
3. Melihat, tidaklah halal penyembelihan orang buta
4. Berniat menyembelih, tidaklah halal penyembelihan yang tidak disengaja.

(I'anah At-Talibin).

3. SYARAT-SYARAT ALAT UNTUK MENYEMBELIH

Alat-alat penyembelihan itu disyaratkan perkakas yang tajam, bukan perkakas yang runcing. Sebab untuk memutus kedua urat besar di kerongkongan itu haruslah alat yang tajam, umpamanya besi, kaca, kayu, emas, perak dan sebagainya, asal dapat melukai dan memutuskan kedua urat itu. Dikecualikan kuku dan gigi atau tulang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوْا الْقِتْلَةَ وَإِذَا ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذِّبْحَةَ وَلْيُحِدَّ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ وَلْيُرِحْ ذَبِيْحَتَهُ. رواه مسلم

Dari Syaddad bin Aus ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Bila kamu hendak membunuh, baikkanlah pembunuhanmu itu, dan bila kamu hendak menyembelih baikkanlah penyembelihanmu itu, dan hendaklah kamu tajamkan perkakasmu, dan hendaklah engkau senangkan penyembelihan itu."

(Riwayat Muslim).

Sabda Rasulullah pula:

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيْجٍ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَا أَنْهَرَ الدَّمَ وَذُكِرَ اسْمُ اللهِ عَلَيْهِ فَكُلْ لَيْسَ السِّنَّ وَالظُّفُرَ أَمَّا السِّنُّ فَعَظْمٌ وَأَمَّا الظُّفُرُ فَمُدَى الْحَبَشَةِ. رواه البخارى مسلم

Dari Rafi' bin Khadij dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apa-apa yang dapat mengalirkan darah serta dibaca nama Allah padanya (waktu menyembelihnya), maka boleh engkau makan kecuali gigi dan kuku. Gigi adalah tulang dan kuku adalah pisau orang Habsyah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Haram memakan daging binatang yang mati terhimpit, mati jatuh atau ditembak dengan peluru (bukan berburu), atau disembelih dengan pisau tumpul yang tidak dapat dikeratkan, melainkan semata-mata dengan kekuatan yang menyembelih.

Menurut sebahagian ulama, bahawa dengan pisau tajam itu adalah semata-mata sunat menyembelih, dan bukan wajib.

Dalam penyembelihan binatang ternak disunatkan:

1. Memutuskan kedua urat yang ada di kiri kanan leher binatang itu.
2. Binatang yang disembelih itu hendaklah dihadapkan ke Kiblat.
3. Yang menyembelih hendaklah orang laki-laki yang baligh – berakal. Kalau tidak ada laki-laki, sama ada kerana jauh atau sebagainya maka boleh dilakukan oleh perempuan. Bila tidak ada perempuan, bolehlah anak laki-laki yang sudah mumayiz.
4. Membaca nama Allah ketika menyembelih, iaitu: بسم الله الرحمن الرحيم lalu terus membaca selawat kepada Nabi, iaitu: اللهم صل وسلم على سيدنا محمد

Penyembelihan Ahli Kitab.

Penyembelihan Ahli Kitab, iaitu orang Nasrani dan orang Yahudi boleh (halal) dimakan, seperti corned dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t.:

وَطَعَامُ الَّذِيْنَ أُوْتُوا الْكِتَابَ حِلٌّ لَّكُمْ* سورة المائدة اية ٥

Dan makanan orang-orang yang keturunan kitab, halal bagimu.

Surah Al-Maidah ayat 5).

Berkata Ibnu Abbas tentang ayat ini, bahawa yang dimaksudkan dengan makanan mereka di sini ialah penyembelihan mereka.

(Riwayat Bukhari).

Menurut keterangan Ibnu Abbas, yang diriwayatkan oleh Abu Daud, bahawa ayat yang menyatakan: bahawa hukum tidak boleh memakan penyembelihan yang tidak disebut nama Allah padanya, adalah telah dimansuhkan, dan dari ayat itu telah dikecualikan sembelihan ahli kitab.

4. PENYEMBELIHAN JANIN (Anak di dalam perut), SERTA HUKUM MEMBACA "BISMILLAH" WAKTU MENYEMBELIH

Jika terdapat anak binatang sembelihan yang mati dalam perut setelah induknya disembelih, maka anaknya itu halal juga dimakan kerana kematiannya itu bererti disebabkan kematian ibunya yang disembelih.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى سَعِيْدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: ذَكَاةُ الْجَنِيْنِ ذَكَاةُ أُمِّهِ. رواه أحمد

Dari Abu Said Khudri r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Penyembelihan anak binatang dalam perut, cukuplah dengan penyembelihan induknya." (Riwayat Ahmad).

Tetapi kalau waktu ia dikeluarkan masih hidup wajiblah menyembelihnya lebih dahulu. Dalam hal ini tak ada perbezaan faham dalam kalangan alim ulama.

Menyebut Bismillah hanyalah sunat pada penyembelihan. Apabila ada orang memberikan daging ternak yang sudah di sembelih, sedang penyembelihan itu tidak diketahui sama ada dengan membaca Bismillah atau tidak, maka daging itu halal dimakan dan bacalah Bismillah ketika hendak memakannya.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ قَوْمًا قَالُوْا لِلنَّبِيِّ ﷺ أَنَّ قَوْمًا يَأْتُوْنَنَا بِاللَّحْمِ لَا نَدْرِى أَذَكَرُوْا اسْمَ اللهِ عَلَيْهِ أَمْ لَا قَالَ: سَمُّوا اللهَ عَلَيْهِ أَنْتُمْ وَكُلُوْهُ. رواه البخاري

Dari Aisyah r.a. sesungguhnya kaum pernah berkata kepada Nabi s.a.w. bahawa pernah suatu kaum memberikan daging kepada kami, dan kami tidak tahu apakah mereka menyebut nama Allah ketika menyembelihnya atau tidak. Bersabda Nabi: "Bacalah Bismillah ketika memakannya dan makanlah."

(Riwayat Bukhari).

BAB KESOPANAN DALAM MAKANAN DAN MINUMAN

Firman Allah s.w.t.:

يَآ اَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوْا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوْا صَالِحًا إِنِّى بِمَا تَعْمَلُوْنَ عَلِيْمٌ*

سورة المؤمنون اية ٥١

Hai sekalian rasul, makanlah barang yang halal dan kerjakanlah amal yang salih. Sesungguhnya Aku lebih mengetahui akan apa yang kamu kerjakan itu.

(Surah Al-Mukmin ayat 51).

Pada ayat lain dinyatakan pula:

وَكُلُوْا وَاشْرَبُوْا وَلاَ تُسْرِفُوْا إِنَّهُ لاَ يُحِبُّ الْمُسْرِفِيْنَ*

سورة الأعراف اية ٣١

Makanlah dan minumlah, tetapi janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas). Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berlebih-lebihan itu.

(Surah Al-A'raf ayat 31).

Adapun soal-soal mengenai makan dan minum akan diterangkan dalam beberapa fasal.

1. KESOPANAN DALAM MAKAN

Bila seseorang hendak memakan sesuatu makanan hendaklah diperhatikannya tata tertib makan, supaya makanan itu memberi

berkat bagi dirinya. Untuk melaksanakan tata tertib makan, hendaklah ditiru cara makan Nabi Muhammad s.a.w.

1. Membasuh tangan sebelum makan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَلْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: بَرَكَةُ الطَّعَامِ الْوُضُوْءُ قَبْلَهُ وَالْوُضُوْءُ بَعْدَهُ. رواه أبو داود والترمذي

Dari Salman r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Keberkatan makanan itu ialah berwuduk sebelumnya dan berwuduk pula sesudahnya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Yang dimaksudkan dengan berwuduk di sini ialah membasuh tangan, sebab dengan cara berwuduk itu di dalamnya terkandung membasuh tangan. Bila ada sudu dan garpu maka cukuplah sudu dan garpu itu saja yang dibasuh, sebagai ganti membasuh tangan.

2. Membaca Bismillah sebelumnya. Kalau Bismillah itu terlupa di awalnya, boleh dibaca dipertengahannya: بِسْمِ اللهِ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ. ertinya: Dengan nama Allah di awalnya dan di akhirnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَذْكُرِ اسْمَ اللهِ وَإِنْ نَسِيَ أَنْ يَذْكُرَ اسْمَ اللهِ فِي أَوَّلِهِ فَلْيَقُلْ بِسْمِ اللهِ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ.

رواه أبو داود والترمذى ـ حسن صحيح

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila salah seorang di antaramu hendak makan, hendaklah dia menyebut nama Allah. Jika ia terlupa menyebut nama Allah itu di awalnya, hendaklah diucapkannya: بِسْمِ اللهِ أَوَّلَهُ وَآخِرَهُ.

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

3 Menjamah makanan dengan tangan kanan, jangan dengan tangan kiri, sebab syaitan (iblis) makan dengan tangan kiri dan minum dengan tangan kiri.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَأْكُلْ بِيَمِيْنِهِ وَإِذَا شَرِبَ فَلْيَشْرَبْ بِيَمِيْنِهِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْكُلُ بِشِمَالِهِ وَيَشْرَبُ بِشِمَالِهِ. رواه مسلم وأبو داود

Diceritakan oleh Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apabila salah seorang di antara kamu akan makan, hendaklah ia makan dengan tangan kanannya. Dan apabila ia akan minum, hendaklah ia minum dengan tangan kanannya. Kerana syaitan itu makan dengan tangan kiri dan minum pun dengan tangan kiri juga."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

4. Sambil membaca Bismillah, hendaklah berserah diri kepada Allah sebelum makanan dimasukkan ke dalam mulut dengan kepercayaan, bahawa Allah tidak akan merosakkan kita dengan makanan itu. Siapa tahu di dalam makanan itu ada racun dan lain-lainnya.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَخَذَ بِيَدِ مَجْذُوْمٍ فَأَدْخَلَهُ مَعَهُ فِي الْقَصْعَةِ ثُمَّ قَالَ: كُلْ بِسْمِ اللهِ ثِقَةً بِاللهِ وَتَوَكُّلاً عَلَيْهِ. رواه الترمذى

Dari Jabir r.a. bahawasanya Nabi s.a.w. pernah mengambil tangan seseorang yang kena penyakit kusta, lalu beliau masukkan tangan itu berserta tangannya ke dalam bekas air (untuk dibasuh). Kemudian beliau bersabda: بِسْمِ اللهِ ثِقَةً بِاللهِ وَتَوَكُّلاً عَلَيْهِ. *: "Dengan nama Allah, aku percaya kepada Allah dan bertawakal kepada-Nya."*

(Riwayat Tirmizi).

5. Mengambil makanan yang lebih dekat dari tempat duduk sendiri dan jangan menjamah makanan yang jauh.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ أَبِى سَلْمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ لِيْ النَّبِيُّ ﷺ: يَا غُلَامُ سَمِّ اللهَ وَكُلْ بِيَمِيْنِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيْكَ فَمَا زَالَتْ تِلْكَ طُعْمَتِى بَعْدُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Amr bin Abu Salmah r.a. ia berkata: Telah berkata kepadaku Nabi s.a.w.: "Hai anakku, sebutlah nama Allah dan makanlah dengan tangan kanan engkau dan ambillah makanan yang dekat kepada engkau. Sesudah itu selalu aku makan sedemikian."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

6. Jangan suka mencela makanan orang. Kalau suka makanlah dan kalau tidak tinggalkanlah. Kecuali kalau hendak memberi peringatan saja, seperti gulai tak berasa garam supaya garamnya ditambah dan sebagainya.

Keterangan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَا عَابَ النَّبِيُّ ﷺ طَعَامًا قَطُّ إِنِ اشْتَهَاهُ أَكَلَهُ وَإِنْ كَرِهَهُ تَرَكَهُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Sekali-kali tak pernah Nabi s.a.w. mencela makanan, jika beliau suka dimakannya dan jika beliau tidak suka ditinggalkannya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

7. Hendaklah duduk waktu makan dan janganlah makan berdiri atau sambil berjalan.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ نَهَى عَنِ الشَّرَابِ قَائِمًا

فَقِيْلَ: اَلْأَكْلُ قَالَ: ذٰلِكَ أَشَدُّ. رواه الترمذى

Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah melarang minum sambil berdiri. Lantas ditanya orang: "Bagaimana kalau makan?" Beliau menjawab: "Itu lebih-lebih lagi."

(Riwayat Tirmizi).

8. Janganlah memakan makanan yang terletak di sebelah atas, tetapi hendaklah diambil lebih dahulu yang terletak di sebelah bawah atau yang dipinggir tempat terletak makanan itu. Sebab keberkatan makanan itu turun ke bawahnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا أَكَلَ أَحَدُكُمْ طَعَامًا فَلَا يَأْكُلْ مِنْ أَعْلَى الصَّحْفَةِ وَلٰكِنْ يَأْكُلْ مِنْ أَسْفَلِهَا فَإِنَّ الْبَرَكَةَ تَنْزِلُ مِنْ أَعْلَاهَا.

رواه أبو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila seyang sebelah atas akan tetapi makanlah dari sebelah bawahnya, kerana sesungguhnya berkat itu turun dari atasnya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

9. Hendaklah mengecilkan suap.
10. Menjilat jari sesudah makan, sebelum dibasuh atau sebelum disapu dengan saputangan.

Keterangan:

عَنْ كَعْبِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَأْكُلُ بِثَلَاثِ أَصَابِعَ وَيَلْعَقُ يَدَهُ قَبْلَ أَنْ يَمْسَحَهَا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Kaab bin Malik r.a. ia berkata: "Adalah Nabi s.a.w. makan dengan tiga jari, dan beliau jilat jarinya sebelum beliau sapu (basuh)."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

11. Memungut makanan yang jatuh keluar, sebab siapa tahu mungkin makanan yang jatuh itu yang mengandungi berkat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فِى لُقْمَةٍ سَقَطَتْ قَالَ: فَلْيَأْخُذْهَا فَلْيُمِطْ مَا كَانَ بِهَا مِنْ أَذًى ثُمَّ لْيَأْكُلْهَا وَلَا يَدَعْهَا لِلشَّيْطَانِ فَإِذَا فَرَغَ فَلْيَلْعَقْ أَصَابِعَهُ فَإِنَّهُ لَا يَدْرِى فِى أَيِّ طَعَامِهِ الْبَرَكَةُ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. berkata tentang makanan yang jatuh ke bawah: "Hendaklah diambil yang jatuh itu lalu buang-kanlah kotoran yang ada pada makanan itu, kemudian hendaklah dimakan dan janganlah dibiarkan makanan itu untuk syaitan. Dan apabila telah selesai makan, maka hendaklah dijilat anak jari, kerana sesungguhnya tidaklah diketahui yang mana makanan itu yang mengandungi berkat."

(Riwayat Muslim).

2. KESOPANAN DALAM MINUM

Adab meminum air di gelas atau di tempat minum lain adalah:

1. Janganlah air itu diminum sekaligus saja, tetapi hendaklah seteguk-seteguk, atau dua teguk dua teguk.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا تَشْرَبُوْا وَاحِدًا كَشُرْبِ الْبَعِيْرِ وَلَكِنِ اشْرَبُوْا مَثْنَى وَثُلَاثَ وَسَمُّوْا إِذَا أَنْتُمْ شَرِبْتُمْ وَاحْمَدُوْا إِذَا أَنْتُمْ رَفَعْتُمْ.

رواه الترمذى بسند غريب

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Janganlah kamu minum sekali teguk saja, seperti unta minum air. Tetapi

minumlah dua-dua atau tiga-tiga teguk, dan bacalah Bismillah bila kamu hendak minum, dan bacalah Alhamdulillah bila kamu telah selesai minum."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. Janganlah suka minum dari tempat air, seperti dari cerek dengan mengucup mulut cerek itu. Tetapi tuangkanlah dahulu ke tempat lain, misalnya ke dalam gelas dan sebagainya.

   Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنْ يَشْرَبَ مِنْ فِى السِّقَاءِ وَالْقِرْبَةِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Telah melarang Rasulullah s.a.w. bahawa seseorang minum dari mulut tempat air atau dari geriba."

(Riwayat Tirmizi).

3. Janganlah meniup (menghembus) sebelum diminum.

   Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَتَنَفَّسُ فِى الشَّرَابِ ثَلَاثًا وَيَقُوْلُ إِنَّهُ أَرْوَى وَأَبْرَءُ وَأَمْرَءُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. meniup ketika beliau akan minum tiga kali, dan beliau bersabda: "Sesungguhnya yang semacam itu adalah lebih memuaskan dan lebih meringankan isi perut."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. MEMUJI TUHAN SESUDAH MAKAN DAN MINUM

Sesudah selesai makan dan minum disunatkan memuji Tuhan. Sekurang-kurangnya membaca اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ.

Keterangan:

عَنْ أَبِى أُمَامَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ إِذَا رَفَعَ مَائِدَتَهُ قَالَ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيْهِ غَيْرَ مَكْفِيٍّ وَلَا مُوَدَّعٍ وَلَا مُسْتَغْنًى عَنْهُ رَبَّنَا. رواه البخارى وابو داود

Dari Abu Umamah r.a. bahawa Nabi s.a.w. biasanya bila telah mengangkat hidangan, beliau ucapkan: "Puji-pujian bagi Allah yang tidak terhingga banyaknya, baik lagi diberkati, tidak menghendaki dicukupi orang, dan tidak pula dititipi orang, dan tidak memerlukan pula ditolong orang, wahai Tuhan kami."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Memuji Tuhan sesudah makan dan minum adalah sebagai ganti berterima kasih kepada yang memberi makan dan minum itu, iaitu Allah s.w.t. sebab makan dan minum itu adalah nikmat yang telah dianugerahkan-Nya. Seseorang yang sopan (beradab) tentu saja akan membalas sesuatu pemberian yang diterimanya sekurang-kurangnya dengan ucapan terima kasih.

Makan bersama.

Adapun makna bersama-sama adalah banyak sekali berkatnya. Sebagaimana yang dianyatakan oleh Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: طَعَامُ الْاِثْنَيْنِ كَافِى الثَّلَاثَةِ وَطَعَامُ الثَّلَاثَةِ كَافِى الْاَرْبَعَةِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Makanan berdua mencukupi untuk bertiga, dan makanan bertiga mencukupi untuk berempat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dengan keterangan ini dapatlah kita penjelasan, bahawa makan bersama-sama itu ada berkatnya dan tidak perlu gelisah kalau ada tamu yang hendak turut makan.

Keterangan:

عَنْ وَحْشِيِّ بْنِ حَرْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ أَصْحَابَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنَّا نَأْكُلُ وَلاَ نَشْبَعُ قَالَ: فَلَعَلَّكُمْ تَفْتَرِقُوْنَ قَالُوْا: نَعَمْ قَالَ: فَاجْتَمِعُوْا عَلَى طَعَامِكُمْ وَاذْكُرُوْا اسْمَ اللهِ يُبَارِكْ لَكُمْ فِيْهِ. رواه ابو داود

Dari Wahsyi bin Harb r.a. bahawasanya sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. pernah mengadu: Ya Rasulullah sesungguhnya kami makan tetapi kami tidak kenyang. Rasulullah menjawab: Barangkali kamu makan berpisah-pisah (berganti-ganti). Mereka menjawab: Ya, memang kami makan berpisah-pisah. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Maka dari itu berkumpullah kamu menghadapi makanan-mu dan sebutlah nama Allah, nescaya kamu diberkati Allah padanya."

(Riwayat Abu Daud).

BAB TETAMU

Orang yang beriman kepada Allah dan hari kiamat, wajib atasnya memuliakan tamunya menurut keadaan rumahtangganya sendiri. Diberi tempat bermalam atau makan dan minum kalau ada dan sebagainya.

Yang dimaksud dengan tamu, hanya selama tiga hari dan tiga malam, lebih dari itu bukanlah dinamakan tamu lagi. Apa-apa yang diberikan kepada seseorang yang menjadi tamu lebih dari tiga hari, maka yang lebih itu dinamakan sedekah kepadanya. Haram hukumnya bagi seorang tamu menginap lebih dari tiga hari, kalau tamu itu rasa menyusahkan yang empunya rumah, sama ada mengenai perasaan ataupun mengenai hal yang lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى شُرَيْحٍ الْكَعْبِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ جَائِزَتُهُ

يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ اَلضِّيَافَةُ ثَلَاثَةُ أَيَّامٍ فَمَا بَعْدَ ذٰلِكَ فَهُوَ صَدَقَةٌ وَلَا يَحِلُّ لَهُ أَنْ يَثْوِيَ عِنْدَهُ حَتَّى يُحْرِجَهُ. رواه ابو داود

Dari Abu Syuraih Al-Ka'bi r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Siapa-siapa yang percaya kepada Allah dan kepada hari kiamat maka hendaklah dimuliakan tamunya, yang seharusnya hanya sehari dan semalam. Yang tamu adalah selama tiga hari. Yang sesudah itu jadi sedekah. Dan tidaklah halal bagi tamu apabila ia terus diam padanya, kalau sekiranya akan menyempitkannya."

(Riwayat Abu Daud).

BAB BEJANA

Bejana, ertinya tempat menaruh air. Segala macam bejana boleh dipakai, kecuali bejana emas dan perak. Sebab bejana emas dan perak itu haram hukumnya dipakai menurut Islam.

عَنْ حُذَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا تَشْرَبُوْا فِي أَنِيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَلَا تَلْبَسُوْا الْحَرِيْرَ وَالدِّبَاجَ فَإِنَّهَا لَهُمْ فِي الدُّنْيَا وَلَكُمْ فِي الْآخِرَةِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Huzaifah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Janganlah kamu minum dari bejana emas dan perak. Dan janganlah kamu pakai kain sutera, sebab pakaian itu hanya hak orang kafir di dunia ini, dan akan menjadi hakmu di akhirat nanti."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Adapun bejana yang bercampur baur (Al-Muthala) dengan emas atau perak, atau disebut juga BEJANA SUASA maka dilihat keadaannya. Bila emas dan perak itu dapat dipisahkan, maka secara ijmak haram memakainya.

Tetapi kalau tidak, maka tidaklah haram. Adapun bejana yang diikat emas dan perak (Al-Mudhabbab), menurut ijmak ulama tidak haram memakainya.

(Demikian Subulussalam).

Hendaklah bejana itu ditutup baik-baik agar jangan dimasuki oleh sesuatu yang dapat membahayakan diri sendiri bila termakan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: غَطُّوا الْاِنَاءَ وَأَوْكُوا السِّقَاءَ فَإِنَّ فِى السَّنَةِ يَنْزِلُ فِيْهَا وَبَاءٌ لَا يَمُرُّ بِإِنَاءٍ لَيْسَ عَلَيْهِ غِطَاءٌ أَوْ سِقَاءٌ لَيْسَ عَلَيْهِ وِكَاءٌ إِلَّا نَزَلَ فِيْهِ مِنْ ذٰلِكَ الْوَبَاءِ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Ikatlah bejana dan tutuplah minuman itu, kerana sesungguhnya setahun sekali ada suatu malam yang turun padanya penyakit kolera. Tidaklah lalu saja di satu bejana yang tidak bertutup atau gelas yang tidak tertutup, melainkan masuk ke dalamnya penyakit itu." (Riwayat Muslim).

Termasuk bejana ialah sudu-sudu emas dan sudu perak yang sekarang banyak dipakai orang.

BAB PAKAIAN

Firman Allah s.w.t.:

يَآ بَنِى اٰدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُّوَرِى سَوْاٰتِكُمْ وَرِيْشًا وَّلِبَاسُ التَّقْوٰى ذٰلِكَ خَيْرٌ* سورة الأعراف اية ٢٦

Hai Bani Adam (manusia), sesungguhnya Kami telah menurunkan pakaian atasmu untuk menutupi kemaluanmu dan akan jadi bermacam-macam perhiasan. Dan pakaian takwa itulah yang sebaik-baiknya.

(Surah Al-A'raf ayat 26).

1. JENIS-JENIS PAKAIAN

Jenis-jenis pakaian ialah seperti berikut:

1. Baju kurung (gamis). Gamis ini adalah satu-satunya pakaian yang paling disukai oleh Nabi s.a.w.

Keterangan:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ أَحَبَّ الثِّيَابِ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ اَلْقَمِيْصُ.

رواه أبو داود والترمذي ـ حديث حسن

Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: "Adalah pakaian yang paling disukai oleh Rasulullah s.a.w. ialah pakaian gamis."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Lengan baju Nabi s.a.w. adalah hingga pergelangannya.

Keterangan:

عَنْ أَسْمَاءَ بِنْتِ يَزِيْدِ الْاَنْصَارِي رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ كُمُّ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ إِلَى الرُّسْغِ.

رواه أبو داود والترمذى ـ حديث حسن

Dari Asma' binti Yazid Al-Ansari r.a. ia berkata: "Adalah lengan baju Rasulullah s.a.w. hingga pergelangannya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

2. Serban (imamah). Serban yang paling disukai Nabi s.a.w. ialah serban hitam.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ دَخَلَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ وَعَلَيْهِ عِمَامَةٌ سَوْدَاءُ. رواه مسلم

Dari Jabir r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. ketika masuk pada hari pembukaan Mekah (ketika Mekah direbut), di kepala beliau dipakainya serban hitam.

(Riwayat Muslim).

3. Sutera, memakai pakaian sutera haram hukumnya bagi kaum laki-laki kerana padanya ada sesuatu kelembutan yang tak sepadan dengan mereka. Sutera adalah perhiasan yang layak bagi perempuan.

Keterangan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا تَلْبَسُوا الْحَرِيْرَ فَإِنَّهُ مَنْ لَبِسَهُ فِي الدُّنْيَا لَمْ يَلْبَسْهُ فِي الْآخِرَةِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Janganlah kamu pakai pakaian sutera, kerana sesungguhnya sesiapa yang memakainya di dunia, ia tidak dapat lagi memakainya di akhirat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. Emas. Juga pakaian emas itu diharamkan bagi laki-laki kerana emas adalah mengandungi sesuatu kecantikan dan hiasan. Kerana berhias dan bercantik-cantik dengan emas itu hanyalah patut bagi kaum perempuan.

عَنْ أَبِي مُوْسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: حُرِّمَ لِبَاسُ الْحَرِيْرِ وَالذَّهَبِ عَلَى ذُكُوْرِ أُمَّتِي وَأُحِلَّ لِإِنَاثِهِمْ. رواه الترمذى ـ حسن صحيح

Dari Abu Musa Al-Asy'ari r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Diharamkan memakai pakaian sutera dan emas bagi laki-laki umatku dan dihalalkan bagi perempuan-perempuan mereka."

(Riwayat Tirmizi).

Keterangan lain:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَأَى خَاتَمًا مِنْ ذَهَبٍ فِي يَدِ رَجُلٍ فَنَزَعَهُ فَطَرَحَهُ وَقَالَ: يَعْمِدُ أَحَدُكُمْ إِلَى

جَمْرَةٍ مِنْ نَارٍ. رواه مسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah melihat sebuah cincin emas di tangan seorang laki-laki lalu dicabutnya, lantas dilemparkannya, dan bersabda: "Sengajakah kamu masuk ke dalam api neraka."

(Riwayat Muslim).

5. Perak. Perak boleh dipakai oleh laki-laki untuk pengikat permata.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ خَاتَمُ النَّبِيِّ ﷺ مِنْ فِضَّةٍ وَكَانَ فَصُّهُ مِنْهُ. رواه البخارى وأبو داود

Dari Anas r.a. ia berkata: "Adalah cincin Nabi s.a.w. dari perak, dan adalah hiasannya (tempat meletakkan batu permata) dari perak juga."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ نَقْشُ خَاتَمِ النَّبِيِّ ﷺ ثَلَاثَةَ أَسْطُرٍ مُحَمَّدٌ سَطْرٌ وَرَسُوْلٌ سَطْرٌ وَاللهُ سَطْرٌ.

رواه الترمذى

Dari Anas r.a. ia berkata: "Adalah ukiran cincin Nabi s.a.w. tiga baris. "Muhammad" di baris yang pertama, Rasul di baris yang kedua dan Allah di baris yang ketiga.

(Riwayat Tirmizi).

6. Sarung
7. Seluar
8. Selipar
9. Kasut.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ لَمْ

يَجِدْ إِزَارًا فَلْيَلْبَسْ سَرَاوِيْلَ وَمَنْ لَمْ يَجِدْ نَعْلَيْنِ فَلْيَلْبَسْ خُفَّيْنِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang tidak bersarung maka pakailah seluar. Dan sesiapa yang tidak berselipar maka pakailah kasut."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Adapun memakai kasut dan selipar itu, disunatkan dimulai dari sebelah kanan, kemudian baru yang sebelah kiri. Apabila menanggalkannya, disunatkan memulakan dari sebelah kiri, kemudian baru di sebelah kanan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا انْتَعَلَ أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِالْيُمْنَى وَإِذَا خَلَعَ فَلْيَبْدَأْ بِالشِّمَالِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apabila seseorang hendak memakai selipar (kasut) hendaklah ia mulai dengan yang kanan. Dan bila hendak menanggalkannya, hendaklah dimulai dengan yang sebelah kiri."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. PAKAIAN YANG LEBIH UTAMA DAN CARA MEMAKAI CINCIN

Pakaian yang lebih utama dipakai ialah yang berwarna putih, kerana itulah kain yang sebaik-baiknya dalam agama.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّـاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِلْبَسُوْا مِنْ ثِيَابِكُمُ الْبَيَاضِ فَإِنَّهَا مِنْ خَيْرِ ثِيَابِكُمْ وَكَفِّنُوْا فِيْهَا مَوْتَاكُمْ. رواه أبو داود والترمذى ـ حسن صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Pakailah olehmu pakaianmu yang putih, kerana sesungguhnya pakaian yang putih itu adalah sebaik-baik pakaian, dan kafanilah mayatmu dengan kain putih itu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Hal ini jelas, kerana dengan berpakaian putih itu menunjukkan kebersihan dan kelembutan seseorang. Kebersihan itu sangat diutamakan dalam beragama. (Lihat Kitab Taharah jilid 1).

Memakai cincin disunatkan di jari manis yang kiri.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ خَاتَمُ النَّبِيِّ ﷺ فِي هٰذِهِ وَأَشَارَ إِلَى الْخِنْصِرِ مِنَ الْيُسْرَى.

رواه مسلم والنسائى

Dari Anas r.a. ia berkata: "Cincin Nabi s.a.w. di sini, lalu ia tunjuk jari manisnya yang kiri."

(Riwayat Muslim dan Nasai).

Adapun cara memakai sarung atau seluar haruslah menurut yang diatur oleh ajaran agama. Iaitu, jangan sampai berlebih-lebihan, sehingga seluar itu menyapu tanah. Berpakaian yang begini haram hukumnya dalam agama, seperti memakai sarung sampai menyapu tanah atau seluar terlalu panjang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي سَعِيْدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أُزْرَةُ الْمُسْلِمِ إِلَى نِصْفِ السَّاقِ وَلَا حَرَجَ أَوْ لَا جُنَاحَ فِيْمَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْكَعْبَيْنِ مَا كَانَ أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ فَهُوَ فِي النَّارِ.

رواه أبو داود باسناد صحيح

Dari Abu Said Al-Khudri r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sarung orang Islam ialah hingga seperdua betis, dan tidak berdosa (tidak jadi halangan) sampai antara betis dan kedua

buku lali. Dan yang lebih ke baawah dari kedua buku lali, maka dia dalam neraka."

(Riwayat Abu Daud).

Jadi bila seseorang hendak memakai sarung hendaklah panjangnya antara betis dan buku lali. Jangan sampai berjela-jela ke tanah.

3. PAKAIAN BAGI KAUM WANITA

Bagi kaum wanita ada pula aturan-aturan yang khusus tentang cara berpakaian.

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَآءِ الْمُؤْمِنِيْنَ يُدْنِيْنَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيْبِهِنَّ ذٰلِكَ أَدْنَى أَنْ يُّعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ وَكَانَ اللهُ غَفُوْرًا رَحِيْمًا*

سورة الأحزاب اية ٥٩

Hai Nabi! Katakanlah kepada isteri-isteri engkau, anak-anak perempuan engkau dan perempuan-perempuan orang mukmin, supaya mereka menutup badan mereka dengan bajunya, supaya mereka jangan dapat dikenal orang dan pastilah mereka tidak akan diusik oleh laki-laki jahat. Dan adalah Allah Pengampun lagi Pengasih.

(Surah Al-Ahzab ayat 59).

Jelaslah, bahawa menutup kepala wajib hukumnya bagi kaum wanita begitu juga menutup badan seluruhnya..

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا يُبْدِيْنَ زِيْنَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوْبِهِنَّ*

سورة النور اية ٣١

Dan janganlah perempuan-perempuan itu melahirkan kecantikannya, kecuali apa yang biasa kelihatan (muka dan telapak tangan) padanya, Dan hendaklah mereka menutupkan kain tudungnya ke dadanya.

(Surah An-Nur, ayat 31).

Pakaian wanita Ansar di zaman Nabi adalah sebagaimana yang diterangkan oleh hadis di bawah ini:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: لَمَّا نَزَلَتْ (يُدْنِيْنَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَابِيْبِهِنَّ) خَرَجَ نِسَاءُ الْاَنْصَارِ كَأَنَّ عَلَى رُءُوْسِهِنَّ الْغِرْبَانِ مِنَ الْاَكْسِيَةِ. رواه أبو داود

Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: "Takala turun ayat: يدنين عليهن من جلابيبهن *keluarlah wanita Ansar seolah-olah di atas kepala hinggap binatang gagak, kerana pakaian mereka."*

(Riwayat Abu Daud).

Ertinya, mereka bertutup kepala dengan kain hitam seolah-olah kelihatannya seperti burung gagak.

4. PAKAIAN WANITA MUHAJIRIN

Pakaian wanita-wanita Muhajirin (orang Madinah) adalah sebagaimana dinyatakan hadis di bawah ini:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: يَرْحَمُ اللهُ نِسَاءَ الْمُهَاجِرَاتِ الْأُوَلِ لَمَّا نَزَلَتْ (وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوْبِهِنَّ) شَقَقْنَ أَكْنَفَ مُرُوْطِهِنَّ فَاخْتَمَرْنَ بِهَا.

رواه أبو داود والبخارى

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Memberi rahmat Allah Taala akan perempuan-perempuan Muhajirin yang dahulu, iaitu ketika turun ayat yang berbunyi "وليضر بن بخمرهن على جيوبهن" *mereka potonglah bahan pakaian mereka, lalu mereka jadikan sebagai selendang."*

(Riwayat Abu Daud dan Bukhari).

Memakai kain jarang.

Bagi kaum wanita haram memakai kain yang tipis sekiranya kulit masih boleh nampak.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ أَسْمَاءَ بِنْتَ أَبِى بَكْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا دَخَلَتْ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ وَعَلَيْهَا ثِيَابٌ رِقَاقٌ فَأَعْرَضَ عَنْهَا وَقَالَ: يَا أَسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيْضَ لَمْ يَصْلُحْ لَهَا أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلاَّ هٰذَا وَهٰذَا وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفَّيْهِ.

رواه أبو داود

Dari Aisyah r.a. bahawa Asma' binti Abu Bakar r.a. pernah masuk ke tempat Nabi s.a.w. sedang di tubuhnya berpakaian kain tipis, maka berpalinglah Rasulullah s.a.w. daripadanya dan beliau bersabda: "Ya Asma' sesungguhnya perempuan-perempuan bila ia telah sampai kepada masa haid (baligh) tidak patut lagi baginya, bahawa dilihat orang anggotanya kecuali ini dan ini."

(Riwayat Abu Daud).

Dengan semua keterangan ini jelaslah, bahawa wanita itu wajib menutupi seluruh badannya, kecuali muka dan telapak tangannya.

5. MENYAMBUNG RAMBUT DENGAN RAMBUT ORANG LAIN

Sebahagian besar kaum wanita suka sekali menyambung rambut dengan rambut lain atau sesuatu yang dicelup menurut warna rambut itu. Dalam Islam perbuatan ini haram hukumnya, kerana dilaknati oleh Allah s.w.t. Tiap-tiap sesuatu yang terlaknat itu adalah haram hukumnya dan berdosa kalau dibuat.

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَعَنَ اللهُ الْوَاصِلَةَ وَالْمُسْتَوْصِلَةَ وَالْوَاشِمَةَ وَالْمُسْتَوْشِمَةَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Telah mengutuk Allah akan perempuan-perempuan yang menyambung rambut dan yang minta disambungkannya. Dan orang yang membuat tahi lalat dan yang minta dibuatkan tahi lalat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hingga ini selesailah pula kita mengetahui tata tertib makan, minum dan berpakaian. Mudah-mudahan adab yang mulia ini dapat kita lakukan hendaknya. Sebab tinggi dan mulia seseorang di sisi Allah dan disisi manusia hanyalah kerana adab dan kesopanan itu. Mudah-mudahan kita menjadi orang yang berbudi dan mulia, menurut pandangan Allah dan manusia hendaknya, amin!

KITAB JINAYAT
(Bahagian Jenayah dan Hudud)

1. ERTI JENAYAH DAN HUDUD

Jenayah disebut juga *Jarimah,* iaitu nama sesuatu kejahatan yang dilakukan oleh manusia. Tetapi kejahatan yang sifatnya merosakkan diri orang lain, baik yang berupa pembunuhan mahupun melukai atau memotong anggota atau salah satu anggota tubuh manusia, hukumnya dinamakan HUKUMAN QISHAS (berbalasan), dan HUKUMAN DIYAT (hukuman pengganti, yang berupa harta benda sejumlah sekian banyaknya).

Sedang hudud adalah bentuk jamak. Pengertiannya menurut istilah bahasa: Beberapa batas atau dinding. Dalam istilah syarak ialah: Nama salah satu kejahatan (jarimah) yang mengenai harta benda orang lain-lainnya. Hukuman ini di namakan juga hukuman HUDUD untuk semua jenayah, dan hukuman HAD untuk salah satu jenayah.

Hukuman hudud ini berlain-lain kerana berlainan pula macam jenayah.

Menurut hukum, kalimat hudud ini berasal kes kejahatan dari firman Allah yang berbunyi:

وَمَنْ يَتَعَدَّ حُدُوْدَ اللهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُوْنَ*

سورة البقرة اية ٢٢٩

Dan sesiapa yang melanggar hudud Allah, maka mereka adalah orang yang aniaya.

(Surah Al-Baqarah ayat 229).

Hukuman hudud ini adalah hukuman yang ditentukan batasnya, yang berupa hak Allah dan tidak dapat dimaafkan oleh manusia.

2. HIKMAT DISYARIATKAN JENAYAH DAN HUDUD

Dalam kehidupan sehari-hari, sudah tentu manusia berhubungan antara satu sama lain. Masing-masing orang mempunyai bermacam-macam kepentingan. Kepentingan rohani, kemerdekaan, kehormatan dan kepentingan jasmani seperti harta benda dan sebagainya. Kepentingan-kepentingan itu adakalanya bersamaan sehingga memerlukan kerjasama. Kadang-kadang kepentingan itu bertentangan antara yang satu dengan yang lainnya. Oleh sebab itu perlu diadakan hukum-hukum dan aturan yang membatasi hak dan kewajipan masing-masing, agar jangan sampai bercampur. Kalau hukum dan aturan tidak ada dalam masyarakat, tentu setiap orang akan bertindak menurut kemahuannya sendiri, sebab justeru didorong oleh nafsunya. Dengan sendirinya setiap orang akan berbuat sekehendak hatinya dan mengutamakan kepentingan dan kesenangan dirinya sendiri dari kesenangan bersama.

Akibatnya sudah tentu menimbulkan hal-hal yang tidak diingini. Bunuh membunuh, rompak-merompak atau samun-menyamun, malah mungkin peperangan akan terjadi.

Harta orang dianggap harta sendiri, dan isteri orang dianggap isteri sendiri. Semuanya ini adalah tujuan yang utama bagi hawa nafsu.

Oleh sebab itulah Islam mengadakan hukum-hukum atau peraturan-peraturan yang didasarkan kepada Kitab Allah dan Sunah Rasulullah. Gunanya adalah untuk memelihara jiwa, kehormatan diri, harta benda dan sebagainya.

Bila orang telah mengerti bahawa pembunuhan itu hukumnya harus dibunuh pula, yang berzina hukumannya direjam dan orang yang mencuri hukumannya dipotong tangan, tentulah masing-masing akan menjauhkan diri dari perbuatan keji itu.

3. PEMBAHAGIAN JARIMAH (Jenayah) MENURUT SYARIAT ISLAM

Dalam syariat Islam, *Jarimah* (jenayah) atau disebut juga kejahatan, ada yang mengenai JIWA ORANG dan ada pula yang mengenai BUKAN JIWA ORANG. Oleh sebab itu ulama-

ulama fiqah membahagi hukumnya kepada *"hukum jenayah"* dan *hukum hudud."*

Jinayat adalah merupakan hukum yang bersangkutan dengan jiwa dan jasmani manusia, seperti: Pembunuhan, melukai atau merosakkan salah satu anggota di badan orang. Sedang hudud adalah merupakan hukum yang bersangkutan dengan: Harta benda orang, keturunan, keagamaan, keamanan dan akal fikiran.

Tetapi jika ditinjau dari segi hukum, kedua-duanya dapat dinamakan *"hudud"*.

Adapun pembahagian jarimah (jenayah) atau kejahatan menurut Islam terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu:

Pertama: Jenayah qisas dan diyat.
Kedua: Jenayah hudud.
Ketiga: Jenayah takzir.

Adapun jenayah qisas dan diyat, iaitu jenayah yang hukumnya berbalasan atau dibayar diyat (denda), iaitu berhutang nyawa dibayar dengan nyawa, berhutang anggota dibayar dengan anggota menurut ketentuan-ketentuannya, atau dibayar dengan denda menurut ukurannya, bila ada hal-hal yang membolehkan denda.

Jenayah qisas ialah kejahatan yang berupa:

a. Pembunuhan dengan jalan disengaja.
b. Menghilangkan dengan disengaja salah satu anggota badar orang lain.
c. Melukai orang lain dengan disengajakan.

Hukumannya hanya berbalasan.

Sedang jenayah diyat, ialah jenayah yang sehubungan dengan qisas juga, tetapi dilakukan menurut ketentuannya iaitu:
nya iaitu:

a. Bila hukuman qisas dimaafkan, baik oleh yang bersangkutan mahupun oleh wali yang bersangkutan.
b. Bila terhalang melaksanakan hukuman qisas kerana sebab Syar'i seperti hilang anggota yang akan diqisas sakit dan lain-lainnya.
c. Bila pembunuhan itu pembunuhan yang serupa disengajakan.
d. Bila pembunuhan itu pembunuhan yang keliru (tersalah).
e. Bila melukai atau menghilangkan anggota orang lain disebabkan keliru pula.

Sedang jenayah hudud meliputi tujuh jenis kejahatan iaitu:

a. Jenayah perzinaan.
b. Jenayah menuduh orang berzina (qazaf).
c. Jenayah minum arak.

d. Jenayah pencurian.
e. Jenayah murtad
f. Jenayah penyamunan (hirabah).
g. Jenayah pemberontakan (bughat).

Adapun jenayah takzir, iaitu suatu jenayah yang hukumannya hanya diberi hukuman takzir.

Iaitu, memberi teguran atau ajaran terhadap seseorang yang telah bersalah, yang kesalahannya itu tidak dijatuhi hukuman had atau qisas. Baik jenayah takzir, mahupun hukumannya pada umumnya diserahkan kepada WALIYUL AMRI (penguasa dalam negara, atau hakim di pengadilan.)

Dalam hal ini kepada hakim diserahi tugas untuk memilih hukuman apa yang patut dijatuhkan ke atas orang yang telah bersalah itu.

Demikianlah pembahagian jenayah menurut syariat Islam, dan insya-Allah semuanya itu akan diterangkan dalam bab-bab berikutnya.

BAB PEMBUNUHAN

1. ERTI PEMBUNUHAN

Pembunuhan ertinya: Menghilangkan nyawa orang dengan jalan disengaja dan menganiaya.

Sengaja ertinya: Melakukan sesuatu perbuatan yang ia sedar dengan apa yang dibuatnya itu.

Orang yang melakukan perbuatan pembunuhan dengan jalan disengaja dan menganiaya itu, menurut Al-Quran mendapat kutukan atau laknat dari Allah s.w.t.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيْهَا وَغَضِبَ اللهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيْمًا*

سورة النساء اية ٩٣

Dan sesiapa yang membunuh orang-orang mukmin secara sengaja, maka balasannya ialah api neraka ia kekal di dalamnya, dan Allah marah kepadanya, dan dia dikutuki-Nya dan telah disediakan baginya seksaan yang berat.

(Surah An-Nisa', ayat 93).

Maksudnya jelas, bahawa si pembunuh akan diazab dalam api neraka sampai habis dosanya. Jadi bukan diazab untuk selama-lama sebagaimana lahir ayat itu. Sebab dalam ayat lain dinyatakan, bahawa Allah lambat laun akan mengampuni juga orang yang derhaka, asal saja ia tidak mati dalam keadaan musyrik atau mempersekutukan Tuhan. Kecuali yang membunuh itu kafir.

Pembunuh Pertama Memikul Tanggungjawab

Orang-orang yang mula-mula melakukan perkerjaan membunuh itu, kepadanya dipikulkan tanggungjawab orang yang mengikuti perbuatan itu. Ertinya dosa yang membunuh itu akan dipertalikan dengan dosa perbuatan-perbuatan yang menyebabkan terjadinya pembunuhan itu. Dan dia harus memberikan pertanggungjawapan di hadapan pengadilan Tuhan nantinya. Dalam sejarah Islam yang mula-mula melakukan pembunuhan ialah Qabil. Ia membunuh saudaranya sendiri, Habil, kerana soal perkahwinan. Keduanya ialah anak Nabi Adam dan Hawa a.s.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا تُقْتَلُ نَفْسٌ ظُلْمًا إِلَّا كَانَ عَلَى ابْنِ أَدَمَ الْاَوَّلِ كِفْلٌ مِنْ دَمِهَا لِأَنَّهُ كَانَ أَوَّلُ مَنْ سَنَّ الْقَتْلَ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah terbunuh seseorang secara aniaya, melainkan adalah pertanggungjawapan darahnya yang mengalir itu atas anak Adam pertama, kerana sesungguhnya dialah orang yang mula-mula melakukan pembunuhan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. PEMBUNUHAN TERMASUK SALAH SATU DOSA BESAR

Pembunuhan itu termasuk dosa besar, dan dosanya tidak akan diampuni apabila tidak bertaubat dengan sebenar-benarnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِجْتَنِبُوْا

السَّبْعَ الْمُوْبِقَاتِ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا هُنَّ قَالَ: الشِّرْكُ بِاللهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِى حَرَّمَ اللهُ إِلاَّ بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيْمِ وَالتَّوَلِّى يَوْمَ الزَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلاَتِ الْمُؤْمِنَاتِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w beliau bersabda: "Jauhilah olehmu tujuh macam dosa besar yang sangat membahayakan." Mereka bertanya: Ya Rasulullah, apakah yang tujuh macam itu? Rasulullah s.a.w berkata: "Iaitu syirik dengan Allah (mempersukutukan-Nya), melakukan sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan yang hak, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari pertempuran dan menuduh perempuan Islam yang kahwin yang lalai dengan tuduhan berzina."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Orang-orang yang membunuh itu telah tanggal iman dari dadanya ketika melakukan pembunuhan itu, sebagaimana tanggalnya baju dari badan. Kalau ia tidak taubat sesudah itu, tentulah akan tanggal iman untuk selama-lamanya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَزْنِى الْعَبْدُ حِيْنَ يَزْنِى وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلاَ يَسْرِقُ حِيْنَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلاَ يَشْرَبُ حِيْنَ يَشْرَبُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ وَلاَ يَقْتُلُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah akan berzina seseorang, ketika ia berzina kalau ia seorang mukmin, dan tidak pula akan mencuri seseorang, ketika ia mencuri kalau ia seorang yang mukmin, dan tidak pula seseorang peminum akan minum kalau ia beriman, dan tidak pula seseorang membunuh, apabila ia seorang yang mukmin."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maksud hadis ini ialah seseorang yang sudah dinamakan mukmin, tidaklah akan turut imannya itu ketika ia melakukan perbuatan-perbuatan zina, mencuri, minum arak dan membunuh. Pada ketika itu erti iman telah tanggal dari jiwanya, sebagaimana tanggalnya baju dari badan.

3. PEMBUNUHAN DIADILI LEBIH DAHULU DI HARI KIAMAT

Perkara yang mula-mula akan diadili oleh Tuhan di hari kiamat, ialah perkara pembunuhan dan pertumpahan darah: Dan amalan yang mula-mula akan dihisab oleh Tuhan ialah ibadat sembahyang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ الصَّلَاةُ وَأَوَّلُ مَا يُقْضَى بَيْنَ النَّاسِ فِي الدِّمَاءِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Mas'ud r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Mula-mula amal yang akan dihisab Tuhan di hari kiamat, ialah ibadat sembahyang. Dan mula-mula perkara yang akan dijatuhkan hukumannya (diadili) Tuhan antara manusia ialah perkara pertumpahan darah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Taubat si pembunuh

Sesungguhnya taubat orang yang telah melakukan pembunuhan itu diterima oleh Tuhan, sebagaimana diterimanya taubat orang yang kafir sebelum ia mati. Tetapi dengan penerimaan yang bersyarat sebagai berikut:

1. Harus ia serahkan jiwa raganya kepada waris yang dibunuh, supaya mereka dapat membalas (melakukan qisas) atau memaafkan menurut perhitungannya (diyat) atau melepaskan saja.
2. Harus ia taubat ketika menyerahkan diri dan berjanji bahawa perbuatan itu tidak akan diperbuatnya lagi.

Kepada orang yang membunuh itu tergantung tiga hak, hak Allah, hak waris yang dibunuh dan hak yang dibunuh itu sendiri.

Bila si pembunuh telah menyerahkan diri bulat-bulat dengan kerelaan hatinya kepada waris yang dibunuh dan ia suka menerima tindakan yang akan dilakukan oleh waris itu, maka ketika itu gugurlah hak Allah Taala. Ertinya gugur seksaan Tuhan yang disebabkan oleh pembunuhan itu. Dan hak si mati yang tergantung atasnya, Allah sendirilah yang akan menggantinya di hari kemudian dengan ganjaran yang lebih baik.

(Demikian I'anah At-Talibin).

BAB QISAS DAN DIYAT

Firman Allah s.w.t.:

وَلَكُمْ فِى الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِى الْاَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُوْنَ*

سورة البقرة اية ١٧٩

Dan bagimu dalam soal qisas itu ialah kehidupan (untuk memelihara nyawa) hai orang-orang yang mempunyai fikiran! Agar kamu takut kepada Tuhan.

(Surah Al-Baqarah ayat 179).

Qisas, ertinya pembalasan, iaitu pembalasan yang setimpal terhadap yang membunuh atau yang melukai. Dilakukan atas dirinya seperti yang telah dilakukannya atas orang lain.

1. MACAM-MACAM PERBUATAN PEMBUNUHAN DAN MELUKAI.

a. Perbuatan yang sengaja untuk membunuh atau melukai.
b. Perbuatan yang tidak disengaja untuk membunuh atau melukai.
c. Perbuatan tersalah.

Yang pertama dinamakan *'amad,* yang kedua dinamakan *syabah 'amad* dan yang ketiga dinamakan *khata'.*

Perbuatan yang disengaja, ialah seseorang dengan sengaja melakukan pembunuhan atas orang lain secara kejam dengan suatu yang pada galibnya dapat membunuh. Umpamanya dengan pisau, parang, golok, bedil, panah dan lain-lain senjata tajam atau

dengan suatu alat lain yang boleh mematikan, seperti racun dan sebagainya.

Adapun perbuatan yang tidak disengaja untuk membunuh, ertinya perbuatan yang disengaja juga terhadap diri seseorang dengan alat yang tidak membunuh pada galibnya. Umpamanya dengan pensil, saputangan, lidi, batu kecil (kerikil) dan lain-lainnya. Perbuatan ini dinamakan syabah 'amad, ertinya diserupakan dengan perbuatan yang disengaja.

Perbuatan yang tersalah, ertinya perbuatan itu tidak ditujukan kepada seseorang. Umpamanya seseorang yang hendak menembak seekor harimau, kiranya bukan harimau yang kena tetapi seorang manusia dan lain sebagainya. Perbuatan itu dinamakan perbuatan yang tersalah. Qisas tidaklah wajib, melainkan pada perbuatan yang disengaja saja.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ أَنَّ ابْنَـةَ النَّضْرِ لَطَمَتْ جَارِيَةً فَكَسَرَتْ ثَنِيَّتَهَا فَأَتُوا النَّبِيَّ ﷺ فَأَمَرَ بِالْقِصَاصِ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Anas r.a. bahawa seorang anak perempuan Nadhar telah menampar seorang anak perempuan lain, maka patahlah gigi taringnya, lalu mereka (keluarga) datang kepada Nabi s.a.w. maka beliau suruh membalaskan.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. UNSUR-UNSUR QISAS DAN DIYAT

Untuk menjatuhkan hukuman terhadap yang bersalah melakukan pembunuhan atau melukai, maka haruslah lebih dahulu diketahui unsur-unsur atau rukunnya, iaitu:

1. Unsur Pembunuhan Yang Disengaja:

a. Bahawa yang dibunuh itu manusia yang masih hidup, walaupun ia masih dalam keadaan sakratul-maut.
b. Bahawa perbuatan si bersalah itu menyebabkan mati yang terbunuh.
c. Si pembunuh itu sengaja mahu membunuh si terbunuh.

2. Unsur Pembunuhan Atau Melukai Yang Tidak Disengaja Atau Disebut *"Syabah 'Amad."*
   a. Perbuatan si pembunuh itu membawa kematian.
   b. Si bersalah sengaja melakukan perbuatan.
   c. Antara kematian si terbunuh dan perbuatan yang bersalah ada hubungan sebab dan musababnya.
3. **Unsur Perbuatan yang Tersalah.**
   a. Perbuatan itu membawa mati orang.
   b. Perbuatan itu nyata tersalah atau keliru.
   c. Antara perbuatan yang tersalah dan kematian ada hubungan sebab dan musababnya.

Bila semua unsur-unsur tersebut telah bertemu, barulah yang bersalah dapat dijatuhi hukuman.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَّهُ* سورة المائدة اية ٤٥

Dan telah kami wajibkan di atas mereka dalam kitab Taurat, bahawa nyawa dibalas dengan nyawa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibayar dengan telinga, gigi dibayar dengan gigi, dan semua luka ada balasannya. Dan sesiapa yang rela menjalankan hukuman, maka itulah tebusan dosanya.

(Surah Al-Maidah ayat 45).

3. SYARAT-SYARAT WAJIB QISAS

Syarat-syarat yang mewajibkan qisas ialah:

1. Yang membunuh itu sudah baligh dan berakal (mukalaf). Tidaklah wajib qisas atas anak kecil atau orang gila, sebab mereka belum dan tidak berdosa.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: رُفِعَ الْقَلَمُ

عَنْ ثَلاَثَةٍ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الصَّغِيْرِ حَتَّى يَكْبُرَ وَعَنِ الْمَجْنُوْنِ حَتَّى يَعْقِلَ أَوْ يَفِيْقَ.

رواه أحمد وابو داود بسند صحيح

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Diangkatkan dosa dari tiga perkara, dari orang tidur hingga ia bangun, dari anak-anak hingga ia besar dan dari orang gila hingga ia sembuh dari gilanya."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

2. Yang membunuh itu bukan bapa yang terbunuh. Tidaklah wajib qisas atas bapa yang membunuh anaknya. Tetapi wajib qisas apabila anak membunuh bapanya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: لاَ يُقَادُ الْوَالِدُ بِالْوَلَدِ.

رواه الترمذى ـ حديث صحيح

Dari Umar bin Khattab r.a. ia berkata: Telah aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidak boleh bapa diqisas sebab anaknya."

(Riwayat Tirmizi).

Keterangan:

عَنْ سُرَاقَةَ بْنِ مَالِكٍ قَالَ: حَضَرْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقِيْدُ الْاَبَ مِنْ اِبْنِهِ وَلاَ يَقِيْدُ الْاِبْنَ مِنْ أَبِيْهِ.

رواه الترمذي بسند ضعيف

Dari Suraqah bin Malik r.a. ia berkata: "Pernah aku menghadiri Rasulullah s.a.w. ketika melakukan qisas bagi seorang bapa kerana perbuatan anaknya, dan tidak ada qisas anak kerana perbuatan bapanya."

(Riwayat Tirmizi).

Syafii berpendirian, bahawa bapa tidak boleh dibunuh sebab membunuh anaknya berdasarkan hadis di atas.

Mengenai pendapat ini telah berfatwa pula Jumhur sahabat dan lainnya seperti Hadawiyah, Ahmad, Ishak, secara mutlak berdasarkan hadis di atas. Mereka berkata: "Sesungguhnya bapa adalah menjadi sebab adanya anak. Dan tidaklah boleh anak menjadi sebab buat menghilangkan bapa."

(Demikian Subulussalam).

3. Yang dibunuh sama darjat atau kurang dengan yang membunuh, di antaranya Islam sesama Islam, merdeka sesama merdeka, perempuan sesama perempuan dan hamba sesama hamba.

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِى الْقَتْلَى اَلْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْاُنْثَى بِالْاُنْثَى* سورة البقرة اية ١٧٨

Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atasmu qisas dalam perkara pembunuhan, merdeka sama merdeka, hamba sama hamba dan perempuan sama perempuan. (Surah Al-Baqarah ayat 178).

Keterangan lain:

عَنْ أَبِى جُحَيْفَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ عَلِيٌّ بِمَا فِى الصَّحِيْفَةِ اَلْعَقْلُ وَفِكَاكُ الْأَسِيْرِ وَأَلَّا يُقْتَلُ مُسْلِمٌ بِكَافِرٍ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Abu Juhaifah r.a. ia berkata, telah berkata Ali r.a. tentang peraturan yang ada dalam Al-Quran, iaitu diyat melepaskan tawanan, dan bahawa tidak dibunuh orang Islam sebab (membunuh) orang kafir.

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

4. Qisas itu dilakukan dalam hal yang bersamaan , jiwa dengan jiwa, anggota dengan anggota, seperti mata dengan mata, telinga dengan telinga dan lain-lain.

Firman Allah s.w.t:

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيْهَا أَنَّ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْاَنْفَ بِالْاَنْفِ وَالْاُذُنَ بِالْاُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوْحَ قِصَاصٌ*

سورة المائدة اية ٤٥

Dan dalam perkara pembunuhan telah Kami wajibkan atas mereka, jiwa dibalas dengan jiwa, mata dibalas dengan mata, hidung dibalas dengan hidung, telinga dibalas dengan telinga dan gigi dibalas dengan gigi dan dalam perkara melukai itu diwajibkan qisas.

(Surah Al-Maidah ayat 45).

5. Qisas itu dilakukan menurut barang yang telah dilakukan oleh yang membunuh atau yang melukai itu. Apabila dilakukannya dengan pisau, maka qisasnya wajib dengan pisau pula, apabila dilakukan dengan batu maka qisasnya dengan batu pula dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ عَاقَبْتُمْ فَعَاقِبُوْا بِمِثْلِ مَا عُوْقِبْتُمْ بِهِ*

سورة النحل اية ١٢٦

Dan jika kamu hendak menyeksa, maka seksa dengan barang yang dipakai oleh orang yang menyeksa kamu.

(Surah An-Nahl ayat 126).

Keterangan lain:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ يَهُوْدِيًّا رَضَّ رَأْسَ جَارِيَةٍ بَيْنَ حَجَرَيْنِ فَقِيْلَ لَهَا: مَنْ فَعَلَ هٰذَا بِكِ أَفُلَانٌ حَتَّى سُمِّيَ الْيَهُوْدِيُّ فَأَوْمَاءَتْ بِرَأْسِهَا فَجِيءَ بِالْيَهُوْدِيِّ فَاعْتَرَفَ فَأَمَرَ بِهِ النَّبِيُّ ﷺ فَرُضَّ رَأْسُهُ بِحَجَرَيْنِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. bahawa seorang Yahudi pernah menyepitkan kepala seorang anak perempuan antara dua batu, lalu ditanyakan kepadanya: "Siapa yang melakukan hal itu kepada engkau, betulkah si anu,

hingga disebutkan orang nama orang Yahudi itu, lalu disyaratkannya dengan kepalanya. Maka didatangkanlah orang Yahudi itu, dan mengaku. Maka diperintahkan Rasulullah s.a.w. pula menyepitkan kepalanya, lantas disepitkan orang pula kepalanya dengan kedua buah batu itu.

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

6. Yang terbunuh itu berhak dilindungi jiwanya, baik orang Islam ataupun bukan. Seperti orang-orang kafir yang telah tunduk di bawah pemerintahan Islam. Seperti kafir *zimmi* atau *mu'ahid*.

Keterangan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: وَلاَ يُقْتَلُ مُؤْمِنٌ بِكَافِرٍ وَلاَ ذُوْ عَهْدٍ فِى عَهْدِهِ.

رواه ابو داود والنسائى

Dari Ali r.a. ia berkata: "Dan tidaklah boleh dibunuh orang mukmin dengan sebab orang kafir, dan tidak pula orang kafir yang telah mengikat janji selama berlaku perjanjiannya."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Jadi orang-orang kafir dan orang-orang musyrik yang telah tunduk di bawah pemerintahan Islam, jiwa mereka dijamin atau dilindungi menurut hukum Islam.

Firman Allah s.w.t.:

حَتَّى يُعْطُوْا الْجِزْيَةَ عَنْ يَّدٍ وَّهُمْ صَاغِرُوْنَ*

سورة التوبة اية ٢٩

Hingga mereka orang-orang kafir mahu membayar pajak dari tangannya sendiri, dan mereka di bawah kekuasaan (orang Islam).

(Surah At-Taubah ayat 29).

Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ*

سورة التوبة اية ٦

Dan jika salah seorang dari orang-orang musyrik itu meminta kepada engkau supaya dilindungi keamanannya, maka hendaklah engkau lindungi.

(Surah At-Taubah ayat 6).

Orang kafir dan musyrik seperti tersebut dalam firman Tuhan di atas sama haknya dengan orang Islam dalam pemeliharaan jiwa menurut hukum negara. Kafir yang pertama dinamakan kafir mu'ahid dan yang kedua dinamakan kafir musta'min.

4. HAL-HAL YANG MENGHALANGI PERLAKSANAAN HUKUMAN QISAS

Setelah syarat-syarat yang mewajibkan qisas diketahui, maka dapatlah diambil pengertian, bahawa di samping hal-hal yang mewajibkan qisas ada pula hal-hal yang menghalangi atau membebaskan hukuman qisas, iaitu:

1. Yang terbunuh merupakan anak dari yang membunuh, atau bahawa yang terbunuh itu merupakan juzuk atau bahagian dari si pembunuh.
2. Yang terbunuh tidak seimbang darjatnya (kurang darjatnya) dari si pembunuh dalam perkara Islam dan merdeka.
3. Si pembunuh tidak langsung melakukan pembunuhan, tetapi hanya dengan:
   a. Menolong atau untuk menunjukkan jalan membunuh.
   b. Menahan si terbunuh untuk keperluan pembunuhan oleh si pembunuh.
   c. Memerintahkan pembunuhan.
   d. Memaksa orang lain supaya melakukan pembunuhan, menurut syarat-syarat paksaan.
4. Pembunuhan itu dilakukan hanya dengan jalan tersebab oleh sesuatu, tidak secara langsung.
5. Bahawa wali dari yang terbunuh tidak diketahui, siapa dan di mana tempatnya. Sebab qisas itu adalah hak wali yang ter bunuh.
6. Bahawa pembunuhan itu tidak dalam negara Islam.

Demikianlah sebanyak enam perkara yang menghalang perlaksanaan hukuman qisas.

Mengenai penahanan si terbunuh untuk dibunuh, dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا أَمْسَكَ الرَّجُلُ الرَّجُلَ وَقَتَلَهُ الْآخَرُ يُقْتَلُ الَّذِى قَتَلَ وَيُحْبَسُ الَّذِى أَمْسَكَ. رواه الدار قطنى

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Bila seorang laki-laki menahan seseorang, dan laki-laki yang ditahan itu dibunuh oleh yang lain, maka dibunuhlah orang membunuh itu, sedang orang yang menahan itu dipenjarakan." (Riwayat Daruqutni).

Dalam riwayat As-Syafii, dari Ali bin Abu Talib; ditambahkan: Orang yang menahan dipenjarakan sampai mati.

Manakala pembunuhan yang berlaku di luar negara Islam, maka Allah telah berfirman:

فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ*

سورة النساء اية ٩٢

Maka jika ada yang terbunuh itu dari kaum musuhmu, sedang ia orang mukmin, maka hukumannya ialah memerdekakan hamba yang mukmin.

(Surah An-Nisa', ayat 92).

Tentang penahanan orang yang menahan seseorang untuk dibunuh oleh sipembunuh, terserah kepada imam (penguasa) dalam negara. Apakah penahanan dalam penjara itu hanya untuk beberapa waktu yang ditentukan, atau seumur hidup, terserah kepada pertimbangan, di samping melihat kepentingan negara.

Bila ada sesuatu kaum (kaum kafir) membunuh seseorang yang beragama Islam, maka kaum itu wajib dibunuh pula.

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَتَلَ خَمْسَةً أَوْ سِتَّةً قَتَلُوْا رَجُلاً غِيْلَةً بِمَوْضِعٍ خَالٍ وَقَالَ: وَلَوْ تَمَالَأَ عَلَيْهِ أَهْلُ صُنْعَاءَ لَقَتَلْتُهُمْ بِهِ جَمِيْعًا. رواه الشافعي

Dari Said bin Musaiyyab r.a. bahawa Umar r.a. telah membunuh lima orang atau enam orang, yang telah membunuh seorang laki-laki secara tipuan di tempat yang sunyi, dan ia berkata: "Andaikata kalau berkumpul atasnya (atas laki-laki yang telah mati itu) semua penduduk Shun'a nescaya aku bunuh mereka sekaliannya kerana laki-laki yang seorang itu."

(Riwayat Syafii).

5. CARA MELAKSANAKAN QISAS ANGGOTA

Bila ada salah satu anggota badan yang rosak disebabkan orang lain, wajiblah qisas menurut cara yang seadil-adilnya, hingga jangan sampai menganiaya.

Caranya ialah:

1. Jangan dirosakkan yang kanan sebab yang kiri, atau sebaliknya.
2. Jangan dirosakkan anggota yang sihat sebab anggota yang sakit.
3. Jangan dirosakkan sesuatu anggota dengan sebab anggota yang lain. Umpamanya kaki jangan dirosakkan kerana tangan dan sebaliknya.
4. Kalau terpotong tangan di pertengahan hasta (bukan di siku) atau kaki di pertengahan betis, maka qisas wajiblah dilakukan di pergelangan kaki atau tangan. Dan tidak boleh mengqisas di pertengahan itu pula, sebab akan lama menyakitkan bagi yang diqisas. Dan perbuatan yang semacam itu namanya aniaya. Begitu juga tidak boleh qisasnya di siku sebab melebihi yang terpotong. Pada tulang yang pecah, tidak boleh dilakukan qisas sebab tidak dapat diyakini persamaannya. Tetapi kalau mungkin melakukan qisas pada gigi dengan pendapat doktor setelah diselidikinya dengan saksama, maka wajiblah qisas pada gigi. Dipecahlah gigi orang yang telah memecah gigi orang lain dengan gergaji gigi dan lain sebagainya. Dalam pembunuhan kalau dilakukan secara mencekik atau secara membenamkan atau dengan jalan menyeksa tidak diberi makan dan minum, maka qisasnya menurut perbuatan itu pula, sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. dalam perkara orang Yahudi menyepitkan kepala seorang anak perempuan.

Tetapi sesiapa yang membunuh dengan sihir atau yang serupa dengan itu, seperti racun dan lain-lain yang tidak dapat dikirakan perseimbangannya, maka qisasnya adalah dipancung saja dengan pedang atau ditembak. Sebab kalau sihir dan racun dilakukan (di-

balas) dengan sihir pula, tidaklah dapat dikirakan perseimbangannya. Lagi pun perbuatan itu haram dilakukan.

BAB DIYAT (Denda)

Firman Allah s.w.t.:

فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيْهِ شَيْءٌ فَاتِّبَاعٌ بِالْمَعْرُوْفِ وَأَدَاءٌ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذٰلِكَ تَخْفِيْفٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنِ اعْتَدَى بَعْدَ ذٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيْمٌ * سورة البقرة اية ١٧٨

Maka sesiapa yang dimaafkan baginya oleh saudaranya dalam suatu perkara (membunuh), maka hendaklah ia mengikut secara yang patut dan membayar diyat kepadanya (wali yang terbunuh) dengan baik. Itulah keringanan dari Tuhanmu dan rahmat, maka sesiapa yang aniaya sesudah itu, maka baginya seksaan yang pedih.

(Surah Al-Baqarah ayat 178).

1. ERTI DIYAT DAN YANG MEWAJIBKANNYA

Diyat, ertinya harta yang wajib diberikan sebagai ganti kerugian sebab membunuh atau melukai.

Yang mewajibkan diyat ialah:

1. Bila wali yang terbunuh memaafkan si pembunuh dari pembalasan dengan jiwa, sebagaimana bunyi ayat tersebut di atas.
2. Pembunuhan yang tidak disengaja.
3. Pembunuhan kerana tersalah, sebagaimana penjelasannya telah disebutkan di atas.

Diyat itu ada dua macam:

1. *Diyat mughallazah,* ertinya ganti kerugian yang berat.
2. *Diyat mukhaffafah,* ertinya ganti kerugian yang ringan.

2. DIYAT MUGHALLAZAH (berat)

Diyat Mughallazah banyaknya 100 ekor unta, dibahagi kepada tiga bahagian iaitu:

a. 30 (tiga puluh) ekor unta yang berumur 3 tahun.
b. 30 (tiga puluh) ekor unta yang berumur 4 tahun.
c. 40 (empat puluh) ekor unta yang sedang bunting.

Diyat mughallazah itu diwajibkan atas pembunuhan yang dengan sengaja, bila waris yang dibunuh memaafkan pembalasan dengan jiwa dan atas pembunuhan yang tidak disengajakan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا دُفِعَ إِلَى أَوْلِيَاءِ الْمَقْتُوْلِ فَإِنْ شَاءُوْا قَتَلُوْا وَإِنْ شَاءُوْا أَخَذُوْا الدِّيَّةَ وَهِيَ ثَلَاثُوْنَ حِقَّةً وَثَلَاثُوْنَ جَذَعَةً وَأَرْبَعُوْنَ خَلِفَةً وَمَا صَالَحُوْا عَلَيْهِ فَهُوَ لَهُمْ وَذٰلِكَ لِتَشْدِيْدِ الْعَقْلِ.

رواه الترمذى بسند حسن

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari neneknya, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang membunuh orang mukmin dengan sengaja diserahkanlah perkaranya kepada wali-wali (keluarga yang terbunuh) itu, maka jika mereka kehendaki, boleh pembunuhnya dibunuh pula, dan jika mereka kehendaki, mereka boleh menerima diyat, iaitu 30 ekor unta yang berumur 3 tahun, dan 30 ekor unta yang berumur 4 tahun dan 40 ekor unta yang sedang hamil. Dan sesuatu yang mereka perdamaikan atasnya (selain dari aturan di atas) maka hal itu dibolehkan bagi mereka, dan yang demikian itu ialah untuk memperberat perkara diyat."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Dan ditambahkan pula dengan keterangan lain mengenai pembunuhan tidak disengaja, yang disamakan hukumnya dengan yang disengaja.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: عَقْلُ شَبْهِ الْعَمْدِ مُغَلَّظٌ مِثْلُ عَقْلِ الْعَمْدِ وَلَا يُقْتَلُ صَاحِبُهُ وَبِهِ قَضَى عُمَرُ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ.

رواه ابو داود بسند صالح

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari neneknya, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Diyat pembunuh yang syabah 'amad (serupa dengan yang disengaja), ialah mughallazah, seperti diyat pembunuh yang sengaja, dan si pembunuh itu tidak boleh dibunuh. Dan Umar r.a. menghukum dengan cara ini.

(Riwayat Abu Daud).

Boleh juga diyat *mughallazah* itu dibayar dengan:
33 ekor unta yang berumur 3 tahun,
33 ekor unta yang berumur 4 tahun dan
34 ekor unta yang sedang bunting.

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ فِى شَبْهِ الْعَمَدِ: ثَلَاثٌ وَثَلَاثُوْنَ حِقَّةً وَثَلَاثٌ وَثَلَاثُوْنَ جَذَعَةً وَأَرْبَعٌ وَثَلَاثُوْنَ ثَنِيَّةً كُلُّهَا خَلِيْفَةٌ.

رواه ابو داود بسند صالح

Dari Ali r.a. berkata ia berhubung dengan soal pembunuhan yang tidak disengaja (syabah 'amad): "Tiga puluh tiga ekor unta yang berumur tiga tahun, tiga puluh tiga ekor unta yang berumur 4 tahun dan tiga puluh empat ekor unta yang sedang bunting."

(Riwayat Abu Daud).

3. DIYAT MUKHAFFAFAH (ringan)

Diyat mukhaffafah (diyat ringan), banyaknya 100 ekor unta, dibahagi 5 yang terdiri dari:
20 ekor unta yang berumur 3 tahun,
20 ekor unta yang berumur 4 tahun,
20 ekor unta yang berumur 2 tahun (unta betina),
20 ekor unta yang berumur 2 tahun (unta jantan),
20 ekor unta yang berumur 1 tahun (unta betina).
Diyat mukhaffafah ini wajib dibayar berhubung dengan pembunuhan yang tersalah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: فِى دِيَةِ الْخَطَاءِ عِشْرُوْنَ حِقَّةً وَعِشْرُوْنَ جَذَعَةً وَعِشْرُوْنَ بِنْتَ

مَخَاضٍ وَعِشْرُوْنَ بِنْتَ لَبُوْنٍ وَعِشْرُوْنَ بَنِى مَخَاضٍ ذُكُوْرًا.

رواه ابو داود والترمذى بسند ضعيف

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a. Rasulullah bersabda: "Dalam perkara pembunuhan yang tersalah diyatnya adalah 20 ekor unta yang berumur 3 tahun, 20 ekor unta yang berumur 4 tahun, 20 ekor unta betina yang berumur 2 tahun, 20 ekor unta betina yang berumur 1 tahun dan 20 ekor unta jantan yang berumur 2 tahun."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

4. DIYAT PEMBUNUHAN TERSALAH YANG DIBERATKAN

Pembunuhan tersalah itu dapat diberatkan diyatnya, iaitu menjadi diyat mughallazah. Dalam peristiwa pembunuhan yang terjadi pada salah satu yang berikut:

1. Bila pembunuhan itu terjadi di tanah haram (Mekah).
2. Bila pembunuhan itu terjadi di bulan haram (Zulkaedah, Zulhijah, Muharram dan Rejab).
3. Bila pembunuhan itu terjadi atas diri orang yang sudah jadi muhrim sebab rahim (kandungan), seperti ibu dan saudara-saudara perempuan dan sebagainya.

Diberatkan diyat sebab yang tiga macam di atas itu kerana besar kehormatannya.

(Demikian I'anah At-Talibin).

Keterangan menyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ أَعْتَى النَّاسِ عَلَى اللهِ ثَلَاثَةٌ مَنْ قَتَلَ فِى حَرَمِ اللهِ أَوْ قَتَلَ غَيْرَ قَاتِلِهِ أَوْ قَتَلَ لِذَحْلِ الْجَاهِلِيَّةِ رواه ابن حبان

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesungguhnya manusia yang keras kepala kepada Allah ada tiga, iaitu orang yang melakukan pembunuhan di Haramillah, atau yang membunuh orang yang bukan hak dibunuh (muhrim), atau yang membunuh untuk membalaskan dendam orang Jahiliah."

(Riwayat Ibnu Hibban).

Yang dimaksud dengan *Haramillah* dalam hadis di atas, menurut Imam Syafii ada tiga macam:

1. Tanah haram, Mekah dan Madinah.
2. Bulan Haram, Rejab, Zulkaedah, Zulhijah dan Muharram,
3. Yang diharamkan kerana keturunan, seperti ibu atau saudara perempuan dan lain-lain.

Berkata pengarang Subulussalam: Sungguh telah memfatwakan Syafii agar memberatkan diyat atas pembunuhan yang tersalah yang terjadi pada tanah haram atau atas orang-orang yang diharamkan kerana keturunan darah, atau pada bulan haram. Dia menegaskan lagi, bahawa sahabat-sahabat Nabi telah memberatkan diyat dalam hal-hal ini.

(Demikian Subulussalam).

Adapun pembunuhan yang tersalah, apabila dilakukan dengan tongkat atau dengan cambuk, maka diyatnya dengan diyat pembunuhan tidak disengaja (syabah 'amad), iaitu 100 ekor unta di antaranya ada 40 ekor unta yang sedang bunting.

Keterangan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلَا إِنَّ دِيَةَ الْخَطَإِ وَشِبْهِ الْعَمْدِ مَا كَانَ بِالسَّوْطِ وَالْعَصَا مِائَةٌ مِنَ الْإِبِلِ مِنْهَا أَرْبَعُوْنَ فِي بُطُوْنِهَا أَوْلَادُهَا.

رواه أبو داود والنسائى وصححه ابن حبان

Dari Abdullah bin Amr bin Ash r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Ketahuilah, bahawa diyat tersalah ialah diyat syabah 'amad, jika pembunuhan itu dilakukan dengan cambuk atau dengan tongkat, ialah 100 ekor unta, yang 40 ekor daripadanya sedang bunting."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

5. DIYAT DOKTOR DAN WANITA

Apabila ada seorang doktor atau dukun mengubati seseorang yang sakit, sedang dukun atau doktor itu tidaklah dikenal sebagai ahli dalam perubatan, maka wajiblah atasnya diyat, andaikata si sakit itu mati kerana ubat yang diberikannya. Atau ia mengetahui, tetapi ia salah memberikan ubat, maka diyatnya masuk diyat tersalah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ تَطَبَّبَ وَلاَ يُعْلَمُ مِنْهُ طِبٌّ فَهُوَ ضَامِنٌ.

رواه ابو داود والنسائى وصححه الحاكم

Dari Amr bin Syuaib r.a. dari bapanya, dari datuknya dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang mengatakan dirinya pandai ubat (doktor/dukun), sedang ia tidak kenal orang sebagai tabib (pandai ubat), maka dia wajib menjamin."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Diyat wanita adalah seperdua diyat kaum laki-laki.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ مُعَاذٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: دِيَةُ الْمَرْأَةِ نِصْفُ دِيَةِ الرَّجُلِ. رواه البيهقى

Dari Muaz r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Diyat wanita seperdua diyat laki-laki."

(Riwayat Baihaqi).

Bayaran luka wanita.

Kalau wanita itu hanya luka saja, maka bayarannya ialah seperti bayaran luka laki-laki hingga sepertiganya. Bila lebih dari sepertiga, maka bayarannya seperti semula, iaitu seperdua dari bayaran luka laki-laki. Sebab diyatnya adalah seperdua diyat laki-laki.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: عَقْلُ الْمَرْأَةِ مِثْلُ عَقْلِ الرَّجُلِ حَتَّى يَبْلُغَ الثُّلُثَ مِنْ دِيَتِهِ.

رواه النسائى والدار قطني

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Diyat wanita adalah seperdua diyat laki-laki hingga sepertiga diyatnya."

(Riwayat Nasai dan Daruqutni).

Misalnya, diyat laki-laki sebanyak 150 ekor sapi tentu diyat wanita sebanyak 75 ekor.(Oleh sebab itu hendaklah dikira-kirakan berapa ekor sapi akan jadi diyat kerosakan wanita menurut berat lukanya.

Kalau cacat luka itu baru seharga sepertiga diyatnya atau kurang dari sepertiga, maka diyatnya yang sepertiga itu disamakan dengan diyat luka laki-laki, iaitu 50 ekor sapi, atau kurang dari itu. Akan tetapi kalau harga cacat itu lebih dari sepertiga, maka dijadikan menurut perhitungan semula.

Menurut Syafii dan Hanafi, bahawa diyat wanita tetap seperdua diyat laki-laki, biar banyak ataupun sedikit.

6. DIYAT KAFIR ZIMMI DAN MU'AHID

Diyat kafir Zimmi dan kafir Mu'ahid, adalah seperdua diyat kaum Muslimin.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: عَقْلُ أَهْلِ الذِّمَّةِ نِصْفُ عَقْلِ الْمُسْلِمِيْنَ.

رواه أحمد والنسائى

Dari Amr bin Syuiab dari bapanya dari datuknya, katanya: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Diyat kafir zimmi adalah seperdua diyat orang Islam."

(Riwayat Ahmad dan Nasai).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: دِيَةُ الْمُعَاهِدِ نِصْفُ دِيَةِ الْحُرِّ.

رواه ابو داود

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Diyat kafir mu'ahid adalah seperdua diyat orang merdeka."

(Riwayat Abu Daud).

Diyat Anak Dalam Kandungan

Apabila yang mati itu anak yang masih dalam kandungan, diyatnya ialah hamba laki-laki atau perempuan.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: إِقْتَتَلَتِ امْرَأَتَانِ مِنْ هُذَيْلٍ فَرَمَتْ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَ بِحَجَرٍ فَقَتَلَتْهَا وَمَا فِى بَطْنِهَا فَاخْتَصَمُوْا إِلَى رَسُوْلِ اللهِ فَقَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنَّ دِيَةَ جَنِيْنِهَا غُرَّةٌ عَبْدٌ أَوْ وَلِيْدَةٌ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Pernah dua orang perempuan suku Huzail berbunuh-bunuhan, lalu salah seorang dari keduanya melempar yang lain dengan batu, maka terbunuhlah perempuan itu dan anak yang di dalam perutnya. Mereka mengadu kepada Rasulullah s.a.w. maka Rasulullah s.a.w. menghukumkan, bahawa diyat janinnya (anak yang masih dalam perut) itu seorang hamba laki-laki atau perempuan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

7. NILAI DIYAT PEMBUNUHAN YANG DISENGAJA

Bila unta tidak ada di daerah terjadinya pembunuhan itu, wajiblah dibayar menurut harganya (kimatnya) atau dengan lainnya yang sama harganya dengan jumlah unta itu. Kimat di zaman Nabi s.a.w. adalah 800 dinar (wang emas) atau 8,000 dirham.

Keterangan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: كَانَتْ قِيْمَةُ

الدِّيَةِ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ ثَمَانُمِائَةِ دِيْنَارٍ أَوْ ثَمَانِيَةُ آلاَفِ دِرْهَمٍ وَدِيَةُ أَهْلِ الْكِتَابِ يَوْمَئِذٍ اَلنِّصْفُ مِنْ دِيَةِ الْمُسْلِمِيْنَ فَكَانَ ذٰلِكَ كَذٰلِكَ حَتَّى اسْتَخْلَفَ عُمَرُ فَقَامَ خَطِيْبًا فَقَالَ: أَلاَ إِنَّ الْإِبِلَ قَدْ غَلَتْ فَفَرَضَهَا عَلَى أَهْلِ الذَّهَبِ أَلْفَ دِيْنَارٍ وَعَلَى أَهْلِ الْوَرِقِ إِثْنَى عَشَرَ أَلْفًا وَعَلَى أَهْلِ الْبَقَرِ مِائَتَيْ بَقَرَةٍ وَعَلَى أَهْلِ الشَّاةِ أَلْفَيْ شَاةٍ وَعَلَى أَهْلِ الْحُلَلِ مِائَةُ حُلَّةٍ وَتَرَكَ دِيَةَ أَهْلِ الذِّمَّةِ لَمْ يَرْفَعْهَا. رواه أبو داود

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya ia berkata: "Adalah kimat diyat di masa Rasulullah s.a.w. 800 dinar atau 8,000 dirham, dan diyat ahli kitab ketika itu (Yahudi – Nasrani) seperdua diyat kaum Muslimin, dan aturan itu berjalan sampai Umar menjadi Khalifah. Pada satu kali pernah Umar berdiri membaca khutbah, ia berkata: "Ketahuilah, sesungguhnya unta telah mahal harganya (habis)," maka Umar wajibkan membayar kimatnya atas orang yang mempunyai emas 1,000 dinar, dan orang yang mempunyai perak 12,000 dan atas orang yang mempunyai sapi 200 ekor, dan atas orang yang mempunyai kambing 2,000 ekor, dan atas orang yang mempunyai bahan pakaian 100 pasang dan ditinggalkan (tidak menerangkan) diyat kafir zimmi, dan tidak dihapuskannya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Diyat itu wajib dibayar paling lama dalam masa 3 (tiga) tahun apabila pembunuhan terjadi kerana tersalah atau tidak disengaja. Adapun pembunuhan yang disengaja, wajib disegerakan pembayarannya. Bila yang terbunuh itu kafir zimmi atau muahid, diyatnya boleh dijanjikan membayarnya paling lama satu tahun, sebab diyatnya tidak besar seperti diyat orang Islam.

8. NILAI DIYAT PEMBUNUHAN YANG TERSALAH

Nilai diyat atas pembunuhan yang tersalah, ialah sebagaimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُقَوِّمُ دِيَةَ الْخَطَاءِ عَلَى أَهْلِ الْقُرَى أَرْبَعُمِائَةِ دِيْنَارٍ أَوْ عَدْلَهَا مِنَ الْوَرِقِ وَيُقَوِّمُهَا عَلَى أَثْمَانِ الْإِبِلِ فَإِذَا غَلَّتْ رَفَعَ قِيْمَتَهَا وَإِذَا رَخَصَتْ نَقَصَ قِيْمَتَهَا وَبَلَغَتْ عَلَى عَهْدِ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ مَا بَيْنَ أَرْبَعُمِائَةِ دِيْنَارٍ إِلَى ثَمَانِمِائَةِ دِيْنَارٍ أَوْ عَدْلَهَا مِنَ الْوَرِقِ ثَمَانِيَةَ آلَافِ دِرْهَمٍ وَقَضَى عَلَى أَهْلِ الْبَقَرِ مِائَتَيْ بَقَرَةٍ وَعَلَى أَهْلِ الشَّاةِ أَلْفَى شَاةٍ وَقَالَ الْعَقْلُ: مِيْرَاثٌ بَيْنَ وَرَثَةِ الْقَتِيْلِ عَلَى قَرَابَتِهِمْ فَمَا بَقِيَ فَلِلْعَصَبَةِ. رواه النسائى وأبو داود

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya, ia berkata: "Pernah Nabi s.a.w. memberikan diyat menurut harganya atas pembunuhan yang tersalah, kepada penduduk kampung dan kota sebanyak 400 dinar, atau wang perak seharga dengan itu, dan diyat menurut nilai harga unta. Apabila unta mahal, ditinggikannya kimatnya, dan bila murah, diturunkannya kimatnya. Dan di masa Rasulullah s.a.w. pernah sampai kimat itu antara 400 hingga 8,000 dinar atau wang perak seharga dirham, dan dihukumkannya atas orang yang mempunyai sapi sebanyak 200 ekor, dan atas orang yang mempunyai kambing sebanyak 2,000 ekor, kemudian beliau bersabda: "Diyat itu ialah pusaka yang harus dibahagikan antara waris-waris atas kaum kerabat mereka, maka baki yang tinggal untuk asobah."

(Riwayat Nasai dan Daud).

9. DIYAT ANGGOTA BADAN

Bila ada anggota badan yang terpotong atau jadi cacat, baik yang berpasangan (kiri dan kanan) atau tidak, wajiblah dibayar diyat, iaitu mughallazah. Semua anggota itu adalah perhiasan dan menambah cantik tampang seseorang. Diyat anggota – ada empat peringkat:

Pertama: *Diyat 100 unta.* Diyat ini adalah tertentu untuk anggota tubuh yang tertentu seperti berikut:

1. Bagi anggota yang berpasangan (kiri dan kanan), iaitu kedua

mata, kedua telinga, kedua tangan, kedua kaki, kedua bibir (atas dan bawah) dan kedua buah pelir.

2. Bagi anggota yang tersendiri, iaitu hidung, lidah, zakar (kemaluan laki-laki).
3. Rosak tulang sulbi (tulang tempat keluar air mani laki-laki).

Kedua: *Diyat 50 ekor unta* diyat ini bagi anggota yang berpasangan, bila salah satu dari keduanya (kiri atau kanan) terpotong.

Ketiga: *Diyat 33 ekor unta* (sepertiga diyat yang sempurna) untuk bahagian seperti yang berikut:

1. Luka kepala sampai ke otak (benak),
2. Luka badan yang sampai ke perut,
3. Sebelah tangan yang sakit kusta,
4. Gigi yang hitam.

Keempat: *Diyat yang lain-lain, iaitu:*

1. Luka yang sampai terkelupas kulit di atas tulang, bukan di atas daging, diyatnya 15 ekor unta,
2. Hilang sebatang anak jari, biar jari tangan ataupun jari kaki, diyatnya ialah 10 ekor unta,
3. Hilang sebatang gigi diyatnya ialah 5 ekor unta,
4. Luka yang mengelupaskan daging, diyatnya 5 ekor unta.

(Hadis Abu Daud dan Tirmizi dalam berbagai riwayat).

BAB PENJELASAN SEMUA HUKUMAN JINAYAT

1. HUKUMAN PEMBUNUH YANG SENGAJA

Menurut Syariat Islam, pembunuhan yang disengaja itu banyak hukumannya:

1. **Hukuman pokok:**
   a. Qisas (berbalasan)
   b. Membayar diyat (mengisi denda)
   c. Diberi takzir (diberi ajaran)
2. **Hukuman tambahan:**
   a. Terlarang waris mewarisi
   b. Terlarang memberi dan menerima wasiat.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِيْ هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أَلْقَاتِلُ لَا يَرِثُ. رواه الترمذى وابن ماجة

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Si pembunuh tidak dapat mewarisi (jadi waris)."

(Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah).

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا وَصِيَّةَ لِقَاتِلٍ. رواه البيهقى

Dari Ali r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Si pembunuh tidak berhak menerima wasiat."

(Riwayat Baihaqi).

3. Hukuman pengganti:

a. Membayar diyat (denda)
b. Berpuasa dua bulan berturut-turut
c. Diberi takzir

Di dalam kitab TASYRI' JANAIL ISLAMI, juzuk II, halaman 144 dinyatakan: Bahawa "takzir" ini, kadang-kadang dijadikan sebagai ganti dari hukuman qisas (dalam hukuman pokok) dan kadang-kadang sebagai ganti dari hukuman qisas (dalam hukuman pengganti).

2. HUKUMAN PEMBUNUHAN SYABAH 'AMAD.

Bagi pembunuhan yang serupa dengan yang disengaja ada tiga macam hukuman, iaitu:

1. Hukuman pokok:

a. Membayar diyat (denda)
b. Membayar kaffarat (disamakan dengan hukuman pengganti dalam pembunuhan yang disengaja).

2. Hukuman pengganti:

a. Diberi takzir (diberi malu)
b. Berpuasa dua bulan berturut-turut.

3. Hukuman tambahan:

a. Terlarang waris-mewarisi
b. Terlarang menerima wasiat dari yang terbunuh.

Diyat ini dianggap dan dipandang sebagai hukum pokok dalam perkara pembunuhan yang "serupa disengaja" (syabah 'amad), kerana diyat ini bukanlah merupakan hukuman pengganti dari

hukuman lain, dan kerana diyat ini merupakan hukuman dasar untuk pembunuhan yang semacam ini. Tetapi diyat dalam pembunuhan yang disengaja, dipandang sebagai hukuman pengganti, tidak hukuman pokok, kerana diyat ini dalam pembunuhan yang disengaja, merupakan hukuman pengganti dari hukuman qisas, yang merupakan hukuman pokok bagi pem bunuhan yang disengajakan.

3. HUKUMAN PEMBUNUHAN YANG TERSALAH

Bagi pembunuhan yang tersalah, ada tiga macam hukuman pula, iaitu:

1. **Hukuman pokok:**
   a. Membayar diyat (denda)
   b. Membayar kafarat.
2. **Hukuman pengganti:**
   a. Diberi takzir (diajar)
   b. berpuasa dua bulan berturut-turut.
3. **Hukuman tambahan:**
   a. Terlarang jadi waris dari yang terbunuh
   b. Terlarang menerima wasiat dari yang terbunuh.

Mengenai *"berpuasa,"* adalah merupakan salah satu hukuman pengganti, sama ada dalam perkara pembunuhan DISENGAJA, SERUPA DISENGAJA mahupun pembunuhan TERSALAH, kerana hanya itulah satu-satunya yang dinyatakan di dalam Al-Quran, dalam Surah An-Nisa', ayat 92.

Sedang *"terlarang waris-mewarisi dan menerima wasiat"* dari si pembunuh, kerana hadis mengenai hal tersebut tidak membezakan sifat pembunuhan itu.

Oleh sebab itu kedua-dua hal tersebut dipandang sebagai hukuman tambahan oleh segala jenis pembunuhan.

4. HUKUMAN PERBUATAN JENAYAH SELAIN DARIPADA PEMBUNUHAN

Yang dimaksudkan ialah perbuatan-perbuatan jenayah yang sifatnya luka melukai, atau rosak merosakkan salah satu anggota di badan orang, seperti memotong, menghilangkan dan lain-lainnya.

Hukuman terhadap perbuatan jenayah semacam ini ada tiga bahagian:

1. Hukuman atas dasar perbuatan yang disengaja.
2. Hukuman atas dasar perbuatan yang serupa disengaja (syabat 'amad).
3. Hukuman atas dasar perbuatan tersalah.

Adapun hukuman atas perbuatan yang disengaja ialah "qisas" (berbalasan).

Jika hukuman qisas tidak mungkin dilakukan, kerana anggota yang akan diqisas tidak ada, atau sedang sakit dan lain-lainnya maka diberikan dua macam hukuman pengganti, iaitu:

a. Membayar diyat atau bayaran yang rosak, sesuai dengan anggota yang rosak itu.
b. Diberi takzir (diajar), dengan jalan apa saja yang dapat dilakukan penguasa (Imam), bila pembayaran diyat tidak mungkin pula.

Adapun hukuman atas dasar perbuatan tersalah, ialah: Diyat atau imbuh adalah merupakan hukuman pokok satu-satunya dan tidak ada baginya hukuman pengganti.

Hanya bezanya, bahawa dalam perkara perbuatan yang *"di sengaja"* diyatnya diberatkan (mughallazah), sedang dalam perkara perbuatan yang tersalah, diyat diringankan (mukhaffafah).

Sedang perbuatan yang sifatnya *"serupa disengaja,"* diyatnya sama dengan perbuatan yang tersalah (khata').

Begitulah penjelasan hukuman-hukuman yang mengenai pembunuhan dan perlukaan pada anggota badan orang.

5. KAFARAT (Denda)

Selain si pembunuh wajib membayar diyat bila wali dari yang terbunuh itu mahu berdamai, ia juga wajib membayar dendanya. Baik pembunuhan itu dengan sengaja atau tidak disengaja, ataupun pembunuhan tersalah, dendanya ialah:

1. Memerdekakan hamba, atau
2. Berpuasa dua bulan berturut-turut.

Firman Allah s.w.t.:

وَمَنْ قَتَلَ مُؤْمِنًا خَطَأً فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَدِيَةٌ مُسَلَّمَةٌ إِلَى
أَهْلِهِ إِلَّا أَنْ يَصَّدَّقُوا فَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ عَدُوٍّ لَكُمْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ
فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ وَإِنْ كَانَ مِنْ قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُمْ مِيثَاقٌ

فَدِيَةٌ مُّسَلَّمَةٌ إِلَى أَهْلِهِ وَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُّؤْمِنَةٍ فَمَنْ لَّمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ تَوْبَةً مِّنَ اللهِ وَكَانَ اللهُ عَلِيمًا حَكِيمًا*

سورة النساء اية ٩٢

Dan sesiapa yang membunuh orang Mukmin secara tersalah, maka wajiblah ia memerdekakan seorang hamba perempuan yang mukmin, dan membayar diyat yang diserahkan kepada ahlinya (warisnya), kecuali apabila mereka bersedekah saja (mereka maafkan). Dan apabila yang terbunuh itu dari pihak musuhmu, sedang ia orang Mukmin, maka wajiblah memerdekakan hamba perempuan yang mukmin. Dan apabila yang terbunuh itu dari sesuatu kaum yang telah mengikat perjanjian (kafir zimmi) antaramu dan antara mereka, maka wajib membayar diyat dan diserahkan kepada ahlinya serta memerdekakan seorang hamba perempuan yang Mukmin. Sesiapa yang tidak memperoleh hamba, maka wajiblah ia berpuasa dua bulan berturut-turut, sebagai tanda taubatnya kepada Allah. Dan adalah Allah itu Maha Mengetahui.

(Surah An-Nisa', ayat 92).

Dalam ayat ini hanya dinyatakan tentang pembunuhan yang tersalah, sedang pembunuhan yang disengaja dan yang tidak disengaja tidak disebutkan Tuhan. Tetapi menurut Syafii, cukup memahami dari aulawi ayat ini sahaja, iaitu apabila pembunuhan itu kerana tersalah diwajibkan Tuhan membayar dendanya tentu pembunuhan yang disengaja lebih-lebih lagi (diwajibkan). Sebab bila wali dari yang terbunuh tidak mahu berdamai, bererti pemnunuh harus menjalani hukuman mati. Sebelum itu ia terwajib membayar denda lebih dahulu.

عَنْ وَائِلَةَ بْنِ الْاَسْقَعِ قَالَ: أَتَيْنَا إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فِى صَاحِبٍ لَنَا قَدِ اسْتَوْجَبَ النَّارُ بِالْقَتْلِ فَقَالَ: اِعْتِقُوْا عَنْهُ رَقَبَةً يَعْتِقِ اللهُ بِكُلِّ عُضْوٍ مِنْهَا عُضْوًا مِنْهُ مِنَ النَّارِ. رواه ابو داود

Dari Wailah bin Asqa' r.a. ia berkata: Pernah kami datang kepada Nabi s.a.w. mengenai perkara seorang kawan kami, dan sudah semestinya ia masuk neraka sebab membunuh, maka bersabda Rasulullah s.a.w.: "Merdekakanlah seorang budak perempuan dan

nanti Allah akan memerdekakan anggota-anggota yang membunuh itu dari api neraka dengan tiap-tiap anggota hamba yang dimerdekakanya itu."

(Riwayat Abu Daud).

BAB QASAMAH

Qasamah, ertinya sumpah. Bila terdapat di sesuatu tempat seseorang yang terbunuh berlumuran darah, sedang pembunuhnya tidak diketahui. Kemudian datang keluarga yang terbunuh itu menuduh seseorang yang disyaki. Tuduhan mereka dapat dibenarkan bila mereka dapat mengemukakan keterangan-keterangan yang menyakinkan dan kalau mereka dapat mengemukakan saksi seramai 50 orang dan bersumpah. Sesudah itu barulah dapat dijalankan hukum qisas kepada diri terdakwa. Dari yang terdakwa pula boleh diterima sumpahnya dengan mengemukakan 50 orang saksi. Maka apabila mereka bersedia bersumpah, lepaslah si terdakwa daripada tuduhan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ رَافِعِ بْنِ خَدِيْجٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ عَبْدَ اللهِ بْنَ سَهْلٍ قُتِلَ فَاتَّهَمُوا الْيَهُوْدَ فَجَاءَ أَخُوْهُ عَبْدُ الرَّحْمٰنِ وَابْنَا عَمِّهِ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ - وَسَاقَ الْحَدِيْثَ - فَتَكَلَّمَا فِى أَمْرِ صَاحِبِهِمَا فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: يَقْسِمُ خَمْسُوْنَ مِنْكُمْ عَلَى رَجُلٍ مِنْهُمْ فَيُدْفَعُ بِرُمَّتِهِ قَالُوْا: أَمْرٌ لَمْ نَشْهَدْهُ كَيْفَ نَحْلِفُ قَالَ: فَتُبْرِئُكُمْ يَهُوْدُ بِأَيْمَانِ خَمْسِيْنَ مِنْهُمْ قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ قَوْمٌ كُفَّارٌ فَوَادَهُ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ مِنْ قِبَلِهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Rafi' bin Khadij r.a. bahawa Abdullah bin Sahal telah terbunuh. Mereka (keluarganya) menuduh orang-orang Yahudi, maka datanglah saudaranya, Abdul Rahman dan dua orang anak pak ciknya yang laki-laki kepada Nabi s.a.w. Hadis selanjutnya. Lalu

keduanya menceritakan perkara saudaranya itu, maka bersabda Nabi s.a.w.: "Hendaklah bersumpah 50 orang dari golonganmu atas tuduhanmu kepada seorang laki-laki di antara mereka." Dan diberikanlah oleh Rasulullah s.a.w. seutas tali pengikatnya (pengikat yang dipergunakan si pembunuh). Mereka berkata: "Peristiwa itu tidak kami lihat, bagaimana kami akan bersumpah." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Nanti tuduhanmu akan dilepaskan oleh kaum Yahudi dengan sumpah 50 orang dari pihak mereka." Mereka berkata: "Kaum Kuffar, ya Rasulullah! (sumpah mereka tidak dapat dipercaya)." Maka diberikanlah diyat oleh Rasulullah s.a.w. kepadanya dari pihak terdakwa.

Riwayat Bukhari dan Muslim).

Lafaz sumpah dari wali yang terbunuh ialah: "Demi Allah yang Maha Besar, sesungguhnya si..... telah membunuh si..... di....." Manakala sumpah dari orang yang terdakwa adalah: "Demi Allah yang Maha Besar, sesungguhnya aku tidak membunuh si....."

BAB ORANG YANG LEPAS DARI DIYAT DAN QISAS

Dalam aturan agama, seseorang yang berhak untuk dipelihara jiwanya, bila terbunuh oleh seseorang, maka wajiblah dilakukan qisas atau diyat ke atas si pembunuh. Akan tetapi ada beberapa hal yang dapat menggugurkan (meniadakan) diyat dan qisas, iaitu:

1. Bila ia jatuh ke dalam perigi, kolam atau lubang yang digali oleh seseorang yang bukan bertujuan hendak membunuh.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْمَعْدَنُ جُبَارٌ وَالْبِئْرُ جُبَارٌ وَالْعَجْمَاءُ جُبَارٌ وَفِى الرِّكَازِ الْخُمُسُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tali itu adalah lubang lepas, dan lubang perigi itu adalah lubang lepas, dan binatang-binatang ternak itu adalah binatang lepas, dan pada barang-barang rikaz itu (lihat bab zakat) wajib dikeluarkan zakatnya seperlimanya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. Dalam mempertahankan harta benda.

Keterangan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ أَرَأَيْتَ إِنْ جَاءَ رَجُلٌ يُرِيْدُ أَخْذَ مَالِيْ قَالَ: فَلَا تُعْطِهِ قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَاتَلَنِيْ قَالَ: قَاتِلْهُ قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَتَلَنِيْ قَالَ: فَأَنْتَ شَهِيْدٌ قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَتَلْتُهُ قَالَ: هُوَ فِي النَّارِ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Pernah datang seorang laki-laki kepada Nabi s.a.w. lalu dia bertanya: "Ya Rasulullah bagaimana pendapat engkau, jika datang seorang laki-laki yang hendak merampas hartaku." Nabi menjawab: "Jangan engkau berikan." Ia berkata pula: "Bagaimana pendapat engkau kalau ia memerangi aku?" Nabi menjawab: "Perangilah dia" Ia bertanya lagi: "Bagaimana pendapat engkau kalau ia membunuh aku?" Nabi menjawab: "Engkau mati syahid." Ia bertanya pula: "Bagaimana pendapat engkau, jika aku yang membunuh dia." Nabi menjawab: "Ia masuk neraka."

(Riwayat Muslim).

3. Kerana menjaga kehormatan diri.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَوْ أَنَّ امْرَأً إِطَّلَعَ عَلَيْكَ بِغَيْرِ إِذْنٍ فَخَذَفْتَهُ بِحَصَاةٍ فَفَقَأْتَ عَيْنَهُ لَمْ يَكُنْ عَلَيْكَ جُنَاحٌ - وَفِي رِوَايَةٍ - فَلَا قَوَدَ وَلَا دِيَةَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Andaikata seseorang manusia melihat-lihat ke dalam bilik engkau, dengan tidak seizin engkau, lalu engkau lempar dia dengan batu,

lantas kena matanya, tidaklah engkau berdosa." Dan pada suatu riwayat "Tidak wajib qisas dan tidak pula diyat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. Untuk melepaskan diri dari bahaya, bila dianiaya orang lebih dahulu.

Keterangan.

عَنْ عِمْرَانِ بْنِ حُصَيْنٍ أَنَّ رَجُلاً عَضَّ يَدَ رَجُلٍ فَنَزَعَ يَدَهُ مِنْ فَمِـهِ فَوَقَعَتْ ثَنِيَّتَاهُ فَاخْتَصَمُوْا إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: يَعَضُّ أَحَدُكُمْ أَخَاهُ كَمَا يَعَضُّ الْفَحْلُ لاَ دِيَةَ لَكَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Imran bin Hussein r.a.: Bahawa seorang laki-laki pernah menggigit tangan seorang laki-laki lain, lalu ditanggalkan tangannya itu dari mulut orang itu, maka jatuhlah dua taringnya, lalu mereka berselisih dan mengadu kepada Nabi s.a.w. Beliau bersabda: "Seseorang yang menggigit saudaranya seperti laki-laki itu, maka tidaklah wajib diyat di atas engkau."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dari semua keterangan tersebut di atas, dapat disimpulkan, bahawa seseorang terlepas dari hukuman adalah:

a. Perbuatan yang bukan disengaja untuk membahayakan.
b. Perbuatan kerana mempertahankan diri.
c. Perbuatan kerana menjaga kehormatan diri.
d. Perbuatan untuk melepaskan diri dari bahaya.

Semua perbuatan-perbuatan tersebut adalah perbuatan yang dibenarkan oleh hukum, dan membebaskan dari hukuman.

KITAB HUDUD

1. HUKUM JENAYAH HUDUD DAN UNSUR-UNSURNYA

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أَتَشْفَعُ فِي حَدٍّ مِنْ حُدُوْدِ اللهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Apakah engkau akan membela membatalkan hukuman dalam perkara sesuatu hudud dari hudud Allah?"

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dari hadis ini dapatlah satu pengertian, bahawa hukuman had ini adalah merupakan HAK ALLAH yang tidak dapat dimaafkan dan dihapuskan oleh manusia.

Unsur-unsur atau rukun hukum jenayah hudud

Untuk menjatuhkan hukuman terhadap seseorang yang telah melakukan salah satu hukum jenayah hudud, haruslah diketahui lebih dahulu unsur-unsur atau rukunnya, seperti berikut:

1. **Hukum jenayah murtad**
   Unsur-unsur atau rukunnya adalah:
   a. Keluar dari agama Islam, jelas dan terang.
   b. Keluar itu disengaja atas kemahuan sendiri.
2. **Hukum jenayah penyamunan**
   Unsur-unsur atau rukunnya adalah:
   a. Menakut-nakuti orang lalu, atau
   b. Mengambil harta orang atau
   c. Membunuh orang lalu atau
   d. Membunuh dan mengambil harta orang.
3. **Hukum jenayah pemberontakan (gerombolan)**
   a. Melawan Imam yang adil menurut Islam
   b. Melawan yang bertujuan untuk mengalahkannya
   c. Melawan yang disengajakan menurut kemahuan sendiri.
4. **Hukum jenayah perzinaan**
   Unsur-unsur atau rukunnya adalah:
   a. Melakukan persetubuhan haram dengan orang yang haram dinikahi
   b. Persetubuhan itu sengaja dilakukan dengan sedar
   c. Mengetahui bahawa persetubuhan sangat dilarang oleh agama (haram hukumnya).
5. **Hukum jenayah qazaf.**
   Unsur-unsur atau rukunnya adalah:
   a. Menuduh berzina, atau mengatakan orang tidak berbangsa (keturunan)

b. Orang yang tertuduh berzina terpelihara diri dan akhlaknya dari berbuat jahat
c. Menuduh disengaja dengan kemahuan sendiri.

6. **Hukum jenayah pencurian**
Unsur-unsur dan rukunnya adalah:
a. Mengambil barang orang dengan cara diam-diam
b. Bahawa yang diambil itu barang atau benda. Baik benda itu dapat dipindahkan, mempunyai kimat (harga) atau benda yang terletak di tempatnya
c. Barang itu menjadi milik orang lain, semuanya atau sebahagiannya
d. Disengaja mengambil untuk dimiliki dengan cara sedar.

7. **Hukum jenayah minum arak**
Unsur-unsur atau rukunnya adalah:
a. Meminum minuman yang memabukkan
b. Disengaja meminum atas kesedaran sendiri.

Demikianlah unsur-unsur atau rukun bagi hukum jenayah hudud, untuk dapat dijadikan alasan dan keterangan pokok, buat menjatuhkan hukuman terhadap sesiapa yang telah melakukan salah satu hukum jenayah tersebut.

Bila unsur-unsur tersebut tidak ditemui atau kurang salah satu, maka hukuman dapat dibatalkan, atau orang yang bersangkutan digugurkan dari tuntutan atau hukuman.

2. DIPERLUKAN ALAT-ALAT BUKTI

Sesuatu hukuman tidak boleh dijatuhkan atas dasar keraguan, kerana ia akan menimbulkan penganiayaan. Oleh kerana itulah, diperlukan alat-alat bukti atau dalil-dalil yang konkrit dengan berupa saksi, pengakuan, surat menyurat dan lain-lainnya yang diperlukan untuk keyakinan dan kepastian.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِدْرَؤُوا الْحُدُوْدَ بِالشُّبُهَاتِ.

رواه البيهقى

Dari Ali r.a., dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Batalkanlah hukuman had sebab ada keraguan."

(Riwayat Baihaqi).

Ditambahkan pula dalam sebuah hadis yang ertinya:

Dari Aisyah r.a., dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Batalkanlah menjatuhkan hukuman had dari kaum muslimin menurut kesanggupanmu. Maka jika kamu peroleh bagi seseorang muslim jalan keluar (lari, atau bersembunyi, atau jalan untuk membatalkan), maka biarkanlah jalannya itu diturutinya. Kerana sesungguhnya Imam (Hakim) lebih baik ia keliru dalam perkara memaafkan, daripada ia keliru (salah) dalam menjatuhkan hukuman.

(Riwayat Tirmizi dan Hakim).

Oleh sebab itu, di samping unsur-unsur telah ada, diperlukan pula yang bukti-bukti, seperti pengakuan, saksi-saksi, tanda-tanda yang lahir di diri yang bersangkutan atau surat menyurat dan lain-lainnya.

Dalam hal ini ada sebuah hadis dinyatakan pula seperti berikut:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: تَعَافُوْا الْحُدُوْدَ فِيْمَا بَيْنَكُمْ فَمَا بَلَغَنِى مِنْ حَدٍّ فَقَدْ وَجَبَ.

رواه ابو داود

Dari Amr bin Syuib, dari bapanya, dari datuknya ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Maafkanlah olehmu (maaf-memaafkanlah kamu), dalam perkara hudud, pada apa-apa yang terjadi antaramu. Sebab semua perkara yang telah sampai kepadaku mengenai hukuman had, maka hukuman itu mesti aku jatuhkan."

(Riwayat Abu Daud).

Dengan demikian dapatlah satu pengertian, bahawa sesuatu perkara yang telah sampai ke pengadilan mengenai hudud, maka hakim mesti menjatuhkan hukuman setelah cukup bukti dan keterangannya. Oleh sebab itu, sebelum diajukan ke pengadilan, sebaiknya berdamai saja, bagaimana sebaiknya, supaya hukuman had jangan sampai dijatuhkan oleh Hakim.

3. JENIS-JENIS HUKUM JENAYAH HUDUD

1. **Hukum jenayah murtad**
   Mempunyai tiga jenis hukuman:

a. Hukuman mati, sebagai hukuman pokok
b. Hukuman takzir, sebagai hukuman pengganti
c. Tidak dapat waris mewarisi antara keluarga Islam dan antara dia, sebagai hukuman tambahan.

2. **Hukum jenayah penyamunan**
Mempunyai hukuman empat jenis:
a. Hukuman mati, atau
b. Hukuman mati dikayu salib, atau
c. Hukuman potong tangan dan kaki, satu-satu sekali gus, atau
d. Hukuman buangan ke tempat lain.

3. **Hukum jenayah bughat (pemberontak)**
Mempunyai satu jenis hukuman sahaja, iaitu hukuman mati (diperangi), sebagai hukuman *"luar biasa,"* sebab belum ada sesuatu pengadilan yang memberikan putusan yang begitu rupa, selain hanya perintah Al-Quran.

4. **Hukum jenayah perzinaan**
Pertama: Untuk wanita bikir (perawan sama perawan), maka hukumannya:
a. Hukuman jilid (dicambuk) sebanyak 100 kali.
b. Hukuman buangan serta jilid.
Yang pertama berdasarkan firman Allah dalam surah Nur, ayat 2. Sedang yang kedua berdasarkan hadis Rasulullah, dalam riwayat Muslim dan Abu Daud, dari Ubadah bin Shamit.
Kedua: Untuk wanita muhshin (laki-laki dan perempuan) yang sudah pernah nikah yang sah. Maka hukumannya adalah:
a. Hukuman rejam (dilempar batu) sampai mati, berdasarkan hadis Rasulullah, dalam riwayat Muslim dan Abu Daud, Ubadah bin Shamit.
b. Hukuman jilid dan rejam. Berdasarkan Kitabullah dan hadis Rasulullah. Ali bin Abi Talib telah menjilid Syarah pada hari Khamis, dan merejamnya pada hari Jumaat. Ia berkata: Aku menjilidnya menurut aturan Kitabullah, sedang aku merejamnya menurut sunah Rasulullah.

5. **Hukum jenayah qazat (menuduh orang berzina).**
Mempunyai hukuman dua jenis, iaitu:
a. Hukuman pokok: Di jilid sebanyak lapan puluh kali.
b. Hukuman tambahan: Tidak dapat diterima jadi saksi buat selama-lamanya.

6. **Hukum jenayah pencurian.**
Mempunyai satu jenis hukuman sahaja, iaitu: Hukuman potong tangan kanan. Kalau berulang juga, dijatuhi hukuman potong kaki kiri. Kalau berulang juga, dijatuhi hukuman

potong tangan kiri, lalu kaki yang kanan, kalau masih juga mengulangi lagi, maka dihukum takzir.

7. **Hukum jenayah minum arak (minuman yang memabukkan).** Mempunyai satu jenis hukuman saja. Iaitu dijilid sebanyak 40 kali. Tetapi tidak mengapa kalau disampaikan lapan puluh kali bila Imam berpendapat yang demikian, demi untuk kemaslahatan umum.

Demikianlah jenis-jenis hukuman untuk hukum jenayah hudud, yang mengandungi berbagai hukuman pokok dan hukuman tambahan.

Sebagaimana hukuman yang ada dalam hukum jenayah (pembunuhan), sebelum hukuman itu dijatuhkan, diperlukan alat-alat bukti untuk meyakinkan hakim, sebagaimana yang telah disebutkan dahulu.

Sebab kalau sesuatu perkara masih diragukan kebenarannya, hukuman tidak boleh dijatuhkan terhadap si tertuduh. Kerana kekeliruan dalam perkara *"maaf"* (tidak dijatuhkan hukuman) lebih baik daripada kekeliruan dalam menjatuhkan hukuman.

BAB HUKUM JENAYAH MURTAD

1. ERTI MURTAD

Murtad, ertinya kembali dan berbalik. Menurut istilah syarak ialah orang yang keluar dari agama Islam berbalik menjadi kafir. Orang-orang yang tidak mengakui lagi salah satu dari hukum-hukum Islam, maka hukumnya adalah murtad atau kafir. Ketika itu hapuslah segala amal ibadatnya di dunia dan di akhirat, apabila ia mati dalam keadaan murtad. Murtad adalah kafir yang paling keji dari segala kekafiran. Murtad itu disebabkan oleh iktikad, perbuatan dan perkataan.

Firman Allah s.w.t.:

وَمَنْ يَّرْتَدِدْ مِنْكُمْ عَنْ دِيْنِهِ فَيَمُتْ وَهُوَ كَافِرٌ فَأُولٰئِكَ حَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فِى الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأُولٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِهُمْ فِيْهَا خٰلِدُوْنَ*

سورة البقرة اية ٢١٧

Dan sesiapa di antaramu yang murtad dari agamanya lalu ia mati, sedang dia dalam kafir, maka telah habislah amalannya dunia dan akhirat. Dan orang semacam itulah yang jadi isi neraka dan mereka kekal di dalamnya.

(Surah Al-Baqarah, ayat 217).

2. YANG MENYEBABKAN MURTAD

1. **Pertama:** *Iktikad (kepercayaan)*

Iktikad yang menyebabkan seseorang menjadi murtad ialah:

1. Tidak mengakui, bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah yang Maha Esa dan tidak ada syarikat bagi-Nya. Atau ia ragu-ragu tentang ada dan keesaan Tuhan itu atau salah satu dari sifat-Nya.
2. Tidak mengakui atau ragu-ragu bahawa Muhammad itu utusan Allah (Rasulullah), untuk menyampaikan petunjuk dan kebenaran kepada seluruh manusia, atau mengingkari salah satu dari rasul-rasul Allah yang telah terdahulu dari Nabi Muhammad s.a.w.
3. Tidak mengakui lagi, bahawa Al-Quran itu turun dari Allah dengan perantaraan Nabi Muhammad s.a.w. Atau ia ragu-ragu mempercayai salah satu dari ayat-ayat dan hukum yang dinyatakan Tuhan dalam Al-Quran itu. Atau menghinanya, seperti melemparkannya kedalam najis atau memijak-mijak dan lain-lainnya.
4. Tidak mengakui adanya malaikat-malaikat dan segala yang diserahkan Tuhan kepadanya.
5. Tidak mengakui atau ragu-ragu bahawa hari kiamat akan datang dan yang bersangkutan dengan itu. Iaitu soal syurga, neraka, timbangan, dosa dan pahala dan lain-lain sebagainya.
6. Tidak percaya lagi akan qadar, iaitu ketentuan-ketentuan yang semuanya datang dari Tuhan, baik yang buruk mahupun yang baik dan sebagainya.
7. Tidak mengakui atau ragu-ragu mengikuti keputusan (ijmak sahabat-sahabat Nabi s.a.w.) dalam perkara hukum agama.
8. Mengharamkan barang yang dihalalkan Tuhan dan menghalalkan barang yang diharamkan Tuhan.

kedua: *Perbuatan yang disengaja*

Perbuatan-perbuatan yang menyebabkan seseorang menjadi murtad adalah, kerana sujud atau memuja kepada selain daripada Tuhan, iaitu:

1. Memuja atau sujud kepada berhala.

2. Memuja atau sujud kepada matahari.
3. Memuja atau sujud kepada makhluk-makhluk lain, umpamanya dewa, binatang, arwah dan lain-lain sebagainya.

Ketiga: *Perkataan yang disengaja*

Perkataan yang menyebabkan seseorang menjadi murtad, di antaranya ialah:

1. Menuduh orang yang beragama Islam dengan tuduhan kafir, atau memanggilnya dengan kata-kata kafir.
2. Mengatakan bahawa takdir dan ketentuan itu bukan datang dari Tuhan, melainkan dari tiap-tiap makhluk atau dari kekuatan alam saja. Atau mengatakan bahawa Tuhan itu tidak berkuasa atas apa-apa di alam ini.
3. Mengatakan bahawa Allah itu bukan satu, melainkan dua atau tiga dan lain-lainnya.
4. Mencerca-cerca Nabi Muhammad s.a.w. atau salah seorang Nabi Allah dengan perkataan.

Firman Allah s.w.t.:

لَقَدْ كَفَرَ الَّذِيْنَ قَالُوْا إِنَّ اللهَ ثَالِثُ ثَلٰثَةٍ وَمَا مِنْ إِلٰهٍ إِلاَّ إِلٰهٌ وَاحِدٌ* سورة المائدة اية ٧٣

Sesungguhnya telah kafir orang-orang yang mengatakan, bahawa Allah itu salah satu dari yang tiga, padahal tidak ada Tuhan melainkan Tuhan yang Tunggal.

(Surah Al-Maidah, ayat 73).

Keterangan:

عَنْ أَبِى ذَرٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سَمِعَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: مَنْ دَعَا رَجُلاً بِالْكُفْرِ أَوْ قَالَ عَدُوَّ اللهِ وَلَيْسَ كَذٰلِكَ إِلاَّ حَارَ عَلَيْهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Zar r.a. sesungguhnya ia pernah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang memanggilkan seorang laki-laki dengan panggilan kafir, atau dikatakannya musuh Allah, padahal ia bukan seperti yang dikatakannya itu maka kembali kata-kata itu kepada yang mengatakan."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. ORANG YANG DIPAKSA MURTAD

Orang-orang yang terpaksa melakukan salah satu yang tersebut di atas, umpamanya jiwanya terancam kalau tidak dilakukannya, maka tidaklah ia dihukum kafir atau murtad, asal hatinya tetap sebagai yang dikehendaki Islam.

Firman Allah s.w.t.:

مَنْ كَفَرَ بِاللهِ مِنْ بَعْدِ إِيْمَانِهِ إِلاَّ مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ بِالْإِيْمَانِ وَلٰكِنْ مَّنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ غَضَبٌ مِّنَ اللهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيْمٌ* سورة النحل اية ١٠٦

Sesiapa yang kafir kepada Allah sesudah ia beriman kecuali orang yang terpaksa, sedang hatinya masih tetap beriman. Tetapi orang yang terbuka dadanya kepada kekafiran, maka marahlah Allah kepadanya dan bagi mereka disediakan seksaan yang besar.

(Surah An-Nahl, ayat 106).

Orang-orang yang bercita-cita keluar dari Islam, menurut hukum Islam, ia telah keluar dari Islam mulai dari saat ia bercita-cita itu dan telah dihukum murtad, iaitu kafir yang lebih jahat dan keji dari kafir asli. Mulai dari saat itu pula gugurlah pahala segala ibadat yang telah dikerjakannya, seperti daun kayu gugur dari pohonnya, apabila ia tidak taubat sebelum mati. Tetapi bila ia taubat kembali, tidaklah hapus amalan yang telah berlalu itu, sebagai amalan yang sunyi dari pahalanya. Dia tidak akan dituntut lagi di akhirat kelak. Dan tidak wajib atasnya mengulangi kembali ibadatnya yang sebelum ia murtad itu.

4. HUKUMAN ORANG YANG MURTAD

Seorang Muslim yang telah murtad dari agamanya, hendaklah imam atau ketua negara menyuruh ia bertaubat tiga kali, supaya ia kembali beragama Islam. Bila ia tidak mahu juga bertaubat, wajiblah dibunuh.

Sabda Rasulullah s.w.a.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:

مَنْ بَدَّلَ دِيْنَهُ فَاقْتُلُوْهُ. رواه البخارى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang menukar agamanya, maka bunuhlah dia."

(Riwayat Bukhari).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ مَسْعُوْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَحِلُّ دَمُ امْرِيٍ مُسْلِمٍ يَشْهَدُ أَنْ لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللهَ وَأَنِّى رَسُوْلُ اللهِ إِلاَّ بِإِحْدَى ثَلاَثٍ اَلنَّفْسُ بِالنَّفْسِ اَلثَّيِّبُ الزَّانِى اَلتَّارِكُ لِدِيْنِهِ اَلْمُفَارِقَةُ لِلْجَمَاعَةِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abdullah bin Mas'ud r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak halal darah manusia yang Islam, yang ia mengaku bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya aku Rasulullah, melainkan dengan salah satu tiga perkara yang mana jiwa harus dibayar dengan jiwa qisas: Saib (janda) yang berzina, orang yang meninggalkan agamanya (Islam) dan orang yang memisahkan diri dari jamaah orang Islam."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Orang yang murtad bila masuk Islam kembali, baru sah bila ia telah mengucapkan dua kalimat syahadat kembali, iaitu:

أشهد أن لا اله الا الله وأشهد أن محمدا رسول الله

Ertinya: Aku mengaku bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku mengaku bahawa Muhammad itu Rasul Allah.

5. ORANG YANG MENINGGALKAN SEMBAHYANG DENGAN SENGAJA

Orang-orang yang meninggalkan sembahyang ada dua jenis:

Pertama: Orang yang meninggalkan sembahyang kerana ia beriktikad bahawa sembahyang itu tidak wajib, maka orang itu dihukum murtad.

Kedua: Orang yang meninggalkan sembahyang semata-mata hanya kerana malas saja, sedang ia beriktikad bahawa sembahyang itu wajib, hendaklah ia disuruh taubat dari dosanya itu. Bila ia tidak

mahu taubat, ia boleh dibunuh sebagai hukuman (had) baginya, sedang orang itu dihukumkan juga Islam. Ertinya diperlakukan juga hukum Islam atas dirinya. Dia harus juga disembahyangkan, dimandikan dan sebagainya, apabila ia mati seperti orang Islam lainnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْعَهْدُ الَّذِى بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ.

رواه الترمذى حسن صحيح

Dari Burairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Perjanjian yang ada antara kita kaum Muslimin dan antara mereka yang bukan Islam ialah sembahyang, maka sesiapa yang meninggalkan sembahyang itu tidak sesungguhnya ia telah kafir." (Riwayat Tirmizi).

Yang dimaksud dengan kafir dalam hadis ini ialah kalau yang meninggalkan sembahyang itu sudah mengiktikadkan bahawa sembahyang itu tidak wajib lagi.

(Demikian menurut Imam Malik dan Syafii).

6. PUTUS HUBUNGAN ANTARA MURTAD DENGAN MUSLIM DALAM PERKARA HUKUM

Seseorang yang sudah murtad, maka antara dia dan keluarga terputus hubungan dalam perkara waris mewarisinya. Malah murtad ini mempengaruhi dan menghilangkan nama *"ahli"*nya untuk berwenang dalam hartanya, walaupun hartanya itu diusahakannya sebelum ia murtad. Semua haknya dihentikan buat sementara, sehingga ia masuk Islam kembali. Kalau ia mati dalam murtadnya, haknya dipandang batil.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ وَلَا يَرِثُ الْكَافِرُ الْمُسْلِمَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Usamah bin Zaid r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Si muslim tidak dapat mewarisi si kafir, dan si kafir tidak pula dapat mewarisi si muslim."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB HUKUM JENAYAH PENYAMUNAN (Hirabah)

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

إِنَّمَا جَزَاؤُ الَّذِيْنَ يُحَارِبُوْنَ اللهَ وَرَسُوْلَهُ وَيَسْعَوْنَ فِى الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُّقَتَّلُوْا أَوْ يُصَلَّبُوْا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيْهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِنْ خِلَافٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذٰلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِى الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِى الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيْمٌ * إِلَّا الَّذِيْنَ تَابُوْا مِنْ قَبْلِ أَنْ تَقْدِرُوْا عَلَيْهِمْ فَاعْلَمُوْا أَنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَحِيْمٌ*

سورة المائدة اية ٣٣ - ٣٤

Sesungguhnya balasan (hukuman) mereka yang memerangi Allah dan Rasul itu, dan mereka yang berbuat kerosakan di muka bumi ialah: Bahawa mereka dibunuh, atau disalib, atau dipotong kaki dan tangan mereka secara berselang-seli, atau mereka dibuang dari bumi. Demikianlah bagi mereka hukuman (kehinaan) di dunia, dan bagi mereka di akhirat menerima azab yang besar. Kecuali mereka yang taubat, sebelum kamu menguasai (menangkap) mereka. Maka ketahuilah, bahawasanya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Surah Al-Maidah, ayat 33 – 34).

Penyamun ini disebut juga *"hirabah"*, atau *Qutta'ut Tariq"*, atau dinamakan juga perompak.

Di dalam Al-Quran Allah menamakannya dengan:

a. Orang yang memerangi Allah dan Rasulnya.
b. Orang yang berbuat kerosakan di muka bumi.

Sekadar istilah, dapat disebut: Kalau merosakkan keamanan itu dilakukan orang di tempat sunyi, ia disebut penyamunan.

Tetapi kalau merosakkan keamanan itu dilakukan di kota-kota besar, dinamakan perompakan.

Di tempat sunyi orang tidak dapat meminta pertolongan, sedang di kota-kota orang dapat meminta pertolongan. Itulah sebabnya dapat diberi istilah: *"Penyamunan"* dan *"Perompakan"*

Pengarang kitab Bidayah Al-Mujtahid berkata:

Adapun yang wajib, yang berupa tanggungjawab di atas diri penyamun, para ulama sepakat, bahawa yang jadi tanggungjawab itu ialah: Hak Allah dan Hak Adami (hak manusia). Mereka pun sepakat pula, bahawa yang merupakan Hak Allah ialah soal hukuman mati, hukuman salib, hukuman potong tangan dan kaki dengan bertahap dan hukuman buangan. Hal ini sesuai dengan ayat Allah yang telah disebutkan di atas tadi.

1. ERTI PENYAMUNAN

Penyamun atau Qutta'ut Tariq diberikan oleh ulama berbagai macam rumusan. Menurut Malik, penyamun adalah penghambat jalan. Menurut Syafii, penyamun adalah menyatakan diri untuk mengambil barang orang atau untuk membunuh. Menurut ulama Zahiriyah, penyamun bererti manakut-nakuti orang di jalanan.

Bagaimanapun ulama sepakat, bahawa penyamun atau Qutta'ut Tariq itu ialah orang yang mengangkat senjata dan menghambat jalan di luar kota.

Bagaimana kalau di dalam kota?

Malik berpendapat, baik dalam kota mahupun di luar kota sama saja. Syafii berpendapat: Harus ada kekuatan, walaupun seorang diri. Hanya pengertian menurut Syafii, ialah "kekuatan" untuk *mughalibah* (memaksa). Oleh sebab itu, Syafii berpendapat, penyamun itu disyaratkan harus jauh dari tempat ramai. Sebab untuk memaksa atau mengalahkan, harus jauh dari tempat ramai, sedang dalam kota tidak mungkin ada sifat mengalahkan itu, sebab orang yang disamun itu sempat meminta pertolongan.

2. HUKUMAN BAGI PENYAMUN DAN PELAKSANAANNYA

Sesuai menurut ayat di atas tadi, maka bagi seseorang yang telah melakukan hukum jenayah penyamunan, ada empat jenis hukumannya, sesuai menurut keadaan perbuatan si penyamun itu.

1. *Hukuman mati:* Bila si penyamun itu telah membunuh seseorang.

2. *Hukuman mati di kayu salib:* Bila si penyamun itu telah membunuh dan mengambil barang orang.
3. *Hukuman potong tangan dan kaki sekali gus.* Bila si penyamun itu hanya mengambil barang orang saja.
4. *Hukuman buangan ke tempat lain:* Bila si penyamun itu hanya menakut-nakuti orang saja di jalanan.

Begitulah hukuman ke atas si penyamun, sesuai dengan perbuatan si penyamun itu.

Di dalam ayat Al-Quran di atas tadi dijelaskan perbuatan apa yang telah dilakukan oleh seseorang penyamun, sehingga ia dijatuhi hukuman yang begitu rupa.

Menurut zahir ayat Al-Quran, asal ada orang melakukan penyamunan, walaupun apa saja yang dilakukannya, maka hukumannya boleh saja dijatuhkan menurut salah satu yang disebutkan dalam ayat Al-Quran di atas.

Tetapi sesungguhnya bukan begitu.

Hukuman yang dinyatakan Allah dalam ayat Al-Quran itu adalah hukuman yang khusus, untuk perbuatan yang khusus pula, sesuai dengan ringan atau berat perbuatan yang telah dilakukan oleh penyamun.

Adapun pengertian *"au"* (atau) yang terdapat dalam ayat itu bukanlah untuk *"takhyir"* (boleh memilih), melainkan hanya untuk *"tafshil"* (perincian) antara hukuman, sesuai dengan perbuatan si penyamun.

Hukum-hukum yang disebutkan di atas, adalah hukuman yang seimbang dengan sesuatu perbuatan pula. Misalnya:

a. Hukuman bunuh: Seimbang kalau si penyamun telah membunuh.
b. Hukuman potong kaki dan tangan dua sekali gus: Sesuai dan seimbang kalau si penyamun telah mengambil barang orang.
c. Hukuman mati di kayu salib: Seimbang kalau si penyamun itu telah membunuh dan mengambil harta orang yang disamunnya.
d. Hukuman buangan: Seimbang kalau si penyamun itu hanya sekadar menakut-nakuti orang lalu di jalan saja.

Semuanya itu adalah merupakan hak Allah s.w.t. yang tidak dapat dimaafkan oleh siapa pun.

3. PENGARUH TAUBAT SI PENYAMUN

Dalam Al-Quran di atas tadi Allah berfirman:

"Kecuali kalau mereka (penyamun) itu taubat, sebelum kamu menguasainya (sebelum ditangkap)." (Surah Al-Maidah, ayat 34).

Melihat kepada lahir ayat ini, si penyamun yang taubat dari kesalahannya, dapat dibebaskan dari hukuman. Tidak perlu diadili dan tidak perlu diperiksa di pengadilan.

Tetapi tidak begitu dalam masalah ini.

Si penyamun selaku penjahat yang merosak keamanan dalam negara atau disebut juga perompak, kalau di dalam kota, perlu di periksa dan diadili di hadapan pengadilan. Mengenai kalimat *"kecuali"* yang dinyatakan Allah dalam firman-Nya di atas, bukanlah untuk menggugurkan hukuman, melainkan hanya sekadar mempengaruhi hukuman pokok yang dinyatakan Allah itu.

Apalagi di masa sekarang.

Kalau digugurkan hukuman atas dasar, bahawa mereka telah taubat dan tidak akan berbuat lagi, maka mereka akan berbuat berulang kali, nanti setelah ditangkap, mereka mengatakan lagi bahawa mereka telah taubat dengan jalan menyerah sebelum ditangkap.

Oleh sebab itu, bahawa *"taubat"* itu hanya sekadar mempengaruhi hukuman pokok, dalam pengertian meringankan hukuman dan bukan untuk menghapuskan hukuman.

Adapun cara ia bertaubat, ialah: Bahawa ia tinggalkan perbuatan jahat itu, dan ia datang menyerahkan diri dengan sukarela kepada penguasa setempat, di samping ia letakkan atau ia simpan senjata yang mereka gunakan untuk menyamun itu.

4. HAK ULIL AMRI DALAM PERKARA MEMBERIKAN HUKUMAN TERHADAP PENYAMUN YANG TAUBAT

Ulil Amri ialah penguasa-penguasa dalam negara Islam. Dalam Al-Quran Allah berfirman:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ أٰمَنُوْا أَطِيْعُوْا اللهَ وَأَطِيْعُوْا الرَّسُوْلَ وَأُولِى الْأَمْرِ مِنْكُمْ*

سورة النساء اية ٥٩

Hai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan taatilah Rasul, dan Ulil-Amri dari golonganmu.

(Surah An-Nisa', ayat 59).

Menurut ilmu hukum, setiap peraturan yang dibuat ada hukuman yang dicantumkan, yang akan dijatuhkan kepada sesiapa yang melanggarnya.

Maka hukuman Allah bersumber kepada peraturan Al-Quran. Hukuman Rasul bersumber kepada hadis-hadisnya yang sahih. Sedang hukuman Ulil Amri bersumber kepada perundangan dalam negara. Inilah yang disebut *"hukuman takzir,"* yang hanya berkuasa memberikan takzir dalam perkara jenayah ini, ialah Ulil Amri atau penguasa dalam negara.

Hukum Allah dan Rasul tidak dapat diubah atau dikurangi. Tetapi hukuman Ulil Amri dapat diubah, ditambah atau dikurangi, atau dihabiskan kalau tidak perlu lagi, sesuai dengan keadaan dalam negara dan sesuai pula dengan cara berfikirnya Ulil Amri dalam sesuatu negara Islam.

Bagaimana taubat si penyamun.

Melihat kepada ayat di atas, bahawa taubat itu hanya merupakan *"penghapusan"* hukum yang berupa hak Allah yang disebutkan dalam ayat sebelumnya. Tetapi hak Ulil Amri tidak dapat dihapuskan.

Dalam pengertian, bahawa si penyamun itu berhak diberi hukuman dengan hukuman Ulil Amri yang berupa hukuman takzir, sebagaimana akan datang keterangannya dengan lengkap.

Dengan demikian, walaupun si penyamun telah taubat (menyerah sebelum ditangkap), dapat menggugurkan hukuman Allah, namun masih ada dua macam hak yang akan dipikul oleh si penyamun yang taubat itu, iaitu:

a. Hak Ulil Amri sendiri, dan
b. Hak Adami, (hak manusia) yang berupa qisas, atau barang-barang yang diambilnya.

Oleh sebab itu, walau bagaimanapun si penyamun atau si perompak ini perlu diadili di pengadilan, walaupun ia telah taubat, buat menyelesaikan tanggungjawabnya selama ia menyamun atau merompak itu.

BAB HUKUM JENAYAH BUGHAT

Allah berfirman:

وَإِنْ طَائِفَتَانِ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ اقْتَتَلُوْا فَأَصْلِحُوْا بَيْنَهُمَا فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرٰى فَقَاتِلُوْا الَّتِى تَبْغِيْ حَتّٰى تَفِيْءَ إِلَى أَمْرِ اللهِ* سورة الحجرات اية ٩

Dan apabila dua golongan orang mukmin berbunuh-bunuhan, maka damaikanlah olehmu antara keduanya. Apabila salah satu keduanya masih bughat (aniaya), maka perangilah olehmu golongan yang bughat itu, hingga mereka kembali kepada peraturan Allah.

(Surah Al-Hujurat, ayat 9).

Ayat ini sesungguhnya merupakan ayat yang mengandungi unsur-unsur hukuman untuk kaum bughat, dan belum menjelaskan apa yang disebut kaum bughat itu.

1. ERTI BUGHAT

Kalimat *"bughat"* adalah kalimat jamak berasal dari kalimat mufradnya, iaitu: *"baghin."* Kalimat baghin bererti seorang penderhaka atau pelawan, sedang kalimat bughat bererti segolongan manusia penderhaka atau pelawan.

Demikianlah pengertian bughat menurut bahasa.

Menurut istilahnya dalam syariat Islam, ialah: Segolongan umat Islam yang melawan atau menderhaka kepada imam atau pemerintah yang adil, yang menjalankan hukum syariat Islam. Mereka melawan itu secara berorganisasi atau teratur di bawah satu pimpinan atau komando yang mereka taati.

Perbuatan kaum bughat ini adalah perbuatan melawan hukum atau peraturan, selama imam atau pemerintah menjalankan hukum syariat. Tetapi sebaliknya pengertian melawan hukum itu akan lenyap bila imam atau pemerintah tidak menjalankan hukuman syariat Islam.

Malah ada satu peraturan yang langsung dari Nabi, bahawa pemerintah atau imam yang tidak menjalankan syariat Islam itu tidak perlu ditaati.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلسَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيْمَا أَحَبَّ أَوْ كَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. Dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Mendengar dan mentaati (terhadap Imam yang adil), merupakan kewajipan di atas manusia muslim, pada apa yang ia sukai atau yang ia benci, selama ia tidak diperintah melakukan maksiat. Bila ia diperintah melakukan maksiat, maka tidaklah boleh didengar dan ditaati."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam istilah ketatanegaraan, perbuatan pemberontakan itu dinamakan *"jarimah siasiyah"* (hukum jenayah politik).

Jarimah siasiyah, belumlah dinamakan sesuatu hukum jenayah politik yang sebenarnya kecuali kalau sudah cukup syarat-syaratnya iaitu:

Pertama: Perbuatan itu bertujuan untuk menggulingkan pemimpin negara (Raisud-Daulah) dan semua badan-badan eksekutif lainnya, atau tidak mahu lagi mematuhi pemerintahnya.

Kedua: Ada alasan yang mereka kemukakan, apa sebabnya mereka memberontak, walaupun alasan itu merupakan alasan yang lemah sekali.

Ketiga: Pemberontak itu telah mempunyai kekuatan dengan adanya orang yang mereka taati (pengatur pemberontakan).

Keempat: Telah terjadi pemberontakan yang merupakan perang saudara dalam negara, sesudah mereka mengadakan persiapan atau rencana.

Demikianlah Abdul Qadir Audah, dalam bukunya yang berjudul TASYRI' JANAIL ISLAMI, juzuk 1, halaman 102 – 104.

Ulama-ulama Syafiiyah memberikan rumusan atau takrif Syafiiyah.

"Bughat" ialah segolongan kaum Muslimin yang menentang imam (pemerintah yang adil) dengan menyerangnya, serta tidak mahu mengikutinya atau enggan memberikan hak imam yang menjadi kewajipannya, dan mempunyai alasan yang kuat untuk memberontak serta ada seorang pemimpin yang mereka taati.

Demikianlah pengertian "bughat" menurut ulama-ulama Shafiiyah.

Adapun hukum jenayah bughat atau pemberontakan itu mula terjadinya adalah seperti yang diuraikan di bawah ini.

2. ASAL MULA TERJADI KAUM BUGHAT

Kaum bughat itu mula-mula timbulnya ialah di masa Ali bin Abu Talib menjadi Khalifah, sesudah Usman bin Affan meninggal dunia. Segolongan kaum Muslimin yang berlainan faham dan politiknya dalam menjalankan roda pemerintahan, lalu menentang pemerintahan Khalifah Ali, sampai mereka keluar dari pemerintah itu. Kaum inilah yang dinamakan Khawarij, ertinya keluar dari pemerintah. Menurut riwayat jumlah kaum Khawarij waktu itu kira-kira 8,000 orang. Oleh Khalifah Ali, dikirim Ibnu Abbas kepada mereka untuk berunding. Setelah berunding dan bertukar fikiran, 4,000 orang di antara mereka kembali masuk ke dalam pemerintahan, sedang yang 4,000 lagi masih tetap menjadi gerombolan. Dalam suatu negara yang berdasarkan Islam, bila ada gerombolan yang semacam itu, wajiblah diperangi dengan ketentuan:

1. Apabila mereka telah mempunyai kekuatan, hingga mereka berani melawan pemerintah (imam yang adil).
2. Mereka telah keluar dari genggaman imam dan pemerintahan, hingga dalam pemerintahan itu mereka membentuk pula pemerintahan lain dan mengangkat pula seorang imam lain.
3. Terdapat pada mereka kekeliruan faham, dengan demikian mereka beranggapan, bahawa mereka telah boleh keluar dari genggaman imam.
4. Setelah diajak berunding dengan bijaksana sebagaimana yang telah dilakukan oleh Khalifah Ali r.a., terhadap Ahli Jamal dan Shiffin.
5. Apabila mereka telah mengadakan kekacauan dalam negeri, seperti membakar, membunuh dan lain-lainnya.

Keterangan menyatakan, iaitu surat Ali r.a. kepada kaum Bughat.

Keterangan:

عَنْ عَبْـــدِ اللهِ بْنِ شَدَّادٍ قَالَ: قَالَ عَلِيٌّ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ لِلْخَوَارِجِ: كُوْنُوْا حَيْثُ شِئْتُمْ وَبَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَنْ لاَ تَسْفِكُوْا

دَمًا حَرَامًا وَلاَ تَقْطَعُوْا سَبِيْلاً وَلاَ تَظْلِمُوْا أَحَدًا فَإِنْ فَعَلْتُمْ نَفَذْتُ إِلَيْكُمْ بِالْحَرْبِ. رواه أحمد والحاكم

Dari Abdullah bin Syaddad ia berkata: Berkata Ali r.a. kepada kaum Khawarij: "Kamu boleh berbuat sekehendak hatimu dan antara kami dan antaramu hendaklah ada perjanjian, iaitu supaya kamu jangan menumpahkan darah yang diharamkan (membunuh), kamu jangan merompak di jalan, kamu jangan menganiaya seseorang (menyamun dan sebagainya). Jika kamu berbuat yang sedemikian itu, penyerangan akan diteruskan terhadap kamu sekalian."

(Riwayat Ahmad dan Hakim).

Dengan keterangan ini dapat ditegaskan, bahawa gerombolan itu belum boleh diperangi begitu saja, selagi mereka masih mahu berunding dan belum merosak. Tetapi bila mereka telah merosak, barulah boleh diperangi.

3. GEROMBOLAN BUGHAT YANG TERTANGKAP

Terhadap gerombolan bughat yang tertangkap, hendaklah diperlakukan sebagai berikut:

1. Kalau ada yang luka jangan ditambah lukanya itu, seperti memukul dan sebagainya.
2. Mereka tidak boleh dibunuh.
3. Mana yang lari tidak perlu dicari, kecuali kalau mereka mengganggu keamanan.
4. Harta bendanya tidak boleh dijadikan rampasan, sebagai rampasan di medan perang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: هَلْ تَدْرِى كَيْفَ حُكْمُ اللهِ فِيْمَنْ بَغَى مِنْ هٰذِهِ الْأُمَّةِ قَالَ: اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَعْلَمُ قَالَ: لاَ يُجْهَزُ عَلَى جَرِيْحِهَا وَلاَ يُقْتَلُ أَسِيْرُهَا وَلاَ يُطْلَبُ هَارِبُهَا وَلاَ يُقْسَمُ فَيْئُهَا. رواه البزار والحاكم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tahukah engkau, bagaimana hukum Allah dalam perkara orang-orang yang telah jadi kaum bughat (gerombolan) dari umat ini?" Seseorang daripada sahabat berkata: "Allah dan Rasul-Nya yang lebih tahu." Rasulullah berkata: "Tidak boleh ditambah lukanya, tidak boleh dibunuh tawanannya, tidak perlu dicari mana yang lari dan tidak boleh dibahagi-bahagikan rampasannya."

(Riwayat Al-Bazzar dan Hakim).

4. PENYELESAIAN PERKARA BUGHAT

Harus diakui, bahawa kaum bughat itu adalah salah satu kaum yang merbahaya menurut hukum negara. Oleh sebab itu mereka harus ditumpas dan diselesaikan perkaranya.

Penyelesaiannya adalah sebagai berikut:

Pertama: Diperangi lebih dahulu sebagai langkah pertama, dan

Kedua: Diadili di depan pengadilan sebagai langkah terakhir.

Peraturan ini berdasarkan firman Allah yang telah disebutkan di awal ayat tadi.

Dalam ayat di atas tadi dinyatakan kalimat: "DUA GOLONGAN DARI ORANG MUKMIN," maka terkandung satu pengertian, bahawa yang dimaksudkan *"dua golongan"* itu, mungkin dua golongan sama-sama mendirikan pemerintahan masing-masing, dan mungkin pula yang satu golongan pemerintah dan yang lain golongan partikulir.

Dalam ayat di atas itu dinyatakan juga kalimat "maka damaikanlah olehmu." Pertama ayat itu disebut sebelum perintah perang, dan kedua disebutkan sesudah perintah perang.

Adapun perintah mendamaikan itu ditujukan sudah barang tentu kepada orang yang berkuasa untuk mendamaikan, dalam hal ini tentulah penguasa negara.

Bila pemberontakan telah terjadi menurut ayat di atas itu, langkah pertama ialah diajak atau dianjurkan untuk berdamai saja, antara golongan yang menyerang dan yang diserang, terutama tokoh-tokoh yang memimpin pemberontakan.

Bila di antara kedua golongan itu tidak mahu berdamai, melainkan hanya terus menerus memberontak yang satu terhadap yang lain, maka di sini ada satu peraturan yang berupa maklumat perang daripada Allah terhadap golongan yang memberontak itu dengan firman-Nya yang berbunyi:

فَإِنْ بَغَتْ إِحْدَاهُمَا عَلَى الْأُخْرَى فَقَاتِلُوا الَّتِي تَبْغِي حَتَّى تَفِيءَ إِلَى أَمْرِ اللهِ* سورة الحجرات اية ٩

Bila salah satu kedua golongan itu masih bughat (memberontak) terhadap yang lain, maka perangilah golongan yang memberontak itu, hingga mereka kembali kepada peraturan Allah.

Maka perintah perang yang akan dilancarkan terhadap golongan pemberontak yang tidak mahu berdamai itu, adalah langkah pertama untuk menyelesaikan perkara pemberontakan. Adalah merupakan sesuatu hukuman yang *"luar biasa,"* kerana hukuman ini tidak diucapkan atau diputuskan oleh hakim yang memeriksa atau mengadilinya.

Menurut As-Syafii, pengertian *"kembali"* yang dinyatakan dalam ayat di atas mengandungi pengertian, iaitu:

a. Si pemberontak itu lari, dan
b. Si pemberontak itu meletakkan senjata.

Tetapi yang jelas, bahawa yang dimaksudkan kembali itu ialah kembali kepada pengakuan negara di bawah pimpinan atau imam yang adil, yang menjalankan syariat Islam.

Hanya mereka yang kembali, adakalanya dengan kesedaran sendiri dan adakalanya dengan jalan ditangkap setelah diperangi lebih dahulu.

Bila mereka telah kembali, baik dengan jalan kesedaran sendiri mahupun dengan kekerasan, maka mereka harus dibawa ke hadapan pengadilan untuk menyelesaikan perkara mereka, dan untuk membuat perdamaian menurut yang seadil-adilnya. Inilah yang dinyatakan Allah dalam ayat tadi:

"Maka jika mereka telah kembali, maka damaikanlah antara keduanya menurut yang seadil-adilnya, dan hendaklah kamu bersifat adil."

Kalimat *"adil"* dalam ayat ini, As-Syafii berpendapat ialah: Memulangkan hak yang jadi milik sebahagian manusia dari sebahagian manusia yang telah mengambilnya.

Menciptakan perdamaian secara adil itu hanya dapat kalau dibawa ke medan pengadilan, di mana hakimlah yang menentukannya.

Sesungguhnya pemberontakan terhadap negara yang menjalankan hukum syariat Islam, dapat dikatakan PENYAMUN

Besar (Qutta'u Tariq Kubra) terhadap Allah dan Rasulnya, serta membuat kekacauan serta kerosakan yang mereka timbulkan di muka bumi, lebih besar dari kerosakan dan kekacauan yang ditimbulkan oleh penyamun biasa. Oleh sebab itu hukuman yang akan dijatuhkan kepada mereka yang telah kembali kepangkuan negara yang adil itu, adalah hukuman si penyamun atau si perompak (hukuman muharibin) yang terbahagi atas dua bahagian, iaitu:

Pertama: Hukuman terhadap mereka yang kembali setelah ditangkap atau diperangi lebih dahulu, dan

Kedua: Hukuman terhadap mereka yang taubat (kembali) sebelum ditangkap atau sebelum diperangi.

Bagaimana cara melaksanakannya, dalam bab menyamun telah diterangkan lebih dahulu.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَرْفَجَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ: إِنَّهُ سَتَكُوْنُ هُنَاتٌ وَهُنَاتٌ فَمَنْ أَرَادَ أَنْ يُفَرِّقَ أَمْرَ هٰذِهِ الْأُمَّةِ وَهِيَ جَمِيْعٌ فَاضْرِبُوْهُ بِالسَّيْفِ كَائِنًا كَانَ. رواه مسلم

Dari Arfajah r.a. ia berkata: Pernah aku dengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Akan terjadi bermacam-macam kekacauan. Maka sesiapa yang hendak menyelesaikan urusan umat yang berada di tangan pimpinan tertinggi, maka pukullah dia (bunuh) di mana saja ia berada.

(Riwayat Muslim).

Begitulah persoalan kaum bughat, dan penyelesaiannya menurut Al-Quran.

5. ORANG YANG MENCELA NABI MUHAMMAD S.A.W.

Sesiapa yang mencela Nabi Muhammad s.a.w. dengan perkataan atau perbuatan, hukumannya ialah hukuman mati dengan jalan dipotong lehernya.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ يَهُوْدِيَّةً كَانَتْ تَشْتُمُ النَّبِيَّ ﷺ

وَتَقَعُ فِيْهِ فَخَنَقَهَا رَجُلٌ حَتَّى مَاتَ فَأَبْطَلَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ دَمَهَا. رواه ابو داود

Dari Ali r.a. bahawasanya seorang Yahudi pernah mencaci Nabi s.a.w., lalu ia jatuh ketika itu. Lantas seorang laki-laki mencekiknya hingga ia mati. Oleh Rasulullah s.a.w. dibatalkan hukuman qisas untuk dirinya.

(Riwayat Abu Daud).

BAB HUKUM JENAYAH PERZINAAN

1. ZINA ADALAH SALAH SATU DOSA BESAR

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَلَا تَقْرَبُوْا الزِّنٰى إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَآءَ سَبِيْلاً*

سورة الاسراء اية ٣٢

Dan janganlah kamu dekati perbuatan zina itu, sesungguhnya perzinaan itu perbuatan yang sangat keji dan pekerjaan yang seburuk-buruknya.

(Surah Al-Israk, ayat 32).

Dalam sebuah hadis dinyatakan pula:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: اِجْتَنِبُوْا السَّبْعَ الْمُوْبِقَاتِ قِيْلَ يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: اَلْاِشْرَاكُ بِاللهِ وَالسِّحْرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِى حَرَّمَ اللهُ إِلاَّ بِالْحَقِّ وَأَكْـلُ مَالِ الْيَتِيْمِ وَالـرِّبَـا وَالتَّـوَلِّى يَوْمَ الـزَّحْفِ وَقَـذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْغَفِلَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. Bahawasanya Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jauhilah tujuh macam dosa yang sangat merbahayakan: Di-

tanya orang: Apakah yang tujuh itu ya, Rasulullah? Rasulullah menjawab: Mempersekutukan Allah, melakukan sihir, membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya melainkan dengan yang hak, memakan harta anak yatim, berzina, lari dari medan perang, dan menuduhkan lacur terhadap wanita mukmin yang terpelihara. Jiwanya terjaga. (Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. ERTI PERZINAAN DAN HUKUMANNYA

Perzinaan ialah persetubuhan yang dilakukan oleh seseorang pria dan wanita di luar nikah yang sah, atas dasar disengaja dan keduanya mengetahui, bahawa persetubuhan itu dilarang keras oleh agama.

Adapun hukuman perzinaan itu adalah sebagai berikut: Menurut Ibnu Kasir dalam tafsirnya yang berjudul TAFSIR AL-QUR'ANUL AZHIM juzuk I, halaman 462 dinyatakan sebagai berikut:

Pada permulaan, hukuman perzinaan bagi seseorang wanita ialah diberi hukuman tahanan rumah sampai mati, bila perzinaannya itu telah ditetapkan dengan keterangan dari empat orang saksi yang adil dari kaum laki-laki. Sedang kaum laki-laki diberi hukuman dengan hukuman caci-maki, diberi malu di khalayak ramai dan dipukul dengan sepatu. Inilah yang dinyatakan Allah sebagai berikut:

وَالّٰتِى يَأْتِيْنَ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَآئِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوْا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ فَإِنْ شَهِدُوْا فَأَمْسِكُوْهُنَّ فِى الْبُيُوْتِ حَتّٰى يَتَوَفّٰهُنَّ الْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ اللهُ لَهُنَّ سَبِيْلاً * وَاللَّذَانِ يَأْتِيَانِهَا مِنْكُمْ فَآذُوْهُمَا فَإِنْ تَابَا وَأَصْلَحَا فَأَعْرِضُوْا عَنْهُمَا إِنَّ اللهَ كَانَ تَوَّابًا رَحِيْمًا *

سورة النساء اية ١٥ - ١٦

Dan wanita-wanita yang melakukan perbuatan keji (perzinaan) dari wanita-wanitamu, maka saksikanlah olehmu atas perbuatan mereka seramai empat orang saksi dari golonganmu. Maka jika mereka telah menyaksikan (mengakui), maka tahanlah mereka di dalam rumah sampai mereka mati, atau sampai Allah memberikan

jalan untuk mereka. Dan dua orang laki-laki yang berbuat kekejian itu dari golonganmu maka berilah mereka hukuman ringan (menyakiti perasaan). Maka jika keduanya telah taubat dan telah berbuat baik, maka berpalinglah kamu dari keduanya. Sesungguhnya Allah selalu menerima taubat lagi pengasih.

(Surah An-Nisa', ayat 15–16).

Menurut keterangan Ibnu Abbas dan juga Ibnu Kasir, hukuman itu telah berlaku sedemikian rupa, hingga Allah menurunkan ayat dalam surah An-Nur ayat 2, yang menyatakan hukuman jilid atau cambuk sebanyak 100 kali cambuk, Atau hadis yang mengenai rejam (didera dengan batu), sehingga ayat ini dinasikhkan (diubah hukumnya) dengan ayat atau hadis tersebut.

Dalam hal ini Abu Sulaiman Al-Khithabi berkata pula dalam Tafsir Khazin, juzuk 1, halaman 306 sebagai berikut: Ayat ini tidak dapat dinasikhkan (diubah hukumnya) dengan ayat dan tidak pula dengan hadis. Hal ini disebabkan kerana firman Allah yang berbunyi: *"Tahanlah mereka di rumah sampai mati atau sampai Allah memberikan jalan untuk mereka,"* menunjukkan bahawa penahanan di rumah itu berlanjutan hingga berkesudahan: Bahawa Allah memberikan jalan bagi mereka. Dan sesungguhnya apa yang disebut *"jalan"* itu merupakan kalimat MUJMAL (Global). Maka sewaktu Rasulullah s.a.w. mengatakan: *"Ambillah daripadaku. Sungguh Allah telah memberikan jalan untuk mereka,"* adalah hadis ini merupakan penjelasan dari ayat yang mujmal itu, jadi bukan menasikhkan atau merubah hukum ayat. Demikian pendapat Abu Sulaiman Al-Khithabi.

Kalau melihat kepada susunan ayat dan susunan hadis tersebut, maka hadis itu bukan menasikhkan, melainkan hanya menjelaskan hukuman yang belum jelas di dalam ayat tersebut.

Adapun ayat yang turun dalam surah An-Nur itu adalah berbunyi seperti berikut:

اَلـزَّانِيَةُ وَالـزَّانِى فَاجْلِدُوْا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَّلَا تَأْخُذْكُمْ بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِيْنِ اللهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَائِفَةٌ مِنَ الْمُؤْمِنِيْنَ*

سورة النور اية ٢

Orang perempuan dan laki-laki yang berzina, maka cambuklah mereka olehmu, tiap-tiap seorang dari keduanya sebanyak 100 kali cambuk. Dan kamu tidak boleh merasa sayang kepada keduanya dalam perkara agama (hukum) Allah, jika kamu percaya kepada Allah dan hari kiamat, dan hendaklah hukuman keduanya itu disaksikan oleh segolongan orang-orang yang mukmin.

(Surah An-Nur, ayat 2).

Adapun yang mengenai hadis berbunyi pula sebagai berikut:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: خُذُوْا عَنِّى خُذُوْا عَنِّى قَدْ جَعَلَ اللهُ لَهُنَّ سَبِيْلاً اَلْبِكْرُ بِالْبِكْرِ جِلْدُ مِائَةٍ وَنَفْيُ سَنَةٍ وَالثَّيِّبُ بِالثَّيِّبِ جِلْدُ مِائَةٍ وَالرَّجْمُ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Ubadah bin Shamit r.a. Dari Nabi s.a.w. ia bersabda: "Ambillah olehmu (peraturan) daripada aku. Ambillah (peraturan) daripada aku. Sungguh Allah telah memberikan jalan untuk mereka, iaitu: Bikir sama bikir (perawan dan jejaka), hukumannya dicambuk sebanyak 100 kali cambuk dan dibuang selama satu tahun. Janda sama janda, hukumannya dicambuk sebanyak 100 kali cambuk serta direjam."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Tafsir Khazin berkata selanjutnya: "Telah Ijmak (sepakat) seluruh ulama, bahawa si perawan yang berzina dijatuhi hukuman cambuk sebanyak 100 kali, sedang si muhshan yang berzina dijatuhi hukuman rejam (didera dengan batu).

Berkata pengarang kitab I'anah At-Talibin: Disyaratkan "Ihshan" dalam perkara had ini:

1. Baligh.
2. Berakal.
3. Merdeka.
4. Telah merasakan persetubuhan yang halal (telah pernah kahwin).

3. ERTI REJAM DAN CAMBUK

Rejam, ertinya melempar dengan batu yang sederhana beratnya terhadap diri orang yang berzina itu, setelah yang berzina itu diletakkan di sesuatu tempat, diikat atau dikubur setengah badannya. Dan cambuk ertinya memukul dengan rotan dan lain-lainnya.

Disyaratkan hendaklah pukulan itu menyakitkan yang dipukul. Tidak boleh dengan tongkat atau yang serupa dengan itu, sebab ia bukan menyakitkan, tetapi menghancurkan badan dan dapat mematikan dengan beberapa kali pukul saja.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِىْ بَكْرَةَ عَنْ أَبِيْهِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَجَمَ إِمْرَأَةً فَحُفِرَ لَهَا إِلَى السُّنْدُوَةِ. رواه ابو داود

Dari Abu Bakrah, dari bapanya: Bahawasanya Nabi s.a.w. akan merejam seorang wanita, lalu dibuatnya orang baginya lubang di Sunduwah.

(Riwayat Abu Daud).

Di dalam Al-Quran ayat rejam tidak dijumpai tetapi hukumnya masih berlaku.

Ayat itu adalah berbunyi sebagai berikut:

اَلشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنَيَا فَارْجُمُوْهُمَا أَلْبَتَّةَ نَكَالاً مِنَ اللهِ وَاللهُ عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ.

Orang-orang tua, laki-laki dan perempuan, bila keduanya berzina, maka rejamlah mereka keduanya sungguh-sungguh, sebagai seksaan daripada Allah. Dan Allah Maha Tegas lagi Bijaksana.

(Riwayat Ahmad dan Tabrani dari hadis Abu Umamah bin Sahal. Demikian Nailul Autar juzuk ke: V11, halaman 95).

4. HUKUMAN CAMBUK DAN BUANGAN

Hukum cambuk dan buang dijatuhkan kepada orang berzina yang tidak *muhshin,* ertinya orang belum merasai persetubuhan yang halal (belum pernah kahwin).

Keterangan:

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدِ الْجُهَنِّى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَأْمُرُ فِيْمَنْ زَنَى وَلَمْ يُحْصِنْ جَلْدَ مِائَةٍ وَتَغْرِيْبَ عَامٍ.

رواه البخارى والنسائى

Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanni r.a. ia berkata: "Pernah aku dengar Nabi s.a.w. memerintahkan dalam perkara orang yang berzina yang belum muhshin, supaya dijatuhkan hukuman cambuk sebanyak 100 kali dan diasingkan satu tahun."

(Riwayat Bukhari dan Nasai).

Syarat-syarat pembuangan.

Orang-orang yang telah berzina, bila ia hendak dibuang (diasingkan) ke tempat lain, disyaratkan:

1. Harus dengan perintah hakim (imam) atau wakilnya.
2. Sekurang-kurangnya sejauh "musafat qasar" (138 km.).
3. Tempat pembuangan sudah ditentukan.
4. Jalan ke tempat itu aman dan tenteram.
5. Jangan ada di tempat pembuangan itu penyakit berjangkit, seperti kolera dan lain-lain.
6. Pembuangan itu paling lama satu tahun.
7. Waktu yang setahun itu berturut-turut, jangan terputus-putus.

5. HUKUMAN HAMBA SEPERDUA HUKUMAN ORANG YANG MERDEKA

Bila hamba yang berzina adanya (hukumannya) adalah didera seperdua dera orang yang merdeka. Iaitu 50 kali dera, dengan cambuk yang dapat menyakitkan.

Firman Allah s.w.t.:

فَإِذَا أُحْصِنَّ فَإِنْ أَتَيْنَ بِفَاحِشَةٍ فَعَلَيْهِنَّ نِصْفُ مَا عَلَى الْمُحْصَنَاتِ مِنَ الْعَذَابِ*

سورة النساء اية ٢٥

Apabila hamba-hamba yang muhshin mendatangi (membuat) pekerjaan keji, maka dijatuhkan atasnya hukuman seperdua hukuman orang merdeka yang muhshin.

(Surah An-Nisa', ayat 25).

Tidak wajib rejam atas hamba, sebab rejam tidak dapat diperdua-dua (diparuh-paruh). Sedangkan dera (pukulan) dapat dihitung berapa jumlahnya.

Keterangan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ فِي خُطْبَتِهِ: أَيُّهَا النَّاسُ أَقِيْمُوْا عَلَى أَرِقَّائِكُمُ الْحَدَّ مَنْ أَحْصَنَ مِنْهُمْ وَمَنْ لَمْ يُحْصِنْ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Ali r.a. telah bersabda ia dalam khutbahnya: "Hai manusia, dirikanlah had atas hambamu itu, iaitu yang muhshin di antara mereka dan yang tidak mushin."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Menurut pendapat Syafii, bahawa hamba-hamba itu wajib juga dibuang, tapi hanya buat setengah tahun, seperdua dari masa pembuangan orang merdeka.

Kalau hamba itu selalu juga berbuat zina sesudah ia mendapat hukuman, wajiblah dijual walaupun dengan segumpal rambut.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا زَنَتِ الْاَمَةُ فَتَبَيَّنَ زِنَاهَا فَلْيَجْلِدْهَا وَلاَ يُثَرِّبْ ثُمَّ إِنْ زَنَتْ فَلْيَجْلِدْهَا وَلاَ يُثَرِّبْ ثُمَّ إِنْ زَنَتِ الثَّالِثَةَ فَلْيَبِعْهَا وَلَوْ بِحَبْلٍ مِنْ شَعْرٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apabila hamba perempuan berzina dan telah nyata kesalahannya, pukullah dia dan jangan dicela. Kemudian bila ia berzina pula, pukullah ia dan

jangan dicela. Kemudian jika ia berzina juga pada kali yang ketiga, maka juallah ia sekalipun dengan segumpal rambut."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bila seseorang telah melakukan sesuatu perbuatan keji, janganlah dicerita-ceritakan kepada orang, sebab bila diketahui orang, tentu akan dijatuhkan hukuman ke atasnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِجْتَنِبُوْا هٰذِهِ الْقَاذُوْرَاتِ الَّتِيْ نَهَى اللهُ عَنْهَا فَمَنْ أَلَمَّ بِهَا فَلْيَسْتَتِرْ بِسِتْرِ اللهِ وَلْيَتُبْ إِلَى اللهِ فَإِنَّهُ مَنْ يُبْدِ لَنَا صَفْحَتَهُ نُقِمْ عَلَيْهِ كِتَابَ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ.

رواه الحاكم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Jauhilah segala kekotoran ini, yang telah dilarang Allah mengerjakannya. Sesiapa yang telah berbuat kekotoran itu, hendaklah ia tutupi dengan tutupan Allah, dan hendaklah ia taubat kepada Allah, kerana sesungguhnya orang-orang yang melahirkan rahsianya kepada kami, akan kami jalankan hukuman Allah Azza Wajallah ke atasnya."

(Riwayat Hakim).

6. PERLU MINTA PENJELASAN SEBELUM HUKUMAN DIJATUHKAN

Hakim yang hendak menjatuhkan had (hukum) kepada orang-orang yang telah berzina, disunatkan baginya meminta penjelasan. Apakah ia betul-betul telah melakukan zina atau bukan. Barangkali baru zina mata saja atau baru salah penglihatan saja. Atau baru zina hidung sebab mencium atau tangan dengan sebab baru memegang saja dan sebagainya. Keterangan menyatakan dalam kisah Maiz bin Malik yang telah mengakui berzina:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: لَمَّا أَتَى مَاعِزُ بْنِ مَالِكٍ

إِلَى النَّبِيِّ ﷺ قَالَ لَهُ: لَعَلَّكَ قَبَّلْتَ أَوْ غَمَزْتَ أَوْ نَظَرْتَ قَالَ: لَا يَا رَسُوْلَ اللهِ قَالَ: أَحْصَنْتَ قَالَ: نَعَمْ فَأَمَرَ بِرَجْمِهِ.

رواه البخارى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Tatkala datang Maiz bin Malik kepada Nabi s.a.w. Nabi bersabda kepadanya: "Barangkali engkau baru mencium atau baru memegang saja atau barangkali baru melihat." Ia menjawab: "Bukan, ya Rasulullah." Rasulullah s.a.w. bertanya: "Engkau sudah muhshin?" Ia menjawab: "Sudah!" Lalu diperintahkan oleh Rasulullah s.a.w. untuk direjamnya."

(Riwayat Bukhari).

Syarat untuk menetapkan had atas orang yang telah berzina ialah:

1. Pengakuan dari yang berzina itu, bahawa ia betul-betul telah berzina dengan cara bagaimana juga dan dengan isyarat kalau ia bisu.
2. Kelihatan hamil bagi perempuan, padahal tidak ada suami.
3. Ada saksi seramai empat orang.

Firman Allah s.w.t.:

وَالّٰتِيْ يَأْتِيْنَ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِّسَآئِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوْا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِّنْكُمْ*

سورة النساء اية ١٥

Dan orang-orang yang berbuat kekejian di antara kaum wanita, maka kemukakanlah saksi atas mereka seramai empat orang saksi dari pihakmu.

(Surah An-Nisa', ayat 15).

Apabila orang yang berzina itu menarik pengakuannya sebab tidak ada keterangan dan tanda-tandanya sebelum had (hukuman) dijatuhkan, maka gugurlah had itu daripadanya. Agar yang telah mengaku berzina itu menarik pengakuannya yang mungkin diucapkannya kerana ia tidak sihat fikiran atau lupa. Maka disunatkan bagi imam atau hakim menyindir-menyindir lebih dahulu, dan menyelidiki lebih lanjut sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. terhadap Maiz bin Malik. Maksudnya untuk memelihara jiwa agar terhindar dari had (hukuman).

7. PEREMPUAN YANG DIROGOL, BERZINA DAN HUKUMAN TERHADAP PEREMPUAN HAMIL

Perempuan yang terpaksa berzina, iaitu perempuan yang dirogol dan sebagainya, dosanya hanya atas orang yang memaksa saja. Jadi atas orang itu sajalah yang wajib dijalankan had dengan syarat bahawa perempuan itu tidak sampai merasakan kelazatan.

Keterangan:

عَنْ عَلْقَمَةَ بْنِ وَائِلٍ فِى قِصَّةِ امْرَأَةٍ أُكْرِهَتْ بِالزِّنَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ لَهَا: إِذْهَبِيْ فَقَدْ غَفَرَ اللهُ لَكِ وَقَالَ لِلرَّجُلِ الَّذِى وَقَعَ عَلَيْهَا: اُرْجُمُوْهُ. رواه الترمذى ـ حديث طويل

Dari Alqamah bin Wail, mengenai kisah seorang wanita yang pernah dipaksa untuk berzina, ia berkata: Bersabda Nabi s.a.w. kepadanya: "Pergilah engkau, sesungguhnya Allah telah mengampuni dosamu." Dan beliau berkata pula kepada laki-laki yang telah memaksa perempuan itu berzina: "Rejamlah dia".

(Riwayat Tirmizi).

Ertinya, dikatakannya kepada salah seorang sahabatnya yang hadir, agar laki-laki itu direjam sedang perempuan itu disuruh membebaskannya.

Perempuan-perempuan yang sedang hamil atau nifas, hadnya diundurkan hingga lahir anaknya atau setelah ia selesai dari darah haid atau nifasnya itu.

Keterangan:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ فِى خُطْبَتِهِ وَفِيْهِ: فَإِنَّ أَمَةً لِرَسُوْلِ اللهِ ﷺ زَنَتْ فَأَمَرَنِى أَنْ أَجْلِدَهَا فَإِذَا هِيَ حَدِيْثَةُ عَهْدٍ بِنِفَاسٍ فَخَشِيْتُ إِنْ جَلَدْتُهَا قَتَلْتُهَا فَذَكَرْتُ ذٰلِكَ لِلنَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: أَحْسَنْتَ. رواه مسلم وابو داود

Dari Ali r.a. bahawa ia telah berkata di dalam kutbahnya: Maka bahawa seorang hamba perempuan Rasullullah s.a.w. telah berzina, lalu beliau menyuruh aku mencambuknya, kebetulan ia sedang dalam bernifas, maka aku takut jika mencambuknya dapat membunuhnya. Lalu aku beritahu hal itu kepada Nabi s.a.w., maka beliau bersabda: Baik perbuatan engkau.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Keterangan lain:

عَنْ عِمْرَانِ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ امْرَأَةً مِنْ جُهَيْنَةَ أَتَتْ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ وَهِيَ جُبْلَى مِنَ الزِّنَا فَقَالَتْ يَا نَبِيَّ اللهِ أَصَبْتُ حَدًّا فَأَقِمْهُ عَلَيَّ فَدَعَا نَبِيُّ اللهِ ﷺ وَلِيَّهَا فَقَالَ أَحْسِنْ إِلَيْهَا فَإِذَا وَضَعَتْ فَأْتِنِى بِهَا فَفَعَلَ فَأَمَرَ بِهَا نَبِيُّ اللهِ ﷺ فَشُكَّتْ عَلَيْهَا ثِيَابُهَا ثُمَّ أَمَرَ بِهَا فَرُجِمَتْ. رواه مسلم

Dari Imran bin Hussein r.a. bahawa seorang wanita suku Juhainah pernah datang kepada Nabi s.a.w. sedang ia dalam hamil kerana berzina, maka ia berkata: "Ya Nabi Allah, telah sampai kepadaku hukum had, maka lakukanlah atasku had itu. Lantas Nabi Allah s.a.w. memanggil walinya, dan beliau bersabda: "Berbuat baiklah kepadanya (jangan dicela-cela), bila ia telah melahirkan anak, bawalah dia kepadaku." Diperbuat oranglah semua perintah beliau. (Setelah selesai ia melahirkan lalu dibawa kepada Nabi). Nabi Allah s.a.w. memerintahkan, lalu aku tutupkan kainnya ke badannya, kemudian beliau memerintahkan, lalu direjamnya perempuan itu sampai mati."

(Riwayat Muslim).

Begitu juga wanita-wanita yang sedang menyusukan anak, hendaklah ditunggu lebih dahulu sampai anaknya berhenti menyusu.

BAB LIWATH

1. ERTI LIWATH

Liwath, ertinya melakukan persetubuhan di dubur. Perbuatan ini mula-mula terjadi pada umat Nabi Luth. Ketika itu laki-laki

lebih menyukai laki-laki daripada perempuan. Sehingga terjadilah pergaulan laki-laki dengan laki-laki seperti pergaulan suami dengan isterinya.

Firman Allah s.w.t.:

وَلُوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُوْنَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِيْنَ إِنَّكُمْ لَتَأْتُوْنَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُوْنِ النِّسَآءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُوْنَ* سورة الأعراف اية ٨٠ - ٨١

Dan ingatlah akan Nabi Luth ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu mendatangi perbuatan keji yang belum pernah dibuat orang semenjak dahulunya di alam ini. Sesungguhnya kamu suka sekali melepaskan nafsu berahi sesama kaum laki-laki, bukan dengan kaum perempuan, bahkan kamu sangat berlebih-lebihan.

(Surah Al-A'raf, ayat 80 – 81).

Yang paling disukai orang ketika itu ialah anak-anak muda, seperti anak bujang mencintai anak gadis. Anak bujang yang dipakainya itu dinamakan *Amrad,* ertinya anak kundang, yang dikundang-kundang dan dibawa-bawa kian ke mari, sebagaimana suami membawa isterinya. Untuk melepaskan nafsu berahi atau syahwat mereka lakukan jimak atau persetubuhan di dubur anak-anak kundang itu. Dalam agama Islam, perbuatan semacam itu dihukum seperti zina pula. Sesiapa yang melakukan pekerjaan itu wajib pula dijatuhi hukuman mati.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ وَجَدْتُمُوْهُ يَعْمَلُ عَمَلَ قَوْمِ لُوْطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُوْلَ بِهِ.

رواه ابو داود واحمد بسند ضعيف

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang melihat orang yang melakukan perbuatan kaum Luth, maka bunuhlah yang mengerjakan itu dan orang yang jadi amradnya."

(Riwayat Abu Daud dan Ahmad).

2. BERSETUBUH DENGAN BINATANG

Orang-orang yang melepaskan nafsu berahinya (syahwatnya) kepada binatang-binatang, menurut Imam Syafii, hukumannya ialah dibunuh. Dibunuh orangnya dan dibunuh pula binatangnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ أَتَى بَهِيْمَةً فَاقْتُلُوْهُ وَاقْتُلُوْهَا مَعَهُ.

رواه ابو داود والترمذى بسند ضعيف

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang mendatangi binatang (untuk melepaskan nafsunya), maka bunuhlah dia dan bunuhlah binatang itu bersama-sama dengan dia."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Menurut sebahagian ulama, bahawa had tidak diwajibkan atasnya, tetapi wajib ditakzirkan, ertinya diberi malu di hadapan umum dengan cara bagaimana saja. Sebab perbuatan itu melanggar peri kemanusiaan. Akan tetapi kita berpendapat, bahawa hadis ini tidak dapat dijadikan dalil sesuatu hukum, sebab menurut keterangannya hadis ini adalah dhaif.

3. BERSETUBUH DENGAN MAHRAM SENDIRI

Orang yang menikahi atau mendatangi orang yang haram dinikahinya, hukumnya ialah dibunuh pula. Sebab nikahnya tidak sah, bererti ia berzina dengan mahramnya itu, misalnya, menikahi bekas isteri bapa.

Keterangan:

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَقِيْتُ عَمِّيْ وَمَعَهُ رَايَةٌ فَقُلْتُ: أَيْنَ تُرِيْدُ قَالَ: بَعَثَنِى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ إِلَى رَجُلٍ نَكَحَ امْرَأَةَ أَبِيْهِ فَأَمَرَنِى أَنْ أَضْرِبَ عُنُقَهُ وَآخُذَ مَالَهُ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Al-Bara bin Azib r.a. ia berkata: Pernah aku bertemu dengan pak cikku, dan sertanya ada sebilah pedang, lalu aku bertanya: "Hendak ke mana pak cik?" Dia menjawab: "Aku disuruh oleh Rasulullah s.a.w. menemui seorang laki-laki yang telah menikahi perempuan janda bapanya dan aku diperintahkan supaya memukul tengkuknya dan mengambil hartanya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

BAB HUKUM JENAYAH QAZAF

1. ERTI QAZAF

Qazaf, ertinya melempar atau melepaskan anak panah dari busur. Menurut istilah syarak, ialah menuduh seseorang berzina. Bila seseorang yang muhshin dituduh berzina, wajiblah dikemukakan empat orang saksi. Kalau saksi tidak ada, kepada orang yang menuduh wajib dijatuhkan hukuman dera (cambuk) sebanyak 80 kali, jika yang menuduh itu orang yang merdeka.

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِيْنَ يَرْمُوْنَ الْمُحْصَنٰتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوْا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوْهُمْ ثَمٰنِيْنَ جَلْدَةً وَّلَا تَقْبَلُوْا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا وَأُولٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُوْنَ* سورة النور اية ٤

Sesiapa yang menuduh perempuan yang muhshin, kemudian mereka tidak dapat mengemukakan 4 orang saksi, maka deralah mereka sebanyak 80 kali. Dan janganlah kamu terima mereka sebagai syahadah (menjadi saksi) untuk selama-lamanya. Mereka termasuk orang yang fasik, kecuali orang-orang yang taubat sesudah itu.

(Surah An-Nur, ayat 4).

Maksudnya apabila mereka hendak menjadi saksi, tidak boleh diterima selama-lamanya sebab fasiknya, kecuali kalau ia taubat sesudah itu.

Yang dimaksud muhshin di sini ialah orang yang:

1. Islam
2. Baligh

3. Berakal
4. Merdeka
5. Tidak pernah melakukan persetubuhan yang haram
6. Tidak pernah menyetubuhi hamba perempuan yang dimilikinya
7. Tidak pernah menyetubuhi dubur isterinya.

(Demikian I'anah At-Talibin).

Apabila kurang salah satu dari syarat-syarat itu, orang itu tidaklah dapat dinamakan muhshin. Dan orang yang menuduh tidak akan kena had. Tetapi perkaranya dikembalikan kepada perkara berzina. Kalau ia mengaku dijatuhkan (had) dan kalau tidak lepaslah ia dari tuduhan itu.

Apabila hamba yang menuduh, hadnya ialah seperdua had yang dijatuhkan kepada orang yang merdeka. Kata-kata tuduhan itu dapat dibenarkan bila seseorang telah berkata:

"Engkau telah berzina," atau

"Hai pelacur," dan lain-lainnya.

Tidaklah dijatuhi had kalau ibu bapa yang telah menuduh anaknya berzina, sebab darjatnya lebih tinggi dari anaknya itu.

2. WANITA YANG TIDAK MENGAKU BERZINA

Seorang yang mengaku telah berzina dengan seorang wanita, maka bererti perempuan itu telah dituduhnya berzina. Bila wanita itu tidak mengaku sedang keterangan tidak ada maka wanita itu terlepas dari hukuman (had). Yang wajib dijatuhi had hanyalah yang mengaku saja.

Keterangan:

عَنْ سَهْلِ بْنِ سَعْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلاً أَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَاعْتَرَفَ أَنَّهُ زَنَى بِامْرَأَةٍ سَمَّاهَا فَبَعَثَ النَّبِيُّ ﷺ إِلَيْهَا فَسَئَلَهَا فَأَنْكَرَتْ فَجَلَدَهُ الْحَدَّ وَتَرَكَهَا.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Sahal bin Saad r.a. bahawa seorang laki-laki pernah datang kepada Nabi s.a.w. dan ia mengaku telah berzina dengan seorang wanita dan disebutnya namanya. Lantas Nabi s.a.w. mengutus seorang kepada wanita itu, lalu ditanyainya perempuan tersebut,

wanita itu tidak mengaku. Laki-laki itu dijatuhi hukuman oleh Nabi s.a.w. dan wanita itu dibebaskannya.

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Bila yang dituduh itu mahu memaafkan yang menuduh, maka gugurlah had daripadanya, ertinya dia dibebaskan.

Seorang suami boleh menuduh isterinya berzina dengan orang lain kalau ia mengetahui perbuatan itu. Boleh juga ia menuduh kerana persangkaan yang kuat, asal ada tanda-tandanya. Umpamanya ada saksi atau sudah dihebohkan orang dan lain-lainnya. Untuk mengetahui yang lebih lanjut lagi lihatlah keterangan di dalam bab *li'an*.

BAB HUKUMAN TUKANG SIHIR

Sihir, ertinya tersembunyi. Ilmu sihir ertinya ilmu tersembunyi, kerana cara melakukannya dengan jalan diam-diam atau sembunyi-sembunyi. Menurut istilah syarak, ertinya sesuatu ilmu yang dilakukan oleh manusia dengan mendekatkan diri kepada syaitan, untuk membuat sesuatu kejahatan. Dengan melakukan sihir itu orang dapat disakitkan atau dimatikan. Ilmu sihir itu dapat mengubah bentuk sesuatu benda menjadi bentuk lain.

Firman Allah s.w.t.:

وَمَا كَفَرَ سُلَيْمَانُ وَلٰكِنَّ الشَّيٰطِيْنَ كَفَرُوْا يُعَلِّمُوْنَ النَّاسَ السِّحْرَ ❋ سورة البقرة اية ١٠٢

Dan bukanlah Nabi Sulaiman yang kafir, akan tetapi syaitanlah yang kafir. Merekalah yang mengajarkan ilmu sihir kepada manusia.

(Surah Al-Baqarah, ayat 102).

Melakukan ilmu sihir adalah termasuk dosa besar, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Abu Hurairah yang telah lalu dalam bab zina.

Seseorang yang mati kerana ilmu sihir itu, maka had bagi orang yang melakukannya ialah hukuman pancung.

عَنْ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: حَدُّ السَّاحِرِ ضَرْبُهُ بِالسَّيْفِ. رواه الترمذى والحاكم وصححه

Dari Jundud r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Had tukang sihir adalah dibunuh dengan pedang."

(Riwayat Tirmizi dan Hakim).

BAB HUKUM JENAYAH PENCURIAN

1. ERTI PENCURIAN DAN HUKUMANNYA

Pencurian atau mencuri ialah: Perbuatan mengambil barang orang lain semua atau sebahagian dari tempatnya yang sesuai untuk barang itu, dengan jalan sembunyi-sembunyi.

Adapun hukumannya ada dua macam: Dengan hukuman had (potong tangan), dan dengan hukuman takzir (diberi ajaran atau diajar).

Pencuri yang dijatuhi dengan hukuman had ialah pencuri yang disebutkan menurut pengertian di atas.

Sedang pencuri yang dijatuhi hukuman takzir, ialah pencurian:

a. Pencuri yang tidak memenuhi syarat-syarat untuk dijatuhi hukuman had, sebagaimana akan datang keterangannya.
b. Mengambil barang orang lain semua atau sebahagiannya tidak dengan jalan sembunyi-sembunyi, melainkan dengan cara terang-terangan. Seperti mencuri, merampas di jalanan atau di kereta dan lain-lainnya.

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوْا أَيْدِيَهُمَا جَزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالاً مِّنَ اللهِ وَاللهُ عَزِيْزٌ حَكِيْمٌ* سورة المائدة اية ٣٨

Pencuri laki-laki atau wanita, maka potonglah tangannya, sebagai balasan dari Allah, dan Allah sangat tegas lagi bijaksana.

(Surah Al-Maidah, ayat 38).

2. CARA MELAKUKAN HUKUMAN POTONG TANGAN

Cara perlaksanaan had (hukuman) bagi pencuri, ialah dengan jalan memotong tangan dan kakinya sebelah yang berlainan menurut keadaannya mencuri itu. Hal ini telah dinyatakan oleh Rasulullah dalam hadisnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ فِى السَّارِقِ: إِنْ سَرَقَ فَاقْطَعُوْا يَدَهُ ثُمَّ إِنْ سَرَقَ فَاقْطَعُوْا رِجْلَهُ ثُمَّ إِنْ سَرَقَ فَاقْطَعُوْا يَدَهُ ثُمَّ إِنْ سَرَقَ فَاقْطَعُوْا رِجْلَهُ.

رواه الشافعي

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda dalam perkara orang yang mencuri: "Jika seseorang mencuri, maka potonglah tangannya. Kemudian jika ia mencuri lagi, potong kakinya. Kemudian jika ia masih mencuri lagi potonglah tangannya. Kemudian jika ia masih mencuri juga lagi potonglah kakinya."

(Riwayat Syafii).

Jadi jelaslah, bahawa pada pencuri kali yang pertama dipotong tangan kanan, kali yang kedua kaki kiri, di kali yang ketiga tangan kiri dan kali yang keempat kaki yang kanan. Demikianlah hingga habis kaki dan tangan si pencuri.

Pemotongan itu harus dilakukan pada sendi-sendi tulang. Jika tangan yang dipotong ialah pada pergelangan dan kaki pada buku lalinya. Gunanya supaya pemotongan itu jangan membahayakan kepada anggota yang lain. (Lihat bab qisas).

3. SYARAT-SYARAT UNTUK MENJATUHKAN HUKUMAN POTONG TANGAN

1. Barang yang dicuri sampai harganya seperempat dinar atau tiga dirham.

Kadar barang curian yang boleh dilakukan hukuman potong padanya, sekurang-kurangnya seperempat dinar.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ تُقْطَعُ يَدُ السَّارِقِ إِلاَّ فِي رُبْعِ دِيْنَارٍ فَصَاعِدًا. رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Belum boleh dipotong tangan orang yang mencuri, melainkan apabila ada seperempat dinar atau lebih."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis lain ditambahkan pula:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَطَعَ سَارِقًا فِي مِجَنٍّ قِيْمَتُهُ ثَلاَثَةُ دَرَاهِمَ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a.: "Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah melakukan hukuman potong (tangan) dalam perkara sebuah mijan, yang harganya tiga dirham."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Mijan adalah satu tempat penyimpan senjata yang harganya ketika itu tiga dirham.

Berkata Syafii: Seperempat dinar sama dengan tiga dirham. Yang demikian itu disebabkan tukaran wang di masa Rasulullah s.a.w. ialah satu dinar sama dengan dua belas dirham.

(Demikian Subulussalam).

Menurut pengarang kitab I'anah At-Talibin, bahawa yang dihitung pada emas yang sudah dibersihkan ialah timbangannya, bukan menurut harganya (kimatnya). Sedangkan pada emas yang tidak dibersihkan (emas campuran) dihitung menurut timbangan dan harganya.

Jadi kalau yang dicuri itu adalah emas yang sudah dibersihkan, dan beratnya kurang seperempat dinar, sedangkan harganya sampai seperempat dinar, tidaklah dipotong tangan orang yang mencurinya. Umpamanya cincin yang timbangannya kurang dari seperempat dinar, tetapi kerana potongan dan buatannya bagus, harganya sampai seperempat dinar. Selanjutnya tersebut dalam Hasyiyah I'anah: "Dan yang dihitung (dipandang) pada barang

yang bukan emas, walau dari perak sekalipun, ialah kimatnya. Maka kalau dicuri orang barang perak yang harganya sampai seperempat dinar, dipotonglah tangan yang mencuri itu, walaupun timbangannya tidak sampai seperempat dinar. Demikian pula seseorang mencuri yang sama dengan itu, seperti kitab Al-Quran, kitab-kitab agama dan lain-lainnya.

2. Barang itu terletak di tempatnya yang sesuai dengan barang. Disyaratkan melakukan pemotongan atas yang mencuri, apabila barang yang dicurinya itu tersimpan di tempat yang terjaga, yang sesuai untuk penyimpanan barang itu. Tidaklah wajib melakukan pemotongan, kalau yang dicuri itu bukan dari tempat yang terjaga, atau kerana yang empunya mensia-siakannya.

Keterangan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ سُئِلَ عَنِ الثَّمَرِ الْمُعَلَّقِ فَقَالَ: مَنْ أَصَابَ بِفِيْهِ مِنْ ذِيْ حَاجَةٍ غَيْرَ مُتَّخِذٍ خُبْنَةً فَلَا شَيْءَ عَلَيْهِ وَمَنْ خَرَجَ بِشَيْءٍ مِنْهُ فَعَلَيْهِ غَرَامَةُ مِثْلَيْهِ وَالْعُقُوْبَةُ وَمَنْ سَرَقَ مِنْهُ شَيْئًا بَعْدَ أَنْ يُؤْوِيَهُ الْجَرِيْنُ فَبَلَغَ ثَمَنَ الْمِجَنِّ فَعَلَيْهِ الْقَطْعُ.

رواه ابو داود والنسائى

Dari Amr bin Syuaib r.a. dari bapanya, dari datuknya ia berkata: Pernah Rasulullah s.a.w. ditanya; tentang buah-buahan yang tergantung: "Sesiapa yang mengambilnya dengan mulutnya kerana ada hajat (lapar) tidak untuk disimpan, maka tidak ada sesuatu hukuman di atasnya. Dan sesiapa yang mengeluarkan sesuatu daripadanya, maka wajib ia menggantinya dua kali lipat dan dijatuhi hukuman. Dan sesiapa yang mencuri daripadanya akan sesuatu, sesudah ia diletakkan di dalam jaring (tempat mengeringkan tamar), yang sampai seharga semijan, maka wajib dijatuhi hukuman potong tangan ke atasnya."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Mijan ialah satu alat untuk penyimpan senjata, yang harganya tiga dirham atau seperempat dinar, sebagaimana yang telah disebutkan di atas tadi.

Tangan yang dipotong digantungkan ke tengkuk

Untuk kesempurnaan hukuman, maka setelah tangan dipotong, digantungkan di atas tengkuk orang yang mencuri. Maksudnya supaya orang takut dan ngeri melakukan pencurian.

Keterangan:

عَنْ فُضَالَةَ بْنِ عُبَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُتِيَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِسَارِقٍ فَقُطِعَتْ يَدُهُ ثُمَّ أُمِرَ بِهَا فَعُلِّقَتْ فِي عُنُقِهِ.

رواه الترمذى والنسائى بسند حسن

Dari Fudhalah bin Ubaid r.a. ia berkata: "Telah dihadapkan oleh Rasulullah s.a.w. seorang pencuri, lalu dipotong orang tangannya, kemudian disuruh gantungkan tangan pencuri itu, lalu digantungkan oranglah di tengkuknya."

(Riwayat Tirmizi dan Nasai).

4. PERBUATAN-PERBUATAN YANG TIDAK MEWAJIBKAN HUKUMAN POTONG TANGAN

Perbuatan yang tidak diwajibkan memotong tangan ialah:

1. Orang-orang yang berkhianat, iaitu orang yang menggelapkan pertaruhan orang lain.
2. Orang yang mengambil harta dengan terang-terangan, misalnya perompak, lanun dan lain-lainnya.
3. Orang-orang yang menyambar barang orang sambil lalu, seperti penyeluk saku di bas, di pasar dan lain-lainnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَيْسَ عَلَى حَائِنٍ وَلَا مُنْتَهِبٍ وَلَا مُخْتَلِسٍ قَطْعٌ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah wajib melakukan pemotongan tangan atas orang yang khianat, dan tidak pula atas orang yang menggertak, dan tidak pula atas orang yang menyambar."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

4. Pencurian yang terjadi di medan perang kecuali apabila yang mencuri itu telah kembali pulang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ بُسْرِ بْنِ أَرْطَاةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُوْلُ: لاَ تُقْطَعُ الْأَيْدِىْ فِى الْغَزْوِ.

رواه الترمذى وابو داود بسند صحيح

Dari Busr bin Artat r.a. ia berkata: Pernah aku dengar Nabi s.a.w. bersabda: "Tidak boleh dilakukan potong tangan di medan perang."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

5. Mengambil buah yang tergantung di dahannya dengan mulut kerana sangat lapar dan haus.

Keterangan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سُئِلَ النَّبِيُّ ﷺ عَنِ الثَّمَرِ الْمُعَلَّقِ فَقَالَ: مَنْ أَصَابَ بِفِيْهِ مِنْ ذِيْ حَاجَةٍ غَيْرَ مُتَّخِذٍ خُبْنَةً فَلَا شَيْءَ عَلَيْهِ وَمَنْ خَرَجَ بِشَيْءٍ مِنْهُ فَعَلَيْهِ غَرَامَةُ مِثْلِهِ وَالْعُقُوْبَةُ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Abdullah bin Umar r.a. ia berkata: Pernah Nabi s.a.w. ditanya orang tentang buah-buahan yang tergantung di pohonnya, maka beliau menjawab: "Sesiapa yang dapat mengambilnya dengan mulutnya kerana sangat hajat (kerana haus dan lapar), tidak untuk disimpannya, maka tidaklah ada hukuman atasnya. Dan sesiapa yang mengeluarkan sesuatu daripadanya, maka wajib atasnya meng-

ganti yang seumpama itu serta iqab (seksa, menurut pertimbangan hakim)."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Disamakan hukumannya, orang yang mencuri hanya sekadar sepiring nasi untuk menghilangkan lapar yang sudah bersangatan.

6. Pada barang yang dirampas orang.
7. Barang yang terletak pada barang yang dirampas orang.
8. Barang yang tidak diletakkan pada tempatnya yang terjaga, kerana kelalaian pemiliknya.

Tempat terjaga itu berbeza-beza kerana berlainan barang yang disimpan, menurut waktu dan tempatnya.

Barang-barang pakaian dan wang, tempat yang pantas baginya ialah peti atau almari yang dikunci. Adapun barang dagangan, maka tempat penyimpanannya ialah kedai atau gudang yang dijaga.

(Demikian I'anah At-Talibin).

Si penyeluk saku, si penyambar atau si penggertak untuk mengambil barang orang, walaupun mereka dijatuhi hukuman potong tangan, namun mereka perlu dijatuhi hukuman lain, kerana perbuatannya itu merosak dan merugikan orang lain.

Hukuman itu ialah HUKUMAN TAKZIR. (Lihat keterangan takzir dalam pembahagian Hukum Jenayah).

5. MENJATUHKAN HUKUMAN TIDAK BOLEH DIBEZA-BEZAKAN

Untuk melaksanakan keadilan, syariat Islam melarang keras membeza-bezakan orang dalam menjatuhkan hukuman. Sesiapa yang bersalah walaupun anak sendiri, perlu dijatuhkan hukuman.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّمَا هَلَكَ الَّذِيْنَ مِنْ قَبْلِكُمْ أَنَّهُمْ كَانُوْا إِذَا سَرَقَ فِيْهِمُ الشَّرِيْفُ تَرَكُوْهُ وَإِذَا سَرَقَ فِيْهِمُ الضَّعِيْفُ أَقَامُوْا عَلَيْهِ الْحَدَّ وَأَيْمُ اللهِ لَوْ أَنَّ فَاطِمَةَ بِنْتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَ لَقَطَعْتُ يَدَهَا.

رواه البخارى ومسلم

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Hanya sesungguhnya telah celaka orang-orang dari sebelummu, kerana mereka selalu: Bila si pencuri di kalangan mereka orang yang "syariif" (bangsawan atau keluarga orang besar), mereka biarkan saja (tidak mereka hukum). Dan bila terjadi pencurian di kalangan mereka orang bawahan (tidak berkuasa atau rakyat biasa), mereka jatuhkan hukuman kepadanya. Demi Allah. Andaikata si Fatimah puteri Muhammad sendiri yang mencuri, pasti aku potong tangannya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam perkara hukuman hudud, apa yang disebut *"pertimbangan negara"* tidak ada sama sekali, bila persoalannya telah sampai di pengadilan. Melainkan orang yang bersalah harus dituntut, dan hukuman perlu dijatuhkan bila alat-alat bukti telah lengkap

6. PENETAPAN PENCURIAN

Pencurian itu dapat ditetapkan atau diputuskan:

1. Dengan penetapan orang laki-laki sebagai saksi atau ikrar dari yang mencuri sendiri, bahawa ia betul telah mencuri.
2. Dengan sumpah yang mardud. Ertinya bahawa sumpah pencuri itu dikembalikan kepada orang yang mendakwa, andaikata yang mendakwa tidak mengaku, sedang menurut keterangan yang mendakwa ia jelas mencuri.

(Demikian Ianah At-Talibin).

BAB HUKUM JENAYAH MINUM ARAK

1. ERTI MINUM ARAK

Arak ialah minuman keras. Dalam bahasa Arab dinamakan khamar berasal dari kata *Khamara,* ertinya *menutupi.* Dalam agama Islam, arak itu haram diminum sebab ia boleh menghilangkan akal fikiran. Seorang yang meminum arak atau khamar, biasanya mabuk. Hilang kebenarannya. Ia lupa diri dan lupa Tuhan. Pembicaraannya tidak tentu hujung pangkalnya lagi. Mencela dan memaki, membuka rahsia diri sendiri dan rahsia orang. Oleh sebab itulah minum arak itu diharamkan dalam agama.

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْاَنْصَابُ وَالْاَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطٰنِ فَاجْتَنِبُوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ*

سورة المائدة اية ٩

Hai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, berhala-berhala dan bertenung adalah najis hukumnya. Semuanya adalah dari perbuatan syaitan, maka sebab itu jauhilah dia mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan.

(Surah Al-Maidah, ayat 90).

Pada permulaan Islam arak itu dihalalkan meminumnya. Tetapi pada tahun ketiga Hijrah diharamkan, kerana banyak melarat dari manfaatnya.

Adapun arak itu dibuat daripada bermacam-macam bahan.

2. BAHAN-BAHAN PEMBUATAN ARAK

Firman Allah s.w.t.:

وَمِنْ ثَمَرَاتِ النَّخِيْلِ وَالْاَعْنَابِ تَتَّخِذُوْنَ مِنْهُ سَكَرًا وَرِزْقًا حَسَنًا إِنَّ فِى ذٰلِكَ لَاٰيَةً لِقَوْمٍ يَعْقِلُوْنَ* سورة النحل اية ٦٧

Dari buah nakhal dan anggur, kamu buat daripadanya minuman yang memabukkan, dan makanan yang enak (lazat). Sesungguhnya yang demikian itu menjadi tanda bagi orang-orang yang mahu berfikir.

(Surah An-Nahl, ayat 67).

Keterangan:

عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَزَلَ تَحْرِيْمُ الْخَمْرِ وَهِيَ مِنْ خَمْسَةٍ مِنَ الْعِنَبِ وَالتَّمْرِ وَالْعَسَلِ وَالْحِنْطَةِ وَالشَّعِيْرِ وَالْخَمْرُ مَا خَامَرَ الْعَقْلَ. رواه البخارى ومسلم

Dari Umar r.a. ia berkata: "Sungguh telah turun hukum untuk mengharamkan minum arak (khamar), sedang khamar itu terbuat dari lima macam: Dari buah anggur, tamar, madu, gandum dan syair (gandum). Dan yang dinamakan arak (khamar) ialah barang yang menghilangkan akal fikiran."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. UKURAN MINUMAN YANG DIPANDANG MEMABUKKAN

Tiap-tiap yang memabukkan dan yang menghilangkan fikiran itu dinamakan khamar (arak), dan tiap-tiap yang menghilangkan fikiran itu haram hukumnya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ. رواه مسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah berkata: "Tiap-tiap yang memabukkan dinamakan khamar dan tiap-tiap yang memabukkan haram hukumnya."

(Riwayat Muslim).

Sesuatu zat atau minuman yang dapat memabukkan, baik banyak mahupun sedikit, asal diminum hukumnya tetap haram.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: مَا أَسْكَرَ كَثِيْرُهُ فَقَلِيْلُهُ حَرَامٌ. رواه احمد والترمذى وصححه ابن حبان

Dari Jabir r.a. dari Rasulullah s.a.w. beliau bersabda: "Sesuatu yang dapat memabukkan apabila banyak, maka sedikitnya pun juga haram."

(Riwayat Ahmad dan Tirmizi).

Hadis ini menunjukkan, bahawa ukuran minum yang memabukkan ialah "banyak", yakni kalau diminum banyak ia me-

mabukkan, maka yang sedikit pun ia dihukum haram. Dan hal ini ditinjau terhadap orang yang tidak biasa minum yang memabukkan. Sebab bagi orang yang biasa walaupun diminumnya banyak, ia tidak akan mabuk.

4. HUKUMAN ORANG YANG MEMINUM ARAK

Orang-orang yang sudah meminum arak dan ia mengetahui bahawa arak itu haram hukumnya, maka hadnya ialah dicambuk (dipukul) 40 kali, dan boleh disampaikan 80 kali cambuk untuk memberi malu.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ نَبِيَّ اللهِ ﷺ جَلَدَ فِى الْخَمْرِ بِالْجَرِيْدِ وَالنِّعَالِ ثُمَّ أَبُوْ بَكْرٍ أَرْبَعِيْنَ فَلَمَّا كَانَ عُمَرُ وَدَنَا النَّاسُ مِنَ الرِّيْفِ وَالْقُرَى قَالَ: مَاتَرَوْنَ فِى جَلْدِ الْخَمْرِ فَقَالَ عَبْدُ الرَّحْمٰنِ بْنِ عَوْفٍ أَرَى أَنْ تَجْعَلَهَا كَأَخَفِّ الْحُدُوْدِ فَجَلَدَ عُمَرُ ثَمَانِيْنَ. رواه البخارى ومسلم

Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w. dalam perkara minum arak telah mencambuk dengan ranting kurma dan dengan terompah, kemudian mencambuk pula Abu Bakar sebanyak 40 kali cambuk. Tatkala sampai ke masa Khalifah Umar, dan manusia telah dekat ke desa-desa dan kampung-kampung, ia bertanya: "Bagaimana pendapatmu dalam perkara mencambuk orang minum arak?" Maka menjawab Abdur Rahman bin Auf: "Aku berpendapat bahawa engkau melakukan hukum minum arak itu seperti hukumnya had yang paling ringan. Maka Umar mencambuk sebanyak 80 kali cambuk."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Bila seseorang meminum minuman yang memabukkan sudah berulang kali, iaitu sampai tiga kali. Kalau dia tidak juga berhenti Maka bolehlah ia dipenjarakan dan terus dijatuhi hukuman sebat. Adapun bagi orang yang sudah ketagihan, maka boleh ia dijatuhi hukuman pancung.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ فِى شَارِبِ الْخَمْرِ: إِذَا شَرِبَ فَاجْلِدُوْهُ ثُمَّ إِذَا شَرِبَ فَاجْلِدُوْهُ ثُمَّ إِذَا شَرِبَ الثَّالِثَةَ فَاجْلِدُوْهُ ثُمَّ إِذَا شَرِبَ الرَّابِعَةَ فَاضْرِبُوْا عُنُقَهُ.

رواه احمد وابو داود

Dari Muawiyah r.a. dari Nabi s.a.w. bahawa beliau berkata tentang perkara orang yang meminum arak: "Bila seseorang telah meminumnya, maka cambuklah dia, kemudian jika ia meminumnya lagi maka cambuklah dia, kemudian jika ia meminumnya lagi pada kali ketiga, maka cambuklah dia. Kemudian jika ia meminumnya lagi pada kali yang keempat, maka pancunglah (penggallah) lehernya."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

5. SYARAT MELAKSANAKAN HUKUMAN ORANG YANG MINUM ARAK

Syarat-syarat untuk melakukan hukuman terhadap orang yang minum arak, ialah:

1. Orang yang sudah mukallaf,
2. Dengan kemahuan sendiri,
3. Mengetahui haram hukum meminumnya,
4. Telah diakui oleh yang minum, atau dilihatnya oleh saksi, dua orang laki-laki yang adil.

Keterangan:

عَنْ أَبِى سَاسَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: شَهِدْتُ عُثْمَانَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ وَأُتِيَ بِالْوَلِيْدِ قَدْ صَلَّى الصُّبْحَ رَكْعَتَيْنِ ثُمَّ قَالَ: أَزِيْدُكُمْ فَشَهِدَ عَلَيْهِ رَجُلَانِ أَحَدُهُمَا حُمْرَانُ أَنَّهُ شَرِبَ الْخَمْرَ وَشَهِدَ آخَرُ أَنَّهُ رَأَهُ يَتَقَيَّأُ فَقَالَ عُثْمَانُ: مَا قَاءَ إِلَّا بَعْدَ مَا شَرِبَ فَقَالَ: يَا عَلِيُّ قُمْ فَاجْلِدْهُ. رواه مسلم وابو داود

Dari Abu Sasan r.a. ia berkata: Pernah hadir bersama Usman r.a. dan disampaikan orang bahawa ada seseorang yang bernama Walid, sungguh ia telah sembahyang subuh dua rakaat, kemudian ia berkata: "Akan aku tambahikah sembahyang itu untukmu." Lalu menjadi saksi atasnya dua orang laki-laki dan salah seorang di antaranya bernama Humran. Ia menyaksikan bahawa Walid itu betul telah minum arak. Dan menjadi saksi pula yang lain, bahawa ia memang telah melihatnya muntah-muntah. Maka berkata Usman: "Ia tidak akan muntah melainkan sesudah ia minum arak." Lantas ia berkata: "Ya Ali bangunlah, maka deralah dia."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Dalam hadis dinyatakan, bahawa dua orang saksi cukup untuk menetapkan, bahawa seseorang betul telah meminum minuman yang memabukkan itu. Pada ketika itu wajiblah dijatuhkan hukuman (had) ke atasnya.

Semuanya itu boleh dilakukan oleh imam atau hakim dalam negeri. Tidaklah boleh dilakukan oleh sebarang orang kerana akibatnya akan menimbulkan dendam kesumat.

Orang-orang yang tidak boleh dijatuhi hukuman (had), bila meminum arak ialah:

1. Yang masih anak-anak,
2. Dalam keadaan gila,
3. Orang yang terpaksa,
4. Orang yang tidak tahu, bahawa yang diminumnya itu arak, umpamanya kerana baru masuk Islam, atau kerana jauh dari ulama,
5. Sengaja untuk ubat.

6. ARAK BUKAN UBAT TETAPI PENYAKIT

Bila ada orang yang mengira, bahawa arak itu gunanya untuk ubat, maka kiraan yang demikian adalah salah sekali. Arak itu sebenarnya hanya mendatangkan penyakit semata-mata, sebab menghilangkan akal fikiran.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ وَائِلٍ الْحَضْرَمِيِّ أَنَّ طَارِقَ بْنَ سُوَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ سَئَلَ النَّبِيَّ ﷺ عَنِ الْخَمْرِ يَصْنَعُهَا لِلدَّوَاءِ فَقَالَ: إِنَّهَا لَيْسَتْ بِدَوَاءٍ وَلٰكِنَّهَا دَاءٌ. رواه مسلم وابو داود

Dari Wail Al-Hadrami, bahawa, Tharik bin Suwaid r.a. pernah bertanya kepada Nabi s.a.w. tentang arak yang digunakan untuk ubat. Lantas Rasulullah s.a.w. bersabda: "Arak itu bukan ubat, tetapi penyakit."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّ اللهَ لَمْ يَجْعَلْ شِفَاءَكُمْ فِيْمَا حَرَّمَ عَلَيْكُمْ.

رواه البيهقى وابن حبان بسند صحيح

Dari Ummu Salamah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak menjadikan ubatmu pada barang yang diharamkan ke atasmu."

(Riwayat Baihaqi dan Ibnu Hibban).

7. TEMPAT MELAKSANAKAN HUKUMAN

Had itu boleh dilakukan di sebarang tempat, asal saja jangan di masjid.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا تُقَامُ الْحُدُوْدُ فِي الْمَسَاجِدِ. رواه الترمذى والحاكم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Tidak boleh dijalankan hukuman di masjid."

(Riwayat Tirmizi dan Hakim).

Dilarang menjalankan hukuman di masjid, kerana masjid itu gunanya tempat beribadat, sedang hukuman (had) itu ialah untuk menyeksa orang.

BAB HUKUM JENAYAH TAKZIR

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

لِتُؤْمِنُوْا بِاللهِ وَرَسُوْلِهِ وَتُعَزِّرُوْهُ وَتُوَقِّرُوْهُ*

سورة الفتح اية ٩

Hendaklah kamu percaya kepada Allah dan Rasulnya, dan hendaklah kamu melakukan takzir dan penghormatan kepadanya.

(Surah Al-Fath, ayat 9).

1. ERTI TAKZIR

Takzir ertinya menolak dan melarang atau mencegah. Maka dengan adanya hukuman takzir itu, maka perbuatan keji dapat terhindar dan terlarang.

Atau sekurang-kurangnya dapat dikurangi orang.

Tetapi pengertian takzir yang disebutkan dalam Al-Quran, bukanlah bererti hukuman, melainkan bererti memuliakan Allah dan Rasul-Nya, dengan jalan menolak dan mendindingnya dari kejahatan-kejahatan yang dilancarkan musuh kepadanya.

Pengertian takzir menurut Syariat Islam, ialah: "Memberi teguran atau ajaran terhadap seseorang yang telah bersalah, yang kesalahannya itu tidak mewajibkan had, yang hukuman itu dilaksanakan oleh Waliyul Amri (penguasa) dalam negara."

Abdul Qadir Audah berkata dalam bukunya TASYRI' JANAIL ISLAM, katanya: Hukuman takzir itu adalah hukuman yang tidak ditentukan banyaknya. Oleh sebab itu Hakim boleh saja memilih dari yang banyak itu, hukum apa yang pantas dijatuhkannya. Pada galibnya hukuman takzir itu mempunyai dua cabang, iaitu: Hakim boleh menjatuhkan hukuman takzir itu dengan hukuman yang paling ringan, dan boleh pula hukuman yang paling berat.

Atas dasar ini, maka hukuman takzir itu banyak sekali. Tetapi yang berkenaan dengan hukuman jenayah hanyalah beberapa macam saja, iaitu:

a. Hukuman Cambuk (Jilid)

Paling banyak sekali dalam perkara perbuatan yang tidak bersangkutan dalam salah satu hukum jenayah.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ بُرَيْدَةَ ٱلْأَنْصَارِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:
لَا يُجْلَدُ فَوْقَ عَشْرِ جَلْدَاتٍ إِلَّا فِي حَدٍّ مِنْ حُدُوْدِ اللهِ تَعَالَى.

رواه البخارى ومسلم

Dari Buraidah Al-Anshari r.a. Dari Nabi s.a.w. ia bersabda: Tidak boleh dilakukan cambuk lebih dari sepuluh kali, kecuali dalam perkara had daripada had Allah.
(Riwayat Muslim).

Yang dimaksudkan "had" dalam hadis ini ialah hukum jenayah hudud yang mana hukumannya telah ditentukan Allah. Seperti: Pencuri, ditentukan hukumannya dengan hukuman potong tangan.

Perzinaan, telah ditentukan hukumannya dengan hukuman cambuk dan rejam. Oleh sebab itu hadis ini mengandungi tiga macam pengertian:

Pertama: Orang yang telah melakukan kesalahan yang berupa perbuatan, yang bukan hukum jenayah. Maka orang itu boleh diberi takzir, dengan diberi hukuman cambuk tidak boleh lebih dari 10 kali cambuk, sesuai menurut bunyi hadis di atas.

Kedua: Orang yang telah melakukan salah satu kesalahan yang berupa hukum jenayah hudud secara sedar dan sengaja. Maka hukumannya boleh dilebihi dari 10 kali cambuk sampai ke batas cambuk, yang jumlahnya ditentukan oleh syariat, bila hukumannya hukuman cambuk, seperti "qazaf" (menuduh orang berzina). Maka cambuknya boleh disampaikan sebanyak LAPAN PULUH kali cambuk. Juga *"zina"*, boleh disampaikan cambuknya sebanyak 100 kali cambuk, kalau yang berzina itu sama-sama perawan. Juga seperti *"minum arak"* maka cambuknya boleh disampaikan 40 kali cambuk.

Ketiga: Orang yang terlibat secara langsung dalam perkara melakukan salah satu hukum jenayah hudud. Maka hukuman cambuknya boleh dilebihkan dari 10 kali cambuk, tetapi tidak boleh disampaikan ke batas cambukan yang telah ditentukan untuk hukum jenayah tersebut.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيْرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ بَلَغَ حَدًّا فِي غَيْرِ حَدٍّ فَهُوَ مِنَ الْمُعْتَدِيْنَ.

رواه البيهقى

Dari Nukman bin Basyir r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Sesiapa yang menyampaikan (sesuatu hukuman) kepada hukuman had dalam perkara yang bukan hukum jenayah had, maka orang itu termasuk orang yang melanggar batas.

(Riwayat Al-Baihaqi).

Dengan hadis ini Abu Hurairah dan Muhammad berpendapat, bahawa cambukan yang tertinggi untuk takzir hanyalah sebanyak 39 kali cambuk. Abu Yusuf berpendapat sebanyak 75 kali cambuk. Sedang Syafii berpendapat: Pertama sependapat dengan Abu Hanifah dan Muhammad. Kedua: Sependapat dengan Abu Yusuf. Ketiga: pendapat sahabat-sahabatnya yang mengatakan, bahawa hukuman takzir yang berupa cambukan boleh dilebihi dari 75 kali, tetapi tidak boleh disampaikan 100 kali cambuk. Dengan syarat, bahawa setiap hukum jenayah, dibandingkan hukuman had yang pantas (yang sudah ditentukan) untuk masing-masing hukum jenayah.

Demikian Abdul Qadir Audah dalam bukunya TASYRI' JANAIL ISLAMI.

b. Hukuman Tahanan

Ditahan sementara, selagi belum jelas perbuatan yang dilakukannya atau setelah ditangkap untuk diadili. Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ بَهْزِ بْنِ حَكِيْمٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ حَبَسَ رَجُلًا فِي تُهْمَةٍ ثُمَّ خَلَّى عَنْهُ.

رواه الترمذى وابو داود

Dari Bahzi bin Hakim, dari bapanya dari datuknya: Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah menahan seseorang lelaki kerana salah sangka, kemudian dibebaskannya kembali.

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Mengenai tahanan ini ada dua macam: Pertama tahanan yang ditentukan batas waktunya. Kedua tahanan yang tidak ditentukan batas waktunya.

Tahanan yang ditentukan batas waktunya, menurut ulama-ulama Syafiiyah, sekurang-kurangnya satu hari, sedang batas yang tertinggi tidak ada kesepakatan ulama. Ulama Syafiiyah berpendapat selanjutnya: Bahawa tahanan itu tidak boleh sampai satu tahun, malah wajib dikurangi dari satu tahun.

c. Hukuman Buang Negeri

Beralih kepada hukuman buang negeri. Menurut pendapat Abdul Qadir Audah bila si pelanggar telah banyak kali melakukan perbuatan untuk membawa orang lain berbuat kejahatan itu atau untuk merosakkan orang lain.

Sebahagian ulama dalam mazhab Syafii dan Ahmad, berpendapat pembuangan itu tidak boleh sampai satu tahun, sebab pembuangan yang satu tahun itu adalah hukuman perzinaan. Menurut Abu Hanifah, pembuangan itu boleh satu tahun, kerana pembuangan itu katanya bukan hukuman had, melainkan hanyalah takzir saja.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا: أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ ضَرَبَ وَغَرَّبَ وَأَنَّ أَبَا بَكْرٍ ضَرَبَ وَغَرَّبَ وَأَنَّ عُمَرَ ضَرَبَ وَغَرَّبَ.

رواه الترمذى والحاكم

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah memukul dan melakukan pembuangan, dan bahawasanya Abu Bakar pernah memukul dan melakukan pembuangan. Dan bahawasanya Umar pernah memukul dan melakukan pembuangan.

(Riwayat Tirmizi dan Hakim).

Memukul yang dimaksudkan di sini, ialah memberikan hukuman takzir dengan cambukan.

Demikianlah antara lain hukuman takzir, yang bersangkutan dengan hukuman jenayah.

2. ORANG YANG BELUM KENAL KEJAHATAN

Orang yang belum kenal akan kejahatan dan dosa menurut Islam, maka boleh dimaafkan atau dibebaskan hukuman takzir da-

ripadanya. Tetapi dalam perkara hukum jenayah hudud tidak dapat dimaafkan.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: أَقِيْلُوْا ذَوِى الْهَيْئَاتِ عَثَرَاتِهِمْ إِلَّا الْحُدُوْدَ. رواه احمد وابو داود

Dari Aisyah r.a.: Bahawasanya Rasulullah s.a.w. telah bersabda: "Maafkanlah seseorang yang belum mengerti kejahatan itu akan kesalahan mereka, kecuali hukuman had."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Tetapi kalau perbuatan itu berulang kali dibuatnya setelah ditegur, maka perlulah diberi hukuman takzir. Sebab Umar bin Khattab pernah memberikan takzir kepada sahabat-sahabat kenamaan yang menjadi pemimpin Islam.

BAB SHIAL

1. ERTI SHIAL

Shial, ertinya mengancam orang lain tiada menurut jalan yang benar. Seseorang harus bertahan dan menolak semua ancaman dan serangan yang datang kepadanya dengan sesuatu yang harus dijaganya. Umpamanya jiwanya, harta bendanya, kehormatannya dan sebagainya, sama ada yang mengancam dan yang menyerang itu orang Islam ataupun orang kafir, mukallaf ataupun bukan mukallaf. Yang dimaksud dengan kehormatan, misalnya seorang perempuan diancam supaya mahu melakukan perzinaan, dipeluk atau dicium dan lain-lain.

Firman Allah s.w.t.:

فَمَنِ اعْتَدَى عَلَيْكُمْ فَاعْتَدُوْا عَلَيْهِ بِمِثْلِ مَا اعْتَدَى عَلَيْكُمْ* سورة البقرة اية ١٩٤

Maka sesiapa yang telah menganiaya kamu, maka aniaya pulalah dia dengan penganiayaan yang setimpal yang dilakukannya atasmu.

(Surah Al-Baqarah, ayat 194).

Siapa yang mati dalam mempertahankan sesuatu yang patut dijaganya dinyatakan mati syahid oleh Nabi s.a.w. Kalau ia membunuh orang yang mengancam itu tidaklah diwajibkan atasnya qisas.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ قُتِلَ دُوْنَ مَالِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ دَمِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ دِيْنِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ وَمَنْ قُتِلَ دُوْنَ أَهْلِهِ فَهُوَ شَهِيْدٌ. رواه الترمذى وابو داود

Dari Said bin Zaid r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang terbunuh mempertahankan hartanya, maka matinya mati syahid. Dan sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan darahnya (dirinya), maka matinya mati syahid. Dan sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan agamanya, maka matinya mati syahid. Dan sesiapa yang terbunuh dalam mempertahankan keluarganya, maka matinya mati syahid."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Mempertahankan kehormatan dan jiwa adalah merupakan hak atas tiap-tiap orang dan yang mengancam itu boleh dibunuh. Umpamanya kafir harbi atau orang Islam yang suka berzina dan lain-lainnya. Maka terhadap mereka haramlah hukumnya menyerah kepadanya.

2. CARA BERTAHAN DARI SHIAL

Dalam mempertahankan sesuatu hak, hendaklah berlaku bijaksana. Ertinya, pada tingkat pertama haruslah diusahakan cara yang sebaik-baiknya. Kalau tidak juga, barulah dipergunakan segala daya upaya dan kesanggupan, walaupun akan menimbulkan perkelahian dan pembunuhan, asal kita tidak dirugikan menurut jalan yang tidak hak (benar)

Umpamanya:

1. Dengan jalan melarikan diri, kalau masih dapat melarikan diri.
2. Gertak dengan perkataan, kalau berani.

3. Minta tolong kepada orang lain.
4. Mencari tempat bertahan, lalu dilawan dengan tangan, dengan kaki dan lain-lainnya.
5. Dengan cambuk atau dengan tongkat.
6. Dengan senjata tajam, hingga dapat memotong sebahagian anggotanya.
7. Kalau tidak dapat juga, baru boleh dilakukan pembunuhan sebab berada dalam keadaan darurat, sehingga apa saja tindakan untuk melindunginya dapat dibenarkan oleh agama.

Tetapi harus diingat, tidak boleh melakukan pembalasan yang berat, kalau cara yang ringan masih dapat dijalankan. Andaikata seseorang mati dengan pembalasan yang berat, sedang dengan cara yang ringan masih mungkin, maka wajiblah qisas atasnya. Hal itu tentulah dengan penyiasatan lebih lanjut.

Dan apabila tidak mungkin menolak (menangkis) dengan cara yang ringan, umpamanya seseorang yang mempertahankan diri tidak memperoleh senjata yang lain, melainkan hanya sebilah pedang atau sepucuk senapang, maka bolehlah dia membunuhnya dengan tidak perlu mencari cara yang ringan lagi. Kerana pada waktu itu apabila ia tidak membunuhnya pastilah dia yang dibunuh.

(Demikian I'anah At-Talibin).

3. MEMBUNUH SI PENGANCAM SEBELUM IA MEMBUNUH

Membunuh si pengancam (shial) sebelum ia melakukan pembunuhan dibenarkan oleh agama, dan si pembunuh dibebaskan dari hukuman qisas, tetapi harus menurut cara-cara yang telah disebutkan di atas.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى رَسُوْلِ اللهِ ﷺ فَقَالَ: يَا رَسُوْلَ اللهِ أَرَأَيْتَ إِنْ جَاءَ رَجُلٌ يُرِيْدُ أَخْذَ مَالِيْ قَالَ: فَلَا تُعْطِه مَالَكَ قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَاتَلَنِى قَالَ: قَاتِلْهُ قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَتَلَنِى قَالَ: فَأَنْتَ شَهِيْدٌ قَالَ: أَرَأَيْتَ إِنْ قَتَلْتُهُ قَالَ: هُوَ فِى النَّارِ. رواه مسلم

Dari Abi Hurairah r.a.: Bahawasanya pernah datang seorang laki-laki kepada Nabi s.a.w. lalu ia berkata: Ya Rasulullah! Bagaimana pendapat engkau; jika datang seseorang hendak mengambil barangku? Rasulullah menjawab: Jangan diberikan. Laki-laki itu bertanya lagi: Bagaimana jika ia hendak membunuhku. Rasulullah menjawab: Bunuhlah dia lebih dahulu. Ia bertanya lagi: Bagaimana pendapat engkau, jika aku yang dibunuhnya lebih dahulu. Rasulullah menjawab: Engkau mati syahid. Laki-laki itu bertanya lagi: Bagaimana pendapat engkau, jika aku yang membunuhnya lebih dahulu. Rasulullah menjawab: Dia masuk neraka.

(Riwayat Muslim).

Dengan hadis ini, jelas bahawa mempertahankan diri dari ancaman orang yang mengancam adalah hak seseorang. Demi untuk mempertahankan hak tersebut, dibenarkan melakukan pembunuhan, kalau sudah terpaksa di mana jalan lain tidak ada lagi.

MENYEBABKAN HUKUMAN DAN YANG MEMBEBASKANNYA

Dari semua keterangan dalam fasal-fasal tersebut, dapatlah difahami, mana perbuatan yang menimbulkan tanggungjawab dan mana yang tidak.

1. PERBUATAN YANG MENIMBULKAN TANGGUNGJAWAB

Yang dimaksudkan, ialah perbuatan-perbuatan yang dapat dijatuhi hukuman kerana telah berbuat sesuatu perbuatan yang terlarang (jenayah). Iaitu kerana melakukan perbuatan yang terlarang dan meninggalkan perbuatan yang diperintah.

Perbuatan yang menimbulkan tanggungjawab itu adalah:

a. Perbuatan yang disengaja (amad).
b. Perbuatan yang diserupakan dengan disengaja (syabah amad).
c. Perbuatan yang tersalah, atau kelalaian (khata').

Perbuatan tersalah ini, dikecualikan dari kaedah umum dalam syariat, dalam perkara pembunuhan. (Lihat Bab Pembunuhan Kerana Tersalah).

2. PERBUATAN-PERBUATAN YANG MENGHILANGKAN TANGGUNGJAWAB

Yang dimaksudkan, bahawa perbuatan itu tetap merupakan perbuatan yang terlarang (perbuatan jenayah), tetapi yang berbuat dibebaskan dari hukuman. Mereka adalah:

a. Orang yang terpaksa, kecuali dalam perkara pembunuhan atau perbuatan yang menimbulkan bahaya bagi orang lain, sebab perbuatan itu perbuatan yang sangat merbahaya
b. Hilang akal, kerana gila.
c. Hilang akal, kerana mabuk atau tidur.
d. Kerana di bawah umur (anak kecil).
e. Dimaafkan oleh orang yang dirugikan.

3. HAL-HAL YANG MEMBENARKAN PERBUATAN

Yang dimaksudkan ialah, bahawa perbuatan yang lahirnya dipandang jenayah, tetapi kerana ada hal-hal yang membolehkan diperbuat, maka perbuatan itu tidak lagi dianggap perbuatan jenayah.

Hal-hal yang membolehkan berbuat itu adalah sebagai berikut:

a. Kerana mempertahankan diri dari serangan musuh, menurut cara-cara yang telah disebutkan dalam bab "Shial" di atas.
b. Untuk memberi pengajaran (takzir)
c. Untuk melakukan pengubatan, yang dilakukan oleh seorang doktor atau tabib, bila ia dilindungi oleh undang-undang, atau seizin orang yang berhak.
d. Kerana latihan berpacu atau berlumba untuk kepentingan perang, atau negara.
e. Kerana melakukan perintah undang-undang, atau kerana berdasarkan peraturan. Misalnya melakukan pembunuhan atau hukuman terhadap:
   1. Kafir harbi (kafir yang memerangi),
   2. Orang yang murtad,
   3. Merejam orang muhshin yang berzina,
   4. Membunuh si penyamun atau perompak,
   5. Memerangi si pemberontak (kaum bughat),
   6. Melakukan qisas terhadap orang yang wajib qisas.

Semuanya ini lahirnya melakukan perbuatan jenayah, tetapi kerana hal itu dibenarkan oleh Syariat, maka perbuatan-perbuatan itu tidak lagi dinamakan perbuatan jenayah sama ada perbuatan-

perbuatan yang menghapuskan tanggungjawab mahupun yang membenarkan perbuatan, kedua-duanya adalah hal-hal yang membezakan hukuman menurut syariat Islam.

BAB KHATAN

1. ERTI KHATAN

Khatan ertinya memotong. Yang dimaksudkan di sini ialah:

1. Memotong kulit yang menutupi kepala zakar (kemaluan laki-laki sampai terbuka) kepalanya itu.
2. Memotong sedikit hujung daging yang terletak sebelah atas lubang faraj (kemaluan perempuan), yang daging itu menyerupai rangga ayam jantan.

Baik bagi laki-laki mahupun bagi perempuan wajib hukumnya berkhatan ini, kalau waktu lahir belum terlihat dikhatankan. Menurut riwayatnya Nabi Muhammad s.a.w., waktu Beliau lahir, telah terlihat dikhatankan. Beliau dikhatankan Allah s.w.t. sebelum Beliau lahir. Perintah khatan ini, ialah kerana mengikuti millah (ajaran agama) Ibrahim. Allah berfirman:

وَمَنْ أَحْسَنُ دِيْنًا مِّمَّنْ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلّٰهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ وَاتَّبَعَ مِلَّةَ إِبْرَاهِيْمَ حَنِيْفًا*

سورة النساء اية ١٢٥

Siapakah yang lebih baik keagamaannya selain dari orang yang menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang ia berbuat kebajikan, dan ia mengikuti ajaran agama Ibrahim yang betul.

(Surah An-Nisa', ayat 125).

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, dari Abu Hurairah, Nabi Muhammad s.a.w. telah bersabda:

"NABI IBRAHIM TELAH MENGKHATANKAN DIRINYA DENGAN KAPAK."

Menurut riwayatnya ia mengkhatankan dirinya waktu ia telah berumur lapan puluh tahun.

2. KHATAN TERMASUK FITRAH

Berkhatan itu termasuk fitrah, yakni kembali kepada kesucian peribadi.

Keterangan menyatakan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْفِطْرَةُ خَمْسٌ اَلْخِتَانُ وَالْاِسْتِحْدَادُ وَتَقْلِيْمُ الْاَظْفَارِ وَنَتْفُ الْاِبْطِ وَقَصُّ الشَّارِبِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a., dari Nabi s.a.w. beliau telah bersabda: "Fitrah itu ada lima macam iaitu, khatan, mencukur bulu kemaluan, mengerat kuku, mencukur bulu ketiak dan memotong misai."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis lain dinyatakan pula:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا: أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ تَخْتِنُ بِالْمَدِيْنَةِ فَقَالَ لَهَا النَّبِيُّ ﷺ: لَا تَنْهَكِيْ فَإِنَّ ذٰلِكَ أَحْظَ لِلْمَرْأَةِ وَأَحَبَّ إِلَى الْبَعْلِ. رواه ابو داود والطبرانى

Dari Ummu Atiyah r.a.: Bahawa seorang perempuan pernah berkhatan (dikhatankan oleh Ummu Atiyah) di Madinah, lalu Nabi s.a.w. bersabda kepadanya: Jangan terlalu engkau dalamkan khatannya, kerana yang demikian itu, sangat menguntungkan bagi perempuan, dan lebih disukai oleh suami.

(Riwayat Abu Daud dan Thabrani)

Maksudnya, bahawa khatan perempuan itu lebih melaratkan waktu bersetubuh, itulah sebabnya lebih disukai oleh suami. Oleh sebab itu, berkhatan ini disunatkan menyegerakan waktunya, supaya jangan terlalu keras.

Kalau dapat dalam waktu tujuh hari sesudah kelahiran, atau dalam tempoh tujuh tahun dari umur anak.

Sebahagian ulama berkata: Khatan ini wajib hukumnya bagi laki-laki dan sunat bagi perempuan.

KITAB IMARAH

1. ERTI IMARAH DAN YANG BERHAK MEMIMPIN NEGARA

Imarah ertinya Pemerintahan Umum yang meliputi soal-soal yang bersangkutan dengan dunia dan akhirat.

Adapun orang yang berhak memegang pimpinan tertinggi dalam negara, menurut keterangan Rasulullah s.a.w. ialah bangsa Quraisy, selama bangsa Quraisy itu masih menegakkan hukum Islam, kalau daerah negara belum dibahagi-bahagi. Kalau daerah negara telah terbahagi-bahagi, maka masing-masing merupakan negara bahagian di mana pemimpin negaranya dipegang oleh orang daerah itu sendiri, sedang pusat pemerintahannya tetap berada di tangan suku Quraisy.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَزَالُ هٰذَا الْاَمْرُ فِى قُرَيْشٍ مَا بَقِيَ مِنْهُمُ اثْنَانِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sentiasalah pemerintahan ini di dalam tangan bangsa Quraisy selama masih tinggal di golongan mereka dua orang."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Syaratnya, bila pemerintah itu masih hendak menegakkan agama Islam. Bila tidak hendak menegakkan agama Islam, pemerintahan itu boleh dipegang oleh bangsa lain yang hendak menegakkan agama.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّ هٰذَا الْاَمْرَ فِى قُرَيْشٍ لاَ يُعَادِيْهِمْ أَحَدٌ إِلاَّ كَبَّهُ اللهُ فِى النَّارِ عَلَى وَجْهِهِ مَا أَقَامُوْا الدِّيْنَ.

رواه البخارى

Dari Muawiyah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya pemerintahan ini jadi hak selalu di tangan bangsa Quraisy. Mereka tidak boleh dilangkahi oleh seorang pun. Siapa yang melangkahi akan dimasukkan Tuhan ia ke dalam neraka, selama pemerintah Quraisy itu masih menegakkan agama."

(Riwayat Bukhari).

2. KAUM QURAISY ADALAH IKUTAN MANUSIA

Sebagaimana telah dinyatakan oleh Nabi s.a.w. di atas, bahawa yang berhak memegang pucuk pemerintahan ialah kaum Quraisy. Kerana kaum Quraisy itu tidak dapat ditandingi oleh bangsa lain tentang ketinggian budi pekerti, keberanian, dalam pengertian dan luas fahamnya tentang agama Islam. Oleh sebab itulah Nabi Muhammad s.a.w. dilahirkan di kalangan mereka untuk menegakkan agama yang suci iaitu agama Islam. Kalau tidaklah darah keberanian yang ada pada diri Nabi Muhammad s.a.w. tentu agama Islam tidak akan meluas seperti sekarang ini. Selain dari ketinggian budi, juga kaum Quraisy itu adalah punca dari kerosakan budi. Sehingga Nabi mengatakan, bahawa segala budi pekerti yang rosak binasa, dan budi pekerti yang luhur tinggi yang dipakai oleh umat manusia di dunia ini adalah ikutan dari akhlak dan budi kaum Quraisy.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلنَّاسُ تَبَعٌ لِقُرَيْشٍ فِى هٰذَا الشَّأْنِ مُسْلِمُهُمْ لِمُسْلِمِهِمْ وَكَافِرُهُمْ لِكَافِرِهِمْ - وَفِى رِوَايَةٍ - اَلنَّاسُ تَبَعٌ لِقُرَيْشٍ فِى الْخَيْرِ وَالشَّرِّ.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Manusia itu mengikut kepada kaum Quraisy dalam urusan ini iaitu keislaman mereka mengikut kepada keislaman kaum Quraisy, dan dalam perkara kekafiran mereka mengikut kepada kekafirannya. Dan dalam satu riwayat, bahawa manusia itu mengikut kepada kaum Quraisy dalam perkara yang baik dan dalam perkara yang jahat."

(Riwayat Muslim).

3. KHALIFAH DAN RAJA

Sesudah Rasulullah s.a.w. meninggal dunia, maka yang memegang pucuk pimpinan pemerintah dalam Islam ialah dua macam. Pertama, khalifah yang menurut cara dan sistem yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. Kedua, khalifah yang menurut cara kerajaan atau sistem raja-raja. Khalifah yang menurut cara yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. hanyalah selama 30 tahun yang pertama saja. Mulai Khalifah Abu Bakar Sidik yang memerintah hanya 2 tahun. Kemudian Umar bin Khattab memerintah selama 10 tahun. Kemudian Usman bin Affan yang memerintah selama 12 tahun. Dan yang akhir sekali Ali bin Abi Thalib, yang memerintah selama 6 tahun. Jadi masa keempat-empat khalifah itu memerintah ialah 30 tahun, dan mereka disebut Khulafaur Rasyidin.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَفِيْنَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْخِلاَفَةُ فِيْ أُمَّتِي ثَلاَثُوْنَ سَنَةً ثُمَّ مُلْكٌ بَعْدَ ذٰلِكَ ثُمَّ قَالَ سَفِيْنَةُ: أَمْسِكْ خِلاَفَةَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ فَوَجَدْنَاهَا ثَلاَثِيْنَ سَنَةً.

رواه الترمذى وابو داود

Dari Safinah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Khalifah yang ada di kalangan umatku adalah selama 30 tahun. Kemudian rajalah yang berkuasa sesudah itu." Berkata Safinah: Hitunglah dahulu mulai dari Khalifah Abu Bakar Sidik, Khalifah Umar, Khalifah Usman dan Khalifah Ali, lalu kita peroleh lamanya 30 tahun.

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Yang dimaksud dengan khalifah menurut cara yang dilakukan oleh Nabi s.a.w. ialah dengan jalan pemilihan umum bai'at. Dengan jalan kepercayaan yang diberikan oleh orang ramai terhadap khalifah yang mereka pilih sendiri. Yang dimaksud dengan sistem kerajaan, ialah apabila jabatan khalifah itu dipusakakan kepada anak atau keturunan. Yang mula-mula melakukan cara yang demikian ialah khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan, kepada anaknya bernama Yazid bin Muawiyah.

Yang dimaksudkan dengan khalifah ialah imam besar, Amirul Mukminin, Presiden atau Raja orang Mukmin. Sebenarnya khali-

fah, imam dan Amirul Mukminin, adalah tiga lafaz yang berlainan tetapi satu erti. Iaitu sama-sama bererti "Pemimpin Umum" dalam urusan agama dan dunia. Ketiganya sama-sama bertugas untuk memikirkan kemaslahatan rakyat atau umat dalam melakukan tuntutan agama dan keselamatan politik dunia. Dalam istilah lain disebut KETUA NEGARA.

4. PERLANTIKAN KHALIFAH

Umumnya umat Islam di seluruh dunia berpendapat, bahawa mengangkat atau mendirikan khalifah itu wajib hukumnya menurut syarak (menurut hukum Islam). Hukum wajib itu adalah berdasarkan kepada beberapa alasan:

1. Ijmak (kesepakatan) sahabat-sahabat Nabi s.a.w. untuk mengangkat seorang khalifah, hingga telah mereka lakukan bai'at di atas kubur Rasulullah s.a.w. iaitu di hari beliau meninggal.
2. Kerana menegakkan hukum dan benteng Islam, dan semuanya itu wajib hukumnya.
3. Untuk melaksanakan *amar makruf* dan *nahi munkar.* Atau untuk mencari segala yang dapat memberikan manfaat dan menolak segala yang dapat menimbulkan kerosakan lahir dan batin, yang hukumnya wajib menurut Ijmak umat. Segala yang tersebut di atas itu tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sebelum ada pemimpin tertinggi dalam Islam.

(Demikian keterangan kitab As-Siyasatus Syariyah).

Menurut Ibnu Khaldun dalam kitab Mukadimahnya, bahawa sesungguhnya jarang sekali kita bertemu dengan manusia yang berpendapat bahawa mendirikan khalifah yang akan menjalankan pimpinan umum, tidak wajib menurut pendapat akal semata-mata ataupun menurut ajaran syarak (agama). Orang-orang yang akan mengatakan begitu, antara lain bernama Al-Asham, dari kaum Muktazilah dan sebahagian lagi dari kaum Khawarij.

Yang wajib menurut pendapat mereka ialah semata-mata melaksanakan hukum syarak (Islam). Apabila seluruh umat Islam sepakat untuk mengadakan keadilan dan melaksanakan hukum Allah, tidak perlu lagi kepada imam atau khalifah, dan kerana itu tidak pula wajib mengangkatnya. Tetapi pendapat yang semacam itu dibantah oleh ijmak sahabat-sahabat Nabi s.a.w. Sebab yang membawa mereka kepada pendapat ini hanyalah semata-mata kerana mereka anti kepada raja atau khalifah itu.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَمْرٍو رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: لَا يَحِلُّ لِثَلَاثَةٍ يَكُوْنُوْنَ بِفَلَاةٍ مِنَ الْاَرْضِ إِلَّا أَمَّرُوْا عَلَيْهِمْ أَحَدَهُمْ.

رواه احمد

Dari Ibnu Amr r.a.: Bahawasanya Nabi s.a.w. telah bersabda: "Tidak halal bagi tiga orang yang mereka ada di dataran bumi, melainkan wajib di atas mereka, mengangkat salah seorang mereka jadi pemimpin."

(Riwayat Ahmad).

5. SYARAT ORANG YANG AKAN DILANTIK MENJADI KHALIFAH

Seseorang yang akan dilantik menjadi khalifah, disyaratkan hendaklah ada padanya:

1. Ahli Syahadah, ertinya orang yang boleh dijadikan saksi. Iaitu seorang Islam, mukallaf, merdeka, laki-laki, adil dan jangan rosak pendengaran dan penglihatannya. Adil, ialah orang yang menjauhi dosa besar dan tidak terbiasa mengerjakan dosa kecil.
2. Sesuai memegang jawatan khalifah. Iaitu orang yang akan jadi khalifah itu hendaklah berjiwa kuat dan berani mentanfizkan (melaksanakan) yang hak. Sanggup mempertahankan benteng kebenaran dan negara serta dapat memimpin rakyat untuk memerangi musuh.
3. Mempunyai perhatian penuh atas keselamatan rakyat dan sanggup membuat peraturan untuk kemaslahatan mereka.
4. Berilmu pengetahuan yang dapat membawa kepada ijtihad (mempergunakan fikiran sendiri) dalam menetapkan hukum, hingga tidak berlawanan dengan hukuman Al-Quran dan hadis Nabi, Ijmak dan qiyas. Orang yang semacam itu tentulah orang yang tahu akan Al-Quran dan hadis, tahu akan usul fikih, naharu, saraf, mantik ma'ani dan lain-lain ilmu yang dipakai sebagai alat yang dapat mengistimbatkan hukum dari ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi s.a.w.

Jadi tidaklah sah mengangkat orang-orang yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut di atas.

6. BAI'AT DAN SISTEM PERLANTIKAN KETUA NEGARA

Mengenai bai'at ini Allah berfirman di dalam Al-Quran:

إِنَّ الَّذِيْنَ يُبَايِعُوْنَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُوْنَ اللهَ يَدُ اللهِ فَوْقَ أَيْدِيْهِمْ فَمَنْ نَّكَثَ فَإِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَى نَفْسِهِ وَمَنْ أَوْفٰى بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهُ اللهَ فَسَيُؤْتِيْهِ أَجْرًا عَظِيْمًا.

سورة الفتح اية ١٠

Sesungguhnya orang-orang yang berjanji dengan engkau hai Muhammad, sebenarnya mereka telah berjanji dengan Allah, kekuasaan Allah melebihi kekuasaan mereka, maka sesiapa yang menyempurnakan sesuatu yang telah dijanjikan oleh Allah, maka Allah akan memberi upah yang besar kepadanya.

(Surah Al-Fath, ayat 10).

Yang dimaksud dengan bai'at di sini, ialah perjanjian yang sungguh-sungguh. Dalam sejarah Islam bai'at yang mula-mula dilakukan ialah Bai'at Hudaibiyah oleh pahlawan-pahlawan Islam seramai 1300 atau 1400 orang terhadap diri Nabi s.a.w. (demikian Al-Khazin). Bai'at ini terkenal dengan nama "Bai'at Ridwan". Maksudnya mengikat atau membuat perjanjian yang teguh dengan rela di jalan Allah, bahawa mereka akan patuh dan taat mengikuti perintah walau apa juapun yang akan terjadi. Peristiwa ini terjadi di kala Usman bin Affan difitnah oleh kaum musyrik, ketika ia diutus Nabi s.a.w. ke negeri Mekah untuk berunding dengan kaum Quraisy, tapi ia ditangkap dan ditahan di sana. Kemudian datanglah fitnah, bahawa ia telah mati dibunuh oleh kaum musyrik Mekah. Ketika itulah kaum Muslimin membuat janji dengan Rasulullah dan mengangkat bai'at, agar beliau memimpin pasukan Islam untuk menggempur kota Mekah.

Mengenai perlantikan seseorang yang telah dapat memenuhi syarat-syarat tersebut di atas, belumlah sah dinamakan khalifah atau imam agung, sebelum ada padanya salah satu dari yang empat perkara ini:

1. Dipilih dan dilantik oleh AHLUL HALLI WAL AQDI (orang yang cerdik pandai) dalam negara yang terdiri dari ulama-ulama Islam dan ahli-ahli politik Islam, sebagaimana yang ter-

jadi dalam pengangkatan Abu Bakar Siddik sebagai khalifah sesudah Rasulullah s.a.w. meninggal dunia, atau

2. Dipilih dan diangkat sendiri oleh imam (Ketua Negara) yang lama akan orang yang akan menggantikannya kemudian hari. Seperti Khalifah Abu Bakar Siddik telah memilih langsung Umar bin Khattab sebagai penggantinya dalam jabatan khalifah selagi ia masih hidup, atau
3. Dipilih dan diangkat oleh Dewan Permesyuaratan dalam jumlah yang tertentu, setelah pemimpin negara yang lama menyerahkan persoalan itu kepada dewan, atau diangkat sendiri oleh Ahlul Halli Wal Aqdi. Seperti yang dilakukan oleh Umar bin Khattab, di mana persoalan pemimpin negara yang baru diserahkannya kepada anggota Dewan Permesyuaratan yang terdiri dari enam orang, iaitu: Ali bin Abi Talib, Zubair bin Awam, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Abi Waqas, Talhah bin Ubaidillah, dan Usman bin Affan. Setelah dilakukan pemilihan, maka pemilihan jatuh pada diri Usman bin Affan, atau
4. Dipaksa manusia umum mengangkatnya. Seperti yang terjadi pada diri Khalifah Abdul Malik bin Marwan, yang telah melakukan CUP DE'TAT (merebut kekuasaan) dari tangan Khalifah Ibnu Zubair hingga dibunuhnya. Khalifah Abdul Malik berkuasa dalam negara, di mana penduduk dan rakyat dipaksanya mengangkatnya, hingga mereka diangkat sebagai imam atau pemimpin negara.

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيْظَ الْقَلْبِ
لَانْفَضُّوْا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِى
الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِيْنَ*

سورة آل عمران اية ١٥٩

Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu kerana itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakal kepada-Nya.

(Surah Ali Imran, ayat 159).

7. KEWAJIPAN MEMBERIKAN BAI'AT DAN CARA MELAKSANAKANNYA

Kalau perlantikan pemimpin negara Islam wajib hukumnya, maka wajib pula melakukan bai'at terhadap dirinya, dan wajib taat sesudah itu:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: وَمَنْ مَاتَ وَلَيْسَ فِي عُنُقِهِ بَيْعَةٌ مَاتَ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً. رواه مسلم

Dari Ibni Umar r.a. Dari Nabi s.a.w. ia berkata: "Dan sesiapa yang mati dan belum memberikan bai'atnya, matilah ia sebagaimana mati orang jahiliah."

(Riwayat Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: وَإِنَّهُ لَا نَبِيَّ بَعْدِيْ وَسَتَكُوْنُ خُلَفَاءُ فَتَكْثُرُ قَالُوْا: فَمَا تَأْمُرُنَا قَالَ: فُوْا بِبَيْعَةِ الْاَوَّلِ فَالْاَوَّلِ وَاعْطُوْهُمْ حَقَّهُمْ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesungguhnya tidak ada Nabi sesudahku, dan akan ada banyak khalifah-khalifah (banyak bilangan)". Mereka bertanya: Apakah yang hendak engkau perintahkan kepada kami. Nabi menjawab: "Sempurnakanlah bai'at yang pertama lalu yang pertama pula (sesudahnya), dan berikanlah kepada mereka hak mereka masing-masing."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maksudnya, bila ada sesuatu bangsa mengatakan, bahawa dialah yang berhak jadi khalifah atau yang patut menjadi kepala Negara, maka ikutilah pemimpin yang telah diangkat, iaitu pemimpin yang telah mendapat bai'at. Sedang yang lain itu adalah fitnah belaka dan wajib dibunuh (diperangi).

Cara melakukan bai'at terhadap seorang khalifah, atau seorang imam besar ialah sebagai bunyi hadis di bawah ini:

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَايَعْنَا رَسُوْلَ

اللهِ ﷺ عَلَى السَّمْعِ وَالطَّاعَةِ فِي الْعُسْرِ وَالْيُسْرِ وَالْمَنْشَطِ وَالْمَكْرَهِ وَعَلَى أَثَرَةٍ عَلَيْنَا وَعَلَى أَلَّا نُنَازِعَ الْاَمْرَ أَهْلَهُ وَعَلَى أَنْ يَقُوْلَ بِالْحَقِّ أَيْنَمَا كُنَّا لَا نَخَافُ فِي اللهِ لَوْمَةَ لَائِمٍ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ubadah bin Shamit r.a. ia berkata: "Pernah kami mengikat janji setia (bai'at) terhadap Nabi s.a.w. supaya kami patuh dan taat kepada perintah dalam waktu susah dan senang, dalam waktu rajin dan malas. Kami berjanji akan tetap setia sekali pun sampai pilihan orang lain jatuh di atas diri kami, dan kami berjanji tidak akan mengambil (merebut) kekuasaan dari ahlinya. Dan kami berjanji mengatakan yang hak di mana saja kami berada. Kerana Allah kami tidak takut akan celaan orang yang mencela."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB PERLANTIKAN GABENOR ATAU KETUA DAERAH

1. HUKUM PERLANTIKAN KETUA DAERAH

Perlantikan kadi gabenor di daerah-daerah Islam adalah fardu kifayah hukumnya atas orang yang patut memangku jawatan itu. Sebab pekerjaan itu gunanya untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ سَعِيْدِ بْنِ أَبِى بَرْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ أَبِيْهِ قَالَ: بَعَثَ النَّبِيُّ ﷺ أَبِى وَمُعَاذَ بْنَ جَبَلٍ إِلَى الْيَمَنِ فَقَالَ: يَسِّرَا وَلَا تُعَسِّرَا وَبَشِّرَا وَلَا تُنَفِّرَا وَتَطَوَّعَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Said bin Abu Bardah r.a. dari bapanya, ia berkata: Pernah Nabi s.a.w. mengutus bapaku dan Muaz bin Jabal ke negeri Yaman,

beliau berkata: "Hendaklah kamu mempermudah dan janganlah kamu mempersukar keadaan rakyat, dan hendaklah membawa kegembiraan, dan jangan suka berselisih, hendaklah kamu turut menuruti."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Yang akan melakukan perlantikan itu ialah salah satu dari:

1. Imam, khalifah atau Amirul Mukminin atau
2. Zus-Syaukah (orang-orang yang mempunyai pengaruh) dalam negeri, atau banyak mempunyai pengikut.
3. Ahlul Halli wal Aqdi (orang-orang yang cerdik pandai).

Apabila ada salah satu dari yang tiga macam ini, maka dialah yang berhak melakukan perlantikan itu. Disyaratkan pula pada perlantikan kadi atau gabenor seperti syarat pada perlantikan khalifah.

Gabenor itu diangkat gunanya ialah memimpin rakyat (umat Islam) di daerah-daerah wilayah negara Islam. Selain untuk memimpin urusan duniawi seperti perekonomian (penghidupan rakyat), juga untuk memimpin urusan agama yang pertama sekali.

2. KALAU NEGARA DALAM JAJAHAN KUFFAR

Bila sesuatu negara dalam kekuasaan orang kafir, maka tentulah perlantikan sultan secara langsung tidak dapat dilaksanakan oleh Ahlul Halli Wal Aqdi dari umat Islam. Sebab mungkin dianggap memberontak, dan mungkin pula akan menimbulkan kesulitan-kesulitan lain dalam perlaksanaan urusan agama. Sedangkan mengangkat orang kafir untuk dijadikan pemimpin umat Islam itu haram hukumnya. Maka ketika ini wajiblah bagi umat Islam dari Ahlul Halli wal Aqdi meminta kepada pemerintahan itu supaya mengangkat dan menunjuk seseorang dari umat Islam sebagai sultan, atau yang setaraf dengan itu, yang khusus untuk memimpin urusan umat Islam, walaupun tidak untuk memimpin urusan umat Islam, walaupun tidak untuk keseluruhannya, kerana mungkin bertentangan dengan pemerintahan kuffar itu. Seperti politik atau lain-lainnya. Perlantikannya itu sah secara darurat, gunanya untuk menghindarkan kesulitan-kesulitan dalam penyelenggaraan urusan umat Islam. Dalam hal ini berkata Ulama Syafiyah:

"Jika seseorang sultan atau Zus-Syaukah walau kafir sekalipun melantik seseorang yang tidak ahli menjadi hakim seperti orang yang pandai bertaklid saja, orang jahil, hamba, perempuan, mahupun orang fasik, malah diketahui pula kefasikannya itu menurut lahir (seperti meninggalkan sembahyang dan lain-lainnya), sah juga peng-

angkatannya itu secara darurat, jika yang dilaksanakannya itu sesuai dengan yang benar. Gunanya supaya jangan ada kekosongan dalam penyelenggaraan keselamatan manusia, sekalipun di sana ada orang mujtahid yang adil."

(Demikian Bugyah Al-Mustarsyidin)

Berdasarkan keterangan di atas, bahawa sultan (pemimpin negara) atau Zus-Syaukah melantik seseorang yang tidak berkelayakan menjadi hakim atau kadi sedangkan di kalangan itu ada orang yang lebih layak, maka sah perlantikannya secara darurat, asalkan penyelenggaraan maslahat umat Islam tidak terhalang. Akan tetapi dalam hal ini ia telah khianat terhadap Allah dan Rasul-Nya serta kaum Muslimin semuanya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
مَنِ اسْتَعْمَلَ رَجُلاً عَلَى عَصَابَةٍ وَفِيْهِمْ مَنْ هُوَ أَرْضَى لِلهِ مِنْهُ
فَقَدْ خَانَ اللهَ وَرَسُوْلَهُ وَالْمُؤْمِنِيْنَ. رواه الحاكم والبيهقى

Dari Ibnu Abbas r.a. telah berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda: "Sesiapa yang melantik seseorang dalam satu bangsa (menjadi pemimpin), sedang di kalangan bangsa itu ada orang yang lebih reda kerana Allah (lebih layak), maka ia telah khianat terhadap Allah, Rasul-Nya dan kaum Mukmimin."

(Riwayat Hakim dan Baihaqi).

3. JIKA PEMERINTAHAN KAFIR ATAU ZUS-SYAUKAH TELAH HILANG

Bila pemerintah kafir atau Zus-Syaukah telah hilang kerana mati atau kerana kekuasaannya telah diserahkannya dan lain-lainnya, maka perlantikan sultan atau wali-wali hakim yang diangkatnya dengan sendirinya tidak berlaku lagi, kerana perlantikannya itu sahnya hanya secara darurat. Ketika ini wajiblah Ahlul Halli Wal Aqdi dari golongan umat Islam secara fardu kifayah melaksanakan perlantikan sultan atau wali hakim yang baru secepat-secepatnya walaupun secara darurat lebih dahulu, sementara pemerintahan kalau sultan atau wali hakim itu telah diangkat oleh Ahlul Halli wal Aqdi dari golongan Islam, walaupun perlantikan itu dilakukan se-

masa baru tersusun. Sungguhpun yang dilantik adalah orang yang sama, kecuali pemerintahan kafir, namun perlantikan tetap berlaku, kecuali kalau Ahlul Halli wal Aqdi itu hendak membatalkannya dan hendak diperbaharui berhubung dengan keadaan negeri. Dalam hubungan ini berkata ulama-ulama Syafiyah:

"Tidak sah perlantikan orang yang tidak mujtahid, orang jahil mahupun orang fasik, sekiranya seteru-seteru mereka masih ada (orang mujtahid, orang alim atau orang yang taat) kecuali kalau masing-masing tersebut itu diangkat oleh Zus-Syaukah, walaupun kafir sekalipun, berlindung kita kepada Allah, dengan syarat, kalau pengaruhnya sangat kuat sekali. Tidak sah perlantikan itu kalau yang mengangkat Ahlul Halli wal Aqdi dari umat Islam kerana bagi mereka hal ini tidak menjadi darurat (melainkan sudah menjadi kewajiban mengangkat orang yang layak)."

Dan bila telah hilang pengaruh orang yang mengangkatnya dengan sebab mati atau lain-lainnya, batallah perlantikan tersebut, kerana sudah hilang orang yang berkehendak supaya pemerintahannya diteruskan.

(Demikian Bugyah Al-Mustarsyidin).

4. KEWAJIPAN MENTAATI PEMIMPIN

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا أَطِيْعُوْا اللهَ وَأَطِيْعُوا الرَّسُوْلَ وَأُوْلِى الْاَمْرِ مِنْكُمْ. سورة النساء اية ٥٩

Hai orang-orang yang beriman, ikutlah Allah dan ikutlah Rasul dan Ulil Amri (yang memegang pucuk pemerintahan) di antara kamu.

(Surah An-Nisa', ayat 59).

Mengenai apa yang dimaksudkan dengan Ulil Amri di sini, di kalangan para sahabat atau alim-ulama telah timbul bermacam-macam penafsiran.

Dalam tafsir Al-Khazin diterangkan sebagai berikut:

1. Menurut ibnu Abbas dan Jabir: Ulil Amri ialah fuqaha atau alim-ulama yang mengajarkan segala soal keagamaan kepada manusia.
2. Menurut Maimun bin Mahram: Ulil-Amri ialah pemimpin-pemimpin pasukan di medan perang.

3. Menurut Ikrimah: Ulil Amri ialah Abu Bakar dan Umar.
4. Menurut Zujaj: Ulil Amri ialah orang-orang yang menegakkan segala urusan kaum Muslimin dalam perkara agama mereka.

Di samping penafsiran-penafsiran tersebut di atas, sebenarnya masih banyak lagi yang dapat dikemukakan. Tetapi pada dasarnya penafsiran-penafsiran itu adalah sama belaka dalam wujud dan tujuannya, ialah, bahawa yang dimaksudkan dengan Ulil Amri ialah pemimpin-pemimpin dari golongan umat Islam sendiri, baik yang merupakan alim-ulama mahupun yang merupakan Ketua Negara. Ulil Amri ertinya orang yang memimpin pekerjaan. Dapat juga dikatakan sebagai ketua dalam pekerjaan itu. Hanya perbezaannya, alim ulama adalah Ulil Amri yang belum dipilih dan belum diberi bai'at. Sedangkan Ketua Negara (khalifah), ialah Ulil Amri yang sudah dipilih diberi bai'at (dilantik) oleh dan untuk umat Islam. Maka wajiblah ia ditaati dan dipatuhi. Sebab ia sudah diberi kepercayaan penuh. Dan ia adalah wakil Allah dan Rasul untuk memimpin segala urusan kaum Muslimin dunia dan akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ أَطَاعَنِى فَقَدْ أَطَاعَ اللهَ وَمَنْ عَصَانِى فَقَدْ عَصَى اللهَ وَمَنْ أَطَاعَ أَمِيْرِيْ فَقَدْ أَطَاعَنِى وَمَنْ عَصَى أَمِيْرِىْ فَقَدْ عَصَانِى.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. daru Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang mentaati aku maka sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan sesiapa yang menderhakai aku, maka sesungguhnya ia telah menderhakai Allah. Dan sesiapa yang mentaati pemimpin maka sesungguhnya ia telah mentaati aku. Dan sesiapa yang menderhakai pemimpin, maka sesungguhnya ia telah menderhakai aku."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

5. PEMIMPIN ISLAM YANG TIDAK DIANGKAT OLEH UMAT ISLAM

Pemimpin yang beragama Islam tetapi bukan diangkat oleh umat Islam, wajib juga ditaati, asal saja pemerintahan atau yang

diperintahkan itu bukan maksiat dan tidak menekan ajaran Islam. Kalau perbuatan maksiat yang diperintahkannya, maka tidak boleh mentaatinya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلسَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيْمَا أَحَبَّ أَوْ كَرِهَ مَا لَمْ يُؤْمَرْ بِمَعْصِيَّةٍ فَإِذَا أُمِرَ بِمَعْصِيَّةٍ فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Mendengar dan taat, wajib atas manusia yang beragama Islam pada sesuatu yang disukainya atau yang tidak disukainya, selama ia tidak disuruh berbuat maksiat, maka jika diperintah berbuat maksiat, maka tidak boleh mendengarkan dan tidak boleh pula mentaatinya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Sekalipun pemimpin-pemimpin negara sudah banyak yang derhaka kepada Tuhan, soal patuh atau taat wajib juga dilakukan, selama yang diperintahkannya itu pekerjaan yang baik. Dan jemaah Muslimin tidak boleh dipisah-pisahkan. Sesiapa yang tidak melakukan taat, andaikata ia mati, maka matinya itu bererti mati dalam keadaan jahil.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ خَرَجَ عَنِ الطَّاعَةِ وَفَارَقَ الْجَمَاعَةَ ثُمَّ مَاتَ مَاتَ مَيْتَةً جَاهِلِيَّةً.

رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang keluar dari taat dan memisahkan diri dari jemaah kemudian ia mati, maka matinya itu sebagai mati orang jahiliah (mati kafir)."

(Riwayat Muslim).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: وَإِذَا رَأَيْتُمْ مِنْ

وُلَاتِكُمْ شَيْئًا تَكْرَهُوْنَهُ فَاكْرِهُوْا عَمَلَهُ وَلَا تَنْزِعُوْا يَدًا مِنْ طَاعَةٍ. رواه مسلم

Dari Auf bin Malik, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apabila kamu melihat sesuatu perbuatan yang kamu benci pada pemimpinmu bencilah amal perbuatannya itu dan janganlah sampai kamu menarik dirimu dari mentaatinya."
(Riwayat Muslim).

6. MENTERI-MENTERI DAN KETUA NEGARA

Wajiblah bagi ketua negara memilih orang-orang yang akan membantunya dalam melaksanakan tugas pemerintahan. Tentu saja orang-orang yang dianggapnya baik dan patut dalam melakukan pekerjaannya. Orang-orang itu ialah para menteri atau kabinet. Dan seorang di antara menteri-menteri itu bertindak sebagai ketua dan dinamakan perdana menteri. Allah telah berfirman, dalam mengisahkan keadaan Nabi Musa a.s.:

وَاجْعَلْ لِّيْ وَزِيْرًا مِّنْ أَهْلِيْ هٰرُوْنَ أَخِي اُشْدُدْ بِهِ أَزْرِيْ وَأَشْرِكْهُ فِي أَمْرِيْ كَيْ نُسَبِّحَكَ كَثِيْرًا وَّنَذْكُرَكَ كَثِيْرًا إِنَّكَ كُنْتَ بِنَا بَصِيْرًا. سورة طه اية ٢٩ - ٣٥

Ya Allah jadikanlah seorang menteri dari ahliku, iaitu Harun, saudaraku. Tambahlah kekuatanku dengan dia, dan jadikanlah ia temanku dalam pekerjaanku, supaya kami lebih banyak mensucikan Engkau dan lebih banyak mengingati Engkau. Sesungguhnya Engkau selalu melihat kami.
(Surah Toha, ayat 29 – 35).

Begitulah hendaknya menteri-menteri itu dapat bekerja sebaik-baiknya, jangan khianat dalam pekerjaan agar pemerintahan berjalan lancar. Untuk melakukan pekerjaan yang sejujur-jujurnya tidak lain yang diharapkan hanyalah orang-orang Islam yang insaf akan hukum-hukum Islam yang mengerti halal dan haram, sah dan batal. Orang-orang semacam itulah hendaknya yang dipilih oleh ketua negara sebagai perdana menterinya, atau ketua kabinetnya. Andaikata orang-orang itu tidak mampu atau tidak bersedia diang-

kat jadi menteri atau perdana menteri, setidak-tidaknya ia menjadi penasihat, supaya kecurangan-kecurangan yang bakal terjadi dapat dihindari. Pekerjaan yang semacam itu bererti membantu Ketua Negara.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا أَرَادَ اللهُ بِالْأَمِيْرِ خَيْرًا جَعَلَ لَهُ وَزِيْرَ صِدْقٍ إِنْ نَسِيَ ذَكَّرَهُ وَإِنْ ذَكَرَ أَعَانَهُ وَإِذَا أَرَادَ اللهُ بِهِ غَيْرَ ذٰلِكَ جَعَلَ لَهُ وَزِيْرَ سُوْءٍ إِنْ نَسِيَ لَمْ يُذَكِّرْهُ وَإِنْ ذَكَرَ لَمْ يُعِنْهُ. رواه ابو داود والنسائى

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila Allah hendak memberi kebaikan kepada seseorang ketua negara, Allah sertakan padanya menteri-menteri yang jujur. Apabila ia lupa, Allah mengingatikannya dan apabila ia ingat Allah menolong nya. Dan apabila Allah mengkhendaki ketua negara yang lain daripada itu. (pemimpin yang tidak jujur), maka Allah sertakan padanya menteri yang jahat, jika ia lupa Allah tidak mengingatkannya dan jika ia ingat, Allah tidak menolongnya."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Dalam melakukan tugas kewajipan, maka yang halal atau boleh diambil oleh seorang pegawai ialah sekadar gaji yang telah ditentukan baginya. Apabila diambilnya lebih dari itu, baik berupa wang ataupun barang bererti ia seorang yang khianat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ بُرَيْدَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنِ اسْتَعْمَلْنَاهُ عَلَى عَمَلٍ فَرَزَقْنَاهُ رِزْقًا فَمَا أَخَذَ بَعْدَ ذٰلِكَ فَهُوَ غُلُوْلٌ. رواه ابو داود والحاكم

Dari Buraidah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang sudah kami pekerjakan atas sesuatu pekerjaan, maka telah kami tentukan baginya upahnya (gajinya), maka apa-apa yang diambilnya selain dari itu, maka adalah ia orang yang khianat."

(Riwayat Abu Daud dan Hakim).

7. KEWAJIPAN PEMIMPIN ATAU WALIYUL AMRI

Kewajipan pemimpin kepada rakyatnya sebenarnya berat dan banyak sekali, terutama dalam agama Islam. Pemimpin itu di samping harus bertanggungjawab kepada rakyat, ia juga harus bertanggungjawab kepada Tuhan, malah inilah yang terutama.

Dari sedemikian banyak kewajipan itu, baiklah di sini kita kemukakan yang terpenting di antaranya:

Pertama: Berlaku adil kepada rakyat dalam segala tindak tanduknya.

Firman Allah s.w.t.:

إِنَّ اللهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْاَمٰنٰتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوْا بِالْعَدْلِ. سورة النساء اية ٥٧

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya amanat itu kamu serahkan kepada ahlinya. Dan apabila kamu menghukum antara manusia hendaklah kamu hukum dengan adil.

(Surah An-Nisa', ayat 57).

Kedua: Rakyat jangan dipersusah dan dipersulit, akan tetapi hendaklah dilindungi. Sedapat-dapatnya dipenuhi hendaknya kehendak mereka dalam segala segi kebajikan, asal jangan bertentangan dengan Agama, serta tidak merugikan orang lain.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: سَمِعْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ يَقُوْلُ فِيْ بَيْتِي هٰذَا: اَللّٰهُمَّ مَنْ وَلِيَ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَشَقَّ عَلَيْهِمْ فَاشْقُقْ عَلَيْهِ وَمَنْ وَلِيَ مِنْ أَمْرِ أُمَّتِي شَيْئًا فَرَفَقَ بِهِمْ فَارْفُقْ بِهِ. رواه مسلم

Dari Aisyah r.a., dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Dalam rumahku ini katanya: Ya Allah sesiapa yang memerintah sesuatu dari urusan umatku, lalu ia persulit urusan itu di atas mereka, maka

sulit pulalah urusan di atasnya. Dan sesiapa yang memerintah sesuatu umatku, lalu ia sayang dengan mereka, maka sayang pulalah mereka kepadanya."

(Riwayat Muslim).

BAB QADHAK

Allah berfirman:

وَقَضَى رَبُّكَ أَنْ لاَّ تَعْبُدُوْا إِلاَّ إِيَّاهُ * سورة الاسراء اية ٢٣

Dan Tuhanmu telah memutuskan, bahawa kamu tidak boleh menyembah, melainkan hanya kepadanya."

(Surah Al-Isra', ayat 23).

1. ERTI QADHAK DAN SUSUNAN PENGADILAN

Qadhak ertinya: Melaksanakan putusan oleh yang berhak sesudah ia diangkat.

Maka yang melaksanakan itu disebut *"qadhi"* (hakim) atau pemutus perkara di pengadilan.

Adapun susunan acara di pengadilan itu ada empat macam, iaitu:

a. *Ada hakim:* Berapa banyaknya, tergantung kepada keadaan dan undang-undang.
b. *Ada pendakwa dan ada pula terdakwa:* Atau disebut juga: Yang menuduh dan yang tertuduh, yang menggugat dan yang digugat.
c. *Ada keterangan bukti dan saksi:* Iaitu alat untuk dijadikan pedoman bagi hakim untuk menjatuhkan hukuman atau putusan terhadap perkara yang sedang diselesaikan.
d. *Melakukan sumpah/sumpah mardud.* Baik yang tertuduh, mahupun saksi, boleh disumpah lebih dahulu kalau diperlukan.

Di masa Rasulullah s.a.w. masih hidup, yang jadi hakim dan yang jadi peguam penuntut umum, hanya Rasulullah s.a.w. sendiri, tidak lain.

Hukum yang hendak dijatuhkan wajib menurut hukum yang telah diturunkan Allah.

Allah berfirman:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللهُ*

سورة النساء اية ١٠٥

Sesungguhnya kami telah menurunkan kepada engkau akan kitab dengan yang sebenarnya (berisi kebenaran), supaya engkau dapat mengadili antara sesama manusia menurut apa yang dinyatakan Allah kepada engkau.

(Surah An-Nisa', ayat 105).

Dalam ayat lain Allah berfirman pula:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُوْنَ*

سورة المائدة اية ٤٤

Dan sesiapa yang tidak menghukum dengan hukuman yang diturunkan Allah, maka mereka ini orang yang kafir.

(Surah Al-Maidah, ayat 44).

Oleh sebab itu, seseorang yang telah diangkat menjadi hakim, hendaklah ia berhati-hati dalam menjatuhkan hukuman kepada manusia yang bersalah, atau yang kalah dalam perkara pengadilan. Sebab dalam soal mengadili banyak perkara yang timbul penganiayaan. Yang bersalah kadang-kadang dibenarkan, sedang yang benar kadang-kadang disalahkan.

Kalau hal ini terjadi, bererti suatu kezaliman telah dilakukan oleh hakim. Dan semuanya itu akan dipertanggungjawabkannya di hadapan hadirat Allah s.w.t. di hari kemudian.

Sebab di antara mereka itu bermacam-macam keinginan mereka menjatuhkan hukuman. Ada yang ingin memberikan kemenangan, tanpa memperdulikan mana yang salah dan mana yang benar. Dan ada pula yang ingin mencari kebenaran (siapa yang benar dan siapa yang salah) dalam perkara itu. Sehingga dengan demikian mereka terbahagi atas tiga bahagian, sebagaimana yang dinyatakan Nabi sebagai berikut:

2. HAKIM TERBAHAGI ATAS TIGA BAHAGIAN

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيْهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْقُضَاةُ ثَلَاثَةٌ وَاحِدٌ فِي الْجَنَّةِ وَاثْنَانِ فِي النَّارِ فَأَمَّا الَّذِيْ فِي الْجَنَّةِ فَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَقَضَى بِهِ وَرَجُلٌ عَرَفَ الْحَقَّ فَفَجَرَ فِي الْحُكْمِ فَهُوَ فِي النَّارِ وَرَجُلٌ قَضَى لِلنَّاسِ عَلَى جَهْلٍ فَهُوَ فِي النَّارِ. رواه ابو داود والترمذى

Dari Abu Buraidah, dari bapanya r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Hakim itu ada tiga macam: Satu macam di dalam syurga tempatnya, dan yang dua macam di dalam neraka. Adapun yang di dalam syurga tempatnya ialah hakim yang mengerti akan yang benar, lalu ia menghukum dengan yang benar itu. Dan hakim yang mengerti akan kebenaran, lalu dilakukannya penindasan dalam menjalankan hukum (kerana disuap dan sebagainya), maka dia akan masuk neraka. Dan hakim yang menghukum manusia atas kejahilan, maka dia akan masuk neraka."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ جُعِلَ قَاضِيًا بَيْنَ النَّاسِ فَقَدْ ذُبِحَ بِغَيْرِ سِكِّيْنٍ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang dijadikan hakim di antara manusia maka sungguh ia telah disembelih dengan tidak memakai pisau."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Oleh sebab itu ramai ulama-ulama Islam yang insaf, tidak mahu diangkat menjadi kadi kalau sekiranya masih ada orang lain

yang patut. Umpamanya Ibnu Umar takut menjadi hakim ketika diminta oleh Usman bin Affan. Imam Abu Hanifah tidak mahu jadi hakim ketika diminta oleh khalifah Al-Mansur, hingga ia dipenjarakan dan dipukul. Demikian pula Syafii enggan menjadi hakim ketika diminta oleh khalifah Al-Makmun. Akan tetapi menerima jabatan hakim itu fardu kifayah hukumnya di antara orang-orang yang patut menjadi hakim.

3. BAGI HAKIM WAJIB MENCARI KEADILAN DALAM MENGADILI MANUSIA

Oleh kerana keputusan sepenuhnya berada di tangan hakim, maka manusia yang bermasalah, sengsara dan lain-lain, hakim haruslah bersungguh-sungguh mencari kebenaran supaya hukuman dapat diberikan dengan seadil-adilnya.

Allah berfirman:

وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوْا بِالْعَدْلِ*

سورة النساء اية ٥٧

Dan bila kamu menghukum antara manusia, supaya kamu menghukum dengan seadil-adilnya. (Surah An-Nisa', ayat 57).

Firman Allah s.w.t.:

وَدَاوُدَ وَسُلَيْمٰنَ إِذْ يَحْكُمٰنِ فِى الْحَرْثِ إِذْ نَفَشَتْ فِيْهِ غَنَمُ الْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شٰهِدِيْنَ فَفَهَّمْنٰهَا سُلَيْمٰنَ وَكُلًّا اٰتَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا*

سورة الأنبياء اية ٧٨

Dan peringatilah raja Daud dan Sulaiman ketika keduanya menghukum perkara tanaman, ketika biri-biri sesuatu kaum telah merosakkan tanaman itu dan Kamilah yang menjadi saksi dalam penghukuman mereka. Lantas Kami ajarkanlah hukum itu kepada Sulaiman, dan kepada keduanya Kami datangkan hikmah dan ilmu.

(Surah Al-Anbiya, ayat 78).

Ijtihad adalah salah satu syarat bagi sesiapa yang dianggap jadi hakim. Ia hendaklah bersungguh-sungguh mencari yang hak, dengan berpedoman kepada kitab Allah dan sunah Nabi-Nya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِذَا حَكَمَ الْحَاكِمُ فَاجْتَهَدَ فَأَصَابَ فَلَهُ أَجْرَانِ وَإِذَا حَكَمَ فَاجْتَهَدَ فَأَخْطَاءَ فَلَهُ أَجْرٌ. رواه البخارى ومسلم

Dari Amr bin Ash, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Apabila seorang hakim menghukum, lalu ia berijtihad, maka betul ijtihadnya itu, maka baginya bersedia dua pahala. Dan apabila ia menghukum, lalu ia berijtihad, maka salah ijtihadnya itu, maka baginya tersedia sebuah pahala."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain:

عَنِ الْحَارِثِ بْنِ عَمْرٍو عَنْ أَصْحَابِ مُعَاذٍ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ لَمَّا بَعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ: كَيْفَ تَقْضِى قَالَ: أَقْضِى بِمَا فِى كِتَابِ اللهِ قَالَ: فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِى كِتَابِ اللهِ قَالَ: فَبِسُنَّةِ رَسُوْلِ اللهِ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِى سُنَّةِ اللهِ قَالَ: أَجْتَهِدُ بِرَأْيِىْ قَالَ: اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِىْ وَفَّقَ رَسُوْلَ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ. رواه الترمذى

Dari Haris bin Amr, dari sahabat-sahabat Muaz, bahawa Rasulullah s.a.w. tatkala mengutus Muaz ke negeri Yaman ia bertanya kepadanya: "Bagaimanakah caranya engkau menghukum (mengadili)? Muaz menjawab: Aku menghukum menurut apa yang ada dalam kitab Allah. Rasulullah bertanya pula: Jika tidak ada bertemu dalam kitab Allah? Muaz menjawab: Lalu dengan sunah Rasulullah s.a.w. Rasulullah bertanya pula: Jika tidak bertemu dalam sunah Rasulullah? Ia menjawab: Aku berijtihad (aku berusaha sedapat-dapatnya) menurut fikiranku. Rasulullah bersabda: Alhamdulillah (puji-pujian

bagi Allah) yang telah memberi taufik akan utusan Rasulullah s.a.w.

(Riwayat Tirmizi).

Dengan keterangan ini nyatalah, bahawa hukum yang wajib dilakukan mula-mula ialah menurut yang tertulis di dalam Al-Quran. Kalau tidak ada di dalam Al-Quran, barulah dicari dalam keterangan hadis. Kalau tidak ada juga di dalam hadis, barulah dicari dalam hukum yang lain, dicari ilat dan persamaannya. Inilah yang dinamakan ijtihad. Apabila hukum sesuatu tidak ada di dalam Al-Quran dan hadis, tetapi sesuatu itu ada mempunyai ilat dan persamaan dengan sesuatu perkara yang lain yang hukumnya ada dalam Al-Quran dan hadis, maka sesuatu itu disamakan dengan hukum sesuatu yang tersebut itu. Ini dinamakan qias. Untuk melakukan hukum qisas hendaklah bagi orang-orang yang pandai berijtihad menurut hukum syar'i. Sebagai contoh hukum wajibnya mengeluarkan zakat jagung, tidak ada dalil di dalam Al-Quran mahupun hadis yang mewajibkannya, tetapi kerana ada ilat persamaan yang tersebut di dalam Al-Quran dan hadis, iaitu gandum, maka jagung juga wajib dikeluarkan zakatnya, sebab sama-sama bahan makkanan utama (mengenyangkan).

Demikian pulalah hukumnya yang lain dari itu, baik mengenai urusan dunia mahupun urusan akhirat.

4. KESOPANAN DALAM MENGHUKUM

Hakim adalah suatu jabatan yang tinggi dan mulia. Oleh sebab itu seorang hakim hendaklah berlaku sopan waktu mengadili sesuatu perkara. Sebab di tangannya terletak kebebasan atau terhukumnya seseorang pesakit. Oleh sebab itu apabila ia akan mengadili suatu perkara, hendaklah dijaganya:

Pertama: Jangan ia memeriksa perkara atau memutuskan hukuman ketika dalam keadaan marah. Sebab marah itu timbul kerana hawa nafsu, maka sesuatu yang dihadapi dengan hawa nafsu biasanya membawa kepada kebinasaan dan kezaliman.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ أَبِى بَكْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لَا يَقْضِيَنَّ حَكَمٌ بَيْنَ اثْنَيْنِ وَهُوَ غَضْبَانُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abdul Rahman bin Abu Bakrah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Hakim tidak boleh menjatuhkan hukuman kepada dua orang yang berperkara ketika ia sedang dalam keadaan marah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Begitu juga hendaknya dijaga supaya jangan sampai menjatuhkan hukuman dalam keadaan:

a. Sangat lapar dan haus,
b. Datang keinginan berahi (syahwat),
c. Riang atau rusuh yang bersangatan,
d. Sakit (kurang sihat),
e. Datang buang air,
f. Datang ngantuk, dan
g. Sangat panas atau sangat dingin.

Sebab semua itu dapat mempengaruhi ketenangan fikiran dan dapat pula mengakibatkan ketidakadilan dalam menjatuhkan hukuman.

Kedua: Hendaklah menyamakan pertanyaan, tempat duduk dan sebagainya antara dua orang yang berperkara.

Keterangan:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ الزُّبَيْرِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَضَى رَسُوْلُ اللهِ ﷺ أَنَّ الْخَصْمَيْنِ يَقْعُدَانِ بَيْنَ يَدَيِ الْحَاكِمِ.

رواه ابو داود وصححه الحاكم

Dari Abdullah bin Zubair r.a. ia berkata: Rasulullah s.a.w. telah menjatuhkan hukuman sedang kedua orang yang berselisih itu duduk di hadapan hakim.

(Riwayat Abu Daud).

Ketiga: Hendaklah dengan penuh perhatian mendengarkan keterangan kedua belah pihak secara berganti-ganti.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِذَا تَقَاضَى إِلَيْكَ رَجُلَانِ فَلَا تَقْضِ لِلْأَوَّلِ حَتَّى تَسْمَعَ كَلَامَ

الْآخَرِ فَسَوْفَ تَدْرِى كَيْفَ تَقْضِى قَالَ عَلِيٌّ: فَمَا زِلْتُ قَاضِيًا بَعْدُ.

رواه أحمد وأبو داود

Dari Ali r.a. ia berkata: Bersabda Rasullah s.a.w.: "Apabila dua orang laki-laki minta hukum kepada engkau, maka janganlah engkau putuskan hukum bagi yang pertama sebelum engkau dengar perkataan yang kedua, dengan begitu engkau akan mengetahui cara menghukum mereka." Berkata Ali: "Sentiasalah aku menjadi kadi (menghukum seperti itu) sesudah itu."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Disunatkan pengadilan itu diadakan di tengah-tengah negeri, atau di tengah-tengah daerah pemerintahan, iaitu di ibu kota, di tempat orang ramai, tetapi jangan di masjid, sebab masjid adalah tempat beribadat.

5. HARAM HUKUMNYA MENERIMA WANG SUAP

Seorang hakim haram menerima wang suap dari orang-orang yang sedang berperkara. Begitu juga hadiah, kecuali kalau hakim itu telah menerima juga hadiah-hadiah itu dari saatnya ia menjadi hakim. Maksudnya hadiah itu tidak ada sangkut-pautnya dengan perkara yang sedang diperiksanya. Sebab wang suap dan hadiah dalam perkara pengadilan ini besar pengaruhnya. Dengan jalan menerima wang suap itu, yang salah dapat jadi menang sedang yang benar dapat jadi bersalah atau kena hukuman.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَعَنَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ اَلرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ فِى الْحُكْمِ

رواه أبو داود والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: "Telah dikutuki oleh Rasulullah s.a.w. akan orang yang memberi wang suap dan yang menerimanya dalam perkara hukum."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Wang suap ini gunanya ialah untuk membatalkan yang hak, dan menghakkan yang bathil.

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَنِى النَّبِيُّ ﷺ إِلَى الْيَمَنِ فَلَمَّا سِرْتُ أَرْسَلَ فِى أَثَرِيْ فَرُدِدْتُ فَقَالَ: لَا تُصِيْبَنَّ شَيْئًا بِغَيْرِ إِذْنِيْ فَإِنَّهُ غُلُوْلٌ وَمَنْ يَغْلُلْ يَأْتِى بِمَا غَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لِهٰذَا دَعَوْتُكَ فَامْضِ لِعَمَلِكَ. رواه الترمذى

Dari Muaz bin Jabal r.a. ia berkata: "Telah diutus aku oleh Rasulullah s.a.w. ke negeri Yaman, tatkala aku telah berangkat di waktu malam, disuruhnya aku pulang," maka Rasulullah s.a.w. bersabda: "Janganlah kamu terima sesuatu dengan tidak seizinku, sebab hal yang semacam itu termasuk penipuan dan siapa yang menipu ia akan dihadapkan dengan perbuatannya (penipuan) itu di hari kiamat, kerana itulah engkau aku panggil kembali, dan sekarang teruslah engkau berangkat untuk melakukan tugasmu."

(Riwayat Tirmizi).

Menurut pengarang Subulussalam, hasil atau keuntungan yang diperoleh hakim ada empat macam, wang suap, hadiah, upah dan rezeki.

Wang suap, maksudnya ialah supaya hakim dapat memutuskan hukum dengan jalan yang tidak hak. Hukumnya haram atas kedua belah pihak, haram bagi yang menerima dan bagi yang memberi. Tetapi kalau untuk menghukum menurut jalan yang hak, haram hukumnya ia atas hakim saja, tidak haram atas orang yang memberi.

Hadiah yang diberikan oleh orang yang biasanya memberi kepadanya sebelum ia menjadi hakim, tidaklah haram menerima hadiah itu. Tetapi jika hadiah itu diberikan oleh orang yang belum pernah memberi hadiah kepadanya, melainkan sesudah ia menjadi hakim dalam hal ini harus ditimbang lebih dahulu. Jika hadiah itu diberikan oleh orang yang belum pernah berselisih dengan dia dan dengan orang yang didekatnya boleh diterimanya, tetapi yang ada permusuhan antaranya dan antara garisnya yang didekatnya, maka haram hukumnya atas hakim dan atas yang memberi hadiah.

Upah, jika hakim menerima gaji atau menerima rezeki dari Baitul mal atau dari pemerintah, maka haram baginya mengambil upah

lagi dari orang lain. Dan jika ia tidak ada gaji, maka ia boleh menerima upah sekadar yang seimbang dengan perkerjaannya, tertapi bukan atas nama hakim.

6. TURUN DARI JABATAN

Kadi yang sudah diangkat untuk sesuatu daerah dalam negara Islam, boleh berhenti dari jabatannya, kerana:

1. Telah sampai kepadanya khabar tentang pemberhentiannya, walaupun dari orang yang dapat dipercayai, begitu juga wakilnya.
2. Dia sendiri hendak meninggalkan jabatan itu,
3. Rosak fikiran, gila, mabuk, pitam dan sebagainya,
4. Fasik (kafir), yang tidak diketahui sejak ia diangkat atau datangnya sesudah diangkat.

Bila hal-hal yang tersebut di atas telah hilang, ia tidak dapat kembali kepada jawatannya dengan begitu saja, melainkan hendaklah dengan mengangkatnya yang baru. Tidaklah ia turun dari jawatan itu sebab imam besar telah meninggal, turun takhta, kafir dan sebagainya, sebab besar bahaya yang akan terjadi dalam negeri. Jika imam dan kadi itu semuanya berhenti, tentu negeri tidak ada pemerintahan lagi, siapakah yang akan bertanggungjawab.

Wakil kadi yang bertindak sebagai wakil dari imam tidaklah ia berhenti sebab kadi telah berhenti, kerana wakil imam lebih besar kekuasaannya dari kadi. Kadi adalah merupakan duta yang akan melayani masyarakat, sedang tugas yang dijalankannya ialah di atas dasar undang-undang yang diberikan oleh imam. Sedang naib imam (penganti imam) adalah merupakan khalifah yang berhak memegang pekerjaan imam, andaikata imam tidak ada dalam negeri itu.

7. PENDAKWA DAN TERDAKWA

Menurut peraturan umum dalam Syariat Islam dalam perkara mengadili manusia ialah: Si pendakwa harus dibenarkan lebih dahulu bila ia dapat mengemukakan keterangan yang lengkap yang berupa alat-alat bukti atas pendakwaannya. Bila ia tidak dapat mengemukakan alat-alat bukti sebagai keterangan, maka si terdakwa yang dibenarkan dengan sumpahnya. Kalau si terdakwa tidak pula mahu bersumpah, maka si pendakwa dibenarkan dengan sumpah yang disebut SUMPAH RAD (sumpah yang ditolakkan kepada si pendakwa).

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَوْ يُعْطَى النَّاسُ بِدَعْوَاهُمْ لَادَّعَى نَاسٌ دِمَاءَ رِجَالٍ وَأَمْوَالِهِمْ وَلٰكِنَّ الْيَمِيْنُ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. dari Nabi s.a.w. bersabda: "Seandainya manusia itu diberi menurut dakwa mereka, nescaya mendakwalah mereka akan darah dan harta orang lain, akan tetapi sumpah hak atas orang yang terdakwa."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kerana sumpah merupakan senjata bagi yang terdakwa, maka manusia itu tidak boleh semahunya saja mendakwa orang lain kalau saksi tidak ada.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْبَيِّنَةُ عَلَى الْمُدَّعِى وَالْيَمِيْنُ عَلَى الْمُدَّعَى عَلَيْهِ. رواه الترمذى

Dari Abdullah Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Keterangan (saksi) adalah hak atas orang yang mendakwa, sedang sumpah adalah hak atas orang yang terdakwa."

(Riwayat Tirmizi).

Kalau terdakwa tidak mahu disumpah maka dikembalikan sumpah itu kepada yang mendakwa untuk menetapkan haknya. Sumpah yang dikembalikan ini dinamakan *sumpah mardud.*

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ رَدَّ الْيَمِيْنَ عَلَى طَالِبِ الْحَقِّ. رواه الدار قطنى

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah membalikkan sumpah atas orang yang meminta hak.

(Riwayat Daruqutni).

8. KETERANGAN DAN ALAT-ALAT BUKTI

Untuk membenarkan, baik si pendakwa mahupun si terdakwa diperlukan keterangan atau alat-alat bukti untuk bahan pertimbangan bagi hakim dalam menjatuhkan hukuman.

Alat-alat bukti tersebut, menurut Syariat Islam adalah:

a. Pengakuan si terdakwa sendiri,
b. Keterangan dari saksi-saksi,
c. Sumpah,
d. Surat menyurat,
e. Peristiwa-peristiwa yang menunjukkan.

Mengenai pengakuan sendiri dari si terdakwa, adalah satu bukti yang kuat, bahawa apa yang didakwakan oleh pendakwa adalah benar. Dengan syarat, bahawa pengakuan ini harus menurut kemahuan sendiri dan jangan terpaksa.

Bila pengakuan sudah ada, maka tidak ada lagi jalan bagi hakim, untuk memperpanjang perkaranya, melainkan sudah cukup alasan untuk menjatuhkan hukuman.

Dalam sebuah hadis dinyatakan:

عَنْ أَبِى أُمَيَّةَ الْمَخْزُوْمِي رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أُتِيَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ بِلِصٍّ قَدِ اعْتَرَفَ اِعْتِرَافًا وَلَمْ يُوْجَدْ مَعَهُ مَتَاعٌ فَقَالَ لَهُ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَا إِخَالُكَ سَرَقْتَ قَالَ: بَلَى فَأَعَادَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا فَأَمَرَ بِهِ فَقُطِعَ. رواه ابو داود والنسائى

Dari Abu Umaiyah Al-Makhzumi r.a. ia berkata: "Pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. (seseorang) dengan membawa seorang pencuri yang telah mengaku sebenarnya ia mencuri, sedang barang-barang yang dicurinya itu tidak terdapat padanya. Rasulullah s.a.w. berkata kepadanya: Barangkali bukan engkau yang mencuri. Ia menjawab: Ya, betul saya telah mencuri. Diulangnya ucapannya itu sampai tiga kali. Lalu diperintahkan oleh Nabi supaya dijatuhi hukuman potongan tangan."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Jelaslah, bahawa dengan adanya pengakuan dari yang bersalah adalah merupakan tanda bukti, bahawa yang bersalah berhak diberi hukuman.

BAB SAKSI

Allah berfirman:

شَهِدَ اللهُ أَنَّهُ لَآ إِلٰهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلٰٓئِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ* سورة آل عمران اية ١٨

Telah mempersaksikan Allah, bahawa tidak ada Tuhan melainkan Dia, dan telah mempersaksikan malaikat-malaikat dan orang yang berilmu pengetahuan, sedang Allah itu berdiri dengan adil.

(Surah Ali Imran, ayat 18).

1. ERTI SAKSI, RUKUN DAN SYARAT-SYARATNYA

Syahadah, ertinya mempersaksikan dan memperlihatkan atau menyatakan. Menurut istilah syarak ialah menyatakan kebenaran kepada orang lain, dengan lafaz yang tertentu.

Rukun syahadah (saksi) ada lima:

Pertama: Orang yang jadi saksi.

Kedua: Sesuatu perkara yang disaksikan.

Ketiga: Orang yang akan diberi saksi (orang yang dibuktikan kebenarannya atau kebohongannya dengan saksi).

Keempat: Orang yang mempunyai saksi.

Kelima: Lafaz saksi, seperti: "Aku bersaksi....."

Syarat-syarat orang yang akan dijadikan saksi itu ialah:

Pertama: Mukallaf, iaitu sudah baligh berakal, maka tidaklah sah atau diterima jadi saksi anak kecil, kerana belum berakal.

Firman Allah s.w.t.:

وَاسْتَشْهِدُوْا شَهِيْدَيْنِ مِنْ رِّجَالِكُمْ* سورة البقرة اية ٢٨٢

Dan kemukakanlah dua orang saksi di antara orang laki-lakimu.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

Kedua: Beragama Islam, menurut aturannya, tidaklah sah saksi orang kafir, sebab Tuhan mengatakan: "Di antara laki-laki-mu," ertinya orang yang masuk golonganmu, sedang orang kafir

bukan termasuk golonganmu. Tetapi kerana saksi itu gunanya untuk pembela yang hak, maka orang kafir yang hendak membela hak orang Islam sebagai saksi, maka mereka dapat pula diterima. Firman Allah di atas, adalah merupakan ajaran utama (afdal), sebab yang biasa di zaman Nabi orang Islam itu hanya dibela oleh orang Islam sahaja. Tidaklah ada halangannya dalam agama, kalau orang Islam itu dibela oleh orang kafir dalam mempertahankan haknya.

Ketiga: Merdeka, tidaklah dapat diterima saksi orang yang masih hamba. Sebab saksi itu adalah orang yang diserahi tangungjawab, sedang hamba tidak dapat bertanggungjawab sama sekali, sebab ia masih di bawah perintah tuannya.

Keempat: Mempunyai sifat murah, ertinya orang yang pandai menjaga kehormatan diri menurut martabat dan kedudukannya. Orang-orang yang tidak pandai menjaga kehormatan diri, tidak sah dijadikan saksi, kerana ia tiada bermalu.

Kelima: Adil, tidaklah sah dijadikan saksi orang yang tidak adil.

Firman Allah s.w.t.:

وَاَشْهِدُوْا ذَوَىْ عَدْلٍ مِّنْكُمْ*

سورة الطلاق اية ٢

Dan hendaklah kamu dijadikan saksi orang yang adil di antara kamu. (Surah At-Talak, ayat 2).

Yang dimaksudkan adil di sini, ialah orang yang menjauhkan dirinya dari berbuat dosa besar, dan tidak terbiasa (berkekalan) berbuat dosa kecil. Dosa besar umpamanya berzina, membunuh, makan riba, mencaci ibu bapa, meninggalkan sembahyang dan sebagainya.

Dosa-dosa kecil, seperti mengeluarkan kata-kata yang kurang sopan didengar telinga, bergurau-senda dengan membuka-buka aurat dan sebagainya.

Keenam: Jangan ada tohmah terhadap dirinya, ertinya ada sangka-sangka yang tidak baik terhadap diri orang yang akan jadi saksi itu. Umpamanya, ia akan diberi wang kalau ia mahu jadi saksi atau ia akan dilepaskan dari hutang dan sebagainya. Orang-orang yang demikian mungkin jadi saksi dusta, kerana yang terlihat olehnya ialah keuntungan kepada dirinya, bukan kebenaran yang harus ditegakkan.

Ketujuh: Janganlah saksi itu menjadi musuh orang yang terdakwa.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: لاَ تَجُوْزُ شَهَادَةُ خَائِنٍ وَلاَ خَائِنَةٍ وَلاَ ذِى غَمَرٍ عَلَى أَخِيْهِ وَلاَ تَجُوْزُ شَهَادَةُ الْقَانِعِ لِاَهْلِ الْبَيْتِ. رواه احمد وابو داود

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya tidak boleh dijadikan saksi orang yang khianat, laki-laki atau perempuan. Dan tidak boleh orang yang dengki jadi saksi atas saudaranya. Dan tidak boleh pula orang yang diam dalam satu rumahtangga bagi orang yang serumah dengan dia."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

2. SAKSI-SAKSI UNTUK MACAM-MACAM PERKARA

Hak ada dua bahagian: Hak Allah Taala dan hak anak Adam (manusia). Hak Allah Taala pula ada tiga bahagian:

Pertama: Yang diterima padanya menjadi saksi seorang laki-laki iaitu saksi tentang penetapan hilal bulan Ramadan saja.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: تَرَاءَى النَّاسُ الْهِلاَلَ فَأَخْبَرْتُ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ إِنِّى رَأَيْتُهُ فَصَامَ وَأَمَرَ النَّاسَ بِصِيَامِهِ. رواه ابو داود وابن حبان

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: "Orang-orang (memperkatakan, bahawa ada orang) melihat anak bulan, lalu aku sampaikan kepada Rasulullah s.a.w. bahawa aku telah melihatnya. Lantas beliau berpuasa dan menyuruh manusia mempuasakan bulan Ramadan itu."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Hibban).

Kedua: Yang tidak diterima jadi saksi padanya kurang dari empat orang, iaitu saksi dalam perkara perzinaan dan liwath (lihat keterangan dalam bab Qazaf).

Ketiga: Yang boleh diterima jadi saksi padanya, dua orang laki-laki, iaitu dalam perkara had, seperti dalam perkara minum arak (lihat hadis dalam bab minum arak).

Hak anak Adam pula ada tiga bahagian:

Pertama: Yang tidak diterima padanya, melainkan dua orang saksi laki-laki, iaitu dalam perkara yang tidak dapat dilihat, melainkan pada ghalibnya oleh laki-laki, seperti nikah, talak, rujuk dan sebagainya.

Keterangan:

عَنِ الزُّهْرِى قَالَ: مَضَتِ السُّنَّةُ مِنْ رَسُوْلِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ لاَ تَجُوْزُ شَهَادَةُ النِّسَاءِ فِى الْحُدُوْدِ وَلاَ فِى النِّكَاحِ وَلاَ فِى الطَّلاَقِ.

رواه مالك

Dari Zuhri ia berkata: Telah berjalan hukum syariat Nabi s.a.w. iaitu tidak boleh perempuan menjadi saksi dalam perkara had, dan tidak pula pada waktu nikah, dan tidak pula dalam perkara talak.

(Riwayat Malik).

Kedua: Yang diterima padanya saksi empat orang perempuan, iaitu dalam perkara yang tidak dapat dilihat, melainkan pada ghalibnya oleh perempuan, seperti melahirkan, haid, perawan, saib (janda), cacat perempuan di bawah kainnya.

Keterangan:

عَنِ الزُّهْرِى قَالَ: مَضَتِ السُّنَّةُ بِأَنَّهُ تَجُوْزُ شَهَادَةُ النِّسَاءِ فِيْمَا لاَ يَطْلُعُ عَلَيْهِ غَيْرُهُنَّ مِنْ وِلاَدَةِ النِّسَاءِ وَعُيُوْبِهِنَّ.

رواه ابو شيبة

Dari Zuhri ia berkata: Telah berjalan hukum syariat, bahawa perempuan boleh menjadi saksi iaitu pada barang yang tidak dapat dilihat kecuali oleh perempuan pula, iaitu perkara perempuan melahirkan dan aib-aib kaum perempuan.

(Riwayat Abu Shaibah).

Ketiga: Yang diterima padanya dua orang saksi laki-laki atau seorang laki-laki dan dua orang perempuan, atau seorang saksi dan

sumpah yang mendakwa. Iaitu pada perkara harta benda dan yang bertujuan harta benda. Umpamanya jual beli, gadai-menggadai, hutang-piutang dan sebagainya. Sedang bertujuan harta benda seperti: Pembunuhan yang tidak disengaja, yang wajib bayar diyat (hukuman pengganti).

Firman Allah s.w.t.:

وَاسْتَشْهِدُوْا شَهِيْدَيْنِ مِنْ رِّجَالِكُمْ فَإِنْ لَّمْ يَكُوْنَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ* سورة البقرة اية ٢٨٢

Dan carilah saksi dua orang di antara laki-laki kamu, apabila tidak ada laki-laki, maka boleh seorang laki-laki dan dua orang perempuan.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَضَى بِيَمِيْنٍ وَشَاهِدٍ. رواه مسلم وابو داود

Dari Ibnu Abbas r.a. bahawa Nabi s.a.w. pernah memutuskan hukum dengan sumpah dan seorang saksi laki-laki.

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

3. SAKSI PALSU MERUPAKAN SALAH SATU DOSA BESAR

Saksi adalah senjata bagi pendakwa. Di tangan saksilah terletak menang kalah si pendakwa dalam perkara. Apabila saksi itu benar, menanglah pendakwa menurut jalan kebenaran. Tetapi apabila saksi itu dusta, maka menanglah pendakwa secara dusta atau batil. Oleh sebab itu Rasulullah menghukumkan:

Pertama: Saksi yang dusta sama dosanya dengan dosa orang yang musyrik.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ خُرَيْمِ بْنِ فَاتِكٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

عُدِلَتْ شَهَادَةُ الزُّوْرِ بِالْاِشْرَاكِ بِاللهِ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ ثُمَّ قَرَأَ: فَاجْتَنِبُوْا الرِّجْسَ مِنَ الْاَوْثَانِ وَاجْتَنِبُوْا قَوْلَ الزُّوْرِ حُنَفَاءَ لِلّٰهِ غَيْرَ مُشْرِكِيْنَ بِهِ. رواه ابو داود والترمذى

Dari Khuraim bin Fatik r.a. ia berkata: Telah bersabda Nabi s.a.w.: "Samalah dosa saksi yang dusta dengan syirik kepada Allah." Ucapan ini diulangi beliau sampai tiga kali, kemudian beliau baca ayat: "Maka jauhilah olehmu najis, berhala-berhala dan jauhilah perkataan dosa, semata-mata kerana takut kepada Allah dan tidak memperserikatakan-Nya."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Kedua: Saksi dusta terang jadi dosa besar.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى بَكْـرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَلَا أُخْـبِرُكُمْ بِأَكْـبَرِ الْكَبَـائِـرِ قَالُوْا: بَلٰى يَا رَسُوْلَ اللهِ قَالَ: اَلْاِشْرَاكُ بِاللهِ وَعُقُوْقُ الْوَالِدَيْنِ وَشَهَادَةُ الزُّوْرِ أَوْ قَوْلُ الزُّوْرِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Bakar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Mahukah kamu aku ceritakan dosa yang sebesar-besarnya? Mereka menjawab: Mahu, ya Rasulullah. Nabi berkata: "Mempersekutukan Allah, menderhakai ibu bapa dan menjadi saksi yang dusta atau mengatakan yang dusta."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan lain menyatakan, bahawa saksi dusta akan masuk neraka.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَنْ تَزُوْلَ

قَدَمُ شَاهِدِ الزُّوْرِ حَتَّى يُوْجِبَ اللهُ لَهُ النَّارَ.

رواه ابن ماجة بسند صحيح

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sentiasalah telapak kaki saksi yang dusta itu, hingga Allah mewajibkan neraka baginya."

(Riwayat Ibnu Majah).

4. HAKIM BOLEH BERPEGANG KEPADA FAKTA DARI MASING-MASING YANG BERPERKARA SECARA ZAHIR

Di hadapan pengadilan ramai orang yang pandai bersoal jawab, memutar balikkan keadaan yang sebenarnya, hingga kadang-kadang yang batil itu dapat berubah menjadi benar. Akan tetapi ramai pula orang yang tidak pandai bersoal jawab mempertahankan kebenaran yang ada padanya. Hingga kebenaran itu kadang-kadang dibalikkan orang menjadi yang salah. Dalam hal ini hendaklah hakim meneliti perkara itu dengan sebaik-baiknya. Jangan sampai menyalahkan orang yang benar dan membenarkan orang yang salah.

Dalam hal seperti ini, hakim boleh berpegang kepada yang dilihat dan yang didengarnya itu, sesuai dengan keterangan dan alat-alat bukti, walaupun berlainan dari keyakinan hakim.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ وَإِنَّكُمْ تَخْتَصِمُوْنَ إِلَيَّ فَلَعَلَّ بَعْضُكُمْ أَنْ يَكُوْنَ أَلْحَنَ بِحُجَّتِهِ مِنْ بَعْضٍ فَأَقْضِيَ لَهُ عَلَى نَحْوِ مَا أَسْمَعُ مِنْهُ فَمَنْ قَضَيْتُ لَهُ بِحَقِّ أَخِيْهِ شَيْئًا فَلَا يَأْخُذْهُ فَإِنَّمَا أَقْطَعُ لَهُ قِطْعَةً مِنَ النَّارِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ummu Salamah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w : "Aku hanya seorang manusia dan sesungguhnya kamu mengadakan perselisihan kepadaku, barangkali di antara kamu ada yang lebih pandai dalam bersoal-jawab dari yang lain. Lalu aku jatuhkan putusan baginya menurut keterangan yang aku dengar daripadanya. Maka sesiapa yang telah aku putuskan hukumnya dan dia beroleh kemenangan dari saudaranya dalam sesuatu perkara, janganlah ia ambil kemenangan yang bukan haknya itu, kerana itu bererti aku telah memotongkan baginya sepotong dari api neraka."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis ini dinyatakan kalimat: *"Lalu aku jatuhkan putusan baginya menurut keterangan yang aku dengar daripadanya,"* menandakan bahawa Rasulullah menghukum menurut apa yang didengarnya dari kedua belah pihak. Kemudian dinyatakannya pula kalau hukum yang diputuskannya itu menurut lahirnya benar, kerana cukup saksi atau alat-alat bukti lainnya, padahal pada batinnya (yang sebenarnya) dia dusta belaka, maka sekali-kali janganlah diambilnya apa yang telah diputuskan itu. Kerana bererti, hakim (di sini Rasulullah) telah memberikan sepotong dari api neraka kepadanya.

Oleh sebab itu baik sekali diadakan PEMBELA, bila yang tertuduh berasa lemah mempertahankan kebenarannya. Diadakan pembelaan dengan maksud untuk memberikan bantuan hukum:

a. Sedapat mungkin si terdakwa dapat dilepaskan dari tuduhan si penuduh atau
b. Untuk mendapat keringanan hukuman, bila si tertuduh benar terbukti kesalahannya.

Dalam surah An-Nisa', ayat 85 dinyatakan sebagai berikut:

"Sesiapa yang memberikan pembelaan yang baik, nescaya ia akan memperoleh bahagian (pahala) daripadanya. Dan sesiapa yang memberikan pembelaan kejahatan, nescaya akan memikul dosa daripadanya."

Menurut pengarang Subulussalam, bahawa hakim boleh menghukum menurut barang yang lahir saja dan melaksanakan hukuman. Dia boleh pula melepaskan orang yang seharusnya kena hukum, kalau ia enggan menghukum. Dan juga sah bagi hakim menghukumi mengikut zahirnya apabila yang mendakwa itu bohong dan saksi-saksinya dusta, asal dengan hukum itu tidak menghalalkan perkara yang haram.

BAB SUMPAH

Firman Allah s.w.t.:

فَوَرَبِّ السَّمَآءِ وَالْاَرْضِ إِنَّهُ لَحَقٌّ مِّثْلَ مَا أَنَّكُمْ تَنْطِقُوْنَ*

سورة الذاريات اية ٢٣

Maka demi Tuhan langit dan bumi, sesungguhnya Tuhan itu benarlah seperti yang kamu perkatakan (percakapan).

(Surah Az-Zariat ayat 23).

1. ERTI SUMPAH DAN KEGUNAANNYA

Sumpah ialah mempastikan kebenaran sesuatu perkara (urusan) yang masih diragukan benar atau salah, dengan menyebut salah satu nama Allah atau sifat-Nya, sama ada dalam perkara sudah lalu mahupun dalam perkara yang akan datang untuk penolak atau untuk mempastikan.

Adapun kegunaan bersumpah adalah:

a. Untuk menangkis tuduhan yang dilancarkan orang terhadap yang tertuduh. Sumpah ini diucapkan oleh orang yang mengingkari tuduhan tersebut. Misalnya kata seseorang penuduh: Hakku ada di atas engkau sekian banyaknya. Lalu yang dituduh itu mengingkari dan bersumpah: Demi Allah, tidak ada hak engkau di atasku.
b. Untuk menyatakan kebenaran diri peribadi. Misalnya katanya: Wallahi Demi Allah. Sesungguhnya aku benar melihat..., aku benar tidak melihat... aku benar tidak turut serta... dan lain-lainnya. Atau; Wallahi Demi Allah. Ini benar hakku.
c. Untuk berlaku jujur dalam sesuatu tugas atau jabatan yang diserahkan orang, dalam erti bahawa seseorang dalam jabatannya tidak akan berlaku curang.

Syarat-syarat bagi orang yang bersumpah:

Pertama: Mukallaf, tidaklah sah sumpah anak kecil, orang gila dan orang tidur.

Kedua: Dengan kemahuan sendiri, tidaklah sah sumpah orang yang terpaksa.

Ketiga: Dapat berbicara, tidaklah sah sumpah orang bisu dengan isyarat dan sebagainya.

Keempat: Disengaja bersumpah, tidaklah sah sumpah orang yang terlanjur lidah.

2. SUMPAH YANG SAH HANYA DENGAN NAMA ALLAH ATAU DENGAN SIFATNYA

Sumpah itu disyaratkan dengan menyebutkan satu dari nama Allah, atau salah satu sifat-Nya. Umpamanya "Wallahi" ertinya; Demi Allah. Atau "Warrahman" ertinya; Demi Tuhan yang bersifat Pemurah, dan sebagainya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: يَا أُمَّةَ مُحَمَّدٍ! وَاللهِ لَوْ تَعْلَمُوْنَ مَا أَعْلَمُ لَبَكَيْتُمْ كَثِيْرًا وَلَضَحِكْتُمْ قَلِيْلًا. رواه البخارى

Dari Aisyah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Hai umat Muhammad, demi Allah, andaikata kamu mengetahui akan apa yang aku ketahui nescaya kamu akan banyak menangis dan akan sedikit tertawa."

(Riwayat Bukhari).

Dalam hadis lain dinyatakan pula:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لِرَجُلٍ حَلَّفَهُ: اَحْلِفْ بِاللهِ الَّذِى لَآ إِلٰهَ إِلَّا هُوَ مَا لَهُ عِنْدَكَ شَيْءٌ.

رواه ابو داود والنسائى

Dari Ibnu Abbas r.a. Bahawasanya Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada seorang laki-laki yang disuruhnya bersumpah, katanya: "Bersumpahlah kamu dengan nama Allah, yang tidak ada tuhan melainkan Dia, kalau memang betul tidak ada haknya pada kamu sedikit pun."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Maksudnya, sekiranya manusia mengetahui akan apa yang diketahui Nabi tentang keadaan maut dan kubur, dan apa yang se-

sudah itu, nescaya manusia akan lebih banyak menangis dan sedikit tertawa. Di sini, Rasulullah bersumpah dengan nama Allah, iaitu: "Demi Allah."

Keterangan lain:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَتْ يَمِيْنُ النَّبِيِّ ﷺ: لاَ وَمُقَلِّبِ الْقُلُوْبِ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Pernah Nabi s.a.w. bersumpah: "Tidak, demi yang memutarbalikkan hati."

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

Dalam hadis yang pertama dinyatakan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersumpah dengan salah satu dari zat Allah, iaitu: "Demi Allah." Dan dalam hadis yang kedua dinyatakan, bahawa Rasulullah s.a.w. bersumpah dengan sifat atau nama Tuhan iaitu: "Demi yang memutarbalikkan hati." Boleh juga dengan sifat-Nya yang lain-lain atau asma-Nya umpamanya: "Demi Ar-Rahman, Demi Ar-Rahim" atau "Demi Ar-Rabbil Alamin" dan sebagainya.

3. BERSUMPAH DENGAN SELAIN ALLAH MUSYRIK HUKUMNYA

Sumpah adalah menghendaki kebesaran sesuatu yang dijadikan dasarnya. Sedang hakikat kebesaran itu hanyalah tertentu bagi Allah semata-mata. Sesiapa yang bersumpah bukan dengan Allah, tentulah nama itu yang mulia dan besar baginya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ حَلَفَ بِغَيْرِ اللهِ فَقَدْ أَشْرَكَ.

رواه ابو داود والترمذى بسند حسن

Dari Ibnu Umar r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang bersumpah bukan dengan nama Allah, maka sungguh ia telah musyrik."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيْهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ حَلَفَ فَقَالَ: إِنِّى بَرِىءٌ مِنَ الْاِسْلَامِ فَإِنْ كَانَ كَاذِبًا فَهُوَ كَمَا قَالَ وَإِنْ كَانَ صَادِقًا فَلَنْ يَرْجِعَ إِلَى الْاِسْلَامِ سَالِمًا.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Buraidah, dari bapanya r.a., dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang bersumpah lalu ia berkata: Sesungguhnya aku lepas dari agama Islam, maka jika ia berdusta, maka adalah sebagaimana yang telah diucapkannya itu dan jika ia benar, maka ia sekali-kali tidak dapat kembali kepada Islam secara selamat."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Maksudnya, sesiapa yang bersumpah, umpamanya: "Sungguh aku tidak berbuat apa-apa. Andaikata kalau betul aku yang memperbuatnya lepaslah aku dari agama Islam." Bila ia berdusta, tepatlah apa yang dikatakannya itu. Dan apabila ia benar, ia tidak dapat kembali ke dalam Islam dengan selamat, kecuali kalau ia taubat sesudah itu.

4. SUMPAH DUSTA TERMASUK DOSA BESAR

Sumpah yang dusta adalah masuk dosa besar. Kalau seseorang telah berani bersumpah dusta, dan ia tidak cepat-cepat taubat, maka sumpahnya itu akan membahayakan kepada dirinya sendiri. Ia akan tetap dalam kemarahan atau kemurkaan Tuhan di dunia ataupun di akhirat.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْكَبَائِرُ اَلْاِشْرَاكُ بِاللهِ وَعُقُوْقُ الْوَالِدَيْنِ وَقَتْلُ النَّفْسِ وَالْيَمِيْنُ الْغُمُوْسُ.

رواه البخارى

Dari Abdullah bin Umar dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Dosa besar ialah syirik dengan Allah, dan menderhakai kedua orang ibu-bapa, membunuh diri dan sumpah yang dusta."

(Riwayat Bukhari).

5. SUMPAH YANG TIDAK MEMBERATKAN

Sumpah yang memberatkan kepada diri sendiri, ialah bila kalimat sumpah yang diucapkan dengan sengaja untuk bersumpah. Tetapi bila kalimat sumpah itu diucapkan hanya sekadar buah pembicaraan sehari-hari saja, tidaklah dinamakan sumpah dan tidak memberati bagi yang mengucapkannya. Orang-orang Arab biasanya bila ia menyatakan sesuatu dalam pembicaraan sehari-hari, acapkali kata-kata sumpah itu diucapkannya, tetapi tidaklah di maksudkan sebagai sumpah. Sumpah yang begitu dinamakan sumpah kosong (tidak berguna).

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا فِى قَوْلِهِ تَعَالَى: لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللهُ بِاللَّغْوِ فِى أَيْمَانِكُمْ قَالَتْ أُنْزِلَتْ فِى قَوْلِهِ: لَا وَاللهِ وَبَلَى وَاللهِ.

رواه البخارى

Dari Aisyah r.a. tentang firman Allah Taala yang berbunyi: "Allah tidak menyeksamu dengan sebab sumpahmu yang kosong." Dan dikatakan pula ayat itu diturunkan pada katanya seseorang: "Bukan, demi Allah, dan: Ya, demi Allah."

(Riwayat Bukhari).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُوْلَ ﷺ قَالَ: هُوَ كَلَامُ الرَّجُلِ فِى بَيْتِهِ كَلَّا وَاللهِ وَبَلَى وَاللهِ. رواه ابو داود وابن حبان

Dari Aisyah r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Itu perkataan laki-laki di rumahnya: Sekali-kali bukan, demi Allah, dan betul, demi Allah."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Hibban).

Kata-kata yang begini tidak mendatangkan seksaan, sebab sudah menjadi perkataan biasa, terutama bagi orang Arab seperti yang tersebut di atas.

Seseorang yang telah mengucapkan kalimat sumpah secara sengaja, ia akan terkena oleh sumpahnya itu bila ia melanggar. Kecuali kalau sumpahnya itu disertai dengan kata-kata jika, akan, kalau, dan lain perkataan yang sama ertinya. Umpamanya seorang berkata: "Demi kalau Allah menghendaki." Jika ia berbuat seperti yang dikatakannya itu, maka ia tidak akan kena, kerana Allah yang menghendaki.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ حَلَفَ عَلَى يَمِيْنٍ فَقَالَ: إِنْ شَاءَ اللهُ فَقَدِ اسْتَثْنَى.

رواه الترمذى وابن ماجة بسند حسن

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang bersumpah dengan suatu sumpah, lalu ia berkata: "Insya Allah," maka sungguh ia telah lepas dari sumpahnya."

(Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah).

6. MEMBERATKAN SUMPAH

Disunatkan memberatkan sumpah untuk yang mendakwa, dalam perkara sumpah mardud dan dari orang-orang yang terdakwa dalam perkara nikah, talak, rujuk, merdeka, wakil dan dalam perkara harta yang sampai 20 dinar, walaupun tidak diminta lawannya. Sebab sumpah itu gunanya untuk menggertak dan menakutkan orang yang bersumpah, agar ia jangan melakukan penganiayaan dengan sebab bersumpah itu. Kerana ramai orang yang berani mengucapkan sumpah dusta untuk mengambil hak saudaranya (yang bukan haknya). Oleh sebab itulah disunatkan memberatkan dan mentakkidkan sumpah terhadap orang yang bersumpah.

Cara memberatkan sumpah.

Cara memberatkan sumpah itu ialah:

Pertama: Dengan memilih waktu, iaitu sesudah sembahyang Asar. Asar di hari Jumaat adalah yang lebih baik.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: ثَلَاثَةٌ لَا يُكَلِّمُهُمُ اللهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَلَا يُزَكِّيهِمْ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ وَعَدَّ مِنْهُمْ رَجُلًا حَلَفَ عَلَى يَمِينٍ كَاذِبَةٍ بَعْدَ الْعَصْرِ يَقْطَعُ بِهَا مَالَ امْرِءٍ مُسْلِمٍ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Tiga macam orang yang Allah tidak akan berkata-kata dengan mereka pada hari kiamat, dan Allah tidak akan membersihkan mereka serta bagi mereka azab yang pedih. Rasulullah menghitung, di antaranya laki-laki yang mengucapkan suatu sumpah yang dusta sesudah sembahyang Asar, dan dengan sumpahnya itu ia hendak mengambil harta orang Islam."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Kedua: Pada tempat yang khusus bagi kaum Muslimin. Iaitu di dalam masjid dekat mimbar. Apabila di masjid Madinah ialah di atas mimbarnya.

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا يَحْلِفُ أَحَدٌ عِنْدَ مِنْبَرِيْ هٰذَا عَلَى يَمِينٍ آثِمَةٍ وَلَوْ عَلَى سِوَاكٍ أَخْضَرَ إِلَّا تَبَوَّءَ مَقْعَدُهُ مِنَ النَّارِ أَوْ وَجَبَتْ لَهُ النَّارُ.

رواه ابو داود والنسائى بسند صالح

Dari Jabir r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah mengucapkan seseorang di dekat mimbarku ini akan suatu sumpah yang dusta, sekalipun mengenai sebuah penggosok gigi yang telah hijau, melainkan telah tersedialah tempatnya dalam neraka."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

Bagi orang yang bukan beragama Islam ialah di tempat-tempat yang tertentu pula bagi mereka, misalnya di gereja, di dekat berhala, kalau mereka menyembah berhala dan sebagainya.

Ketiga: Dengan menambahkan nama Allah sesudah kalimat sumpah itu, seperti: "Demi Allah, dan tidak ada Tuhan melainkan Dia, yang mengetahui yang jauh dan yang dekat, yang Pengasih lagi Penyayang, yang mengetahui segala rahsia yang lahir dan yang tersembunyi" dan sebagainya. Kalau orang Yahudi yang disumpah, hendaklah hakim menyumpahnya dengan: "Demi Allah, Tuhan yang menurunkan kitab Taurat kepada Musa, dan melepaskannya dari karam." Kalau orang Nasrani yang disumpah, hendaklah hakim menyumpahnya dengan: "Demi Allah, Tuhan yang menurunkan kitab Injil kepada Isa." Dan kalau orang Majusi atau Wasani (kaum yang menyembah patung dan berhala), hendaklah hakim menyumpahnya dengan: "Demi Allah, Tuhan yang telah menjadikan berhala dan merupakannya."

(Demikian I'anah At-Talibin).

Keempat: Dengan meletakkan mashaf (Al Quran) di depannya dan dikembangkan surah Al-Baqarah, serta dikatakan kepadanya: "Letakkanlah tanganmu di atas surah ini, lalu dibacakan ayat yang berbunyi:

إِنَّ الَّذِيْنَ يَشْتَرُوْنَ بِعَهْدِ اللهِ وَأَيْمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيْلاً أُولَئِكَ لاَ خَلاَقَ لَهُمْ فِى الْآخِرَةِ* سورة ال عمران اية ٧٧

Sesungguhnya orang-orang yang menukar janji Allah dan sumpah mereka dengan harga yang murah, mereka ini tidaklah mendapat keuntungan di hari akhirat.

(Surah Ali Imran ayat 77).

Sumpah yang mewajibkan kifarat.
Allah berfirman di dalam Al-Quran:

قَدْ فَرَضَ اللهُ لَكُمْ تَحِلَّةَ أَيْمَانِكُمْ وَاللهُ مَوْلاَكُمْ وَهُوَ الْعَلِيْمُ الْحَكِيْمُ* سورة التحريم اية ٢

Sungguh Allah telah mewajibkan kebebasan sumpahmu, sedang Allah itu adalah pemimpinmu, dan dia Maha mengetahui lagi bijaksana.

(Surah At-Tahrim, ayat 2).

Adapun yang dimaksudkan dengan *"kebebasan sumpah"* dalam ayat ini, ialah sumpah yang tidak boleh diteruskan kerana sesuatu hal. Maka untuk kebebasannya, seseorang wajib mengisi dendanya yang disebut "kifarat" dari sumpah itu.

Sumpah yang mewajibkan kifarat ialah, bila sumpah itu telah mengenai orang yang bersumpah itu kerana melanggar.

Pertama: Kerana sumpah itu susah atau dilarang meneruskannya. Seperti kata seseorang: Demi Allah, aku tidak akan makan selama tiga hari ini. Atau: Demi Allah, aku tidak akan meminum madu lagi dan sebagainya.

Kedua: Rujuk semula dari sumpah kerana ada sesuatu pertimbangan: Bahawa melanggar lebih baik daripada meneruskannya. Umpamanya sumpah dusta dan sebagainya.

Dalam sebuah hadis dinyatakan sebagai berikut:

عَنْ أَبِى مُوْسَى الْاَشْعَرِى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: وَإِنِّى وَاللهِ إِنْ شَاءَ اللهُ لَا أَحْلِفُ عَلَى يَمِيْنٍ فَأَرَى خَيْرًا مِنْهَا إِلَّا كَفَّرْتُ عَنْ يَمِيْنِى وَأَتَيْتُ الَّذِى هُوَ خَيْرٌ.

رواه مسلم والنسائى

Dari Abu Al-Asy'ari r.a. ia berkatta: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Dan sesungguhnya aku, demi Allah jika Allah menghendaki, tidaklah aku bersumpah atas sesuatu sumpah, lalu aku melihat yang lebih baik daripadanya, melainkan aku membayar kifarat sumpahku itu, dan aku datangkanlah sesuatu yang lebih baik itu."

(Riwayat Muslim dan Nasai).

Begitulah sumpah yang mewajibkan kaffarah.

7. SURAT MENYURAT

Surat menyurat ini adalah alat bukti yang tertulis di atas kertas, bila surat menyurat itu dibubuhi tandatangan yang sah dari yang bersangkutan. Itulah sebabnya, dalam perkara jual beli atau gadai menggadai dan lain-lain. Persoalan yang berisi *"ikatan"* (ijab kabul) diperlukan surat menyurat, gunanya untuk menghindarkan pertengkaran dan perselisihan di kemudian hari.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَأَشْهِدُوْا إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلاَ يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلاَ شَهِيْدٌ*

سورة البقرة اية ٢٨٢

Dan saksikanlah olehmu, bila kamu telah berjual beli, dan tidak boleh diberati jurutulis dan tidak pula orang yang jadi saksi.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

Dalam ayat sebelumnya Allah berfirman pula:

إِذَا تَدَايَنْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاكْتُبُوْهُ*

سورة البقرة اية ٢٨٢

Bila kamu berhutang dengan sesuatu hutang hingga waktu yang di-janjikan, maka tuliskanlah hutang itu.

(Surah Al-Baqarah, ayat 282).

Dengan adanya surat menyurat tersebut akan mudahlah persoalannya bila terjadi perselisihan atau pertengkaran di kemudian hari, apalagi kalau persoalannya telah sampai di mahkamah.

BAB NAZAR

1. ERTI NAZAR

Nazar ertinya janji untuk berbuat baik. Menurut istilah Syarak bererti: Kemestian atau kewajipan berbuat sesuatu kebaikan, yang disebabkan oleh perkataan yang dikeluarkan. Umpamanya: Hak bagi Allah dan jadi hutang di atas diriku sembahyang dua rakaat, atau berpuasa tiga hari jika penyakitku telah sembuh dan sebagainya. Atau: Jika aku lulus dari ujian sekolahku, aku akan bersedekah sebanyak $1,000 (seribu) dan lain-lainnya.

Maka nazar ini wajib dibayar bila penyakit telah sembuh atau maksud telah tercapai.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ نَفَقَةٍ أَوْ نَذَرْتُمْ مِنْ نَذْرٍ فَإِنَّ اللهَ يَعْلَمُهُ وَمَا لِلظَّالِمِيْنَ مِنْ أَنْصَارٍ*

سورة البقرة اية ٢٧٠

Dan barang yang telah kamu belanjakan dari sesuatu perbelanjaan, atau kamu bernazar dari sesuatu nazar, maka sesungguhnya Allah telah mengetahuinya, dan tidaklah ada pertolongan bagi orang yang aniaya.

(Surah Al-Baqarah, ayat 270).

Adapun orang yang bernazar itu disyaratkan:

1. Islam,
2. Mukallaf,
3. Cerdik.

Maka tidaklah sah nazar orang yang kafir, anak-anak, orang gila dan nazar orang yang kurang fikiran.

2. YANG TIDAK BOLEH DINAZARKAN

Yang tidak boleh dinazarkan ialah:

Pertama: Barang yang wajib dikerjakan menurut syarak, umpamanya sembahyang lima waktu (sembahyang wajib), puasa dan sebagainya. Sebab yang dikatakan nazar, ialah sebab yang menjadikan wajib barang yang sesungguhnya tidak wajib hukumnya menurut syarak. Sedang sembahyang lima waktu adalah sembahyang yang sudah wajib.

Kedua: Barang yang tidak dapat dikerjakan kerana berat, sukar dan sebagainya.

Ketiga: Perbuatan yang maksiat, sebab melanggar aturan Tuhan, sedang nazar itu gunanya untuk menghampirkan diri kepada Tuhan, bukan untuk menjauhi-Nya.

Keempat: Barang yang tidak dimiliki, biar hamba ataupun orang yang merdeka.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لَا وَفَاءَ لِنَذْرٍ فِي مَعْصِيَةٍ وَلَا فِيْمَا لَا يَمْلِكُ الْعَبْدُ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Imran bin Hushain r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidak boleh menyempurnakan nazar dalam perkara maksiat, dan tidak pula pada sesuatu barang yang tidak dimiliki oleh seorang hamba (manusia)."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Keterangan menyatakan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ فِى رَجُلٍ نَذَرَ أَنْ يَقُوْمَ وَلاَ يَقْعُدَ وَلاَ يَسْتَظِلَّ وَلاَ يَتَكَلَّمَ وَيَصُوْمَ مُرْهُ فَلْيَتَكَلَّمْ وَلْيَسْتَظِلَّ وَلْيَقْعُدْ وَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ. رواه البخارى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. dalam perkara seorang laki-laki yang bernazar, ia berkata akan berdiri terus, tidak akan duduk, tidak akan berlindung, tidak akan berkata-kata dan akan puasa terus, katanya: "Suruhlah dia supaya berkata-kata, berlindung, duduk, dan hendaklah ia sempurnakan puasanya."

(Riwayat Bukhari).

Nazar seperti ini tidak boleh, sebab membahayakan diri.

3. NAZAR MAYAT WAJIB DIBAYARKAN

Seseorang yang telah bernazar, kemudian ia mati sebelum nazar itu disempurnakannya, wajiblah atas walinya membayarkannya.

Keterangan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: اِسْتَفْتَى سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فِى نَذْرٍ كَانَ عَلَى أُمِّهِ تُوُفِّيَتْ قَبْلَ قَضَائِهِ فَقَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: فَاقْضِهِ عَنْهَا. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Pernah Sa'ad bin Ubadah meminta keterangan kepada Rasulullah s.a.w. dalam perkara nazar yang wajib atas ibunya yang telah meninggal dunia sebelum nazar itu

dapat dibayarkan. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hendaklah engkau bayarkan nazarnya itu."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

4. BERNAZAR KE TEMPAT-TEMPAT TERTENTU

Bernazar menyembelih binatang ternak ke sesuatu tempat tertentu diharuskan (dibolehkan) oleh agama. Seperti perkuburan di pinggir sungai dan lain-lainnya. Dan wajiblah nazar itu disempurnakan, asal di tempat itu tidak ada berhala, patung, dan tidak pula untuk memuja-muja sesuatu makhluk, seperti jin dan lain-lainnya. Kalau nazar itu disengaja untuk salah satu tersebut di atas itu, maka tidak wajib menyempurnakannya, kerana dianggap maksiat. Sebab nazar ini tidak lain hanyalah kerana Allah semata-mata.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ اِمْرَأَةً قَالَتْ: يَا رَسُوْلَ اللهِ إِنِّى نَذَرْتُ أَنْ أَنْحَرَ بِمَكَانِ كَذَا وَكَذَا مَكَانٌ كَانَ يَذْبَحُ فِيْهِ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ قَالَ: لِصَنَمٍ قَالَتْ: لَا قَالَ: لِوَثَنٍ قَالَتْ: لَا قَالَ: أَوْفِ بِنَذْرِكَ.

رواه ابو داود

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya, bahawa seorang perempuan pernah bertanya: "Ya Rasulullah! Sesungguhnya aku pernah bernazar menyembelih (binatang ternak) ke tempat itu dan itu. Iaitu tempat yang pernah orang Jahiliah menyembelih padanya." Rasulullah s.a.w. menjawab: "Apakah untuk memuliakan patung?" Perempuan itu menjawab: "Bukan." Rasulullah s.a.w. bertanya lagi: "Apakah untuk memuliakan patung?" Perempuan itu menjawab: "Bukan." Rasulullah bersabda lagi: "Sempurnakanlah nazar engkau."

(Riwayat Abu Daud).

Berkata Khitabi: "Ini adalah menurut mazhab Syafii." (Dalam Subulussalam), – Selagi tidak ada di tempat itu, sesuatu dari amal orang-orang Jahiliah (Kebesaran orang-orang Jahiliah).

5. NAZAR YANG MEWAJIBKAN KIFARAT

Sebagaimana keadaannya sumpah, begitu pulalah keadaan nazar, iaitu bila nazar itu tidak dipenuhi oleh orang yang bernazar, maka wajiblah membayar kifaratnya:

Pertama: Kerana nazar itu dalam perkara yang maksiat, ketika itu haram memenuhi nazar itu.

Kedua: Pada barang yang tidak dapat dikerjakan, kerana berat, susah dan sebagainya.

Ketiga: Kerana nazar itu tidak disebutkan, umpamanya seseorang mengatakan: "Jika penyakitku sembuh aku bernazar" dan sebagainya. Tidak disebutkannya apa nazarnya itu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: مَنْ نَذَرَ نَذْرًا لَمْ يُسَمِّيْهِ فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ الْيَمِيْنِ وَمَنْ نَذَرَ نَذْرًا فِي مَعْصِيَّةٍ فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ يَمِيْنٍ وَمَنْ نَذَرَ نَذْرًا لَا يُطِيْقُهُ فَكَفَّارَتُهُ كَفَّارَةُ يَمِيْنٍ وَمَنْ نَذَرَ نَذْرًا أَطَاقَهُ فَلْيَفِ بِهِ.

رواه ابو داود والترمذى بسند صحيح

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesiapa yang bernazar dengan sesuatu nazar yang tidak disebutkannya, maka kifaratnya ialah kifarat sumpah. Dan sesiapa yang bernazar dengan sesuatu nazar dalam perkara maksiat, maka kifaratnya ialah kifarat sumpah, dan sesiapa yang bernazar dengan suatu nazar tidak dapat dikerjakannya maka kifaratnya ialah kifarat sumpah, dan sesiapa yang bernazar dengan suatu nazar yang dapat dilakukannya maka hendaklah ia sempurnakan nazarnya itu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Sabda Rasulullah s.a.w. pula:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: كَفَّارَةُ النَّذْرِ كَفَّارَةُ يَمِيْنٍ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Uqbah bin Amir, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Kifarat nazar ialah kifarat sumpah."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Berkata Syafii dan Malik: Tidak wajib **kifarat dalam nazar** maksiat, sebab nazarnya itu tidak sah. Adapun **hadis yang menyebutkan** kifarat itu hanyalah sekadar **herdik dan menakutkan saja, supaya seseorang jangan bernazar dalam perkara maksiat.**

6. KIFARAT SUMPAH DAN NAZAR

Kifarat sumpah dan nazar itu secara berurutan, ialah:

Pertama: Memberi makanan sepuluh orang miskin dengan makanan yang biasa dimakan sendiri, atau

Kedua: Memberi pakaian mereka seramai sepuluh orang dengan sesuatu yang dinamakan pakaian, seperti baju, sarung atau serban dan sebagainya, atau

Ketiga: Memerdekakan hamba, atau

Keempat: Puasa tiga hari apabila yang tiga macam di atas tidak dapat.

Firman Allah s.w.t.:

لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللهُ بِاللَّغْوِ فِى أَيْمَانِكُمْ وَلٰكِنْ يُؤَاخِذُكُمْ بِمَا عَقَّدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَّارَتُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسَاكِيْنَ مِنْ أَوْسَطِ مَا تُطْعِمُوْنَ أَهْلِيْكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيْرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ذٰلِكَ كَفَّارَةُ أَيْمَانِكُمْ إِذَا حَلَفْتُمْ وَاحْفَظُوْا أَيْمَانَكُمْ.

سورة المائدة اية ٨٩

Allah tidak memberatimu dalam perkara sumpah yang tidak kamu sengaja, tetapi Dia memberatimu dengan sesuatu yang telah kamu sengaja akan bersumpah. Maka kifaratnya ialah memberi makan orang miskin dengan makanan yang biasa yang kamu berikan kepada keluargamu, atau memberi pakaian mereka atau memerdekakan seorang hamba. Sesiapa yang tidak memperolehnya, maka wajiblah puasa tiga hari. Demikianlah kifarat sumpahmu apabila kamu bersumpah, dan berhati-hatilah menjaga sumpahmu itu.

(Surah Al-Maidah, ayat 89).

Ketiga-tiga macam di atas itu boleh dipilih, mana yang akan dibayarkan. Yang lebih baik ialah mengumpulkannya ertinya membayar ketiga-tiganya, kalau kuat. Bila seseorang memilih macam yang pertama, iaitu memberi makanan sepuluh orang fakir miskin, hendaklah ia berikan makanan kepada masing-masing fakir miskin secupak dengan ukuran cupak di masa Nabi s.a.w.

Keterangan:

عَنْ نَافِعٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ: كَانَ ابْنُ عُمَرَ يُعْطِى زَكَاةَ رَمَضَانَ بِمُدِّ النَّبِيِّ ﷺ الْمُدِّ الْاَوَّلِ وَفِى كَفَّارَةِ الْيَمِيْنِ بِمُدِّ النَّبِيِّ ﷺ.

رواه البخارى

Dari Nafi' r.a. ia berkata: "Adalah Ibnu Umar r.a. mengeluarkan zakat bulan Ramadan (zakat fitrah) dengan cupak Nabi s.a.w. iaitu cupak yang mula-mula (dipakai oleh Nabi), dan pada kifarat sumpah dengan cupak Nabi s.a.w."

(Riwayat Bukhari).

Berkata pengarang kitab At-Tajul Jami': Mud Nabi s.a.w.ialah satu sepertiga kati dengan timbangan kati negeri Baghdad.

KITAB JIHAD

1. ERTI JIHAD DAN GUNANYA PERANG DISYARIATKAN

Jihad ertinya perjuangan yang meliputi, dan dilakukan dengan lisan, tulisan dan dengan senjata.

Firman Allah s.w.t.:

وَقَاتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ الَّذِيْنَ يُقَاتِلُوْنَكُمْ وَلَا تَعْتَدُوْا إِنَّ اللهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ* سورة البقرة اية ١٩٠

Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu dan janganlah melanggar batas, sesungguhnya Tuhan tidak menyukai orang-orang yang melanggar batas.

(Surah Al-Baqarah ayat 190).

Perang disyariatkan dalam agama Islam adalah untuk membela dan meninggikan "Kalimatullah" ertinya ialah agar supaya ajaran-ajaran Islam yang tinggi dan mulia itu dapat terpelihara jangan sampai dirosak dan dihalangi oleh golongan-golongan perosak yang hendak mencederai (memfitnah) ajaran-ajaran Islam yang suci itu.

Cara memelihara ketinggian Kalimatullah itu adalah dengan: Menghilangkan segala fitnah yang dilemparkan terhadap Islam atau menghilangkan kafir dan musyrik dari hati manusia dengan cara lisan atau tulisan; kalau fitnah itu tidak juga hilang dengan lisan atau tulisan, maka barulah dengan jalan lain seperti kekerasan atau perang.

Firman Allah s.w.t.:

وَقَاتِلُوْهُمْ حَتَّى لَا تَكُوْنَ فِتْنَةٌ وَيَكُوْنَ الدِّيْنُ لِلّٰهِ فَإِنِ انْتَهَوْا فَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِيْنَ*

سورة البقرة اية ١٩٣

Dan perangilah mereka sampai habis fitnah, dan agama hanya untuk Allah, tetapi kalau mereka berhenti, maka habislah permusuhan, melainkan terhadap orang-orang yang zalim.

(Surah Al-Baqarah ayat 193).

Menolak kezaliman, sebab orang-orang yang nuraninya belum tersentuh oleh rasa keislaman pada umumnya bagi mereka sama saja yang hak dan yang batil. Hingga banyak di antara mereka yang tidak memuliakan hak-hak asasi manusia dan hak-hak ketuhanan, oleh sebab itulah sering terjadi kezaliman dan penganiayaan antara manusia dan golongan. Kezaliman adalah tiada kebebasan manusia dalam melakukan tugasnya dan kewajipan jasmaniah dan rohaniah sebagai manusia peribadi atau keluarga dan bangsa.

Firman Allah s.w.t.:

أُذِنَ لِلَّذِيْنَ يُقَاتَلُوْنَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوْا وَإِنَّ اللّٰهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيْرٌ*

سورة الحج اية ٣٩

Diizinkan (untuk berperang) kepada orang-orang yang diperangi disebabkan mereka teraniaya dan sesungguhnya Tuhan itu berkuasa untuk menolong mereka. (Surah Al-Haj, ayat 39).

Perang yang tersebut di atas, dinamakan *Perang Sabil* ertinya berperang di jalan Allah untuk menegakkan kesucian agama-Nya.

2. HUKUM BERPERANG

Menurut kitab Bidayatul Mujtahid tentang hukum perang adalah Jumhur ulama berpendapat bahawa *Hukum Perang* (jihad) itu adalah *Wajib (Fardu).*

Berdasarkan Nas Quran yang berbunyi:

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوْا شَيْئًا وَّهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَىٰ أَنْ تُحِبُّوْا شَيْئًا وَهُوَ شَرٌّ لَّكُمْ*

سورة البقرة اية ٢١٦

Diwajibkan kepada kamu berperang, sedang perang itu kamu benci. Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi (pula) kamu menyukai sesuatu pada hal ia amat buruk bagimu.

(Surah Al-Baqarah ayat 216).

Mengenai masalah Fardu hukum perang ini ada dua pendapat ulama.

1. Fardu ain dengan mengambil kekuatan dari ayat di atas.
2. Fardu kifayah berdasarkan nas Quran pada surah Al-Taubah, ayat 122.

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُوْنَ لِيَنْفِرُوْا كَآفَّةً فَلَوْ لَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِيَتَفَقَّهُوْا فِى الدِّيْنِ وَلِيُنْذِرُوْا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوْا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُوْنَ*

سورة التوبة اية ١٢٢

Tiada sepatutnya orang-orang yang beriman itu berangkat semua (ke medan perang). Mengapa tidak pula berangkat satu rombongan dari tiap-tiap golongan itu untuk mempelajari perkara agama, su-

paya mereka dapat memberikan peringatan kepada kaumnya bila telah kembali kepada mereka. Mudah-mudahan mereka berhati takut.

(Surah At-Taubah ayat 122).

Keterangan ini ditambahkan bahawa Rasulullah s.a.w. tidak pernah keluar ke medan perang tanpa membahagi dengan meninggalkan sebahagian di garis belakang.

Fardu kifayah ini dapat berubah menjadi fardu ain hukumnya, bila orang-orang kafir telah memasuki negeri Islam. Dalam keadaan demikian wajiblah atas tiap-tiap orang melakukan peperangan, sebagaimana akan datang keterangannya. Siapa-siapa yang tidak ikut perang adalah berdosa. Ayat-ayat Al-Quran sangat banyak sekali menyuruh supaya melakukan peperangan terhadap kaum kafir, begitu juga hadis-hadis Nabi s.a.w. Umat Islam diperintah supaya memerangi mereka dengan harta, diri dan dengan lidah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: جَاهِـدُوا الْمُشْرِكِيْنَ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَأَلْسِنَتِكُمْ.

رواه ابو داود والنسائى

Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah bersabda: "Perangilah olehmu orang-orang musyrik itu dengan harta bendamu, dengan dirimu dan dengan lidahmu."

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

3. MACAM-MACAM FARDU KIFAYAH

1. Mempelajari ilmu syariat (agama), seperti tafsir Al-Quran, hadis, fiqah Islam dan apa-apa yang bersangkutan dengan itu, hingga seseorang dapat menjadi kadi dan mufti dalam negeri, kerana hal ini sangat diperlukan sekali.
2. Mengutarakan dalil-dalil baik secara nakli mahupun secara akli untuk menetapkan wujud dan keEsaan Tuhan serta yang bersangkutan dengan itu.
3. Menolak bahaya dari jiwa yang muhsanat (yang dipelihara). Iaitu jiwa orang-orang Islam, kafir zimmi dan orang kafir yang meminta perlindungan dan lain-lain.

4. Amar makruf dan nahi mungkar. Ertinya, menyuruh berbuat baik dan melarang berbuat mungkar.
5. Menjadi saksi dalam sesuatu perkara bagi orang-orang yang boleh menjadi saksi, apabila orang yang terdakwa telah datang. Syarat kalau saksi yang lain tidak ada atau sukar mencarinya.
6. Membayarkan hak saksi, apabila saksi itu melebihi batas yang tertentu menurut perkara yang dihadapi, misalnya saksi dalam perkara zina, maka harus empat orang laki-laki. Dalam perkara akad, harta benda atau lainnya, maka boleh dua orang laki-laki atau seorang laki-laki dan dua orang perempuan. Jika saksi-saksi itu tidak cukup melainkan dengan dia, yakni; tidak ada orang pengganti melainkan saksi-saksi yang ada itu, maka membayarkan hak saksi ketika itu hukumnya fardu ain.
7. Menyemarakkan syiar Kaabah, dengan jalan naik haji dan umrah pada tiap-tiap tahun.
8. Mengurus jenazah, umpamanya memandikan, menyembahyangkan, mengubur dan lain-lain sebagainya.
9. Menjawab salam orang yang memberi salam (bukan salam sehabis sembahyang). Sedang memulainya itu hanya sunat hukumnya.
10. Mendirikan sembahyang berjemaah di kampung-kampung dan di desa-desa dan lain-lainnya.

4. PANGGILAN MASUK ISLAM

Berkata Professor Abdul Wahab Khallaf, dalam kitabnya:

As-Siyasah Asy-Syaria'ah: Berbeza-beza pendapat orang mengenai dasar perhubungan antara pemerintahan Islam dengan pemerintah yang bukan Islam. Berkata satu golongan dari mereka, "Sesungguhnya Islam selalu menyuruh mengajak orang yang bukan beragama Islam supaya mereka memeluk Islam. Cara melakukan panggilan ada dua macam: panggilan dengan lisan dan panggilan dengan senjata. Sesiapa yang telah dipanggil dengan lisan dan mereka belum juga mahu memperkenankan panggilan itu, wajiblah atas kaum Muslimin memanggil mereka dengan pedang atau dengan peperangan. Bila mereka termasuk kaum musyrik Arab, tidaklah boleh mereka menahan-nahan diri untuk memerangi mereka sampai mereka masuk Islam. Dan jika mereka dari Ahli Kitab atau musyrik yang bukan orang Arab, tidak boleh mereka menahan-nahan untuk memerangi mereka sampai mereka masuk Islam, atau mereka mahu membayar pajak dikeluarkannya dari tangan mereka sendiri. Dan sebelum sampai kepada tujuan ini, tidak boleh menjamin keselamatan mereka. Tidak halal menahan-

nahan untuk memerangi mereka melainkan apabila keadaan darurat. Iaitu bahawa keadaan kaum Muslimin masih lemah, sedang lawan sangat kuat. Ketika ini boleh membuat perdamaian dalam waktu yang terbatas sambil menyediakan persiapan perang."

Pendapat ini mengambil dalil dari beberapa ayat Quran dan Hadis Nabi s.a.w di antaranya:

1. Bahawa Allah memerintahkan di dalam kitab-Nya yang mulia (Al-Quran), supaya memerangi orang yang bukan Islam, hingga mereka memeluk Islam, atau mereka membayar pajak. Adalah merupakan perintah yang mutlak tidak terikat, iaitu, bahawa peperangan itu hanya semata-mata untuk menghilangkan permusuhan, atau bahawa pajak itu hanya di dalam menghadapi perang saja. (Bukanlah begitu perintah Tuhan).
2. Sabda Nabi s.a.w. yang berbunyi:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَشْهَدُوْا أَنْ لَآ إِلٰهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُوْلُ اللهِ وَيُقِيْمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوْا ذٰلِكَ عَصَمُوْا مِنِّى دِمَاءَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ إِلَّا بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Aku diperintah untuk memerangi manusia hingga mereka mengaku, bahawa tiada Tuhan selain Allah, dan bahawa Muhammad Rasulullah (utusan-Nya), dan mahu mengeluarkan zakat. Apabila mereka telah mengerjakan yang demikian, terpeliharalah darah mereka dan harta mereka daripadaku, kecuali dengan hak Islam dan perhitungan mereka dengan Allah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. Sesungguhnya Allah telah melarang orang-orang mukmin mengangkat orang-orang kafir menjadi pemimpin mereka, dan menjatuhkan kasih sayang kepada mereka.

Firman Allah s.w.t.:

لَا يَتَّخِذِ الْمُؤْمِنُوْنَ الْكَافِرِيْنَ أَوْلِيَآءَ مِنْ دُوْنِ الْمُؤْمِنِيْنَ*

سورة ال عمران اية ٢٨

Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi wali dengan meninggalkan orang-orang mukmin."
(Surah Ali Imran ayat 28. Demikian juga dalam surah Mumtahinah ayat 13).

4. Bahawa orang yang sudah diajak memeluk agama Islam dengan jalan yang sihat dan baik, tidak ada jalan bagi mereka buat tinggal dalam agama lainnya. Sebab Allah s.w.t. sudah menguji kesukaran-kesukaran mereka itu (alasan-alasan yang mereka kemukakan) iaitu dengan dalil yang ditegakkannya atas keesaan, dan dengan dalil itu nampak kebenaran rasul-Nya. Dan ketika mereka tidak mahu juga memperkenankan ajakan itu, dengan hikmat dan ajaran-ajaran yang baik, sedang jalan tidak ada pula bagi mereka untuk tinggal dalam keengganan, maka tiada jalan selain bahawa kita halau mereka kepada kebajikan untuk mereka dan menunjuki mereka dengan cara-cara kekerasan.

Orang-orang yang mempunyai fikiran dan pendapat begini, termasuklah As-Siyasah Asy-Syari'ah, mereka berdasarkan politik luar negeri, untuk Negara Islam di atas sendi-sendi yang akan datang ini, antara lain yang penting ialah:

1. Jihad ialah wajib hukumnya, dan tidak halal ditinggalkan. Seterusnya dinyatakan: Dan apabila umat Islam memulai peperangan, maka perang itu fardu ain hukumnya di atas tiap-tiap muslim yang ahli jihad. Dan apabila mereka tidak memulai, maka hukumnya adalah fardu kifayah.
2. Bahawa dasar hubungan antara umat Islam dan yang bukan Islam, dalam agama ialah perang, selama belum ada datang yang menyebabkan perdamaian, yang disebabkan oleh iman, atau dijamin keamanannya, sama ada dibatasi mahupun tidak.
   Seterusnya dinyatakan:
3. Ada DARUL ISLAM. Iaitu Negara Islam yang di dalamnya berlaku hukum Islam. Dan orang-orang yang ada di dalamnya dijamin keamanannya, menurut keamanan kaum muslimin. Baik mereka orang Islam mahupun kafir zimmi (kafir yang mahu membayar pajak).

Dan ada pula DARUL HARAB. Iaitu Negara Kafir, di mana di dalamnya tidak berlaku hukum Islam. Dan orang-orang yang ada di dalamnya, keamanannya tidak dijamin menurut jaminan orang-orang Islam.

Segolongan lain dari ulama-ulama berpendapat, demikian As-Siasah As-Syar'iyah – bahawa dasar hubungan negara Islam dengan negara yang bukan Islam, tidak merubah apa yang telah ditetapkan oleh ahli Negara (Negarawan) sebagai dasar pokok, untuk hubungan negara-negara sekarang ini – Dan bahawa Islam selalu condong untuk berdamai dan tidak untuk perang – Islam tidak membenarkan membunuh sesuatu diri kerana semata-mata beragama dengan agama yang bukan Islam. Dan tidak membenarkan umat Islam membunuh orang-orang yang berlainan agama dari mereka – Hanya mereka dibenarkan dan diizinkan membunuh mereka kalau mereka telah menganiaya terhadap umat Islam – Atau mereka letakkan batu penarung di tengah-tengah jalan dakwah Islam. Maka ketika ini wajib hukumnya berperang sebagai pertahanan terhadap musuh, dan pertahanan bagi dakwah agama Islam. Mereka mengambil alasan dengan beberapa keterangan, iaitu:

1. Bahawa ayat-ayat perang yang dinyatakan Allah di dalam Al-Quran, kebanyakannya datang (terdapat) dalam surah-surah yang turun di Mekah. Sedang surah-surah yang turun di Madinah hanya menyatakan sebab-sebab perang diizinkan. Iaitu kembali kepada salah satu dua perkerjaan: MENENTANG KEZALIMAN atau MENGHANCURKAN FITNAH SERTA MENJAGA DAKWAH. Seterusnya Abdul Wahab Khallaf berkata:
2. Atas kesepakatan majoriti umat Islam, bahawa tidak halal membunuh kaum wanita, anak-anak, pendita-pendita, orang-orang tua, orang buta, orang lumpuh dan sebagainya. Sebab mereka bukanlah dari orang yang memerangi atau bukan termasuk ahli perang. Seterusnya ia berkata:
3. Bahawa jalan paksaan bukanlah termasuk jalan dakwah kepada agama. Sebab agama dasarnya hanyalah kepercayaan di dalam hati dan iktikad. Dasar ini hanya dapat ditegakkan dengan jalan berhujjah (bertukar fikiran atau berdiskusi), bukan dengan pedang. Oleh kerana itu Allah berfirman: TIDAK ADA PAKSAAN DALAM AGAMA, SUNGGUH SUDAH NYATA YANG BENAR DARI YANG SALAH.

Orang-orang yang mempunyai pendapat ini ialah bahawa politik luar negeri negara Islam mereka dasarkan di atas sendi-sendi sebagai berikut, antara lain:

1. Bahawa dakwah dan ajakan masuk Islam terhadap orang yang bukan Islam, ialah fardu kifayah di atas umat Islam.
2. Bahawa dasar hubungan antara umat Islam dan yang bukan Islam ialah damai, selama belum datang barang yang mewajibkan perang – Iaitu, penganiayaan terhadap umat Islam atau melawan dakwah mereka dan meletakkan batu penarung di jalannya.
3. Ada DARUL ISLAM dan DARUL HARAB. Adapun umat yang bukan Islam, yang tidak memulai permusuhan terhadap orang Islam dan mereka tidak menghalangi dakwah Islam, serta mereka biarkan umat Islam merdeka mengembangkan ajaran agama mereka terhadap siapa yang mereka kehendaki, maka mereka ini tidak halal pula diperangi dan tidak halal pula memutuskan hubungan perdamaian dan keamanan antaranya dan antara umat Islam.

Demikian antara lain, Professor Abdul Wahab Khallaf – seterusnya ia berkata: "Bahawa kesimpulan perbezaan antara kedua pendapat ini ialah: Bahawa pendapat pertama mengatakan: Jihad disyariatkan atas dasar, bahawa itu adalah salah satu jalan dari jalan dakwah kepada Islam – Atas dasar pengertian, bahawa orang yang bukan Islam harus memeluk agama Islam – Pertama mereka masuk secara rela, dengan ajaran hikmat kebijaksanaan dan dengan cara yang baik – Kedua mereka masuk secara paksa, dengan jalan jihad dan peperangan.

Sedang pendapat yang kedua berdasarkan atas bahawasanya jihad disyariatkan untuk mempertahankan dakwah Islamiah dan untuk menolak musuh terhadap umat Islam.

Bagi orang yang tidak memperkenankan ajakan itu tetapi ia tidak menentang dan tidak pula memulai permusuhan terhadap umat Islam, mereka tidak halal dibunuh (diperang), dan tidak halal pula menukar keamanannya, dengan rasa cemas dan ketakutan.

(Demikian As-Siyasah As-Syariyah).

5. SYARAT-SYARAT WAJIB BERPERANG

Syarat-syarat orang yang wajib atasnya berjihad ialah:

Pertama: Orang Islam, tidaklah wajib berperang atas orang kafir walau kafir zimmi sekalipun.

Firman Allah s.w.t.:

يٰٓاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا قَاتِلُوا الَّذِيْنَ يَلُوْنَكُمْ مِنَ الْكُفَّارِ*

سورة التوبة اية ١٢٣

Hai orang-orang yang beriman! Perangilah orang-orang kafir yang dikeliling kamu itu.

(Surah At-Taubah ayat 123).

Kedua: Baligh lagi berakal, maka tidaklah wajib berperang atas anak-anak. Sebab Rasulullah s.a.w. menolak Ibnu Umar yang baru berumur 10 tahun untuk ikut ke medan perang. Kemudian ketika ia telah berumur 15 tahun barulah ia diizinkan ikut berperang. (Lihat masalah baligh dan mahjur alaih).

Ketiga: Laki-laki, bagi kaum wanita tidaklah wajib berperang.

Firman Allah s.w.t.:

يٰٓاَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِيْنَ عَلَى الْقِتَالِ*

سورة الأنفال اية ٦٥

Hai Nabi korbankanlah semangat orang-orang mukmin itu untuk berperang.

(Surah Al-Anfal ayat 65).

Kata-kata mukmin di sini ditujukan kepada laki-laki saja, tidak kepada perempuan.

Keempat: Merdeka, tidaklah wajib berperang atas golongan hamba, kerana dia di bawah kekuasaan orang lain, sedang peperangan adalah dengan harta dan jiwa sedang hamba pada hakikatnya dimiliki oleh tuannya.

Kelima: Orang yang kuasa untuk mengangkat senjata. Tidaklah wajib berperang bagi orang yang sakit, orang buta dan sebagainya.

Firman Allah s.w.t.:

لَيْسَ عَلَى الْاَعْمٰى حَرَجٌ وَّلَا عَلَى الْاَعْرَجِ حَرَجٌ وَّلَا عَلَى الْمَرِيْضِ حَرَجٌ*

سورة النور اية ٦١

Tidaklah ada dosa orang yang buta, dan tidak pula atas orang yang pincang, dan tidak pula atas orang yang sakit.

(Surah An-Nur, ayat 61).

6. JIHAD BAGI WANITA

Berjihad bagi kaum perempuan yang tidak kurang pahalanya dari peperangan berlumuran darah bagi kaum laki-laki di medan perang, ialah haji dan umrah.

Keterangan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: قُلْتُ: يَا رَسُوْلَ اللهِ عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ قَالَ: نَعَمْ جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيْهِ الْحَجُّ وَالْعُمْرَةُ.

رواه البيهقى وابن ماجة

Dari Aisyah r.a. ia berkata: Pernah aku bertanya: "Ya Rasulullah wajibkah atas kaum wanita berperang?" Nabi menjawab: "Ya, akan tetapi peperangannya tidaklah berbunuh-bunuhan padanya, iaitu haji dan umrah."

(Riwayat Baihaqi dan Ibnu Majah).

Dikatakan haji dan umrah itu peperangan untuk kaum wanita, kerana melihat kesusahan dan kepayahan mereka dalam mengerjakan kedua ibadat itu. Sebagai kaum yang lemah maka kesusahan dan kepayahan mereka dalam pekerjaan itu, disamakanlah pahalanya dengan perang berlumuran darah bagi kaum laki-laki di medan perang. Tetapi hadis ini bukan bererti melarang, bila kaum wanita itu mahu pula ikut bertempur ke medan perang dengan laki-laki, sebagaimana akan datang keterangan.

7. ORANG YANG HARAM PERGI PERANG

Orang-orang yang diharamkan pergi perang ialah:

Pertama: Orang yang sedang berhutang banyak, sebab menjaga hak orang yang punya harta (wang), kecuali kalau diizinkan pergi. Hutang-hutang tidak hilang dengan mencapai syahid di medan perang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: يَغْفِرُ اللهُ لِلشَّهِيْدِ إِلاَّ الدَّيْنَ. رواه مسلم

Dari Ibnu Amr bin Ash r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda: "Allah mengampuni dosa orang-orang yang mati syahid dikecualikan perkara hutang piutangnya."

(Riwayat Muslim).

Sebab hutang adalah hak manusia yang harus diselesaikan sesama manusia pula.

Kedua: Orang yang tidak mendapat izin dari kedua ibu bapanya yang beragama Islam. Sebab memberikan perawatan dan berbuat baik kepadanya lebih baik daripada pergi berperang.

Keterangan:

عَنْ مُعَاوِيَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ أَبَاهُ: جَاهِمَةُ جَاءَ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ يَسْتَشِيْرُهُ فِي الْغَزْوِ فَقَالَ: هَلْ لَكَ مِنْ أُمٍّ قَالَ: نَعَمْ قَالَ: فَالْزِمْهَا فَإِنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ رِجْلَيْهَا.

رواه النسائى

Dari Muawiyah r.a. bahawa bapanya, Jahimah pernah datang kepada Nabi s.a.w. hendak berunding tentang pergi berperang, lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Apakah engkau ada ibu?" menjawab: Ia menjawab: Ada. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Temanilah (rawat) dia, kerana sesungguhnya syurga terletak di bawah telapak kakinya."

(Riwayat Nasai).

Maksud berkhidmatlah kepada ibu bapa dengan sebenar-benarnya seolah-olah syurga di bawah telapak kaki ibu bapa, ertinya dengan penuh khidmat padanya, barulah pintu syurga terbuka bagi kita. Sebab kita tunduk kepadanya dalam segala perintahnya yang baik. Begitu juga kalau hendak pergi haji, dan hendak berjalan jauh dan sebagainya.

8. MENGADAKAN PERTAHANAN TERHADAP MUSUH YANG MENYERANG

Bila orang kafir telah menyerang negeri Islam, maka wajiblah (fardu ain) atas tiap-tiap umat Islam untuk mempertahankan dan menolak serangannya, sekalipun atas orang yang tidak diwajibkan pergi perang, seperti orang-orang yang telah tersebut di atas tadi.

Firman Allah s.w.t.:

وَقَاتِلُوْا فِى سَبِيْلِ اللهِ الَّذِيْنَ يُقَاتِلُوْنَكُمْ وَلاَ تَعْتَدُوْا إِنَّ اللهَ لاَ يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ* سورة البقرة اية ١٩٠

Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang datang memerangimu dan janganlah kamu aniaya, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang aniaya.

(Surah Al-Baqarah ayat 190).

Pertahanan menghadapi musuh ada dua tingkat:

1. Mempersiap-siapkan pasukan-pasukan yang terlatih dan teratur dengan persenjataan yang lengkap.

Firman Allah s.w.t.:

وَأَعِدُّوْا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَّمِنْ رِّبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهِبُوْنَ بِهِ عَدُوَّ اللهِ وَعَدُوَّكُمْ* سورة الأنفال اية ٦٠

Dan siapkanlah kekuatan untuk menghadapi mereka sekuat kesanggupan kamu dengan pasukan kuda yang terpaut di sempadan negeri untuk menggentarkan musuh Allah dan musuh kamu.

(Surah Al-Anfal ayat 60).

2. Dengan jalan sendiri-sendiri saja, kalau musuh telah dahulu masuk negeri dengan tiba-tiba, sedang barisan tidak dapat disiapkan lagi. Dalam keadaan ini wajiblah masing-masing orang melawan musuh dengan segala daya dan kesanggupan, dan haram hukumnya menyerah.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ أَبِى أَوْفَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ قَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ لَا تَتَمَنَّوْا لِقَاءَ الْعَدُوِ وَاسْئَلُوْا اللهَ الْعَافِيَةَ فَإِذَا لَقِيْتُمُوْهُمْ فَاصْبِرُوْا وَاعْلَمُوْا أَنَّ الْجَنَّةَ تَحْتَ ظِلَالِ السُّيُوْفِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abdullah bin Abu Aufa r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Hai manusia, janganlah kamu bercita-cita mencari musuh, dan mintalah kepada Tuhan keselamatan, maka bila kamu menjumpai mereka, hendaklah kamu bertahan dan ketahuilah, bahawasanya syurga di bawah bayangan pedang."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Begitu juga fardu ain hukumnya menolong negeri-negeri jiran yang kurang dari musafat qasar, bila anak negeri itu payah melawan orang kafir, begitu juga sebaliknya.

9. PERLAWANAN DILAKUKAN SATU LAWAN DUA

Disunatkan sebelum berangkat ke medan perang, supaya tentera Islam diberi bai'at lebih dahulu, untuk menambah kepercayaan. Bai'at yang dimaksudkan, ialah berjanji dengan pemimpin bahawa tidak akan lari ketika ada penyerbuan atau ketika diserbu musuh.

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِيْنَ عَلَى الْقِتَالِ إِنْ يَّكُنْ مِنْكُمْ عِشْرُوْنَ صَابِرُوْنَ يَغْلِبُوْا مِائَتَيْنِ وَإِنْ يَّكُنْ مِّنْكُمْ مِّائَةٌ يَغْلِبُوْا أَلْفًا مِنَ الَّذِيْنَ كَفَرُوْا بِأَنَّهُمْ قَوْمٌ لَّا يَفْقَهُوْنَ*

سورة الأنفال اية ٦٥

Hai Nabi, korbankanlah semangat orang-orang mukmin itu untuk berperang, jika ada padamu tentera dua puluh orang yang teguh hati, nescaya mengalahkan dua ratus tentera musuh. Dan jika ada padamu seratus orang, nescaya akan dapat mengalahkan seribu orang tentera kafir, sebab mereka orang yang tidak mengerti.

(Surah An-Anfal ayat 65).

Kemudian, kerana perlawanan yang seperti itu terlalu berat bagi kaum Muslimin melakukannya, maka hukum itupun diubah menjadi satu lawan dua. Ertinya seorang tentera Islam wajib mengalahkan dua orang tentera kafir.

Firman Allah s.w.t.:

اَلْئٰنَ خَفَّفَ اللّٰهُ عَنْكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيْكُمْ ضَعْفًا فَإِنْ يَّكُنْ مِّنْكُمْ
مِّائَةٌ صَابِرَةٌ يَّغْلِبُوْا مِائَتَيْنِ وَإِنْ يَّكُنْ مِّنْكُمْ أَلْفٌ يَّغْلِبُوْا أَلْفَيْنِ
بِإِذْنِ اللّٰهِ وَاللّٰهُ مَعَ الصّٰبِرِيْنَ* سورة الانفال اية ٦٦

Sekarang Allah telah memberi keringanan kepadamu dan Ia mengetahui, bahawa di antaramu ada orang yang lemah, maka jika ada di antaramu seratus orang yang berhati tabah, hendaklah mereka mengalahkan dua ratus orang. Dan jika ada di antaramu seribu orang, hendaklah mengalahkan dua ribu orang dengan izin Allah dan Allah berserta orang yang sabar. (Surah Al-Anfal ayat 66).

Hukum ayat ini tetap hingga sekarang dan seterusnya.

Hikmatnya ialah agar umat Islam wajib bertahan dari kaum kafir dalam keadaan satu lawan dua ketika mereka lemah. Sebab umat Islam akan mencapai salah satu di antara dua, syahid atau menang. Sedang orang kafir hanya mencapai satu saja, iaitu kemenangan di dunia semata-mata. Itulah sebabnya umat Islam haram menyerah kepada kaum kafir, bila kaum kafir itu tidak lebih dua kali lipat dari mereka.

(I'anah At-Talibin).

10. PEREMPUAN BOLEH TURUT PERANG SEBAGAI JURURAWAT

Walaupun pahala jihad sudah cukup bagi kaum perempuan dengan mengerjakan haji dan umrah, namun ia dibolehkan juga

ikut ke medan perang berserta kaum laki-laki sebagai jururawat untuk menolong pekerjaan yang dapat dikerjakannya. Seperti menyediakan makanan, ubat, melakukan perawatan terhadap tentera yang luka-luka dan sebagainya.

Keterangan:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: غَزَوْتُ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ سَبْعَ غَزَوَاتٍ أَخْلُفُهُمْ فَأَصْنَعُ لَهُمُ الطَّعَامَ وَأُدَاوِي الْجَرْحَى وَأَقُوْمُ عَلَى الْمَرْضَى.

رواه مسلم

Dari Ummu Athiyah r.a. ia berkata: "Pernah aku berperang berserta Nabi s.a.w. sebanyak tujuh kali dan aku menggantikan mereka dalam kenderaan mereka, lalu aku buatkan makanan bagi mereka, dan aku ubat orang-orang yang luka, dan aku rawat orang-orang yang sakit."

(Riwayat Muslim).

Keterangan lain:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَغْزُو بِأُمِّ سُلَيْمٍ وَنِسْوَةٍ مِنَ الْأَنْصَارِ مَعَهُ فَيَسْقِيْنَ الْمَاءَ وَيُدَاوِيْنَ الْجَرْحَى.

رواه مسلم وابو داود

Dari Anas r.a. ia berkata: "Pernah Nabi s.a.w. pergi berperang berserta Ummu Sulaim dan beberapa orang perempuan kaum Ansar menyertainya, lalu mereka bekerja mencarikan air (mengusahakan minuman) dan mengubati orang-orang sakit."

(Riwayat Muslim dan Abu Ḍaud).

Lebih-lebih lagi di zaman sekarang pendidikan semakin tinggi, ramai perempuan yang bergelar doktor dan menjalankan tugas sebagai doktor perubatan di hospital, klinik, pusat rawatan dan palang merah (Hilal Akmar) bahgian wanita.

BAB MATI SYAHID

Firman Allah s.w.t.:

وَلَا تَحْسَبَنَّ الَّذِيْنَ قُتِلُوْا فِي سَبِيْلِ اللهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاءٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُوْنَ فَرِحِيْنَ بِمَا اٰتَاهُمُ اللهُ مِنْ فَضْلِهِ*

سورة آل عمران اية ١٦٩

Dan janganlah kamu mengira bahawa orang-orang yang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Tuhannya dengan mendapat rezeki, mereka dalam keadaan gembira disebabkan kurnia Allah diberikannya kepada mereka.

(Surah Ali Imran ayat 169).

1. ERTI MATI SYAHID

Orang-orang yang mati syahid, ertinya orang-orang yang matinya disaksikan oleh malaikat yang ramai, dan jiwanya ketika keluar selalu memandang ke syurga. Mati syahid itu ada bermacam-macam pula.

Keterangan:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: اَلشُّهَدَاءُ خَمْسَةٌ اَلْمَطْعُوْنُ وَالْمَبْطُوْنُ وَالْغَرِيْقُ وَصَاحِبُ الْهَدْمِ وَالشَّهِيْدُ فِي سَبِيْلِ اللهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: "Orang yang syahid itu ada lima macam: kerana kolera, sakit perut, mati karam, terhimpit dan syahid di jalan Allah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Tentang pembahagian syahid itu telah diterangkan lebih dahulu dalam bab sembahyang jenazah (lihat jilid 1).

Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang hidup jiwanya di sisi Tuhan, ialah orang-orang yang terbunuh di jalan Allah. Dalam keterangan Nabi s.a.w. dinyatakan: "Bahawa roh orang-orang yang mati di jalan Allah itu tersimpan di dalam rongga burung yang hijau, dan ia terus terbang ke syurga. Roh itu selalu diberi kesenangan oleh Tuhan dengan apa yang diingininya. Ia dibawa terbang oleh burung itu ke mana saja dikehendakinya di dalam syurga itu. Hingga roh itu meminta kepada Tuhan supaya ia dikembalikan lagi ke dalam tubuhnya, supaya ia dapat berperang sekali lagi. Inilah yang dimaksudkan "hidup" di dalam firman Tuhan di atas. Iaitu suka dan berseri-seri kegirangan kerana mendapat apa yang disukainya, walaupun dipandang menurut lahirnya rohnya keluar dari tubuh, nampaknya ia mati, sebenarnya tidak. Selain dari itu, bahawa orang yang mati syahid itu dapat membela keluarganya seramai 70 orang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى الـدَّرْدَاءِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: يُشَفَّعُ الشَّهِيْدُ فِى سَبْعِيْنَ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ. رواه ابو داود

Dari Abu Darda' dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Orang-orang yang mati syahid dapat membela (menolong) seramai 70 orang keluarganya."

(Riwayat Abu Daud).

Maksudnya, orang yang mati syahid itu dapat memberikan *syafaat* (pembelaan) di hari kiamat di hadapan hadrat Allah s.w.t.

2. NIAT BERJIHAD

Untuk mencapai syahid di jalan Allah, hendaklah seseorang berniat di dalam hatinya ketika hendak berangkat ke medan perang, bahawa perjuangan mereka ialah untuk menegakkan agama Allah semata-mata.

Keterangan:

عَنْ أَبِى مُوْسَى رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَقَـالَ: الـرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَغْنَمِ وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلذِّكْرِ

وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرَى مَكَانُهُ فَمَنْ فِى سَبِيْلِ اللهِ قَالَ: مَنْ قَاتَلَ لِتَكُوْنَ كَلِمَةُ اللهِ هِيَ الْعُلْيَا فَهُوَ سَبِيْلِ اللهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Musa r.a. ia berkata: "Pernah datang seorang laki-laki kepada Nabi s.a.w. lalu berkata: Laki-laki yang berperang untuk mengharapkan rampasan, dan laki-laki yang berperang mengharap akan disebut-sebut orang namanya, dan laki-laki yang berperang kerana mengharap untuk dilihat orang keberaniannya, maka siapakah yang berperang di jalan Allah? Rasulullah menjawab: Sesiapa yang berperang dengan niat supaya kalimat Allah tinggi, maka itulah orang yang berperang di jalan Allah."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. HAL-HAL YANG PENTING DALAM PERANG

Hal-hal yang penting dilakukan ketika akan berangkat ke medan perang ialah:

1. Berdoa kepada Tuhan, supaya musuh porak-poranda dan lari cerai-berai.

Keterangan:

عَنْ عَبْدِاللهِ بْنِ أَبِى أَوْفَى أَنَّ رَسُوْلَ اللهِ ﷺ فِى بَعْضِ أَيَّامِهِ الَّتِى لَقِىَ فِيْهَا الْعَدُوَ اِنْتَظَرَ ثُمَّ قَالَ: اَللّٰهُمَّ مُنْزِلَ الْكِتَابِ وَمُجْرِى السَّحَابِ وَهَازِمَ الْاَحْزَابِ اِهْزِمْهُمْ وَانْصُرْنَا عَلَيْهِمْ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abdullah bin Abu Aufa meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. Pernah di saat beliau akan menemui musuhnya beliau berhenti beberapa ketika untuk berdoa kepada Allah: "Ya Allah, Yang menurunkan kitab, yang menghembuskan angin dan yang dapat memecah belahkan tentera musuh, usirlah mereka dan tolonglah kami untuk mengalahkan mereka."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

2. Menjalankan tipu muslihat untuk mengalahkan musuh dengan cara apa saja. Ketika itu dibolehkan berdusta, berbohong atau menipu.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْحَرْبُ خَدْعَةٌ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Peperangan ialah tipu muslihat."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

3. Kod, iaitu tanda-tanda dalam medan perang, agar tentera dapat mengambil pedoman, terutama di dalam gelap atau dalam hutan.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ الْمُهَلَّبِ عَنْ أَبِى صُفْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: أَخْبَرَنِى مَنْ سَمِعَ النَّبِيَّ ﷺ يَقُوْلُ: إِذَا بُيِّتْتُمْ فَلْيَكُنْ شِعَارُكُمْ حَمَ لَا يُنْصَرُوْنَ*

رواه ابو دادو والنسائى

Dari Muhallab bin Abu Shufrah r.a. ia berkata: Telah bercerita kepadaku seseorang yang pernah mendengar Nabi s.a.w. bersabda: "Apabila kamu diserbu di waktu malam maka hendaklah ada tandamu "Haa Miim La Yunsorun".

(Riwayat Abu Daud dan Nasai).

4. BENDERA RASULULLAH S.A.W.

Bendera Rasulullah s.a.w. ada dua macam:

1. Bendera untuk diikatkan di hujung tombak (bayonet), bendera ini dapat disebut bendera perang. Warnanya hitam persegi empat.
2. Bendera yang ditegakkan di tempat-tempat yang tertentu di dalam negeri Islam. Bendera ini dapat dinamakan bendera biasa (besar). Warnanya putih bersih.

Keterangan:

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سُئِلَ عَنْ رَايَةِ النَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ: كَانَتْ سَوْدَاءُ مُرَبَّعَةً مِنْ نَمِرَةٍ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Al-Barak bin Azib r.a. bahawa ia pernah ditanya orang tentang bendera perang Rasulullah s.a.w. maka ia berkata: "Adalah bendera itu berwarna hitam empat persegi dibuat daripada kain bulu."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَتْ رَايَةُ النَّبِيِّ ﷺ سَوْدَاءَ وَلِوَائُهُ أَبْيَضُ. رواه الترمذى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Adalah bendera perang Rasulullah s.a.w. hitam warnanya, dan benderanya yang biasa (bendera besar) warnanya putih."

(Riwayat Tirmizi).

5. ORANG-ORANG YANG TIDAK BOLEH DIBUNUH

Orang-orang yang tidak boleh dibunuh dalam medan perang, ialah:

1. Orang tua yang sudah lanjut umurnya,
2. Anak-anak yang belum baligh berakal,
3. Wanita,
4. Utusan-utusan (delegasi, pengantar surat dan sebagainya).

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ: اِنْطَلِقُوْا بِاسْمِ اللهِ وَبِاللهِ وَعَلَى مِلَّةِ رَسُوْلِ اللهِ وَلاَ تَقْتُلُوْا شَيْخًا فَانِيًا وَلاَ

طِفْلاً صَغِيْرًا وَلاَ امْرَاَةً وَلاَ تَغُلُّوْا وَتَضُمُّوْا غَنَائِمُكُمْ وَأَصْلِحُوْا وَأَحْسِنُوْا إِنَّ اللهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِيْنَ.

رواه ابو داود

Dari Anas r.a. bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Berangkatlah kamu dengan nama Allah dan dengan Allah, dan atas agama Rasulullah. Dan janganlah kamu bunuh orang tua yang sudah lanjut usianya, dan jangan anak-anak kecil, dan jangan pula kaum wanita. Dan janganlah kamu berkhianat, dan kumpulkanlah rampasanmu, dan berbuat baiklah kamu. Sesungguhnya Allah suka kepada orang yang berbuat baik."

(Riwayat Abu Daud).

Sabda Rasulullah pula:

عَنْ نُعَيْمِ بْنِ مَسْعُوْدٍ الْاَشْجَعِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ لِرَسُوْلَيْ مُسَيْلَمَةَ حِيْنَ قَرَأَ كِتَابَهُ: مَا تَقُوْلاَنِ أَنْتُمَا قَالاَ نَقُوْلاَنِ كَمَا قَالَ: قَالَ: أَمَا وَاللهِ لَوْلاَ أَنَّ الرُّسُلَ لاَ تُقْتَلُ لَضَرَبْتُ أَعْنَاقَكُمَا.

رواه ابو داود واحمد

Dari Nuaim bin Mas'ud Al-Asyja'i, bahawa Nabi s.a.w. pernah bersabda kepada dua orang utusan Musailamah, ketika beliau membaca suratnya: "Apakah yang kamu keduanya katakan?" (Bagaimana pendapat kamu keduanya tentang isi surat ini)? Utusan itu menjawab: "Kami keduanya berpendapat, sebagaimana pendapatnya." Nabi berkata: "Demi Allah, kalaulah tidak kerana para utusan itu tidak boleh dibunuh, nescaya aku patahkan batang lehermu keduanya."

(Riwayat Abu Daud dan Ahmad).

6. MATA-MATA MUSUH BOLEH DIBUNUH

Mata-mata, ialah orang-orang yang diutus secara rahsia untuk mengetahui rahsia musuh. Mata-mata ini adakalanya dari pihak kaum kafir dan adakalanya dari pihak Islam sendiri.

Mata-mata yang diutus oleh orang kafir untuk mengetahui rahsia-rahsia umat Islam, seperti pertahanan, cara ekonomi, markas besar dan sebagainya kalau mereka tertangkap boleh dibunuh.

عَنْ سَلْمَةَ بْنِ الْاَكْوَعِ أَتَى النَّبِيَّ ﷺ عَيْنٌ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ وَهُوَ فِى سَفَرٍ فَجَلَسَ مَعَ أَصْحَابِهِ يَتَحَدَّثُ ثُمَّ انْفَتَلَ فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: أُطْلُبُوْهُ فَاقْتُلُوْهُ فَقَتَلْتُهُ. رواه البخارى

Dari Salmah bin Akwa' ia berkata: "Pernah datang kepada Nabi s.a.w. seorang mata-mata kaum musyrik sedang Rasulullah s.a.w. dalam perjalanan, lalu beliau duduk berserta sahabat-sahabatnya bercerita-cerita, kemudian ia pergi, maka Nabi s.a.w. bersabda: Carilah dia lalu bunuhlah, lantas aku membunuhnya."

(Riwayat Bukhari).

7. MENANAM MATA-MATA DIBENARKAN DALAM ISLAM KALAU UNTUK KEPENTINGAN ISLAM

Untuk mengetahui rahsia musuh, disuruh sekali menanam mata-mata di dalam negeri. Terutama daerah yang berdekatan dengan daerah musuh. Dengan adanya mata-mata itu, dapatlah diketahui gerak-geri musuh yang hendak membuat kerosakan terhadap umat Islam.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ يَوْمَ الْأَحْزَابِ: مَنْ يَأْتِنَا بِخَبَرِ الْقَوْمِ فَقَالَ الزُّبَيْرُ: أَنَا ـ قَالَهَا ثَلَاثًا ـ وَيُجِيْبُهُ الزُّبَيْرُ ثُمَّ قَالَ النَّبِيُّ ﷺ: إِنَّ لِكُلِّ نَبِيٍّ حَوَارِيٌّ وَإِنَّ حَوَارِيَّ الزُّبَيْرُ. رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. pada hari peperangan Ahzab (perang sekutu): "Siapakah yang sanggup memberikan rahsia musuh kepada kami?" Maka menjawab Zubair:

"Aku." Beliau mengulangi pertanyaan itu hingga tiga kali dan selalu dijawab oleh Zubair. Kemudian bersabda Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya bagi tiap-tiap Nabi ada pembantunya, dan bahawasanya pembantuku ialah Zubair."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

BAB TAWANAN

Firman Allah s.w.t.:

يَآ أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِمَنْ فِى أَيْدِيْكُمْ مِنَ الْاَسْرَى إِنْ يَعْلَمِ اللهُ فِى قُلُوْبِكُمْ خَيْرًا يُؤْتِيْكُمْ خَيْرًا مِمَّا أُخِذَ مِنْكُمْ*

سورة الانفال اية ٧

Hai Nabi (Muhammad), katakanlah kepada orang-orang tawanan yang ada di dalam tanganmu, jika Allah mengetahui kebaikan hatimu, akan didatangkan-Nya kebaikan kepadamu pula, iaitu yang telah diambil-Nya daripadamu."

(Surah Al-Anfal ayat 70).

Tawanan ialah orang-orang kafir yang tertangkap di medan perang, lalu mereka dibawa ke markas untuk dipertimbangkan di hadapan panglima perang.

Orang-orang yang tertawan itu terbahagi atas dua bahagian:

1. Yang dengan sendirinya dihukumkan sebagai hamba. Mereka itu ialah kaum wanita dan anak-anak yang masih di dalam kandungannya.
2. Yang tidak dihukumkan sebagai hamba, iaitu laki-laki yang sudah baligh berakal. Mereka dapat dihukumkan sebagai hamba bila telah dipertimbangkan dan telah ada keputusan dari panglima.

1. KEPUTUSAN YANG BOLEH DIAMBIL OLEH PANGLIMA PERANG

Apabila semua tawanan itu telah diserahkan kepada panglima perang maka dialah yang akan memberi keputusan tentang tawanan-tawanan itu. Dia boleh memilih salah satu di antara:

1. Dibunuh,
2. Dijadikan hamba,
3. Dilepaskan,
4. Ditukarkan dengan tawanan-tawanan Islam (yang ditawan pihak mereka).

Firman Allah s.w.t.:

فَإِمَّا مَنًّا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَآءً حَتَّى تَضَعَ الْحَرْبُ أَوْزَارَهَا*

سورة محمد اية ٤

Adakalanya engkau lepaskan tawanan itu sesudah ditangkap, dan adakalanya boleh engkau terima tebusan daripadanya, sampai terjadi perletakan senjata. (Surah Muhammad, ayat 4).

Dalam perkara ini, wajiblah bagi imam (pemimpin perang) memperlakukan tawanan-tawanan itu menurut yang lebih menguntungkan bagi kaum Muslimin (bagi Islam), iaitu menurut fikirannya sendiri di antara salah satu yang empat macam di atas. Bila keuntungan itu belum kelihatan, bolehlah imam memenjarakannya buat sementara waktu. Tetapi bagi mereka yang masuk Islam sesudah ditawan terpeliharalah jiwanya, hartanya serta anak-anaknya dari hukum bunuh.

Anak-anak yang dapat dihukumkan Islam ialah:

1. Kerana salah seorang orang tuanya telah masuk Islam, ibu atau bapanya.
2. Kerana ia ditawan oleh orang Islam seorang diri,
3. Kerana ia didapati dalam agama Islam. (Telah dahulu keterangan dalam bab Luqatah).

2. PANDANGAN ISLAM TERHADAP ORANG YANG BUKAN ISLAM

Terhadap orang yang tidak beragama Islam, Islam memandang mereka sebagai berikut:

Pertama: *Kafir harbi,* ertinya orang kafir yang selalu menganggu dan membuat kekacauan terhadap umat Islam. Mereka inilah yang wajib diperangi sehabis-habisnya hingga fitnah dan kemusyrikan dapat dihilangkan.

Kedua: *Kafir zimmi,* ertinya orang-orang kafir yang telah tunduk di bawah perintah Islam dan mengaku akan memenuhi sya-

rat-syarat yang akan diberikan kepadanya, seperti membayar pajak dan sebagainya. Kepada orang itu dilakukan hukum-hukum Islam tentang soal-soal yang mengenai urusan kenegaraan. Adapun soal ibadat diberi hak menurut keyakinan mereka masing-masing.

Ketiga: *Kafir Mu'ahid,* ertinya kaum kafir yang telah mengadakan perjanjian bahawa mereka tidak akan mengangkat senjata terhadap kaum Muslimin selama masa perjanjian perletakan senjata berlaku, baik mereka itu berada dalam daerah yang telah ditaklukkan Islam mahupun tidak.

Keempat: *Kafir mustakmin,* ertinya orang-orang kafir yang datang dari daerah mereka untuk minta dilindungi, supaya jangan diganggu oleh orang Islam lain. Orang-orang itu haram membunuhnya selama ia dalam perjanjian hingga ia kembali ke daerahnya.

BAB RAMPASAN

Rampasan menurut istilah hukum Islam, mempunyai empat nama, iaitu: Ghanimah, Fai', Salab, dan Nafal.

Allah berfirman di dalam Al-Quran:

فَكُلُوْا مِمَّا غَنِمْتُمْ حَلَالاً طَيِّبًا وَاتَّقُوْا اللهَ إِنَّ اللهَ غَفُوْرٌ رَحِيْمٌ*

سورة الأنفال اية ٦٩

Maka makanlah olehmu rampasan yang kamu peroleh secara halal lagi baik, dan takutlah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.

(Sural Al-Anfal ayat 69).

1. GHANIMAH DAN PENGERTIANNYA

Ghanimah, ertinya rampasan yang berupa harta yang diambil dari orang kafir secara kekerasan di medan perang. Rampasan itu wajib dibahagi lima. Empat perlima dibahagikan untuk tentera dan panglima perang, kerana mereka yang lebih bersusah payah untuk memperolehnya. Yang empat perlima ini dibahagi pula, tiga perlima untuk pasukan berkuda dan seperlima untuk pasukan berjalan kaki. Setelah itu baru dibahagi-bahagikan kepada masing-masing anggota pasukan. Pasukan berkuda mendapat bahagian yang lebih be-

sar iaitu tiga bahagian, untuk orangnya satu bahagian dan dua bahagian buat kudanya, sebab biaya pemeliharaan kuda perang itu besar pula.

Keterangan:

عَنْ أَبِى عَمْرَةَ رَضِىَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَعْطَى لِلْفَرَسِ سَهْمَيْنِ وَلِكُلِّ إِنْسَانٍ سَهْمًا فَكَانَ لِفَارِسٍ ثَلَاثَةُ أَسْهُمٍ.

رواه ابو داود

Dari Abu Amrah r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah memberikan untuk kuda dua bahagian dan bagi tiap-tiap seorang satu bahagian, maka adalah jumlah bagi orang yang berkuda tiga bahagian.

(Riwayat Abu Daud).

Yang seperlima lagi dibahagi pula atas lima bahagian:

1. Untuk Allah dan Rasul,
2. Untuk karib kerabat Nabi,
3. Untuk anak-anak yatim,
4. Untuk orang miskin,
5. Untuk Ibnu sabil, ertinya orang-orang yang sedang terlantar di rantau, atau orang yang sedang dalam perjalanan jauh.

Firman Allah s.w.t.:

وَاعْلَمُوْا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَأَنَّ لِلّٰهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُوْلِ وَلِذِى الْقُرْبٰى وَالْيَتٰمٰى وَالْمَسَاكِيْنِ وَابْنِ السَّبِيْلِ.

سورة الأنفال اية ٤١

Dan ketahuilah, bahawa apa yang telah kamu rampas dari sesuatu, sesungguhnya seperlimanya bagi Allah, bagi Rasul-Nya, bagi kerabat karib, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan bagi Ibnu Sabil.

(Surah Al-Anfal ayat 41).

Menurut pengarang Al-Khzin, hak Allah dan Rasul pada masa sekarang hendaklah diserahkan kepada apa yang dapat menambahkan kekuatan Islam. Sedang kerabat karib Nabi, menurut pen-

dapat Abu Hanifah sekarang tidak ada lagi, maka boleh dialihkan kerabat karib, anak yatim, orang miskin dan ibnu sabil seperti yang disebut di atas.

Syarat-syarat menerima seperlima.

Disyaratkan bagi orang-orang yang akan menerima seperlima ialah:

1. Islam,
2. Baligh,
3. Berakal,
4. Merdeka,
5. Laki-laki.

Bila salah satu dari syarat-syarat itu tidak ada, umpamanya anak-anak dan perempuan yang turut berperang, mereka boleh juga diberi bahagian dari rampasan itu.

2. AL-FAI' DAN PENGERTIANNYA

Al-Fai', ertinya barang-barang yang didapati dari orang kafir dengan tidak bersusah payah. Iaitu seperti pajak, biaya cukai dan lain-lain. Semuanya didapati dari orang kafir tanpa peperangan.

Firman Allah s.w.t.:

وَمَا أَفَآءَ اللّٰهُ عَلٰى رَسُوْلِهٖ مِنْهُمْ فَمَآ أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَّلَا رِكَابٍ وَلٰكِنَّ اللّٰهَ يُسَلِّطُ رُسُلَهٗ عَلٰى مَنْ يَّشَآءُ وَاللّٰهُ عَلٰى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ*

سورة الحشر اية ٦

Dan apa saja harta rampasan fai' yang diberikan Allah kepada Rasul-Nya (dari harta benda) mereka, maka untuk mendapatkan itu kamu tidak mengerahkan seekor kuda pun dan (tidak pula) seekor unta pun tetapi Allah yang memberikan kekuasaan kepada Rasul-Nya terhadap siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

(Surah Al-Hasyr, ayat 6).

Harta fai' itu dibahagi atas lima bahagian dan diberikan kepada lima macam pula. Masing-masing yang lima macam itu mendapat seperlima:

1. Untuk Allah dan Rasul-Nya
2. Untuk kerabat (famili-famili) Rasul

3. Untuk anak-anak yatim
4. Untuk orang miskin dan
5. Untuk anak sabil (orang terlantar).

Jadi sama pembahagiannya dengan harta rampasan.

Firman Allah s.w.t.:

مَا أَفَآءَ اللّٰهُ عَلٰى رَسُوْلِهٖ مِنْ أَهْلِ الْقُرٰى فَلِلّٰهِ وَلِلرَّسُوْلِ وَلِذِى الْقُرْبٰى وَالْيَتٰمٰى وَالْمَسٰكِيْنِ وَابْنِ السَّبِيْلِ*

سورة الحشر اية ٧

Apa yang telah dianugerahkan Allah kepada Rasul-Nya dari penduduk negeri, maka adalah bagi Allah dan bagi Rasul-Nya, dan bagi yang mempunyai karib-karib (keluarga), dan anak-anak yatim, orang miskin dan ibnu sabil.

(Surah Al-Hasyar ayat 7).

Keterangan ayat ini adalah seperti keterangan dalam perkara ghanimah (rampasan).

3. SALAB DAN PENGERTIANNYA

Salab, ertinya sesuatu yang lekat di badan seseorang, seperti pakaian, senjata dan lain-lain yang dapat ditanggalkan ketika ia mati dalam peperangan.

Menurut Imam Syafii, salab ialah perkakas perang saja. Tapi Imam Ahmad mengatakan, salab ialah apa yang ada bersama seseorang selain binatangnya. Dalam peperangan melawan kaum kafir, salab orang yang terbunuh di antara musuh diberikan kepada siapa yang membunuhnya.

Keterangan:

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَضَى بِالسَّلَبِ لِلْقَاتِلِ وَلَمْ يُخَمِّسْهُ. رواه ابو داود وابن حبان

Dari Auf bin Malik, bahawa Nabi s.a.w. telah menetapkan memberikan salab kepada orang yang membunuh, dan tidak dibahagikan lima.

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Hibban).

Perbezaan antara ghanimah, fai' dan salab, ialah ghanimah dan fai' dibahagi lima, sedang salab dibulatkan bagi orang yang membunuh saja, yang lain tidak berhak mengambilnya. Pada hakikatnya, ghanimah, fai' dan salab itu adalah harta benda yang diambil dari orang kafir dengan cara yang berbeza-beza.

4. NAFAL DAN PENGERTIANNYA

Nafal ialah pembayaran khusus, setelah semua barang-barang rampasan dibahagi lima, yang akan diberikan kepada yang berhak menerimanya. Caranya ialah, bahawa sesudah rampasan dibahagi lima oleh panglima perang, dari bahagian masing-masing itu dipungut lagi, ada yang seperempat dan ada pula yang sepertiga, khusus untuk Allah dan Rasulullah.

Allah telah berfirman:

يَسْئَلُوْنَكَ عَنِ الْاَنْفَالِ قُلِ الْاَنْفَالُ لِلّٰهِ وَالرَّسُوْلِ*

سورة الأنفال اية ١

Mereka bertanya-tanya kepada engkau hai Muhammad, tentang nafal (rampasan). Katakanlah, Nafal itu ialah untuk Allah dan Rasul-Nya.

(Surah Al-Anfal ayat 1).

Dalam sebuah hadis dinyatakan pula:

عَنْ حَبِيْبِ بْنِ سَلْمَةَ رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يُنَفِّلُ الرُّبُعَ بَعْدَ الْخُمُسِ وَالثُّلُثَ بَعْدَ الْخُمُسِ إِنْ قَفَلَ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Habib bin Salmah r.a. ia berkata: Adalah Nabi s.a.w. mengambil seperempat sesudah seperlima, dan sepertiga sesudah seperlima bila ia telah kembali.

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Yang dimaksudkan untuk Allah dan Raşul ini, ialah untuk keperluan umum dalam negara, dan bukan untuk diri beliau.

5. PAJAK

Pajak, ertinya harta (wang) yang dikeluarkan oleh kafir zimmi dengan akad yang tertentu untuk memelihara (menjamin) harta dan jiwa raga mereka dari ganguan perang. Sebab dengan pembayaran pajak itu dibuktikannya, bahawa mereka betul-betul mahu tunduk di bawah pemerintah Islam. Dalam keadaan yang begini haramlah hukumnya membunuh dan mengganggu mereka, sebagaimana haram hukumnya membunuh dan mengganggu orang Islam.

Dengan pembayaran pajak itu, maka harta, diri dan kehormatan diri mereka terpelihara dan terjamin dalam negara.

Firman Allah s.w.t.:

قَاتِلُوْا الَّذِيْنَ لاَ يُؤْمِنُوْنَ بِاللهِ وَلاَ بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلاَ يُحَرِّمُوْنَ مَا حَرَّمَ اللهُ وَرَسُوْلُهُ وَلاَ يَدِيْنُوْنَ دِيْنَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِيْنَ أُوْتُوْ الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوْا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُوْنَ*

سورة التوبة اية ٢٩

Perangilah orang-orang yang tidak mahu percaya kepada Allah dan tidak pula dengan hari yang akhir, dan mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan mereka tidak mahu berperang dengan agama yang benar, iaitu di antara orang-orang yang didatangkan kitab, hingga mereka mahu membayar pajak dengan jalan terpaksa, sedang mereka harus tunduk di bawah perintah.

(Surah At-Taubah ayat 29).

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمٰنِ بْنِ عَوْفٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ أَخَذَ الْجِزْيَةَ مِنْ مَجُوْسِ هَجَرَ.

رواه البخارى وابو داود

Dari Abdul Rahman bin Auf, bahawasanya Nabi s.a.w. telah mengambil pajak dari kaum Majusi (di) Hajar.

(Riwayat Bukhari dan Abu Daud).

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَ النَّبِيُّ ﷺ خَالِدَ بْنَ الْوَلِيْدِ إِلَى أُكَيْدِرِ دَوْمَةَ فَجَاءُوْا بِهِ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ فَحَقَنَ دَمَهُ وَصَالَحَهُ عَلَى الْجِزْيَةِ. رواه ابو داود

Dari Anas r.a. ia berkata: "Telah diutus oleh Nabi s.a.w. Khalid bin Walid kepada raja Ukaidir di Daumah, kemudian mereka datang bersama-sama dengan dia kepada Nabi s.a.w., lalu Rasulullah menjamin keselamatannya dan didamaikan dengan jalan membayar pajak."

(Riwayat Abu Daud).

Dapat difahamkan, bahawa pajak ini ialah untuk memberi tanda pengakuan, bahawa orang akan tunduk di bawah undang-undang dan peraturan negara Islam. Dan mereka akan mendapat hak penuh sebagai warganegara.

6. UKURAN PAJAK SETIAP KEPALA

Berapa banyaknya pajak tiap-tiap kepala, tergantung kepada kehendak pemerintah. Dalam hal ini, bahawa yang sebaik-baiknya, ditentukan dengan jalan mengetahui jumlah penghasilan atau ditentukan dengan melihat kaya atau miskin seseorang. Oleh sebab itu, pemerintah perlu mengetahui jumlah penghasilan semua warganegara.

Di mana Rasulullah s.a.w. menyatakan, bahawa tiap-tiap orang dikenakan pajak sebanyak 1 (satu) dinar, atau yang seharga dengan itu.

Dalam hadis dinyatakan:

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَنِي رَسُوْلُ اللهِ إِلَى الْيَمَنِ وَأَمَرَنِي أَنْ أَخُذَ مِنْ كُلِّ حَالِمٍ دِيْنَارًا أَوْ عِدْلَهُ مَعَافِرِيًّا.

رواه ابو داود وابن ماجة

Dari Muaz bin Jabal r.a. ia berkata: "Telah diutus aku oleh Rasulullah s.a.w. ke negeri Yaman, dan disuruhnya aku memungut dari

tiap-tiap orang laki-laki yang telah baligh sedinar atau yang seharganya dengan kain Ma'afir."

(Riwayat Abu Daud dan Ibnu Majah).

Keterangan lain ditambahkan pula:

عَنْ مُجَاهِدٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُ سُئِلَ مَا شَأْنُ أَهْلِ الشَّامِ عَلَيْهِمْ أَرْبَعَةُ دَنَانِيْرَ وَأَهْلُ الْيَمَنِ عَلَيْهِمْ دِيْنَارٌ قَالَ: جُعِلَ ذٰلِكَ مِنْ قِبَلِ الْيَسَارِ. رواه البخارى

Dari Mujahid r.a. bahawa ia pernah ditanya orang tentang penduduk Syam dalam perkara pajak yang diwajibkan atas mereka, iaitu empat dinar, dan kepada penduduk Yaman diwajibkan atas mereka satu dinar. Ia berkata: Diputuskan demikian itu, melihat kaya miskin orang.

(Riwayat Bukhari).

Rukun Dan Syarat Pajak

Pertama: Ada orang yang memberi akad. Disyaratkan bagi orang yang memberi akad haruslah imam atau wakilnya.

Kedua: Orang yang diberi akad. Disyaratkan yang diberi akad itu: 1. Merdeka, 2. Laki-laki, 3. Baligh 4. Sudah berakal.

Ketiga: Tempat. Disyaratkan tempat itu selain Mekah dan Madinah dan daerah sekitarnya, seperti Taif daerah Mekah atau Khaibar (daerah Madinah) dan sebagainya, sebab daerah-daerah itu haram didiami oleh orang kafir.

Keempat: Harta benda. disyaratkan sekurang-kurang 1 dinar atau lebih, dibayar setiap tahun bagi jiwa masing-masing.

7. AL-USYUR (Cukai)

Yang dimaksudkan ialah cukai yang diambil dari barang-barang import dan eksport, yang masuk dan yang keluar dari negara Islam. Menurut hukum Islam, cukai ini hanya dibebankan kepada orang-orang kafir yang menjadi warganegara Islam seperti Yahudi, Nasrani, Majusi dan lain-lainnya.

Banyak usyur itu, ialah 10 (sepuluh) persen dari seluruh harga barang-barangnya, buat dimasukkan ke dalam tabung Negara Islam. Sedang orang Islam tidak dibebankan membayar cukai,

sebab mereka sudah dibebankan mengeluarkan zakat, antara lain zakat harta dan lain-lainnya.

Keterangan menyatakan:

عَنْ حَرْبِ بنِ عُبَيْدِ اللهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ أَبِى أُمِّـهِ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: إِنَّـمَا الْعُشْـرُ عَلَى الْيَهُوْدِ وَالنَّصَارَى وَلَيْسَ عَلَى الْمُسْلِمِيْنَ عُشْرٌ. رواه ابو داود

Dari Harab bin Ubaidillah, dari bapanya, dari datuknya iaitu bapa dari ibunya, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Hanya usyur itu dibebankan ke atas orang Yahudi dan Nasrani, dan Usyur itu tidak dibebankan keatas orang Islam."

(Riwayat Abu Daud).

Cukai ini baru wajib dibebankan di atas mereka bila mereka telah membuat janji untuk membayar pajak.

Demikian pendapat Imam Syafii dan segolongan ulama.

BAB AJARAN ISLAM ADALAH TINGGI

Peraturan dan ajaran agama Islam itu adalah tinggi, malah tidak boleh di atasi oleh ajaran-ajaran agama lain. Oleh sebab itu umat Islam wajib mempertahankan ketinggian ajaran agamanya. Dalam hal ini ialah dengan mengikut dan mengamalkan ajaran kitabullah Al-Quran dan hadis Nabi-Nya:

Rasulullah s.a.w. bersabda:

عَنْ عَائِذِ بْنِ عَمْرٍو الْمُزَنِّى عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: اَلْاِسْلَامُ يَعْلُوْ وَلاَ يُعْلَى عَلَيْهِ. رواه الدار قطنى

Dari Aiz bin Amr Al-Muzanni, dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Islam itu tinggi dan tidak dapat diatasi."

(Riwayat Daruqutni).

Dengan demikian Islam melindungi segala agama dan kepercayaan, dan tidak ada yang boleh melindungi selain Allah.

1. AL-MUHADANAH (Perletakan senjata)

Yang dimaksudkan ialah perdamaian yang dibuat oleh pemimpin perang, untuk meninggalkan peperangan dalam waktu yang ditentukan bersama. Yang dimaksudkan dalam hal ini ialah, pemimpin perang Islam membuat perjanjian dengan pemimpin perang kafir selama waktu yang ditentukan, baik dengan syarat mahupun tidak.

Firman Allah s.w.t.:

وَإِنْ جَنَحُوْا لِلسَّلْمِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ.

سورة الأنفال اية ٦١

Apabila mereka suka berdamai, hendaklah engkau suka pula seraya berserah diri kepada Allah, kerana Ia mendengar lagi mengetahui.

(Surah Al-Anfal ayat 61).

Membuat perjanjian perletakan senjata itu (muhadanah), dibolehkan menurut hukum Islam kalau imam (pemimpin negara) berpendapat, bahawa muhadanah itu dapat menguntungkan kepada Islam. Antara lain untuk mengumpulkan dan mencari kekuatan baru untuk perang kalau ada yang diperlukan. Menurut Imam Syafii, dibolehkan mengadakan muhadanah asal jangan melebihi dari apa yang telah dilakukan Nabi s.a.w.

Keterangan lain menyatakan:

عَنِ الْمِسْوَرِ بْنِ مَخْرَمَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّهُمْ اِصْطَلَحُوْا عَلَى وَضْعِ الْحَرَبِ عَشْرَ سِنِيْنَ يَأْمَنُ فِيْهِنَّ النَّاسُ وَعَلَى أَنَّ بَيْنَنَا عَيْبَةً مَكْفُوْفَةً وَأَنَّهُ لَا إِسْلَالَ وَلَا إِغْلَالَ.

رواه ابو داود

Dari Miswar bin Makhzamah r.a. bahawa mereka (ahli Mekah) telah berdamai untuk menghentikan perang selama sepuluh tahun, yang manusia dapat aman selama itu, dan bahawa antara kita ada satu perjanjian yang mengikat, dan sesungguhnya selama itu tidak boleh mencuri dan tidak boleh khianat.

(Riwayat Abu Daud).

2. SYARAT DAN RUKUN MUHADANAH

1. Akad, disyaratkan yang membuat akad itu ialah imam atau wakilnya.
2. Masa, disyaratkan masa berlakunya sebanyak-banyaknya empat bulan kalau umat Islam masih kuat, dan sepuluh tahun kalau umat Islam lemah.
3. Lafaz, seperti: Aku adakan perdamaian dengan kamu dengan jalan meletakkan senjata dalam masa sekian lama.

Keterangan:

عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: لَمَّا أُحْصِرَ النَّبِيُّ ﷺ عَنِ الْبَيْتِ صَالَحَهُ أَهْلُ مَكَّةَ عَلَى أَنْ يَدْخُلَهَا فَيُقِيْمَ بِهَا ثَلَاثًا وَلَا يَدْخُلُهَا إِلَّا بِجُلُبَّانِ السِّلَاحِ اَلسَّيْفِ وَقِرَابِهِ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Al-Bara' r.a. ia berkata: "Tatkala Nabi s.a.w. dikepung orang untuk memasuki Kaabah (di Mekah), Nabi membuat perdamaian dengan ahli Mekah supaya beliau boleh masuk ke Mekah, lalu beliau tinggal di Mekah selama tiga hari, dan beliau tidak dapat masuk ke Mekah melainkan dengan meletakkan senjata, iaitu pedang dalam sarungnya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis ini mengandung dua macam perdamaian:

Pertama: Perdamaian bahawa Rasulullah akan tinggal di Mekah selama tiga hari.

Kedua: Perdamaian perletakan senjata, sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis Al-Miswar Al-Makhzamah di atas.

Berkata Imam Syafii dalam kitab "AL-UM juz IV": Bila sesuatu kaum dari orang musyrik meminta muhadanah, maka oleh imam boleh memberi muhadanah, atas dasar pertimbangan yang menguntungkan bagi umat Islam. Iaitu, kerana mengharap supaya mereka masuk Islam atau mereka mahu membayar pajak, tanpa dengan diberi perbelanjaan. Dan imam tidak boleh memberi mereka muhadanah bila dalam perjanjian itu tidak ada sesuatu pertimbangan. Dalam hal ini, imam tidak boleh memberi Muhadanah lebih banyak dari empat bulan, kalau didasarkan membayar pajak.

Allah telah berfirman di dalam Al-Quran:

بَرَآءَةٌ مِنَ اللهِ وَرَسُوْلِهِ إِلَى الَّذِيْنَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ
فَسِيْحُوْا فِى الْاَرْضِ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَاعْلَمُوْا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِى
اللهِ وَأَنَّ اللهَ مُخْزِى الْكَافِرِيْنَ * وَأَذَانٌ مِنَ اللهِ وَرَسُوْلِهِ إِلَى
النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْاَكْبَرِ أَنَّ اللهَ بَرِيْءٌ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ وَرَسُوْلُهُ
فَإِنْ تُبْتُمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ* سورة التوبة اية ١ - ٣

Adalah kebebasan dari Allah dan Rasul-Nya kepada orang musyrik yang telah pernah mengadakan perjanjian dengan kamu. Oleh sebab itu, berjalanlah kamu di muka bumi selama empat bulan. Dan ketahuilah olehmu, bahawa kamu tidak dapat melemahkan Allah, dan sesungguhnya Allah itu akan memberikan kehinaan kepada orang-orang kafir itu. Dan pemberitahuan daripada Allah dan Rasul-Nya kepada manusia pada hari haji Akhbar. Iaitu, bahawa Allah dan Rasul-Nya bebas tanggungjawab dari orang-orang musyrik, maka jika kamu bertaubat, maka itulah yang lebih baik bagimu.

(Surah At-Taubah, ayat 1–3).

Berkata Syafii selanjutnya:

"Waktu tentera Islam telah kuat, Allah menurunkan ayat-Nya kepada Rasulullah s.a.w."

بَرَآءَةٌ مِنَ اللهِ وَرَسُوْلِهِ* سورة التوبة اية ١

Kebebasan daripada Allah dan Rasul-Nya.

(Surah At-Taubah, ayat 1).

Waktu kembalinya dari perang Tabuk – oleh Rasulullah, dengan ayat ini diutusnya Ali bin Abu Talib, buat dibacakannya kepada manusia waktu musim haji. Sehingga wajiblah hukumnya, bahawa masa muhadanah tidak boleh diberikan kepada seseorang melainkan hanya selama empat bulan.

(Demikian Al-Um).

Inilah alasan, bahawa kalau umat Islam telah kuat, tidak boleh muhadanah lebih dari empat bulan.

3. PERJANJIAN-PERJANJIAN YANG DAPAT MENJAMIN KEAMANAN ORANG KAFIR

Akad perjanjian yang dapat menjamin keamanan orang kafir dalam negara Islam, ada tiga macam jalan: lan:

Pertama: Cara membayar pajak, sudah dahulu keterangannya.

Kedua: Cara membuat perdamaian dan muhadanah, sudah dahulu pula keterangannya.

Ketiga: Cara meminta jaminan keamanan, kalau mereka meminta jaminan waktu terkepung.

Menurut hukum Islam, bila orang-orang kafir itu meminta supaya keamanan jiwa dan hartanya dijamin, maka wajib hukumnya memberi jaminan kepada mereka.

Allah berfirman:

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلَامَ اللهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ. سورة التوبة اية ٦

Dan jika salah seorang dari orang-orang musyrik itu meminta perlindungan kepada engkau, berilah dia perlindungan sampai ia mendengar perkataan Allah, kemudian sampaikanlah dia ke tempat yang aman buat dia."

(Surah At-Taubah, ayat 6).

Dari semua peraturan-peraturan di atas dapat difahamkan, bahawa ajaran Islam selalu menjamin hak-hak warganegara, selama mereka tidak mengganggu dan selama mereka patuh dan taat di bawah undang-undang Islam.

BAB PERLUMBAAN

1. ERTI PERLUMBAAN

Berlumba ertinya berpacu atau menguji kepandaian. Pekerjaan ini dibolehkan dalam agama. Sebab perlumbaan itu adalah semacam latihan yang dipuji dan berguna dalam medan peperangan waktu berhadapan dengan musuh.

Perlumbaan yang biasa dilakukan di zaman Nabi, adalah sebagai berikut:

Pertama: Perlumbaan menunggang kuda atau berpacu kuda.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: سَابَقَ النَّبِيُّ ﷺ بَيْنَ الْخَيْلِ الَّتِى قَدْ أُضْمِرَتْ فَأَرْسَلَهَا مِنَ الْحَفْيَاءِ وَكَانَ أَمَدُّهَا ثَنِيَّةَ الْوَدَاعِ وَسَابَقَ بَيْنَ الْخَيْلِ الَّتِى لَمْ تُضْمَرْ مِنَ الثَّنِيَّةِ إِلَى مَسْجِدِ بَنِى زُرَيْقٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ فِيْمَنْ سَابَقَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. ia pernah berkata: "Pernah Nabi s.a.w. berlumba berpacu kuda dan kuda beliau itu sungguh-sungguh telah beliau andam, lalu beliau lepaskan dari Hatya' dan kesudahannya Saniyah Wada'. Dan pernah pula Nabi s.a.w. memperlumbakan kuda beliau antara kuda-kuda jantan yang kudanya itu tidak diandam lebih dahulu, mulai dari Saniyah hingga masjid Bani Zuraiq. Dan adalah Ibnu Umar ada dalam orang yang berlumba."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maksudnya agar kuda yang akan berpacu itu diandam lebih dahulu hingga gemuk. Kemudian diberi rumput sedikit-sedikit hingga badannya ringan dibawa lari.

Kedua: Perlumbaan menunggang unta atau perlumbaan berpacu unta.

Keterangan:

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ لِلنَّبِيِّ ﷺ نَاقَةٌ تُسَمَّى الْعَضْبَاءَ لاَ تُشْبَقُ فَجَاءَ أَعْرَابِيٌّ عَلَى قُعُوْدٍ فَسَبَقَهَا.

رواه البخارى والنسائى

Dari Anas r.a. berkata: "Adalah Nabi s.a.w. mempunyai seekor unta betina, yang bernama Al-Adhba' (sebelah telinga dilubang-

kan), yang tidak pernah didahului. Lalu datang seorang Arab membawa seekor unta gadis, lalu didahuluinya unta Rasulullah s.a.w. tadi."

(Riwayat Bukhari dan Nasai).

Ketiga: Perlumbaan memanah, ertinya perlumbaan menembak dengan panah atau dengan peluru dan sebagainya, yang bermanfaat untuk perang.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ يَقُوْلُ: وَأَعِدُّوْا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ أَلَا إِنَّ الْقُوَّةَ الرَّمْيُ.

رواه مسلم وابو داود

Dari Uqbah bin Amir r.a. ia berkata: Pernah aku mendengar Nabi s.a.w. sedang di atas mimbar bersabda: "Dan sediakanlah olehmu untuk menghadapi kekuatan mereka apa yang dapat kamu usahakan. Ketahuilah, bahawa kekuatan itu ialah memanah. Ketahuilah bahawa kekuatan itu ialah memanah. Ketahuilah bahawa kekuatan itu ialah memanah."

(Riwayat Muslim dan Abu Daud).

Diharuskan berlatih, menembak dengan panah, menembak dengan peluru, mengadakan latihan di udara dengan kapal terbang, atau dalam laut dengan kapal selam. Sebab maksudnya persediaan untuk perang.

Keempat: Perlumbaan berlari atau berjalan.

Keterangan menyatakan:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهَا قَالَتْ: كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ ﷺ فِيْ سَفَرٍ فَسَابَقْتُهُ فَسَبَقْتُهُ عَلَى رِجْلَيَّ فَلَمَّا حَمَلْتُ اللَّحْمَ سَابَقْتُهُ فَسَبَقَنِيْ فَقَالَ هٰذِهِ بِتِلْكَ السَّبْقَةِ.

رواه ابو داود

Dari Aisyah r.a. ia berkata: "Pernah aku berserta Nabi s.a.w. dalam satu perjalanan. Lalu aku berlumba lari dengan beliau, maka aku mendahului lari beliau. Maka waktu aku membawa daging, aku pernah pula berlumba dengan beliau, lalu beliau mendahului aku. Lalu beliau bersabda: Ini dengan sebab berlumba."

(Riwayat Abu Daud).

2. SYARAT-SYARAT MENGADAKAN PERLUMBAAN

Disyaratkan bahawa perlumbaan itu diadakan dalam jarak yang tertentu sama ada berlumba memacu kuda atau unta. Kalau berlumba memanah atau menembak, ditentukan jarak dan caranya.

Boleh memberi hadiah.

Dalam perlumbaan berpacu atau menembak boleh diberi hadiah atau barang yang telah disediakan untuk itu, dengan syarat-syarat bahawa hadiah itu datang:

1. Dari imam atau pemerintah.
2. Dari seseorang atau
3. Dari salah seorang yang turut berlumba itu, dengan syarat, kalau dia berkata umpamanya: Jika aku mendahuluimu, maka tidaklah perlu engkau membayar kepadaku. Dan apabila engkau yang mendahuluiku maka aku akan membayar sekian dan lain-lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ سَبَقَ إِلاَّ فِى خُفٍّ أَوْ حَافِرٍ أَوْ نَصْلٍ. رواه ابو داود والترمذى

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Tidaklah boleh memberikan hadiah untuk berlumba, kecuali dalam perlumbaan unta, kuda atau perlumbaan dengan anak panah."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Tetapi kalau harta itu datangnya dari kedua belah pihak, tidaklah dibolehkan oleh agama. Kerana yang demikian termasuk judi. Seperti dikatakan oleh seseorang kepada kawannya: Kalau engkau

yang dahulu (menang), saya yang akan membayar, dan kalau aku dahulu (menang) engkaulah yang akan membayar.

Cara yang begini tidak sah dalam agama, sebab dianggap judi. Kecuali kalau ada yang menghalalkan, ertinya yang ketiga. Dengan syarat bahawa yang ketiga itu tidak diyakini pasti akan dahulu kerana besar atau kuat dan lain-lain.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْـهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ أَدْخَلَ فَرْسًا بَيْنَ فَرْسَيْنِ وَهُوَ لاَ يَأْمَنُ أَنْ يُسْبَقَ فَلاَ بَأْسَ بِهِ فَإِنْ أَمِنَ فَهُوَ قُمَارٌ. رواه أحمد وأبو داود

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang memasukkan kuda antara dua ekor kuda, dan kuda itu belum dipercayai bahawa ia yang akan dahulu, maka tidaklah mengapa, tetapi jika diyakini dia yang akan menang maka itu adalah masuk judi."

(Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

3. MENGADU BINATANG

Mengadu binatang haram hukumnya dalam Islam. Sebab menganiaya binatang yang tak bersalah. Tambahan pula, pekerjaan itu adalah pekerjaan yang sia-sia, yang tidak ada faedahnya.

Keterangan menyatakan:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: نَهَى النَّبِيُّ ﷺ عَنِ التَّحْرِيْشِ بَيْنَ الْبَهَائِمِ. رواه ابو داود والترمذى

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: "Telah dilarang oleh Nabi s.a.w. mengadu binatang-binatang."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

Dapat disimpulkan, bahawa mengadu binatang-binatang, seperti mengadu ayam, burung, anjing dan lain-lain, sangat dilarang oleh agama.

BAB MERDEKA

1. ERTI MERDEKA

Merdeka ertinya tidak ada yang merintangi atau hidup dengan kemahuan sendiri. Menurut istilah syarak ialah menghilangkan sifat hamba dari manusia dengan lafaz tertentu, hingga ia jadi orang yang merdeka.

Firman Allah s.w.t.:

فَلَا اقْتَحَمَ الْعَقَبَةَ * وَمَآ أَدْرَاكَ مَا الْعَقَبَةُ * فَكُّ رَقَبَةٍ أَوْ إِطْعَامٌ فِي يَوْمٍ ذِي مَسْغَبَةٍ * يَتِيمًا ذَا مَقْرَبَةٍ أَوْمِسْكِينًا ذَا مَتْرَبَةٍ*

سورة البلد اية ١٤ - ١١

Maka tidaklah manusia itu suka menempuh jalan yang susah. Tahukah engkau, apakah jalan yang susah itu. Iaitu memerdekakan hamba atau memberi makan orang miskin pada hari kelaparan, kepada anak-anak yatim yang ada hubungan kerabat atau orang miskin yang sangat fakir.

(Surah Al-Balad ayat 11 – 14).

Sah memerdekakan, bila ada yang memerdekakan itu "Mutlak tasaruf" ertinya ahli milik, sekalipun yang memiliki itu orang kafir. Tetapi tidaklah sah bila yang memerdekakan itu masih anak-anak atau orang gila (mahjur) dan orang-orang yang tidak mempunyai hak milik.

Memerdekakan itu boleh dengan lafaz yang sharih (terang) dan boleh pula dengan lafaz kinayah (sindiran). Lafaz yang sharih iaitu: "Telah aku memerdekakan engkau" atau "Engkau telah merdeka." Dan lafaz kinayah iaitu: "Engkau bukan milikku lagi" atau: "Telah hilang milikku daripada engkau" dan lain-lain.

2. MERDEKA ANAK DAN BAPA

Bapa tidak boleh memperhamba anaknya. Sebaliknya anak pun tidak pula boleh memperhamba bapanya. Bila ada seorang anak telah menjadi hamba di tangan orang lain kemudian dibeli oleh bapanya (ditebusinya) maka anak itu telah merdeka dengan

sendirinya, dengan tidak perlu mengucapkan lafaz tersebut itu di atas, begitu juga sebaliknya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: لاَ يَجْزِى وَلَدٌ وَالِدَهُ إِلاَّ أَنْ يَجِدَهُ مَمْلُوْكًا فَيَشْتَرِيْهِ فَيَعْتِقَهُ. رواه مسلم

Dari Abu Hurairah r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Belumlah menyamai (mengimbangi) anak akan bapanya melainkan apabila diperolehnya bapanya itu dalam keadaan hamba, lalu dibelinya, lantas dimerdekakannya."

(Riwayat Muslim).

Berkata ulama mazhab Syafii: Sesiapa yang memiliki salah seorang dari kedua ibu bapanya atau anaknya, maka orang itu telah merdeka dengan semata-mata membeli atau menebusnya.

Keterangan lain:

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: مَنْ مَلَكَ ذَا رَحِمٍ مَحْرَمٍ فَهُوَ حُرٌّ.

رواه ابو داود والترمذى

Dari Samurah bin Jundub r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang memiliki seseorang yang haram dinikahinya, maka orang itu telah merdeka."

(Riwayat Abu Daud dan Tirmizi).

3. HAMBA SYARIKAT

Seseorang hamba yang dimiliki bersama, kemudian salah seorang dari pemilik itu memerdekakan bahagiannya, maka kemerdekaannya harus berlaku keseluruhannya, dengan syarat jika yang memerdekakan itu orang kaya. Dan ia wajib membayar kimat (harga) bahagian kawan-kawannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: مَنْ

أَعْتَقَ شَرِيْكًا لَهُ مِنْ مَمْلُوْكٍ فَعَلَيْهِ عِتْقُهُ كُلَّهُ إِنْ كَانَ لَهُ مَالٌ يَبْلُغُ ثَمَنَهُ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ عَتَقَ مِنْهُ مَا عَتَقَ.

رواه البخارى ومسلم

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Sesiapa yang telah memerdekakan seorang hamba yang dimiliki bersama, maka atasnyalah kemerdekaannya seluruhnya jika ia ada harta yang sampai seharga hamba itu. Tetapi apabila ia tidak ada harta, merdekalah daripadanya apa yang telah dimerdekakannya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Hamba yang semacam ini dinamakan "hamba-mubaadh, ertinya sebahagian tubuhnya dan sebahagian lagi hamba merdeka.

4. HAMBA MUKATAB

Firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِيْنَ يَبْتَغُوْنَ الْكِتَابَ مِمَّا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ فَكَاتِبُوْهُمْ إِنْ عَلِمْتُمْ فِيْهِمْ خَيْرًا* سورة النور اية ٣٣

Dan yang meminta surat-menyurat (kitabah) dari hamba-hambamu, maka surat menyuratlah dengan mereka, jika kamu mengetahui ada kebaikannya pada mereka.

(Surah An-Nur ayat 33).

Kitabah atau surat-menyurat yang dimaksudkan di sini, ialah suatu perjanjian kemerdekaan dalam jangka waktu tertentu di mana si hamba diberi kesempatan buat menebus dirinya dengan sejumlah wang (harta) yang tertentu pula.

Seperti kata seseorang kepada hambanya: "kalau engkau mendapat wang sekian banyak dalam waktu sebulan misalnya, lalu wang itu engkau serahkan kepadaku, maka engkau merdeka" dan lain-lain sebagainya.

Hukumnya sunat dengan syarat kalau diminta oleh hamba yang ada usaha lagi dipercayai permintaannya itu. Kalau ini tidak ada, hukumnya harus saja.

Sabda Rasulullah s.a.w:

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ عَنْ أَبِيْهِ عَنْ جَدِّهِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمْ عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: أَيُّمَا عَبْدٍ كَانَتْ عَلَى مِائَةِ أُوْقِيَّةٍ فَأَدَّاهَا إِلاَّ عَشَرَةَ أَوَاقٍ فَهُوَ عَبْدٌ وَأَيُّمَا عَبْدٍ كَاتَبَ عَلَى مِائَةِ دِيْنَارٍ فَأَدَّاهَا إِلاَّ عَشَرَةَ دَنَانِيْرَ فَهُوَ عَبْدٌ. رواه الترمذى وابو داود

Dari Amr bin Syuaib, dari bapanya, dari datuknya r.a. dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: "Seorang hamba yang membuat perjanjian atas seratus uqiyah, lalu dia membayarnya (semua) kecuali sepuluh uqiyah, maka hamba itu masih dinamakan hamba. Dan seorang hamba yang membuat perjanjian atas seratus dinar, lalu dia membayarnya (semua) kecuali sepuluh dinar, maka hamba itu masih dinamakan hamba."

(Riwayat Tirmizi dan Abu Daud).

Maksudnya kalau hamba yang berkitabah itu masih belum melungsaikan wang yang telah disyaratkan kepadanya, walaupun sebahagiannya telah dibayarnya hamba itu belum dapat dikatakan merdeka, kerana masih diikat oleh hutangnya.

Syarat-syarat Kitabah.

Disyaratkan sah mengkitabahkan seseorang hamba hendaklah:

1. Dengan lafaz yang menyatakan kitabah, seperti: "Aku kitabahkan engkau sebanyak $1000 secara ansuran dalam tempuh dua tahun misalnya, dan bila wang itu telah lungsai engkau bayar maka engkau merdeka. "Lalu diterima oleh hamba itu dengan katanya: "Aku terima kitabah yang demikian itu."
2. Ganti dari hutang atau manfaat yang dijanjikan, yang sifatnya terperinci, sekurang-kurangnya dua kali ansuran atau lebih dengan menyatakan ukuran dan sifat penggantinya itu serta bilangan perinciannya.

Bila gantinya itu telah diberikan oleh hamba, seperti membuat rumah atau kerja di kebun, maka mestilah penghulunya itu menghapuskan bila ada kekurangan-kekurangan yang tidak begitu banyak, gunanya ialah untuk menolong hamba itu.

Firman Allah s.w.t.:

وَأٰتُوْهُمْ مِنْ مَالِ اللهِ الَّذِيْ اٰتٰكُمْ* سورة النور اية ٣٣

Dan berikanlah olehmu kepada mereka harta Allah yang telah diberikan-Nya kepadamu."

(Surah An-Nur ayat 33).

Tidak boleh tuannya menfasahkan kitabah itu, melainkan kalau yang dikitabahkan itu tidak kuasa membayar menurut waktu yang telah ditentukan.

5. HAMBA MUDABBAR

Bila seseorang berkata kepada hambanya: "Bila aku meninggal, maka engkau merdeka" atau "Engkau merdeka setelah aku meninggal." Hamba itu yang demikian dinamakan "hamba mudabbar." Ertinya hamba itu baru memperoleh kemerdekaannya sesudah tuannya mati. Kemerdekaan yang begitu dibolehkan oleh agama.

Keterangan:

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ أَنَّ رَجُلًا مِنَ الْاَنْصَارِ أَعْتَقَ غُلَامًا عَنْ دُبُرٍ لَمْ يَكُنْ لَهُ مَالٌ غَيْرُهُ فَبَلَغَ ذٰلِكَ النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ: مَنْ يَشْتَرِيْهِ مِنِّى فَاشْتَرَاهُ نُعَيْمُ بْنُ عَبْدُ اللهِ بِثَمَانِمَائَةِ دِرْهَمٍ فَدَفَعَهَا إِلَيْهِ. رواه البخارى ومسلم

Dari Jabir r.a. bahawa seorang laki-laki kaum Ansar pernah memerdekakan seorang hamba sesudah ia mati, yang tidak ada baginya harta selain hamba itu, maka sampailah khabar itu kepada Nabi s.a.w. Lantas beliau bersabda: "Siapakah yang hendak membelinya daripadaku?" Maka dibelilah oleh Nuaim bin Abdullah dengan harga lapan ratus dirham, lalu diserahkanyalah wang itu kepadanya."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam hadis ini dinyatakan, bahawa boleh menggantungkan kemerdekaan itu sesudah mati, dengan tidak ada larangan dari

Nabi. Tetapi hamba itu diambil oleh Nabi, kerana dalam hadis lain dinyatakan bahawa yang empunya hamba itu ada hutang. Lalu dijual oleh Nabi hamba itu dan wangnya dipergunakan untuk membayar hutang tuannya.

Dengan ini dapat ditarik kesimpulan bahawa batallah hukum-hukum muddabar yang sudah dijual sebelum mati. Dan ia akan tetap hamba di tangan pembeli. Kalau hanya hamba itu saja yang jadi milik seseorang maka kemerdekaannya sesudah orang itu mati, hanya sepertiga dari hartanya sesudah hutangnya dibayar. Akan tetapi kalau harga hamba itu sama banyak dengan hutangnya, maka hamba itu tidak jadi merdeka. Dan hukum hamba mudabbar ketika penghulunya masih hidup, adalah seperti hamba qin (hamba biasa).

6. UMMUL WALAD

Bila seseorang merdeka telah mendukhul hambanya yang perempuan lalu hamba itu hamil kerananya, kemudian ia melahirkan anak, maka hamba itu dinamakan *ummul walad,* ertinya ibu anak. Dan ummul walad ini merdeka setelah tuannya meninggal dunia.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ:
أَيُّمَا أَمَةٍ وَلَدَتْ مِنْ سَيِّدِهَا فَهِيَ حُرَّةٌ بَعْدَ مَوْتِهِ.

رواه ابن ماجة والحاكم

Dari Ibnu Abbas r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w.: "Mana-mana hamba perempuan yang telah melahirkan anak kerana tuannya, maka hamba itu merdeka sesudah penghulunya itu meninggal."

(Riwayat Ibnu Majah dan Hakim).

Sekalipun hutangnya ada atau ia telah berwasiat, namun hamba itu tetap merdeka sesudah penghulunya meninggal. Dan anaknya pun turut pula merdeka, sekalipun ibunya meninggal sesudah itu, kerana ia mengikut kepada darjat ibunya.

Larangan menjual ummul walad

Hamba yang sudah jadi ibu anak, haram menjualnya atau memberikannya kepada orang lain, kerana perbuatan itu bererti memutuskan pertalian darah.

Keterangan:

عَنْ اِبْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ نَهَى عَنْ بَيْعِ أُمَّهَاتِ الْاَوْلَادِ وَقَالَ: لَا يُبَعْنَ وَلَا يُوْهَبْنَ وَلَا يُوْرَثْنَ يَسْتَمْتَعُ بِهَا السَّيِّدُ مَا دَامَ حَيًّا وَإِذَا مَاتَ فَهِيَ حُرَّةٌ.

رواه الدار قطنى

Dari Ibnu Umar r.a. dari Nabi s.a.w. bahawa beliau telah melarang menjual ibu anak (ummul walad), dan beliau bersabda: "Tidak boleh mereka dijual, diberikan dan tidak pula boleh diwariskan, yang dengan dia tuannya dapat bersenang-senang selama ia hidup, dan bila tuannya telah meninggal, maka ia menjadi orang yang merdeka."

(Riwayat Daruqutni).

7. KEUTAMAAN MERDEKAKAN HAMBA

Keutamaan memerdekakan hamba itu adalah sebagai yang telah dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam hadis berikut:

عَنْ أَبِى هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُوْلُ اللهِ ﷺ: أَيُّمَا امْرِءٍ مُسْلِمٍ أَعْتَقَ امْرَأً مُسْلِمًا إِسْتَنْقَذَ اللهُ بِكُلِّ عُضْوٍ مِنْهُ عُضْوًا مِنْهُ مِنَ النَّارِ

رواه البخارى ومسلم

Dari Abu Hurairah r.a. ia berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. "Sesiapa di antara orang muslim yang telah memerdekakan hamba yang muslim, Allah akan melepaskan tiap-tiap anggotanya dengan satu anggota hamba yang dimerdekakannya dari neraka."

(Riwayat Bukhari dan Muslim).

Maksudnya, Allah akan melepaskan sekalian anggota orang yang memerdekakannya itu, dengan anggota orang yang dimerdekakannya dari mereka.

Dengan selesainya bab memerdekakan hamba ini, selesailah pula kami menyusun risalah fiqh Islam dengan serba sederhana, menurut Mazhab Syafii. Sengaja disudahi risalah Fiqh Islam ini dengan bab memerdekakan hamba, lain tidak hanyalah sekadar mengharap semoga Tuhan memerdekakan pula penyusunnya dari seksaan kubur, mahsyar dan dari seksaan api neraka. Dan mudah-mudahan kami dituliskan Allah masuk ke dalam orang yang telah berbakti kepada-Nya, dan semoga kami dapat dikumpulkan-Nya bersama orang-orang yang mati syahid dan orang-orang salih di hari kemudian.

امين، امين يارب العالمين

والحمدلله رب العالمين